ISU-ISU DAKWAH SEMASA

E-PROSIDING SEMINAR ANTARABANGSA
DAKWAH & PEMBANGUNAN INSAN

15-16 MEI 2013

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN,
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

ISU-ISU
DAKWAH
SEMASA

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR		**i**
UCAPTAMA		**iii**
1	Manhaj Dakwah Oleh Syeikh Sa`id Hawwa Dalam Pembangunan Rabbani: Satu Sorotan Ringkas	**1**
2	Pemikiran Dakwah Dalam Tafsir Muhammad Asad	**17**
3	Memahami Pembesar Berdasarkan Surat-Surat Nabi S.A.W Kepada Pembesar Negara	**27**
4	Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis: Ketokohannya Dalam Dakwah Di Medan Sumatera Utara	**53**
5	Program Pembangunan Dakwah Bukan Pemerintah Dan Pemerintah Di Aceh	**71**
6	Agama Sebagai Terapi Salah Laku Seksual Dalam Kalangan Masyarakat Muslim: Analisis Menurut Perspektif Islam	**93**
7	Sikap Dan Kecekapan Budaya Para Pendakwah Terhadap Golongan Transgender	**115**
8	Ipt Islam Dan Pengguna Berhemah : Satu Analisa	**129**
9	Paradigma Motivasi Pembangunan Remaja Dari Perspektif Islam	**149**
10	Konsep Dakwah Melalui Politik Dalam Islam : Satu Sorotan	**167**
11	Kefungsian Keluarga Dan Konsep Kendiri Remaja Di Pusat Pemulihan	**193**

12	Penerimaan Program Dakwah Dalam Kalangan Orang Pekak Di Terengganu	**205**
13	Peranan Perubatan Islam Di Malaysia Sebagai Medium Dakwah Kepada Masyarakat	**227**
14	Isu Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan: Hubungkait Dengan Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam	**245**
15	Majalah Kaum Tua Dan Kaum Muda Di Malaysia: Perbincangan Mengenai Pendekatan Dakwah	**261**
16	Masalah Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Masjid Daerah Kerian Perak: Satu Kajian	**289**
17	Metodologi Dakwah Kepada Golongan Profesional Melayu: Kajian Di Pahang	**307**
18	Pendekatan Dakwah Menerusi Nilai Amanah Dan Amal Jama'i Dalam Kemahiran Kepimpinan: Model Kemahiran Insaniah Kementerian Pengajian Tinggi (2006)	**333**
19	Pendekatan Dakwah Profesional Ustaz: Satu Analisis	**345**
20	Pendekatan Media Dakwah Dalam Pendidikan Kanak-Kanak	**367**
21	Pendekatan Nasihat Yang Baik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Awal Kanak-Kanak Di Pasti Ummu Aiman Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Berkualiti	**385**
22	Habiburrahman El-Shirazy: Dari Pesantren Ke Sinetron	**405**

23	Pemerkasaan Dakwah Melalui Drama Melayu Di Malaysia	**423**
24	Pemerkasan *Jama'ah* Melalui Sistem Usrah : Sorotan Terhadap Penubuhan Pertubuhan Ikram Malaysia	**441**
25	Dakwah Siber: Etika Dan Akhlak	**455**
26	Dakwah Melalui Muzik *Edutainment*: Tumpuan Terhadap Nasyid Di Malaysia	**473**
27	Dakwah Terhadap Bukan Muslim Di Malaysia : Realiti Dan Cabaran	**487**
28	Komik Sebagai Medium Dakwah: Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Komik Aku Budak Minang	**503**
29	Da'wah Of Chastity And Modesty Observance And Its Impacts In The Human Spiritual Development In Quran And The New Testament: A Comparative Study	**517**
30	Pious Way To Development: *Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia* (Jim) And *Ihsani* Social Capital	**531**
31	Analyzing The Application And Practice Of The Principles Of Da'Wah In The Age Of Globalization	**563**
32	Shariah Legal System And Da'wah Influence On Muslim Female Students In Northern Nigerian Higher Educational Institutions	**609**
33	Halal Food Dilemmas: Case Of Muslims In British Columbia, Canada	**629**

Kata Pengantar

Perkembangan masa kini menunjukkan bahawa para ilmuwan dari pelbagai aliran dakwah dan pemikiran sedang bergerak dengan dakwah masing-masing berasaskan pemikiran dan metode yang pelbagai, demi untuk mencapai matlamat ke arah mengajak manusia dengan pelbagai keupayaan dan kekuatan. Dalam konteks ini, Islam secara pasti menyatakan bahawa dakwah adalah satu kemestian di atas sifatnya sebagai satu jalan utama untuk mengajak dan membimbing manusia dengan segala nilai kebaikan yang memberikan manfaat, di tambah lagi Islam adalah agama samawi. Justeru, dakwah adalah satu kemestian berasaskan kepada perlunya kepada satu proses pengembangan seluruh ilmu dakwah, termasuklah metodologi dan sebagainya, ditambah lagi betapa tugas dakwah adalah satu tugas yang wajib syarie.

Dalam konteks masa kini, terdapat perkembangan terhadap ilmu dakwah dan juga ilmu kemanusiaan dan dalam masa yang sama berlaku perkembangan dalam konteks metodologi penyelidikan, maka dalam situasi tersebut, Universiti Malaya menyedari bahawa terdapat keterikatan yang kuat di antara pengkhususan agama dengan pengkhususan ilmu praktikal yang pastinya akan menjadikan unsur-unsur keagamaan lebih berperanan dan memberikan input dalam konteks pembangunan kemanusiaan. Ianya lebih terserlah melalui penubuhan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan di Akademi Pengajian Islam, yang diharapkan akan dapat memberikan input atau sumbangan dalam kerangka memunculkan lebih banyak kerangka pengajian dan program secara praktikal dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Berpandukan kepada hal di atas, maka Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya setelah hampir 15 tahun kewujudannya, berhasrat untuk mendepani dalam langkah-langkah kemajuannya ke arah untuk merealisasikan pengembangan usaha dakwah Islam dan dengan tujuan untuk membangunkan program secara akademik melalui amalan penyelidikan, demi untuk mengangkat prestasi institusi dakwah termasuklah di pelbagai institusi pengajian seperti kolej dan universiti, bukan sahaja dalam konteks Malaysia bahkan dunia seluruhnya.

Lantaran itu, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan telah dilaksanakan pada 15 – 16 Mei 2013 sebagai satu usaha mencapai objektif utamanya iaitu;

1. Untuk mengembangkan kajian-kajian akademik dan dapatan kajian yang berkaitan dengan pengajian dakwah dan pengajian yang berkaitan dengan pembangunan Insan.
2. Untuk membuka ruang dan peluang kepada para penyelidik juga pakar-pakar dalam bidang dakwah dan pembangunan Insan bagi menambah ilmu pengetahuan dan cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan seminar yang diadakan.
3. Untuk mengenalkan dengan penemuan terkini yang berkaitan langsung dengan teknologi atau metodologi dakwah Islam semasa.
4. Untuk membantu dan mengembangkan pengalaman yang baru dan berjaya yang berkaitan dengan kajian dan kepakaran yang bermutu tinggi.
5. Untuk merangsang pakar-pakar dalam bidang dakwah dan pembangunan Insan dalam kerangka bertukar kepakaran yang dimiliki oleh mereka.

Terdapat 74 kertas kerja telah dibentangkan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan pelbagai isu yang berkait dengan isu-isu dakwah dan pembangunan insan. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dalam memahami fenomena semasa yang berkait dengan bidang dakwah dan pembangunan Insan.

Terima kasih

DR NORRODZOH HJ SIREN
Ketua
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
2013

UCAPTAMA

Prof Dr. Ab. Aziz Mohd Zin

STRATEGI DAKWAH DALAM MENDEPANI CABARAN SEMASA

Oleh:

Prof. Dr. Ab Aziz bin Mohd Zin[1]

PENDAHULUAN

Para rasul diutuskan secara bersiri dan yang terakhirnya Nabi Muhammad SAW, untuk memberitahu manusia bahawa hidup di dunia adalah satu peringkat yang sangat penting dalam keseluruhan peringkat-peringkat perjalanan yang dilalui oleh manusia. Peringkat dunia adalah peringkat ujian untuk menentukan kehidupan manusia selepasnya, sama ada mendapat kebahagiaan disebabkan kejayaan atau kecelakaan disebabkan kegagalan. Rasul diutus untuk menerangkan persiapan yang perlu dilakukan supaya selamat, untuk mengawasi daripada melakukan perkara yang membawa kepada kecelakaan di samping untuk memandu mereka ke arah pencapaian matlamat dengan sempurna.

Setelah Nabi terakhir, rasul untuk berbuat demikian tiada lagi. Maka, tanggungjawab tersebut terserah kepada golongan yang diberikan amanah untuk melakukannya. Namun, pelaksanaan tugas tersebut akan berhadapan dengan halangan tanpa henti, maka ia perlu dilakukan dengan suatu perancangan yang sangat mantap.

DAKWAH DAN STRATEGINYA

Secara mudah, dakwah bererti usaha untuk membangun tamadun ummah yang berpaksikan Islam, melalui pembentukan peribadi, masyarakat dan negara supaya berada dalam acuan Allah. Matlamatnya, untuk mendapat kesejahteraan dan rahmat Ilahi bagi kejayaan di dunia dan di akhirat. Dakwah merupakan perkara utama dalam Islam, kerana Islam bersumberkan wahyu, sama ada al-Quran atau al-Hadith, yang perlu diperkenalkan kepada masyarakat. Ajaran wahyu tidak akan sampai kepada masyarakat untuk dikenali dan diikuti kecuali melalui dakwah yang diusahakan dengan pelbagai cara dan bentuk. Hal ini supaya manusia berfungsi dengan baik dan potensinya perlu dibangunkan atau dipulihkan apabila mengalami kerosakan mengikut caranya yang sesuai. Dakwah memainkan peranannya dalam usaha pembangunan dan pemulihan dengan pelbagai cara dan bentuk

[1] Ketua Eksekutif, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan. Mantan Profesor Jabatan

mengikut panduan Ilahi. Dakwah membawa ke arah pencapaian matlamat manusia dihidupkan di dunia ini. Maka, dakwah sangat diperlukan.

Untuk membentuk manusia supaya selaras dengan kehendak Ilahi memerlukan tenaga dan usaha yang sesuai, dengan kesungguhan yang berpanjangan. Ia suatu usaha yang besar dan mulia, namun banyak halangannya. Maka, dakwah memerlukan strategi yang mantap untuk menjamin keberhasilan matlamatnya. Strategi dakwah bererti suatu perancangan yang teratur, dengan memperhitungkan pelbagai faktor, yang dilakukan untuk mencapai sesuatu matlamat dalam dakwah.

Sumber utama dalam strategi dakwah ialah al-Quran dan al-Hadith, yang diaplikasikan oleh Nabi SAW dalam sirah baginda. Maka ia menjadi panduan sepanjang zaman, kerana apa yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW melalui sirahnya susuai untuk diambilpakai di sepanjang masa dan tempat, mengikut kesamaan keadaan.

CABARAN SEMASA

Masyarakat Islam kini berada dalam satu situasi yang agak lemah untuk berhadapan dengan masyarakat bukan Islam, walaupun mereka sebenarnya mempunyai kekuatan yang tersimpan. Negara-negara Islam yang mempunyai kekayaan semula jadi masih tidak dapat melepaskan diri dari kawalan negara bukan Islam, maka kebebasannya masih terikat, apa lagi yang lemah kerana kemiskinan, keadaannya lebih terikat. Manakala masyarakat minoriti Islam tersepit dengan masalah kelemahan dan kemiskinan di celah-celah kekuatan ekonomi, politik dan pengaruh golongan majoriti.

Umat Islam kini masih gagal membawa contoh kepada masyarakat untuk memaparkan keistimewaan atau sebahagian daripada keistimewaan Islam yang diaplikasikan dalam kehidupan harian untuk menjadi bukti kepada kesucian dan ketinggian agama yang dianuti. Tidak seperti suatu ketika dahulu yang mereka berjaya melahirkannya untuk dilihat dengan nyata. Umat Islam sekarang berada pada tahap yang ditakuti oleh Nabi SAW akan berlaku, sebagaimana yang pernah baginda jelaskan bahawa sampai satu masa nanti orang Islam dilimpahi rezeki dan nikmat dunia lantas membelakangi kepentingan agama, yang akhirnya membawa kepada kebinasaan. Walaupun ketika itu bilangan orang Islam ramai, tetapi sangat

lemah untuk berhadapan dengan orang bukan Islam. Mereka sangat rapuh, seperti buih dalam air.

Walaupun ada sesetengah golongan dalam kalangan orang Islam yang sanggup mati atas nama perjuangan Islam, namun ternyata tindakan yang dilakukan itu tidak disertakan dengan unsur-unsur *fatanah* dan penyusunan perancangan yang mantap. Di samping itu, golongan ini seolah-olah golongan serpihan, sehingga banyak tindakan yang dilakukan hasilnya merugikan. Kefahaman mereka bahawa jihad itu ialah tindakan bersenjata atau berperang, sepertimana yang dilakukan oleh Nabi SAW, maka bagi mereka ia adalah satu sunnah yang perlu diikuti.

Secara umumnya, masalah masyarakat Islam kini adalah;

1. Daya jihad dan ketahanan diri yang lemah untuk mencapai matlamat hidup,
2. Kesatuan yang lemah, maka sering berpecah-belah atau membiarkan sahaja yang lain,
3. Bekerja dalam dakwah dengan kefahaman masing-masing yang dianggap itulah yang betul atau paling kurang yang terbaik,
4. Kurang perancangan yang jelas dalam sesuatu tindakan dakwah, apalagi suatu strategi yang sesuai.

Sedangkan, masyarakat Islam dikelilingi oleh masyarakat bukan Islam yang mempunyai;

1. Semangat dunia yang sangat tinggi, yang sangat sukar untuk menerima perkara-perkara yang melibatkan akhirat,
2. Kekuatan tentera dan ekonomi yang jauh mengatasi orang Islam,
3. Kekuatan *i`lam* yang sangat berpengaruh dan dipercayai,
4. Boleh bersatu sesama mereka jika ada kepentingan bersama untuk berhadapan dengan orang Islam yang dapat diselesaikannya dengan mudah,
5. Kekuatan usaha yang mudah mempengaruhi orang Islam.

Maka, cabaran semasa umat Islam ialah untuk;

1. Menjadi golongan terbaik dan dicontohi,
2. Menjadi golongan pemimpin sebagai khalifah di bumi,
3. Menjadi golongan yang membawa rahmat bagi alam.

Pencapaian sekarang yang sangat diperlukan oleh umat Islam yang diusahakan melalui dakwah bagi menghadapi cabaran tersebut ialah untuk berada pada tahap;

1. Hala tuju dan matlamat kehidupan yang jelas tanpa dapat digugat,
2. Kejujuran dan keyakinan dalam kerja,
3. Ketahanan diri yang tinggi dan kekuatannya,
4. Kesungguhan dengan semangat jihad dan *itqan* dalam kerja,
5. Kesatuan yang tak boleh dilerai,
6. Masyarakat terbaik dan dicontohi,
7. Mengurus-atur masyarakat dan negara dengan ketinggian karisma.

Maka, dakwah hari ini dilakukan dengan strateginya untuk melahirkan masyarakat Islam yang berada pada tahap tersebut. Sudah banyak usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak dalam dakwah untuk tujuan tersebut. Namun, hasilnya tidak sebagaimana yang diharapkan, maka usaha-usaha ke arah tersebut perlu terus diperbaiki. Gerakan dakwah Ikhwan yang bermula di Mesir, Muhammadiah yang bermula di Indonesia, Salafiah yang bermula di Pakistan, Tabligh yag bermula di India dan gerakan parti-parti Islam masih kurang mampu untuk mendepani cabaran semasa. Begitu juga usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh pihak kerajaan di negara-negara Islam masih dalam keadaan yang sama. Atas keadaan tersebut, setiap gerakan dakwah sama ada atas nama dakwah atau tidak memerlukan suatu transformasi menuju kecemerlangan dakwah, walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran. Kalau tidak, kedudukan dakwah akan terus berada pada keadaan yang lemah.

STRATEGI

Berdasarkan keperluan dakwah sepanjang masa, terutamanya keperluan masa kini, dengan cabaran dan segala halangan yang perlu ditempuh, maka usaha dakwah perlu dilakukan dengan strategi yang sesuai, sebagaimana

panduan terdahulu.

Nabi SAW mengatur strategi dari pelbagai sudut, terutamanya sudut tabligh dan sudut gerakan. Strategi yang diatur oleh Nabi SAW ialah;

1. Membina kepercayaan dan erti hidup di dunia,
2. Menentukan matlamat dan hala tuju untuk dilalui,
3. Membina kekuatan diri dan ketahanannya,
4. Membina ikatan persaudaraan,
5. Mempertingkat kualiti dan kuantiti pengikut,
6. Berahsia dan tiada tindakan balas semasa lemah,
7. Mencari pembantu-pembantu yang berpengaruh,
8. Mencari kebebasan untuk bergerak dan mengurangkan kekuatan musuh dengan mengadakan *tahaluf* dengan kumpulan-kumpulan tertentu,
9. Bergerak dalam keadaan sukar untuk dikesan,
10. Menimbang antara kekuatan diri dan kekuatan musuh sebelum bertembung.

Di samping itu, antara perkara yang ditekan oleh Nabi SAW untuk membantu gerakan dakwah baginda ialah mengambil faedah daripada;

1. Pengaruh *tabligh & i`lam* melalui, seperti al-Quran,
2. Pengaruh politik dan kepimpinan melalui, seperti Abu Talib,
3. Pengaruh ekonomi dan kekayaan, melalui seperti Khadijah dan Abu Bakar,
4. Pengaruh tokoh dan kewibawaan, melalui seperti Umar dan Ali.

Bagaimana orang Yahudi boleh menguasai Amerika, malah seluruh dunia? Apa kekuatan yang telah dibina? Sudah tentu, walaupun golongan minoriti, kaum Yahudi sejak dahulu mengutamakan pengaruh dalam politik dan kekuasaan, ekonomi dan harta, *i`lam* dan penyiaran, ketenteraan dan pertahanan, yang ditegakkan atas kepercayaan sebagai umat pilihan yang menerajui dunia.

Dari asas yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW boleh diambil-pakai apabila bersesuaian dengan keadaan. Persoalan pertama dalam hal ini ialah bagaimanakah keadaan masyarakat Islam dan bukan Islam kini? Keduanya,

apa yang hendak dicapai oleh masyarakat Islam, berdasarkan amanah dan tanggungjawab yang dipikul? Ketiga, apakah langkah dan program yang perlu diatur untuk mencapainya? Keempat, apakah masalah dan rintangan yang akan ditempuh untuk dibuat persiapan sebelumnya?

Maka, strategi dakwah hari ini perlu bergerak untuk membina kekuatan, yang paling utamanya ialah;

1. Kekuatan kepercayaan untuk menuju kepada suatu hala tuju,
2. Kekuatan ketahanan diri untuk menghadapi sebarang halangan,
3. Kekuatan jihad dan pengorbanan untuk terus berusaha dan bergerak bagi mencapai matlamat,
4. Kekuatan *ukhuwwah* untuk tidak boleh dipecah-pecahkan.

Sudut-sudut pada strategi dakwah ialah;

1. Sudut *tabligh* & penyampaian,
2. Sudut keutamaan kandungan untuk membina ketahanan,
3. Sudut persiapan tenaga,
4. Sudut gerakan.

STRATEGI DALAM TABLIGH & PENYAMPAIAN

Manusia lebih mudah tertarik dan terpengaruh kepada keselamatan, keamanan, keperluan, keuntungan, keistimewaan, keadilan, persamaan dan ketinggian. Manusia juga akan tertarik dan terpengaruh dengan apa yang menjadi harapannya. Maka, penyampaian dakwah dan kandungannya hendaklah disusunatur supaya mengandungi unsur-unsur tarikan tersebut, iaitu seperti;

1. Menjelaskan Islam agama suci yang diwahyukan

Islam adalah ajaran dari Pencipta alam ini. Ia bukan sekali-kali rekaan manusia. Ia agama wahyu, maka ia perlu diterima oleh manusia, walaupun terdapat pada sesetengah perkara agak sukar untuk difikirkan. Ia sesuatu yang tinggi dan istimewa. Maka, unsur-unsur tersebut perlu ditekankan dalam penyampaian mengenainya.

2. Memilih orang yang dipercayai dan istimewa

Orang yang membawa agama ini adalah orang yang tinggi kedudukan dan pengaruhnya. Dia orang yang istimewa, kerana kecerdikan dan karismanya.

Dia adalah benar dan dipercayai. Dia ikhlas dan jujur. Dia mempunyai kelebihan-kelebihan yang telah terbukti dalam masyarakatnya. Dia sekali-kali bukan dari golongan yang bodoh, kurang dan khianat. Pembawa agama Islam hendaklah ada unsur-unsur tersebut atau sebahagiannya yang perlu diberikan penonjolan untuk mendapat pengaruhnya.

3. Menonjolan Keperluan

Islam satu keperluan yang tidak ada pada yang lain (Surah 3: 19 dan 3: 85). Islam agama selamat, maka tanpanya akan membawa kepada kerosakan dan kecelakaan. Menonjolkan isu-isu tertentu dalam Islam yang diperlukan oleh manusia sejagat, sama ada untuk kepentingan di dunia ini atau di akhirat nanti, akan menjadi suatu daya tarikan. Keselamatan, keamanan, persamaan, keuntungan dan sebagainya menjadi tarikan kepada manusia. Surat Nabi SAW yang dihantar kepada Maharaja Rom untuk menyeru kepada Islam, antaranya disebut: "*masuklah Islam, kamu akan selamat*". Atau juga penonjolan yang dibenci, dibimbangi dan ditakuti. (ucapan Nabi SAW di Bukit Safa dikaitkan dengan serangan mengejut dari tentera musuh, supaya diambil perhatian dan dibimbangi dengan apa yang akan berlaku).

Keperluan juga apabila untuk melepaskan diri dari kecelakaan dan bahaya dengannya, seperti dari kesusahan di dunia, azab neraka, kemurkaan Pencipta dan sebagainya. (Surah 20: 124).

4. Mengambil peluang terhadap peristiwa (*al-tawqit*)

Sesuatu peristiwa dan kejadian yang berlaku hendaklah diambil peluang untuk menerapkan ajaran Islam, mengikut kesesuaiannya. Tercetusnya sesuatu peperangan, malapetaka, peristiwa, ketakutan, kegembiraan dan sesuatu yang di luar daripada kebiasaan hendaklah diambil peluang untuk diberikan penjelasan, penafsiran dan analisis yang menarik kerana orang ramai tertumpu ke arah tersebut.

5. Menyampai dengan keindahan bahasa dan kejayaan yang menyakinkan

Manusia tertarik kepada daya penyampaian yang baik. Al-Quran menggunakannya melalui bahasanya yang mengkagumkan dan berjaya membuat tarikan. Bahasa penyampaian yang cantik membawa kepada tarikan kepada apa yang disampaikan, yang perlu diatur dalam penyampaian dakwah kini.

Begitu juga dari sudut tarikan kepada kejayaan yang membawa kepada keyakinan. Apa yang dibina oleh Nabi SAW melalui kumpulan istimewa dengan keteguhan pegangan sehingga dapat menyakinkan orang lain

bahawa apa yang dikejar oleh kumpulan ini adalah sangat berharga yang mesti didapati, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan kesusahan. Ia menarik perhatian untuk diambil sama peluang tersebut. Kejayaan Nabi SAW adalah membina sebuah masyarakat yang jelas berbeza dengan yang lain dari sudut keistimewaannya, supaya dapat dipersaksikan tentang kebaikan dan ketinggian Islam yang terpampang di depan mata. Perpecahan, perbalahan, kezaliman, penindasan, membiarkan orang lain, kebodohan, kejahilan, kemunduran dan sebagainya tidak disukai oleh manusia. Maka, ia perlu ditukar kepada perpaduan, persaudaraan, tolong-menolong, mengambil berat terhadap orang lain, berlaku adil, amanah kepada semua, berilmu, kemajuan dan kecerdikan. Perkara-perkara tersebut sangat dituntut oleh Islam ke atas penganutnya, supaya diaplikasikan dalam kehidupan harian untuk dipersaksikan kebenaran Islam melalui amalan penganutnya, yang nanti menjadi daya tarikan ke arahnya. Ia sangat menarik bagi manusia untuk diikuti, maka ia perlu disusunatur untuk dijadikan tarikan dalam dakwah hari ini.

6. Membina daya persaingan

Daya persaingan untuk akhirat dan dunia perlu dibina, supaya orang Islam berlumba-lumba ke arah itu. Kalaulah dahulu dibina kefahaman untuk direbut bahawa mati syahid adalah paling utama, menuntut ilmu tertinggi nilainya dan membantu golongan yang lemah termulia di sisi Allah, yang menyebabkan orang berebut-rebut untuk berbuat demikian, maka pembinaan itu hendaklah diteruskan. *Ja'zah al-Malik Faysal* contohnya dilakukan untuk tujuan tersebut. Unsur-unsur yang membawa persaingan ini perlu ditambah, diperbaiki dan dipertingkatkan supaya lebih seiring dengan keperluan semasa, bagi mendapat tarikan dalam dakwah hari ini.

7. Mengadakan dialog agama

Dialog agama bertujuan untuk mempamerkan hujah keterangan supaya difikir, dinilai dan dibandingkan oleh semua yang terlibat. Ia diperlukan untuk mencari bukti atas kebenaran (Surah 2: 111). Tetapi ia perlu diikatkan dengan panduan yang diberikan, seperti dengan hikmah (Surah 16: 125). Namun, dialog ini bertujuan untuk memperlihatkan kebenaran Islam berbanding dengan yang lain, bukan untuk memperlihatkan kesamaan agama, tolak ansur Islam dalam semua perkara dan semata-mata untuk menjawab tuduhan, sehingga orang faham bahawa Islam sebagai suatu pilihan sahaja dalam barisan agama-agama yang ada sekarang. Dialog tersebut untuk mencari keuntungan dakwah, maka ia perlu direbut, melalui penyusunan yang baik.

STRATEGI DALAM KEUTAMAAN KANDUNGAN

Islam merupakan satu agama yang sangat luas dan mencakupi dalam seluruh urusan kehidupan manusia. Namun, supaya perkembangannya tidak terhenti, apatah lagi kembali semula sebagaimana asal, disebabkan ketidakmampuan pendokong-pendokongnya, terdapat pada bahagian-bahagiannya didahulukan dan kemudiankan. Kehidupan manusia akan berubah, jika kepercayaan terhadap hidup di dunia ini berubah, terutamanya sudut matlamat, hala tuju, fungsi manusia di dunia dan kelakuan-kelakuan yang membawa kebaikan atau kecelakaan. Oleh kerana Islam untuk mengubah kehidupan seseorang ke arah acuan Allah, maka perkara yang mula-mula perlu disentuh untuk tujuan tersebut ialah hal-hal yang berkait dengan ketuhanan, keselamatan di akhirat dan persiapan-persiapan ke arah pencapaiannya. Namun, hal-hal tersebut perlu berada pada tahap keyakinan yang tinggi untuk dapat mengubah keseluruhan hidupnya dan untuk tetap di atas hala tuju yang betul, di samping mampu menghadapi sebarang masalah. Hal ini supaya Islam terus diperjuangkan dan dipertahankan serta perkara-perkara yang membawa ke arah itu diberikan keutamaan dari yang lainnya.

1. Membina kekuatan diri

Umat Islam perlu membina keyakinan diri, kekuatan dan ketahanannya, semangat jihad dan pengorbanan untuk bekerja terus-menerus tanpa henti dan penat, bagi mencapai matlamat demi keutamaan dalam dakwah. Ini bererti bahawa kandungan ajaran Islam yang boleh meresap dalam diri dengan cepat untuk pembinaan unsur-unsur tersebut perlu didahulukan. Maka, akidah didahulukan pembinaannya berbanding dengan yang lain.

2. Memberi kefahaman dunia untuk akhirat

Membina kefahaman bahawa dunia tempat ujian, sama ada lulus atau gagal untuk pembalasan di akhirat nanti. Sesiapa yang kelulusannya tertinggi disebabkan usaha-usaha pelaksanaan tanggungjawab dan kepatuhan yang tertinggi akan mendapat pembalasan yang tertinggi, begitulah sebaliknya. Tahap apa yang dilakukan dan apa sahaja yang dihadapi di dunia ini adalah untuk menentukan tahap pembalasannya nanti. Maka, segala apa yang diterima oleh seseorang di dunia ini, sama ada yang disukai atau dibenci adalah ujian untuk dinilai tentang penerimaan dan urusannya dalam perkara itu (Surah 21: 35). Bentuk usaha untuk mendapat pembalasan di akhirat nanti hendaklah disusunatar dengan jelas bagi memudahkan setiap orang mengikutinya.

STRATEGI DALAM PERSIAPAN TENAGA

Dakwah perlu dikembangkan secepatnya ke seluruh pelosok, maka ia memerlukan pasukan yang kuat untuk mendokong dalam suatu kerjasama untuk sanggup menghadapi sebarang cabaran. Maka, dakwah bergerak dalam dua dimensi; penyebaran Islam untuk semua dan mendapatkan pendokong-pendokongnya. Di samping itu, ia bergerak untuk menambah bilangan pengikut dan menambah kualiti pengikutnya. Ia bererti bahawa dakwah menambahkan kuantiti dan kualiti orang Islam pada setiap masa. Untuk mempersiapkan tenaga pendokong, perlu diusahakan dengan pemilihan, memberi kefahaman dan latihan. Maka, usaha dakwah bukan sahaja menyebarkan ajaran Islam tetapi juga mempersiapkan tenaga pendokongnya secara khusus dengan penyusunan melalui;

1. **Memberi nilai yang tinggi untuk pendokong dakwah**.

Mempersiapkan golongan *ansar* dengan memberi nilai yang tinggi bagi golongan ini untuk menarik mereka ke arah usaha yang kuat. Mereka disemai dengan kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas. Untuk melahirkan sifat tersebut ditonjolkan tentang amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dengan ganjaran yang setinggi-tingginya jika berjaya dilaksanakan. Dengan itu, orang yang berjihad memperjuangkan Islam, orang yang menuntut ilmu untuk mengajar orang lain setelah didapatinya dan orang yang berhijrah kerana agamanya sangat ditinggikan nilainya oleh Allah.

2. **Mengutamakan golongan yang berpengaruh**

Supaya gerakan dakwah lebih cepat berkembang di samping dapat mengurangkan tekanan dan halangan, ia hendaklah didokong oleh golongan yang lebih berkelayakan untuk memikul tanggungjawab tersebut. Dengan itu, unsur-unsur yang perlu diambil kira dalam hal ini ialah mendahulukan golongan yang lebih berpotensi untuk memikul tanggungjawab ini. Maka, golongan tersebut perlu diberikan keutamaan untuk tujuan tersebut.

3. **Bertebaran dan berhijrah**

Dengan usaha yang telah diberikan contohnya oleh orang terdahulu bahawa orang Islam hendaklah bertebaran ke seluruh pelosok untuk menyampaikan risalah-Nya melalui lisan dan contoh teladan. Contoh tersebut menjadi arahan kerana ia tercatat dalam al-Quran dan al-Hadith dengan jelasnya. Dengan itu, pertebaran dan hijrah di merata-rata pelosok bumi hendaklah dilakukan untuk tujuan tersebut. Namun, ia perlu disertakan dengan kekuatan yang dimiliki, yang utamanya ialah kekuatan *tabligh* untuk menjelaskan tentang Islam, kekuatan peribadi untuk menjadi contoh yang menarik dan

kekuatan pertahanan diri untuk digeruni dan tidak mudah terperangkap. Strategi perkahwinan dan berbaik-baik melalui hubungan yang baik dengan anak tempatan, terutamanya dengan yang berpengaruh masih terbuka luas dan sangat sesuai untuk dilaksanakan.

STRATEGI DALAM GERAKAN

Bagi sebuah agama yang membawa rahmat kepada seluruh manusia untuk mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat, maka perkembangannya perlu dipercepatkan supaya dapat dinikmati rahmatnya seramai mungkin. Namun, untuk melaksanakan tugas tersebut memerlukan usaha yang gigih, dengan kebijaksanaan yang tinggi dalam gerakan, supaya pencapaian matlamatnya terjamin dan sebarang halangan yang ditempuh terelak. Maka, ia dirancang seperti berikut;

1. Membina benteng ancaman

Gerakan dakwah penuh dengan rintangan dan ancaman. Untuk mengurangkan kejejasan dakwah supaya tidak terbantut, ia perlu dibenteng dengan benteng kewibawaan pengaruh, sama ada pengaruh kepimpinan, kekayaan, ketokohan, kebangsawanan atau sebagainya. Pada pengaruh-pengaruh tersebut akan menjadi benteng pertahanan dari ancaman yang sentiasa berlegar di sekeliling gerakan dakwah.

2. Bertolak ansur dalam hal-hal yang bukan asas utama

Untuk meneruskan perjalanan gerakan dakwah dari menghadapi halangan dan rintangan, maka pada perkara-perkara yang bukan pokok yang mesti dipertahankan diberikan kelonggaran dengan tolak ansur, jika perlu berbuat demikian. Ini bererti bahawa perjalanan dakwah boleh dibuat perubahan, jika ada keperluannya, supaya ia tidak terus terbantut disebabkan terhalang oleh mana-mana pihak yang cuba berbuat demikian. Hal ini seperti yang pernah dilakukan oleh Nabi SAW dalam Perjanjian Hudaibiyah, yang diberikan tolak ansur dalam beberapa perkara.

Contohnya, sejak tahun 1960 sistem pengajian sekolah agama mula berkembang di Selatan Thai, dengan menerima beberapa cadangan dari Kementerian Pelajaran Thailand, seperti menerima beberapa subjek pengajian yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Di samping itu, pengajian agama di pondok pula tidak menyentuh hal-hal politik di Thailand, seperti juga yang dilakukan oleh Jamaah Tabligh di India. Maka, tolak ansur ini membuatkan pengajian Islam dan dakwah kurang dicurigai sehingga dapat terus hidup. Begitu juga di Singapura yang berlaku ke atas sekolah-sekolah

agama, menerima syarat-syarat daripada kementerian yang berkenaan di Singapura, di samping tidak menyentuh hal-hal politik, maka, sekolah-sekolah agama terus hidup.

3. Melemahkan kekuatan musuh

Dalam sesuatu persaingan, terutamanya seperti peperangan kemenangan ditentukan oleh pihak mana yang lebih kuat, dari sudut strategi, senjata dan pasukan. Dengan itu, kedua-dua belah pihak berusaha mengatasi pihak lawan dalam perkara tersebut, dengan sama ada memperkuatkan pihaknya supaya dapat mengatasi pihak musuh, melemahkan pihak musuh supaya lebih lemah dari pihaknya atau berusaha pada kedua-duanya sekali, iaitu memperkuatkan pihaknya dan melemahkan pihak musuh. Gerakan dakwah melakukan usaha tersebut supaya kekuatannya dapat mengatasi kekuatan musuh yang sentiasa menghalangnya. Jika usaha tersebut tiada, halangan yang dikenakan tidak mampu dirempuh yang membawa kepada terjejasnya perkembangan dakwah. Dalam hal ini, *al-khida` wa al-makr* dibolehkan dalam perang, malah ada kalanya sangat dituntut atas keperluannya.

4. Bergerak dan bertindak dalam keadaan tidak dapat dikesan

Apa yang perlu disampaikan kepada masyarakat dalam penyebaran Islam ialah ajarannya yang dilakukan secara lisan dan amalan. Adapun gerakan yang melibatkan perancangan untuk berbuat demikian tidak kesemuanya didedahkan, kerana ada yang bersifat rahsia supaya sebarang tindakan dalam keadaan tersebut tidak dapat dikesan oleh pihak tertentu. Dalam gerakan dakwah Nabi SAW, banyak contoh yang dilakukan dalam hal ini untuk diikuti oleh umat baginda. Maka, gerakan dakwah hari ini perlu mengambil teladan dari apa yang dilakukan oleh Nabi SAW untuk dicontohi.

5. Menyembunyikan matlamat terakhir kepada golongan yang dicurigai

Manusia sangat sensitif kepada sesuatu gerakan yang matlamatnya boleh menggugat kepentingan mereka sama ada kepentingan kepimpinan, kekayaan, pengaruh, ikutan atau sebagainya. Jika difikirkan boleh mengakibatkan demikian, maka ia perlu dihalang sejak awal gerakan, supaya lebih mudah diselesaikan. Dalam gerakan dakwah Nabi SAW, peringkat Mekah masih tidak diketahui ke manakah kesudahan hala tuju yang hendak dibawa oleh Nabi SAW melalui usaha dakwah baginda. Maka, usaha yang dilakukan itu tidak mudah dicurigai untuk dihalangi sejak awalnya. Dalam sesetengah keadaan dan situasi, matlamat dakwah yang hendak dicapai di dunia ini perlu disembunyikan untuk mengelak pertembungan segera yang keadaan dakwah masih lemah. Ia menjadi kerangka strategi yang

dilaksanakan secara berperingkat untuk mencapai matlamat terakhirnya.

6. Mengadakan jaringan kesatuan

Jaringan kesatuan ummah yang jelas fungsinya dan sesuai programnya untuk mengikat erat setiap individu dalam masyarakat Islam global perlu dipertingkatkan dan diperteguhkan. Ia adalah satu jaringan *Ukhuwwah Islamiyah*. Fungsinya untuk memikirkan kepentingan umat Islam sejagat dengan cadangan, penyelesaian dan bantuan, yang terpantau untuk mengikat dan menyatukan umat supaya menjadi satu dalam ramai dan ramai dalam satu, sepertimana yang pernah dibina dahulu. Walaupun telah diwujudkan seperti OIC dalam kalangan Negara Islam dan *Rabitah* dalam kalangan umat Islam, tetapi peranannya sangat terhad di samping kurang kesungguhan dalam banyak perkara, maka ia kurang mencapai matlamat. Jaringan *ukhuwwah* ini digerakkan oleh satu kumpulan yang terdiri daripada ulama, pakar politik, pakar ekonomi, pakar ketenteraan, pakar kemasyarakatan dan sebagainya untuk memikirkan perancangan, cadangan, arahan, bantuan dan segala kepentingan masyarakat Islam global bagi membangun dan menyelesaikan masalahnya, terutamanya masyarakat Islam minoriti yang tersepit. Pada peringkat yang lebih rendah, perjumpaan tahunan untuk membincangkan gerakan Islam patut dilakukan pada musim haji di Mekah, untuk melihat kekuatan, kelemahan, masalah dan strateginya secara bersama bagi mendapat input-input yang berfaedah (Surah 22: 28). Maka, senarai nama dari golongan tertentu yang akan menunaikan haji sama ada secara individu atau jemputan perlu disenaraipusatkan untuk dipermaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat diadakan perjumpaan dan perbincangan bagi tujuan tersebut. Dalam hal ini, ia perlu dirancang sebaik-baiknya.

MASALAH

Untuk menghadapi cabaran tersebut, banyak masalah yang perlu ditempuh untuk dileraikan. Setakat ini sudah banyak usaha yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada, namun hasilnya sukar untuk dilihat. Maka, ia tinggal menjadi masalah yang berpanjangan. Antara masalah dalam hal ini ialah;

1. Anggapan kurang penting terhadap strategi

Usaha dakwah sampai ke hari ini banyak bergerak atas cara tradisi, kerana dakwah itu satu sunnah yang perjalanannya hendaklah mengikuti sebagaimana sunnah yang dilakukan dahulu. Kalaulah sunnah terdahulu, mengikut yang dianggap tidak mementingkan strategi, kenapa ia perlu

dipentingkan? Kalaulah ia penting, kenapakah ia tidak ditunjukkan secara jelas, supaya mudah difahami? Berdasarkan kefahaman tersebut, dakwah banyak digerakkan mengikut sunnah lahiriah. Selain itu, usaha dakwah kini banyak dilakukan oleh tenaga sukarela yang ramai menganggapnya suatu kerja sukarela. Kerja sukarela dianggap kurang penting, maka tidak memerlukan perancangan yang rapi, apalagi strateginya. Sedangkan di pihak musuh, untuk mendepani gerakan dakwah lebih mementingkan strategi bagi mempastikan gerakan dakwah terus lemah dan gagal mencapai matlamatnya. Maka, kedudukan strategi dalam dakwah perlu diselaraskan dengan kepentingan dakwah bagi seluruh manusia dan cabaran-cabaran yang terpaksa didepani, yang menunjukkan bahawa perancangan dakwah yang strategik adalah sesuatu yang sangat penting.

2. Kurang memahami sunnah strategi

Antara sebab kurang memahami sunnah strategi ialah kerana strategi dakwah tidak tercatat dengan jelas dalam sirah Nabi SAW dan dalam sejarah baginda, terutamanya dalam hadith baginda. Ia tidak menceritakan mengenainya satu persatu, sebagaimana peristiwa-peristiwa lain yang dipaparkan dengan jelasnya. Strategi biasanya rahsia, maka sirah dan sejarah agak sukar untuk membaca tentang rahsia. Sedangkan, di sebalik lahiriah dalam peristiwa-peristiwa dakwah Nabi SAW penuh dengan perancangan dan strategi, sehingga berjaya melepasi segala halangan untuk mencapai matlamat. Panduan tersebut kurang diambil perhatian untuk gerakan dakwah hari ini, sehingga seolah-olah Nabi SAW tidak melakukannya.

3. Kurang memiliki kepakaran dalam strategi

Strategi bergantung kepada pengetahuan dan maklumat yang tepat dalam semua perkara yang berkenaan. Ia juga bergantung kepada ketajaman fikiran, kecekapan dalam penyusunan perancangan dan penyusunan langkah, di samping kecerdikan dalam mengaburi pihak lawan. Dalam bidang dakwah, tidak ramai setakat ini orang Islam sampai ke tahap tersebut untuk melaksanakan strategi yang sesuai dengannya, kerana ramai pihak yang terlibat dengan gerakan dakwah agak lemah, maka lemahlah perancangan dakwah.

4. Kabur tentang matlamat Islam keseluruhan

Ramai yang masih kabur tentang Islam secara keseluruhan dan peringkat-peringkat yang perlu diambil keutamaan untuk sampai ke tahap penyudah yang sempurna.

Dakwah bererti menyebarkan ajaran Islam. Sedangkan ajaran Islam mengandungi kepercayaan (aqidah) dan amalan (syariah dan akhlak). Maka, dakwah itu selain untuk memberi kefahaman, juga untuk dilaksanakan segala tuntutannya termasuk pelaksanaan hukum jenayahnya melalui sesebuah kerajaan. Dakwah mempunyai matlamat yang hendak dicapai, iaitu pembentukan peribadi *rabbani*, pembentukan masyarakat *rabbani* dan pembentukan *hukumah rabbaniyah*, yang pembentukan ketiga-tiganya dapat dilaksanakan segala tuntutan Islam, sama ada yang baik dilakukan atau yang buruk dijauhi, supaya tercapailah pada kedudukan mentaati Allah dan mendapat keredaan-Nya.

Nabi SAW telah berusaha untuk mencapai matlamat dakwah baginda melalui usaha di peringkat Mekah dan di peringkat Madinah. Ia bukan sahaja pencapaian di peringkat Mekah (pembinaan individu) atau di peringkat Madinah (pembinaan masyarakat dan negara) sahaja, tetapi kedua-duanya dilaksanakan menjadi satu pakej yang tidak boleh dipisahkan, kerana pembinaan pertama untuk membolehkan pembinaan yang kedua, sedangkan yang kedua tidak akan tercapai tanpa yang pertama.

Sekarang, matlamat dakwah dalam kalangan yang mengusahakannya, sama ada dalam bentuk *tabligh*, pendidikan, politik, ekonomi, kebajikan atau sebagainya menjadi tidak menentu dan berada pada sebahagian daripada pakej matlamat dalam dakwah, kerana yang ada;

1. Matlamat yang sangat terhad, yang dianggap itulah matlamat dakwah,
2. Berpada-pada dengan matlamat masing-masing yang dianggap itulah sebaik-baiknya,
3. Menafikan sebahagian daripada matlamat atau paling kurang dirasakan matlamat yang lain kurang penting bagi dakwah.

Sepatutnya, setiap gerakan dakwah, atas nama apapun melihat matlamat secara menyeluruh, sedangkan apa yang dilakukan ialah untuk peringkat tertentu sahaja. Keadaannya samalah seperti pusat pengajian atau pendidikan, ada yang berusaha di peringkat pra sekolah, ada di peringkat rendah, ada di peringkat menengah dan ada pula di peringkat tinggi. Masing-masing berusaha untuk mencapai matlamat di peringkat masing-masing, tanpa merasa lebih antara satu dengan yang lain, apa lagi menafikan yang lain. Disebabkan kesamaran tersebut, maka matlamat dianggap tidak perlu

diambilberat untuk diatur strategi padanya. Maka, hampir tiadalah strategi yang dibuat untuk mencapainya. Atas kekaburan tersebut, maka strategi yang diatur menjadi kabur.

5. Lebih Mudah Menggunakan Kekerasan

Terdapat golongan dalam gerakan Islam yang lebih selesa menggunakan kekerasan ketika berhadapan dengan ancaman pihak musuh. Mereka lebih suka membuat tindakan bersemuka secara kekerasan daripada mengatur langkah-langkah perancangan yang tidak melibatkan kekerasan dalam menghadapi ancaman.

KESIMPULAN

Strategi dalam dakwah memerlukan penelitian, perancangan dan pelaksanaan yang seiring dengan matlamatnya. Oleh itu, seseorang pendakwah memerlukan pengetahuan, pengalaman dan seorang perancang dan pengurus yang mampu menangani isu masyarakat dengan lebih berkesan.

MANHAJ DAKWAH OLEH SYEIKH SA`ID HAWWA DALAM PEMBANGUNAN RABBANI: SATU SOROTAN RINGKAS

Oleh:
Muhamad Alihanafiah b. Norasid[1]
Mohamad Hasbullah b. Salim[2]

ABSTRAK

Antara tokoh dakwah tersohor pada abad ke-20 Masihi yang tidak lekang menebarkan sumbangsih, berdakwah, serta mencurahkan ilmu bagi pembangunan masyarakat rabbani ialah Syeikh Sa`id Hawwa. Syeikh Sa`id Hawwa dikenali sebagai tokoh murabbi gerakan dakwah Ikhwan al-Muslimin yang sinonim dengan idea pembangunan rabbani. Antara elemen terpenting pembangunan rabbani yang digariskan oleh Syeikh Sa`id Hawwa ialah perlaksanaan manhaj dakwah. Justeru, kertas kerja ini akan memperkenalkan manhaj dakwah yang telah digagaskan oleh beliau hasil cerapan penulis terhadap karya-karya utama beliau seperti al-Asas fi al-Tafsir, Jund Allah, dan Kay La Namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr. Syeikh Sa`id Hawwa turut membahagikan manhaj dakwah kepada tiga komponen utama iaitu memberi nasihat, menyumbang khidmat, serta melaksanakan fardu ain dan fardu kifayah. Mekanisme perlaksanaan manhaj dakwah juga dinyatakan oleh Syeikh Sa`id Hawwa dengan mencadangkan penubuhan badan-badan kebajikan Islam (المؤسسة الخيرية الإسلامية) , penyampaian khutbah jumaat, penerbitan dan percetakan majalah, serta pembabitan dalam penyiaran. Sememangnya idea mengenai manhaj dakwah beliau begitu dinamik dan sewajarnya diadaptasi dalam gerakan dakwah masa kini.

[1] Muhamad Alihanafiah b. Norasid adalah calon Ijazah Tinggi, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

[2] Mohamad Hasbullah b. Salim adalah calon Ijazah Tinggi, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENGENALAN

Seruan dakwah kepada umat Islam keseluruhannya adalah merupakan suatu tuntutan rabbani yang tidak boleh dikesampingkan ekoran peranan manusia yang diciptakan Allah di muka bumi adalah sebagai khalifah. Fenomena dunia menyaksikan fahaman materialisme menyusup ke minda umat Islam hasil kelicikan politik Eropah. Serangan sosial turut dilancarkan dengan segala elemen kuasa perubahan seperti kepakaran dan ilmu pengetahuan disekat daripada umat Islam.[3] Ini ditambah pula dengan penstrukturan semula dasar pemerintahan dan corak pentadbiran yang menurut arus permodenan barat sehingga mengabaikan norma-norma agama.[4] Impaknya, timbul kegagalan pemanifestasian Islam secara menyeluruh dalam kalangan negara-negara umat Islam mencorak kehidupan, bahkan mereka turut tunduk terhadap orde baru dalam era globalisasi.[5] Segala kesulitan yang menghambat harakah Islamiah bagi melaksanakan amal Islami pada kurun 14 Hijrah memerlukan suatu tranformasi tajdid dalam lapangan dakwah secara holistik. Bahkan, menurut Syeikh Sa`id Hawwa[6], sudah tiba masanya seluruh umat Islam menonjolkan elemen dakwah Islamiah sebagai satu syiar Islam dalam membuka lembaran abad semasa, iaitu kurun ke-15 Hijrah.[7]

DAKWAH DAN PEMBANGUNAN RABBANI MENURUT SYEIKH SA`ID HAWWA

Pengaplikasian dakwah yang praktikal berhajat kepada kepimpinan yang yang mantap bagi membumikan dakwah terhadap setiap golongan kelas. Peranan ini tidak lain diterajui oleh golongan rabbani sebagai agen utama

---

[3] Al-Banna, Hasan (t.t.), *Majmu`ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, Kaherah: Dar al-Shihab, h. 138.

[4] Abd al-Hamid al-Ghazali (2011), *Perkara Asas dalam Agenda Kebangkitan Ummah: Kajian Berdasarkan Gagasan Imam al-Banna*, Solehan Ayub (Terj.). Seri Kembangan: Penerbitan Teras Bakti, h. 49.

[5] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La Namdi Ba`idan `An Ihtiyajat al-`Asr*, c. 5. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi',h. 104.

[6] Syeikh Sa`id Hawwa dilahirkan pada tahun 1935 di Syria. Beliau merupakan salah seorang tokoh gerakan dakwah al-Ikhwan al-Muslimun yang berpengkalan di Syria. Beliau juga merupakan seorang mahasiswa yang aktif di Universiti Dimashq, Syria, dan telah menghasilkan lebih 30 karya besar yang berjilid-jilid. Antara jawatan besar yang telah diamanahkan kepada beliau ialah beliau telah menjawatan jawatan Anggota Majlis Syura Organisasi Antarabangsa Ikhwan al-Muslimin pada tahuan 1982-1984. Pada tahun 1989, beliau telah meninggal dunia. Sila lihat `Abd Allah al-`Uqayl (2008), *Min A'lam al-Da'wah wa al-Harakah al-Islamiyyah al-Mu`asirah*, c. 8. Riyadh: Dar al-Bashir, j. 1, hh. 276-277.

[7] Ibid., h. 90.

penebaran dakwah kepada seluruh komuniti sosial.[8] Ini kerana, 'pembumian' dakwah memerlukan hikmah dan kebijaksanaan yang tinggi, dan hikmah ini ternyata dimiliki oleh generasi rabbani berdasarkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an mengenai mereka. Syeikh Sa`id Hawwa turut mengulas, golongan rabbani turut menyaksikan kebenaran Islam yang relevan pada setiap kondisi dan zaman, lalu mereka memastikan kebenaran tersebut berupaya dijelmakan secara tulen tanpa sebarang perubahan. Hal ini berasaskan firman Allah s.w.t dalam surah al-Ma'idah (5): 44, maksudnya:

> *"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; Dengan Kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendita-penditanya (rabbaniyyun) (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan)..."*

Daya keintelektualan yang tinggi turut dimiliki oleh mereka di samping keupayaan mereka menyampaikan ilmu juga menjadi faktor terbesar yang melayakkan mereka menerajui misi dakwah di tengah-tengah lapangan masyarakat sebagaimana yang termaktub dalam surah Ali-`Imran (3): 79 yang bermaksud:[9]

> *"...tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Ta`ala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya."*

Syeikh Sa`id Hawwa juga menyatakan, mereka turut mempunyai kemampuan bagi melaksanakan amar makruf nahi mungkar berdasarkan firman Allah s.w.t, surah al-Ma'idah (5):63 yang bermaksud:

> *"Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendita-pendita mereka (rabbaniyyun) melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan Yang haram?"*

[8] Ibid., h. 110.
[9] Ibid., h. 111.

Legasi perjuangan Nabi s.a.w juga sememangnya diwarisi oleh golongan rabbani lantaran mereka merupakan barisan ulama' yang sabar. Perkara ini adalah bersandarkan firman Allah s.w.t dalam surah Ali-`Imran (3): 146 yang bermaksud:[10]

> *"Dan berapa banyak dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah (ribbiyyun), maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."*

Oleh yang demikian, pemetaan dakwah yang dipelopori oleh generasi rabbani kepada segenap lapisan masyarakat perlulah distuktur bagi memaparkan suatu model pendidikan dakwah yang konstruktif sebagai rujukan.[11] Manhaj pendidikan dakwah dan perlaksanaan taklifan Islam khususnya dalam satu organisasi tersusun yang distuktur oleh Syeikh Sa`id Hawwa ini justeru dipanggil sebagai manhaj *da'wah rabbaniyyah.* Manhaj terbabit sememangnya telah disusun oleh beliau agar diaplikasikan dalam harakah *Ihya' al-Rabbaniyyah*[12] bagi memupuk pembangunan rabbani dalam kehidupan sosial.

BINAAN MANHAJ *DA'WAH RABBANIYYAH*

Penampilan individu yang menjalankan misi dakwah begitu mempengaruhi kejayaan penyebaran fikrah Islam. Justeru, al-Qur'an telah merakamkan sebaik-sebaik perkataan ialah mereka yang menyeru kepada Allah dengan membawa identiti seorang muslim sejati yang benar-benar berpegang teguh kepada ajaran agama. Firman Allah s.w.t:[13]

---

[10] Ibid.

[11] Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr (2003), c. 3. *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 76.

[12] Harakah Ihya' al-Rabbaniyyah merupakan satu gerakan dakwah yang dicetuskan oleh Syeikh Sa`id Hawwa bagi mengembalikan semula iklim rabbani dalam kalangan masyarakat. Harakah terbabit menumpukan aspek pembangunan thaqafah, tarbiah, dan dakwah terhadap para ahli sehingga melahirkan anggota kepimpinan yang berkualiti bagi menyampaikan seruan dakwah serta menjadi pemimpin masyarakat. Sila lihat Syeikh Sa`id Hawwa (1987), Hadhihi Tajribati wa Hadhihi Shahadati, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 43.

[13] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit.*, h. 231.

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah diri kepada Allah)."

(Fussilat (41): 33)

Ayat terbabit telah dipilih Syeikh Sa`id Hawwa sebagai paksi binaan manhaj *da'wah rabbaniyyah* dalam madrasah perkaderan *Ihya' al-Rabbaniyyah.* Menerusi ayat di atas, Syeikh Sa`id Hawwa mentafsirkan, Allah s.w.t memerintahkan para muslim untuk menzahirkan keislamannya dengan berbangga terhadap Islam yang dianutinya.[14] Dengan identiti keislaman terbabit, mereka menyampaikan seruan Islam kepada seluruh muslimin dengan penuh keikhlasan, dan demikianlah merupakan sebaik-baik perkataan.

Syeikh Sa`id Hawwa turut memetik pandangan yang dikeluarkan oleh Ibn Kathir yang mengulas bahawa individu yang dimaksudkan dalam ayat di atas menjurus kepada orang yang melaungkan azan (*mu'ahddhin*).[15] Walau bagaimanapun, Syeikh Sa`id Hawwa memberikan komentar bahawa ayat ini bersifat umum dan ditujukan kepada seluruh umat Islam yang menyampaikan risalah dakwah memandangkan ayat tersebut merupakan ayat *makkiyyah,* sedangkan pensyariatan azan hanya bermula di Madinah.[16] Penerapan elemen islah dan dakwah ternyata menjadi komponen terpenting dalam manhaj pembangunan rabbani. Binaan manhaj *da'wah rabbaniyyah* selanjutnya dicernakan oleh beliau kepada tiga bahagian utama iaitu:

a) Memberi nasihat.
b) Menyumbang khidmat.
c) Melaksanakan fardu ain dan fardu kifayah.

a) Memberi Nasihat

Pemanifestasian dakwah Islamiah turut dirungkai oleh Syeikh Sa`id Hawwa

[14] Ibid., h. 303.
[15] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), al-Asas fi al-Tafsir, c. 7. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', j. 5, h. 415.
[16] Ibid., hh. 327-328.

dengan pemakaian ayat 104 dari surah Ali-`Imran sebagai dalil yang menunjukkan kewajipan individu muslim nasihat-menasihati antara satu sama lain bagi menyemai kembali kondisi rabbani.[17] Firman Allah s.w.t:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya: *"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang Berjaya."*

(Ali-`Imran (3): 104)

Ayat al-Qur'an di atas menunjukkan bahawa menyahut seruan dakwah dengan melakukan amar makruf nahi mungkar adalah kunci kejayaan individu muslim.[18] Bahkan, pendekatan amar makruf nahi mungkar yang digariskan dalam al-Qur'an sememangnya selari dengan matlamat jihad menuju Allah bagi menegakkan kebenaran dalam apa jua keadaan.[19] Menurut Syeikh Sa`id Hawwa, penggunaan kalimah "من" dalam ayat di atas memberikan dua maksud. Pertama, ia bertujuan untuk menjelaskan (للبيان), maka tafsiran ayat di atas membawa maksud bahawa wajib kepada setiap umat manusia melaksanakan amar makruf nahi mungkar dan ia merupakan fardu ain. Kedua, ia menunjukkan kepada makna sebahagian (للتبعيض). Maka, perintah ayat terbabit difokuskan kepada sebahagian kelompok Islam bagi melaksanakana amar makruf nahi mungkar melalui wasilah jemaah, dan hal ini menjadi tuntutan bersama umat Islam atau fardu kifayah.

Sementara itu, maksud "*al-Khayr*" (الخير) dalam ayat di atas menurut Syeikh Sa`id Hawwa ialah al-Qur'an dan al-Sunnah, manakala "*al-Ma'ruf*" (المعروف) pula ditafsirkan oleh beliau sebagai unsur-unsur yang baik pada landasan syarak dan juga baik pada lingkungan akal yang dibatasi oleh syarak, termasuk juga apa-apa yang bertepatan dengan al-Qur'an dan sunnah. Kalimah "*al-Munkar*" (المنكر) pula ditafsirkan oleh beliau sebagai

[17] Syeikh Sa`id Hawwa (1984), 4. *Ihya' al-Rabbaniyyah* 5. Al-Ijabat. Kaherah: Dar al-Salam, h. 66.

[18] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *al-Asas fi al-Tafsir*, *op. cit*., j. 1, h. 418.

[19] Mustaffa Abdullah, Prof. Madya Dr. (2005), *Jihad dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 163.

apa-apa yang bertentangan dengan syarak atau bertentangan pada akal yang dilandasi oleh syarak, atau bertentangan dengan al-Qur'an dan sunnah. "*Al-Munkar*" juga ditafsirkan oleh beliau sebagai maksiat, atau perkara-perkara yang makruh dan haram. Justeru, kejayaan yang sempurna bakal digapai bagi mereka yang menyeru kepada kebaikan dan melakukan amar makruf nahi mungkar.[20]

Menerusi ayat di atas, Syeikh Sa`id Hawwa telah memaparkan dua bentuk pelaksanaan nasihat iaitu menghidupkan dakwah secara personal (*fardiyah*) dan secara berjemaah (*jama`iyyah*) serta melaksanakan amar makruf nahi mungkar.[21] Bagi melaksanakan amar makruf nahi mungkar, ilmu menjadi satu instrumen terpenting.[22] Sehubungan itu, Syeikh Sa`id Hawwa menekankan para ilmuwan seharusnya menjalankan amanah mereka menyampaikan ilmu kepada masyarakat berdasarkan firman Allah s.w.t[23]:

۞ وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا۟ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ
مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُوا۟ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ
لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Tawbah (9): 122)

Menerusi karya *al-Asas fi al-Tafsir,* Syeikh Sa`id Hawwa menyatakan perlunya wujud sebuah kelompok yang mendalami ilmu pengetahuan dan

[20] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *al-Asas fi al-Tafsir*, *op. cit*., j. 1, h. 418.

[21] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit*., h. 158.

[22] Muhammad al-Sayyid Yusuf (2007), *Manhaj al-Qur'an al-Karim fi Islah al-Mujtama'*, c. 3. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah, h. 295.

[23] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit*., h. 158.

bukan hanya sekadar berjihad. Menurutnya, ayat di atas secara semantiknya menunjukkan tuntutan mendalami ilmu syariat dan berjihad di jalan Allah merupakan dua unsur yang bergerak seiringan secara wajib. Lantaran itu, jihad yang hakiki tidak dapat diimplimentasikan melainkan dengan kefahaman dan ilmu.[24] Ayat di atas turut menyuluhkan pedoman bahawa pembudayaan ilmu harus diperkasa dalam variasi kehidupan. Pemupukan budaya ilmu menurut Syeikh Sa`id Hawwa berhajat kepada dinamika penyusunan dan ketertiban yang rapi dengan mewujudkan kelompok-kelompok yang mendalami ilmu agama serta memberikan peringatan mengenainya dalam sesebuah kampung, daerah, atau masjid.[25] Beliau malah menyatakan, peranan ini seharusnya dimainkan oleh kelompok yang dipanggil sebagai golongan *rabbaniyyun* susulan daripada surah al-Ma'idah (5): 63[26] mengenai pernyataan nahi mungkar yang ternyata mencerminkan peranan utama mereka.[27]

b) Menyumbang Khidmat

Bahagian kedua yang digariskan oleh Syeikh Sa`id Hawwa dalam manhaj *da'wah rabbaniyyah* ialah memberikan khidmat kepada sekalian manusia. Menurut beliau, menyumbang khidmat adalah setinggi-tinggi metodologi dakwah dalam mencitrakan kesantunan seseorang terhadap muslim yang lain.[28] Beliau selanjutnya memetik potongan ayat daripada firman Allah s.w.t:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرۡتَدَّ مِنكُمۡ عَن دِينِهِۦ فَسَوۡفَ يَأۡتِي ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ
يُحِبُّهُمۡ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ...

Wahai orang-orang yang beriman, sesiapa di antara kamu

---

[24] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *al-Asas fi al-Tafsir, op. cit*., j. 2, h. 535.

[25] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit*., h. 100.

[26] Ayat tersebut ialah:

لَوۡلَا يَنۡهَىٰهُمُ ٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلۡأَحۡبَارُ عَن قَوۡلِهِمُ ٱلۡإِثۡمَ وَأَكۡلِهِمُ ٱلسُّحۡتَۚ لَبِئۡسَ مَا
كَانُواْ يَصۡنَعُونَ ٦٣

Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendita-pendita mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa Yang mereka telah kerjakan.

[27] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La Namdi Ba`idan `An Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit.*, h. 100.

[28] Syeikh Sa`id Hawwa (2010), *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqan*, c. 7. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah,h. 338.

berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Dia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman…

(Al-Ma'idah (5):54)

Frasa "أذلة على المؤمنين" ditafsirkan oleh Syeikh Sa`id Hawwa sebagai orang yang berlemah-lembut kepada orang mukmin secara tawaduk dan merendah diri. Beliau turut memetik potongan ayat 24 dari surah al-Isra' bagi menjelaskan pengertian "أذل" iaitu:

وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ...

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya (ibu bapamu) dengan belas kasihan dan kasih sayangmu...

Perasaan merendah diri tersebut adalah kesan daripada terbitnya rasa kasih terhadap saudara-saudaranya.[29]

Menyumbangkan khidmat yang sebenar adalah laksana tentera yang bersedia menghulurkan bantuan terhadap saudara seperjuangannya pada siang dan malam. Implikasi khidmat diperlihatkan menerusi terbitnya perasaan kasih sayang yang mendalam di samping mempererat saf-saf umat Islam.[30] Namun krisis murtad menurut Syeikh Sa`id Hawwa kian berleluasa lantaran pudarnya sifat-sifat yang dinyatakan dalam ayat 54, surah al-Ma'idah seperti nilai kasih sayang dan berlembah-lembut terhadap orang-orang mukmin. Sifat-sifat terbabit perlu dijelmakan kembali dalam rangka tarbiah yang tersusun di bawah saf kepimpinan rabbani. Pemilihan kepepimpinan rabbani perlulah menerusi pendekatan syura yang terkandung dalam konsep keorganisasian Islam yang sejahtera (نظرية تنظيمية سليمة). Beliau mengulas, persoalan jihad bukanlah menjadi noktah mula dalam proses tanzim, sebaliknya pengukuhan tarbiah dan konsep keorganisasian perlu diperkukuhkan terlebih dahulu bagi melahirkan kepimpinan rabbani yang berjihad di jalan Allah.[31]

Terdapat beberapa bentuk-bentuk khidmat yang disyorkan oleh Syeikh Sa`id Hawwa dalam madrasah perkaderan *Ihya' al-Rabbaniyyah.* Menziarahi pesakit, mengembirakan hati umat Islam, menunaikan segala hajat saudara seislam, merupakan antara bentuk *amal jama`i* yang bermuara atas

[29] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *al-Asas fi al-Tafsir*, *op. cit*., j. 2, h. 79.
[30] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, *op. cit*., h. 85.
[31] Ibid., hh. 80-81.

konsep khidmat.[32] Daripada tafsiran di atas, dapatlah dirumuskan bahawa menyumbangkan khidmat merupakan satu komponen penting dalam dakwah khususnya di dalam suatu organisasi gerakan Islam yang tersusun.

c) Melaksanakan Fardu Ain dan Fardu Kifayah

Bagi merealisasikan pelaksanaan dakwah Islamiah secara syumul, idea pelaksanaan fardu ain dan fardu kifayah telah dicetuskan oleh Syeikh Sa`id Hawwa. Pelaksanaan fardu ain dan fardu kifayah ini dikemukakan oleh beliau adalah bertujuan bagi memastikan keorganisasian dan kewujudan kepakaran-kepakaran dalam pelbagai penjuru dalam sesebuah harakah Islamiah berjaya difungsikan dengan sebaiknya.[33] Pendidikan dakwah dan organisasi dalam satu gerakan Islam begitu ditekankan oleh Syeikh Sa`id Hawwa tatkala membicarakan idea pembentukan *harakah Ihya' al-Rabbaniyyah* berasaskan firman Allah:[34]

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمۡ فِي
سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسۡتَكَانُواْۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٤٦

Maksudnya: *"Dan berapa banyak dari nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."*

(Ali-`Imran (3): 146)

Syeikh Sa`id Hawwa mengulas bahawa golongan *ribbiyyun* dan *rabbaniyyin* ini merupakan golongan yang sangat berpegang teguh dengan tali Allah s.w.t. Pengertian *rabbaniyyin* ini disepadukan dengan pandangan yang telah diutarakan oleh Ibn `Abbas iaitu mereka yang terdiri daripada kalangan ulama' dan para cendekiawan agama. Hal ini dihuraikan menerusi firman Allah pada ayat 79, Surah ali-`Imran (...ولكن كونوا ربانيين...) yang terdapat di dalam karya tafsir Syeikh Sa`id Hawwa, *al-Asas fi al-Tafsir.*[35]

Golongan rabbani yang disifatkan oleh Syeikh Sa`id Hawwa melalui ayat di atas ini tidak mudah gugur menyerah kalah khususnya apabila mendengar

[32] Ibid., h. 158.
[33] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr, op. cit., h. 122.
[34] Syeikh Sa`id Hawwa (1984), op. cit., h. 67.
[35] Syeikh Sa`id Hawwa(1989-1993), al-Asas fi al-Tafsir, j. 1, h. 810.

khabar berita kematian Nabi dan pemimpin mereka, tidak mudah berasa lemah fizikal dan mental dalam meneruskan agenda jihad, bahkan tegar dalam perjuangan menegakkan syiar Islam melalui medium jemaah lantaran mereka mewarisi tugas para Nabi.[36] Ternyata inilah keperibadian yang seharusnya dicorak dalam kalangan tentera Allah bagi memupuk kembali biah yang berorientasikan pembangunan rabbani.[37] Pemakaian ayat di atas sekaligus memberi isyarat kepada umat Islam akan keperluan kepada sebuah jemaah yang tersusun organisasinya dalam melaksanakan amal Islami lantaran wujudnya ketua (nabi) dan pengikut-pengikutnya yang taat.[38]

Perbahasan konsep harakah yang tersusun (*munazzamah*) meletakkan tiga rukun utama yang melicinkan kemenangan sesebuah organisasi Islam dalam melaksanakan amal Islami, iaitu barisan pimpinan yang berwibawa (*qiyadah*), sistem penyusunan dan pengurusan yang tersusun, serta para pengikut yang ditarbiah lagi setia (*jundiyyah*).[39] Mereka selanjutnya berusaha memenuhi segala tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam usaha mengasimilasi Islam dari pelbagai dimensi kepakaran.[40] Syeikh Sa`id Hawwa turut menampilkan empat mekanisme utama yang menjadi parameter kejayaan sesebuah gerakan dakwah, iaitu pemasakan tarbiah dan ilmu pengetahuan yang sempurna, penggubalan sistem organisasi jemaah yang komprehensif, perancangan yang tersusun dan sesuai dengan keperluan semasa, serta perlaksanaan yang baik daripada perancangan tersebut.[41]

Dalam usaha memasyarakatkan dakwah Islamiah, penstrukturan manhaj dakwah dalam sesebuah harakah perlulah disusun secara kolektif. Para anggota diposisikan dalam sektor-sektor tertentu mengikut kesesuaian dan tuntutan fardu kifayah bagi mengemudi jentera jemaah. Penglibatan anggota jemaah dalam melaksanakan taklifan ini dipanggil sebagai *`amal jama`i.*[42] `Abd Allah Nasih `Ulwan turut menyentuh persoalan dakwah dalam sesebuah entiti jemaah dengan menyatakan, dakwah Islamiah dapat

[36] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), al-Asas fi al-Tafsir, op. cit., j. 1, h. 438. Lihat juga Syeikh Sa`id Hawwa (1984), op. cit., h. 18.

[37] Syeikh Sa`id Hawwa (1984), ibid., h. 29.

[38] Syeikh Sa`id Hawwa (1980), Al-Madkhal ila Da'wah al-Ikhwan al-Muslimun, c. 3. Kaherah: T.P., h. 51.

[39] Mustafa Masyhur (2007), *Jalan Da'wah Antara Qiyadah dan Jundiyyah*, c. 2. Syed `Abdurahman Hj. Syed Hussin (terj.), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 1.

[40] Syeikh Sa`id Hawwa (1995), *Jund Allah Takhtitan*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 50.

[41] Syeikh Sa`id Hawwa (1993), *Jund Allah Tanziman*, op. cit., h. 11.

[42] Yahya Othman (2009), *`Amal Jama`i: Pengertian dan Tuntutan*, c. 2. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 45.

dibangunkan dan dikembangkan dengan jayanya sekiranya harakah terbabit menyusun secara teratur barisan kepimpinan dan pengurusan, ditambah pula dengan barisan pemuda-pemudinya yang menyelami aspek tarbiah dan dakwah, serta wujudnya perencanaan yang rapi dalam pelaksanaan misi dakwah.[43]

MEKANISME PELAKSANAAN MANHAJ

Pengaplikasian dakwah memerlukan mekanisme yang sesuai selaras dengan tuntutan semasa. Bagi melahirkan da`i dan modal insan yang terbilang selaras dengan tuntutan agama dan cabaran semasa, Syeikh Sa`id Hawwa juga telah menghasilkan beberapa karya penulisan beliau yang berkait rapat dengan rangkaian epistemologi dakwah, pembangunan, dan amal Islami (سلسلة فقه الدعوة والبناء والعمل الإسلامي) sebagai pendedahan teori kepada para da`i. Antara karya-karya hasil penulisan beliau yang berkaitan dengan tema di atas termasuklah *Fi Afaq al-Ta`ali, Durus fi al-`Amal al-Islami, Min Ajl Khutwah ila Tariq al-Jihad al-Mubarak,* dan *al-Madkhal ila Da'wah al-Ikhwan al-Muslimin*. Penghasilan karya-karya terbabit sekaligus telah dijadikan sebahagian silibus dalam manhaj pendidikan rabbani hasil cetusan idea beliau.[44] Syeikh Sa`id Hawwa turut menghuraikan konsep kepimpinan Islam (*qiyadah*) serta kriteria barisan pemimpin dalam menerajui nakhoda gerakan Islam dalam karya beliau, *Fusul fi al-Imrati wa al-Amir* meliputi akhlak pemimpin, perlantikan pemimpin, kewajipan yang harus dipikul oleh saf kepimpinan, dan sebagainya.[45]

Perhatian Syeikh Sa`id Hawwa terhadap persoalan perencanaan dakwah, tanzim, dan manhaj perkaderan juga dapat diperhatikan menerusi penulisan karya empat serangkai beliau yang bertemakan *Jund Allah*, iaitu *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqan, Jund Allah takhtitan, Jund Allah Tanziman,* dan *Jund Allah Tanfidhan*[46]*,* lalu karya-karya terbabit dijadikan

[43] Abd Allah Nasih `Ulwan (2010), *Silsilah Madrasah al-Du`ah: Fusul Hadifah fi Fiqah al-Da'wah wa al-Da`iyah*, c. 7. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah, j. 2, h. 768.

[44] Syeikh Sa`id Hawwa (1984), op. cit., h. 26. Peringkat-peringkat pendidikan dakwah dengan bahan bacaan haraki yang sesuai juga telah dipaparkan oleh beliau dalam bentuk jadual menerusi karya beliau, Fi Afaq al-Ta`alim. Pendidikan dakwah ini disusun pada pembelajaran ke-14 dalam peringkat pembentukan (takwin) selepas pembelajaran al-Qur'an, hadith, Usul al-Thalathah dan lain-lain. Sila lihat Syeikh Sa`id Hawwa (1980), Fi Afaq al-Ta`alim. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 75-77.

[45] Syeikh Sa`id Hawwa (1983), Fusul fi al-Imrah wa al-Amir, c. 2. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi wa al-Tarjamah, hh. 222-224.

[46] Penulis telah mendapatkan maklumat daripada makalah yang telah dikirimkan oleh Mu`adh Syeikh Sa`id Hawwa dan Muhammad Syeikh Sa`id Hawwa pada Sabtu, 30 Jun

silibus manhaj *thaqafah* para da`i dalam madrasah *Ihya' al-Rabbaniyyah.* Penghasilan karya-karya terbabit adalah bagi merekonstruksi manhaj haraki dalam sesebuah gerakan Islam lantaran wujudnya kepincangan-kepincangan kefahaman serta kekaburan pandangan alam yang jelas dalam kalangan anggota gerakan mengenai manhaj dan konsep perlembagaan Islam serta keorganisasian.[47] Menerusi karya-karya terbabit juga, beliau mengetengahkan satu gagasan harakah *Ihya' al-Rabbaniyyah* berserta penggubalan manhaj haraki meliputi komponen pengetahuan (*thaqafah*), tarbiah, perencanaan (*takhtit*), keorganisasian (*tanzim*), dan pelaksanaan dakwah *(tanfidh*) buat para pendiri gerakan bagi menampal kepincangan yang timbul dalam gerakan Islam kontemporer.[48]

Dari aspek amali dalam manhaj *da'wah rabbaniyyah* pula, Syeikh Sa`id Hawwa telah mencadangkan penubuhan badan-badan kebajikan Islam (المؤسسة الخيرية الإسلامية) yang bernaung di bawah harakah *Ihya' al-Rabbaniyyah* di setiap daerah dan perkampungan dalam usaha menyumbang khidmat.[49] Objektif penubuhan badan kebajikan tersebut antara lain ialah menyalurkan bantuan kepada anak-anak yatim dan golongan kurang upaya (*mustad`afin*), membantu para pesakit yang memerlukan dana kewangan bagi kos perubatan, menghulurkan bantuan kewangan kepada para pelajar yang tidak mampu menampung yuran bagi menamatkan pengajian, membuka peluang pekerjaan kepada para penganggur yang berpendidikan, serta memberikan khidmat dalam urusan-urusan perkahwinan bagi mereka yang berhajat berkahwin.[50]

Dalam pada itu, Syeikh Sa`id Hawwa turut mencadangkan penubuhan persatuan-persatuan yang memiliki keahlian dalam cakupan-cakupan tertentu di dalam negara.[51] Selanjutnya, persatuan-persatuan tersebut membina jaringan di peringkat antarabangsa di bawah pertubuhan ulama' dan pendakwah Islam sedunia sebagai wadah dakwah universal dengan kepakaran masing-masing bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah.[52] Antara persatuan antarabangsa yang dicadangkan ialah Persatuan Perubatan Islam Antarabangsa, Persatuan Jurutera Islam Antarabangsa, Persatuan Fuqaha'

2012. Sila rujuk Muhammad Syeikh Sa`id Hawwa (t.t.), Ahammu Samat al-Manhaj al-Fikri wa al-Da`awi lada al-Shaykh, h. 3.

[47] Ibid., h. 2.

[48] Syeikh Sa`id Hawwa (2010), *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqan*, op. cit., hh. 37-38.

[49] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr, op. cit., h. 346.

[50] Ibid., h. 348.

[51] Ibid., h. 308.

[52] Syeikh Sa`id Hawwa (1995), *Jund Allah Takhtitan*, op. cit., h. 113.

Islam Antarabangsa, dan Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa.[53]

Penyampaian dakwah dalam khutbah jumaat turut menjadi mekanisme pelaksanaan manhaj *da`wah rabbaniyyah*[54] selain bergerak di dalam halaqah *Ihya' al-Rabbaniyyah* bagi menjalankan operasi amar makruf nahi mungkar serta menyeru manusia untuk menghadiri majlis ilmu dan zikir.[55] Selanjutnya, penubuhan majlis dakwah turut direncanakan bagi menyampaikan nasihat dengan menumpukan aspek penerbitan dan percetakan majalah, serta pembabitan dalam penyiaran radio, rakaman kaset, dan televisyen.[56] Setelah merentasi marhalah perkaderan dengan jayanya dalam harakah *Ihya' al-Rabbaniyyah,* para paserta akhirnya diserapkan ke dalam Pertubuhan Sedunia Ulama' dan Pendakwah Islam (الجمعية العالمية لعلماء الإسلام ودعاته) bagi melestarikan dakwah secara holistik dan bersepadu di dalam devisi masing-masing.



[53] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr, op. cit., hh. 309-310.
[54] Syeikh Sa`id Hawwa (1995), Jund Allah Takhtitan, op. cit., 114
[55] Syeikh Sa`id Hawwa (2009), Kay La namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr, op. cit., h. 156.
[56] Syeikh Sa`id Hawwa (1995), Jund Allah Takhtitan, op. cit., h. 116.

KESIMPULAN

Daripada paparan dan perbahasan manhaj dakwah dalam madrasah *perkaderan Ihya' al-Rabbaniyyah,* tuntasnya Syeikh Sa`id Hawwa telah mendedahkan suatu manhaj *da'wah rabbaniyyah* yang bersepadu, dan hal ini telah didokong serta diakui sendiri oleh anak beliau, Muhammad Syeikh Sa`id Hawwa menerusi kenyataannya:[57]

> *"Sesungguhnya penulis (Syeikh Sa`id Hawwa) rahimahu Allah, begitu mengambil berat terhadap persoalan perancangan, organisasi, dan manhaj yang meletakkan amal Islami di atas landasan yang absah, yang bersesuaian dengan kemampuan individu muslim dari segi pengetahuannya, ciri-cirinya, iltizamnya, fikrahnya, hatinya, dan rohaninya. Ia sekaligus dapat melahirkan golongan yang benar-benar ahli dalam mengusung agama sebagai suatu hidayah, petunjuk, kebahagiaan dan keadilan buat sekalian alam."*

Justeru, kefahaman Islam yang cetek dalam kalangan umat dapat dipulihkan kembali dengan perlaksanaan dakwah yang efisien. Penulis berpandangan, pengaplikasian manhaj dakwah yang dilontarkan oleh Syeikh Sa`id Hawwa sememangnya berupaya merawat serta menyuburkan kembali penghidupan Islami dalam kondisi rabbani.

RUJUKAN

Al-Banna, Hasan (t.t.), *Majmu`ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, Kaherah: Dar al-Shihab.

Abd al-Hamid al-Ghazali (2011), *Perkara Asas dalam Agenda Kebangkitan Ummah: Kajian Berdasarkan Gagasan Imam al-Banna,* Solehan Ayub (Terj.). Seri Kembangan: Penerbitan Teras Bakti.

Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *Kay La Namdi Ba`idan `An Ihtiyajat al-`Asr,* c. 5. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr (2003), c. 3. *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syeikh Sa`id Hawwa (2009), *al-Asas fi al-Tafsir,* c. 7. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Mustaffa Abdullah, Prof. Madya Dr. (2005), *Jihad dalam al-Qur'an.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad al-Sayyid Yusuf (2007), *Manhaj al-Qur'an al-Karim fi Islah al-Mujtama',* c. 3. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr

[57] Syeikh Sa`id Hawwa (1993), *op. cit.,* h. 10.

wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah, h. 295.
Syeikh Sa`id Hawwa (1980), *Al-Madkhal ila Da'wah al-Ikhwan al-Muslimun*, c. 3. Kaherah: T.P
Mustafa Masyhur (2007), *Jalan Da'wah Antara Qiyadah dan Jundiyyah*, c. 2. Syed `Abdurahman Hj. Syed Hussin (terj.), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
Sa`id Hawwa (1995), *Jund Allah Takhtitan,* c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
Syeikh Sa`id Hawwa (1993), *Jund Allah Tanziman, op. cit.*.
Yahya Othman (2009), *`Amal Jama`i: Pengertian dan Tuntutan,* c. 2. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
Abd Allah Nasih `Ulwan (2010), *Silsilah Madrasah al-Du`ah: Fusul Hadifah fi Fiqah al-Da'wah wa al-Da`iyah,* c. 7. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
Syeikh Sa`id Hawwa (1983), *Fusul fi al-Imrah wa al-Amir,* c. 2. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi wa al-Tarjamah.

PEMIKIRAN DAKWAH DALAM TAFSIR MUHAMMAD ASAD

Oleh :
Ahmad Nabil bin Amir

ABSTRAK

Kertas ini mengkaji pemikiran dan kefahaman dakwah dalam tafsir Muhammad Asad, The Message of the Qur'an. Kitab The Message yang dihasilkan selama lebih 17 tahun oleh 'Allamah Muhammad Asad ini merupakan tafsiran moden yang cukup berpengaruh di abad ke 20 yang mengetengahkan manhaj akliah yang tuntas dan kefahaman hermeneutik yang ideal. Ia mengangkat tafsiran ulama dari aliran sunni (al-Razi - Mafatih al-Ghayb), zahiri (Ibn Hazm – al-Muhalla) mu'tazili (Zamakhshari - al-Kashshaf) dan salafiyah moden (Muhammad Rashid Rida dan Muhammad Abduh - Tafsir al-Manar). Menarik untuk dikaji kupasannya terhadap ayat-ayat dakwah dan garapannya tentang uslub dakwah dalam al-Qur'an (tawjihat al-ayat), yang membahas secara ekstensif kefahaman dan tema dakwah yang penting seputar konsep al-targhib dan al-tarhib, dan al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar. Kertas ini berusaha meneliti dan merungkai metode yang digariskannya dalam perbincangan ayat-ayat dakwah dan melihat kekuatan hujah dan fikrah yang dikemukakannya tentang gagasan dakwah dalam konteks moden.

PENDAHULUAN

Muhammad Asad (1900-1992) merupakan seorang pentafsir, diplomat, wartawan, penulis dan penterjemah yang aktif. Beliau telah menghasilkan karya-karya besar yang signifikan yang membangkitkan kekuatan baru dalam dunia Islam dengan pesan kebangkitan, dan pencerahan yang ditiupkannya. Dalam magnum opusnya *The Message of the Qur'an*, beliau membawa idealisme pembaharuan dan ijtihad yang dikemukakan oleh Shaykh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida dalam *Tafsir al-Manar* dan berusaha menghidupkan warisan intelek dan tradisi akliah yang diperjuangkan mereka. Kejituannya dalam membela ide-ide moden dan rasional ini diungkapkan dengan jelas dalam *The Message of The Qur'an*:

"Every Qur'anic verse or statement is directed to reason and therefore must be comprehensible [setiap ayat atau pernyataan al-Qur'an ditujukan kepada akal dan kerana itu harus dapat difahami], dan "The spirit of the Qur'ān could not be correctly understood if we read it merely in the light of later ideological developments, losing sight of its original purport and meaning. In actual fact we are bent to become intellectual prisoners of others who were themselves prisoners of the past and had little to contribute to the resurgence of Islam in the modern world." [semangat al-Qur'an tidak dapat difahami sepenuhnya sekiranya kita membacanya hanya dalam rangka perkembangan ideologi setelahnya, terlepas dari menilik tujuan dan maknanya yang asli. Pada kenyataan yang sebenar kita telah terikat dan menjadi tawanan intelek kepada yang lain yang juga telah tertawan oleh pemikiran yang lepas dan hanya sedikit yang dapat disumbangkan kepada kebangkitan Islam dalam dunia moden]. (Asad, 2008)

BIOGRAFI MUHAMMAD ASAD

Nama asalnya ialah Leopold Weiss, berketurunan Yahudi dengan kekuatan pengaruh Rabbi yang diwarisinya. Beliau dilahirkan pada 2 Julai 1900 di bandar Lviv (Lemberg), Ukraine, yang terletak di timur Galicea, yang dahulunya merupakan sebahagian dari empayar Austro-Hungarian. Sejak kecilnya beliau telah mempelajari kitab Lama (Old Testament) dan mendalami teks Talmud, Mishna, Gemarra dan Targum (tafsiran Bible). Beliau turut menguasai bahasa Hebrew dan Aramaic.

Beliau mengambil pengajian falsafah dan sejarah seni di University Vienna pada tahun 1918. Pada tahun 1920 beliau meninggalkan pengajiannya di Vienna dan berhijrah ke Berlin untuk menceburi bidang kewartawanan. Beliau bekerja dengan pereka filem Fritz Lang, dan menjawat sebagai operator bagi agensi berita Amerika di Berlin. Pada tahun 1922 beliau berhijrah ke Palestine, dan menetap bersama pakciknya Dorian Feigenbaum, seorang ahli psikologi di Jerusalem.

Di sana beliau bekerja dengan agensi berita Franfurter Zeitung sebagai wartawan luar. Pekerjaan tersebut membawanya merentasi Mesir, Maghribi, Arab Saudi, Iran, Afghanistan, Syria, Amman, Iraq, Kurdistan, Asia Tengah dan selatan Russia untuk mengenali dunia Islam secara lebih dekat. Beliau bertemu dengan reformis Islam di Kaherah, Shaykh Mustafa al-Maraghi (1881-1945) dan memeluk Islam pada tahun 1926.
Asad telah menghasilkan karya-karya yang prolifik dalam ilmu tafsir, hadith, sejarah, sastera, perundangan dan kesenian Islam. Antaranya termasuklah:

The Message of the Qur'an, *Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam*, *The Road to Mecca*, *My Discovery of Islam*, *This Law of Ours*, *The Spirit of Islam*, *Islam at the Crossroads*, *The Unromantic Orient*, *The Principles of State and Government in Islam*, *Arafat* (jurnal) dan lain-lainnya.
Pada tahun 1932, dari kehidupan padang pasir dan pergunungan tanah Arab Asad berhijrah ke India, di mana beliau menghasilkan karyanya yang monumental, terjemahan dan syarah *Sahih al-Bukhari* dalam Bahasa Inggeris, yang diusahakan selama sepuluh tahun. Ide untuk menguraikan kitab *Sahih* ini tercetus sewaktu beliau menuntut *'ulum al-hadith* di Madinah dan ilmu-ilmu yang berkaitan selama lima tahun di sana. Jilid pertama kitab ini yang mengandungi lima bahagian sempat diterbitkan pada tahun 1935 sebelum meletusnya perang dunia kedua. Tiga puluh lima bahagian lain yang sempat diterjemah dan disyarah musnah dalam rusuhan kaum di Punjab, dan manuskripnya bersama lembaran-lembaran kitab dari perpustakaannya hanyut dalam arus sungai Ravi.

Asad telah mendapat pengiktirafan besar kerana perjuangannya membebaskan masyarakat Islam dari cengkaman kolonial. Pada awal 1940-an beliau berkunjung ke Lahore, India dan bertemu dengan tokoh-tokoh hadith terkemuka seperti Maulana Muhammad Ali, Dr. Saeed Ahmad dan Mahmud Shaukat. Pada tahun 1947 beliau mengepalai Department of Islamic Reconstruction dan menyertai Muhammad Iqbal (1876-1938) menubuhkan negara Islam Pakistan. Pada 1949 beliau berkhidmat dengan kementerian luar Pakistan sebagai ketua jurusan Timur Tengah dan dilantik sebagai duta Pakistan yang pertama ke PBB. Beliau turut diangkat sebagai Penasihat Raja Saud (1880-1953), dan Raja Faysal (p. 1964-75) bagi kerajaan Arab Saudi dan menjalin hubungan baik dengan Putera Salman (l. 1936), Gabenor Riyadh dan Shaykh Ahmad Zaki al-Yamani (w. 1930), Menteri Minyak dan Sumber Asli di Saudi.

Pada tahun 1987, Asad menerbitkan "*This Law of Ours and Other Essays*", yang menghimpunkan koleksi artikelnya tentang pemikiran politik dan aliran mazhab umat Islam yang ditulisnya sepanjang tahun dan tidak diterbitkan. Beliau terus aktif dalam lapangan intelektual dan melanjutkan pengembaraannya ke timur dan barat, menempuh hidup selama 19 tahun di Tangier, Maghribi, sebelum berhijrah ke Mijas, Andalusia, salah sebuah daerah di Sepanyol. Beliau meninggal dunia pada 20 Februari 1992 di Granada, Andalus (Sepanyol) dalam usia 91 tahun dan meninggalkan seorang balu, Puan Paola Hameeda Asad. (Muzaffar Iqbal, 1998)

KITAB THE MESSAGE OF THE QUR'AN

Asad memulakan usahanya menulis kitab *The Message of the Qur'an* ini di Geneva pada tahun 1960. Jilid pertama dari karya ini diterbitkan pada tahun 1964 yang memuatkan tafsirannya hingga surah *al-Taubah*. Terjemahan ini disempurnakan pada tahun 1980 dan diterbitkan oleh Dar al-Andalus, Gibraltar. *The Message* yang diusahakan selama tujuh belas tahun ini diiktiraf sebagai salah sebuah karya terbaik dan terunggul dalam bahasa Inggeris. Ia merupakan tafsiran yang terpenting di abad moden yang telah berhasil mengemukakan, sedekat mungkin, terjemahan al-Qur'ān yang bebas daripada konsepsi yang membebankan yang lahir dalam perkembangan Islam sebelumnya.

Sebelum memulakan usaha penterjemahannya, beliau telah menghabiskan lebih tiga dekad mempelajari al-*Qur'ān*, *hadith* dan disiplin pengajian Islam yang lain. Beliau bertekad untuk menetap di semenanjung Arab dan, dari kelangsungan hubungan dengan masyarakatnya, telah dapat mengenal dengan lebih sempurna lenggok loghat Arab yang meletakannya melangkaui zaman dalam misi intelektualnya untuk mengangkat ketinggian al-Qur'ān dan memahami kemurnian teksnya yang mengatasi mana-mana penterjemah al-*Qur'ān* dari barat. Beliau turut menjalinkan hubungan yang akrab dengan sebahagian dari cendekiawan Muslim yang paling ideal di zamannya.

Hasan Gain Eaton, sarjana Muslim British yang terkemuka, dalam prolog barunya kepada *The Message of the Qur'ān* mengungkapkan bahawa tidak ada satu nukilan yang lebih berguna sebagai petunjuk kepada al-Qur'ān dalam bahasa Inggeris dari terjemahan dan komentar Muhammad Asad, yang memuatkan huraian dan interpretasi yang ekstensif yang dinukil dari mufassir besar, yang karya aslinya hanya dapat diakses oleh ulama Arab.

Obituari Muhammad Asad dalam majalah *Independent* mengangkat *magnum opus*nya, *The Message of the Qur'ān* sebagai satu karya yang tiada tandingan dalam bahasa Inggeris dalam tafsiran terhadap *al-Qur'an*, tidak hanya dalam "hubungan intelektualnya dengan teks" malah pada "keintiman, kehalusan dan kefahaman yang mendalam terhadap keaslian ungkapan klasik Arab yang dilantunkan dalam al-*Qur'ān*".

Tafsirannya disandarkan dari penghujahan teks-teks klasik dan kontemporer dan karya-karya tafsir yang muktabar yang dirujuknya secara ekstensif seperti tafsir Al-Tabari, Al-Zamakhshari, Ibn Hazm, Al-Razi, Al-Baydawi,

Abi Su'ud, Al-Qurtubi, Ibn Kathir, Al-Suyuti, Muhammad Abduh, Rashid Rida dan al-Maraghi. Ia turut mengembeling makna yang signifikan dari perbahasan hadith, seperti yang dirakamkan dalam karyanya *Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam*: "Karya yang saya kerjakan sepanjang hidup telah selesai disempurnakan dengan judul *The Message of the Qur'an*; dan intelektual yang membaca karya tersebut dapat mengesan dengan mudah sejauh mana semangat hadith dan dengannya, daya usaha al-Bukhari yang segar, telah meresap dalam terjemahan saya terhadap kalam Ilahi." (Asad, 2003)

Tema utama yang diketengahkan dalam komentarnya adalah kebebasan akal dan ijtihad. Asad mengarahkan kitab *The Message* kepada "mereka yang berakal budi" [*li qaumin yatafakkarun*]: kepentingan untuk menggunakan fakulti intelek seseorang untuk memahami teks suci, fakta yang ditekankan dalam al-Qur'ān sendiri, seperti dinyatakan oleh Khaleel Mohammed: "Muhammad Asad, contohnya, menampilkan terjemahan yang tepat dan jelas...dan berusaha menzahirkan kelainan dari kaedah tafsir tradisional dengan menekankan kebebasan akliah." (Khalil Mohammed, 2005). Dengan falsafah pemikirannya yang rasional Asad cuba menjawab tuntutan zaman secara realistik, dengan pentafsirannya yang jitu dan klasik, "Setiap zaman menuntut pendekatan yang baru terhadap al-Qur'an dengan alasan yang mudah bahawa al-Qur'an diturunkan untuk semua zaman. Ia merupakan tugas kita untuk mencari makna yang lebih mendalam di dalam al-Qur'an bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman kita. Al-Qur'an ingin daya intelek kalian sentiasa aktif dan cuba untuk mendekati pesan ketuhanan. Tuhan sendiri mendedikasikan kitab ini kepada mereka yang berfikir." (Asad, 2008) Menurut Asad, setiap ayat atau kenyataan al-Qur'ān dihalakan kepada fikiran dan lantaran itu harus dapat digarap dan ditanggapi.

Kriteria penting yang ditekankan dalam tafsirnya adalah prinsip ijtihad dan takwil, yang terkesan dari pemikiran Abduh dalam *Tafsir al-Manar*, seperti dinyatakan dalam nota kaki pada pengantarnya: "Pembaca akan dapati banyak rujukan yang dibuat dari pandangan Muhammad 'Abduh (1849-1905) di nota kaki. Pengaruh beliau dalam dunia moden Islam tidak mampu untuk dijelaskan sepenuhnya. Cukup untuk dinyatakan bahawa setiap aliran pemikiran Islam yang tumbuh di zaman moden adalah berakar dari pengaruh yang bercambah dari tradisi pemikiran dan idealisme beliau, secara langsung atau tidak. Tafsiran al-Qur'an yang direncana dan dirintis beliau telah terjejas dengan kewafatannya pada tahun 1905; dan diteruskan (namun sayangnya tidak dapat disempurnakan sepenuhnya) oleh murid beliau Rashid Rida berjudul *Tafsir al-Manar*, dan telah dimanfaatkan

sepenuhnya oleh saya. Lihat juga Rashid Rida, *Tarikh al-Ustadh al-Imam ash-Shaykh Muhammad 'Abduh* (kaherah 1350-1367 H.), sebuah biografi ulung tentang Shaykh Abduh yang pernah diterbitkan, dan juga C.C. Adams, *Islam and Modernism in Egypt* (London 1933)." (Asad, 2008)

Sejajar dengan agenda reformisnya, *The Message* adalah terjemahan yang koheren yang memberikan pertimbangan dan fokus yang tuntas terhadap diskursif modernis yang khusus tentang al-Qur'ān. Hasil dari pendekatan ini jelas terlakar dalam stail terjemahannya tatkala mengungkapkan makna dan interpretasi yang mempertahankan agenda reform sambil meresapkan tafsiran tradisional dan mengangkatnya dalam sebuah komentar yang paling komprehensif yang pernah dihasilkan dalam mana-mana bahasa.

TAFSIR AYAT-AYAT DAKWAH

Tafsirnya terhadap ayat-ayat dakwah dilakarkan dengan tuntas dengan penggarapan tema-tema pokok seputar falsafah dan prinsip dakwah yang signifikan dari setiap surah. Ini dapat diteliti dari tafsir surah 3:103, 11:88, 16:125, 25:51 dan 47:37. Dalam surah *al-Nahl* ayat 126, yang berbunyi "hence, if you have to respond to an attack [in argument], respond only to the extent of the attack leveled against you" (kerana itu, jika kamu terpaksa menangkis serangan [dalam berhujah], tangkis sejauh kadar serangan yang dikenakan ke atas kamu) Asad menghuraikan: "makna literal, "balas ["atau tangkis"] dengan yang setimpal seperti yang ditimpakan kamu dengannya": dengan itu: orang-orang beriman diingatkan untuk mengawal-diri dalam berhujah dengan kalangan yang menganut kepercayaan lain, dan tidak sekali-kali melanggar batas kesopanan dan kewajaran intelek. Walaupun pembalasan dalam berhujah diizinkan sekiranya integriti seseorang dicabar oleh lawan, rentetan akibatnya membuatkannya jelas bahawa ianya lebih baik dari segi moral untuk meninggalkannya seluruhnya dan menanggung serangan yang tidak adil itu dengan sabar." Dari penjelasannya yang jitu ini Asad menzahirkan prinsip dakwah yang adil yang berasas kepada keinsafan dalam menegakkan kebenaran dan mempertahankan adab yang tinggi dalam berhujah. Tafsiran Asad ini, sebenarnya menjawab pertanyaan kunci yang hendak dijawab Al-Qur'an, iaitu: "Bagaimana semestinya saya berperilaku agar meraih kehidupan yang baik di dunia dan kebahagiaan dalam kehidupan yang akan datang?" (prakata, ms. i).

Dalam tafsirannya tentang petunjuk Tuhan, Asad memutuskan bahawa hidayah hanya dicapai dengan ikhtiar dan kemahuan, seperti ditekankan dalam huraiannya terhadap ayat 2: 213 "for God guides onto a straight way

him that wills [to be guided],” (kerana Tuhan menunjukkan kepada jalan yang lurus dia yang ingin [ditunjuki]), dalam nota kakinya dijelaskan: “that intellectual cognition of the truth cannot, by itself be a means of attaining to ultimate bliss: it must be complemented by readiness to sacrifice and spiritual purification through suffering” (bahawa kesedaran intelek terhadap kebenaran tidak dapat, dengan sendirinya, menjadi sarana untuk mencapai kebahagiaan yang tertinggi: ia harus disempurnakan dengan kesediaan untuk berkorban dan penyucian rohani melalui penderitaan).

Kefahaman Asad ini juga diperkuat oleh pandangan Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* yang menegaskan bahawa kesedaran jiwa yang menggarisbawahi semua asas dalam pembentukan sendi kehidupan masyarakat: “Islam memperbaiki masyarakat dan meratakan keadilan sosial dengan menekankan terlebih dahulu dasar sendi pertama sosial (masyarakat). Dasar sendi pertama ialah jiwa seseorang. Ditanamkan terlebih dahulu dalam jiwa seseorang iman kepada Allah dan hari akhirat, lalu iman itu menimbulkan rasa kasih-sayang dan dermawan. Kesedaran peribadi setiap orang dalam hubungannya dengan Allah, manusia, alam sekitar dan kedudukan dirinya di tengah semuanya itu, di sanalah sumber keadilan sosial. Sebab itu pernah tersebut di dalam suatu hadis, bahawasanya jika ajaran ini telah diamalkan, akan datang suatu masa tidak ada lagi orang yang berhak menerima zakat, kerana semua orang wajib berzakat. Dan ini pernah tercapai dalam masyarakat Islam, sebagaimana disaksikan dalam sejarah Khalifah Umar bin Abdul Aziz (rad).” (Hamka, 1990)

Dakwah Islam, menurut Asad, adalah bersifat universal sebagai *rahmat li’l-‘Alamin* (rahmat bagi sekalian alam) yang digerakkan oleh kekuatan umat yang bangkit dengan nilai perjuangan yang tulen dan autentik sebagai umat yang pertengahan (*ummatan wasatan*), yang diterjemahkan Asad sebagai “a community of the middle way” (umat pertengahan) [2:143]. Ini diungkapkan oleh Prof. Ismail Raji al-Faruqi sebagai “an ecumenical community par excellence” atau Ahmad Syafii Maarif sebagai “komunitas jalan tengah”, “umat yang medium, tidak ekstrem” yang mempertahankan hujah Islam yang rasional dan meraikan prinsip keterbukaan dan *maslahah*: “Islam harus dikemukakan tanpa sebarang fanatisme. Tanpa sebarang penekanan hanya kita yang menempuh jalan petunjuk dan kalangan yang lain terpesong. Kesederhanaan dalam semua bentuk adalah tuntutan basik dalam Islam.” (Asad, 2008)

Asas dakwah juga dikaitkan dengan prinsip keadilan sebagaimana ditafsirkan oleh Asad dalam surah al-Nisa’ ayat 58: “Sesungguhnya,

Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menetapkan hukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat." [4:58] Asad menerangkan kefahamannya yang luas mencakup faham hukum dan prinsip dakwah yang universal yang berteraskan tuntutan keadilan: "iaitu (adil), dalam maksud perundangan, dan juga dalam pengertian menghukum niat, sikap dan laku orang lain."

Dalam Apendiknya tentang *Perjalanan Malam*, Asad merumuskan bahawa perjuangan dakwah Islam adalah kesinambungan dari risalah langit yang dipikul oleh para Anbiya' (as) yang diutuskan sebelum kerasulan Nabi Muhammad (saw), seperti dijelaskannya: "Sebagai kesimpulan, harus diperhatikan bahawa Perjalanan Malam Rasulullah (saw) dari Mekah ke Baitulmaqdis, berlaku sebaik sebelum Pengangkatannya, membuktikan bahawa Islam bukanlah suatu kepercayaan baru tetapi merupakan tradisi yang berkesinambungan dari risalah suci yang sama yang disampaikan oleh Nabi-Nabi terdahulu, yang menempati Baitulmaqdis sebagai kediaman rohani mereka. Pandangan ini diperkukuh oleh hadith (dipetik dalam *Fath al-Bari* VII, 158), yang mana Nabi (saw), dalam Perjalanan Malamnya, telah menunaikan solat di Yathrib, Sinai, Bethlehem, dan lain-lainnya. Pertemuan Baginda (saw) dengan Nabi-Nabi yang lain, yang disebut dalam peristiwa ini, menyerlahkan idea yang sama. Hadith yang masyhur daripada babak penting Perjalanan Malam ini di mana Nabi (saw) telah memimpin jemaah solat dalam sebuah kuil suci di Baitulmaqdis, yang mana semua para Nabi berdiri membentuk saf di belakang Baginda (saw), menunjukkan secara figuratifnya tentang kepercayaan bahawa Islam, sebagaimana disampaikan oleh Nabi Muhammad (saw), adalah pelengkap dan penyempurna kepada tradisi agama manusia, dan Nabi Muhammad (saw) adalah Rasul pembawa risalah Allah yang terakhir dan teragung." (Asad, 2008)

KESIMPULAN

Dari tafsirannya tentang intipati dakwah dalam al-Qur'an, Asad telah mengemukakan pandangan dakwah yang universal dan meluas yang digarap dari maqasid dan semangat al-Qur'an. Komentarnya mengilhamkan kebangkitan ide yang rasional dan mengapungkan cita-cita nahdah dan tajdid yang jelas. Ia membahas falsafah dan khittah dakwah yang segar dengan keutamaan terhadap tema pembaharuan dan ijtihad. Perbincangan tentang aspek dakwah dalam kitab *The Message of the Qur'ān* ini harus diperluas bagi mengangkat kefahaman tentang perjuangan dakwah dan pencerahan

yang dibawa al-Qur'ān di saat bangkitnya kesedaran dan kecenderungan sejagat untuk menyingkap pesan universal yang dikemukakan Islam kepada bangsa manusia, seperti diungkapkan oleh Ahmad Syafii Maarif dalam artikelnya "Muhammad Asad tentang Al Quran": "Asad dengan The Message-nya tidak diragukan lagi telah memberikan sumbangan yang sangat berharga kepada khazanah ilmu pengetahuan dan kemanusiaan."

RUJUKAN

Asad, Muhammad. (2002). *Sahih al-Bukhari: The early years of Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

Asad, Muhammad. (2003). *Sahih al-Bukhari: The early years of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Asad, Muhammad. (2008). *The Message of the Qur'an*. Watsonville, CA: The Book Foundation.

Hamka. (1990). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.

Khaleel Mohammed. (2005). "Assessing english translations of the Qur'an", *Middle East Quarterly*, xii (2): 58-71.

Muzaffar Iqbal. (1998). "Muhammad Asad: A biography". *Islamic Studies*, 37 (3): 411-414.

MEMAHAMI PEMBESAR BERDASARKAN SURAT-SURAT NABI S.A.W KEPADA PEMBESAR NEGARA

Oleh:
Zawawi Yusof [1]

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami situasi golongan pembesar dari aspek sosiologi dan psikologi. Pemahaman ini adalah berdasarkan kepada surat-surat Nabi SAW kepada pembesar negara. Mesej-mesej yang diketengahkan dalam surat-surat tersebut pastinya mengambarkan situasi dan realiti keadaan golongan pembesar dari aspek-aspek yang dinyatakan di atas. Ini kerana Nabi SAW tidak akan mengemukakan sesuatu mesej kepada golongan sasar melainkan yang sesuai dan tepat dengan sasaran tersebut. Kefahaman terhadap situasi golongan sasar dari pelbagai aspek adalah penting bagi mengenalpasti mesej-mesej yang sesuai kepada mereka. Ini kerana kesesuaian pemilihan mesej dakwah dengan golongan sasar merupakan antara faktor penting kejayaan dakwah.

PENGENALAN

Antara golongan sasar dalam dakwah ialah golongan pembesar. Mereka adalah golongan yang menduduki hierarki teratas dalam sistem sosial sesebuah masyarakat atau kumpulan. Lazimnya mereka merupakan golongan yang memegang tampuk kekuasaan. Justeru, dakwah kepada golongan pembesar adalah penting, namun ia agak sukar kerana dakwah bersangkutan dengan kepimpinan yang berkait langsung dengan kuasa. Sementara kuasa pula merupakan ciri khusus golongan pembesar. Semacam ada pertembungan di antara keduanya. Al-Quran telah menceritakan banyak kisah pertembungan antara golongan pembesar dengan para rasul a.s. dalam misi dakwah mereka. Faktor utama yang mendorong penentangan golongan pembesar terhadap dakwah para nabi a.s. sebagaimana yang telah diceritakan oleh al-Quran ialah sifat takbur melampau demi mempertahankan kuasa. Oleh kerana berdakwah kepada golongan pembesar agak sukar berbanding golongan lain, maka amat perlu menekankan kepada metode yang sesuai.

[1] Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Antara aspek yang perlu ditekankan dalam berdakwah kepada golongan pembesar, supaya ia mengikut metode yang sesuai ialah aspek kesesuaian mesej dengan golongan sasar selain daripada kemestian mempunyai metode yang jelas tentang uslub dakwah, strategi dakwah, adab dakwah, keadaan sasaran dakwah dan sebagainya. Mesej yang sesuai dengan golongan sasar dapat ditentukan apabila pendakwah dapat memahami latar belakang dan situasi sebenar golongan sasar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami golongan pembesar berdasarkan kepada surat-surat dakwah yang diutuskan oleh Nabi S.A.W kepada pembesar negara. Mesej-mesej dakwah yang diketengahkan dalam surat-surat tersebut pastinya mengambarkan situasi dan realiti keadaan golongan pembesar dari pelbagai aspek. Ini kerana Nabi S.A.W tidak akan mengemukakan sesuatu mesej kepada golongan sasar melainkan yang sesuai dan tepat dengan sasaran tersebut. Di antara manhaj dakwah kepada golongan pembesar yang pernah digunakankan oleh baginda Rasulullah S.A.W yang terbukti keberkesanannya ialah manhaj *murāsalah*. Mengikut kajian Muhammad ibn Sa'd dalam kitabnya *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, jumlah surat baginda yang dapat dikesan lebih kurang 100 pucuk surat.[2]Manakala ʻAli ʻAbd al-Ḥalim Maḥmūd menyatakan jumlah surat baginda lebih daripada 50 pucuk surat.[3]

Hasil dari manhaj *murāsalah* ini, sebahagian daripada pembesar telah menerima Islam manakala sebahagian yang lainnya telah memperlihatkan sikap toleransi terhadap dakwah. Begitu juga manhaj ini telah dapat mendedahkan pendirian para golongan pembesar tersebut terhadap dakwah Islamiah. Secara umumnya, manhaj *murāsalah* kepada golongan pembesar yang diaplikasikan oleh Nabi S.A.W telah membuahkan banyak kejayaan, di mana dengan pelbagai respon yang diterima telah membantu Daulah Islamiah yang dipimpin oleh Nabi S.A.W merangka dan melaksanakan manhaj yang berkesan sama ada dari sudut politik mahupun ketenteraan.[4]

---

[2] Ibn Saʻd Muḥammad (t.t), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, j. 1. Bayrūt: Dār Sādir, h. 258-291.

[3] ʻAli ʻAbd. Halim Maḥmūd (1993), *Fiqh al-Da'wah ilā Allah,* j. 1, c. 4. Al-Manṣūrah: Dar al-Wafā' li al-Ṭibāʻah wa al-Nashr wa al-Tawziʻ, h. 185.

[4] Al-Sallabi ʻAli Muḥammad Muḥammad (2007), *Mawsūʻah al-Siyar ʻArḍ Waqāiʻ wa Taḥlil Aḥdāth Durūs wa ʻIbar*, j. 2. Bayrūt: Dar Ibn Kathir, h. 348.

SURAT-SURAT NABI S.A.W KEPADA PEMBESAR

Pembesar Semenanjung Tanah Arab

i. Surat Nabi S.A.W kepada al-Mundhir ibn Sāwā Pembesar al-Baḥrayn.

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد رسول الله ، إلى المنذِر بن ساوَى : سلام على مَن اتبع الهُدى ، أما بعد : فإني أدعوك إلى الإسلام ، فأسلِم تَسلَم ، وأسلِم يجعل الله لك ما تحت يديك ، واعلم أن ديني سيظهر إلى منتهى الخف والحافر.[5]

Terjemahan surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dari Muḥammad pesuruh Allah kepada al-Mundhir ibn Sawa, salam ke atas yang mengikuti hidayah, adapun selepasnya, maka aku menyeru kamu dengan seruan Islam, peluklah Islam nescaya kamu selamat, peluklah Islam nescaya Allah akan kekalkan pemerintahan kamu, ketahuilah bahawa agama ku ini akan tampil ke akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkahan unta.

ii. Surat Nabi S.A.W kepada Jayfar ibn al-Julandī dan ‘Abd ibn al-Julandī pembesar ‘Umān.

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد بن عبد الله ، إلى جَيفر وعبد ابني الجُلندي ، سلام على من اتبع الهدى. أما بعد : فإني أدعوكما بدعاية الإسلام ، أسلِما تسلَما ، فإني رسول الله إلى الناس كآفة ، لأنذر من كان حيا ، ويحق القول على الكافرين ، وإنكما إن أقررتما بالإسلام ولّيتُكما ، وإن أبيتُما أن تُقِرّا بالإسلام فإن مُلككما زائل عنكما ، وخيلي تحل بساحتكما ، وتظهر نُبوّتي على ملككما.[6]

---

[5] Al-Zayla‘i ‘Abd Allah ibn Yusuf Abū Muḥammad (t.t), *Nuṣb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah*, Muḥammad Yūsuf al-Banūri (taḥqiq). Miṣr: Dar al-Ḥadith. j. 4, h. 420. Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni al-Imām al-Ḥāfiẓ Shihab al-Din Aḥmad ibn ‘Ali (1991), *Taqrīb al-Tahdhīb*, Muḥammad ‘Awwamah (taḥqiq), c. 3, no. 6175. Bayrut: Dar al-Qalam, h. 498.

[6] Ibn Sayyid al-Nas al-Ya‘mari Abu al-Fatḥ ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad (1980), *‘Uyūn al-Āthar fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamāil wa al-Sayr*, Lajnah Iḥya’ al-

Terjemahan surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dari Muḥammad ibn ʻAbd Allah kepada Jayfar dan ʻAbd ibn al-Julandā, salam ke atas yang mengikuti hidayah, adapun selepasnya, maka aku menyeru kamu berdua dengan seruan Islam, peluklah Islam nescaya kamu berdua selamat, sebenarnya ku ini utusan Allah kepada manusia sejagat untuk memberi *indhār* atau peringatan kepada yang masih hidup dan menegaskan kata benar kepada kaum kafir, sekiranya kamu berdua akur menerima Islam ku terus letakkan kamu berdua sebagai penguasanya, dan sekiranya kamu enggan untuk menerima Islam maka kerajaan kamu berdua akan luput, di mana kuda-kuda ku akan melewati perkarangan kamu berdua dan di hari itu terbukti kenabian ku mengatasi pemerintahan kamu berdua.

iii. Surat Nabi S.A.W kepada Hawdhah ibn ʻAli al-Ḥanafī pembesar al-Yamāmah.

بسم الله الرحمن الرحيم
من محمد رسول الله ، إلى هَوذَة بن علي ، سلام على من اتبع الهدى ، واعلم أن ديني سيظهر إلى منتهى الخف والحافر ، فأسلِم تسلَم ، وأجعل لك ما تحت يديك.[7]

Terjemahan surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dari Muhammad Pesuruh Allah kepada Hawdhah ibn ʻAli, salam kepada yang mengikuti hidayah, ketahuilah bahawa agama ku ini akan tampil ke akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkahan unta, peluklah Islam engkau akan selamat, segala milik engkau akan kekal untuk engkau.

Turāth al-ʻArabi fi Dār al-Āfaq al-Jadidah (taḥqiq), j. 2, c. 2. Bayrūt: Manshūrāt Dar al-Āfāq al-Jadidah, h. 340. Ibn Qayyim al-Jawziyyah Shams al-Din Muḥammad ibn Abi Bakr (1992), *Zād al-Maʻād fī Hady Khayr al-ʻIbād*, Shuʻayb al-Arnaʼūt dan ʻAbd al-Qādir al-Arnaʼūt (taḥqiq) c. 26, j. 3. Bayrūt: Muassasah al-Risālah Ibn al-Qayyim, h. 693.

[7] Ibn Sayyid al-Nās al-Yaʻmari Abū al-Fatḥ ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad (1980), *op.cit*., h. 355. Ibn Qayyim al-Jawziyyah Shams al-Din Muḥammad ibn Abi Bakr (1992), *op.cit*., h. 696.

iv. **Surat Nabi S.A.W kepada al-Ḥārith ibn ‘Abd Kulāl al-Ḥimyarī Pembesar al-Yaman.**

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد رسول الله إلى الحارث ، سلم أنتم ما آمنتم بالله ورسوله ، وأن الله وحده لا شريك له بعث موسى بآياته ، وخلق عيسى بكلماته ، قالت اليهود : عزير ابن الله ، وقالت النصارى : الله ثالث ثلاثة ، عيسى ابن الله .[8]

Terjemahan surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dari Muhammad Pesuruh Allah kepada al-Harith, salam sejahtera kepada kamu semua hingga kamu beriman kepada Allah dan RasulNya. Tidak diragu-ragukan lagi Allah adalah Yang Maha Unik yang tiada sekutu denganNya. Dia telah menghantar Musa a.s dengan mukjizat dan telah menciptakan Isa a.s dengan kalimahNya. Tetapi orang Yahudi berkata bahawa Uzayr anak Allah dan orang Kristian berkata bahawa Isa anak Allah dan ia adalah satu dari tiga.

Surat-Surat Nabi S.A.W Kepada Pembesar Luar Semenanjung Tanah Arab

i. **Surat Nabi S.A.W kepada al-Najāshi al-Aṣḥamah Raja al-Ḥabshah**

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد رسول الله ، إلى النجاشي ملك الحبشة ، أسلم أنت ، فإني أحمد إليك الله الذي لا إله إلا هو الملك القدوس السلام المؤمن المهيمن ، وأشهد أن عيسى بن مريم روح الله وكلمته ألقاها إلى مريم البتول الطيبة الحصينة ، فحملت بعيسى ، فخلقه الله من روحه ونفخه ، كما خلق آدم بيده ، وإني أدعوك إلى الله وحده لا شريك له ، والموالاة على طاعته ، وأن تتبعني ، وتؤمن بالذي جاءني ، فإني رسول الله ، وإني

[8] Ibn Sa‘d Muḥammad (t.t), *op.cit.*, h. 282.

أدعوك وجنودك إلى الله عز وجل ، وقد بلغت ونصحت ، فاقبلوا نصيحتي ، والسلام على من اتبع الهدى.[9]

Terjemahan Surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad Rasulullah S.A.W kepada al-Najāshi (Negus) Yang DiPertuan Agung negara Habsyah, salam sejahtera ke atas orang yang mengikuti hidayah. Adapun selepas itu, bahawa sesungguhnya daku memujiMu Allah yang tiada Tuhan melainkan Dialah Tuhan yang merupakan Pemerintah seluruh alam. Dia suci dan bebas (dari segala kecacatan, kekurangan, kelemahan atau kealpaan) al-Malik, al-Quddus, al-Salam, al-mu'min, al-Muhaimin, dan daku mengaku bahawa Isa (Jesus) a.s adalah anak kepada Maryam, yang merupakan Roh Allah dan kelebihanNya, yang dicampak kepada Maryam yang tulus murni, dan suci, maka dengannya beliau mengandung Isa a.s dari rohNya dan tiupanNya, seperti mana dicipta Adam a.s dengan tanganNya, dan kini aku menyeru kamu kepada Allah yang Esa tiada sekutu bagiNya, memberi ketaatan kepadaNya, hendaklah kamu mengikuti ku, dan beriman dengan risalahku, sesungguhnya aku adalah utusan Allah. Aku mengajak kau dan tentera kau kepada Allah S.W.T. Sebenarnya telahpun ku sampaikan dan menasihati, maka terimalah nasihat ku ini, dan selamat sejahteralah ke atas orang yang mengikut hidayah.

ii. Surat Nabi S.A.W kepada Heraql Raja Rom

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد عبد الله ورسوله ، إلى هرقل عظيم الروم . سلام على من اتبع الهدى . أما بعد : فإني أدعوك بدعاية الإسلام ، أسلم تسلم ، أسلم يؤتك الله إجرك مرتين ، فإن توليت فعليك إثم الأريسيين . و" يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئا ولا يتخذ بعضنا بعضا أربابا من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأنا مسلمون".[10]

[9] Ibn Qayyim al-Jawziyyah Shams al-Din Muḥammad ibn Abi Bakr (1992), *op.cit.*, h. 689.

[10] ʻAli ʻAbd al-Hamid Baltaji (1994), *Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, "*Kitāb al-Jihād wa al-Sayr*", no.

Terjemahan Surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad hamba Allah dan utusanNya kepada Heraql pembesar Rom. Selamat sejahteralah ke atas mereka yang mengikuti petunjuk. Ada pun selepas itu, aku mengajak kamu ke dalam pangkuan Islam. Jadi, jika kamu mahukan keselamatan, terimalah Islam, Allah akan memberi ganjaran berganda kepada kamu dan jika kamu enggan menurutinya, maka engkau memikul beban dosa golongan Arisin. Wahai ahli kitab! Marilah kamu kepada kalimah yang bersamaan di antara kami dan kamu, bahawa tiada yang kita sembah kecuali Allah dan tidak kita mempersekutukanNya dengan sesuatu pun dan tidak sesetengah kita mengangkat yang lain menjadi tuhan selain dari Allah, kalau mereka berpaling, kamu katakanlah: "jadi saksilah kamu, bahawa kami orang-orang Islam".

iii. **Surat Nabi S.A.W kepada Kisrā Raja Parsi**

بسم الله الرحم الرحيم

من محمد رسول الله ، إلى كسرى عظيم فارس ، سلام على من اتبع الهدى وآمن بالله ورسوله ، وشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له . وأن محمدا عبده ورسوله ، أدعوك بدعاية الله ، فإني أنا رسول الله إلى الناس كافة لينذر من كان حيا ويحق القول على الكافرين ، أسلم تسلم ، فإن أبيت فعليك إثم المجوس .[11]

Terjemahan Surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad utusan Allah kepada Kisra pembesar Parsi, salam sejahtera ke atas mereka yang mengikuti hidayah, beriman dengan Allah dan RasulNya dan bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa dan tiada sekutu bagiNya dan Muhammad itu hamba dan pesuruhNya, di sini ku menyerukan kau dengan seruan

hadis 1773. j. 12. Bayrūt: Dar al-Khayr h. 447-452. Ibn Hajar al-'Asqalani al-Imām al-Hāfiz Shihāb al-Din Aḥmad ibn 'Ali (1989), *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "*Kitāb al-Jihād wa al-Sayr*", no. hadis 2941. j. 6. Bayrūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 135-137.

[11] Ibn Qayyim al-Jawziyyah Shams al-Din Muḥammad ibn Abi Bakr (1992), *op.cit*., h. 688.

Allah, maka sesungguhnya aku adalah Rasulullah S.A.W diutuskan kepada manusia sekelian, memberi *indhār* kepada sesiapa yang hidup, memberi kata benar kepada kaum kafir, anutilah Islam nescaya kau akan selamat, sekiranya kau menolak maka tanggunglah dosa-dosa penganut Majusi sekelian.

iv. Surat Nabi S.A.W kepada Muqawqis Pembesar Mesir

بسم الله الرحمن الرحيم

من محمد عبد الله ورسوله ، إلى المقوقس عظيم القبط ، سلام على من اتبع الهدى ، أما بعد : فإني أدعوك بدعاية الإسلام ، أسلم تسلم ، وأسلم يؤتك الله أجرك مرتين ، فإن توليت ، فإن عليك إثم القبط (يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئا ولا يتخذ بعضنا بعضا أربابا من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأنا مسلمون).[12]

Terjemahan Surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad hamba Allah dan utusanNya kepada al-Muqawqis, pembesar Qibti. Salam sejahtera ke atas yang mengikut hidayah. Adapun selepas itu, maka saya menyeru engkau dengan seruan Islam, anutilah Islam nescaya selamatlah tuan, anutilah Islam nescaya Allah berikan tuan dua pahala, kalau tuan berpaling tadah, maka tanggunglah dosa orang Qibti semuanya. Wahai ahli kitab! Marilah kita kepada suatu yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa kita tidak sembah kecuali Allah dan kita tidak persekutukanNya dengan sesuatu dan tidak pula sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan melainkan Allah. Jika mereka berpaling, maka katakan kepada mereka: "saksikanlah, bahawa kami adalah hamba yang menyerahkan diri kepada Allah"

[12] *Ibid*., h. 691.

v. Surat Nabi S.A.W kepada al-Ḥārith ibn Abi Shimr al-Ghassāni Pembesar al-Ghassāsinah

بسم الله الرحمن الرحيم ، من محمد رسول الله ، إلى الحارث ابن أبي شمر : سلام على من اتبع الهدى ، وآمن بالله وصدق ، وإني أدعوك ألى أن تؤمن بالله وحده لا شريك له ، ويبقى لك ملكك.[13]

Terjemahan surat:
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dari Muhammad pesuruh Allah kepada al-Hārith ibn Abi Shimr, salam ke atas yang mengikuti hidayah, beriman dan mempercayaiNya, sebenarnya ku menyeru kamu supaya beriman dengan Allah Yang Esa yang tiada sekutu bagiNya dan pemerintahan kamu akan kekal.

MEMAHAMI PEMBESAR

Memahami pembesar berdasarkan surat-surat Nabi S.A.W kepada mereka adalah dengan melihat dan meneliti mesej-mesej dakwah yang terkandung di dalam surat-surat tersebut. Antara mesejnya ialah:

i. Tauhid
ii. Isbat al-Risalah atau Kenabian
iii. Ancaman dan Amaran
iv. Jaminan Keselamatan
v. Tunai Amanah ke atas Hak Manusia
vi. Perakuan Pengaruh Golongan Pembesar
vii. Keuntungan dan Pahala Berganda.

Dengan meneliti dua mesej dari mesej-mesej di atas dapat disimpulkan bahawa Nabi S.A.W sangat memahami latar belakang dan situasi golongan pembesar dari aspek sosiologi dan psikologi. Dua mesej tersebut ialah perakuan pengaruh dan jaminan keselamatan golongan pembesar. Ungkapan فإن أبيت فإن dan فإن توليت فإن عليك إثم الأريسيين أثم المجوس عليك yang terdapat di dalam surat Nabi S.A.W, selain daripada merupakan suatu ancaman kepada golongan pembesar akibat pengabaian atau penafian terhadap hak-hak orang bawahan atau rakyat yang menjadi tanggungjawab mereka dari menerima dakwah, ia juga secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan dan perakuan terhadap pengaruh dan kuasa mereka. Iaitu dengan pengaruh dan kuasa, mereka telah menghalang orang awam dari menerima dakwah. Perakuan terhadap pengaruh dan kedudukan sosial mereka dalam masyarakat juga boleh dilakukan dengan memanggil

[13] *Ibid*., h. 697.

mereka dengan panggilan yang menggambarkan situasi tersebut seperti panggilan عظيم القوم الفلانيين atau صاحب مملكة كذا.[14] Nabi S.A.W telah menggunakan panggilan عظيم terhadap Heraql, Kisra dan al-Muqawqis, manakala perkataan ملك digunakan kepada al-Najashi. Mesej perakuan tentang kuasa ini adalah khusus kepada golongan pembesar (penguasa) sahaja.

Manakala mesej jaminan keselamatan terutama aspek kuasa menjelaskan bahawa Nabi S.A.W sangat memahami psikologi golongan pembesar. Mesej tersebut dapat difahamai dari ungkapan أسلم تسلم yang terdapat di dalam kebanyakan surat Nabi S.A.W kepada golongan pembesar dan ungkapan-ungkapan lain seperti إنهم إن dan سلم أنتم ما آمنتم بالله ورسوله . آمنوا وأقاموا الصلاة وآتوا الزكاة وأطاعوا الله ورسوله ونسكوا نسك المسلمين فإنهم آمنون Begitu juga ungkapan Nabi S.A.W kepada pembesar 'Uman, وإنكما إن أقررتما بالإسلام ولّيتُكما ! dan ungkapkan kepada al-Mundhir ibn Sawa pembesar al-Bahrayn وإنك مهما تصلح فلن نعزلك عن عملك.[15]

Pengertian Pembesar

Pembesar (*mala'*) menurut ahli bahasa secara umumnya, ialah seorang yang berpengaruh dan menjadi rujukan orang ramai. Kebiasaannya ia merupakan seorang elit, ketua, pemimpin, penguasa dan seumpamanya kepada sesuatu kelompok manusia secara rasmi atau pun tidak rasmi. Antara ciri-ciri golongan pembesar menurut ahli bahasa ialah mulia,[16]tinggi kedudukan sosial, diharapkan daripada mereka dengan kebajikan dan pandangan bernas,[17] memiliki kemampuan serta kekayaan,[18] memiliki kedudukan serta pangkat,[19] dikagumi,[20]menonjol, dipandang hebat serta diharapkan dapat

[14] Al-Qalqashandi Abū al-'Iyad Aḥmad ibn 'Ali (1985), *Ṣubḥ al-A'shā Fī Ṣinā'ah al-Inshā'*, j. 6. Dimashq: Dar al-'Ilm, h. 51.

[15] Ibn Sa'd Muḥammad (t.t), *op. cit*., h. 276.

[16] Ashraf Tāha Abū al-Dahab (2002), *Mu'jam al-Islāmī al-Jawānib al-Dīniyyah wa al-Siyāsiyyah wa al-Ijtimā'iyyah wa al-Iqtiṣādiyyah*. Al-Qahirah: Dār al-Shurūq, h. 582.

[17] Aḥmad Abū Ḥāqah (2007), *Mu'jam al-Nafāis al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Nafāis, h. 1903.

[18] Al-Bustani Buṭrus (1869), *Quṭr al-Muḥīṭ*. Bayrūt: Maktabah Lubnān, h. 2080

[19] Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1970), *Mu'jam Alfāẓ al-Qur'ān al-Karīm*, j. 2, c. 2. T.T.P. : Al-Hayāh al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Ta'lif wa al-Nashr, h. 649.

[20] Al-Asfahāni al-Raghib (t.t), *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Muḥammad Sayyid Kilani (taḥqiq). Tehrān: al-Maktabah al-Murtadawayh, h. 473.

mencapai cita-cita[21] dan sebagai tempat rujuk.[22]Manakala antara ciri-ciri golongan pembesar menurut para ahli tafsir ialah mulia, [23]hebat, bertolong bantu[24] dan dianggap dapat memenuhi realiti kehidupan.[25]

Memahami Pembesar Dari Aspek Sosiologi

Menurut Shamsul Amri Baharuddin, masyarakat dikatakan terbahagi kepada dua iaitu yang mendominasi (*the dominating*) dan yang didominasi (*the dominated*).[26] Berdasarkan pengertian pembesar seperti yang dinyatakan sebelum ini, maka golongan pembesar tergolong di dalam bahagian yang pertama iaitu golongan yang mendominasi. Oleh kerana itu, dari sudut sosiologi, golongan pembesar mempunyai status sosial yang tinggi kerana mereka menduduki hierarki teratas dalam sesuatu institusi sosial masyarakat.

David Krech dan Richard S. Crutshfield menyatakan bahawa kewujudan pembesar (pemimpin) merupakan hasil daripada organisasi sosial yang telah terbentuk atau sebagai hasil dinamika daripada interaksi sosial. Semenjak terbentuknya suatu kelompok sosial, seseorang atau beberapa orang di antara warga-warganya melakukan peranan yang lebih aktif daripada rakan-rakannya, sehingga seseorang atau beberapa orang nampak lebih menonjol[27]

---

[21] Al-Zamakhshari Abū al-Qasim Maḥmud ibn ʻUmar ibn Muḥammad (1992), *Asās al-Balāghah*. Bayrūt: Dār Sādir, h. 601.

[22] Ibn Manzūr al-Afriqi al-Miṣri Abu al-Fadl Jamal al-Din Muḥammad ibn Mukram (1990), *op.cit.*, j. 1, h. 159.

[23] Al-Barūsawi Ismaʻil Haqqi (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*, j.1. T.T.P. : Dar al-Fikr, h. 381.

[24] Al-Baghdadi al-Alusi (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Maʻānī*, j.2. Bayrut: Dar Iḥyā' al-Turāth al-ʻArabi, h.164.

[25] Al-Shaʻrāwi Muḥammad Mutawalli (t.t), *Tafsīr al-Shaʻrāwī,* j. 2. Al-Qahirah: Akhbār al-Yawm Qutā' al-Thaqāfah, h. 1056.

[26] Shamsul Amri Baharuddin (1983), *Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

[27] Menonjol dengan erti paling kuat, paling cerdas dan paling berani. Sebagai contoh, Kautilya dengan tulisannya "*Arthasastra*" (321 sebelum masehi) mencatatkan ciri-ciri khas seorang perwira yang ditunjuk sebagai *pembesar*. Iaitu, peribumi, lahir dari keturunan luhur, sihat, kuat, berani, intelligent, punya ingatan yang kuat, pandai, fasih berbicara, mempunyai watak yang murni, bersifat dengan kebaktian, setia, taat pada kewajipan, punya harga diri, tetap pendirian, bijaksana, mampu melihat jauh ke depan, ramah-tamah, baik hati, sopan santun, ada keterampilan, terlatih dalam bidang seni dan mempunyai pengaruh. Lihat Kartini Kartono (1983), *Pemimpin dan Kepimpinan*. Jakarta: CV. Rajawali, h. 28. Sebanyak 32 sifat pembesar yang unggul (daripada perspektif Buddhaisme) atau sifat *Cakravantin* (Pembesar Alam) berupa ilmu kepimpinan (pembesar) rumpun Melayu yang tertua setakat ini boleh dirujuk dalam Shaharir Mohamad Zain (2008), *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan Dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT), h.

dari yang lain. Itulah asal mula timbulnya pembesar, yang kebanyakan timbul dan berkembang dalam struktur sosial yang kurang stabil.[28] Umumnya, pembesar ialah suatu fenomena biasa. Ia merupakan sebahagian daripada ciri kehidupan manusia. Secara sedar atau tidak sedar, ramai orang terlibat sebagai pembesar sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, agama, ketenteraan, politik dan lain-lain. Setiap organisasi dalam semua bidang ini mempunyai pembesar. Sebuah keluarga yang merupakan organisasi sosial yang paling kecil dipimpin oleh seorang bapa, sebuah syarikat yang merupakan sebuah organisasi ekonomi, dipimpin oleh seorang pengerusi atau pengurus dan sebuah negara yang merupakan sebuah organisasi politik, dipimpin pula oleh seorang raja, presiden atau perdana menteri. Dalam erti kata lain, semua organisasi sama ada kecil atau besar, mempunyai pembesar masing-masing.[29]

Golongan pembesar memainkan peranan utama dalam pelbagai institusi sosial yang mempunyai beraneka matlamat yang berbentuk ekonomi, politik, ketenteraan, sosial, agama dan lain-lain.[30] Peranan yang dimainkan mereka itu sangat dihormati, justeru mereka yang memainkan peranan ini mendapat kedudukan atau status yang tinggi di dalam setiap institusi yang diketuai mereka.[31]

Sebilangan ahli sosiologi bersetuju pada umumnya dengan pendapat bahawa golongan pembesar adalah mereka yang biasanya boleh dan memang mempunyai pengaruh ke atas orang lain, dengan ertikata bahawa fikiran, perkataan dan tindakan mereka boleh mempengaruhi perlakuan orang lain yang biasanya disebut sebagai pengikut mereka. Ada tiga rumusan yang dapat menunjukkan bagaimana istilah pembesar (pemimpin) itu dipergunakan oleh ahli-ahli sosiologi:[32]

i. Mereka yang pencapaiannya atas dasar beberapa matlamat adalah dianggap sebagai tinggi.
ii. Mereka yang statusnya diiktiraf sebagai lebih tinggi daripada lain-lain orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang

58-63.

[28] Soerjono Soekanto (t.t), *Sosiologi Suatu Pengantar*, c.7. Indonesia: Penerbit Universitas Indonesia (Ui-Press), h. 179-180.

[29] Husin @ Ibrahim Mamat (2007), *Pemimpin Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

[30] Maḥmūd Shayt Khaṭṭāb (1983), *Bayn al-ʿAqīdah wa al-Qiyādah*, c. 3. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 469.

[31] S. Husin Ali (1982), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 13.

[32] Gouldner, A.W. (1965), *Studies I Leadership*. New York: T.P, h. 15.

sama.

iii. Mereka yang memberi dorongan dan mendapat sambutan secara integriti dari rakyat.

Kepemimpinan pembesar itu sendiri merupakan suatu pengaruh sosial yang istimewa, iaitu penggunaan kuasa oleh orang yang memegang sesuatu kedudukan yang tertentu di dalam struktur kelompok.[33] Kuasa[34] yang dimiliki oleh pembesar ini, merupakan satu asas penting dalam menentukan perjalanan sesebuah masyarakat. Di dalam sejarah, kuasa pembesar mempunyai peranan yang dapat menentukan nasib berjuta-juta manusia. Kuasa pembesar senantiasa ada di dalam setiap masyarakat baik yang masih sederhana, mahupun yang sudah besar atau kompleks susunannya.[35] Weber (1864-1920), yang tertarik membicarakan hubungan antara stratifikasi[36] sosial dengan kuasa, menjelaskan bahawa kuasa itu adalah kemampuan mengawal perilaku orang lain, sekalipun orang tersebut, sebagai individu atau kelompok, tidak rela yang tindakannya dikawal.[37]Kenyataan tersebut menggambarkan betapa hebat dan ampuhnya kuasa yang dikaitkan dengan pembesar.

Dalam banyak hal, pembesar melambangkan keistimewaan . Menurut Ibn Khaldun (1332-1406), kedudukan seorang pembesar pada pandangan beliau adalah suatu yang dihormati dan menyeronokkan. Ia memberi kepada orang yang memegang teraju itu segala-gala yang terbaik di dunia ini, kepuasan daripada segi lahir dan keseronokan daripada sudut batinnya. Ia jarang sekali mahu dilepaskan secara sukarelanya.[38]Jadi, ramai orang ingin

[33] Marvin E. Shaw (1988), *Dinamik Kelompok Psikologi Tingkah Laku Kelompak Kecil*. Wan Azmi Ramli (terj.), j. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 75-76.

[34] Dalam memerhatikan kemampuan mengawal tindakan orang lain, sosiologis cuba membezakan antara kuasa yang disahkan atau dihalalkan (autoriti) oleh masyarakat dengan yang sebaliknya. Weber mengemukakan tiga jenis autoriti, iaitu yang berasaskan tradisi, undang-undang dan karisma. Lihat Abdul Halin Hamid (2003), *Mengenali Institusi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 32. Donald Light, Jr. and Suzanne Keller (1975), *Sociology*, c. 2. New York: Alfred A. Knopf, h. 336.

[35] Soerjono Soekanto (t.t), *op.cit.*, h. 161.

[36] Stratifikasi sosial: Pembahagian masyarakat kepada beberapa lapisan atau kelas yang berlainan, susun lapis masyarakat, pembahagian kepada atau pembentukan strata. Bagi Weber, kerana wujud perbezaan pengagihan kuasa, pengagihan peluang hidup juga menjadi berbeza di kalangan ahli masyarakat. Bila tidak sama kebolehan mendapatkan sumber, sama ada sumber ekonomi, politik atau sosial di kalangan ahli masyarakat, wujudlah kelas-kelas masyarakat. Jadi, bagi Weber, kuasa itu sangat berkait rapat dengan kewujudan susun lapis masyarakat.

[37] Neil J. Smelser (1981), *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall Inc., h. 384.

[38] Ibn Khaldūn al-Maghribi ʻAbd al-Raḥman (1982), *al-Muqaddimah*. Bayrūt: Dar al-Kitab al-Lubnāni, h. 271.

menjadi pembesar untuk mendapat keistimewaannya kerana masing-masing mempunyai motif tersendiri. Ada sebahagian orang inginkan kekayaan hasil daripada motif ekonomi. Sebahagian lagi inginkan kuasa yang timbul daripada motif politik. Sementara itu, sebahagian yang lain pula inginkan kedudukan dan status yang terbentuk daripada motif sosial. Lumrahnya , itulah tiga motif besar yang menyebabkan orang berebut-rebut untuk menjadi pembesar tidak kira dalam apa bidang atau kumpulan sekalipun. Hal ini berlaku kepada semua organisasi sama ada politik, ekonomi atau sosial. Dalam hal ini banyak orang melihat kedudukan pembesar dari sudut keuntungan peribadi.

Memahami Pembesar Dari Aspek Psikologi

Menurut al-Ḥabannakah, situasi psikologi manusia adalah berbeza antara seorang dengan seorang yang lain dan antara satu keadaan dengan keadaan yang lain. Psikologi seorang yang sedang sakit tidak sama dengan psikologi seorang yang sihat, begitu juga antara si kaya dengan si miskin, apatah lagi antara yang memiliki kuasa dengan yang tidak memilikinya.[39]

Berdasarkan teori keperluan Maslow (1908-1970), pembesar dari aspek psikologi merupakan antara segelintir individu yang telah mencapai kehendak realisasi diri (*self-actualization*).[40] Bagi McClelland (1917-1998) pula, pembesar termasuk dalam golongan pejaya, iaitu golongan yang mempunyai dorongan yang kuat bagi mencapai kejayaan peribadi dalam hidup masing-masing.[41]

Untuk mengetahui pemikiran dan tingkah laku pembesar tentang kuasa, pemikiran dan tingkah-laku manusia secara umum perlu difahami. Dalam kehidupan harian, kita dapat melihat berbagai-bagai tingkah laku manusia. Manusia bekerja membanting tulang untuk mendapatkan makanan dan minuman. Manusia sanggup menghabiskan duit yang banyak kerana terpikat dengan perempuan atau lelaki. Manusia sanggup membunuh untuk mendapatkan kuasa (*power*). Manusia sanggup melakukan kerja-kerja yang bahaya, seperti sukan-sukan lasak untuk kemasyhuran diri. Segala tingkah laku tersebut terhasil daripada pelbagai sebab atau tujuan yang dipanggil juga

---

[39] Al-Maydāni ʻAbd al-Raḥman Ḥasan Ḥabannakah (1996), *Fiqh al-Da'wah ilā Allah wa Fiqh al-Nuṣĺ wa al-Irshād wa al-Amr bi al-Maʻrūf wa al-Nahy an al-Munkar*, j.1. Dimashq: Dar al-Qalam, h. 629

[40] Maslow Abraham Harold (1970), *Motivation and Personality*, c.2. New York: Harper and Row, h. 35-46.

[41] Abdullah Hassan (2007), *Teori Dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkah Laku Berdakwah Dengan Efektif*. Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd., h. 47.

motif atau motivasi.[42] Ini berdasarkan kepada pengertian motif mengikut *Kamus Dewan* iaitu, sebab atau tujuan yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak.[43] Dalam psikologi, *motivation* diertikan sebagai perkara yang memberi gerakan dan dorongan kepada tingkah laku, dengan bangkitan, perbuatan lakonan dan pengendalian ke arah pencapaian matlamat.[44] Motif adalah perkara dalaman yang lahir dari keperluan dan membawa seseorang itu bertindak untuk memenuhi keperluan itu.[45]

Sesetengah ahli psikologi lebih suka membahagikan motif kepada dua pembahagian utama, iaitu motif biologi (*the biological motivation*) dan motif sosial (*the social motivation*). Motif biologi ialah seperti lapar, dahaga dan seks. Motif sosial ialah seperti kekuasaan, pengabungan, perlumbaan, ingin tahu dan pencapaian.[46] Muḥammad Zayn al-Hādi, menambah motif mengumpul harta ke dalam motif biologi dan motif ideologi ke dalam motif sosial.[47] Motivasi berpunca dari keperluan dan keperluan melahirkan dorongan. Dengan adanya dorongan itu manusia melakukan sesuatu untuk memenuhi keperluan. Dengan itu, terjadilah suatu kitaran atau putaran motivasi[48], iaitu:

1. Keperluan.
2. Motif.
3. Tingkah laku.
4. Matlamat.
5. Balik semula kepada keperluan.

Maslow (1908-1970) yang melihat manusia sebagai insan yang mempunyai harga diri dan maruah yang semestinya dimuliakan serta kreatif yang menggunakan semua bakat, potensi dan kemampuannya untuk berkembang ke arah realisasi diri (*self-actualization*), telah mengemukakan satu teori yang cuba menerangkan tingkah laku manusia berhubung dengan keperluan atau kehendak.[49] Mengikut teori ini, individu itu melakukan apa yang

[42] Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 92.

[43] Noresah Baharom (ed.) *et. al.* (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1044.

[44] Ronald Comer and Elizabeth Gould (2011), *Psychology Around Us*. United States of Amarica: John Wiley and Sons, inc., h. 351.

[45] Dennis Coon and John O. Mitter (2010), *Introduction To Psychology Gateways To Mind And Behavior*, c. 12. United States of Amarica: Wadsworth, h. 321.

[46] Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.,* h. 3-4.

[47] Muḥammad Zayn al-Hādi (1995), *'Ilm Nafs al-Da'wah*. Al-Qāhirah: Al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah h. 184 dan 199.

[48] Dennis Coon and John O. Mitter (2010), *op. cit*., h. 320.

[49] Richard R. Bootzin*et. et al.* (1986), *Psychology Today*, c. 6. New York: Mc Graw-Hill

dilakukannya kerana di dalam diri individu itu wujud lima jenis fitrah keperluan atau kehendak yang bergerak dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Apabila kehendak tahap pertama terpenuh, ia bergerak ke kehendak tahap kedua dan seterusnya. Kehendak-kehendak tersebut adalah seperti berikut:[50]

Kehendak fisiologi, seperti makanan, minuman, oksigen dan suhu badan yang sesuai.

1. Kehendak keselamatan, seperti keperluan kepada rasa aman daripada ketakutan dan kecemasan.
2. Kehendak kasih sayang dan kepunyaan, seperti keperluan kepada saling menerima, saling mengasihi, memiliki dan dimiliki.
3. Kehendak Penghargaan diri, seperti keperluan kepada dihargai.
4. Kesempurnaan kendiri, seperti kemahuan kepada kesempurnaan diri.

Sesetengah ahli psikologi membahagikan kehendak-kehendak tersebut kepada tiga, iaitu keperluan asas (satu dan dua), keperluan psikologi (tiga dan empat) dan keperluan kesempurnaan kendiri (lima).[51]

Antara asas motif psikologi dan sosial yang berkait rapat dengan pemikiran dan tingkah laku pembesar tentang kuasa ialah perlumbaan dan persaingan, motif pencapaian, motif penggabungan serta motif kekuasaan.

i. Motif Perlumbaan dan Persaingan

Dalam kehidupan bersosial, motif perlumbaan dan persaingan menyebabkan orang berusaha melebihi sesamanya. Setiap manusia selalu ingin menjadi nombor satu, ingin berkuasa, ingin lebih baik daripada sesamanya.[52] Sejak kecil, kanak-kanak dapat memahami tentang pertandingan. Mereka berasa gembira kalau dapat mengalahkan orang lain dan rasa kecewa jika kalah. Keinginan berlumba dan bersaing untuk mengatasi pihak lain tertanam dalam jiwa manusia sejak kecil.[53] Dengan adanya perasaan ini manusia menjadi lebih aktif dengan melakukan usaha-usaha bagi mempastikan kemenangan, sama ada berseorangan atau berkumpulan.[54]

Publishing Company, h. 485.

[50] Gregory J. Feist and Erika L. Rosenberg (2010), *Psychology Making Connection*. New York: McGraw Hill Companies, Inc., h. 419.

[51] Kalat, James W. (1993), *Introduction to Psychology*. California: T.P, h. 451.

[52] A. Gazali (1980), *Ilmu Jiwa*, c. 12. Jakarta: Penerbit Ganaco NV, h. 80.

[53] Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 307.

[54] Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.,* h. 110.

Firman Allah S.W.T:

سَابِقُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا كَعَرۡضِ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ
أُعِدَّتۡ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦۚ ذَٰلِكَ فَضۡلُ ٱللَّهِ يُؤۡتِيهِ مَن
يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ ٱلۡعَظِيمِ ٢١

Maksudnya:
"Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai kurnia yang besar."
Surah al-Ḥadid (57): 21

Mesej ayat di atas antara lain mengarah orang-orang Islam khususnya supaya taat kepada Allah S.W.T yang nanti akan mendapat kurniaan-Nya yang gemilang. Mesej tersebut dirangsangkan dengan motif berlumba-lumba untuk mencapainya.

Oleh kerana perlumbaan dan persaingan adalah sebahagian daripada motif manusia, kadang-kadang motif tersebut digunakan pada tempat yang buruk dan kotor.[55] Antara perlumbaan yang buruk ialah perlumbaan untuk mendapat habuan keduniaan semata-mata seperti bersaing untuk mengumpul hartanah, mencari kemasyhuran dan pangkat serta bersaing mendapatkan kekuasaan dan kedudukan dalam masyarakat.[56] Perlumbaan dalam hal-hal keduniaan adalah buruk, kerana ia akan membawa kepada perasaan marah dan dengki dalam hati, yang akan menghuraikan ikatan persaudaraan dan kasih sayang di kalangan orang Islam. Ia juga akan menjauhkan mereka daripada mengingati Allah S.W.T dan melemahkan cita-cita jihad pada jalan Allah S.W.T.[57]

---

[55] Sa'd Riyad (2008), *Mawsu'ah 'Ilm al-Nafs wa al-'Ilaj al-Nafsi min Mansur Islami.* Al-Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi, h. 275

[56] Muhammad 'Uthman Najati (1993), *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*, c. 2. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq, h.36.

[57] *Ibid*.

ii. Motif Pencapaian

Pencapaian (*achievement*), ialah keinginan mencapai yang lebih baik, lebih tinggi dan lebih sempurna. Ia merupakan satu daripada motif manusia. Menurut Henry Murray (1893-1988), pencapaian adalah satu keinginan kecenderungan untuk mengatasi halangan, beraksi tegas, serta menggunakan kuasa untuk cuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan seberapa baik. Oleh itu, pencapaian tidak hanya bermakna melakukan sesuatu yang baik tetapi melakukan sesuatu yang lebih mencabar dengan kadar yang lebih baik.[58] David McClelland (1917-1998) dari Harvard Universiti adalah merupakan perintis kajian tentang motif pencapaian. Beliau mengatakan bahawa motif pencapaian ini merupakan sesuatu yang amat penting. Antara lain ia dapat mencetus pertumbuhan ekonomi, perkembangan saintifik, inspirasi kepimpinan dan karya-karya seni.[59]

Berdasarkan teori Maslow, kehendak manusia tidak berada pada satu tahap sahaja. Ia berubah dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi, setelah terpenuhnya keperluan tahap sebelumnya.[60] Kalau dilihat daripada tingkah laku manusia, seperti bekerja keras, sentiasa merebut peluang yang ada dan sebagainya adalah banyak didorong oleh motif ini. Tabiat manusia tidak berpada-pada dengan apa yang didapati. Kemahuan dan perasaannya tidak pernah kenyang. Keinginannya untuk mendapat lebih banyak, lebih baik dan lebih bermutu sentiasa ada.[61] Nabi S.A.W menjelaskan tentang perkara ini dalam sebuah hadis:

Sabda Nabi S.A.W dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri dan Muslim.[62]

لو كان لابن ادم واديان من مال لابتغى ثالثا ، ولا يملأ جوف ابن ادم

الا التراب ، ويتوب الله على من تاب

Maksudnya:

Kalaulah manusia itu sudah mempunyai dua lembah harta, maka dia bercita-cita untuk mendapat lembah yang ketiga. Perutnya tidak pernah kenyang, kecuali dengan memakan tanah (setelah mati). Allah S.W.T akan mengampuni orang yang bertaubat.

[58] Mahmood Nazar Mohamed (2001), *op. cit*., h. 305-306.

[59] Wayne Weiten (2007), *Psychology Themes and Variations*, c. 7. Amarika Syarikat: Thomson Wadsworth, h. 396.

[60] Gregory J. Feist and Erika L. Rosenberg (2010), *op. cit*., h. 419.

[61] Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.,* h. 113.

[62] Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad ibn 'Ali (1989), *op. cit., "Kitab al-Riqaq"*, no. hadis 6436. j. 11, h. 304. 'Ali 'Abd al-Hamid Baltaji (1994), *op. cit.*, "*Kitab al-Zakah*", no. hadis 1048. j. 7, h. 114.

Hadis ini menerangkan bahawa manusia itu tidak berpada dengan apa yang ada. Walaupun miliknya sudah banyak, dia ingin menambahkannya tanpa batas. Itu adalah satu daripada motif manusia.

iii. Motif Penggabungan

Manusia adalah makhluk sosial. Di samping bekerjasama sesama manusia untuk mencapai sesuatu matlamat, manusia juga bergaul, bersahabat dan mengadakan tali perhubungan antara satu sama lain.[63] Dengan itu, penggabungan (*affiliation*) adalah satu keinginan semula jadi manusia. Keadaan ini dapat dilihat bahawa manusia itu bermula dengan keluarganya, kemudian besama kawan-kawan, selepas itu berpasangan sehingga beranak pinak dan seterusnya bersama-sama masyarakatnya.[64]

Oleh kerana manusia bermasyarakat, ia memerlukan suatu komitmen yang tinggi dalam memahami matlamat bermasyarakat dan tanggungjawab setiap individu terhadap masyarakatnya. Kalau tidak, masyarakat manusia lebih senang terjerumus kepada kebinasaan.

Firman Allah S.W.T:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

Maksudnya:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Surah al-Ḥujurāt (49): 13.

Ayat di atas menjelaskan tiga perkara penting. Pertama, masyarakat manusia terdiri dari bermacam-macam keturunan dan rupa kulit. Kedua, matlamat di sebalik kejadian berbagai bangsa dan keturunan adalah untuk membina

[63] A. Gazali (1980), *op. cit.,* h. 80.

[64] Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.,* h. 116.

suatu jalinan hidup yang baik. Ketiga, penilaian keutamaan di sisi Allah S.W.T bukan berdasarkan keturunan, warna kulit dan sebagainya, tetapi khidmat baik yang paling banyak diberikan, iaitu takwa.

iv. Motif Kekuasaan

Manusia juga didorong oleh keinginan berkuasa atas orang lain. Manusia berasa lebih bahagia kalau dihormati, dikagumi dan dipuji. Dengan menguasai orang lain, akan didapati perkara-perkara tersebut.[65]Dalam kajian yang dikendalikan oleh McClelland (1917-1998) dengan menggunakan alat *Thematic Apperception Test* (TAT)[66], beliau dapati yang setengah-setengah fantasi subjeknya berkaitan dengan keinginan untuk menguasai dan mempengaruhi orang lain. Antara lain, yang dinyatakan oleh subjek-subjeknya adalah keinginan untuk berkuasa secara agresif, pujukan, manipulasi orang lain dan ada yang menegaskan bahawa kuasa boleh diperolehi dengan apa cara pun.[67] Menurut Vance Packard (1914-1996) keperluan pada kuasa merupakan salah satu 'keperluan tak ketara' iaitu keperluan manusia yang tidak sedar kewujudannya oleh individu itu sendiri. Oleh itu manusia menghargai lambang-lambang kuasa seperti kereta besar, motosikal berkuasa tinggi, jip tahan lasak, pistol peribadi dan lain-lain lagi.[68]

Kalaulah dilihat kepada tugas asal, manusia dihidupkan adalah untuk menjadi penguasa bumi ini. Tugas manusia ialah mentadbir pembangunan bumi ini dengan suatu acuan Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ

---

[65] *Ibid*., h.118.

[66] Alat TAT atau *"Thematic Apperception Test"* direka oleh Henry Murray pada tahun 1930-an. Beliau menyediakan lebih daripada 20 keping gambar lukisan yang taksa dan yang boleh membawa maksud yang berlainan dari satu individu ke individu lain. Subjek perlu mengutarakan cerita berdasarkan gambar pada kad-kad yang ditunjukkan kepadanya dan terapis akan menganalisis cerita tersebut mengenali apakah bentuk motif atau konflik yang sedang dihadapi oleh subjek tersebut. Alat ini beroperasi di bawah andaian yang manusia sentiasa meluahkan perasaan, pengalaman dan fantasi dalam bentuk-bentuk yang terselindung dan jikalau mesej yang sama dapat diperoleh daripada beberapa cerita di atas kad-kad yang berlainan, maka terapis akan dapat menyatakan tentang sesuatu sifat atau sahsiah individu berkenaan. Lihat Mahmood Nazar Mohamed (2001), op. cit., h. 248.

[67] Ainon Mohd (2005), *Psikologi Kejayaan*, c. 5. Pahang: PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd., h. 11.

[68] Abdullah Hassan (2007), op. cit., h. 7-8.

فِيهَا مَن يُفۡسِدُ فِيهَا وَيَسۡفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحۡنُ نُسَبِّحُ بِحَمۡدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٣٠

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami senantiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya."

Surah al-Baqarah (2): 30.

Ayat di atas menerangkan tentang tugas manusia di bumi ini, iaitu sebagai khalifah. Ia juga menerangkan tentang sifat manusia yang suka menimbulkan bencana dan pertumpahan darah. Dengan adanya tugas kepimpinan ini dan sifat tersebut membuatkan manusia suka berebut-rebut dan berperangan sesama mereka.

Dalam konteks khalifah, kuasa adalah penting. Antara kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Maka, manusia diberikan satu sifat sukakan kuasa.

Firman Allah S.W.T:

فَوَسۡوَسَ إِلَيۡهِ ٱلشَّيۡطَٰنُ قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ هَلۡ أَدُلُّكَ عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلۡخُلۡدِ وَمُلۡكٖ لَّا يَبۡلَىٰ ١٢٠

Maksudnya:

"Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"

Surah Taha (20): 120.

Ayat tersebut menjelaskan isu yang dikemukakan oleh syaitan semasa menghasut Adam a.s. terhadap pohon yang dilarang, iaitu kerana pohon

ini boleh menjadikan Adam a.s. berkekalan hidup dan memiliki kekuasaan selama-lamanya. Disebabkan kuasa (*power*) dan ingin hidup senang selama-lamanya, Adam a.s. tidak berfikir panjang lalu tertipu dengan bisikan syaitan terhadap pokok yang dilarang.[69]

Dalam cerita lain dapat dilihat tentang sifat manusia yang sukakan kuasa, sehingga sanggup melakukan jenayah yang besar. Firman Allah S.W.T mengenai Firaun:

وَإِذۡ نَجَّيۡنَٰكُم مِّنۡ ءَالِ فِرۡعَوۡنَ يَسُومُونَكُمۡ سُوٓءَ ٱلۡعَذَابِ يُذَبِّحُونَ
أَبۡنَآءَكُمۡ وَيَسۡتَحۡيُونَ نِسَآءَكُمۡۚ وَفِي ذَٰلِكُم بَلَآءٞ مِّن رَّبِّكُمۡ عَظِيمٞ ٤٩

Maksudnya:

"Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Fir'aun dan orang-orangnya, yang sentiasa menyeksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian yang demikian itu mengandungi bala' bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu."

Surah al-Baqarah (2): 49.

Ayat ini menjelaskan tindakan Firaun membunuh semua anak lelaki dan membiarkan anak-anak perempuan hidup hanya kerana ingin mempertahankan kuasanya. Mimpi beliau melihat api yang marak keluar dari Baitulmaqdis dan menyambarnya serta masuk ke dalam semua rumah orang-orang *al-Qibt* di Mesir kecuali rumah-rumah bani Israil telah ditafsirkan sebagai kejatuhan kerajaannya di tangan seorang lelaki dari bani Israil.[70]

Sejarah Firaun memaparkan bahawa Firaun diberitahu oleh ahli nujumnya, akan lahir seorang bayi lelaki yang apabila besar nanti akan menggugat takhtanya. Dengan itu, Firaun bertindak membunuh semua anak lelaki yang lahir pada masa itu untuk menyelamatkan takhtanya. Kerana takut dibunuh, seorang bayi dihanyutkan oleh ibunya selepas sahaja dilahirkan. Akhirnya, bayi yang dihanyutkan itu dijumpai oleh isteri Firaun lalu dijadikan anak angkatnya, dan itulah Nabi Musa a.s.. Kerana keinginan mengekalkan

---

[69] 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah (1985*), Ma'a al-Anbiya' fi al-Qur'an al-Karim Qasas wa Durus wa 'Ibar min Hayatihim,* c. 15. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, h. 37-38.

[70] Al-Zuhayli Wahbah (1991), al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj, j. 1. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, h. 160.

kuasa, Firaun sanggup membunuh dan menumpahkan darah ramai kanak-kanak kecil yang tidak berdosa.

Huraian di atas, memperlihatkan betapa besarnya peranan motif dalam menggerakkan tingkah laku manusia, kerana kehidupan manusia banyak terlibat dengan motif. Justeru, golongan pembesar sebagai manusia, pastinya berfikiran dan bertingkah laku berasaskan motif-motif yang sama seperti manusia yang lain. Bahkan, mereka merupakan golongan yang telah dapat memenuhi kelima-lima tahap kehendak Maslow. Justeru, mereka tidak lagi sibuk memikirkan soal-soal keperluan asas, sebaliknya mereka hanya memikirkan soal mengekalkan status pencapaian keperluan mereka yang tertinggi sebagai pembesar. Kuasa dan segala keistimewaan yang mereka miliki akan dipertahankan dengan bersungguh-sungguh. Menurut McClelland, golongan pembesar sangat berminat kepada faktor-faktor kebaikan, faedah, manfaat, keuntungan, kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang akan mereka peroleh. Sebaliknya tidak berminat kepada soal kegagalan, kerugian, keburukan dan perkara-perkara lain yang bersifat negatif.

KESIMPULAN

Sebagai seorang yang dituntut oleh Allah S.W.T agar dicontohi dalam setiap aspek tingkah lakunya, Rasulullah S.A.W telah memperlihatkan kepada para pewarisnya dari kalangan pendakwah metode dakwah kepada golongan pembesar yang berhikmah dan bijaksana. Antara bentuk hikmahnya ialah kesesuaian mesej dengan golongan sasar. Mesej yang sesuai hanya dapat diketahui apabila situasi dan latar belakang golongan sasar difahami. Justeru, memahami latar belakang dan situasi golongan pembesar terutama dari aspek sosiologi dan psikologi adalah sangat penting bagi mengenalpasti mesej yang sesuai dengan mereka.

RUJUKAN

Ibn Sa'd Muḥammad (t.t), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, j. 1. Bayrūt: Dār Ṣādir.

'Ali 'Abd. Ḥalim Maḥmud (1993), *Fiqh al-Da'wah ilā Allah***,** j. 1, c. 4. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Sallābi 'Ali Muḥammad Muḥammad (2007), *Mawsū'ah al-Siyar 'Arḍ Waqāi' wa Taḥlīl Aḥdāth Durūs wa 'Ibar*, j. 2. Bayrut: Dār Ibn Kathir.

Al-Zayla'i 'Abd Allah ibn Yusuf Abu Muhammad (t.t), *Nuṣb al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah*, Muḥammad Yusuf al-Banūri (taḥqiq). Miṣr: Dār al-Ḥadith.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni al-Imām al-Ḥāfiz Shihāb al-Din Aḥmad ibn ‘Ali (1991), *Taqrīb al-Tahdhīb*, Muḥammad ‘Awwamah (taḥqiq), c. 3, no. 6175. Bayrut: Dār al-Qalam.

Ibn Sayyid al-Nās al-Ya‘mari Abu al-Fath ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad (1980), *‘Uyūn al-Āthar fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamāil wa al-Sayr*, Lajnah Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi fi Dār al-Āfāq al-Jadidah (taḥqīq), j. 2, c. 2. Bayrut: Manshūrāt Dār al-Āfāq al-Jadidah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah Shams al-Din Muhammad ibn Abi Bakr (1992), *Zād al-Ma‘ād fī Hady Khayr al-‘Ibād*, Shu‘ayb al-Arna’ūṭ dan ‘Abd al-Qādir al-Arna’ūṭ (taḥqīq) c. 26, j. 3. Bayrut: Muassasah al-Risalah Ibn al-Qayyim.

‘Ali ‘Abd al-Ḥamid Baltaji (1994), *Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, “*Kitāb al-Jihād wa al-Sayr*”, no. hadis 1773. j. 12. Bayrut: Dar al-Khayr.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalani al-Imam al-Ḥāfiz Shihab al-Din Ahmad ibn ‘Ali (1989), *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-Jihād wa al-Sayr*”, no. hadis 2941. j. 6. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Qalqashandi Abu al-‘Iyāḍ Ahmad ibn ‘Ali (1985), *Ṣubḥ al-A‘shā Fī Ṣinā‘ah al-Inshā’*, j. 6. Dimashq: Dār al-‘Ilm.

Ashraf Ṭāha Abu al-Dahab (2002), *Mu‘jam al-Islāmī al-Jawānib al-Dīniyyah wa al-Siyāsiyyah wa al-Ijtimā‘iyyah wa al-Iqtiṣādiyyah*. Al-Qāhirah: Dar al-Shuruq.

Ahmad Abu Ḥaqah (2007), *Mu‘jam al-Nafāis al-Kabīr*. Bayrut: Dar al-Nafais.

Al-Bustani Butrus (1869), *Quṭr al-Muḥīṭ*. Bayrut: Maktabah Lubnan.

Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1970), *Mu‘jam Alfāẓ al-Qur’ān al-Karīm*, j. 2, c. 2. T.T.P. : Al-Ḥayah al-Misriyyah al-‘Ammah li al-Ta’lif wa al-Nashr.

Al-Asfahani al-Raghib (t.t), *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*. Muhammad Sayyid Kilani (tahqiq). Tehran: al-Maktabah al-Murtadawayh.

Al-Zamakhshari Abu al-Qasim Mahmud ibn ‘Umar ibn Muhammad (1992), *Asās al-Balāghah*. Bayrut: Dar Sadir.

Al-Barusawi Isma‘il Ḥaqqi (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*, j.1. T.T.P. : Dar al-Fikr.

Al-Baghdadi al-Alusi (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Ma‘ānī*, j.2. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Sha‘rawi Muhammad Mutawalli (t.t), *Tafsir al-Sha‘rawi,* j. 2. Al-Qahirah: Akhbar al-Yawm Quta‘ al-Thaqafah.

Shamsul Amri Baharuddin (1983), *Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Kartono (1983), *Pemimpin dan Kepimpinan*. Jakarta: CV. Rajawali.

Shaharir Mohamad Zain (2008), *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan Dan Kepengurusan Rumpun Melayu.* Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Soerjono Soekanto (t.t), *Sosiologi Suatu Pengantar*, c.7. Indonesia: Penerbit Universitas Indonesia (Ui-Press).

Husin @ Ibrahim Mamat (2007), *Pemimpin Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Shayt Khattab (1983), *Bayn al-'Aqidah wa al-Qiyadah*, c. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.

S. Husin Ali (1982), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Gouldner, A.W. (1965), *Studies I Leadership*. New York: T.P.

Marvin E. Shaw (1988), *Dinamik Kelompok Psikologi Tingkah Laku Kelompak Kecil*. Wan Azmi Ramli (terj.), j. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Halin Hamid (2003), *Mengenali Institusi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Donald Light, Jr. and Suzanne Keller (1975), *Sociology*, c. 2. New York: Alfred A. Knopf.

Neil J. Smelser (1981), *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall Inc..

Ibn Khaldun al-Maghribi 'Abd al-Rahman (1982), *al-Muqaddimah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani.

Al-Maydani 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah (1996), *Fiqh al-Da'wah ila Allah wa Fiqh al-NusÍ wa al-Irshad wa al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy an al-Munkar*, j.1. Dimashq: Dar al-Qalam.

Maslow Abraham Harold (1970), *Motivation and Personality*, c.2. New York: Harper and Row.

Abdullah Hassan (2007), *Teori Dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkah Laku Berdakwah Dengan Efektif*. Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd..

Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Noresah Baharom (ed.) *et. al.* (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ronald Comer and Elizabeth Gould (2011), *Psychology Around Us*. United States of Amarica: John Wiley and Sons, inc..

Dennis Coon and John O. Mitter (2010), *Introduction To Psychology Gateways To Mind And Behavior*, c. 12. United States of Amarica: Wadsworth.

Muhammad Zayn al-Hadi (1995), *'Ilm Nafs al-Da'wah*. Al-Qahirah: Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.

Richard R. Bootzin*et. et al*. (1986), *Psychology Today*, c. 6. New York: Mc Graw-Hill Publishing Company.

Gregory J. Feist and Erika L. Rosenberg (2010), *Psychology Making Connection*. New York: McGraw Hill Companies, Inc..

Kalat, James W. (1993), *Introduction to Psychology*. California: T.P.

A. Gazali (1980), *Ilmu Jiwa*, c. 12. Jakarta: Penerbit Ganaco NV.

Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sa'd Riyad (2008), *Mawsu'ah 'Ilm al-Nafs wa al-'Ilaj al-Nafsi min Mansur Islami.* Al-Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi.

Muhammad 'Uthman Najati (1993), *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*, c. 2. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.

Wayne Weiten (2007), *Psychology Themes and Variations*, c. 7. Amarika Syarikat: Thomson Wadsworth.

Ainon Mohd (2005), *Psikologi Kejayaan*, c. 5. Pahang: PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd..

'Afif 'Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah (1985*), Ma'a al-Anbiyā' fī al-Qur'ān al-Karim Qaṣaṣ wa Durūs wa 'Ibar min Ḥayātihim,* c. 15. Bayrut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin.

Al-Zuhayli Wahbah (1991), *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*, j. 1. Bayrut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir.

SYEKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS: KETOKOHANNYA DALAM DAKWAH DI MEDAN SUMATERA UTARA

Oleh:
Sopian Ilyas[1]
Roslan Mohamed[2]

ABSTRAK

Salah seorang yang berjasa dalam menyebarluaskan dakwah Islam di Tanah Batak, khususnya Toba dan Karo, Provinsi Sumatera Utara Medan Indonesia ialah Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972M). Beliau termasuk orang pertama dalam organisasi Islam al-Jam'iyatul Washliyah yang gigih berdakwah untuk menyebarluaskan agama Islam di Sumatera Utara, Aceh dan Indonesia secara umum. Beliau banyak menulis pelbagai kajian agama Islam, termasuk kajian perbandingan agama yang masyhur dalam kitab karangan beliau "Perbandingan agama Kristian dan Islam", begitu juga karangan beliau yang bertajuk "Rahsia Bible", yang berhubung kait dengan Ilmu Muqaranatul Adyan.

Karya-karya Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta jasa-jasa beliau dalam menyebarluaskan Islam hingga sekarang ini masih dikenang di kalangan masyarakat Sumatera Utara khususnya suku Batak, yang mana Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berjaya menarik lebih daripada 2000 orang untuk memeluk agama Islam. Jasa beliau ini menjadi sebab tersebarnya agama Islam di kalangan suku Batak yang majoriti penduduknya beragama Kristian.

PENDAHULUAN

Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah seorang ulama, mubaliqh dan pejuang agama di Sumatera Utara, beliau juga aktif mengajar di beberapa

[1] Pelajar Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[2] Roslan Mohamed merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Madrasah al-Washliyah[3] baik di Aceh[4] mahupun yang berada di Medan dari tahun 1926 M-1957M. Kemudian beliau menjadi Canselor Sekolah Persiapan Perguruan Tinggi Islam Indonesia di Medan (1953-1954M), menjadi Guru Besar ilmu fikah dan usul fikah di Universiti Islam Sumatera Utara (1954-1957M) dan pensyarah tetap di Universiti *al-Washliyah* sejak tertubuhnya universiti tersebut (1958M) sampai akhir hayat beliau.

Dalam kegiatan dakwah, aktiviti dakwah beliau tidak terhad kepada satu golongan sahaja, akan tetapi meliputi keseluruhan masyarakat, bermula dari kaum Muslimin sampai masyarakat bukan Islam, 'umara dan rakyat jelata. Antara gerakan dakwah yang menjadi fokus penting bagi beliau ialah membendung kemasukan misi Kristian ke Sumatera Utara. Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga aktif dalam Zending Islam (*Mubaligh* Islam). Puluhan ribu orang dari Tanah Batak dan Karo masuk Islam di bawah bimbingan beliau. Bahkan, menjelang akhir hayatnya, beliau telah mengislamkan tidak kurang dari dua ratus orang di Kabupaten Deli Serdang.[5] Begitu juga beliau kerap kali mengadakan debat atau dialog antara agama dengan tokoh-tokoh agama Kristian, yang bertujuan untuk menyatakan kebenaran.

---

[3] *Al-Jam'iyatul Washliyah* adalah sebuah organisasi Islam yang ditubuhkan pada 30 November 1930M di Bandar Medan, atas inisiatif sekelompok pemuda yang belajar di Maktab Islamiah Tapanuli di Medan. Pelajar-pelajar ini tergabung dalam kelompok diskusi *Debating Club* di bawah pimpinan Abdurrahman Syihab, kemudian grup diskusi ini sepakat untuk mendirikan satu organisasi yang diberi nama" *al-Jam'iyatul Washliyah* yang ditubuhkan oleh : H. Abd. Rahman Syihab, H. Ismail Mhd Banda, H. Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Nama *al-Jam'iyatul Washliyah* diberikan oleh seorang tuan guru di Maktab Islam Tapanuli (MIT) Medan yang bernama: Syaikh H. M. Yunus, yang bererti perkumpulan yang menghubungkan atau mempertalikan kasih sayang antara seseorang dengan Tuhannya, dengan sesamanya dan dengan alam lingkungannya. *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah. h. 36-38. Seminar yang disampaikan oleh Drs. Hj Nizar Syarif, sebagai Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara (Medan) dalam rangka studi banding Pengurus Besar *al-Washliyah*, diadakan di Universiti Malaya pada hari Khamis 15 Februari 2007M, bilik Dewan Ilmu.

[4] Aceh merupakan sebuah provinsi daerah istimewa di ujung utara Sumatera Indonesia. Ibu negeri Aceh ialah Banda Aceh yang dahulunya dikenali sebagai Kutaradja. *Ensiklopedi Indonesia (*1980), J. 1, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve. h. 68. *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), J. 1. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. h. 107-111.

[5] Deli Serdang ialah Kabupaten di Provinsi Sumatera Utara, terletak di pantai timur Pulau Sumatera. secara fizik Medan berada dalam lingkungan Kabupaten Deli Serdang. Bandaraya Deli Serdang berada di Lubuk Pakam. *Ensiklopedi Indonesia (*1980), J. 2, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve. h. 780.

Berdasarkan keilmuannya yang mendalam, Muhammad Arsyad Thalib Lubis mendapat penghargaan gelaran ”syekh”, kerana beliau sangat alim dalam pelbagai bidang ilmu Islam, seperti Tauhid (Akidah), Fikah, Ushul Fikah, Hadis, Sejarah dan Kristologi (perbandingan agama). Namun keahliannya dalam bidang Kristologi lebih menjadikan namanya masyhur sebagai seorang Kristolog besar dan berkarisma dari Sumatera Utara.

KETOKOHAN SYEKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS

A. Riwayat Hidup Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis lahir pada bulan Ramadan 1326H bersamaan Oktober 1908M[6] di Stabat Kabupaten Langkat, Sumatera Utara, iaitu 40 km ke arah utara dari Bandaraya Medan.

Beliau merupakan putera kelima dari lapan bersaudara daripada pasangan Lebai Thalib bin Haji Ibrahim Lubis dan Markoyom binti Abdullah Nasution. Ayahnya berasal dari kampung Pastap, Kotanopan, Tapanuli Selatan, kemudian menetap di Stabat sebagai petani yang alim sehingga mendapat panggilan “Lebai”.[7] Gelaran ‘Lebai’ yang disandang oleh ayahnya (Lebai Thalib Lubis) menunjukkan bahawa beliau adalah seorang ulama di kampungnya. Ini membuktikan bahawa Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis seorang anak yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai asas agama Islam yang kukuh.[8]

Syekh Hj. M. Arsyad Thalib Lubis menjalani seluruh pendidikannya di Sumatera Utara. Beliau pernah belajar di sekolah yang beraliran akademik dan sekolah yang beraliran agama. Beliau tamat sekolah rendah umum *Volgschool* di Stabat (Provinsi Sumatera Utara). Dan pada tahun 1917-1920 M, beliau belajar mengaji Al-Quran di madrasah Islam Stabat yang dipimpin oleh H. Zainuddin Bilah, seterusnya beliau menyambung pengajian di madrasah Islam Bandar Sinemba Binjai (Provinsi Sumatera Utara) tahun 1921-1922M. Kemudian pada tahun 1923-1924 M, beliau belajar di

[6] Tentang tarikh kelahiran Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis belum di ketahui secara pasti, adapun tempat kelahirannya tidak diragukan lagi. Bahrum Jamil (1977), *Lintasan Sejarah Perjuangan Ulama-Ulama Islam Mencapai Kemerdekaan Tanah Air Indonesia di Sumatera Utara*, Medan. h. 32-33.

[7] Kata Lebai berasal dari bahasa Melayu Deli, ertinya orang yang menyerahkan diri kepada Allah SWT, adapun bahasa asalnya dari bahasa Arab ialah *Labbaik*, ertinya datang memenuhi panggilan Allah. Gelaran Lebai diberikan oleh masyarakat Melayu kepada orang yang alim, pandai membaca doa dalam Majlis kenduri, mengetahui dan patuh kepada ajaran Islam. Husni Muhammadlah (1975)*, Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Deli, Sumatera Timur,* Medan: Balai Pustaka Husni. h. 61. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), c. 1, J. 3, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1337.

[8] Chalidjah Hasanuddin (1998), *op. Cit.,* h. 55.

madrasah *'Ulūmul 'Arabiyah* di Tanjung Balai Asahan (Provinsi Sumatera Utara) yang dipimpin oleh Abdul Hamid Mahmud. Dan pada tahun 1925-1930 M, beliau belajar di madrasah *Al-Hasaniah* di Medan, berguru dan mendapatkan syahadah (sijil) daripada Syekh Hasan Maksum. [9]

Selepas menamatkan pendidikannya dalam kurun masa 1917 M-1930 M, beliau mendalami ilmu tafsir, hadis, usul fikah dan fikah daripada Syekh Hasan Maksum di Medan. Beliau juga seorang murid yang cerdas dan rajin sehingga mendapat kepercayaan daripada gurunya H. Mahmud Ismail Lubis untuk menyalin karangan yang akan disiarkan dalam surat khabar.

Setelah sekian lama menjalankan misi dakwah, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menghadap Allah SWT pada hari Khamis, 6 Julai 1972 Masihi bersamaan dengan 23 Jamadil Awal 1392 Hijriah. Beliau meninggal dunia setelah beberapa hari menderita sakit di rumah yang beralamat Jalan Mabar Gang Rezeki Nombor 6, Medan, ketika berumur 63 tahun. Beliau dikebumikan di jalan Mabar.[10] Dalam acara pengebumian beliau dihadiri oleh orang ramai dari kalangan tokoh masyarakat, ulama, pejabat pemerintah dan awam (pada tarikh 7 Jun 1972 M dilaksanakan solat ghaib di masjid-masjid di Jakarta).[11] Seluruh Institusi Perguruan Tinggi Islam dan masyarakat Sumatera Utara turut berdukacita atas kematian seorang ulama besar, yang terkenal sebagai pendidik, *dai* dan ahli agama. Beribu-ribu masyarakat di Bandar Medan dan sekitarnya yang terdiri daripada murid-murid, sahabat dan kawan-kawan beliau juga datang untuk mengucapkan rasa dukacita sambil mendoakan dan mensolatkan jenazah beliau.

B. Syekh Muhammad Arsyad Tholib Lubis Sebagai Penulis, Pendakwah Dan Pendidik

Pada usia 20 tahun, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menjadi penulis majalah Fajar Islam di Medan. Dan pada usia 26 tahun, buku pertama beliau yang bertajuk Rahsia *Bible* terbit pada 1934 M dan diulang cetak pada 1926 M. Buku ini menjadi pegangan mubaligh dan *dai al-Washliyah* dalam

---

[9] *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara* . (1982), *op. cit.,* h. 289. Chalidjah Hasanuddin (1988), *Al-Jam´iyatul Washliyah Api Dalam Sekam*. Bandung: Pustaka. h. 54.

[10] Mabar adalah salah satu daerah atau sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Marelan Bandaraya Medan, Provinsi Sumatera Utara.

[11] Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara (1982), *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. h. 294.

menyebarkan Islam di Porsea, Tapanuli Utara.[12]
Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah seorang *dai* dan mubaliqh yang masyhur di sumatera utara dan sekitarnya. Ia sering berdakwah ke beberapa daerah untuk menyebarkan Islam terutama daerah penduduk bersuku Batak[13], yang beragama Kristian warisan dari Hindia Belanda.

Ketika beliau berdakwah, beliau sempatkan juga menulis, kerana beliau seorang penulis yang produktif, yakni dalam kesibukan beliau berdakwah beliau masih sempat menghasilkan karya-karya ilmiah yang berkualiti, kerana beliau mampu menganalisis sesuatu masalah dengan baik sesuai dengan tuntutan zaman. Beliau mengutarakan idea-idea yang cemerlang berdasarkan fakta-fakta yang konkrit serta menggunakan bahasa yang sederhana dan mudah difahami serta dimengerti oleh pembaca.

Semasa hidup Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis telah menulis lebih dari 30 buah buku dan artikel-artikel dalam bahasa yang berbeza yang di tulis dalam majalah-majalah yang berbahasa Arab, Indonesia dan berbahasa Batak. Adapun beberapa karya beliau, yang berkaitan dengan dakwah terhadap orang Kristian, antaranya:

1. Perbandingan Agama Islam dan Kristian [14]
Buku ini mendedahkan tentang perbandingan ajaran agama Islam dengan

[12] Porsea adalah salah satu kecamatan di Kabupaten Toba, merupakan pemekaran dari kabupaten Tapanuli Utara, Indonesia. Daerah ini terdiri dari dataran tinggi, pergunungan deretan Bukit Barisan dan Danau Toba dengan pemandangan yang indah yang dijadikan sebagai objek pariwisata. Majelis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara (1983), *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara.* Medan: Majelis Ulama Daerah Sumatera Utara. h. 149-150.

[13] Batak merupakan salah satu suku (kaum) di Indonesia yang mendiami daerah pergunungan Bukit Barisan Sumatera Utara dan berpusat di Danau Toba. Tanah Batak bersempadan dengan Aceh di Utara, Selat Melaka di timur, Minangkabau di Selatan dan laut Indonesia di baratnya. Suku kaum yang dikategorikan sebagai Batak adalah Batak Toba, Batak Karo, Batak Pak-pak, Batak Simalungun, Batak Angkola Mandailing. Majoriti suku Batak menganut agama Kristian dan bakinya sudah menganut agama Islam. Sebahagian kecil menganut agama Parmalim dan menganut kepercayaan animisme (disebut Sipelbegu), namun kini jumlah penganut kedua ajaran agama ini sudah semakin berkurang. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), c. 1, j. 1, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 423.

[14] Buku ini selesai di tulis pada bulan Disember 1969M, dicetak di Medan oleh Firma Islamiah, sebanyak 510 muka surat, cetakan kedua pada tahun 1974M. sedangkan cetakan pertama yang diterbitkan oleh: *Pustaka Melayu*, Kuala Lumpur pada tahun 1982M, yang mempunyai 478 muka surat yang mengandungi 13 bab pembahasan yang terdiri daripada: Keesaan Tuhan, Siapakah Jesus, Dosa Warisan, Penembusan dosa, Penyaliban ISA, Tentang Kitab-Kitab suci dan kedatangan nabi Muhammad SAW.

ajaran asas agama Kristian. Setiap bab membicarakan tentang Kristian dan Islam diakhiri dengan suatu kesimpulan, kemudian dikemukakan perbandingan kedua ajaran tersebut dan syarahannya yang diperkuat dengan *dalil-dalil* yang dilampirkan dalam satu perbahasan.

2. Debat Islam dan Kristian Tentang Kitab Suci

Buku ini diterbitkan oleh Dakwah Islam di Medan pada tahun 1968M. Kandungan buku ini adalah berkaitan dengan perdebatan Syekh M. Arsyad Thalib Lubis dengan Doktor Seri Hardono.

3. Rahsia Bible[15]

Buku ini dicetak oleh Firma Islamiah pada 7 Mac 1932M, mungkin merupakan buku pertama tentang *Bible* yang ditulis dalam bahasa Melayu. Kandungan buku ini membincangkan beberapa bukti yang menunjukkan bahawa *Bible* tidak dapat dikatakan sebagai kitab suci. Bukti-bukti itu berdasarkan ayat-ayat *Bible* itu sendiri, antaranya:

a. Percanggahan pendapat yang terdapat pada ayat *Bible* itu sendiri.
b. Pendustaan yang terdapat di dalam *Bible* tersebut.
c. Adanya penambahan dan pengurangan pada ayat *Bible* dari fakta yang asal.

4. Berdialog dengan Kristian Advent

Buku ini dicetak di Medan oleh Dakwah Islam tahun 1968M, yang menjelaskan dialog di antara Syekh M. Arsyad Thalib Lubis dengan Misionaris Kristian.

Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga berusaha dengan gigih untuk membendung derasnya arus Kristianisasi di Sumatera Utara khususnya di kawasan perkampungan tanah Batak dan Karo. Beliau telah memperlihatkan keunggulan-keunggulan ajaran Islam dan memaparkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam ajaran Kristian, seperti tidak sucinya Injil yang ada sekarang dan adanya penambahan dan pengurangan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin gereja. Begitu juga ayat-ayat dalam Injil tersebut bertentangan antara satu sama lain, terutama yang berkaitan dengan konsep ketuhanan, sebagaimana yang didedahkan oleh beliau

[15] Buku ini dicetak oleh Firma Islamiah pada 7 Mac 1932M, yang termasuk buku pertama mengenai *Bible* yang di tulis dalam bahasa Melayu. Dalam buku ini dibincangkan beberapa bukti yang menunjukkan bahasa kitab *Bible* tidak dapat dikategorikan sebagai kitab suci. Dalam buku ini ada tiga pokok perbahasan iaitu: Pertama: Kontradiksi yang terdapat di antara ayat *Bible* itu sendiri. Ketua: Adanya penambahan pada ayat *Bible* dari aslinya. Ketiga: Pembohongan yang terdapat di dalam *Bible.*

dalam kitabnya yang bertajuk "Perbandingan antara Kristian dan Islam". Kemudian, beliau memberikan kesimpulan: apabila kita mengkaji dan menyelidiki kitab Injil yang dianggap sebagai kitab yang suci itu, maka kita dapati banyak penyelewengan dan penyimpangan yang menyebabkan Injil tersebut tidak lagi suci sebagaimana asalnya yang di turunkan kepada Nabi Isa as yang penuh dengan kebenaran dan ditulis dengan tuntutan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT.[16]

Kepakaran beliau dalam bidang Kristologi terutama penguasaan beliau terhadap sejarah dan doktrin agama-agama khususnya Yahudi dan Kristian, beliau jadikan ia sebagai alat untuk berdakwah secara efektif dengan menulis buku yang berkaitan dengan kitab orang Kristian yang bertajuk" Rahsia Bible". Buku ini menjadi rujukan penting bagi juru dakwah organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam penyebaran agama Islam di Porsea, Tapanuli Utara.

Selain itu, beliau juga menulis beberapa karya yang berkaitan dengan Kristian, seperti Keesaan Tuhan Menurut Kristian dan Islam, Berdialog dengan Kristian Advent dan Perbandingan Agama Islam dan Kristian. Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menjelaskan melalui karyanya ini tentang hakikat agama Kristian dan doktrin-doktrinnya.

Banyak ilmuwan di Indonesia dan Malaysia mengakui keunggulan karya beliau tentang Perbandingan Agama Islam dan Kristian (Medan 1969M). Buku setebal 478 muka surat ini diterbitkan kembali oleh penerbit Firma Islamiah (Medan 1983M). Cetakan terakhir buku ini di Malaysia adalah pada tahun 1982M. Berdasarkan pandangan pakar perbandingan agama dari universiti Islam Antarabangsa Malaysia Dr. Kamariah Kamaruzzaman, beliau memuji kualiti karya Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Dalam buku ini terdapat perbandingan beberapa ajaran penting yang ada dalam agama Islam dan Kristian, seperti asas ajaran Islam dan Kristian, dosa warisan, penebusan dosa, ketuhanan Jesus, mengenai kitab-kitab suci Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran serta kenabian Nabi Muhammad dalam *Bible*.

Antara usaha dakwah Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarkan agama Islam di tanah Batak ialah mengutamakan sikap toleransi antara umat beragama dan mengajak pemimpin-pemimpin agama Kristian untuk berbincang tentang kebenaran agama yang mereka yakini.

[16] Syekh M. Arsyad Thalib Lubis (1982), *Perbandingan Agama Kristian dan Islam,* Kuala Lumpur: Melayu Baru. h. 375.

Perkara ini telah disampaikan oleh beliau dalam ceramahnya sempena sambutan ulang tahun *al-Jam'iyatul Washliyah* di Bandar Medan. Beliau menyebutkan: "Hendaklah kita memperbaiki dan memperkuat hubungan persaudaraan umat Islam (*ukhuwah Islamiah*) dalam dan luar negara, berbuat baik dan berlaku adil terhadap sesama manusia dan menyampaikan seruan Islam kepada orang yang belum beragama Islam".

Berdasarkan ungkapan beliau, dapat difahami bahawasanya beliau mempunyai toleransi yang tinggi antara sesama umat beragama, sebagaimana yang disampaikan oleh beliau dalam menyebarluaskan agama Islam tidak ditujukan kepada orang yang sudah beragama. Dalam kata lain, dapat kita fahami bahawa tidak ada keharusan bagi umat Islam untuk memaksa suatu agama kepada orang lain, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud tidak ada paksaan dalam beragama.

Umat Islam juga dituntut untuk saling menghormati keyakinan yang dipercayai penganut agama lain, Islam juga tidak melarang para penganutnya untuk senantiasa berbuat baik kepada orang lain terutamanya terhadap orang yang tidak seakidah dengan kita, sebagai dakwah umat Islam kepada non-Muslim sehingga mereka dapat merasakan keadilan dan kedamaian Islam. Sesuai dengan keadaan masanya, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga melakukan pelbagai perdebatan dengan tokoh-tokoh Kristian di Medan, seperti Pendeta Rivai Burhanuddin (Pendeta Kristian Advent), Van den Hurk (Kepala Gereja Katolik Sumatera Utara) dan Dr. Sri Hardono (tokoh Kristian Katolik). Berkat penguasaan beliau akan ilmu pengetahuan yang luas, beliau mudah menguasai lawan debatnya dan hasilnya selalu diterbitkan dalam bentuk buku.[17]

Debat tersebut dihadiri oleh para tokoh agama Islam dan Kristian serta masyarakat umum, yang mana dialog tersebut merupakan suatu usaha dakwah beliau untuk mengajak umat ke dalam agama yang benar. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT :

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم
بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦۖ

[17] Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci (2002), *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian. Sri Hardono,* c. 2, Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 27.

وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Terjemahan: *Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.*

(Surah al-Nahl 16: 125)

Melalui debat tersebut, dapat mendidik masyarakat dan khalayak ramai akan betapa pentingnya untuk mewujudkan kesedaran dalam beragama dan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

Beliau berdakwah kepada orang Kristian penuh dengan hikmah, pengajaran serta contoh yang baik dan berdebat dengan mereka dengan cara yang terbaik untuk menyatakan kebenaran bukan untuk mengalahkan dan memalukan lawannya. Hal ini sesuai dengan apa yang di perintahkan oleh Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 125 tersebut.

Ketika berbahas, beliau lebih mengutamakan untuk menyatakan kebenaran kepada orang Kristian dengan mengadakan debat secara terbuka dengan mereka yang disaksikan oleh khalayak ramai dan paderi-paderi Kristian. Oleh yang demikian banyaklah yang sedar akan kebenaran dan menganut kebenaran tersebut sehingga ribuan di antara mereka menganut agama Islam dengan hidayah daripada Allah Yang Maha Kuasa.

Dalam kegiatan organisasi, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah salah seorang daripada tiga serangkai ahli penubuhan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah*.[18] Mereka adalah para pelajar yang menimba ilmu di

[18] Tiga serangkai pendiri *al-Jam'iyatul Washliyah* ialah:

1. Abdul Rahman Syihab. Abd. Rahman Syihab dilahirkan di kampung Paku Galang Deli Serdang pada tahun 1910 M, Ayah beliau bernama Hj. Syihabuddin berkhidmat sebagai Kadi hakim di kerajaan Deli Serdang dan Ibunya bernama Tupin binti Lebai Karim. Abdurrahman Syihab adalah seorang tokoh yang aktif berdakwah dan mengajar, beliau juga aktif berorganisasi bagi membina masyarakat. Pada tahun 1930M sampai 1932M, beliau di angkat sebagai Naib Ketua Umum (Presiden) Pengurus Besar (PB) *Al-Jam'iyatul Washliyah* pada tahun 1932M. meninggal dunia pada tanggal 7 Februari 1955M, tepat pada hari Isnin dalam usia 45 tahun. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 40-44.
2. Arsyad Thalib Lubis (1908 M-1972 M) adalah seorang ulama pejuang yang banyak

Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) Medan[19]. Usia mereka ketika itu masih sangat belia. Namun memiliki cara pandang yang jauh ke depan (Bashirah). Para pelajar MIT (Madrasah Islamiah Tapanuli) Medan memiliki sebuah perkumpulan kecil yang dinamai dengan *Debating Club* (kelompok diskusi).[20] *Debating Club* dipimpin oleh seorang pelajar yang sangat cerdas iaitu Abdurrahman Syihab. Dalam kelompok ini sering dibincangkan dan berdiskusi permasalahan yang sedang hangat di masyarakat terutama

menghabiskan waktunya di dunia pendidikan, dakwah dan sosial. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 44-49.

3. Hj. Ismail Banda lahir sekitar tahun 1910M, putera pasangan Banda Lubis dengan Hajah Sariani Amiriah. Beliau diasuh dan dididik di tengah-tengah keluarga yang taat beragama dan disiplin. Selesai mendapatkan pelajaran pertama dalam Islam, beliau masuk sekolah Menengah Islamiah Tapanuli di Medan Sumatera Utara selama lima tahun. Kemudian meneruskan pelajarannya ke Universiti al-Azhar di Mesir dengan bantuan orang tua dan *al-Washliyah*. Di al-Azhar beliau memperlihatkan dirinya sebagai anak Indonesia yang cerdas dan kreatif. Pada tahun 1930M beliau berhasil meraih gelar *AHLIYYAH* pada sekolah Tinggi Islam tersebut dan mendapat ijazah ulama pada tahun 1930. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 35-40.

[19] Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) yang didirikan pada 19 Mei 1918M di Medan, Sumatera Utara merupakan sebuah madrasah kecil saksi bisu lahirnya *al-Washliyah*. Madrasah ini tidak bisa dipisahkan dari sejarah penubuhan *al-Washliyah*. Kerana di tempat inilah *al-Washliyah* pertama kali dirasmikan yang dipelopori oleh para pelajar sekolah tersebut. Para guru yang mengajar di maktab tersebut di antaranya adalah:

1. Syekh Hj. Ja'far Hassan. Beliau dilahirkan di kampung Roburan Mandailing pada tahun 1880 Masihi anak dari Syekh Hasan Tanjung. Semasa kecil beliau hanya belajar agama pada orang tuanya dan setelah meningkat dewasa beliau merantau ke tanah Deli. Pada tahun 1940 Masihi beliau diutus oleh pak cik nya ke Mekah guna melanjutkan pelajarannya pada ulama-ulama di masa itu di Masjid Haram. *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit*., h. 111.
2. Syekh Hj. Muhammad Yunus. Beliau lahir tahun 1889M di kampung percukaian Binjai Kabupaten Langkat. Orang tuanya Hj. Mohd Arsyad berasal dari Tanjung Medan. Beliau belajar di kampungnya sendiri dan di Besilam Langkat, kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Dorga Kedah dengan Syekh Mohd Idris Petani, dari kedah terus ke Mekkah. Beliaulah yang memberi nama organisasi Islam ini dengan nama al-Jam'iyatul Washliyah yang ditubuhkan pada 30 November 1930M. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 32-35. *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit*., h. 177.

[20] Debating Club merupakan wadah untuk mendiskusikan pelajaran mahupun persoalan-persoalan sosial keagamaan yang sedang berkembang di tengah masyarakat, kelompok diskusi ini ditubuhkan pada 1928M, yang ditubuhkan oleh alumni (*eks student*) dan murid-murid senior Madrasah Islamiah Tapanuli. Perkumpulan pelajar ini dipimpin oleh Abdul Rahman Syihab yang merupakan salah seorang pengasas al-Jam'iyatul Washliyah. *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (*1955),*op. Cit.,* h. 36.

mengenai permasalahan agama. *Debating Club* ini terus aktif melakukan diskusi-diskusi sehingga semakin hari semakin luas yang terlibat dalam diskusi tersebut. Bermula dari diskusi tersebut lahirlah sebuah idea untuk mendirikan perkumpulan yang sangat besar, akhirnya tubuhlah organisasi *al-Washliyah.*[21]

Sejak terbinanya organisasi ini (30 November 1930M), beliau turut menjadi anggota Pengurus Besar hingga 1956M. Meskipun beliau tidak berada dalam pengurusan, beliau tetap aktif memberikan sumbangan idea dan tenaga dalam kegiatan *al-Washliyah* yang bergerak dalam bidang pendidikan, dakwah dan sosial. Sebagai tokoh *al-Jam'iyatul Washliyah*, dalam bidang akidah, beliau mengamalkan ajaran *ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan dalam fikah beliau mengikut mazhab Syafii. Namun demikian beliau bersikap terbuka dan hormat terhadap fahaman mazhab lain.[22]

Menurut beliau kebebasan mengemukakan fahaman mazhab dan pendapat perlu mendapat tempat dalam masyarakat kerana ianya sangat penting dalam perkembangan pengetahuan dalam kalangan umat Islam. Kedudukan hukum fikah menurut beliau, pada umumnya berkisar di sekitar masalah *zanni* (tidak jelas dan tegas) yang kekuatannya berdasarkan "kuat sangka belaka". Tidak "*yakini*" (dengan yakin) kerana dapat digugurkan dengan ijtihad. Adapun ijtihad tidak dapat digugurkan dengan *ijtihad* kerana sama kekuatannya.[23]

Dalam hal ini haruslah kita menginsafi bahawa selain masalah-masalah yang berkenaan dengan hukum-hukum fikah yang mungkin terdapat dalam pelbagai masalah perbezaan pendapat, kita juga perlu mengetahui titik-titik persamaan yang tidak terhitung jumlahnya yang mana ia dapat dijadikan pegangan dan pendirian yang sama bagi umat Islam seluruhnya. Titik-titik persamaan ini menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk memperjuangkannya dengan tidak membeza-bezakan fahaman dan mazhab. Dalam titik-titik persamaan inilah *al-Jam'iyatul Washliyah* senantiasa mengharapkan kerjasama yang padu dari semua golongan umat Islam dalam memperjuangkan agama Islam. Selain itu *al-Jam'iyatul Washliyah* juga mengharapkan agar dapat kiranya seluruh umat Islam bersatu, bersaudara dalam Iman dan Islam, senantiasa bersama-sama berganding bahu laksana suatu tembok, antara satu sama lain saling sokong menyokong, sesuai

[21] Hasan Asari (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah Sejarah Sosio-Religus dan Intelektual Periode Awal, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 5.

[22] Ramli Abdul Wahab (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah: Studi Tentang Mazhab Akidah dan Fikah , Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 19.

[23] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah. h. 19.

dengan ajaran Nabi kita yang tercinta Muhammad SAW bagi saudara-saudara yang berlainan agama pula, kita perlu ingat akan firman Tuhan bahawa tidak ada paksaan dalam beragama dan selalu berhasrat untuk berbuat baik serta berlaku adil sesuai dengan firman Tuhan dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 (*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang Yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil*). [24]

Pada saat bermulanya penubuhan organisasi *al-Washliyah*, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sentiasa berusaha dalam menjayakan organisasi tersebut, walaupun dalam pengurusan beliau sering wujud perbezaan pendapat. Namun dengan kearifan beliau dalam mengurus organisasi, beliau mampu menyatukan kembali visi dan misi yang telah disepakati oleh jawatan kuasa organisasi *al-Washliyah*.

Beliau juga pernah tidak aktif menyertai program organisasi *al-washliyah* disebabkan beberapa hal. Antaranya ketika beliau diminta menjadi tuan guru oleh masyarakat Aceh Maelaboh (Aceh Barat) pada tahun 1931M di daerah tersebut, dan pada tahun 1935 M-1936M, beliau pernah juga menarik diri dari menjadi ahli jawatan kuasa *al-Jam'iyatul Washliyah* kerana tidak bersetuju dengan ahli jawatan kuasa yang lain dalam masalah percampuran antara lelaki dan perempuan ketika kegiatan perbarisan yang menjadi kebanggaan organisasi pada saat itu. Beliau berpendapat bahawa hal ini boleh mempengaruhi masyarakat untuk melakukan sesuatu yang dilarang oleh Islam.

Selepas dua kali beliau tidak aktif dalam organisasi ini, pada tahun 1932M beliau kembali aktif di *al-Washliyah* sebagai guru. Dari sinilah beliau mula mendidik ustaz-ustaz muda yang berpotensi dan bersemangat tinggi untuk berdakwah ke daerah-daerah pedalaman di Sumatera Utara. Antara murid didikan beliau yang diutus untuk berdakwah ialah Bahrum Jamil, Usman Hamzah, M. Yunus Karim, Nuh Hudawi, Dumairi Ilyas dan lain-lain.

Di samping beliau mendidik murid-muridnya tentang cara berdakwah, beliau juga memberikan ilmu tambahan kepada mereka yang sangat berguna untuk berdakwah iaitu ilmu debat dan perbandingan agama serta ilmu tasawuf sebagai bekalan bagi mereka untuk menjalankan dakwah.[25]

---

[24] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), *op. Cit.,*. h. 20.

[25] Teori etimologi menyatakan bahawa kata dasar untuk " *tasawuf* " ialah perkataan bahasa Arab, *safa* yang bermaksud kesucian, dan merujuk kepada penegasan Sufisme terhadap

Sebahagian daripada murid-murid yang belajar di *al-Washliyah* dihantar ke Timur Tengah untuk melanjutkan pengajian mereka, antaranya Syamsuddin Lubis, Abbas Hamid, Abdul Khalid Muhammad, Abdul Majid Siraj dan lain-lain. Semenjak itu, *madrasah al-Washliyah* menghantar para pelajarnya yang cemerlang ke Negara-negara Arab untuk melanjutkan pengajian Islam, penghantaran pelajar tersebut setiap tahun dan berterusan hingga sekarang.

Beliau serta ahli jawatan kuasa *al-Jam'iyatul Washliyah* juga memberikan sumbangan besar bagi memperkembangkan organisasi tersebut, yang mana dalam masa waktu lima tahun beliau dan kawan-kawan berjaya menubuhkan Zending Islam untuk menyaingi gerakan Kristianisasi yang disebarkan oleh para misionaris gereja. Zending pertama yang mereka bangunkan di luar Bandar Medan ialah Zending Islam di tanah Karo yang bermula pada tahun 1937M, manakala Zending Islam di tanah Batak bermula pada tahun 1938M dan Zending Islam yang lain-lain. Melalui penubuhan Zending Islam tersebut mereka dapat menyebarkan agama Islam di Sumatera Utara secara khusus dan Indonesia secara umumnya.

Terbukti bahawa pada Pertemuan Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI)[26] ketiga yang diadakan di Solo pada tarikh 5-8 Jun 1939M telah mengesahkan bahawa *al-Jam'iyatul Washliyah* ialah sebagai pemegang tugas Zending Islam di Indonesia. Keputusan ini merupakan penghargaan dan kepercayaan yang besar diberikan oleh MIAI kepada *al-Jam'iyatul Washliyah* untuk melanjutkan pengembangan Islam di tanah air Indonesia.[27]

Kemudian termaktub dalam sebuah majalah" *Pedoman Masyarakat*" yang diasuh oleh HAMKA,[28] beliau menuliskan: "Adakah satu pergerakan Islam

---

kesucian hati dan jiwa. *Tasawuf* ialah istilah yang diberikan kepada sebuah aliran atau tradisi pemahaman Islam yang merangkumi pelbagai kepercayaan dan amalan. *Ensiklopedi Islam* (1999), c. 5, j. 5, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve. h. 75.

[26] Majlis Islam A'la Indonesia merupakan suatu perkumpulan dari organisasi-organisasi Islam yang didirikan pada tarikh 21 September 1937M di Surabaya. Majlis ini didirikan berkat kesedaran para tokoh organisasi-organisasi Islam ke arah persatuan setelah menyedari bahawa perbezaan pendapat dan pertentangan di kalangan mereka sebelum tahun 1937M, hanyalah menyangkut masalah furuk (cabang). Pengasas organisasi ini adalah K. H. Mas Mansur dari Muhammadiyah, K. H. Muhammad Dahlan serta K. H. Abdul Wahab Hasbullah dari Nahdatul Ulama, dan W. Wandoamiseno dari Serekat Islam. Pada tahun 1941M, organisasi ini telah menjadi 21 organisasi Islam yang tergabung ke dalamnya, termasuklah organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah. Ensiklopedi Islam* (1999), c. 5, J. 3. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve. h. 118.

[27] Muslim Nasution (2008), *Dinamika Al-Washliyah Dalam Lintas Sejarah, Peran Moderasi al-Washliyah.* Medan: Univa Press, h. 27.

[28] Hamka nama sebenarnya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (lahir di kampung Molek

yang dapat mencapai sasaran dakwah yang gemilang seperti *al-Jam'iyatul Washliyah*? Organisasi ini baru berumur sepuluh tahun tetapi telah dapat menyebarkan Islam di lembah Porsea yang subur itu, sehingga telah terdapat di sana umat Islam yang jumlahnya tidak kurang dari 20.000, lantaran itu goncang dibuatnya tiang salib dan dengungan lonceng gereja ditandingi oleh suara azan yang sayup-sayup sampai, cubalah kira-kirakan sendiri bagaimana agaknya kelak selepas 20 atau 30 tahun lagi.[29]

Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis pada masa hidupnya juga pernah terlibat dalam dunia politik Indonesia dengan menjadi pengurus di Majlis Syura Muslimin (Masyumi). Selain itu, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis pernah menjadi Ketua Pengurus Agama se- Sumatera Timur (sekarang Kakanwil Departmen Agama) yang mana beliau merupakan perwakilan pertama. Ulama *al-Washliyah* ini pernah menjadi wakil Indonesia berkunjung ke negara Unisoviet (Rusia sekarang) bersama beberapa orang ulama Indonesia yang lain.

C. Peranan Dakwah Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Di Medan Sumatera Utara

Sumatera Utara adalah salah satu daerah di Indonesia yang merupakan daerah dakwah. Hal ini dapat dibuktikan sewaktu Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI) pada tahun 1941M, menetapkan markas Zending Islam Indonesia berpusat di Medan Sumatera Utara, yang dipelopori oleh Pengurus Besar Al-Washliyah, sebagai salah satu anggota MIAI yang banyak berjasa menjalankan usaha-usaha dakwah di Sumatera Utara khususnya di tanah Karo dan Toba.[30]Antara ulama organisasi ini yang sangat gigih berdakwah

---

Sungai Batang Maninjau, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia pada 16 Februari 1908M - 24 Julai 1981M). Beliau adalah seorang ulama Islam yang *progresif* dan guru agama serta wartawan, pujangga dan filsuf Islam. Pemimpin dan mubaligh Muhammadiyah yang terkenal di Indonesia. Beliau mendapat nama panggilan "Buya" yang diambil daripada perkataan Arab 'Abi' atau 'Abuya' yang membawa maksud ayah atau seseorang yang amat dihormati, ayah beliau Syekh Abdul Karim bin Amrullah atau dikenal sebagai Haji Rasul, seorang pelopor gerakan Islah (tajdid) di Minangkabau, sekembalinya dari Mekah pada tahun 1906M. Hamka merupakan ketua Majlis Ulama Indonesia, salah satu daripada pertubuhan agama Islam yang terbesar di Indonesia selain Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Sewaktu zaman penjajahan Belanda, Hamka merupakan ketua editor majalah Indonesia seperti Pedoman Masyarakat, Panji Masyarakat dan Gema Islam. Hamka (1980), *Falsafah Hidup,* c. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. h. 1. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), c. 1, J. 2, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 842.

[29] *Pedoman Masyarakat,* Th. VII. 6 Ogos 1941. h. 83.

[30] Seminar dakwah Islam se-Sumatera Utara, ucapan ketua umum pimpinan Majlis Ulama Sumatera Utara, Drs. H. Abd. Djalil Muhammad. Medan, 19 Mac 1981. *Peringatan Al-*

ialah Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta kawan-kawan beliau.

Antara gerakan dan aktiviti dakwah yang menjadi fokus penting bagi beliau ialah membendung kemasukan misi Kristian ke Sumatera Utara. Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga aktif dalam Zending Islam (Mubaligh Islam). Dengan usaha dakwah melalui zending Islam, ramai penduduk dari Tanah Batak dan Karo masuk Islam di bawah bimbingan beliau.

Usaha dan kegigihan dakwah Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan dari *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam memperkembangkan Islam di tanah air khususnya di tanah Batak, sangat memberikan kemajuan terhadap perkembangan Islam di Sumatera Utara khususnya di Indonesia umumnya, yang mana dengan usaha dakwah beliau, hingga kini Islam terus berkembang di Sumatera Utara khususnya di tanah Batak.
Dakwah beliau melalui kristologi sangat berjaya, kehadirannya disenangi oleh masyrakat Batak Toba dan Tanah Karo, karya beliau "Pedoman Singkat" dan Pokok-pokok Ajaran Islam" merupakan karya yang tersebar ke tengah-tengah masyarakat. Akhirnya, masyarakat di daerah yang masih menganut animisme ramai-ramai menganut agama Islam, hingga kini Islam mereka dikenal kuat dan istiqamah.

Hasil kerja dan usaha dakwah beliau serta kawan-kawannya di daerah Karo dan Toba, sebagai cawangan yang memperkenalkannya dan organisasi ini ke seluruh Indonesia. Mula-mula ia bergerak secara perlahan, seperti' api dalam sekam". Demikianlah hangatnya hasil kerja tersebut sehingga terasa juga keluar daerah Karo dan Toba yang memberikan sumbangan yang sangat bererti dalam perkembangan Islam di Indonesia.[31]

Sememangnya generasi organisasi ini patut berasa bangga atas keberhasilannya dan kejayaan *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam mengembangkan ajaran Islam. Kebanggaan ini rupanya bukan sahaja dirasakan oleh dirinya sendiri bahkan juga dirasakan oleh masyarakat Muslim Sumatera Timur. Begitu juga rakan yang turut menyuarakan Islam melalui majalahnya di Sumatera Timur, seperti Pedoman Masyarakat (majalah yang diasuh oleh simpatisan Muhammadiyah), pimpinan redaksinya HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah).[32]

Djamijatul Washlijah 1/4 abad (1955). Op. Cit., 324.

[31] Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.,* h. 147.

[32] *Ibid*

Kejayaan pendakwah-pendakwah *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam menyampaikan dakwah Islamiah di tanah Karo, terbukti di mana sebahagian penduduk di daerah tersebut sudah beragama Islam sebanyak 40%, beragama Katolik dan Protestan sebanyak 40 %, sedangkan bakinya 10 % tidak memiliki agama.[33]

Selain itu, kejayaan tersebut juga dapat dilihat dari aspek terbinanya masjid-masjid dan tempat-tempat pendidikan Islam, begitu juga madrasah-madrasah dan sekretariat persatuan dakwah Islam di tanah Batak, khususnya di tanah Karo dan Toba Sumatera Utara Indonesia.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan di atas, adalah jelas bahawa ketokohan Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sebagai seorang dai yang telah memberikan sumbangan yang sangat besar kepada perkembangan dakwah Islam, terutama di tanah Batak, yang belum beragama dan beragama Kristian daripada pengaruh penjajahan Belanda. Beliau bukan sahaja berjaya menggarap gagasan dakwah yang bertamadun tetapi beliau juga kerap kali mengadakan debat atau dialog antara agama dengan tokoh-tokoh agama Kristian, yang bertujuan untuk menyatakan kebenaran. Berdasarkan keilmuannya yang mendalam, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dapat melemahkan hujahan lawan debat beliau, sehingga beliau lebih dikenali sebagai seorang Kristolog besar dan berkarisma dari Sumatera Utara. Mungkin inilah bentuk ketokohan beliau dalam dakwah, beliau mampu menyebarluaskan agama Islam dan mengharumkan nama Islam.

RUJUKAN

Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci (2002), *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian*. Sri Hardono, c. 2, Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah.

Hasan Asari (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah Sejarah Sosio-Religus dan Intelektual Periode Awal, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press.

Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara (1982), *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara.

Muslim Nasution (2008), *Dinamika Al-Washliyah Dalam Lintas Sejarah,*

[33] Syamsuddin Ali Nasution (1999), *Al-Jam'iyatul Al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*, Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: UM Publisher. h. 171.

Peran Moderasi al-Washliyah. Medan: Univa Press.

Peringatan *Al-Djamijatul Washlijah* 1/4 abad (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah.

Ramli Abdul Wahab (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah: Studi Tentang Mazhab Akidah dan Fikah* , Peran Moderasi al-Washliyah. Medan: Univa Press.

Seminar dakwah Islam se-Sumatera Utara, ucapan ketua umum pimpinan Majlis Ulama Sumatera Utara, Drs. H. Abd. Djalil Muhammad. Medan, 19 Mac 1981. *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (1955)*.

Syamsuddin Ali Nasution (1999), *Al-Jam'iyatul Al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*, Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: UM Publisher.

Syekh M. Arsyad Thalib Lubis (1982), *Perbandingan Agama Kristian dan Islam*, Kuala Lumpur: Melayu Baru.

PROGRAM PEMBANGUNAN DAKWAH BUKAN PEMERINTAH DAN PEMERINTAH DI ACEH

Oleh:
Razali Muhammad Ali [1]
Prof. Dr. Ab Aziz Mohd Zin [2]

PENGENALAN

Aceh merupakan daerah yang paling awal masuk dan berkembangnya Islam di Nusantara. Daerah Aceh sering terjadi peperangan yang dimulai sejak penjajahan Belanda sampai mencapai kemerdekaan untuk memartabatkan Islam, mempertahankan maruah dan harga diri serta mempertahankan kedaulatan negara. Peperangan yang terjadi sejak penjajahan Belanda dan pada awal kemerdekaan telah menghancurkan pembangunan dan telah meruntuhkan institusi pendidikan keagamaan seperti pondok dan menghancurkan sendi-sendi perekonomian rakyat yang bersumber dibidang pertanian, perkebunan dan perdagangan. Keadaan ini sampai puluhan tahun kemudian setelah kemerdekaan membawa akibat yang cukup parah dalam mningkatkan taraf hidup dan tingkat kesejahteraan masyarakat Aceh.[3]

Setelah kemerdekaan tahun 1945 di Aceh telah terjadi peperangan mempertahankan kemerdekaan kerana Belanda ingin menjajah kembali, pergolakan Darul Islam tahun 1953 yang menuntut hak dengan perjuangan pelaksanaan Syariat Islam dan pemberontakan Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Dalam perjanjian damai dengan Darul Islam tahun 1962, daerah Aceh diberi hak istimewa untuk membangun dengan otonomi yang luas terutama di bidang agama, pendidikan dan adat istiadat. Untuk merealisasikan pelaksanaan pembangunan di bidang agama, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Aceh telah merumuskan rang undang-undang Syariat Islam No. 6 tahun 1968 tentang pelaksanaan unsur-unsur Syariat Islam di Aceh, tetapi pemerintah Jakarta menolak pengesahannya dengan alasan agama belum diotonomikan.[4] Penolakan ini membuat pemimpin dan rakyat Aceh kecewa terhadap pemerintah Indonesia.

---

[1] Pelajar P.hD di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan.

[2] Mantan Profesor di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan.

[3] Daerah Istimewa Aceh (1992), *Profil Provinsi Republik Indonesia Daerah Istimewa Aceh*, Jakarta: Yayasan Bakti Wawasan Nusantara, Majalah Talstra Strategic dan PT Intermasa, h. 187.

[4] Al Yasa' Abubakar (2006), *Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Paradigma Kebijakan dan Kegiatan,* Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 36-37.

Kekecewaan dan ketidak puasan merebak kembali ketika pemerintah Orde Baru berkuasa yang tidak melaksanakan hak keistimewaan Aceh yang ditandai dengan muncul Gerakan Aceh Merdeka (GAM) pada tahun 1976 menuntut kemerdekaan. Pemberontakan ini memakan masa hampir 30 tahun untuk diselesaikan yang konsekuensinya telah menghambat program pembangunan, menghancurkan pembangunan dan infrastruktur yang telah dibina, merosakkan harta benda, menelan banyak korban jiwa dan penderitaan masyarakat berjalan cukup lama. Penderitaan dan kekecewaan masyarakat Aceh mulai terubati ketika Presiden BJ Habibie menandatangani Undang-Undang No. 44 Tahun 1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan Aceh yang diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam bagi pemeluknya.[5]

Keadaan dan kehidupan masyarakat Aceh sangat menderita selama konflik terjadi, situasi ini diperburuk lagi dengan bencana gempa dan tsunami yang terjadi pada 26 Disember 2004 yang telah menelan ratusan ribu jiwa masyarakat Aceh, meranapkan ratusan ribu rumah, menghancurkan ekonomi, merosakkan infrastruktur asas dan kehilangan sumber pendapatan masyarakat. Bencana tsunami telah menyedarkan pemerintah Indonesia dan GAM tentang penderitaan masyarakat, maka mereka sepakat mengakhiri sengketa dengan menanda tangani perjanjian damai pada 5 Ogos 2005 di Helsinki Firlandia.

Setelah perjanjian dan keamanan tercapai program pembangunan mulai dilakukan dan aktiviti dakwah mulai dilaksanakan, hal ini telah membawa kesan yang baik dan memberi nilai yang positif dalam masyarakat. Para pendakwah sudah bergiat dan aktif kembali dalam menyampaikan mesej dakwah untuk mengembangkan Syariat Islam setelah program dakwah lama terbengkalai, terhenti, lesu akibat konflik bersenjata yang berkepanjangan. Kini setelah keamanan tercapai pendakwah telah memberi komitmen yang tinggi dan bersemangat untuk datang ke tengah-tengah masyarakat bagi menyampaikan mesej dakwah, menyeru yang makruf, mengisi mimbar Masjid dan *Meunasah* (surau) untuk menegakkan dan mengekalkan hukum syariah secara utuh dan menyeluruh. Dalam suasana damai pendakwah sentiasa dijemput oleh masyarakat untuk mengisi program dakwah, ceramah, pengajian agama, majlis taklim, memberi kata-kata nasihat pada upacara keagamaan, mengisi khutbah jumaat yang sentiasa memenuhi matlamat dakwah untuk melahirkan masyarakat yang beramal, bertakwa,

[5] Muslim Ibrahim (2003), " Sejarah Syariat Islam di Aceh", dalam Syahrizal *et al.* (eds.), *Kontekstualisasi Syari'at Islam di Nanggroe Aceh Darussalam,* Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. 34.

memiliki sifat kejujuran, adil, tetap pendirian, sentiasa berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran.

PROGRAM DAKWAH

Pelaksanaan dakwah dalam masyarakat Aceh setelah penerapan Syariat Islam sudah berkembang dengan baik dan telah diadakan transformasi dengan dikeluarkan peraturan daerah oleh pemerintah Aceh tentang pelaksanaan Syariat Islam di mana setiap individu bebas berdakwah. Pemerintah daerah Aceh berkewajiban menubuhkan dan mengembangkan institusi dakwah Islamiyah sehingga dapat melahirkan kader-kader dakwah. Setiap anggota masyarakat wajib melaksanakan dan mendukong pelaksanaan amar makruf nahi mungkar sesuai dengan kemampuan yang dimiliki.[6] Kini pelaksanaan dakwah di Aceh telah dapat dijalankan secara bebas tanpa sekatan dan tidak perlu bertauliah bagi setiap individu, institusi bukan pemerintah dan pemerintah. Program dakwah yang dilakukan antaranya adalah:

a) Program Dakwah Bukan Pemerintah

Program dakwah bukan pemerintah dalam masyarakat Aceh dilakukan individu dan pertubuhan atau organisasi Islam yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej dakwah, meningkatkan pengamalan keagamaan dan menjalankan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Aktiviti dakwah yang sentiasa dilaksanakan adalah:

- **Dakwah Individu**

Pendakwah individu telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan aktiviti dan menyebarkan mesej dakwah dalam masyarakat Aceh sebagai penerus tugas para Nabi untuk memenuhi pengembangan ajaran Islam sejak dari dulu lagi. Pendakwah individu telah melaksanakan tanggungjawab dan melakukan kewajiban menyampaikan pesan-pesan dakwah mengikut petunjuk Islam untuk menyelamatkan masyarakat dari kejahilan dan terhindar dari kesesatan. Aktiviti pendakwah individu lebih sering muncul, lebih aktif dan sangat agresif dalam masyarakat kampung dibandingkan pendakwah dari organisasi Islam, majlis tertentu dan badan khas dari pemerintah untuk menyeru yang makruf dan mencegah mungkar. Menyampaikan dakwah dalam Islam bukan hanya tugas individu tertentu saja tetapi merupakan tanggungjawab semua orang mengikut kemampuan masing-masing.

---

[6] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam (Provinsi Daerah Istimewa Aceh), 2000 (Peraturan No.5, Bab IV. Pasal 13 (2,3,4), 2000).

Kini setelah perdamaian tercapai dan penerapan Syariat Islam di Aceh semua pendakwah individu sudah bangkit semula, telah meningkatkan semangat berceramah, bergiat aktif dan kembali gigih berdakwah secara profesional telah mencetuskan fenomena baru di tengah-tengah masyarakat dengan diberi kebebasan berdakwah tanpa sekatan yang dulu dakwah lesu selama konflik bersenjata. Dalam undang-undang pelaksanaan Syariat Islam di Aceh setiap pendakwah diberi kebebasan yang sangat luas tanpa sekatan dan tidak perlu surat izin untuk berdakwah. Setiap orang bebas menyelenggarakan dan melaksanakan dakwah Islamiyah untuk mengembangkan ajaran agama Islam tentang akidah, ibadah, akhlak dan memperkuat persatuan umat serta memperkuat ukhuwah Islamiyah.

Pendakwah individu dalam berdakwah sentiasa menyeru masyarakat supaya tetap beriman, sentiasa bertakwa, percaya kepada Allah dan menjauhkan perbuatan syirik. Pendakwah sering memperingatkan masyarakat untuk melaksanakan ibadah solat sebagai tiang agama, melakukan puasa, melaksanakan zakat, melakukan ibadah haji bagi yang mampu, melaksanakan yang makruf dan menjauhkan diri dari perbuatan mungkar. Pendakwah individu sentiasa mengajak masyarakat berakhlak mulia, bersopan santun, berkata benar dan amanah dengan mencontohi akhlak Rasulullah, yang biasa disampaikan pada peringatan kelahiran beliau. Pendakwah individu telah banyak berjasa dalam menyampaikan mesej dakwah dan membangun masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam.

- **Program Dakwah Pertubuhan Islam**

Program dakwah pertubuhan atau organisasi Islam telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej dakwah, meningkatkan pengamalan keagamaan dan menjalankan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Mereka mempunyai program tersendiri yang khas dalam mengembangkan dakwah. Organisasi Islam yang terdapat cawangan di Aceh antaranya: Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU), Jami'atul Wasliyah, Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Pelajar Islam Indonesia (PII), Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII), Dewan Masjid, Persatuan Dayah Inshafuddin dan lain-lain organisasi Islam. Penulis hanya mengambil empat organisasi sebagai sampel dalam mengambangkan dakwah Islamiyah di Aceh iaitu: Muhamamdiyah, Al-Jami'atul Wasliyah, Pelajar Islam Indonesia (PII) dan Dawan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII).

Muhammadiyah organisasi sosial keagamaan dan gerakan Islam moden terbesar di Indonesia. Sebagai organisasi pembaharuan Muhammadiyah tetap konsisten dengan semboyannya

kembali kepada ajaran Islam yang murni, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.[7] Tujuan utama Muhammadiyah untuk mengajak umat Islam Indonesia kepada sifat tauhid dan cara beribadah yang sesuai dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, memperbaiki sistem pendidikan umat Islam, menolong golongan miskin dan lemah di samping membekalkan ilmu pengetahuan agama Islam.[8] Organisasi Muhammadiyah adalah organisasi sosial yang tidak melibatkan diri dalam bidang politik, ia hanya memfokuskan diri pada pelbagai aktiviti pembaharuan, memurnikan ajaran Islam, sosial dan dakwah.[9]

Muhammadiyah mengembangkan dakwah dan menyebar fahaman kemuhammadiyahan melalui anggotanya, kader Muhammadiyah dan institusi pendidikan, mulai sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Muhammadiyah Aceh memiliki 46 sekolah rendah 38 sekolah menengah, sebuah universiti dan dua buah akademi iaitu akademi perawatan kesihatan dan akademi pelancongan. Institusi pendidikan merupakan prasarana yang sangat penting dan modal dasar untuk mendidik dan membina kader Muhammadiyah. Pendidikan sekolah milik Muhammadiyah telah berfungsi untuk mengembangkan dakwah dan sebagai salah satu institusi untuk mempercepat berkembangnya Muhammadiyah di Aceh.

Organisasi Jami'atul Wasliyah Aceh juga banyak bergerak dalam mengembangkan dakwah bagi masyarakat dan berusaha membangun institusi pendidikan, menyantuni anak fakir miskin, memelihara dan mendidik anak yatim, memperbanyak *tahlil tazkir* dan pengajaran bagi umat Islam.[10] Dakwah Jami'atul Wasliyah dikembangkan melalui anggotanya, Ikatan Pelajar Al-Wasliyah putra dan putri, gerakan pemuda Al-Wasliyah dan Himpunan Mahasiswa Al-Wasliyah. Program keagamaan Jami'atul Wasliyah antaranya adalah: Program pendidikan kader dakwah, program

---

[7] Achmad Jainuri (1995), "Muhammadiyah Sebagai Gerakan Pembaruan Islam" dalam *Gebyar Muktamar Muhmmadiyah ke-34 di Banda Aceh 1995,* Banda Aceh: Muktamar Muhammadiyah, h. 46.

[8] Muzlifah (2006), "Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia" (*Disertasi,* Jabatan Sejarah dan Tamudun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 39.

[9] Razali Muhammad Ali (2000), "Sumbangan Organisasi Islam Masa Kini Dalam Pengembangan Dakwah Islamiyah di Aceh" (*Disertasi,* Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 48.

[10] Al-Wasiyah Banda Aceh (1980), *Hasil Konperensi*, *Antara Harapan dan Kenyataan*. Banda Aceh: Konperensi Al-Wasliyah, h. 90.

dakwah ramadan, dakwah pada hari-hari besar Islam, program pelatihan kader Jami'atul Wasliyah, program pendidikan sekolah, program pengajian kaum muslimah dan pelajar putra putri Jami'atul Wasliyah.

Sementara organisasi Pelajar Islam Indonesia (PII) ditubuhkan sebagai wadah pemersatu belia, pemuda, pelajar dan mahasiswa yang bertujuan menyukseskan study, pembentukan peribadi muslim, media latihan dan sebagai alat perjuangan yang kemudian dikenal dengan "Empat Catur Bakti PII".[11] Sebagai wadah kepemudaan, PII mengkhaskan aktivitinya dalam bidang pendidikan dan dakwah di kalangan generasi muda dengan rencana program yang kongkrit.[12] Program dakwah Pelajar Islam Indonesia dilakukan dengan mendidik belia, pemuda dan pelajar dengan aktiviti training seperti program *basic training*, *mental training*, *advanced training*, program latihan kepimpinan bagi anggotanya, program latihan kader dakwah PII untuk masyarakat, *coaching* instruktur dasar, *coaching* instruktur lanjutan dan program *senior couse*.

Kemudian Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) juga begitu menumpukan perhatian di bidang dakwah. Penda'i selalu mengisi mimbar Masjid di perkotaan dan juga dikirim sampai ke daerah yang paling terpencil.[13] DDII banyak mendorong, memperbaiki dan mengembangkan dakwah serta menghadapi cabaran dakwah di pelbagai daerah. DDII ditubuhkan untuk mengatasi masalah dakwah seperti kedangkalan akidah, tidak merata juru dakwah terutama di daerah terpencil dan menghadkan diri sebagai organisasi yang berkonsentrasi di bidang dakwah dengan mendidik pendakwah dan khatib sebagai kader dakwah.

Program dakwah Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia antaranya: Program menghadapi arus Kristianisasi dan membasmi ajaran sesat, program pembinaan pondok, program pembinaan kader dakwah DDII, program pembinaan majalah media dakwah, program mencegah kemungkaran, mengisi kekurangan pendakwah, mengirim pendakwah ke kawasan terpencil dan program pembaruan ajaran Islam.

Semua organisasi Islam telah berdakwah dengan pelbagai strategi dan

[11] Razali Muhammad Ali, *Op. Cit*., h. 80-81.

[12] Chalidin Yacob (1993), "Pelajar Islam Indonesia: Sejarah dan Sumbangannya Bagi Pendidikan Masyarakat di Indonesia" (*Disertasi,* Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya), h. 19.

[13] *Panji Masyarakat*, No. 746, 1993, Pak Nasir Telah Tiada, Jakarta: Yayasan Nurul Iman, h. 11.

metod yang memenuhi tuntutan ajaran Islam sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Organisasi Muhammadiyah dan Al-Jami'atul Wasliyah misalnya dalam membangun nilai syariah dilakukan juga melalui dakwah amalan dan praktikal dengan membentuk pendidikan dari sekolah rendah sampai universiti, miliki klinik kesihatan, hospital, yayasan dan panti asuhan untuk membantu anak yatim dan fakir miskin, semua institusi ini digunakan sebagai intrumen dakwah selaras dengan kepentingan masyarakat moden untuk mengamalkan hukum syariah.

b) Program Dakwah Pemerintah

Program dakwah pemerintah Aceh biasanya dilakukan melalui Departemen atau Dinas dan organisasi yang berada di bawah naungan pemerintah. Dakwah pemerintah dilakukan melalui Departemen Agama, Dinas Syariat Islam dan Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), yang terdapat di peringkat provinsi dan daerah telah dilakukan untuk mencapai matlamat pembangunan keagamaan. Organisasi lain yang bernaung di bawah pemerintah seperti Ikatan Cendakiawan Muslim Indonesia (ICMI), Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), dan lain-lain dinas dan organisasi yang merupakan bahagian dari pemerintahan Aceh turut menyampaikan mesej dakwah.

Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh yang dilakukan pemerintah dalam segala bidang, salah satunya adalah mengembangkan dakwah seperti yang disebutkan dalam Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA), bahawa: Pelaksanaan Syariat Islam meliputi ibadah, hukum keluarga, hukum perdata, hukum pidana, peradilan, pendidikan, pengembangan dakwah, syiar dan pembelaan Islam.[14] Pemerintah lebih berkewajiban membentuk badan dakwah kerana pemerintah punya kekuasaan, memiliki kekuatan dan mempunyai biaya yang mencukupi untuk mengembangkan dakwah Islamiyah.

Institusi dakwah berperanan memantau dan mengawasi pelaksanaan dakwah seperti organisasi Islam dapat mengawasi aktiviti dakwah yang dilakukan dan dapat memantau kelakuan masyarakat yang menjadi anggota organisasi. Pemerintah Aceh telah menubuhkan institusi dakwah yang dapat menyampaikan mesej dakwah untuk semua lapisan masyarakat Aceh dan berperanan sebagai badan pemantau semua aktiviti dakwah yang dilakukan oleh individu, organisasi Islam, badan dakwah dan dakwah yang dilakukan oleh pemerintah sendiri.

[14] Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh (Republik Indonesia), 2006 (Undang-Undang No. 11, Bab XVII, Pasal 125 (2), 2006).

- **Program Pemerintah Melaksanakan Syariat Islam**

Pemerintah Aceh kini berwewenag dan berkewajiban melaksanakan penerapan Syariat Islam di Aceh yang disetujui dan disahkan dengan Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999, tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Penyelenggaraan keistimewaan Aceh meliputi, penyelenggaraan kehidupan beragama, kehidupan adat, penyelengaraan pendidikan dan peranan ulama dalam penetapan kebijakan daerah. Penyelenggaraan kehidupan beragama di daerah Aceh diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam bagi pemeluknya dalam masyarakat.[15]

Pengesahan undang-undang Syariat Islam di Aceh telah memberi kekuasaan dan sewenang kepada pemerintah Aceh untuk menjalankan ajaran Islam dalam segala aspek kehidupan masyarakat Aceh dengan dikeluarkan kanun, peraturan daerah dan membentuk pelbagai institusi pendokong untuk menyempurnakan pelaksanaan Syariat Islam. Dengan pengesahan pelaksanaan Syariat Islam maka setiap pemeluk agama Islam wajib mentaati, mengamalkan dan menjalankan Syariat Islam secara *kaffah* dalam kehidupan sehari-hari melalui diri peribadi, keluarga, masyarakat dalam kehidupan berbangsa, bernegara dengan tertib dan sempurna.[16] Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh lebih menyeluruh bukan hanya dilakukan dalam aspek akidah, syariah, akhlak tetapi merangkumi segala aspek seperti aspek tahanan ekonomi, kewangan, sistem pendidikan, politik, budaya, kesenian, pelayanan kesihatan, penggunaan ubat yang tidak mengandung zat haram, aktiviti sukan dan aspek lainnya.[17]

Dengan dikeluarkan Undang-Undang Keistimewaan Aceh yang mengandung unsur penyelenggraan beragama dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam, maka pemerintah Aceh mengistiharkan berlakunya Syariat Islam di Aceh sebagai momentum asas yang sangat penting dalam menentukan perubahan dan memberlakukan suasana kehidupan dengan undang-undang Syariat Islam. Oleh itu, pada 1 Muharram 1423 H, (15 Maret 2002) oleh Gubernur Aceh Abdullah Puteh mendeklarasikan berlakunya Syariat Islam di Aceh

---

[15] Undang-Undang Tentang Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Republik Indonesia), 1999 (Undang-Undang No. 44, Bab III, Pasal 4 (1), 1999).

[16] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam, *Op.Cit*., (Bab III, Pasal 4 (1-2), 2000).

[17] Arifin Zain (2007), "Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Study Terhadap Problematika dan Implementasinya" dalam Syamsul Rijal *et al*. (eds.), *Dinamika dan Problematika Penerapan Syari'at Islam,* Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 90.

secara *kaffah*.[18]

Dengan pengistiharan tersebut maka kehidupan beragama bagi masyarakat Aceh diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam merupakan suatu dakwah dengan kekuasaan dan kekuatan pemerintah untuk pencapaian matlamat pembangunan keagamaan yang diperoleh dari hasil perjuangan panjang masyarakat Aceh yang sangat bermakna, di mana kini telah dilakukan oleh pemerintah dan negara. Untuk memperkuat penerapan Syariat Islam telah dipertegas lagi dengan dibentuk peraturan daerah provinsi Aceh tentang pelaksanaan Syariat Islam yang menetapkan bahawa: Ketentuan tentang pelaksanaan Syariat Islam diatur dalam peraturan daerah Aceh, bertujuan untuk pengisian di bidang agama dengan menerapkan Syariat Islam. Maka pemerintah daerah berkewajiban mengembangkan dan membimbing serta mengawasi pelaksanaan Syariat Islam dengan sebaik-baiknya.[19]

Perlakuan dan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh diperkuat lagi dengan dikeluarkan Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) tahun 2006 yang disebutkan bahawa: Syariat Islam yang dilaksanakan di Aceh meliputi *'aqidah, shar'iyah* dan akhlak, yang mencakupi ibadah, *ahwal al-shakhsiyah* (hukum keluarga), *muamalah* (hukum perdata), *jinayah* (hukum pidana), *qada'* (peradilan), *tarbiyah* (pendidikan), dakwah, syi'ar dan pembelaan Islam. Oleh itu, setiap pemeluk Islam di Aceh wajib mentaati dan mengamalkan Syariat Islam.[20] Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh dilakukan secara bertahap dan berperingkat sesuai dengan kemampuan dan persediaan masyarakat, pemerintah dan para ulama. Syariat Islam yang akan dilaksanakan dipilih bidang-bidangnya mulai dari yang dianggap paling mudah dan perlu terus bertambah sedikit demi sedikit sampai pada suatu saat nanti menjadi sempurna.[21] Penerapan Syariat Islam sentiasa ditingkatkan dengan aktiviti dakwah dan pendidikan Islami sehingga suatu saat nanti Syariat Islam dapat berjalan dengan lebih baik dan sempurna.

---

[18] Rusjdi Ali Muhammad (2003), Syari'at Islam di Aceh: Menjadi Penonton Atau Pemain dalam Syahrizal *et al*. (eds.), *Kontektualisasi Syari'at Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. iii.

[19] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No. 5, *Op. Cit.*, (Bab II dan Bab III, Pasal 2 (1) dan Pasal 3, 2000).

[20] Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No.11, *Op. Cit*., (Bab XVII, Pasal 125 (2), dan Pasal 126 (1), 2006).

[21] Al Yasa Abubakar (2005), *Bunga Rampai Pelaksanaan Syari'at Islam (Pendukung Kanun Pelaksanaan Syari'at Islam)*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 52.

3.2.2 Pemerintah Melahirkan Pelbagai Kanun dan Peraturan

Pemerintah Aceh telah melahirkan kanun dan peraturan untuk memperkuat dan menyempurnakan pelaksanaan Syariat Islam dan mengembangkan aktiviti dakwah. Antara kanun terpenting penulis huraikan adalah tentang dakwah, akidah ibadah dan akhlak.

Kanun mengenai dakwah, setiap orang bebas menyelanggarakan dan melaksanakan dakwah Islamiyah untuk menubuh kembangkan ajaran agama Islam, memperkuat persatuan umat dan memeprkuat ukhuwah Islamiyah. Pemerintah Aceh berkewajiban menubuhkan dan mengembangkan institusi dakwah sehingga dapat melahirkan kader-kader dakwah yang memiliki wawasan keislaman dan keilmuan.[22] Dengan lahirnya kanun yang berisi dakwah, pemerintah Aceh membentuk institusi dakwah di bawah tanggungjawab dan kendali pemerintah untuk menjalankan aktiviti dakwah dan memberi kebasan berdakwah bagi setiap individu dan institisi dakwah melakukan program dakwah tanpa sekatan.

Kanun akidah, ibadah dan akhlak, kanun mengenai akidah disebutkan, setiap muslim wajib mengokohkan dan mengisi akidah Islamiyah berdasarkan fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* dalam jiwa dan perilaku peribadi, keluarga dan masyarakat. Pemerintah Aceh bersama-sama dengan institusi masyarakat berkewajiban menanam keimanan dan ketakwaan pada setiap muslim sejak masa kanak-kanak sampai dewasa.[23] Setiap keluarga/orang tua bertanggungjawab untuk membimbing pengamalan ibadah kepada anak anak dan anggota keluarga yang berada di bawah tanggungjawabnya. [24]

Dalam bidang akhlak, pemerintah daerah dan masyarakat berkewajiban mencegah kerusakan akhlak dan meruntuhkan moral. Setiap orang berkewajiban untuk menjaga dan mentaati nilai-nilai kesopanan, kelayakan dan berpatutan dalam pergaulan kehidupannya.[25] Pelaksanaan kanun ini dilakukan melalui dakwah, institusi Masjid, *Meunasah* (surau) dengan pengajian, ceramah, khutbah dan aktiviti memakmurkan Masjid, *Meunasah* serta penerapan sistem pendidikan Islami.

---

[22] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam, No. 5, *Op. Cit*., (Bahagian Kelima, Pasal 13, (2-4) 2000).

[23] *I b i d.,* (Bahagia Kesatu , Pasal 6 (1-2) 2000).

[24] Kanun Tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam, (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Kanun No. 11 Bab IV, Pasal 7 dan 8, 2002).

[25] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam, *Op. Cit*., (Bahagian Keempat, Pasal 11, 2000).

Membentuk Dinas Syariat Islam

Untuk melaksanakan tugas penerapan Syariat Islam yang lebih berkesan dan mencapai matlamatnya maka pemerintah Aceh membentuk Dinas Syariat Islam. Dinas Syariat Islam merupakan badan yang bertanggungjawab di bidang pelaksanaan dan berkewajiban menerapkan Syariat Islam di Aceh. Dinas ini dibentuk dengan Peraturan Daerah tahun 2001 tentang susunan organisasi dan tata kerja Dinas Syariat Islam. Dinas Syariat Islam mempunyai tugas melaksanakan tugas umum, dan khusus pemerintah daerah dan pembangunan serta bertanggungjawab di bidang pelaksanaan Syariat Islam.[26]

Untuk memenuhi tanggungjawab dan terlaksana Syariat Islam secara baik dan sempurna di semua kawasan dan daerah di seluruh Aceh maka Dinas Syariat Islam telah dibentuk di peringkat provinsi dan kabupaten/kota, ia adalah kelengkapan daerah sebagai unsur pelaksanaan Syariat Islam di lingkungan pemerintah daerah Aceh yang berada di bawah gubernur.[27] Dinas Syariat Islam yang bertanggungjawab melaksanakan Syariat Islam dengan melakukan tugas antaranya:

a. Melaksanakan Aktiviti Dakwah

Dinas Syariat Islam berkewajiban mengembangkan dakwah ke pelbagai daerah terutama di daerah terpencil dan daerah yang kurang tersentuh dengan aktiviti dakwah. Dinas Syariat Islam mengirim pendakwah, guru mengaji dan pembimbing keagamaan untuk membantu meningkatkan kualiti pengetahuan dan pengamalan agama penduduk di daerah perbatasan Aceh di lima kabupaten/ kota seperti Aceh Tamiang, Aceh Tenggara, Aceh Singkil, Subulussalam dan Seumelu.[28] Dakwah yang dilakukan oleh Dinas Syariat Islam merupakan dakwah pemerintah dilaksanakan setelah pelaksanaan Syariat Islam.

b. Memakmurkan Masjid dan *Meunasah* (Surau)

Dinas Syariat Islam berkewajiban melaksanakan Syariat Islam dengan aktiviti memakmurkan *Meunasah* (surau) dan Masjid supaya berjalan lebih di aktifkan dan ditingkatkan lagi untuk memenuhi matlamat pembangunan keagamaan. Memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan dikeluarkan Intrurksi Gubernur No. 05 tahun 2000 tentang budaya memakmurkan

[26] Peraturan Daerah Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas Syari'at Islam Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Provinsi Daerah Istimewa Aceh), 2001 (Peraturan Daerah No. 33, Bab II, Pasal 3, 2001).

[27] *I b id*., (Bab II, Pasal 2, 2001).

[28] Dinas Syariat Islam (2009), *Kompilasi Pedoman Teknis Operasional Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, h. 31.

Masjid dan *Meunasah* yang tujuannya adalah: Menjadikan Masjid, *Meunasah*, (surau) sebagai tempat ibadah, muamalah dan pembinaan umat, mendirikan solat berjama'ah lima waktu serta melaksanakan ibadah-ibadah lain secara tertib.[29]

Program Memakmurkan Masjid dan *Meunasah* (surau) dengan solat berjama'ah, dakwah dan pengajian seperti disebutkan dalam intruksi gubernur bahawa, setiap pemimpin, bupati, walikota dan ketua kampung mereka bertanggungjawab dan diwajibkan memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan solat berjama'ah dan menghidupkan pengajian belia atau remaja dan pengajian anak putra-putri dengan mengaktifkan pendidikan al-Qur'an dan terlaksana pengajian umum dan pengajian kaum ibu. Untuk terlaksana instruksi ini supaya bupati/ walikota memberi bantuan kepada Masjid dan *Meunasah* atau nama lain melalui Anggaran Pendapatan Belanja Daerah (APBD) kabupaten/ kota.[30] Pemerintah Aceh telah memberikan insentif atau gaji bulanan dan kenderaan roda dua untuk iman Masjid, *Meunasah* dan ketua kampung untuk kelancaran aktiviti keagamaan dan sosial kemasyarakatan.

c. Memastikan Berpakaian Menutup Aurat

Kewajiban berpakaian menutup aurat mengikut ajaran Islam bagi masyarakat Aceh sudah dilakukan sejak dari dulu lagi, ia sudah menjadi budaya dan adat dalam kehidupan sehari-hari. Setelah dibelakukan Syariat Islam, kewajiban berpakaian yang Islami sudah diperkuat kembali mengikut peraturan daerah dengan ketentuan: Setiap muslim dan muslimah wajib berbusana sesuai dengan ketentuan ajaran Islam, baik dalam kehidupan keluarga, mahupun dalam pergaulan masyarakat. Setiap pemeluk agama selain agama Islam diharapkan menghormati dan menyesuaikan pakaian sehingga tidak melanggar tatakrama dan kesopanan dalam masyarakat. Para pelancong/ wisatawan dari luar daerah /luar negara supaya dapat menyesuaikan tindakan, kegiatan dan pakaiannya dengan kehidupan masyarakat Aceh yang Islami. [31]

Ketentuan berpakaian Islami ditetapkan juga dalam kanun tentang pelaksanaan akidah, ibadah dan Syi'ar Islam, disebutkan bahawa: Setiap orang Islam wajib berbusana Islami. Pimpinan institusi pemerintah, institusi

[29] Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh No.05, Bahagian 3, 2000).

[30] Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah, No. 05, *Op. Cit*., (Bahagian 7, 2000).

[31] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No. 5, *Op. Cit.*, (Bab IV, Pasal 15 (4-5), 2000).

pendidikan, badan usaha dan institusi masyarakat wajib membudayakan busana Islami di persekitarannya.[32] Berpakaian Islami bagi masyarakat Aceh menunjukan ciri-ciri sebagai seorang Islam yang taat, patuh dan berkeyakinan tinggi dalam mengamalkan Islam dan Islam begitu diyakini dan dihayati yang nampak pada tindakan berpakaian dalam kehidupan harian. Berpakaian Islami merupakan bahagian dari dakwah yang menunjukan kesopanan dan menutup aurat menjadi pedoman, rujukan, panduan, contoh teladan dan menjadi ikutan bagi setiap orang.

d. Memastikan Masyarakat Tidak Meminum Khamar

Masyarakat dilarang menimun khamar dan sejenisnya yang memabukkan. Minuman khamar dan yang sejenisnya hukumnya haram. Setiap orang dilarang mengkomsumsikan minuman khamar dan sejenisnya. Setiap orang atau badan hukum/ badan usaha dilarang memproduksi, menyediakan, menjual, memasukkan, mengedar, menyimpan, memperdagangkan, menghadiahkan, mempromosikan khamar dan sejenisnya. Setiap orang atau kelompok/institusi masyarakat berkewajiban mencegah perbuatan meminum khamar dan sejenisnya.[33] Dalam pasal 26 kanun minuman khamar disebutkan setiap orang yang melanggar aturan tentang menimun khamar dihukum 40 kali cambuk.

e. Memastikan Masyarakat Tidak Melakukam *Maisir* atau Judi

Masyarakat dilarang melakukan maisir atau judi. *Maisir* atau berjudi hukumnya haram. Setiap orang dilarang melakukan perbuatan *maisir*. Setiap orang, badan hukum atau badan usaha dilarang menyelenggarakan, melindungi atau memberi fasilitis kepada orang yang akan melakukan perbuatan *maisir.* Institusi pemerintah dilarang memberi izin usaha penyelenggaraan *maisir*. Setiap orang, kelompok atau institusi masyarakat berkewajiban mencegah terjadinya perbuatan *maisir*.[34]

Dalam intruksi gubernur dianjurkan untuk memperketat, mempertegas tidak terjadinya perjudian atau sejenisnya seperti judi, buntut, toto, adu bintang. Melarang dan mencegah setiap orang melakukan taruhan pada kegiatan sukan dan perlombaan yang berbau taruhan.[35] Setiap orang yang

[32] Kanun Tentang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam No. 11, *Op. Cit*., (Bab V, Pasal 13 (1-2), 2002).

[33] Kanun Tentang Minuman Khamar dan Sejenisnya (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 12 Bab III, Pasal 5 dan 6 (1), 2003).

[34] Kanun Tentang Maisir atau Perjudian (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 13 Bab III, Pasal 5,6,7 dan 8, 2003).

[35] Intruksi Gubernur Tentang Larangan Judi, Buntut, Taruhan dan Sejenisnya Yang Mengandung Unsur Perjudian (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Intruksi

melanggar ketentuan berjudi seperti yang disebut pasal 23 dalam kanun *maisir* diancam dengan hukum cambuk di depan umum 12 kali, paling sedikit 6 kali. Pelanggaran terhadap judi telah dilaksanakan hukum cambuk terhadap penjudi.

f. Memastikan Masyarakat Tidak Melakukan *Khalwat*

Masyarakat dilarang melakukan *khalwat* atau berdua-duaan lelaki dengan perempuan tanpa muhrim. *Khalwat* atau mesum hukumnya haram. Setiap orang dilarang melakukan khalwat. Setiap orang, kelompok masyarakat, pegawai pemerintah dan badan usaha dilarang memberi fasilitis, kemudahan atau melindungi orang melakukan *khalwat* atau mesum. Setiap orang baik sendiri mahupun kelompok, masyarakat berkewajiban mencegah terjadinya *khalwat*.[36] Setiap orang yang melanggar ketentuan kanun larangan *khalwat* diancam hukuman berupa dicambuk paling tinggi 9 kali, paling sedikit 3 kali atau didenda. Pelaku *khalwat* telah dilaksanakan hukuman cambuk di hadapan masyarakat umum.

g. Memantau Ajaran Sesat

Pembangunan akidah telah diperkuatkan oleh pemerintah dan masyarakat Aceh melalui Dewan Perwakilan Rakyat dengan membentuk kanun dan peraturan daerah tentang akidah umat Islam di Aceh. Menurut kanun No. 11 tentang pelaksanaan Syariat Islam di bidang akidah, syariah dan syi'ar Islam disebutkan bahawa pemerintah provinsi, kabupaten/kota dan institusi masyarakat berkewajiban membimbing dan membina akidah umat serta mengawasinya dari pengaruh fahaman dan aliran sesat. Setiap orang berkewajiban memelihara akidah dari pengaruh pahaman atau ajaran sesat. Setiap orang dilarang menyebarkan pemahaman atau aliran sesat. Setiap orang dilarang dengan sengaja keluar dari akidah dan menghina atau melecehkan agama Islam.[37]

Dalam peraturan daerah tentang pelaksanaan Syariat Islam disebutkan bahawa: Setiap muslim wajib mengukuhkan dan mengisi akidah Islamiyah berdasarkan *Ahl al-sunnah wa al-Jamaah* dalam jiwa dan perilaku peribadinya, keluarga dan masyarakat. Pemerintah daerah dan masyarakat wajib mencegah dan membanteras segala bentuk tindakan atau perbuatan yang bersifat *kufur, syirik, khurafat, atheisme* dan gejala-gejala lainnya

No. 04, Bahgian Pertama (a) dan (b), 2002).

[36] Kanun Tentang Khalwat atau Mesum (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 14 Bab III, Pasal 4-7, 2003).

[37] Kanun Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar No. 11, *Op. Cit*., (Bab III, Pasal 4, dan Pasal 5, 2002).

yang menjurus ke arah itu yang bertentangan dengan akidah Islamiyah.[38] Pemerintah Aceh telah melarang dan mengharamkan ajaran sesat seperti ajaran Ahmadiyah Kadian, Darul Arqam, ajaran Bantakiyah dan Millata Abraham yang sangat bertentang dengan akidah umat Islam.

Membentuk Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU)

Sejak dari dulu di masa kerajaan Islam Pasai ulama Aceh berperanan aktif dalam kerajaan. Ulama mengabdi sebagai penasihat raja yang bertugas mengurus bidang keagamaan. Kerana itu, keterlibatan ulama sebagai penasihat sultan menjadi penting di kerajaan Pasai.[39] Peranan ulama sebagai penasihat Sultan terus berkembang di masa kerajaan Aceh Darussalam dan sampai kini ulama berperanan sebagai penasihat pemerintah. Pada tahun 1965 terjadi pemberontakan komunis maka untuk membantu pemerintah dalam memberi fatwa tentang hukum menganut ajaran komunisme maka dibentuklah Majlis Ulama Aceh pada tahun 1975.[40] Setelah itu pada tahun 1975 di masa orde baru di bentuk Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Majlis Ulama Aceh menjadi Majlis Ulama Indonesia (MUI) cawangan Aceh.

Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) dibentuk dengan Peraturan Daerah No.3 Tahun 2000 tentang organisasi dan tata kerja Majlis Permusyawaratan Ulama, sebagai badan independen sejajar pemerintah yang bertugas mengeluarkan fatwa, memberi masukan, pertimbangan, bimbingan, nasihat dan saranan dalam menentukan kebijaksanaan daerah dari aspek Syariat Islam baik kepada pemerintah mahupun masyarakat di daerah.[41] Institusi MPU telah dibentuk di peringkat provinsi, kabupaten/kota dan kecamatan sebagai pewaris para nabi untuk berdakwah, memberi bimbingan, menjadi panduan, sebagai rujukan untuk bertanya dan tempat memecahkan pelbagai persoalan masyarakat yang menyangkut dengan ajaran Islam dan kehidupan sosial.

---

[38] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam No. 5, *Op. Cit.,* (Bab IV, Pasal 6 dan Pasal 7, 2000).

[39] M. Hasbi Amiruddin (2002), "Ulama Dayah: Peranan dan Responnya Terhadap Pembaharuan Hukum Islam", dalam Dody S. Truna & Ismatu Ropi *et al*. (eds.), *Pranata Islam di Indonesia: Pergulatan Sosial, Politik, Hukum dan Pendidikan*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu., h. 121.

[40] Ismuha (1980), *Sejarah Terbentuk Majlis Ulama Daerah Aceh*, Banda Aceh: Majlis Ulama Aceh, h. 1.

[41] Peraturan Daerah Tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majlis Permusyawaratan Ulama (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2000 (Peraturan Daerah No. 3, Bab III, Pasal 4, 2000).

Membentuk *Wilayatul Hisbah* (WH) atau Polis Syariat Islam

Program membentuk *Wilayatul Hisbah* atau Polis Syariat Islam untuk melengkapi dan memenuhi matlamat keperluan pelaksanaan Syariat Islam supaya berjalan dengan lebih baik dan berkesan maka diperlukan institusi W H sebagai pengawas, pemantau dan penyelidikan. Untuk mewujudkan badan pengawas maka Pemerintah Daerah berkewajiban membentuk badan yang berwewenang mengontrol, mengawas (*wilayatul hisbah*) pelaksanaan ketentuan-ketentuan dalam peraturan daearah ini sehingga dapat berjalan dengan sebaik-baiknya.[42] Oleh itu, untuk memiliki institusi mengontrol dan mengawas, maka *Wilayatul Hisbah* dibentuk dengan keputusan Gubernur Aceh No. 01 tahun 2004 tentang pembentukan organisasi dan tata kerja *Wilayatul Hisbah*.

Wilayatul Hisbah mempunyai tugas dan wewenang antaranya adalah: Memberi tahu kepada masyarakat tentang adanya peraturan perundang-undangan di badang Syariat Islam. Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan peraturan dan perundangan di bidang pelaksaan Syariat Islam. Menegur, menasihati, mencegah dan melarang setiap orang yang patut diduga telah, sedang atau akan melakukan pelanggaran terhadap peraturan perundang-undangan di bidang Syariat Islam. Menghentikan kegiatan yang patut diduga melanggar syariat. Melimpahkan perkara pelanggaran di bidang Syariat Islam kepada penyelidik. [43]

Kewujudan pasukan polis syariat telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Kini di peringkat provinsi terdapat 1,500 polis syariat, 60 orang wanita yang menjalankan tugas dengan baik dan menjunjung tinggi undang-undang Syariat Islam. Melihat kepada wewenang *Wilayatul Hisbah*, maka ia merupakan badan yang melakukan tugas-tugas menyampaikan mesej dakwah, di mana mereka memberi ingat, menasihati, menegur, melarang, memberi amaran dan mencegah supaya orang tidak melakukan kesalahan. Dengan kata lain, *Wilayatul Hisbah* disebut sebagai badan yang bertugas melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.[44] Tugas *Wilayatul Hisbah* adalah melaksanakan misi dakwah secara lembut, sopan, bukan cara kekerasan, memberi penyedaran dan pemahaman tidak membawa senjata sentiasa menyeru kepada kebajikan dan mencegah kemungkaran di dalam masyarakat.

---

[42] Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No. 5, *Op. Cit*., Bab VI, Pasal 20 (1), 2000).

[43] Keputusan Gubernur Tentang Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah (Keputusan Gubernur Aceh), 2004 (Keputusan Gubernur No. 01 Bab II, Pasal 4 (1, 2, 3), 2004).

[44] Al Yasa Abubakar (2006), Syari'at Islam di Provinsi Nangroe Aceh Darussalam, *Op. Cit.,* h. 351.

Membentuk Mahkamah Syar'iyah

Setelah diberlakukan otonomi khusus di Aceh dengan pelaksanaan Syariat Islam maka dibentuk Mahkamah Syar'iyah yang merupakan pengembangan dari Pengadilan Agama yang telah ada. Mahkamah Syar'iyah dibentuk dengan Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalan No. 10 tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam. Mahkamah Syar'iyah bertugas dan berwewenang memeriksa, memutuskan dan menyelesaikan perkara-perkara pada tingkat pertama, dalam bidang: ahwal al-syakhsiyah, muamalah dan jenayah.[45]

Dalam Undang-Undang Pemerintahan Aceh disebutkan bahawa: Peradilan Syariat Islam di Aceh adalah bahagian dari sistem peradilan nasional dalam lingkungan peradilan agama yang dilakukan oleh Mahkamah Syar'iyah yang bebas dari pengaruh pihak mana pun. Mahkamah Syar'iyah merupakan peradilan bagi setiap orang yang beragama Islam dan berada di Aceh.[46] Untuk mengisi dan melakukan keadilan dan hukum mengikut acuan Islam, maka harus dibentuk Peradilan Syariat Islam di daerah yang diperlukan dan mengikut peringkat kawasan masing-masing. Membentuk Mahkamah Syar'iyah, yang terdiri dari Mahkamah Syar'iyah Kabupaten dan Mahkamah Syar'iyah Provinsi, yang bebas dari pengaruh pihak manapun. Sedangkan Mahkamah Syar'iyah tingkat banding dilakukan pada Mahkamah Agung.[47]

Mahkamah Syar'iyah Aceh telah banyak menjatuhkan hukuman cambuk kepada pesalah syariah di depan orang ramai seperti mencambuk penjudi, peminum arak dan pelaku *khalwat*. Mahkamah Syar'iyah berfungsi melakukan kebajikan dan melaksanakan tugas dakwah dengan memberi keadilan dan menjatuhkan hukuman. Dalam hukuman cambuk terdapat elemen dakwah yang memberi pengajaran, menjadi ikhtibar, sebagai nasihat, bimbingan dan pendidikan bagi semua orang di mana hukuman dilakukan di pekarangan Masjid yang dapat disaksikan oleh masyarakat umum telah menjadi mesej dakwah untuk penyadaran dan peringatan supaya tidak melakukan kesalahan hukum syariah. Dampak dari hukuman cambuk dalam aktiviti masyarakat di tandai dengan penurunan tingkat kemaksiatan, kejahatan, membendung gejala sosial dan pergaulan bebas.

---

[45] Kanun Tentang Peradilan Syari'at Islam (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Kanun No. 10 Bab III, Pasal 49, 2002).

[46] Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit*., (Bab XVIII, Pasal 128 (1-2), 2006).

[47] Kanun Tentang Peradilan Syari'at Islam No. 10, *Op. Cit*., Bab I, Pasal 1 dan 2, 2002).

Melahirkan Pendidikan Islami

Pendidikan di Aceh setelah pelaksananan Syariat Islam telah dirobah menjadi pendidikan Islami kerena pendidikan Islami menjadi asas, tonggak dan pendokong keberhasilan penerapan Syariat Islam. Oleh itu, sistem pendidikan nasional yang diselenggarakan di Aceh diasaskan pada nilai-nilai Islam. Setiap penduduk Aceh berhak mendapat pendidikan yang bermutu dan Islami.[48] Penerapan pendidikan islami dengan meningkatkan mata pelajaran agama Islam seperti akidah, syariah, akhlak, sejarah Islam dan lain-lain serta penambahan jam belajar di setiap sekolah rendah dan menengah. Pendidikan Islami juga berorientasikan pada nilai Islam yang harus diajarkan pada setiap sekolah seperti jujur, amanah, memenuhi janji, sabar, lapang dada, malu, dermawan, kasih sayang, rendah hati, lemah lembut, kesucian diri, hemat, rajin, bersih dan adil.[49]

Penerapan pendidikan Islami pada sekolah dasar diwajibkan mampu membaca al-Qur'an yang mengadung nilai dakwah. Lulusan pendidikan dasar bagi pelajar Muslim disyaratkan mampu membaca al-Qur'an.[50] Program mampu membaca al-Qur' an bagi pelajar sekolah dasar akan mendapat sijjil yang menyatkan bahawa dia telah mampu membaca al-Qur' an dan pelajar yang tidak mampu membaca al-Qur'an dengan baik tidak akan diberi ijazah sekolah dasar dan madrasah ibtidaiyah.[51]

Program pendidikan Islami juga dilakukan dengan mewajibkan solat berjama'ah di sekolah bila waktu tiba yang merupakan suatu usaha dakwah. Pemerintah Aceh telah mewajibkan pelajar sekolah melakukan solat berjama'ah bagi sekolah yang memiliki surau atau berdekatan dengan Masjid, *Meunasah* agar mewajibkan pelajar untuk melaksanakan solat berjama'ah bersama bila waktu tiba.[52] Program ini belum dapat dilakukan di semua sekolah secara sempurna kerana belum tersedia surau yang cukup luas sesuai dengan jumlah pelajar, belum tersedia prasarana untuk solat berjama'ah yang mencukupi dan waktu keluar sekolah berdekatan dengan

---

[48] Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2008 (Kanun No. 5, Bab III, Pasal 5 (1), 2008).

[49] Tim Majlis Pendidikan Daerah Provinsi Aceh (2009), *Buku Pedoman Pelaksanaan Sitem Pendidikan Islami Pada Sekolah dan Madrasah di Aceh,* Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah (MPD) Provinsi Aceh, h 21.

[50] Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit*., (BabVI, Pasal 26 (3), 2008).

[51] Al-Yasa Abubakar (2006), Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, *Op. Cit*., h. 186.

[52] Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunsah No. 5 , *Op. Cit*., (Bahagian 5, 2000)

waktu solat maka banyak pelajar yang pulang dan solat di rumah masing-masing. Pelaksanaan solat dan mampu membaca al-Qur-an sebagai ciri pendidikan Islami merupakan suatu dakwah untuk mendidik pelajar supaya sentiasa beribadah, berdisiplin dalam menjaga dan menghargai waktu.

PENUTUP

Program dakwah individu dan pertumbuhan Islam telah memainkan peranan penting dalam menyampakan mesej dakwah dalam masyarakat Aceh sebagai pengembang dan penyambung tugas rasul untuk membangunkan Islam sejak dari dulu lagi dan sampai kini. Pendakwah sentiasa menabur bakti dalam semua lapisan masyarakat dengan menggunakan Masjid, *Meunasah* (Surau) dan lapangan terbuka untuk membawa misi dakwah, menyampaikan nasihat, memberi motivasi, memperbaiki suasana kehidupan, memikul tugas dan tanggungjawab menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar.
Pemerintah Aceh pula kini lebih berkewajiban dan memikul tanggungjawab mengembangkan program dakwah untuk memenuhi keperluan penerapan syariat Islam. Pemerintah punya kekuasaan, memiliki kekuatan dan mempunyai biaya yang mencukupi untuk menyebarluas mesej dakwah untuk meningkatkan pengamalan ajaran Islam dalam masyarakat Aceh. Program merobah pendidikan di Aceh dari sistem sekuler menjadi pendidikan Islami merupakan suatu usaha dakwah yang sangat bererti dan bernilai tinggi. Pendidikan Islami dari sekolah rendah, menengah, *dayah* (pondok) dan pengajian tinggi merupakan institusi yang dapat mengembangkan dakwah dan dapat melahirkan kader dakwah.

BIBLIOGRAFI

Al Yasa Abubakar Prof. Dr. (2005), *Bunga Rampai Pelaksanaan Syari'at Islam (Pendukung Qanun Pelaksanaan Syari'at Islam*), Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

_____ (2006), S*yariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

_____ (2009), *Wilayatul Misbah: Polisi Pamong Praja dengan Kewenangan Khusus di Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh.

Achmad Jainuri (1995), "Muhammadiyah Sebagai Gerakan Pembaharuan Islam," dalam *Gebyar Muktamar Muhammadiyah ke-34 di Banda Aceh*, Banda Aceh: Muktamar Muhammadiyah.

Chalidin Yacob (1993), "Pelajar Islam Indonesia: Sejarah dan Sumbangannya Bagi Pendidikan Masyarakat di Indonesia" Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Daerah Istimewa Aceh (1992), *Profil Provinsi Republik Indonesia Daerah Istimewa Aceh*, Jakarta: Yayasan Bakti Wawasan Nusantara, Majalah Talstra Strategic dan PT. Intermasa.

Dinas Syariat Islam (2009), *Kompilasi Pedoman Teknis Operasional Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh.

Dinas Syariat Islam (2006), *Himpunan Undang-Undang Keputusan Presiden Peraturan Daerah Qanun Intruksi Gubernur Berkaitan Syari'at Islam*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Hasbi Amiruddin M. (2002), "Ulama Dayah: Peranan dan Responnya Terhadap Pembaharuan Hukum Islam", dalam Dody S. Truna & Ismatu Ropi *et al*. (eds.), *Pranata Islam di Indonesia: Pergulatan Sosial Politik Hukum dan Pendidikan,* Jakarta: Logos Wacana Ilmu.

Ismuha (1983), "Ulama Aceh Dalam Perspektif Sejarah", dalam Taufik Abdullah *et al.* (eds.), *Agama dan Perubahan Sosial*, Jakarta: C.V. Rajawali.

Muslim Ibrahim Prof. Dr. (2003,"Sejarah Syari'at Islam di Aceh", dalam Syahrizal *et al*. (eds.), *Kontekstualisasi Syari'at Islam di Nanggroe Aceh Darussalam,* Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry.

Rusjdi Ali Muhammad (2003), Syari'at Islam di Aceh: Menjadi Penonton Atau Pemain dalam Syahrizal Dr. *et al*. (eds*.), Kontektualisasi Syari'at Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press.

Tim Penyusun Dinas Pendidikan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (2002), *Kurikulum Pendidikan Agama Islam Madrasah Dasar*, Banda Aceh: Dinas Pendidikan Provinsi Nanggoe Aceh Darussalam.

Tim MPD Provinsi Aceh (2009), *Buku Pedoman Pelaksanaan Sistem Pendidikan Islam Pada Sekolah dan Madrasah di Aceh*, Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah (MPD) Provinsi Aceh.

Pak Nasir Telah Tiada (1993), *Panji Masyarakat*, No. 746, Jakarta: Yayasan Nurul Iman.

Muzlifah (2006),"Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia" *Disertasi,* Jabatan Sejarah dan Tamudun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Unversiti Malaya.

Razali Muhammad Ali (2000), "Sumbangan Organisasi Islam Masa Kini Dalam Pengembangan Dakwah Islamiyah di Aceh" *Disertasi,* Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Undang-Undang dan Kanun

Undang-Undang Republik Indonesia No.44 (1999), tentang Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Intruksi Gubernur, No.02 (1990), Kewajiban tentang Harus Dapat Membaca al-Qur'an dan Pemahaman Adat-Istiadat Daerah Bagi Murid Sekolah Dasar Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Intruksi Gubernur No.05. (2000), tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Peraturan Daerah No.03. (2000), tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Peraturan Daerah No.05 (2000), tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Peraturan Daerah No. 33 (2001), tentang Pembentukan Sususnan Organisasi dan Tata Kerja Dinas Syri'at Islam Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Provinsi Daerah Istimewa Aceh).

Keputusan Gubernur Aceh No. 01. (2004), tentang Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah Daerah Istimewa Aceh.

Undang-Undang Republik Indonesia No. 11 Tahun (2006) tentang Pemerintahan Aceh.

Kanun No.33 (2001) tentang Organisasi dan Tata Kerja Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam).

Kanun No.10 (2002), tentang Peradilan Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.10 (2002), tentang Mahkamah Syari'ah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.11 (2002), tentang Pelaksanaan Syri'at Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.12 (2003), tentang Minuman Khamar dan Sejenisnya di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.13 (2003), tentang Maisir atau Perjudian di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.14 (2003), tentang Khalwat atau Mesum di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No.05 (2008), tentang Penyelenggaraan Pendidikan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Kanun No. 03 (2008), tentang Hukum Jinayah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

AGAMA SEBAGAI TERAPI SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:
Nurul Husna Mansor[1]
Fakhrul Adabi Abdul Kadir[2]

ABSTRAK

Agama Islam merupakan satu sistem, ajaran dan panduan yang bersifat praktikal dan komprehensif serta berperanan penting dalam mengatur kehidupan manusia. Sejarah membuktikan pengabaian terhadap ajaran agama telah mengundang pelbagai permasalahan terhadap seluruh aspek kehidupan manusia termasuk akidah, ibadah, akhlak dan sosial. Terdapat banyak faktor yang mendorong manusia menjauhi agama dan akhirnya menjalani kehidupan yang begitu menyedihkan. Meninjau fenomena ketandusan nilai-nilai agama yang menimpa masyarakat sejak mutakhir ini, perbuatan membuang bayi secara kejam adalah di antara topik panas yang menjadi bualan banyak pihak. Ia merupakan natijah daripada perbuatan salah laku seksual seperti pergaulan bebas dan sumbang mahram yang akhirnya mengakibatkan kehamilan di luar pernikahan. Situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa perlakuan yang keji bukan sahaja merosak dan mencemar kehormatan diri sendiri bahkan menzalimi orang lain yang tidak berdosa. Hakikatnya, Allah telah menjelaskan bahawa Islam adalah sebaik-baik agama yang diiktiraf di sisi-Nya, maka keperluan beragama seharusnya dititikberatkan dan diletakkan sebagai keutamaan yang tidak boleh diabaikan selain memenuhi keperluan seperti makan, minum, tempat tinggal dan seumpamanya. Justeru, kertas kerja konseptual ini akan cuba mengupas dan menganalisis beberapa persoalan berhubung keperluan manusia terhadap agama, faktor-faktor yang mendorong manusia melakukan salah laku seksual yang bertentangan dengan kehendak agama serta bagaimana agama mampu berfungsi sebagai terapi bagi merawat salah laku seksual dan menangani krisis sosial yang

[1] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya

[2] Fakhrul Adabi Abdul Kadir, adalah pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

sedang melanda masyarakat Muslim menurut perspektif Islam.

Kata Kunci: Agama, Remaja, Salah laku seksual

PENDAHULUAN

Kepentingan agama dalam kehidupan manusia tidak dapat dinafikan. Agama berfungsi memberikan bimbingan dan pengaruh ke atas pembentukan sikap, perlakuan dan tatacara hidup manusia, mendorong mereka agar sentiasa tenang dan berfikir secara wajar dan positif dalam menghadapi kesukaran dalam hidup serta berupaya memberikan rasa kebahagiaan dan ketenteraman terhadap batin atau jiwa manusia di saat kesulitan menerjah (Zakiah Daradjat, 1980:56-62). Namun, apa yang memilukan manusia kini semakin jauh dari agama. Dunia hari ini sedang bergelut dengan masalah yang begitu kritikal iaitu masalah seks global termasuk Malaysia, di mana gejala seks bebas, pengguguran janin, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi khususnya dalam kalangan remaja tidak lagi menjadi perkara asing dalam masyarakat. Budaya seks bebas yang di bawa dari Barat ini sebenarnya telah mengheret manusia jauh dari peradaban, apatah lagi mematuhi prinsip dan dasar Islam. (Farahwahida Mohd. Yusof et. al., 2011:19). Kenyataan ini begitu membimbangkan lantaran umat Islam yang seharusnya berakhlak dengan akhlak muslim sudah semakin lemah dalam menentang sebarang cabaran yang menggugat jati diri mereka.

Sememangnya sejak dahulu, kemurniaan agama Islam sering digugat oleh musuh Islam yang cuba mengkritik akidah umat Islam dengan pelbagai kenyataan yang tidak berasas. Pelbagai saluran telah dieksploitasi dalam usaha menjauhkan umat Islam sendiri khususnya dari agama yang suci ini, antaranya melalui hiburan, media massa, majalah, filem, sukan, kebudayaan dan kesenian. Tidak kurang juga, pelbagai gambaran jelik serta penghinaan telah dilemparkan terhadap kitab suci al-Quran dan Baginda Rasul Muhammad SAW bagi membangkitkan kemarahan umat Islam. Setelah itu, mereka menggunakan pula pendekatan baru yang lebih halus dengan menyerang pemikiran dan melunturkan semangat keislaman umat Islam sehingga akhirnya mereka berjaya membentuk suatu cara fikir yang sempit dalam pemikiran umat Islam terhadap agama mereka sendiri. Umat Islam mula memisahkan diri dari agama kerana menganggap ianya hak individu dan bukan masyarakat atau negara selain beranggapan Islam sebagai agama untuk akhirat semata-mata dan hanya terkandung di dalam dua kalimah syahadat. Islam juga dianggap tidak sesuai dicampur adukkan dengan politik, hukuman Islam bersifat kejam dan tidak relevan malah lebih teruk dari hukuman Barat, sedangkan keimanan pula boleh bercampur dengan

kemaksiatan dan sebagainya (Haron Din: 1992, 12-23). Justeru, menjadi tanggungjawab kita selaku setiap Muslim untuk mengembalikan kemuliaan Islam dalam diri-diri umat Islam .

Topik ini dirasakan wajar dibincangkan supaya masyarakat memahami, meyakini, menghayati seterusnya mengamalkan cara hidup beragama selain mengikis fahaman sempit segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa agama hanya sekadar berbentuk ritual semata-mata. Perbincangan ini juga diharap membantu dalam menyedarkan masyarakat akan kewibawaan agama sebagai satu sistem kawalan terbaik bagi mengendalikan kehidupan manusia ke arah membentuk peribadi Muslim yang unggul demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Justeru, kertas kerja konseptual ini akan cuba mengupas dan menganalisis beberapa persoalan berhubung keperluan manusia terhadap agama, faktor-faktor yang mendorong manusia melakukan salah laku seksual yang bertentangan dengan kehendak agama serta bagaimana agama mampu berfungsi sebagai terapi bagi merawat salah laku seksual dan menangani krisis sosial yang sedang melanda masyarakat Muslim menurut perspektif Islam.

KEPERLUAN MANUSIA TERHADAP AGAMA

Keperluan manusia kepada agama bersesuaian dengan pengertian *'Al-Dīn'* itu sendiri iaitu seruan batin yang semulajadi bagi mengakui bahawa mereka dan alam di sekeliling mereka mempunyai Tuhan yang Maha Agung. Ia merupakan suatu perasaan sejati dalam lubuk hati manusia yang mendorong mereka menghala kepada-Nya dengan penuh hormat, harapan, takut dan berserah serta memohon pertolongan daripada-Nya dan memenuhi seruan batin untuk hidup beragama, di mana akan mendatangkan ketenangan kepada jiwa (Al-Qaradawi, 2001:13). Secara jelasnya, *'Al-Dīn'* merangkumi segala perkara yang berkaitan dengan akidah dan peraturan hidup makhluk, iaitu merupakan suatu sistem kehidupan secara amali yang sempurna dan lengkap dalam setiap perkara, mencakupi setiap aspek kehidupan di dunia dan akhirat (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et. al., 2007:103)

Terdapat beberapa fungsi agama yang menjadikan ia begitu penting dalam kehidupan manusia. Dalam konteks individu, agama mampu memenuhi keperluan intelek manusia yang sentiasa mencari makna hidup dan hakikat kewujudan diri. Agama membantu manusia memenuhi keperluan fitrah serta mengisi kekosongan hidup dengan ketenangan selain mendorong manusia memperolehi kesihatan jiwa dan kekuatan rohani dalam

menghadapi ujian sepanjang kehidupan seperti kehilangan harta, kematian insan tersayang, kesukaran hidup, berhadapan dengan kebencian manusia, menggantikan kelemahan dengan kekuatan, putus asa dengan harapan, rasa takut dengan keberanian serta sabar dalam penderitaan. Manakala dalam konteks masyarakat, agama berfungsi memberikan galakan dalam melakukan kebaikan, membina ikatan akidah dan iman serta menjadi ikatan yang menghubungkan manusia sesama manusia dalam memenuhi taklifan sebagai hamba Allah secara bersama-sama (Al-Qaradawi, 1996: 6-14), selain sebagai satu panduan dari Ilahi yang mendorong manusia supaya berfikiran dengan waras dalam membuat pilihan mengenai kehidupan di dunia dan akhirat (Ibid, 1996:4).

Agama dipercayai mampu memberikan pengaruh yang besar terhadap sikap serta tingkah laku penganutnya. Malahan sebahagian besar kehidupan bertamadun sesuatu bangsa dimonopoli oleh kepercayaan beragamanya (Ramli Awang, 2003:55). Oleh itu, semakin jauh masyarakat dari agama, maka semakin susah memelihara moral masyarakat dan keadaan akan menjadi kacau bilau lantaran bertambah banyak pelanggaran-pelanggaran ke atas hak, hukum dan nilai moral itu (Zakiah Daradjat, 1980:66). Kenyataan ini menunjukkan bahawa agama adalah suatu sistem atau panduan mengenai tata cara hidup yang sangat diperlukan oleh manusia bagi menjalani kehidupan dengan baik serta tenteram.

Hakikatnya, rasa keberagamaan adalah fitrah (sesuatu yang melekat dan terbawa sejak lahirnya manusia), dengan itu manusia tidak akan dapat lari daripada agama. Dalam menjalani kehidupan, manusia mesti memenuhi keperluan yang pelbagai seperti; makan, minum, udara, naluri seksual dan agama. Tahap untuk memenuhi keperluan tersebut adalah berbeza, akan tetapi kesemua keperluan tersebut tidak boleh dinafikan sehingga ke akhir hayat meskipun bukan sedikit manusia yang tetap cuba menafikannya seperti keperluan dalam beragama (M. Quraish Shihab, 1996, 493- 496). Sejenak membicarakan perihal fitrah, ia merupakan tabiat ciptaan Tuhan dalam diri manusia bagi membolehkan mereka memahami keindahan ciptaan-Nya sebagai bukti keesan-Nya. Di dalam lubuk hati manusia sebenarnya juga telah tercipta suatu dorongan yang sentiasa mendorong mereka mencari dan memikirkan tentang Pencipta seterusnya mendorong mereka untuk melakukan penyembahan, memohon serta meminta perlindungan setiap kali ditimpa kesulitan. Namun begitu, cara masyarakat memahami konsep ketuhanan serta mengekspresikan dorongan beragama tersebut adalah berbeza (‘Utsman Najati, 1985:39-40).

Realitinya, pengingkaran manusia terhadap agama berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor tertentu sama ada disebabkan oleh diri sendiri mahupun pengaruh persekitaran. Namun, untuk menidakkan rasa serta dorongan untuk beragama adalah sesuatu yang amat sukar kerana pada diri manusia ternyata terdapat unsur batin yang cenderung untuk tunduk kepada Zat yang ghaib. Ketundukan ini merupakan sebahagian dari faktor *intern* manusia yang mana di dalam ilmu psikologi keperibadian dinamakan peribadi *(self)* ataupun hati nurani *(conscience of man)*(H. Jalauddin, 1996: 159). Demikianlah dapat dikatakan bahawa agama tidak dapat dipisahkan dari manusia meskipun sekeras mana mereka cuba menafikannya.

SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM

Istilah 'Seksual' berasal dari kata akar 'seks' dalam bahasa Melayu dan '*sex'* dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada keinginan syahwat, jantina, jenis kelamin, hal-hal mengenai perhubungan lelaki dengan perempuan (Amdun Husain et. al, 1987:605) dan bangsa (Zainal Abidin Safarwan, 2002:1647). Secara etimologinya, istilah '*sex'* dalam bahasa Inggeris dikatakan berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'pecah' (*to cut*) dan 'bahagi' (*to divide*). Berasaskan konteks penggunaannya, pengertian 'pecah' dan 'bahagi' ini juga dianggap merujuk kepada soal pengasingan manusia (juga spesis-spesis lain) kepada dua kelompok yang berlainan berasaskan jantina mereka, sama ada lelaki atau perempuan (Mohd. Zariat Abdul Rani,2004: xv). Seksualiti manusia pula merujuk kepada bagaimana seseorang menterjemahkan ciri seksualiti mereka dalam kehidupan harian yang merangkumi aspek kesedaran dan ketrampilan diri, sama ada sebagai lelaki mahupun perempuan. Kesedaran ini seterusnya merangsang kemesraan sesama manusia untuk merasai kelainan dan meneroka perbezaan seksualiti mereka seterusnya mencetuskan gerakbalas seksualiti secara biofisiopsikologi dan membawa kepada kemesraan, kasih sayang, komitmen serta percintaan yang boleh memantapkan perhubungan sesama mereka (Hatta Sidi et. al, 2006:2). Dalam perspektif kebanyakan agama, seksualiti dianggap sebagai suatu cara bagi menggambarkan keinginan secara umum, aktiviti seksual atau satu cara bagi memperkuatkan ikatan emosi (Penhollow, T., et. al, 2005:75).

Namun, di dalam masyarakat kini, boleh ditemui berlakunya kecenderungan tingkahlaku seksual yang bervariasi dan tidak normal seperti homoseksualiti, parafilia transvestisme dan transeksualisme[3] dan sebagainya. Trend

[3] **Homoseksualiti:** Merujuk kepada lelaki dan perempuan yang menerima cara hidup homoseksual iaitu meminati pasangan hidup yang sama jantina dengan diri mereka

perkembangan seksualiti yang tidak terkawal dan bercanggah dengan etika ini telah menimbulkan banyak ancaman serta masalah sosial dalam masyarakat seterusnya menggugat integriti institusi sosial dan kredibiliti moral dan etika sesuatu masyarakat. Tambahan pula, kepincangan sosial hari ini banyak berpunca dari kejahilan dan perkembangan seksual yang tidak terkawal serta jauh dari norma-norma hidup yang sering dipertahankan oleh masyarakat. Selain itu, masalah ini turut bercanggah dengan hak asasi wanita dan kanak-kanak yang sering menjadi sasaran mangsa seksual.

Antara salahlaku seksual yang kritikal pada hari ini seperti gangguan seksual, jenayah seksual, rogol dan pembunuhan kejam, sumbang mahram, seks bebas, seks rambang, AIDS dan HIV, pencabulan seksual kanak-kanak, kehamilan, pembuangan bayi, ibu tunggal tanpa perkahwinan, terdedahnya keaiban diri wanita, kemiskinan dan kemelaratan, homoseksual, biseksual, pelacuran dan seumpamanya (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005:9). Di Malaysia, masalah salahlaku seksual kini menjadi masalah yang biasa atau kerap terjadi di kalangan remaja iaitu sama ada dalam bentuk keinginan seks, kecelaruan pembentukan identiti diri dan penyimpangan perlakuan seksual disebabkan perasaan ingin mencuba yang meluap-luap (Hatta Sidi et al, 2006:33). Lebih membimbangkan remaja kini terlibat dengan salah laku seksual seawal usia 11 tahun melakukan hubungan seks lebih dari seorang pasangan. Ia secara tidak langsung menampakkan bahawa isu dara atau keperawanan sudah tidak begitu relevan dengan fenomena remaja hari ini. Paling memilukan, mereka memiliki pengetahuan agama yang baik serta mampu membezakan antara dosa dan pahala, namun tidak dapat mengawal gejolak nafsu akibat ketagihan selain rasa cinta kepada pasangan (Nasrudin Subhi et. al., 2012:15-25). Perlu disedari bahawa aktiviti seks bebas adalah perbuatan berisiko yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit seksual, HIV/AIDS serta penyimpangan seksual yang parah. Selain itu, seks bebas

sendiri sama ada untuk dijadikan pasangan hidup atau tidak, ia kini disifatkan sebagai satu variasi ekspresi kehendak seks. **Parafilia:** Merujuk Individu yang mempunyai kecenderungan memuaskan kehendak seksual mereka dengan menggunakan objek-objek seperti ada yang tertarik dengan haiwan, kanak-kanak, mayat, bahagian-bahagian tubuh yang spesifik dan objek-objek yang spesifik seperti pakaian dalam, kasut dan sebagainya. **Transvestisme:** Merujuk kepada individu yang memiliki keinginan seksual yang normal namun gemar memakai pakaian jantina yang sebaliknya. Keadaan ini kerap berlaku kepada kaum lelaki yang gemar memakai pakaian wanita untuk mendapatkan kepuasan seksual. **Transeksualisme:** kecenderungan seseorang untuk menjadi jantina sebaliknya sehingga sanggup menukar jantina asal mereka, golongan ini biasa berkelakuan seperti tranvestit namun sebenarnya mempunyai keinginan dan kehendak yang berbeza, mereka sering beranggapan bahawa mereka dilahirkan ke dalam tubuh yang lain dan tidak dapat mengawal kemahuan untuk hidup sebagai jantina sebaliknya. (Mahmood Nazar Mohamed, 1990:304)

akan mengakibatkan kehamilan di luar nikah yang dikatakan antara masalah yang paling ditakuti ketika zaman remaja kerana ia secara tidak langsung mendorong kepada berlakunya pengguguran, pembuangan dan perdagangan bayi yang tidak berdosa.(Merry Magdalena, 2010:36-37).

Melihat dalam konteks perkembangan seksual manusia, hakikatnya seksualiti dipengaruhi oleh moral, agama, sistem perundangan dan cara gaya mendidik anak-anak, di samping nilai hidup sesuatu bangsa dan sikap terhadap diri sendiri. Misalnya di peringkat remaja, bagaimana seseorang remaja itu mula-mula melahirkan seksualitinya dan kemudian sebagai seorang dewasa banyak dipengaruhi oleh ibu bapa, kepercayaan agama, rakan sebaya, media massa seperti televisyen dan radio serta ekspektasi-ekspektasi budaya yang biasa dilakukan secara stereotaip (Khadijah Haidi Khalid, 1994:83).

Lazimnya terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya penyimpangan seksual iaitu; pergaulan bebas, wujudnya pelbagai alatan *make-up* yang bervariasi, audio-visual dan media porno, tempat-tempat mandi sauna, wujudnya kelab-kelab malam, tempat hiburan yang menjanjikan keseronokan dan menghidangkan pelbagai minuman tidak halal (Yatimin, 2003: 57-74). Media pornografi terutamanya kini berkembang pesat dan menjadi rujukan utama anak-anak remaja tentang realiti kehidupan seksual sehingga membentuk perwatakan mereka menjadi obses terhadap perilaku seks setelah terpengaruh dengan gaya hidup seks bebas yang dipertontonkan. (Azimah Soebagijo, 2008:80). Seseorang individu yang telah mengalami proses kematangan dan pertumbuhan jasmani akan berhadapan dengan dorongan-dorongan biologi yang akan dipandu oleh masyarakat sekitarnya jika mereka tidak beragama. Oleh kerana itu, sekiranya nilai-nilai negatif yang dimiliki oleh masyarakat, maka ia secara tidak langsung akan memudahkan mereka melakukan sesuatu yang sememangnya menyalahi norma tanpa rasa bersalah (Zakiah Daradjat:57). Menurut Sidek Baba, kerosakan remaja juga didorong oleh rasa ingin mencuba yang tinggi, tekanan di dalam keluarga, mudah terpengaruh, mengabaikan ajaran agama, jiwa yang sering memberontak, ketagihan bahan-bahan lucah di media elektronik, sikap ego yang melampau dan tersalah memilih rakan sebaya (Sidek Baba, 2007: 165-166). pergaulan bebas dan suasana keseronokan syahwat (Farhan Hasyiri al-Manduri, t.t: 15), serta kegagalan atau kealpaan manusia dalam memahami fungsi sebenar nikmat kurniaan Allah yang bernama panca indera yang lima merangkumi deria pendengaran, deria penglihatan, deria bau, deria rasa dan deria sentuhan. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat difahami bahawa salah laku seksual merupakan perlakuan yang

mendatangkan banyak masalah bukan sahaja kepada gologan muda mudi bahkan kepada masyarakat. Justeru, pelbagai faktor dan situasi yang sering dikaitkan dengan salah laku remaja perlu difahami dengan jelas dan teliti bagi memudahkan sebarang usaha terapi dan intervensi.

Islam mengutuk keras apa sahaja bentuk perbuatan salah laku seksual kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam konteks undang-undang negara Malaysia pula, kesalahan jenayah berkaitan seksual terkandung di bawah dua statut utama iaitu Kanun Keseksaan dan Akta /Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. (Siti Zubaidah Ismail et. al., 2005: 2). Implikasi daripada perbuatan salah laku seksual contohnya; perzinaan akan merendahkan taraf manusia sama seperti haiwan bahkan tidak menjamin kesucian keturunan lantaran tidak dapat dipastikan asal usul seorang anak jika perbuatan terkutuk itu dilakukan secara rambang, lantas mencetuskan pelbagai fitnah dan jenayah daripada hubungan haram tersebut (Mustafa Daud, 1995:29). Melihat kepada keburukan dan kemudaratan akibat daripada perlakuan salah laku seksual, maka hukuman Islam wajar dijalankan bagi memberi pengajaran kepada si pelaku dan ancaman atau peringatan kepada yang lain. Tambahan pula, hukuman yang dikenakan kepada pesalah hari ini terlalu ringan dan tidak meninggalkan apa-apa kesan pada mereka bahkan mereka cenderung untuk ketagih dan mengulangi kesilapan yang sama (Daud Rasyid, 1998:191).

Di Malaysia, pandangan yang bervariasi mengenai pensabitan hukuman terhadap pesalah salah laku seksual telah banyak diutarakan dan mempunyai pro-kotranya yang tersendiri. Justeru, kertas ini tidak bercadang untuk menyentuh mengenai persoalan hukum lantaran ia sesuatu yang telah mutlak dan termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadis. Perbincangan ini hanya akan menjurus kepada memikirkan beberapa pendekatan atau usaha pemulihan dalam merawat penyakit salah laku seksual secara ringkas.

AGAMA ISLAM SEBAGAI TERAPI SALAH LAKU SEKSUAL

Terapi secara khususnya merujuk kepada rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP). Justeru, dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada bagaimana proses pemulihan penyakit sosial masyarakat seperti salah laku seksual dapat dilaksanakan menggunakan agama sebagai terapi.

Secara fitrahnya, manusia diciptakan dengan naluri dan kecenderungan yang pelbagai serta keinginan bersosial yang menyebabkannya tidak dapat

hidup secara bersendirian. Namun begitu, disebabkan sifat semulajadi manusia yang lebih mengutamakan kepuasan diri sendiri berbanding orang lain, maka suatu sistem dan undang-undang yang sempurna amat diperlukan supaya perlakuan manusia tidak dikuasai oleh sifat egoistik yang akan menyebabkan berlakunya penindasan, penderaan dan seumpamanya. Malangnya, undang-undang ciptaan manusia sehingga kini tidak lebih hanya sekadar menjanjikan kekacauan apabila ia tidak memberi penekanan terhadap nilai-nilai moral, keadilan dan kesaksamaan. Justeru, suatu sistem ciptaan Tuhan yang dirujuk sebagai agama Islam diyakini begitu relevan dalam mengawal kehidupan manusia kerana ianya adalah ciptaan Allah secara mutlak tanpa sedikitpun campurtangan manusia yang serba kekurangan (Ala'eddin Kharofa, 1992:1-3).

Robiah (2001) berpendapat bahawa kepercayaan agama merupakan suatu tenaga paling unggul bagi menentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental. Pegangan prinsip dan pendirian yang kukuh berteraskan ajaran agama dapat mencegah seseorang daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur pergaulan bebas yang tidak sihat dan melampaui batasan. Kajian di Barat juga mengakui akan kebaikan agama, contohnya Penhollow et. al., (2005:75-84) mendapati ketaatan kepada agama dan perasaan keimanan kepada Tuhan menjadi penentu sama ada remaja melakukan seks atau tidak sebelum berkahwin. Pluhar et. al., (1998: 288-296) pula mendapati responden yang berpegang teguh dengan agama mendakwa agama akan memandu tingkah laku seksual mereka supaya lebih bersikap konservatif terhadap aktiviti seks sebelum nikah, penggunaan alat pencegahan kehamilan serta mengurangkan kemungkinan untuk terlibat dengan aktiviti hubungan seksual. Pada masa yang sama Poulson et. al., (1998:227-232) menyebut kepercayaan yang kuat kepada Tuhan mempunyai perkaitan yang erat dalam mengurangkan tingkah laku seks yang berisiko seperti jumlah pasangan seks, penerimaan atau perlakuan terhadap aktiviti oral seks, amalan seks yang luar daripada kebiasaan norma di kalangan pelajar perempuan di kolej. Kenyataan ini memperlihatkan bahawa agama semakin mendapat tempat dalam masyarakat Islam atau bukan Islam meskipun ia difahami, diyakini dan diamalkan dengan cara yang berbeza.

Dalam konteks ajaran agama Islam, terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil perhatian bagi merawat salah laku seksual khususnya yang sedang dihadapi oleh remaja Muslim kini, antaranya;

i. Pengukuhan Akidah dan Keimanan Kepada Allah

Akidah Islam merupakan asas utama yang membentuk diri seseorang manusia menjadi mukmin dan muslim yang sahih. Terdapat beberapa sebab yang mendorong bertambahnya keimanan seseorang iaitu dengan mengetahui akan nama-nama Allah, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya, mengetahui perlakuan Rasulullah SAW, syariatnya, ibadatnya, perjuangannya dan mu'amalahnya, meyakini kitab-kitab Allah yang mengandungi berita umat-umat terdahulu, suruhan, larangan, pengajaran, teladan, *wa'ad* dan *wa'id* (janji baik dan jahat), hukum-hakam dan menceraikan di antara yang hak dan batil. Seterusnya mengetahui perkara-perkara yang akan berlaku selepas mati, termasuk soal munkar dan nakir, azab kubur, azab neraka dan nikmat syurga. Selain itu, mengetahui hal ehwal di akhirat seperti kebangkitan dari kubur, perhimpunan di mahsyar, perhitungan amalan ibadat, huru-hara di akhirat, titian sirat serta syurga dan neraka (Said Ibrahim, 1996:320-321). Keyakinan terhadap perkara di atas akan menjadikan manusia berasa takut, gerun dan bertambah keimanan kepada Allah lantas meningkatnya amal soleh dalam mengharapkan keampunan dan syurga Allah.

Contoh lain, kesedaran tentang kewujudan para malaikat yang berperanan mencatat segala amalan baik dan buruk akan memberi kesan kepada pembangunan keilmuan dan pembentukan akhlak seseorang individu. Kepercayaan terhadap tugas para malaikat akhirnya akan mendorong manusia untuk sentiasa berwaspada dalam bertingkahlaku sama ada secara terang atau tersembunyi, lantaran menyedari risiko yang bakal dihadapi di akhirat kelak (Mohd. Fauzi Hamat, et. al., 2010:53).

Sebenarnya, tidak semua kejahatan datang dari syaitan. Syaitan hanya bertugas merangsang dari luar, dan selebihnya adalah akibat daripada nafsu pendorong kejahatan *(nafs al-Ammarah*) dalam diri manusia itu sendiri yang tidak dikawal (Sai'd Hawwa, 2010: xi). Justeru, pendidikan keimanan akan memberikan kesan yang besar kepada pembentukan dan kelurusan akhlak anak-anak. Apabila terdidik dengan keimanan kepada Allah, mereka akan sentiasa memelihara diri secara lahir mahupun batin, tidak terpengaruh dengan kebendaan dan syahwat serta tidak dapat dikuasai oleh hasutan syaitan (Abdullah Nasih Ulwan, 1976:770).

Beberapa contoh kegiatan yang akan menyuburkan keagamaan serta keimanan antaranya dengan mengingatkan anak-anak agar sentiasa mengawasi diri lahir dan batin dengan Allah, mendorong untuk melazimi majlis ilmu dan zikir, menunaikan ibadah fardu, memperbanyakkan

amalan sunat, membiasakan bacaan al-Quran, bertahajjud di tengah malam, melatih diri berpuasa sunat, mendengar kisah-kisah para sahabat dan orang soleh, mengingatkan tentang kematian dan kehidupan selepas kematian, menjalinkan persahabatan dengan teman-teman yang soleh dan beriman dan seumpamanya. Dengan itu, pengaruh keagamaan yang akan mula bertapak kukuh di dalam jiwa anak-anak secara tidak langsung mewujudkan rasa benci terhadap perbuatan atau tempat-tempat yang tidak baik dan menjauhkan diri dari penyelewengan lantas membentuk sifat '*iffah* dan berbudi luhur (Ibid, 1976:582)

ii. Penghayatan Ibadah Islam

Selain pengukuhan keimanan, penghayatan ibadah Islam juga sememangnya mempunyai hikmah yang cukup besar dalam membina peribadi Muslim yang unggul. Ibadat merupakan syari'at Allah yang merujuk kepada perlakuan yang melambangkan penyembahan seperti solat, puasa, zakat dan haji (Seyyed Hossein Nasr, 1994:53-54). Secara asasnya, ibadah merupakan salah satu mekanisme yang digunakan bagi menterjemahkan kesyukuran di atas segala nikmat kurniaan Allah. Justeru, ia menjadi elemen penting yang perlu dititikberatkan bagi pembangunan fizikal, mental dan kerohanian (Abdul Ghafar Don et. al., 2008:15).

Ibadah solat misalnya mengajar manusia membentuk nilai-nilai mahmudah. Perbuatan ketika solat seperti berdiri betul membentuk sikap *tawadu'*, meninggalkan keangkuhan, *takbiratul ihram* membentuk ketulusan hati dalam berdoa dan membesarkan Allah, bacaan doa *iftitah* membawa manusia kepada kesempurnaan beragama dengan mengakui kekuasaan Allah, bacaan *ta'awuz* menumbuhkan keyakinan untuk berpegang teguh dengan kudrat Allah, bacaan *basmalah* mendidik rasa bersyukur di atas kurniaan Allah, bacaan surah *al-Fatihah* mendidik manusia mengenal sifat-sifat Allah dan demikian juga dengan perbuatan lain seperti rukuk, sujud dan sebagainya mempunyai falsafahnya serta hikmahnya yang tersendiri. Solat juga bukan sekadar membentuk jiwa yang terlatih bahkan menjamin kesihatan fizikal serta menyegarkan jasmani apabila diteliti dari aspek pergerakan anggota ketika solat dan waktu perlaksanaannya (Ahmad Hisham Azizan et. al., 2009:10-24).

Lebih penting, ibadah solat mempunyai kuasanya yang tersendiri dalam mengawal perilaku manusia dari terjebak dengan kemungkaran, sebagaimana firman Allah SWT:

ٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَۖ إِنَّ

ٱلصَّلَوٰةَ تَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِۗ وَلَذِكۡرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ

وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Al-Ankabut, 29:45

> Terjemahannya: "Bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."

Selain ibadah solat, ibadah puasa juga dapat mengawal seseorang daripada melakukan kemaksiatan. Puasa dan sabar mempunyai pengaruh yang besar dan merupakan salah satu ibadah yang baik dan berkesan dalam merawat dua jenis syahwat yang berpunca dari kemaluan dan perut agar dibiasakan dengan sabar dan tunduk patuh (Sa'id Hawwa,1992:149).

Tidak kurang juga, penelitian serta pemahaman yang mendalam terhadap al-Quran akan menjelaskan hakikat kesempurnaan Islam dalam memberi perlindungan dan memelihara kemaslahatan manusia setelah berdekad lamanya. Sebagaimana Allah SWT melarang manusia menjauhkan diri dari perzinaan kerana ianya tidak lain hanya mendatangkan kemudaratan. Sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ وَسَآءَ سَبِيلٗا ﴿٣٢﴾

Al-Isra', 17:32

> Terjemahan:"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."

iii. Menyemai Benih-Benih Akhlak Islam

Salah satu cara paling unggul yang disarankan oleh Islam dalam menangani masalah penyelewengan salah laku seksual iaitu membina kekuatan peribadi insan melalui pendidikan yang merujuk kepada pendidikan agama

dan akhlak. Kedua-dua aspek ini akan membentuk benteng dalam diri individu-individu dari melakukan larangan Allah seterusnya melaksanakan tanggungjawab yang dikhususkan kepadanya sahaja dalam melakukan ketaatan sebagai hamba dan khalifah-Nya (Che Zainon Yusof, 1995:175).

Akhlak merujuk kepada sistem perlakuan secara menyeluruh yang meliputi budi pekerti, kelakuan dan tabiat yang menjadi sebahagian daripada peribadi manusia. Ia meliputi cara individu itu bertindak dalam hubungannya sesama manusia, dengan alam sekitar dan dengan Penciptanya. Akhlak adalah asas pembentukan tingkah laku manusia yang dinilai melalui *'amar ma'rūf nahī munkar'* (Mardzelah Makhsin, 2006:135-136). Akhlak terhasil dari ibadah yang dilakukan dan akan memberi kesan yang mendalam kepada seseorang dalam seluruh aspek kehidupan manusia meliputi fizikal dan rohani. (Abdul Ghafar Don et. al., 2008:19). Antara tujuan Islam menitikberatkan persoalan akhlak ialah demi memelihara kehormatan dan peradaban manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran yang memberikan panduan dan didikan dalam hal akhlak lebih-lebih lagi kepada kaum wanita. Sebagaimana firman Allah berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ يُدۡنِينَ
عَلَيۡهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّۚ ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَن يُعۡرَفۡنَ فَلَا يُؤۡذَيۡنَۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ٥٩

Al-Ahzab, 33:59

> Terjemahan: "Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu, dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dalam konteks negara Malaysia, usaha memupuk dan mendidik nilai-nilai mulia telah berdekad dilaksanakan menerusi sistem pendidikan dengan cara yang pelbagai dan berubah-ubah secara langsung kepada pelajar-pelajar Islam dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan bagi pelajar bukan Islam mereka mengikuti mata pelajaran Pendidikan Moral. Namun, kemerosotan akhlak yang masih berleluasa kini begitu membimbangkan banyak pihak

(Asmawati Suhid, 2007:169). Justeru, elemen akhlak wajar diambil perhatian dan ditekankan dalam proses pendidikan sama ada secara formal atau sebaliknya.

Seterusnya, termasuk dalam persoalan mengekang nafsu ialah remaja perlu menjaga panca indera yang lima iaitu mata, telinga, lidah, hati dan perut. (Nor Azah Abdul Aziz, 2009:159). Hal ini kerana, mata disifatkan sebagai salah satu panca indera yang menjadi punca mendorong seseorang kepada perbuatan zina hakiki. Melalui pandangan mata, syaitan telah menyelitkan racun yang berbisa sehingga ia meracuni hati lantas mendorong pula anggota lain untuk selangkah demi selangkah menuju zina hakiki yang dilakukan oleh kemaluan (Jaafar Salleh, 1995: 157). Mengawal pandangan mata akan membersihkan hati dan menumbuhkan kebaikan dalam jiwa remaja, sebaliknya mata yang liar bebas akan melihat perkara-perkara yang haram seterusnya menjadikan ianya melekat pada hati lantas membentuk khayalan-khayalan yang jauh dari kebaikan (Al-Ghazali, 2006:87-88). Saranan ini bertepatan dengan Firman Allah SWT yang berbunyi:

قُل لِّلۡمُؤۡمِنِينَ يَغُضُّواْ مِنۡ أَبۡصَٰرِهِمۡ وَيَحۡفَظُواْ فُرُوجَهُمۡۚ
ذَٰلِكَ أَزۡكَىٰ لَهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا يَصۡنَعُونَ ٣٠

Al-Nur, 24:30

> Terjemahan: "Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan."

Selain panca indera yang lima, penjagaan aspek dalaman terutamanya hati begitu diberi keutamaan dalam Islam memandangkan hati adalah perantara kepada anggota yang lain dan diumpamakan seperti raja yang memiliki tenteranya tersendiri dalam melaksanakan tugas. Dan secara nalurinya, seluruh anggota akan patuh kepada kehendak hati.(Yatimah Sarmani et. al, 2008:71). Menurut Sa'id Hawwa (1992:816-817) kekufuran, kemunafikan dan pelbagai penyakit hati seperti hasad, riya', 'ujub, takabbur, gemar mengumpat, berzina dan sebagainya adalah berpunca daripada akibat terlalu mengikut hawa nafsu. Mengikut hawa nafsu di sini merujuk kepada

kecenderungan jiwa kepada nafsu yang jelas salah dan keliru yang sering mengajak hati manusia untuk sentiasa berbuat kemaksiatan, kejahatan, kekejian dan seumpamanya. Justeru, dalam konteks masyarakat khususnya remaja, hati yang suci dan bersih akan menjauhkan fizikal mereka dari terjebak ke kancah kemaksiatan (Nor Azah Abdul Aziz, 2009:165).

Pada masa yang sama, Islam menyarankan suatu proses penyucian yang disebut sebagai *Tazkiyyah al-Nafs*. *Tazkiyyah al-Nafs* adalah proses peralihan jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar kepada jiwa yang suci lagi menyucikan, peralihan daripada keadaan yang tidak menurut syariat kepada keadaan yang menepati syariat, daripada hati yang kafir menjadi hati yang mukmin, daripada munafik menjadi jujur, amanah dan fatanah, kebakhilan bertukar pemurah, sifat dendam berganti dengan pemaaf, tawadu', tawakkal serta terkawal (Sa'id Hawwa: 1988). Langkah *Tazkiyyah al-Nafs* merupakan satu metode untuk mendekatkan diri dengan Tuhan melalui proses dan latihan-latihan rohani yang tertentu, juga boleh difahami sebagai suatu usaha integrasi diri dengan terjalinnya hubungan baik antara individu dengan orang lain dan alam lingkungan seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Khairunnas Rajab, 2007:1-2). Pendekatan ini pada akhirnya akan membawa kepada keadaan batiniah yang bebas dari nilai-nilai negatif yang tergambar dalam tingkah laku. Tahap ukuran yang bebas dari nilai-nilai negatif tersebut pula akan tercerna melalui setiap perbuatan yang disukai dan dicintai oleh masyarakat sekeliling serta diredai oleh Allah (Ibn Miskawayh, 1961:114).

iv. Saranan Pernikahan

Pada asasnya, Allah SWT tidak menjadikan sesuatu secara sia-sia, dan nafsu merupakan faktor survival yang membolehkan manusia tertarik kepada sesuatu di alam fizikal seperti kemahuan untuk makan, minum dan perkahwinan bagi tujuan meneruskan kewujudan dan kelangsungan hidup manusia di muka bumi ini, selain membolehkan manusia berperasaan dan berkehendak terhadap keselesaan hidup di alam fizikal. Pada akhirnya, potensi nafsu akan menghantar mesej yang merupakan desakan untuk manusia memenuhi keperluan material yang disangka boleh memberi kepuasan dan kebahagiaan dalam hidup mereka (Rohana Hamzah, 2010:47-48). Kewujudan nafsu seksual turut diakui dalam dunia psikologi yang menyatakan bahawa motivasi ke arah keperluan seks merupakan satu dorongan yang kuat kepada manusia. Meskipun ia bukan satu-satunya faktor utama untuk manusia hidup, namun ia amat diperlukan untuk mengekalkan kelangsungan spesis atau lahirnya generasi manusia di atas muka bumi ini (Mahmood Nazar Mohamed,1990: 302). Maka, dapat difahami

bahawa kewujudan nafsu dalam diri manusia tidak boleh diabaikan dan dikesampingkan tetapi ia perlu diberikan kawalan.

Memandangkan manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah. Maka segala keperluan termasuk keperluan seks mestilah dipenuhi dengan cara yang terhormat (Mohamad Quraish Shihab, 1996: 505). Pernikahan di dalam Islam merupakan suatu ibadah dan solusi bagi menghalalkan hubungan seksual. Secara prinsipnya tujuan utama perkahwinan ialah bagi mendapatkan ketenteraman hati, terhindar dari kegelisahan dan kebimbangan yang tidak berpenghujung serta melahirkan zuriat yang soleh dan solehah (Yatimin, 2003:29-30).

Akan tetapi, perlu difahami bahawa penyaluran keinginan seksual di dalam Islam tidak sekadar memenuhi kenikmatan yang bersifat peribadi semata-mata, bahkan lebih jauh dari itu bagi memastikan wujudnya perasaan kasih sayang di antara pasangan lelaki dan wanita, membentuk institusi keluarga yang sejahtera, melahirkan zuriat yang baik dan memupuk rasa tanggungjawab di samping menjamin survival atau keturunan manusia dalam membangunkan kehidupan ini sejajar dengan fitrah dan hukum Allah selain memberi manfaat terhadap ketenangan perasaan dan jiwa (Fathi Yakan,1992). Bagi mereka yang masih belum berkemampuan untuk berkahwin pula, antara solusi terbaik yang dicadangkan oleh agama Islam ialah dengan mengekang hawa nafsu melalui ibadah berpuasa. (Azimah Soebagijo, 2008:80). Ternyata, segala aturan dan saranan yang termaktub di dalam Islam selaras dengan naluri manusia dan masih tetap memelihara kemaslahatan umatnya dari kehancuran dan kehinaan.

v. Pendidikan Seks Berteraskan Islam

Selain perkara-perkara di atas, agama Islam juga mempunyai kaedahnya yang tersendiri dalam mendidik gologan muda, dan ia seharusnya bermula di peringkat kanak-kanak lagi iaitu pendidikan mengenai seks dan seksualiti. Pendidikan seks menurut Islam bermaksud mendidik anak-anak dan memperkenalkan dengan jelas sejak usia mereka baligh tentang faktor-faktor yang berkait rapat dengan seks dan tabiat semula jadi manusia menerusi perkahwinan, sehingga mereka membesar dalam keadaan tahu membezakan halal haram serta dipengaruhi oleh nilai-nilai murni selain tidak akan mudah menuruti kehendak hawa nafsu. (Abdullah Nasih Ulwan, 1976: 770).

Terdapat beberapa aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam pendidikan seks Islam antaranya; menanamkan bibit akidah keTuhanan,

rasa takut dan taat kepada Allah SWT, menjadikan Rasulullah SAW sebagai qudwah, pengukuhan ibadah sebagai benteng kekuatan diri, pengasingan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan, aspek perkembangan biologi dan emosi, usia baligh dan tanggungjawab ke atas individu, penjagaan batas aurat dan pergaulan, serta memantapkan akhlak Muslim, aspek keburukan zina dan pergaulan bebas, perkahwinan dan pembinaan rumahtangga yang baik, tanggung jawab suami, isteri serta anak, tingkahlaku seks yang selamat beserta penjagaan kesihatan diri dan maklumat semasa berhubung penyakit menular seperti HIV, Aids dan seumpamanya (Ahmad Nawawi Yaakob, 2005: 4). Penekanan terhadap aspek-aspek diatas dapat direalisasikan melalui kaedah yang lebih praktikal iaitu dalam bentuk penyedaran, pengancaman dan pengikatan anak-anak dengan ikatan akidah, pemikiran dan kerohanian Islam (Abdullah Nasih Ulwan, 1988: 50-63).

Demikianlah beberapa kaedah yang disediakan oleh agama Islam bagi merawat penyakit salah laku seksual yang secara jelas berkait rapat dengan fitrah atau naluri yang wujud dalam diri manusia. Saranan-saranan di atas dianggap menjadi terapi yang cukup berkesan jika benar-benar dilakukan dengan penuh penghayatan dan difahami secara jelas falsafah serta hikmah perlaksanaannya, bukan sekadar dilihat dari aspek teori dan praktikalitinya semata-mata.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, manusia sangat memerlukan agama dalam kehidupan kerana agama mampu memberikan bimbingan bagi menjamin kehormatan dan kemuliaan manusia berbanding kemudaratan. Setiap keyakinan yang tertanam dan amalan yang dilakukan berasaskan agama akan berhasil memberikan manfaat yang cukup baik terhadap perkembangan aspek kejiwaan atau dalaman mahupun aspek fizikal manusia. Berdasarkan kepada laporan semasa mengenai jenayah salah laku seksual yang semakin meruncing kini sudah cukup memaparkan betapa masyarakat perlu kembali merujuk kepada agama dengan menjadikan al-Quran dan Sunnah Baginda Rasulullah SAW sebagai pedoman hidup. Ringkasnya, terdapat beberapa faktor yang mendorong manusia melakukan salah laku seksual iaitu faktor dalaman meliputi naluri atau nafsu syahwat yang wujud dari dalam diri, lemahnya iman, kejahilan akibat kurangnya didikan agama ditambah lagi dengan faktor luaran yang tidak kurang hebatnya seperti rakan-rakan dan persekitaran yang tidak baik, keruntuhan institusi keluarga dan sebagainya, di samping godaan syaitan yang tidak pernah bosan mempengaruhi dan mengajak manusia melakukan kejahatan demi keseronokan yang bersifat sementara.

Meskipun zaman semakin menuju kemodenan, namun peranan agama tidak seharusnya dipinggirkan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa agama adalah terapi terbaik dalam merawat penyakit yang menimpa umat manusia melalui pengukuhan akidah dan keimanan kepada Allah, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya, Para Malaikat-Nya dan sebagainya. Selain itu, pelaksanaan ibadah wajib dan sunat seperti solat, puasa, zikir serta amalan-amalan keagamaan yang lain juga boleh menjadi penawar yang mujarab kepada penyakit sosial. Tidak kurang juga penanaman akhlak Islam disertai dengan usaha penyucian jiwa, kefahaman yang jelas terhadap falsafah pendidikan seks dan pernikahan serta adab-adab berteraskan ajaran Islam akan membantu meningkatkan keimanan dan rasa takut kepada Allah lantas menjauhi kemungkaran. Dengan ini diharapkan masyarakat akan kembali menterjemahkan cara gaya hidup berteraskan keagamaan dalam konteks yang sebenar. Perlu disedari juga bahawa ajaran Islam tidak dikhususkan pada jantina tertentu, bahkan untuk masyarakat seluruhnya tanpa mengira rupa, pangkat, bangsa dan budaya. Hal ini sejajar dengan tujuan diutuskan Nabi Muhammad SAW sendiri sebagai *'Raḥmatan li al-'Ālamīn'*. Oleh demikian, alasan untuk meninggalkan agama adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dalam kehidupan yang dianggap bertamadun, memandangkan sejarah telah membuktikan bahawa agama adalah elemen penting yang perlu digarapkan dalam proses membina sebuah peradaban.

RUJUKAN

Abd. Rahim Abd. Rashid, (2005), *"Trend dan Isu Seksualiti dalam Agenda Pendidikan Seks"* (Seminar Seksualiti Kebangsaan, Pusat Pembangunan Keluarga, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya).

Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali, (2008), *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Abdullah Nasih 'Ulwan, (1976), *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām,* Juz. 2, Jeddah: Dar al-Salam. 1976

Abdullah Nasih 'Ulwan, (1988), *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, Jil. 2, Syed Ahmat Semait (terj.), Singapore: Pustaka Nasional Ptd. Ltd.

Abi 'Abdillah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr al-Qurtubi, (2006), *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qurān wa al-Mubayyin Li Mā Taḍommanahu min al-Sunnati wa Ayy al-Furqān,* Juz 5, (ed.), Abdullah Ibn Abd al-Hassan al-Taraki, Beirut: Muassasah ar-Resalah Publishers.

Abu Bakar Jabir al-Khazari, (1976), *Manhaj al-Muslim*, cet. 8, Madinah: Dar al-Fikr.

Ahmad Hisham Azizan & Che Zarrina Sa'ari, (2009),Terapi Solat Dalam Menangani Penyakit Gelisah (*Anxiety*) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam, *Jurnal Usuluddin* (29), Januari-Jun.

Ala'eddin Kharofa, (1992), *Islam the Practical Religion*, Kuala Lumpur: A.S Noordeen.

Al-Ghazali, (2006), *Minhaj al-'Ābidīn: Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadah*. Abu Mazaya al-Hafiz (terj.), cet. 2, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Al-Husayn bin Muhammad al-Damaghani, (1977), *Qamus al-Qurān: Iṣlāḥ al-Wujūh al-Naḍair fī al-Qurān*. Tahkik 'Abd al-'Aziz Sayyid al-Ahal, Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.

Al-Raghib al-Asfahani, (1997), *Mu'jam Mufradāt Alfāẓ al-Qurān,* Ibrahim Shamsuddin (ed.), Beirut: Dar al- Kutub al-'Imiah.

Amdun Husain & Zubaidi Abas, (1987), *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmawati Suhid, (2009), *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Asmawati Suhid, (2007), Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan, *Jurnal Pengajian Umum* (8).

Azimah Soebagijo, (2008), *Pornografi: Dilarang tapi Dicari*, Jakarta: Gema Insani.

Makalah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia, *Ayat-ayat Ehwal Wanita dalam al-Quran*, (1989), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri,http://www.islam.gov.my/sites/default/files/28.implikasi_zina_terhadap_perkahwinan.pdf, 2.

Che Zainon Yusof, (1995), *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam*, Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi.

Daud Rasyid, (1998), *Islam dalam berbagai Dimensi*, Jakarta: Gema Insani Press.

Farahwahida Mohd. Yusof & Norazila Binti Sugiman, (2011), Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks, *Journal of Education Psychology & Counseling* (1), Mac.

Farhan Hasyiri al-Manduri, (t.t), *Dilema Anak Zina di Era Globalisasi: Penyelesaian Islam dan Hukum-Hakamnya di Sudut Mazhab Imam al-Syafie*, Alor Setar: Pustaka Darul Hikmah.

Federal-Chambers Advanced English Dictionary, (2000), Singapore: Federal Publications Sdn. Bhd.

H. Jalaluddin, (1996), *Psikologi Agama*, Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.

Haron Din, (1992), *Tasawwur Islam,* Shah Alam: Pustaka Hizbi.

Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shahrom & Ramli Hassan, (2006), *Seksualiti Manusia: Keharmonian antara Jantina, Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Miskawayh, (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: Maktabah al-Hayat.
Jaafar Salleh, (1995), *Wanita Pembina Generasi Baru*, Selangor: Melindo Publications.
Jalal al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Mahalli & Jalal al-Din 'Abd Al-Rahman Ibn Abi Bakr al-Suyuti, (t.t) *Al-Qurān al-Karīm bi al-Rasm al-'Uthmaniy wa bihamishihi, Tafsir al-Imāmayn al-Jalilayn*, Dar Ibn Kathir.
Khadijah Haidi Khalid, (1994), *Meneroka Alam Remaja*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
Khairunnas Rajab, (2007), "Al-*Maqām* dan Al-*Aḥwāl* dalam Tasawuf," *Jurnal Usuluddin* (25), Januari-Jun.
Khalid Hamid al-Hazami,(t.t) *Uṣūl al-Tarbiyyat al-Islāmiyyat*, Dar 'Alim al-Kutub.
Mahmood Nazar Mohamed, (1990), *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mardzelah Makhsin, (2006), *Sains Pemikiran dan Etika*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
Merry Magdalena, (2010), *Melindungi Anak dari Seks Bebas*, Indonesia: Grasindo.
Mohamad Quraish Shihab, (1996), *Wawasan al-Quran: Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat*, Bandung: Mizan.
Mohammad 'Utsman Najati, (1985), *Al-Qurān wa 'ilm al-Nafs: Al-Qur'an dan Ilmu Jiwa*, Ahmad Rofi' 'Usman (terj.), Bandung: Penerbit Pustaka.
Mohd. Fauzi Hamat, Mohd. Hasrul Shuhari & Mohd. Khairul Naim Che Nordin, (2010), Keimanan kepada Malaikat dan Hubungannya dengan Pembangunan Modal Insan, *Jurnal Usuluddin* (31), Januari-Jun.
Mohd. Syamil Mohd. Yusuff & Adriana Balqis, (2010), *Bila Zina Menjadi Budaya*, Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
Mohd. Zariat Abdul Rani, (2004), *Seksualiti Dalam Novel Melayu, Satu Analisa Teks Berdasarkan Persuratan Melayu*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Muhammad 'Uthman El-Muhammady, (1976), *Peradaban dalam Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1976.

Mustafa Daud, (1995), *Perkahwinan Menurut Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim, & Mohd Suhaimi Mohamad, (2012) Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta Dan Nafsu: Sexual

Relationship Among Adolescent: Between Love And Lust, *Journal Of Social Sciences And Humanities,* (7)1, April.

Nor Azah Abdul Aziz, (2009), Internet, Laman web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi, *Jurnal Usuluddin* (29), Januari.

Pluhar, E., Frongillo, E. A. Jr, Stycos, J. M., & Dempster-McClain, D., (1998), Understanding the Relationship between Religion and the Sexual Attitudes and Behaviors of Colleges Students*, Journal of Sex Education & Therapy (*23).

Poulson, R. L., Eppler, M.A., Satterwhite, T. N., Wuensch, K. L., & Bass, L. A., (1998), Alcohol consumption, strength of Religious Beliefs and Risky Sexual Behavior in College Students. *Journal of American College Health*(46).

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, Laman web: http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=terapi

Ramli Awang, (2003), *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Robiah Kulop Hamzah, (2001), *Remaja Dan Pengurusan Diri*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohana Hamzah, (2010), *Mengenali Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*, Skudai: Penerbit UTM Press, 2010.

Sa'id Hawwa, (1992), *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyyat al-Nafs: Induk Pensucian Diri,* Syed Ahmad Semait & M. Abdai Rathomy (terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. 1992.

Said Ibrahim, (1996)*, Aqīdah Ahli Sunnah Waljamā'ah*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Sayyid Qutb, (2001), *Tafsīr fi Ẓilāl al-Qurān*: Di bawah Naungan al-Quran, Jilid. 2, As'ad Yasin (terj.), Jakarta: Gema Insani Press.

Siti Zubaidah Ismail & Muhammad Zahiri Awang Mat, (2005), *"Memahami Kesalahan Seksual dalam Konteks Undang-undang Jenayah dan Cadangan Penerapannya ke dalam Sistem Pendidikan di Malaysia",* Seminar Seksual Kebangsaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Julai.

Seyyed Hossein Nasr, (1994), *A Young Muslim's Guide to the Modern World*, Petaling Jaya: Mekar Publishers, 1994.

Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin, (2004), *Aurat: Kod Pakaian Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Sidek Baba (2007), *Wahai Remaja: Kembaramu bermula di Sini*, Shah Alam: Karya Bestari.

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, (1976), *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, (1976), *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fadillah Mansor, (2007), Keperluan Motivasi dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dari Perspektif Pemikiran Islam, *Jurnal Usuluddin* (25), Januari-Jun.

Penhollow, T., Young, M., & Denngy, G., (2005), The Impact of Religiosity on the Sexual Behaviors of College Students, *American Journal of Health Education*, 36(2).

Yatimah Sarmani & Mohd. Tajudin Ninggal, (2008), *Teori Kaunseling al-Ghazali*, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Yatimin, (2003), *Etika Seksual dan Penyimpangannya dalam Islam: Tinjauan Psikologi Pendidikan dari Sudut Pandang Islam*, Jakarta: Amzah.

Yusuf al-Qaradawi, (1996), *Madkhāl li-ma`rifat al-Islām : Muqawwamatuhu, Khaṣā'isuhu, Ahdāfuhu , Maṣādiruhu,* Kaherah: Maktabah Wahbah.

Zainal Abidin Safarwan, (2002), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Zakiah Daradjat, (1980), *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, cet. 5, Jakarta: Gunung Agung.

SIKAP DAN KECEKAPAN BUDAYA PARA PENDAKWAH TERHADAP GOLONGAN TRANSGENDER[1]

Oleh:
Yusmini Md. Yusoff[2]
Tengku Sarina Aini Tengku Kasim[3]

ABSTRAK

Terdapat kajian yang memaparkan bahawa wujud sikap prejudis terhadap golongan transgender yang ditunjukkan oleh sebahagian pendakwah ketika menjalankan tugas. Sikap prejudis ini terhasil akibat daripada pandangan atau persepsi pendakwah kepada gaya hidup dan aktiviti seksual yang diamalkan oleh transgender. Sikap prejudis ini mungkin dibentuk oleh anggapan bahawa gaya hidup tersebut adalah bercanggah dengan peraturan agama Islam. Dalam konteks psikologi, kesan daripada sikap prejudis pendakwah ini boleh mendatangkan perasaan tidak selesa kepada transgender dan seterusnya boleh menjejaskan perkhidmatan yang sepatutnya diberikan kepada golongan tersebut. Sikap prejudis yang disebut juga sebagai homophobic attitude ditambah dengan lemahnya pengetahuan tentang psikologi dan budaya hidup transgender akan menyulitkan pendakwah menjalankan tugas mereka secara berhikmah dan empati. Justeru, kertas ini ditulis dengan memberi perhatian terhadap latihan yang diperlukan oleh pendakwah untuk berhadapan dengan golongan ini. Kertas ini juga akan menyentuh tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah dalam menangani keperluan spiritual dan agama seperti yang dikehendaki oleh individu transgender.

PENDAHULUAN

Golongan transgender merupakan golongan minoriti yang hidup dalam kalangan masyarakat majoriti di dunia. Secara umumnya, golongan ini sering merasa tersisih kerana mengamalkan gaya hidup yang dipandang

[1] Sebahagian laporan penyelidikan UMRG RG384-12HNE

[2] Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, E-mel : yusmini@um.edu.my

[3] Pensyarah di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, E-mel : tgsarina@um.edu.my

sebagai bertentangan dengan budaya hidup kumpulan gender yang lain. Walau pun begitu, golongan ini mempunyai keperluan yang sama seperti komuniti lain dari sudut kemanusiaannya. Perkara ini termasuk hak untuk mendapatkan pendidikan, kemudahan kesihatan, menjalankan aktiviti beragama, pekerjaan dan layanan yang baik. Namun, kajian mendapati keperluan-keperluan ini tidak dapat dipenuhi dalam bentuk yang memuaskan akibat daripada sikap prejudis dan pandangan negatif masyarakat terhadap mereka termasuk individu, kumpulan atau institusi yang menjalankan tugas-tugas dakwah. Kertas ini akan membincangkan aspek-aspek utama tentang transgender, isu-isu yang dihadapi mereka, cabaran kepada pendakwah serta latihan dan pendidikan yang diperlukan oleh kumpulan ini.

ORIENTASI SEKSUAL DAN TRANSGENDER

Secara umumnya orientasi seksual bagi seseorang individu adalah kualiti atau elemen dalaman yang bersifat romantis (Bohan, 1996). Istilah ini juga merujuk kepada cara individu mengidentifiskasikan dirinya secara peribadi dan sosial terhadap 'ketarikan' seksual samada melalui fizikal/mental kepada individu lain yang berlainan jantina, sama jantina atau kedua-duanya sekali. Bentuk-bentuk tarikan ini akan mengkategorikan individu tersebut sebagai heteroseksual, homoseksual atau biseksual. Semua kategori seksual ini biasanya akan melibatkan keinginan atau/dan tingkahlaku erotis kepada pasangan masing-masing. Ia juga merujuk kepada bagaimana seseorang memberi makna kepada perlakuan seksual dan jantina yang dimiliki.

Dalam konteks transgender, 'trans' bermaksud identiti gender yang ingin dimiliki berbeza dengan jantina asal ketika dilahirkan (Valentine, 2007). Seorang transgender mungkin akan mengidentifikasikan dirinya sebagai lelaki atau perempuan, atau mereka juga mungkin merasakan kedua-dua label jantina ini tidak sesuai dengan identiti diri yang telah dibentuk. Oleh yang demikian, ada sebahagian transgender yang melakukan *transition* atau pertukaran/peralihan jantina sebagai ekspresi diri terhadap bentuk jantina yang dipilih. Walau bagaimanapun, 'pertukaran' ini tidak semestinya melalui usaha perubatan - menukar jantina biologi (asal) untuk menyerupai jantina yang dikehendaki. 'Pertukaran' juga boleh berlaku dengan mengubah nama, gaya berpakaian atau tingkahlaku yang konsisten dengan identiti gender yang berlawanan dengan jantina asal.

Perasaan untuk melakukan *transition* atau pertukaran/peralihan ini adalah disebabkan ekspresi untuk hidup dalam peranan gender yang dihayati. Maksud peranan gender yang dihayati ialah keadaan di mana individu

meyakini dan mempercayai bahawa beliau telah terperangkap dalam tubuh badan yang berbeza peranan gendernya. Misalnya, lelaki yang 'trans' kepada wanita dikenali sebagai pondan, bapuk, darai, nyah (istilah yang diguna di Malaysia) atau *girlie, doll* dan *sissy* (istilah yang diguna di negara Barat) ingin berperanan sebagai wanita. Manakala wanita yang 'trans' kepada lelaki dikenali sebagai *tomboy, butch* atau *pengkid* ingin berperanan sebagai lelaki. Akibatnya berlaku percanggahan di dalam diri terhadap peranan gender yang wajar diikuti.

Menurut Wei, et.al (2012), salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya percanggahan adalah disebabkan pemikiran atau norma dominan sesuatu masyarakat terhadap sistem sempadan gender. Idealnya, masyarakat beranggapan hanya terdapat dua jenis gender iaitu lelaki atau wanita. Peranan gender ditentukan berdasarkan genital yang dimiliki seseorang yang menyebabkan setiap individu akan diklasifikasikan sebagai ahli kepada gender/genital berkenaan dan bukan kepada yang lain. Individu yang tidak dapat mengidentifikasikan dirinya dalam mana-mana kelompok genital tersebut dianggap sebagai mengalami kecelaruan sistem gender. Oleh yang demikian individu itu dianggap sebagai bermasalah.

TRANSGENDER DAN ISLAM

Kepercayaan atau pemikiran sistem sempadan gender ini dibentuk oleh banyak faktor termasuk agama. Tidak dinafikan, kebanyakan agama termasuk Islam menentukan norma sosial berkaitan apa yang boleh diterima dan tidak boleh diterima tentang jantina dan peranan kejantinaan. Adakalanya pentafsiran agama tentang isu ini bersifat menerima dan lembut tetapi adakalanya ia diterjemah dalam nada yang keras dan mengancam.
Dalam pernyataan berkaitan gender, kebanyakan ulama fiqh menyandarkan pendapat mereka kepada hadith nabi yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas iaitu:

> Bukan dari golongan kami siapa saja wanita yang menyerupai lelaki dan siapa saja lelaki yang menyerupai wanita. (Sahih Bukhari, no: 5546)

Berdasarkan kepada hadith di atas, para ulama menyatakan bahawa Islam telah mengemukakan garispanduan yang jelas tentang aspek kejantinaan sehinggakan perkara yang mungkin menyamai jantina lelaki atau wanita sama ada dari sudut perwatakan, cara berpakaian, bertingkahlaku apatah lagi fungsi dan peranan seseorang individu yang mewakili jantina tertentu dianggap sebagai menyalahi atau bertentangan dengan orientasi agama

yang dicadangkan. Ia adalah sebagai langkah awal dalam mencegah perbuatan lain yang ditegah dalam agama seperti perbuatan zina yang mungkin berlaku di antara pasangan yang sama jantina. Hubungan kelamin yang berlawanan dengan apa yang telah ditetapkan bukan sahaja ditentang keras, malah faktor-faktor yang membawa kepada perbuatan tersebut juga dilarang seperti yang dijelaskan di dalam hadith nabi bermaksud:

> Tidak boleh seorang lelaki melihat aurat lelaki yang lain dan tidak boleh seorang wanita melihat aurat wanita yang lain. Tidak boleh seorang lelaki menyentuhkan badannya kepada badan lelaki yang lain di dalam satu selimut dan tidak boleh seorang wanita menyentuhkan badannya kepada badan wanita yang lain dalam satu selimut. (Sahih Muslim, no: 338)

Implikasi dari ketetapan syariat seperti ini adalah untuk menjaga aspek sosial masyarakat Islam dalam perkara yang berkait dengan keturunan, perwarisan (jika berlaku pertukaran alat kelamin), ibadah, muamalah dan interaksi sosial di antara individu dalam masyarakat. Malah, bagi sebahagian pendapat, pertukaran alat kelamin adalah tidak dibenarkan sama sekali kerana perbuatan sedemikian dianggap sebagai mengubah ciptaan tuhan.

Walau bagaimanapun, dalam perbahasan berkaitan gender, Islam tidak menolak sepenuhnya golongan yang tidak berada dalam kategori jantina yang tertentu. Dalam konteks Syariah, perbincangan berkaitan kecelaruan jantina dikhususkan kepada 'khunsa' iaitu individu yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan. Jantina 'khunsa' kemudiannya boleh/akan ditentukan melalui kefungsian salah satu organ seks yang lebih dominan. Bagi kes khunsa yang tidak menunjukkan tanda-tanda fizikal kelelakian atau keperempuanan, atau tidak memiliki apa-apa jenis alat kelamin, jantina individu itu boleh dikenalpasti melalui sokongan perubatan. Ini bermakna seseorang yang mengalami kecelaruan hormon atau genetik yang memberi implikasi kepada kecelaruan kejantinaan boleh menjalani proses 'pertukaran' atau *transition* tanpa mengalami konflik diri yang serius. Namun, berdasarkan kepada istilah ini tidak semua transgender boleh diklasifikasikan sebagai khunsa jika garispanduan ini dituruti sepenuhnya.

ISU SPIRITUAL DAN KEAGAMAAN TRANSGENDER

Walau apa pun bentuk perbahasan dan pendapat sama ada dalam konteks agama atau pun sosial, masyarakat tidak boleh menafikan kewujudan

golongan ini. Dari sudut kemanusiaan, golongan ini memiliki keinginan dan kehendak yang sama seperti golongan lelaki dan wanita biasa. Dalam erti kata lain, psikologi yang dimiliki oleh transgender dalam aspek afektif, kognitif, spiritual dan tingkahlaku secara asasnya berfungsi sepertimana yang dimiliki oleh kedua-dua kelompok dominan di atas. Oleh yang demikian, kehendak-kehendak kemanusiaan seperti interaksi sesama manusia, memberi dan menerima pertolongan, menyara kehidupan dalam konteks yang bersesuaian, mendapat pendidikan dan kesihatan yang baik, perasaan untuk diterima, kebersamaan atau *belonging* merupakan elemen asas dalam kehidupan bermasyarakat yang juga diingini oleh transgender.

Begitu juga dalam konteks spiritual dan kehidupan beragama, golongan transgender tidak terlepas daripada dorongan untuk merasai dan menjalani aktiviti-aktiviti yang mengarah kepada kehendak spiritual dan keagamaan ini. Sama ada mereka berpegang kepada sesuatu agama; Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan sebagainya, atau paling tidak mempunyai nilai spiritual atau kerohanian, kajian mendapati keinginan ini tidak tersekat hanya disebabkan kecelaruan gender yang dialami. Bagi sebahagian kes transgender, kepercayaan dan hubungan dengan tuhan tidak terputus, malah hubungan ini menjadi lebih kuat apabila mereka berada dalam tekanan-tekanan tertentu (Minwalla, Rosser, Feldman & Varga, 2005).

Dalam kajian lain, responden menyatakan bahawa mereka mengunjungi tempat-tempat ibadat dan melakukan ibadat seperti individu lain. Kunjungan ke tempat-tempat ibadat seperti gereja dan kuil serta perbincangan dengan rakan-rakan yang memahami keadaan diri mereka dapat memberi ketenangan dan kesejahteraan dalam diri walau pun terdapat konflik di antara identiti gender dan identiti agama yang dipegang transgender (Garcia, Gray-Stanley & Ramirez-Valles, 2008). Dalam konteks Malaysia, didapati ramai di kalangan transgender Muslim yang masih berpegang kepada akidah Islam walaupun tidak dapat dikenalpasti sama ada golongan ini menjalankan ibadah-ibadah yang dituntut dalam Islam atau tidak (Teh, 2001).

Melalui soroton kajian yang dinyatakan, didapati sebahagian daripada transgender sedar tentang konflik yang berlaku namun buntu dalam mencari penyelesaian yang diperlukan - sesuai dengan keadaan diri mereka, masyarakat dan kehendak agama. Konflik yang dialami bukan sahaja berbentuk personal tetapi juga sosial. Dari aspek personal, hubungan di antara identiti agama dan identiti diri kekal utuh (*intact*). Situasi ini bermaksud individu transgender selesa dengan identiti 'trans' yang dipegangnya dan pada masa yang sama selesa juga dengan identiti agama yang diperolehi.

Konflik yang berlaku hanya percanggahan atau *dissonance* menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim sepertimana norma dominan yang biasa diterima masyarakat (Hammoud-Beckett, 2007). Sebagai contoh, seorang transgender Muslim (lelaki kepada wanita) akan mengalami percanggahan apabila wujud tuntutan dalam diri melaksanakan solat khususnya secara berjemaah atau di masjid. Konflik mula timbul apabila individu ini terpaksa membuat keputusan sama ada berada di kawasan wanita atau lelaki. Identiti gender yang *coherence* (sekufu) dengan jiwanya adalah wanita, oleh yang demikian keselesaan untuk berjemaah adalah di kawasan wanita. Walau bagaimanapun, kehadirannya mungkin ditolak oleh jemaah dari kumpulan tersebut hasil daripada norma masyarakat yang biasa dengan kedudukan tekal lelaki dan wanita di masjid-masjid atau tempat ibadat. Dalam konteks ini, menjalani kehidupan beragama bagi transgender bukanlah suatu perkara yang mudah kerana kedua-dua identiti yang dimiliki ini seakan tidak serasi dengan pandangan Islam dan amalan masyarakatnya.

Contoh yang diberi di atas merupakan salah satu contoh daripada aspek-aspek ibadah/muamalah yang perlu dihadapi oleh transgender Muslim, khususnya di Malaysia. Sebagai negara yang agama rasminya adalah Islam, pandangan terhadap identiti gender seperti yang dibincang di dalam kertas ini adalah terpakai kepada semua penduduk Muslim. Berdasarkan undang-undang Syariah, transgender boleh didenda jika mereka berpakaian secara silang (*cross-dressing*) dengan jantina asal yang dimiliki, atau ditangkap kerana terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak bermoral. Dalam kes salahlaku sebegini, transgender boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Penalti yang dikenakan adalah tidak melebihi RM1000 atau setahun penjara, atau kedua-duanya sekali (Wei, at.al, 2012; Teh, 2001).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Teh (2001), respon yang diperolehi daripada transgender ialah berkaitan layanan yang diberi oleh pihak polis dan pihak agama. Di antara aduan yang dikemukakan ialah dipaksa untuk memakai pakaian lelaki, diminta untuk menukar agama, dan dimalukan di hadapan khalayak. Perkara utama yang diketengahkan oleh responden ialah mereka tidak dilayan sebagai manusia dan tidak dianggap sebagai sebahagian masyarakat yang juga mempunyai hak-hak tertentu.

ISU TRANSGENDER DAN CABARAN KEPADA PENDAKWAH

Respon terhadap sikap yang ditunjukkan oleh pihak berkuasa seperti di dalam kajian Teh (2001) disebut sebagai *homophobic attitude*. Sikap ini merangkumi elemen prejudis dan tingkahlaku *bias* bila berhadapan dengan

perkara yang tidak menepati jangkaan atau persepsi seseorang. Persepsi pula banyak dipengaruhi oleh faktor nilai, kepercayaan, agama, sosio budaya, pengalaman dan pendidikan individu (Noraini Ahmad, 1996). Dalam keadaan tertentu persepsi individu terhadap sesuatu bukan mudah untuk diubah. Dalam konteks kertas ini, kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pendakwah mungkin boleh terjejas jika individu itu tidak dapat mengawal daripada dipengaruhi oleh nilai-nilai diri yang boleh membawa kepada prejudis dan sangkaan negatif kepada golongan transgender. Kenyataan ini diteguhkan oleh kajian yang dilakukan Rosik, Griffith dan Cruz (2007) yang menyatakan bahawa seseorang yang kuat nilai agamanya lebih menunjukkan sifat menghukum dan rendah toleransi kepada golongan ini. Malah kebanyakan transgender juga menyatakan pengalaman yang kurang menyenangkan apabila berhadapan dengan kelompok individu yang tegar dengan elemen-elemen agama yang dominan (Bowers, Minichiello & Plummer, 2010). Selain itu, Gubi dan Jacobs (2009) mengemukakan dapatan bahawa pihak berkuasa agama (religious authrority) sering berada dalam persimpangan di antara menggunakan kuasa institusi ketika berhadapan dengan transgender atau menjalankan tugas dalam bentuk yang lebih mesra transgender.

Dari perspektif dakwah, sikap sebegini boleh merugikan jika pendakwah hanya akan menjauhkan golongan sasaran atau *mad'u* daripada tujuan-tujuan penting dalam dakwah. Dakwah secara asasnya bertujuan membantu sasaran memahami diri supaya dengan kefahaman ini sasaran boleh mengenali tuhan, seterusnya timbul "pengertian, kesedaran dan penghayatan terhadap mesej-mesej agama yang disampaikan" (Aziz Md. Zin, 1999, p.16). Walau bagaimanapun, mesej ini tidak mungkin dapat diterima dengan baik jika *mad'u* terpaksa berhadapan dengan rasa malu, terhina atau terpinggir akibat sikap homophobia yang mungkin ditunjukkan sama ada secara sedar atau tidak oleh pendakwah.

Oleh yang demikian, latihan dan pendidikan secara khusus berkaitan golongan transgender perlu diperincikan supaya pendakwah mendapat kemahiran dan ilmu yang mencukupi untuk berhadapan dengan mereka. Latihan seperti ini sangat penting supaya pendakwah atau *da'i* dapat menjalankan gerak kerja secara beretika dan profesional serta tidak mengabaikan elemen-elemen kemanusiaan yang diperlukan seperti mana yang diberikan kepada golongan gender yang lain.

LATIHAN DAN PENDIDIKAN PENDAKWAH BERKAITAN TRANSGENDER

Menurut Kamus Dewan, dakwah bererti suatu kegiatan menyeru, membimbing, mendidik serta menyakinkan orang lain secara baik supaya menerima sesuatu kepercayaan. Kepercayaan yang dimaksudkan di sini ialah agama Islam. Oleh yang demikian, berdakwah bererti menjalankan kegiatan penyebaran agama Islam supaya manusia menyedari, menghayati serta mengamalkan ajaran agama yang benar. Justeru, para pendakwah perlu memperlengkapkan diri dengan mempelajari dan memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah.

Selain daripada ilmu-ilmu Islam yang bersifat teras, para pendakwah juga perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai lagi disiplin ilmu dan kemahiran agar dapat:

1. mengetahui cara untuk berinteraksi dengan individu yang berbeza
2. meneroka bentuk pemikiran individu
3. mengenalpasti pelbagai wasilah dan cara berdakwah.

Dalam bahagian ini, beberapa aspek penting seperti latihan dan pendidikan pendakwah dari aspek psikologi, budaya dan nilai/ kepercayaan peribadi pendakwah akan dibincangkan.

Psikologi

Aspek pertama yang akan dibincangkan ialah berkaitan kepentingan ilmu psikologi kepada pendakwah. Pengetahuan berkaitan psikologi dapat mendorong pendakwah memahami diri manusia yang lain, tingkahlaku, matlamat kehidupan, keinginan serta kemahuan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Dari segi bahasa, psikologi adalah hasil gabungan dua perkataan Greek tua, iaitu *psyche* dan *logy. Psyche* bermaksud jiwa atau roh manakala *logy* bermaksud kajian tentang sesuatu perkara. Berdasarkan kepada rangkaian dua perkataan ini, dapatlah difahami bahawa psikologi adalah kajian yang berkaitan dengan tingkahlaku manusia yang meliputi mental, jiwa, rohani, ingatan dan pemikiran seseorang. Dari perspektif konvensional, psikologi bermaksud kajian terhadap aspek jiwa dan roh manusia (Kelly & Roger, 1993). Oleh kerana kerohanian dan jiwa manusia di luar pencapaian bidang sains, maka psikologi selalunya merujuk kepada kajian tentang tingkahlaku (Davidoff, 1990). Secara umumnya, ramai di antara pakar dalam bidang psikologi bersependapat bahawa maksud psikologi adalah merujuk kepada kajian secara saintifik terhadap tingkahlaku manusia termasuklah perasaan,

sikap, percakapan dan lain-lain perbuatan atau rohani yang berkaitan dengan jiwa (Clifford, Richard & John, 1996).

Dari perspektif Islam, psikologi dikenali sebagai *'Ilm al-Nafs* (Ilmu Jiwa) iaitu ilmu berkenaan diri (Mu'jam 'Ilm al-Nafs, Fakhir 'Akil, 1985:91) yang memiliki 2 makna. Pertama, ilmu biologi yang cuba menzahirkan kehidupan dalaman yang bermula dari peringkat pertumbuhan dan perkembangannya. Kedua, ia merupakan ilmu tingkah laku dan penyesuaiannya dengan alam sekitar. Merujuk kepada al-Quran, terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan psikologi, antaranya ialah *al-nafs* yang disebut sebanyak 367 kali yang bermaksud kemanusiaan pada keseluruhannya. Al-Quran juga menjelaskan *al-nafs* dalam beberapa ayat yang berkaitan dengan ungkapan motif tingkahlaku, reaksi, perasaan dan pemikiran (Wan Hussain Azmi, 1994). Oleh itu, pendekatan psikologi merupakan satu ilmu yang mengkaji secara saintifik berkenaan segala proses yang berlaku di dalam diri seseorang manusia, sama ada sesuatu yang dapat dilihat secara jelas atau tidak, kerana proses ini akan mempengaruhi pembentukan tingkahlaku individu tersebut. Tingkahlaku manusia pula merupakan sebahagian daripada perlakuan seseorang secara teratur akibat tindak balas sekeliling.

Berdasarkan kepada pengertian psikologi di atas, maka adalah amat perlu bagi setiap pendakwah atau *da'i* untuk melengkapkan diri dengan latihan dan pendidikan psikologi dalam menghadapi masalah *mad'u*, termasuklah ketika berhadapan dengan golongan transgender. Ini adalah kerana tingkahlaku seseorang individu (termasuklah golongan ini) mungkin akan dapat dilihat dengan mata kasar, akan tetapi faktor sebenar terjadinya perlakuan tersebut adalah hasil daripada desakan atau tindakbalas dalaman manusia, yang menuntut kefahaman da'i terhadap ilmu psikologi. Menurut B.B. Siddiqui dan M.R. Malek, pendekatan psikologi Islam adalah berupa kajian terhadap tingkahlaku manusia berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ia mengkaji segala tingkahlaku manusia dengan pergerakan diri kepada undang-undang Allah yang berkaitan dengan tingkahlaku individu, pendorong dan perangsang (Siddiqui & Malek, t.t.). Ini adalah kerana pendekatan psikologi bertujuan untuk memahami segala tindakbalas dalaman individu, bagaimana seseorang individu itu mengubah corak tingkahlakunya dan seterusnya faktor yang mempengaruhi corak perubahannya.

Dalam menghadapi golongan transgender ini, pendekatan psikologi Islam yang bersifat menyeluruh, bersepadu dan merangkumi berbagai-bagai aspek termasuk jiwa dan jasad adalah diperlukan. Pendekatan psikologi ini mampu membantu para *da'i* memahami dan mengkaji segala perlakuan

yang ditonjolkan oleh golongan tersebut, yang dilihat mempunyai hubungan dengan konsep jiwa, ibadat, kesedaran, tanggungjawab dan hikmah. Mengaplikasikan pendekatan psikologi di dalam berdakwah kepada golongan ini bermaksud para *da'i* tidak melihat segala bentuk perlakuan semata-mata sebagai hasil tindakbalas individu/golongan tersebut terhadap sesuatu rangsangan yang mencetuskan tingkahlaku, malah juga kepada aspek fitrah diri sebagai manusia yang melibatkan pemikiran dan perasaan. Ini adalah kerana melalui pendekatan psikologi, para *da'i* dapat membantu individu/golongan transgender untuk mendapat keseimbangan dari segi intelektual, fizikal, emosi dan kerohanian. Ia bersesuaian dengan prinsip utama ilmu psikologi iaitu untuk memahami perkembangan kognitif serta afektif seseorang individu. Pendekatan psikologi mampu memberi kefahaman tentang diri manusia, sifat semulajadi, tingkahlaku serta jiwanya, memberi bimbingan dan panduan yang sesuai kepada individu yang mempunyai tingkahlaku yang berbeza (Mahmood Nazar & Sabitha, 1990).

Budaya

Aspek kedua yang perlu dibekalkan kepada para *da'i* ialah memahami aspek budaya *mad'u* (termasuklah budaya golongan transgender). Seseorang *da'i* perlu mengenali budaya *mad'u*, situasi kehidupan dan latar belakang serta keperluan masyarakat tertentu agar proses pembinaan strategi dakwah menjadi lebih efektif dan berjaya. Pengetahuan tentang masyarakat adalah penting kerana *da'i* perlu mengetahui keadaan sosio-budaya sesebuah masyarakat, termasuklah perkara yang berkaitan adat resam, cara hidup dan akhlak mereka. Pengetahuan berhubung cara untuk berkomunikasi juga perlu dititikberatkan oleh setiap *da'i* agar apa yang cuba disampaikan dapat diterima dan difahami dengan mudah tanpa berlaku salah faham dan kekeliruan. Sebagai contoh, proses komunikasi dalam berdakwah akan menjadi lebih efektif sekiranya *da'i* menekankan dan mempertimbangkan beberapa aspek budaya yang penting seperti:

i. Menghormati anggota budaya lain sebagai manusia;
ii. Menerima budaya lain seperti keadaannya, dan bukan sebagaimana yang *da'i* kehendaki;
iii. Menghormati hak anggota budaya yang lain untuk bertindak/bertingkahlaku berbeza dari cara *da'i* bertindak/bertingkahlaku
iv. Menerima kehadiran/kewujudan *mad'u*/individu dari budaya yang lain.
v. Mengenali tempat, situasi dan kondisi masyarakat *mad'u*.

Ini bermaksud bahawa kefahaman seseorang *da'i* terhadap budaya *mad'u*

meliputi kesedaran *da'i* terhadap falsafah kehidupan *mad'u*, keupayaannya sendiri (*da'i*) berhadapan dengan budaya *mad'u*, pengiktirafan *da'i* terhadap struktur pemikiran *mad'u* yang berbeza, dan pemahaman *da'i* tentang kesan dan bentuk komunikasinya. Justeru, *da'i* akan lebih peka dan sensitif untuk meneroka situasi sebenar dan permasalahan transgender. Golongan transgender akan dibimbing untuk mengendalikan tingkahlaku dengan lebih baik, yang dapat memberi kesan positif dalam urusan sosialisasi. Selain itu, dengan mengetahui aspek budaya juga, para *da'i* boleh membimbing golongan transgender ini ke arah mengenali diri dengan lebih baik, terutamanya dari aspek emosi dan agama. Sekiranya diiringi dengan pendekatan psikologi yang berkesan, pemahaman terhadap aspek budaya juga mampu menolong golongan transgender mengurus emosi mereka dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana kepelbagaian jenis penonjolan bentuk tingkahlaku sama ada berupa positif ataupun negatif, adalah hasil daripada emosi yang dialami. Sekiranya transgender mampu mengendalikan pelbagai jenis emosi yang timbul dalam kehidupan, maka sudah tentu lebih senang bagi mereka untuk memilih dan menentukan bentuk akhlak yang ingin ditonjolkan. Sekiranya emosi mereka lebih difahami dan terurus, mereka bukan setakat dapat memahami diri sendiri, malah juga dapat berinteraksi dan bertingkahlaku dengan orang lain dalam keadaan yang lebih tenang dan baik.

NILAI PERIBADI DAN KEPERCAYAAN PENDAKWAH

Aspek latihan dan pendidikan ketiga yang diperlukan oleh para *da'i* ialah nilai dan kepercayaan *da'i* itu sendiri. Ini penting kerana ketika berdakwah, setiap *da'i* akan membantu dan membimbing individu untuk membuat keputusan berdasarkan kepada ilmu, pengalaman, kesedaran dan nilai-nilai yang dipegangnya.

Oleh yang demikian, sekiranya para *da'i* memiliki nilai dan kepercayaan yang berpatutan, berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam dakwah mereka, serta bijaksana dalam menggunakan sumber tersebut, pendakwah boleh membimbing dan memimpin golongan transgender ke arah yang lebih baik. *Da'i* akan menjelaskan kepada *mad'u* bahawa sebarang keputusan yang berasaskan kepada kehendak diri tanpa bertunjangkan kepada keimanan dan akal fikiran merupakan satu penganiayaan kepada diri sendiri, sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

> Allah tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang selalu menganiayai diri mereka sendiri.
>
> (surah al-Nahl: ayat 33)

Seterusnya *da'i* akan menerangkan bahawa kebebasan manusia dalam memilih jalan untuk menyelesaikan perjuangan jiwa merupakan asas tanggungjawab dan asas perhitungan ke atasnya di akhirat. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

> Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, jalan kebaikan untuk dilaluinya dan jalan kejahatan untuk dijauhi.
> (surah al-Balad: ayat 10)

Justeru, dengan nilai dan kepercayaan diri *da'i* yang berteraskan kepada al-Quran sebagai asas utama dalam penyampaian pengajaran atau dakwah, mereka diharapkan dapat bertindak secara hikmah ketika berhadapan dengan golongan transgender ini. Sebagaimana Firman Allah S.W.T:

> Serulah ke jalan tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan bijaksana serta nasihat pengajaran yang baik, dan berbahasalah dengan mereka (yang kau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk.
> (surah al-Nahl: ayat 125)

PENUTUP

Pendakwah yang mempunyai kemahiran dalam aspek psikologi, komunikasi dan kefahaman yang tinggi tentang latabelakang dan gaya hidup transgender adalah bonus tambahan kepada ilmu teras yang dimiliki mereka. Latihan, pengalaman dan pendidikan yang lebih terfokus kepada isu-isu yang dihadapi golongan ini mampu mengupayakan pendakwah untuk merancang dan melaksanakan strategi dakwah dengan lebih berkesan. Pendakwah yang efektif ialah kumpulan yang boleh memenuhi objektif dakwah dengan baik tetapi pada masa yang sama tidak mengenepikan ciri-ciri asas kemanusiaan yang menjadi tuntutan dan kehendak semua manusia seperti yang dibincangkan di dalam kertas ini.

RUJUKAN

Bohan, J. (1996). *Psychology and sexual orientation: coming to terms*. New York: Routledge.

Bowers, R., Minichiello, V., & Plummer, D. (2010). Religious attitudes, homophobia, and professional counseling, *Journal of LGBT Issues in Counseling, 4*(2), 70-91.

Clifford T. Morgan, Richard A. King John R. Weisz, & John Schopler (1996). *Introduction to Psychology.* New York: Mc Graw Hill International.

Corey, G. (2005). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (8th ed). United State*:* Thomson Brooks/Cole

Davidoff, L. (1990). *Introduction to Psychology*. New York: MGHBC.

Garcia, D.I., Gray-Stanley, J., & Ramirez-Valles, J. (2008). "The priest obviously doesn't know that I'm gay": The religious and spiritual journeys of Latino gay men. *Journal of Homosexuality, 55*(3), 411-436.

Gubi, P. M., & Jacobs, R. (2009). Exploring the impact on counsellors of working with spiritually abused clients. *Mental Health, Religion & Culture*, *12*(2), 191–204.

Kelly, G. & Roger, M. (1993). *Psychology*. New York: Macmillan.

Mahmood Nazar Mohamed & Sabitha Marican (1990). *Pengertian Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Minwalla, O., Rosser, B.R.S., Feldman, J., & Varga, F. (2005). Identity experience among progressive gay Muslims in North America: A qualitative study within Al-Fatiha. *Culture, Health and Sexuality: An International Journal for Research, Intervention and Care, 7*(2), 113-128.

Mu'jam 'Ilm al-Nafs, Fakhir 'Akil, 1985:91

Noraini Ahmad (1996). *Senario Kaunseling*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Rosik, C., Griffith, L., & Cruz, Z. (2007). Homophobia and conservative religion: Toward a more nuanced understanding. *American Journal of Orthopsychiatry*, *77*(1), 10–19.

Siddiqui, B.B., & Malek, M.R. (t.t.) 'Islamic Psychology Definition and Scope' dalam *Psychology and Society in Islamic Perspective*. New Delhi: Synergy Books International.

Teh, Y.K. (2001). Mak Nyahs (male transsexuals in Malaysia: The influence of religion and culture on their identity. *International Journal of Transgenderism, 5*(3). Retrieved from http://www.symposium.com/ijt/ijto05no03_04.htm

Wan Hussain Azmi Abdul Kadir (1994). *Kaunseling dan psikologi menurut Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wei, C.L., Baharuddin, A., Abdullah, R., Abdullah, Z., & Chhe Ern, K.P. (2012). Transgenderism in Malaysia. *Journal of Dharma - Dharmaram*

Journal of Religions and Philosophies, *30*(1), 79-96.

Valentine, D. (2007). *Imagining transgender: An ethnography of a category*. United States of America: Duke University Press.

IPT ISLAM DAN PENGGUNA BERHEMAH : SATU ANALISA

Oleh[1]:
Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,
Datin Dr. Paizah Ismail,
Dr. Saadan Man
Norhidayah Pauzi,
Muhammad Ikhlas Rosele,

ABSTRAK

Institusi pengajian tinggi merupakan antara institusi yang memainkan peranan besar dalam pembangunan modal insan sesebuah masyarakat. Ianya juga merupakan sebuah institusi yang berperanan melahirkan pengguna Islam berhemah yang merupakan antara bentuk pembangunan modal insan. Oleh kerana itu, artikel ini akan melakukan analisis terhadap peranan IPT dalam melahirkan pengguna berhemah. Kajian dilakukan terhadap beberapa IPTA di Malaysia dengan melihat realiti pengajian kepenggunaan dan usaha kesedaran tentang kuasa kepenggunaan Islam oleh IPT tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa IPT Islam memang merupakan institusi utama yang boleh melahirkan graduan-pengguna Islam yang kompeten, namun masih belum mampu dalam melahirkan pengguna yang berhemah. Lantaran daripada itu, artikel ini mengemukakan berberapa kaedah dan cadangan penambahbaikan dalam usaha usaha melakukan reformasi terhadap kurikulum pengajian kepenggunaan Islam di IPT di Malaysia.

PENGENALAN

IPT merupakan pusat utama untuk melahirkan modal insan bagi menjayakan pembangunan sesebuah masyarakat. Jatuh dan naiknya sesuatu masyarakat berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh IPT, seperti mana halnya yang berlaku dalam masyarakat barat moden.[2] Di Malaysia, pada zaman pra dan pasca merdeka sumbangan IPT Islam dalam melahirkan modal insan yang kompeten memang telah diakui.[3] Modal insan yang dihasilkan oleh

[1] Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Emel: *faqir_ila_rabbih@um.edu.my*

[2] Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM

[3] Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir (2011), “

IPT Islam perlu dijaga dan diperkasakan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Namun begitu, jika dilihat kepada sumbangan IPT Islam dalam memajukan modal insan- pengguna berhemah sekaligus, kita akan melihat wujudnya masalah besar, bila mana peranan IPT Islam semacam gagal melahirkan pengguna Islam yang berhemah.

TAKRIF KEPENGGUNAAN ISLAM

Pengguna biasanya digunakan; (1) "orang yang menggunakan barang-barang, perkhidmatan atau kurniaan alam semulajadi untuk kepuasan dan kepentingan hidupnya"; (2) "seseorang yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga dan isi rumah"; (3) "individu yang membeli, atau yang diberikan kepadanya, mengguna, menyelenggara, melupuskan produk dan perkhidmatan dalam bentuk terakhir (*final form*), dalam usaha mereka untuk mencapai tahap kepuasan yang maksimum dengan pendapatan yang terhad."[4]

Atas dasar ini, apabila perkataan pengguna ini digabungkan dengan perkataan Islam, ia boleh dikatakan sebagai garis panduan, standard dan etika hukum Islam yang berkaitan dengan kepenggunaan yang diamalkan oleh seorang Muslim (mukallaf). Konsep kepenggunaan Islam ataupun lebih tepat lagi sebagai fiqh kepenggunaan perlu menekankan elemen mendidik dan bukannya bersifat *legal formalistic* iaitu yang menekankan soal halal dan haram semata-mata. Adalah diakui bahawa konsep dan istilah fiqh kepenggunaan *per se* tidak pernah wujud dalam perbincangan fuqaha silam. Namun begitu, garapan skop sistem fiqh Islam silam memang wujud secara tidak langsung yang menyentuh isu kepenggunaan membabitkan hubungan dengan Allah (ibadat) dan sesama makhluk (muamalah). Hal ini boleh dilihat dalam perbincangan dalam semua aspek hukum syariah seperti taharah, ibadat, munakahat, siyasah, muamalat dan jenayah.[5]

Neraca pengguna yang bijak ini didasarkan kepada beberapa ciri utama seperti pengguna yang berjimat cermat, tidak terlibat dengan gharar, mematuhi prinsip syariah Islam, mengetahui hak mereka sebagai pengguna,

---

Pemikiran Pendidikan Islam Dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal ". Dalam *Prosiding International Conference Of Islamic Civilization And Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*, h. 17-30

[4] Nurizan Yahya (Edit) (2002), *Pengenalan Sains Pengguna*, Serdang : Penerbit UPM, h. 3-5.

[5] Untuk Maklumat Awal Tentang Perkara Ini Sila Lihat Zahari Mahad Musa (2010), Fiqh Al-Bi'ah : Prinsip Interaksi Manusia Dengan Alam Persekitaran ", Dalam *Jurnal Syariah*, v. 18, bil. 1, h. 2-6.

perihatin dengan isu kepenggunaan semasa dan sebagainya. Lebih tepat lagi, ia adalah pengguna yang mematuhi syariah Allah dan bertindak sebagai insan yang perihatin dengan masalah ummah Islam semasa. Atas dasar ini artikel ini akan cuba meneliti peranan yang dimainkan oleh IPT Islam dalam melahirkan modal insan dan pengguna yang kompeten yang kemudiannya bakal diberikan jalan penyelesaian masalah yang difikirkan sesuai.

REALITI PENGAJIAN KEPENGGUNAAN ISLAM DI IPTA MALAYSIA

Pengajian kepenggunaan Islam memang diajar oleh kebanyakan IPTA/S di Malaysia, bila mana isu kepenggunaan sering dikaitkan dengan ajaran agama, termasuk Islam. Untuk IPTA yang menawarkan pengajian Islam secara major, subjek ini dimasukkan dalam bidang fiqh ibadah dan fiqh muamalah (APIUM, UIAM, USIM, USM, KUIN, UNIZA dan UKM). Bagi IPTA yang menawarkan pengajian Islam secara minor pula, subjek kepenggunaan Islam diterapkan sebagai alternatif kepada subjek kepenggunaan secara umum.(UPM, UITM, UTM, UPSI dan UUM).

Bentuk pengajian kepenggunaan Islam di IPTA minor pada dasarnya lebih bersifat surface semata-mata, di mana isu kepenggunaan dikaitkan dengan Islam sebagai alternatif (di peringkat elemen kognitif dan aksiologi). Contohnya, apabila mmbincangkan isu etika kepenggunaan mengikut pandangan Islam, beberapa ayat Quran dan Hadis akan diberikan sebagai sandaran asasnya. Namun begitu, bagi tujuan pendidikan kepenggunaan yang baik dan sesuai dengan realiti semasa, ternyata pedagogi yang diajar oleh IPTA minor lebih berjaya dan berkesan berbanding dengan IPTA major. Ini kerana pelajar didedahkan secara langsung dengan isu kepenggunaan seperti *standard of operating* dan teknologi kepenggunaan semasa, walaupun tidak mendalami kaedah dan prinsip kepenggunaan Islam. Contohnya pelajar akan didedahkan tentang etika kepenggunaan, kepentingan penjagaan alam dan kaedah perlupusan barangan yang tidak merosakkan alam sekitar. Pelajar juga didedahkan dengan pelbagai tipu muslihat yang biasanya dilakukan oleh peniaga dan iklan yang mengelirukan masyarakat pengguna. Merujuk kepada IPTA major, kita dapat mengesan beberapa elemen kelemahan yang membabitkan pengajian kepenggunaan Islam. Ianya terdiri daripada;

Pertama, subjek kepenggunaan Islam tidak diajar sebagai subjek teras di IPTA Islam. Kerangka dan paradigma pengajian Islam lebih berasaskan kepada paradigma silam. Walaupun usaha reformasi telahpun dibuat dalam soal ini (seperti mengintegrasikan subjek Islam dengan isu moden; tumpuan

kepada isu semasa yang timbul dalam masyarakat)[6] namun penekanan kepada isu kepenggunaan tetap sedikit sahaja. Dalam bidang syariah misalnya, tumpuan lebih tumpu kepada soal ibadat dan muamalah yang terhad sifatnya. Isu kepenggunaan moden walaupun memang ada disentuh secara tidak langsung tetapi ianya terlalu minimum sekali. Hal ini menyebabkan pelajar kurang menghayati isu ini. Contohnya, pelajar diterangkan tentang prioriti maslahah dalam konsep Maqasid Syariah. Sayangnya konsep ini tidak dikaitkan dengan barangan keperluaan asasi dan mewah yang sesuai dengan konsep kepenggunaan Islam.

Kedua, bentuk fiqh kepenggunaan di IPTA major lebih berteraskan paradigma pengajian syariah silam yang menyentuh isu kepenggunaan secara simple semata- mata. Hal ini kerana isu kepenggunaan belum wujud secara meluas dalam pengajian syariah silam. Akibatnya, fokus pengajian yang dibuat lebih berbentuk paradigma *Bayani* (berasaskan kepada nas dan teks fiqh klasik) yang menumpukan soal muamalah yang terhad cakupannya. Maksud terhad disini adalah pelajar dididik untuk menjadi mukhalaf biasa (sepertimn difahami oleh konsep mukhalaf silam) yang mementingkan soal hubungan dengan tuhan dan makhluk. Ia kurang mendedahkan mukhalaf ini bagaimana kaedah untuk menjadi pengguna yang bijak seperti mana difahami oleh disiplin kepenggunaan moden dalam berhadapan dengan pelbagai masalah kehidupan. Ia lebih menekankan mukhalaf menjalani kehidupan secara berhemah dan wasatiyyah kerana setiap perlakuannya merupakan ibadat kepada Allah.

Sebagai contohnya pelajar diajar tentang fiqh halal haram dalam soal pemakanan tanpa melanjuntukan tentang bagaimana mekanisme pemerosesan makanan untuk konteks zaman moden. Hal ini amat malang sekali kerana masyarakat Islam memerlukan bentuk fiqh yang mengabungkan pendekatan *Bayani* dengan *Burhani* (kajian berasaskan elemen saintifik). Ia sepatutnya membekalkan pengguna semasa dengan apa dan bagaimana teknologi pemakanan moden dihasilkan. Atas dasar ini Che Wan Jasimah berhadapan dengan masalah apabila cuba menilai bagaimana teknologi pemerosesan makanan yang dipakai di industri. Beliau menyatakan amat langkanya karya fiqh silam yang menyentuh isu ini. Kalau adapun ia daripada mazhab selain Ahlu Sunnah Wal Jamaah (Ikhwan Safa'). Ini membawa maksud memang tidak ada karya fiqh Islam yang menjelaskan tentang prinsip dan teknologi

[6] Rahimin Affandi Abd Rahim (1997)"Gerakan Tajdid Di Malaysia : Teori Dan Realiti ", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, (ed) oleh Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Kuala Lumpur : berita publication, hlm 93-106

pemerosesan makanan moden.[7]

Ketiga, IPTA Islam dinilai telah gagal dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti social work (sukarela), khususnya yang membabitkan isu kepenggunaan. Hal ini menjadikan mereka bukan berada dalam masyarakat, tetapi sebaliknya dipinggir masyarakat. Ia secara langsung menyebabkan mereka gagal untuk berfungsi sebagai intelektual ummah[8] yang sepatutnya memahami masalah masyarakat dan mengemukakan jalan penyelesaian masalah yang sepatutnya.[9] Dalam senario gerakan mahasiswa semasa pelajar Islam dikatakan terlalu mementingkan pengelibatan dalam aktiviti politik kepartian melebihi persoalan lain.[10] Walaupun pihak HEP memastikan Aktiviti Ko-Kurikulum yang khusus untuk pelajar, tetapi ianya dilaporkan telah gagal menanamkan kesedaran melakukan kerja sosial dalam diri pelajar.[11] Beberapa contoh utama boleh diberikan untuk memperjelaskan realiti ini;

1) kurangnya keterlibatan graduan Islam dalam persatuan pengguna Islam. Hal ini menyebabkan banyak isu yang berkaitan dengan isu kepenggunaan gagal diketahui dan diperjuangkan oleh graduan Islam. Memang wujud masalah tentang isu kesedaran kepenggunaan Islam di kalangan IPT Islam.
2) wujudnya sindrom keengganan graduan Islam berkhidmat di pendalaman Sabah dan Serawak.
3) Ruang kosong aktiviti sukarela ini diisi sepenuhnya oleh NGO bukan Islam yang turut diselit dengan motif dakwah. Kelemahan graduan Islam untuk terlibat aktif dalam aktiviti Social Work (kesukarelaan)[12] sepatutnya tidak berlaku, seperti mana ditegaskan oleh Muhammad Abu Bakar, umat Islam begitu teruja dengan apa yang berjaya dicapai daripada perjuangan kebangkitan Islam, tetapi mereka alpa dan tidak

---

[7] Lihat Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan : Pendekatan Islam Dan Sains*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, h. 52-72.

[8] Syukri Ahmad (2000), " Aplikasi Konsep Ulama Dan Intelektual : Suatu Penilaian Kritis ", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 11, h. 19-28.

[9] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2006) ," " Impak graduan Universiti al-Azhar dalam pembangunan social di Malaysia ",dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 16, h. 1-36.

[10] Badlihisham Mohd Nasir (1998), " Pembangunan Islam Di Malaysia : Sorotan Ringkas Terhadap Gerakan Islam ", dalam Abdul Ghafar Don (Ed.) *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*, UKM, Bangi, h. 43-49

[11] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2005) ," Graduan Pengajian Islam World Class : satu analisis ", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 6, h. 173-194.

[12] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002) ," Penjagaan kebajikan keluarga di dalam Undang-undang Kekeluargaan Islam di Malaysia : satu analisa "*,Jurnal Syariah*, v. 11:1, .

menyedari bahawa kekuatan faham sekularisme juga bertambah kuat dan semakin meluas perkembangannya di dalam masyarakat moden.[13]

IPTA DAN USAHA KESEDARAN TENTANG KUASA KEPENGGUNAAN ISLAM

Bersesuaian dengan keperluan kepenggunaan Islam yang semakin meningkat,[14] setiap IPTA Islam perlu mengambil langkah untuk memantapkan subjek fiqh kepenggunaan Islam. Hal ini boleh dilakukan dengan beberapa perkara utama. Antaranya; *Pertama*, memaklumi realiti bahawa gelagat dan tabiat pengguna Islam di Malaysia yang amat lemah. Kita dapat mengesan beberapa tabiat kepenggunaan di Malaysia seperti:

1) Sikap tidak ambil kisah dan tidak peduli dengan hak mereka.[15]
2) Mengamalkan penbelanjaan yang tidak berhemah, membazir dan terlibat dalam hutang yang melampau[16] di mana ramai yang telah diisytiharkan muflis kerana amalan sebegini.
3) Terlibat dengan perniagaan berunsurkan maksiat.[17]
4) Rasa prihatin dengan hak mereka. Tren ini masih terlalu baru akibat daripada pendedahan persatuan pengguna dan media massa.

Kedua, memahami fakta kuasa Consumerism yang dimiliki oleh penganut Islam. Memandangkan umat Islam merupakan majoriti penduduk dunia maka kuasa beli umat Islam agak besar. Jumlah kapasiti yang ramai ini memungkinkan beberapa perkara;

1) boleh menjadi kuasa pendesak utama secara ketenteraan dan diplomasi apabila berhadapan dengan dominasi globalisasi barat. Contohnya OIC telah menjadi kuasa pendesak di PBB bagi menjaga kepentingan umat Islam. Umat Islam telah dapat mempergunakan dana keewangan

---

[13] Muhammad Abu Bakar (2000), " Dakwah Di Persimpangan : Halatuju Dan Masa Depan Islam Di Malaysia ", dalam ed. Oleh Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru, Bangi : UKM, h. 207-219.

[14] Lokman Ab. Rahman, (2001), *Halal Products Consumerism, Technology and Procedures*, Melaka: Islamic Department of Melaka, h. .94.

[15] Norhasliza Mohd Shafi (2002). " Ketahui Tabiat Anda Ketika Membeli Belah ": *Mingguan Wanita*, April 2002.

[16] Ezani Yaakub & Mohd Nor Mamat (2004), " Praktis Perbelanjaan Masyarakat Islam Bandaraya Masa Kini, dalam *Prosiding Islam : Past, Present and Future- International Seminar on Islamic Thoughts,* anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004, h. 566-572.

[17] Wan Mohd Nor Wan Daud, (2001) *Pembangunan Di Malaysia ; Ke Arah Satu Kefahaman Baru*, Kuala Lumpur : ISTAC, h. 125-129; Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1999) " Krisis remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam ", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10, h. 125-134

yang memang tersedia wujud dalam Islam seperti dana zakat, sedekah dan wakaf untuk membantu penderitaan umat Islam seluruh dunia.[18] Ia sesuai dengan pandangan Chandra Muzaffar tentang fenomena globalisasi yang memungkinkan bantuan material dapat disalurkan oleh penganut Islam untuk ummah Islam yang tertindas dan memerlukan bantuan dana.[19]

2) boleh menjadi penjana dan pemankin perpaduan ummah Islam sedunia. Contohnya, apa yang dilakukan oleh Nahdatul Ulamak, Hizbullah dan Black American Muslim dalam mewujudkan rangkaian ekonomi dan sosial sesama umat Islam.[20] (*linkage and social network*) Hizbullah telah berjaya mewujudkan IPT mereka sendiri yang kemudiannya bakal mengambil graduan IPT terbabit untuk berkihdmat dalam perkhidmatan dan organisasi Hizbullah. Mereka menggunakan khidmat graduan ini dalam perniagaan dan industri penyiaran milik mereka sendiri. Dalam contoh yang lain, umat Islam Singapura telah berjaya menggunakan websait (kampong.net) [21]yang menjawab dan mendedahkan konspirasi dunia barat terhadap umat Islam.[22] Apa yang jelasnya, usaha ini mendapat dokongan umat Islam sedunia.
3) Kuasa konsumerisme adalah senjata ummah Islam dalam menghadapi cabaran globalisasi dengan memboikot barangan daripada barat. Situasi ini boleh dilihat apabila umat Islam mula memboikot barangan Israel, Amerika Syarikat dan Denmark.[23] Dalam perkembangan terbaru, pihak kerajaan melalui MITI dan MATRADE dan beberapa agensi kerajaan terbabit mengadakan Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) setiap tahun, iaitu program pameran produk, perkhidmatan

---

[18] Nahar Tajri. (2010, 29 Mei 2010). Malaysia terajui ekosistem halal. Ekonomi, Berita Harian Online. Diakses pada 25 Jun 2012, dari http://www.bharian.com.my /bharian/articles/Malaysiaterajuiekosistemhalal/Article/index_html

[19] Osman Bakar (2003), " Globalisasi Dan Peradaban ", Dalam A. Aziz Deraman *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP, h. 33-38

[20] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2005) " Graduan Pengajian Islam World Class : satu analisis ", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 6, h. 173-194.

[21] Antara homepage Islam yang cukup terkenal menggunakan pendekatan ini adalah kampung net-Singapore Muslim Community page, Japan Islamic network dan About al-Islam and Muslims. Lihat " Islam dalam Internet ", dalam *Majalah PC*, Sumber Komputer Generasi Baru, Jilid 5, v. 1, 1996, hlm 29.

[22] Fadhlullah Jamil (2001), " IT, Perkembangannya Dan Kesannya Terhadap Umat Islam ", Dalam *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi : Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar : INSANIAH, , h. 54-55.

[23] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2004), "Menangani cabaran Globalisasi: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa", dalam Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti dan Che Zarrina Sa'ari *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa.* Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 213-238.

dan pembangunan industri halal di Malaysia. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan ia dianggap sebagai intensif yang bijak pihak pihak kerajaan yang berjaya menjadikan Malaysia sebagai hub halal sedunia dengan mengumpul kebanyakan produk halal daripada industri tempatan dan luar negeri.[24] Usaha ini semakin mendapat sambutan daripada pembekal Islam dan kalangan pengguna Islam sendiri. Tetapi seandainya kesedaran ini tidak dipupuk dengan kesedaran ilmu yang mendalam, ianya tidak akan bertahan lama dan bersifat bermusim semata-mata.

4) produk halal yang dinisbahkan dengan Islam dapat dijadikan mekanisme utama untuk memperkembangkan perniagaan umat Islam sedunia.[25] Seperti mana jenama moden seperti Mc D, KFC, Coca Cola, Nestle, CPC, F&N, Dutch Lady dan Lever Brothers berjaya meraih dokongan pengguna seluruh dunia, produk halal juga dapat dijadikan mercu utama untuk meraih sokongan daripada pengguna Islam. Buktinya produk halal telah semakin berkembang pesat pada masa sekarang.[26] Sekitar dua puluh tahun lalu, istilah halal dan haram tidaklah begitu popular dan jarang sekali digunakan dalam industri pemprosesan makanan. Namun hari ini, istilah jenama halal telah menjadi semakin dikenali sebagai satu unsur penting yang mendominasi industri pemprosesan makanan.[27]

IPTA ISLAM DAN PENAMBAHBAIKIAN KURIKULUM KEPENGGUNAAN ISLAM

Usaha Mereview Kandungan Kurikulum Subjek Kepenggunaan Islam

Kita terpaksa mengakui bahawa sistem fiqh silam agak kurang menyentuh isu fiqh kepenggunaan. Dalam pengajian syariah di Malaysia – subjek fiqh yang khusus tentang isu kepenggunaan belum diwujudkan sepenuhnya. Apa yang wujud pada masa sekarang, ianya masih bersifat *partially and superficial* semata-mata berasaskan pembahagian fiqh silam (fiqh ibadat, fiqh mawaris, fiqh zakat dan sebagainya).[28] Sehubungan dengan itu, banyak

---

[24] Report MIHAS (2003) *Halal Malaysia : Islamic Capital Market And Finacial Service*, Kuala Lumpur : YADIM.

[25] Asyraff Wajdi Dusuki (2010). Memperkasa kewangan Islam. e-Muamalat: Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam. Diakses pada 25 Mei 2012, dari http://www.Islam.gov.my/muamalat/akhbarmajalah/memperkasa-kewangan- Islam.

[26] Mohamad Khan. (2011). Transformasi Industri Halal. *Dewan Ekonomi*, Oktober 2011, 3-5.

[27] Norman Ali & Alisa Wanwang. (2002). *Halal food: Thai halal food products and international market.* Karlstad Business School, Sweden: Tidak diterbitkan.

[28] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), "Isu Pendekatan Di Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia : Satu Telaah Awal ", Dalam *Jurnal Syariah*, V. 13, Bil. 1, h. 105-134.

daripada fatwa dan kandungan fiqh silam yang menyentuh tentang isu kepenggunaan bersifat ringkas dan tidak mengambilkira perkembangan teknologi moden semasa.[29]

Lebih penting lagi, IPTA Islam mempunyai tanggungjawab menyediakan garis panduan untuk kegiatan kepenggunaan agar bersesuaian dengan prinsip Islam yang membabitkan hubungan horizontal dan vertikal dalam Islam. Aktiviti kehidupan Islam yang boleh dianggap sebagai kepenggunaan dalam maksudnya yang khusus perlu mempunyai garis panduan daripada sistem fiqh Islam. Hal ini bertepatan dengan teori kesyumulan syariah Islam. Setiap masalah yang timbul dalam masyarakat pasti ada garis panduannya dalam Islam.[30] Seandainya hal yang sebaliknya berlaku, syariah akan dianggap sebagai tidak syumul. Atas dasar ini, fuqaha membahagikan hukum Islam kepada dua jenis utama; syariah dan fiqh. Usaha membangunkan sistem fiqh yang relatif ini perlu sentiasa dilakukan menggunakan mekanisme ijtihad. Dengan cara ini, sifat kesyumulan syariah Islam dapat terus dibuktikan.

IPT Islam perlu melakukan reformasi terhadap kurikulum pengajian syariah dan Usuluddin khususnya membabitkan isu kepenggunaan Islam. Kurikulum ini secara langsung perlu membabitkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Ia diperlukan bagi visi melahirkan graduan-mukalaf dan pengguna yang bijak.

Sebagai usaha awal, IPTA Islam wajar sekali membangunkan kerangka falsafah dan pemikiran Fiqh Kepenggunaan Islam yang perlu diterapkan pada peringkat kognitif, afektif dan psikomotor pengguna. Untuk aspek ontologi (apa dia - *subject matter*), kita boleh mengenalpasti beberapa perkara utama;

1) Mukallaf yang terdiri dari pengguna dan peniaga.
2) *World-view* kehidupan yang sepatutnya diamalkan oleh pengguna Islam dengan mengambilkira prinsip *societal* (sifat kepedulian hidup bermasyarakat) dan *world affirmative* (dunia sebagai tempat berguna) - mementingkan kepentingan hidup dunia dan akhirat. Hal ini dapat mengajar seseorang pengguna menjalani kehidupan kepenggunaannya seharian. Atas dasar ini, ia menyangkut semua aspek kehidupan sosio-politik dan ekonomi.[31]
3) Produk dan prkhidmatan yang ditawarkan dalam masyarakat. Berbanding

[29] Ahmad Hidayat Buang (2004), *Fatwa di Malaysia,* Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.

[30] Mahmood Zuhdi Abd. Majid, (1997) *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.

[31] Rahimin Affandi Abd Rahim (2007), "Penguasaan Ilmu Pengetahuan" Dalam (Edit) Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Islam Hadhari : Pendekatan Pembangunan Peradaban*, Kuala Lumpur : YADIM, h. 235-328

dengan produk silam yang simple, produk zaman moden agak kompleks membabitkan pemprosesan kesemua jenis bahan, samada yang halal ataupun haram. Kita boleh mengemukakan beberapa contoh utama; (i) ubatan daripada luar negara yang tidak jelas status halalnya[32] dan (ii) produk kewangan yang memakai nama Islam dikatakan tidak jelas status hukumnya, kerana ianya bersifat kosmetik semata-mata[33] dan bercampur dengan unsur haram sehingga terbentuknya elemen gharar.[34]

4) Peranan kerajaan dan persatuan pengguna dalam menguatkuasakan peraturan dan program yang menyedarkan masyarakat awam tentang isu kepenggunaan.

Bagi aspek epistemologi (isu had dan sumber ilmu), beberapa perkara boleh dikemukakan;

1) Penggunaan kaedah pemikiran hukum *bayani* (berasaskan kepada teks syarak) dan *burhani* (mengambilkira keilmuaan moden) bagi melahirkan pandangan yang bersifat saintifik dan berasaskan nas syarak.
2) Memahami perbezaan antara syariah dan fiqh. Fiqh perlu sentiasa berkembang dan dibangunkan berasaskan proses pengunaan ijtihad. Dalam konteks ini, kaedah Ijtihad *jama`i*, *insyai* dan *tarjihi* perlu digunakan sepenuhnya.
3) Konsep *Maqasid Syariah* yang lebih terbuka.[35] Hal ini ditegaskan kerana penggunaan kaedah ijtihad menggunakan kaedah Qiyas semata-mata sering menemui jalan yang buntu untuk menyelesaikan masalah hukum Islam.[36] Sebagai contohnya, terdapat cadangan agar butiran maslahah *daruriyyah* perlu dimasukkan dengan elemen penjagaan alam sekitar.
4) Mengabungkan penggunaan konsep *Maqasid al-Syariah* dengan prinsip *Fiqh Awlawiyyat* dengan semua pertimbangan dan prioriti semasa dalam menilai produk kepenggunaan. Gabungan ini dilihat akan lebih menyerlahkan sifat kesyumulan yang dimiliki oleh hukum

---

32 Mohd Daud Bakar Dan Zainudin Jaffar, (1997) " Memahami Kaedah Hukum Islam Dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini ", Dalam (Ed. Oleh Alwi Mohd Yunus) *Islam Dan Perubatan*, Kuala Lumpur : INMIND, H. 41-71

33 Amir Mualim,(2004) *Ijtihad dan legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta : UII Press, h. 54-56

34 Ahmad Hidayat Buang (1997), " Muamalat Di Malaysia : Suatu Tajdid Atau Reaksi Pasaran ", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Berita Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, h. 107-124

35 Rahimin Affandi Abd Rahim, (2006) "Pendekatan Baru Maqasid al-Shari'ah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis ", dalam *Proceeding International Conference : Islamic Jurisprudence and the Challenges of the 21st century*, Anjuran UIAM, 8 Ogos 2006, h. 378-450.

36 Amir Mualim, (2004) *Ijtihad dan legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta : UII Press, h. 109

Islam, di samping ianya dapat mengelakkan prinsip *Maqasid al-Syariah* ini digunakan secara sewenang-wenangnya oleh kalangan yang tidak bertanggungjawab. Hal ini boleh dikatakan sebagai fenomena yang agak mendesak demi untuk memastikan agar konsep dan prinsip hukum Islam yang terpilih tidak disalah gunakan bagi tujuan mendapatkan justifikasi syarak terhadap mana-mana amalan yang bertentangan dengan prinsip asas Islam.[37] Antara aspek keutamaan yang menjadi sandaran ini ialah;[38]

a) Keutamaan kualiti daripada kuantiti.
b) Keutamaan ilmu daripada amal.
c) Keutamaan objektif daripada bentuk lahir.
d) Keutamaan ijtihad daripada taqlid.
e) Keutamaan memudahkan daripada menyusahkan.
f) Keutamaan kerja-kerja untuk faedah umum daripada kerja untuk faedah sendiri.
g) Keutamaan Fardu Ain daripada Fardu Kifayah.
h) Keutamaan hak masyarakat daripada hak individu.

5) Penggunaan konsep ijtihad jama'i yang menuntut fuqaha perlu bergantung kepada pakar ilmu kepengguna dan ilmu sains moden.[39]
6) Pemakaian kaedah *selected borrowing* dengan pendekatan barat di dalam merumuskan sesuatu formula Fiqh Kepenggunaan Islam. Contoh terbaik yang boleh dipakai adalah meniru konsep pembangunan lestari dalam menilai mutu sesuatu produk dan perkhidmatan kepenggunaan.

Dirujuk kepada aspek aksiologi (untuk apa) pula, Fiqh Kepenggunaan Islam perlu mempergunakan sepenuhnya beberapa perkara utama. Antaranya;

1) Konsep Tauhid, ibadat, *al-falah* dan tugas sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan alam ini.
2) Mendidik pengguna bagi mengelakkan semua sifat mazmumah dalam soal kepenggunaan seperti pembaziran, kemewahan, penipuan dan merosakkan alam sekitar.[40]

[37] Mahmood Zuhdi Abdul Majid, (1999) " Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun ", Dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur, 1999, h. 8-10.

[38] Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail, (2004) *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur : al-Baian corporation Sdn Bhd, h. 203-207.

[39] Ainurrafiq Dawam, (2004) " Menawarkan Epistemology Jama'I Sebagai Epistemology Usul Al-Fiqh : Sebuah Tinjauan Filosofis ", Dalam Ed. Riyanto *Neo Usul Fiqh : Menuju Ijtihad Kontekstual*, Yogyakarta : Fakultas Syariah Press, 2004, H. 1-23; Rahimin Affandi Abd Rahim, (2002) " Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini : Satu Pengenalan ", Dalam *Jurnal Syariah*, V. 10:1, H. 1-24.

[40] Nurizan Yahya (Edit) (2002), *Pengenalan Sains Pengguna*, Serdang : Penerbit UPM, h. 129-133.

3) Mengalakkan penggunaan barangan yang bermanafaat untuk masyarakat awam. Yang lebih utama, ianya perlu mendokong usaha menjana perkembangan ekonomi Islam berbanding dengan ekonomi bukan Islam.[41]
4) Mendidik pengguna yang baik dari segi kognitif, afektif dan psikomotor agar tidak mudah tertipu dengan iklan yang mengoda dan sosiologi masyarakat yang songsang dalam kepenggunaan.[42]
5) Mendidik pengguna untuk mengetahui bagaimana proses pemerosesan barangan itu dilakukan. Ianya juga patut mengetahui bagaimana proses pensijilan halal itu dikeluarkan oleh agensi Islam. Ini kerana mengikut perseptif Islam, setiap barangan yang haram dimakan, ia akan menjejas elemen spiritual dalaman (ruh iman dan taqwa) umat Islam.
6) perlu sentiasa mengikuti perkembangan semasa yang didedahkan oleh persatuan pngguna Islam tentang hak perlindugan pengguna.[43]
7) Mendidik pengguna tentang kaedah terbaik untuk melupuskan barangan yang digunakan - agar tidak merosakan ekologi alam.[44]

Pemantapan Kajian Kepenggunaan Islam Melalui Penyelidikan Di Peringkat Pasca Siswazah Di IPTA

Sesuai sebagai pusat perkembangan ilmu, disamping pusat trasmisi ilmu, [45] IPTA Islam perlu megorak langkah untuk mempergiatkan penyelidikan ilmiah dalam bidang kepenggunaan Islam. Hal ini penting agar semua perkara yang berkaitan dengan persoalan hidup manusia termasuklah isu kepenggunaan ini boleh diketahui jawapannya mengikut pandangan Islam yang perlu seiring dengan perkembangan zaman.[46]

Fiqh Kepenggunaan Islam dalam pendekatan asasnya amat mementingkan penggunaan kaedah penyelidikan hukum Islam yang agak ketat. Seandainya elemen ini kurang dititikberatkan, kita dapat menjangkakan bagaimana nisbah negatif yang bakal terkena kepada sistem fiqh Islam. Ianya bakal menyemarakkan lagi budaya taqlid yang memang begitu berakar di dalam masyarakat Islam semasa. Fiqh Kepenggunaan Islam perlu berusaha mengalakkan penyelidikan hukum Islam berasaskan konsep fiqh semasa

41 *Ibid*, h. 84-90.
42 *Ibid*, h. 79-96.
43 *Ibid*,138-146
44 *Ibid*,179-190.
45 Azyumardi Azra (1998), *Esei-Esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam***,** Jakarta : LOGOS, h. 89-90
46 Muhammad Said Busytami (1984), *Mafhum Tajdid al-Din,* Kuwait, 1984, h. 29-30; al-Shatibi (1933), *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari`ah,* Kaherah, v. 2, h 5.

dalam kalangan ahli akademik dan pelajar pasca siswazah. Terpenting sekali, ianya perlu membabitkan realiti praktis apa yang berkembang di dalam masyarakat, produk kepenggunaan dan sesuatu institusi agama yang disertakan pula dengan alternatif pilihan.[47] Mengikut Mahmood Zuhdi, kajian di peringkat pasca siswazah ini boleh dianggap sebagai penyelidikan semi ijtihad yang perlu membabitkan pelbagai masalah hukum Islam yang timbul di dalam masyarakat. Atas dasar ini, standard ataupun mutu penyeliaan yang rapi dan ketat oleh ahli akademik yang kompeten perlu ditetapkan kepada setiap pelajar yang terbabit.[48]

Apa yang jelasnya, untuk program pasca siswazah ini, usaha mengenalpasti beberapa *niche area* yang diperlukan untuk konteks zaman moden. Antara bidang yang mungkin penting terdiri daripada bidang perundangan (seperti zakat, fatwa, wakaf, kepenggunaan, budaya, gender, sosiologi hukum Islam dan sebagainya), muamalat (produk Perbankan Islam, Insuran Islam, Dinar Emas dan sistem Bon Islam), Usuluddin (pemikiran Islam menangani isu global, pemikiran kritis dan kreatif Islam dan pemikiran Islam menangani fahaman /idealism moden), Komunikasi (konsep filem Islam dan konsep media Islam alternatif) dan S & T Islam (Astronomi Islam, falsafah S & T Islam dan bio-teknologi dan pengaruhnya terhadap umat Islam).

Apa yang paling baik lagi, dapatan kajian yang dihasilkan melalui kajian program pasca siswazah ini boleh dimanafaatkan untuk kepentingan pembangunan kesedaran kepenggunaan umat Islam. Ianya membabitkan usaha penilaian semula (termasuk mungkin mencabar teori fuqaha silam) dan menawarkan produk yang lebih berdaya maju dan praktikal sifatnya. Dalam soal ini kita boleh memberikan beberapa contoh yang relevan. Antaranya;

1) Laman web *Myais* (Malaysian Abstracting And Indexing System) yang dibangunkan oleh Profesor Zainab Awang Ngah dengan bantuan pelajar PPS Fakulti sains Komputer UM (Abrizah Abdullah dan Nor Edzan Che Nasir). Ia dapat dijadikan sebagai platform kepada pensyarah memperkenalkan hasil kajian mereka kepada masyarakat dan kalangan ahli akademik seluruh dunia. Ia berfungsi antara lainnya seperti pengkalan data yang menyamai *ISI Web Of Knowledge* dan *Scopus*.

---

47 Norhashimah. Mohd Yasin (1994), "*Islamisation or Malaynisation : A Study On Th.E Role Of Islamic Law In The Economic Development Of Malaysia : 1969-1993*", tesis Ph..D untuk School of Law, University of Warwick, England; Ahmad Hidayat Buang (1997), "Muamalat di Malaysia: Suatu Tajdid atau Reaksi Pasaran ", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah.*, Berita Publish.ing Sdn Bh.d, Kuala Lumpur, h.. 107-124

48 Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), " Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia : Satu Telaah Awal",dalam *Jurnal Syariah*, v. 13, bil. 1, h. 105-134

2) Proses menyediakan modul pembangunan secara mikro dalam bentuk blueprint membabitkan program bercirikan Islam. Antara contoh yang relevan;

a) Kajian tentang E-Fiqh yang dilakukan oleh Abdulmajid H. Mohamed terhadap realiti sistem fiqh Islam di zaman globalisasi bakal menyediakan module pembangunan yang bersifat mikro yang dapat membantu dan memperkemaskan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh kalangan fuqaha dan mufti.[49]

b) Kajian tentang penerapan pendekatan E-learning di dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia yang dilakukan oleh serangkaian sarjana di UNITAR - bakal mematangkan lagi pedagogi pengajaran yang diamalkan.[50]

c) Kajian tentang kaedah reformasi pengeluaran zakat pertanian dan profesional bakal menyumbangkan idea tentang bagaimana institusi zakat ini boleh menjana perkembangan ekonomi umat Islam yang lebih baik.[51]

3) Proses menyediakan jawapan Islam terhadap pelbagai isu semasa yang timbul di dalam masyarakat secara amnya dan kepengunaan Islam khususnya.[52] Berhadapan dengan masalah ini, seseorang sarjana

---

[49] Abdulmajid H. Mohamed (2004), "E-Fiqh: Foundations for ICT-Supported Fiqh", dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004.

[50] Nik Salida Suhaila bt Nik Saleh & Syahirah bt Abdul Shukor (2004), " E-learning in Islamic Studies: Possibilities and Challenges in Malaysia ", dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts,* anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004.

[51] Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur : DBP.

[52] Terdapat serangkaian besar tajuk-tajuk tesis di peringkat pasca siswazah yang menggunakan pendekatan ini, antaranya adalah ;

1) Azhar Abdul Aziz (2002), *Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hokum Keharusan Fasakh Kerana Penyaki***t**, tesis Sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
2) Mohamad Amin Abu Bakar (2002), *Pemakaian Asas Astronomi Dalam Menentukan Arah Qiblat Di Malaysia : Satu Pendekatan Hukum*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
3) Nizaita Omar (1999), *Beberapa Kaedah Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
4) Rohana Ismail (2001), *Pembunuhan Rahmat (Euthanesia) : Satu Kajian Hukum*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
5) Mohd Sharkawi Shaadan (2003), *Penggunaan Bahan Haram Dalam Perubatan : Kajian Di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
6) Nadzirah Ismail (2003), *Status Kesucian Air Kumbahan Yang Dirawat Melalui Kaedah Rawatan Oleh Indah Water Konsortium,* tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.

perlu bertindak secara proaktif menggunakan pendekatan semi-ijtihad, dengan menawarkan jalan penyelesaian terhadap setiap masalah yang timbul dalam bentuk menggali jawapan syarak yang terdapat di dalam kitab warisan silam untuk isu yang dikaji ataupun membuat tafsiran yang lebih bersifat kontekstual terhadap isu tersebut.[53]

4) Kajian yang menilai kembali dan mencadangkan etika kepenggunaan Islam yang sepatutnya diamalkan oleh pengguna Islam. Ia juga turut mengkaji usaha dan keberkesanan program yang dijalankan oleh persatuan pengguna di Malaysia.[54]
5) Kajian yang meneliti mekanisme pemerosesan produk pengguna moden yang tiada kupasannya secara mendalam dalam warisan *turath* Islam. Ia merujuk kepada kaedah sains moden dalam soal kepenggunaan yang didapati membantu pengguna memahami secara mendalam tentang bagaimana proses ini dijalankan.[55]
6) Kajian yang mencabar teori fiqh silam dalam soal taklif syarak yang membabitkan orang pekak dan bisu. Mengikut teori fiqh silam, golongan pekak dikecualikan daripada taklif kerana mesej ajaran Islam gagal diperolehi oleh mereka. Teori ini telah dicabar oleh sebahagian sarjana yang menegaskan bahawa orang pekak pun mampu berkominikasi dengan menggunakan bahasa isyarat yang menyebabkan pemahaman mereka tentang konsep taklif syarak dapat digarap secara berkesan oleh mereka. Hal ini berlaku kerana formula fiqh Islam dihasilkan sebelum produk dan perkhidmatan bahasa isyarat diwujudkan.
7) Kajian yang memperincikan penemuan teori sains moden yang berkaitan dengan konsep kepenggunaan Islam. Ianya boleh dianggap sebagai *breakthrough* utama yang bakal merancakkan lagi proses pembangunan Fiqh Kepenggunaan Islam yang bernuansakan elemen pemodenan.[56]

---

53 Rahimin Affandi Abd Rahim (2004), "Usaha Memperkasakan Ilmu Usul al-Fiqh di Zaman Moden: Satu Analisis", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFI) 2004*, Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, pada 15-16hb Disember 2004, h. 210-224.

54 Lihat contohnya kajian oleh Muhammad Tarmizi Bin Abdul Rahman (2003) "Etika Kepenggunaan Islam : Rujukan Khusus kepada Amalan di Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)," disertasi Sarjana Syariah Jabatan Fiqh & Usul, APIUM; Nor Raihan Binti Haji Abdullah (2007), "Hukum Penggunaan Bahan Jampi Mentera Dalam Rawatan Tradisional : Kajian Khusus Ke Atas Perbomohan Di Terengganu," Disertasi Sarjana Syariah Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.

55 Lokman Ab. Rahman (2001), *Halal Products : Comsumerism, Technology And Procedures*, Melaka, h. 39-47. Lihat Juga *Makanan Berbahaya; Panduan CAP Mengenai Bahaya Tersembunyi Dalam Makanan*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Sungai Pinang, 1999; Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, (2000) *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan : Pendekatan Islam Dan Sains*, Kuala Lumpur, h. 52-72

56 Lihat kajian oleh Mohammad Aizat Bin Jamaludin (2009), *Teori Istihalah Menurut*

Usaha Memperkemas Aktiviti Ko-Kurikulum Berkaitan Isu Kepenggunaan

Mengikut Marohaini Yusoff,[57] bagi melahirkan graduan yang kompeten untuk kehendak pasaran semasa, proses pembentukan kurikulum (kandungan, kaedah penyampaian dan penilaian) di IPTA perlu dikaji semula. Ianya perlu membabitkan pengajian di beberapa peringkat utama;

1) Pengetahuan asas; kursus wajib mengikut pengkhususan pelajar yang di ajar di fakulti khusus.
2) Ilmu kemanusiaan untuk membina pemikiran pelajar, seperti subjek sejarah, sosiologi, falsafah da sebagainya.
3) kemahiran bahasa, kemahiran insaniah dan akitiviti ko-kurikulum yang diperlukan untuk zaman moden. Semua perkara ini akan diajar oleh pihak SKET, Seksyen Ko-Kurikulum, Kursus Elektif Luar Fakulti dan Unit Latihan Industri Pelajar (ULIP).

Untuk kesemua bahagian di atas, ianya perlu diajar dalam pelbagai pedagogi utama membabitkan penggunaan media interaktif dan ICT. Bagi memastikan kurikulum ini berjaya, kesemuanya perlu ditaksirkan mengikut tiga bentuk pentaksiran sumatif, formatif (secara berterusan) dan melalui latihan industri.

Ringkasnya dalam ketiga aspek ini pelajar perlu memahami dan diberikan pendedahan untuk menggunakan ketiga-tiga komponen ini yang bakal mendedahkan mereka dengan keperluan kehendak pasaran kerja. Dicadangkan, agar dalam ketiga-tiga komponen tersebut semua pengetahuan yang membabitkan isu kepenggunaan (seperti isu etika, falsafah, kesedaran dan tabiat kepenggunaan) perlu didedahkan secara holistic kepada pelajar.

Kesemua pengetahuan dan kemahiran kepenggunaan ini tidak akan memberi apa-apa faedah tanpa adanya sifat intelektual yang kukuh di kalangan pelajar. Mereka perlu memiliki semangat juang yang tinggi untuk terlibat dalam akitiviti kesukarelaan (social work). Kita boleh menganggap aktiviti *Sosial Work* sebagai salah satu elemen jihad yang diperlukan untuk memastikan kejayaan umat Islam.[58] Kita boleh mempelajari pendekatan IPT di Indonesia yang mewajibkan pelajar ikut serta dalam aktiviti kemasyarakatan untuk

---

Perspektif Islam Dan Sains : Aplikasi Terhadap Beberapa Penghasilan Produk Makanan, disertasi sarjana Jabatan Fiqh & Usul, APIUM; Noor Hamiza Bt Mustapa (2009), *Hukum Hakam Berkaitan Pesakit Aids Dalam Ibadat Dan Kekeluargaan,* disertasi sarjana Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.

57 Marohaini Yusoff (2006), " Penyediaan Graduan Untuk Pasaran Kerja Global ", Dalam (Edit)Abd. Rahim. Abd. Rashid, *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, h. 24-26

58 Majid Ersan al-Kailani (1997), *Mendidik Peribadi Muslim*, terj. Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur : Berita publishing, h. 47-52

tempoh yang panjang (selama 6 bulan). Hal ini menyebabkan pelajar di IPT Indonesia memahami dan menjiwai kesusahan masyarakat yang menuntut kalangan pelajar untuk bergiat aktif menyelesaikan masalah terbabit.
Graduan IPT Islam patut ditanamkan dalam diri mereka tentang pendekatan societal (mementingkan kehidupan bermasyarakat) .Pendekatan ini antara lainnya menekankan beberapa perkara yang utama;

1) Kepentingan menjalankan semangat kepedulian social di dalam hidup bermasyarakat. Peri pentingnya sifat yang mementingkan kehidupan bermasyarakat ini boleh dilihat dari beberapa intipati yang terkandung di dalam hukum Islam;[59]
   a) Semua nilai terkutuk dan sifat terpuji yang dikehendaki oleh mana-mana system masyarakat sekalipun, seperti buruknya sifat mementingkan diri dan baiknya sifat kebersamaan, tolak ansur dan sebagainya; turut menjadi agenda utama ajaran Islam.
   b) Kandungan terbesar Quran dan sunnah adalah menyentuh persoalan hubungan kemasyarakatan (system muamalah) berbanding dengan persoalan ibadah.
   c) Terdapat ketetapan hukum Islam yang menegaskan seandainya urusan ibadah bersamaan dengan urusan muamalah yang penting, maka urusan ibadah perlu dipendekkan ataupun ditangguhkan.
   d) Terdapat ketetapan yang menegaskan bahawa ibadah yang mengandungi segi kemasyarakatan diberi ganjaran lebih besar berbanding ibadah yang bersifat perseorangan. Contohnya, salat yang dikerjakan secara berjamaah dinilai lebih tinggi pahalanya berbanding salat yang dikerjakan secara bersendirian.
   e) Terdapat ketetapan bahawa apabila urusan ibadah dilakukan secara tidak sempurna ataupun batal, maka kifaratnya (tebusannya) adalah melakukan sesuatu yang berhubungan dengan masalah kemasyarakatan.
   f) Terdapat ketetapan bahawa perbuatan amal saleh dalam bidang kemasyarakatan mendapat ganjaran yang lebih besar daripada ibadah perseorangan.

2) Kepentingan menjalankan dan menghidupkan semangat tajdid di dalam kehidupan bermasyarakat. Bersesuaian dengan gelaran umat terbaik dan pertengahan, yang dinisbahkan oleh Allah kepada umat Islam,[60] konsep tajdid ini mempunyai perkaitan yang erat dengan penisbahan ini.

---

[59] Abuddin Nata (2000), *Metodologi Studi Islam*, Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, h. 40-41.

[60] Quran; surah 2:143.

Secara teologinya, gelaran umat terbaik ini tidak terhad kepada sesuatu generasi semata-mata seperti generasi zaman Rasulullah dan Sahabah, bahkan merangkumi kepada semua generasi manusia,[61] yang dikatakan memiliki beberapa ciri yang terpuji iaitu (i) umat yang mementingkan usaha untuk mencari keredaan Allah mengatasi segala kepentingan lain, (ii) umat yang mementingkan proses pembelajaran segala bentuk ilmu yang bermanafaat dari pelbagai sumber,[62] (iii) dan (iv) umat yang sentiasa mengikuti perkembangan masyarakat, termasuklah meneliti punca kelemahan umat Islam sendiri dan memikirkan cara untuk mengatasi kelemahan ini.[63]Lebih lanjut lagi, sebarang usaha untuk mencapai keempat-empat ciri ini, tanpa sebarang unsur tolak ansur, perlu didasarkan kepada garis panduan al-Din Islam yang mengandungi kaedah dan mekanisme terbaik untuk menanggani persoalan hidup membabitkan tiga bentuk hubungan (dengan Allah, makhluk dan alam)[64], demi untuk mencapai kebahagian bukan setakat kehidupan di dunia, bahkan juga kehidupan di hari akhirat.[65]

Proses untuk mencapai ciri ke (iii) dan (iv) terangkum di dalam konsep tajdid adalah bersifat abadi dan menyeluruh kepada semua generasi umat Islam[66], dan seperti mana ditegaskan oleh seorang sarjana Islam moden, Islam mengandungi self mechanisme yang dikenali sebagai tajdid, yang berfungsi memeriksa, memperbaharui, mengembalikan dan menghidupkan semula ajaran Islam yang telah tercemar dan terhakis dengan pencemaran zaman yang sering menjauhkan umat Islam dari mengamalkan bentuk ajaran Islam yang sebenar.[67]

3) Kepentingan menekankan prinsip idealism Islam di dalam proses perjuangan hidup bermasyarakat. Bagi Majid Ersan Kailani, sejak awal lagi, melalui keterangan al-Quran dan Sunnah, penetapan tentang idealism Islam di dalam kehidupan bermasyarakat telahpun diperincikan dengan

---

61 Muhammad Iqbal (1982), *Reconstruction Of Religious Thought In Islam*, Lahore, h. 167-168.

62 Majid Ersan Kailani (1997), *Mendidik Peribadi*, terj. Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1997, hlm 14-15.

63 Quran; surah 4:14 dan Surah 7:170.

64 Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), " Keistimewaan Islam Sebagai Sistem Hidup Yang Lengkap", dalam *Seminar Keindahan Islam 2003 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus*, Anjuran Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan, Seremban, pada 25hb. Mac 2003, h. 3-5.

65 Quran; Surah 87:17; 93:4;29:64.

66 Hassan Saab (1963), " The spirit of reform in Islam", dalam *Islamic Studies*, v. 2, h. 15 dan 18.

67 Jacques Waardenburg (1985), " Islam As A Vehicle Of Protest", dalam *Islamic Dilemmas : Reformers, Nationalists and Industrialization,* Berlin, h. 29-30.

cukup rapi dan teliti oleh Rasulullah. Idealism Islam ini mengikut tahap-tahapnya boleh dibahagikan kepada tiga tahap yang utama;[68]

a) Tahap rendah; idealism untuk memenuhi keperluan biologi masyarakat. Contohnya boleh dilihat daripada neraca pembangunan material ala barat yang menegaskan sesuatu negara itu akan dianggap sebagai maju seandainya ianya memiliki tiga indek pertunjuk yang utama; (i) Kadar KDNK yang tinggi, (ii) Kadar literasi yang tinggi dan (iii) kadar penduduk panjang umur yang memuaskan kerana kewujudan system kesihatan yang baik. Neraca ini walaupun sering dicanangkan sebagai bertaraf dunia, jika dinilai dari sudut kerangka penilaian idealism Islam, ianya boleh dianggap sebagai masih belum lengkap lagi dan hanya bertaraf rendah.
b) Tahap pertengahan; idealism meneruskan kesinambungan zuriat masyarakat.
c) Tahap paling tinggi; idealism memperbaiki kualiti hidup beragama masyarakat. Hal ini walaupun kelihatannya terlalu ideal dan agak mustahil untuk dicapai, tetapi ianya wajib diterapkan sebagai keperluan terpenting di dalam masyarakat melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan system undang-undang Islam.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, beberapa perkara boleh dikemukakan. Pertama, IPT Islam memang merupakan institusi utama yang boleh melahirkan graduan-pengguna Islam yang kompeten untuk realiti semasa. Wujudnya kalangan pengguna Islam yang celek agama dan sedar tentang kepentingan kepenggunaan berhadapan dengan realiti pasaran semasa sepatutnya boleh direalisasikan. Namun begitu, IPT aliran Islam dilihat kurang mampu dalam melahirkan pengguna yang berhemah. Ini menyebabkan proses pembangunan masyarakat agar sesuai dengan kehendak Islam menjadi sedikit pincang. Kedua, artikel ini telah cuba mengemukakan beberapa kaedah penyelesaian masalah yang lebih bertumpu kepada usaha melakukan reformasi terhadap kurikulum pengajian kepenggunaan Islam di IPT Islam.

[68] Majid Ersan Kailani, *Mendidik Peribadi*, hlm 48-49.

PARADIGMA MOTIVASI PEMBANGUNAN REMAJA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:
Nur Shahidah Paad[1]
Yusmini Yusoff[2]
Norrodzoh Siren[3]

ABSTRAK

Remaja adalah generasi penting kepada masa depan negara. Oleh itu, negara amat memerlukan remaja yang membangun secara holistik dari segenap aspek, spiritual, emosi, intelek, sosial dan fizikal. Namun, perubahan zaman pada era globalisasi kini menjadi cabaran kepada proses pembangunan tersebut. Motivasi adalah elemen yang amat penting dalam usaha membangunkan diri remaja di samping mengekang masalah sosial. Hakikatnya, motivasi didapati semakin merosot pada usia remaja. Secara konseptual kertas ini cuba mengupas paradigma motivasi remaja dari perspektif Islam. Empat komponen utama didapati menjadi asas kepada pembentukan motivasi remaja dari persepktif Islam : 1. Faktor internal – matlamat hidup, fitrah, potensi roh, dan kebebasan memilih, 2. Faktor ekternal – Insentif Luar, 3. Niat – Hasil pembentukan kognitif dan emosi, 4. Sunnatullah – Segala peraturan, ketentuan dan taqdir Allah s.w.t ke atas manusia. Paradigma ini seharusya dapat menjadi rujukan kepada semua pihak yang bertanggungjawab untuk membentuk pembangunan diri remaja yang lebih sempurna.

Kata kunci : *Motivasi Islam, pembangunan diri dan remaja.*

PENDAHULUAN

Lipatan sejarah dunia, sejak zaman perutusan para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah telah menyaksikan dan mencatatkan bahawa golongan

[1] Calon Ph.D, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, E-mel : idah_44@yahoo.com

[2] Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, E-mel : yusmini@um.edu.my

[3] Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, E-mel : raudah68@um.edu.my

remaja adalah aset penting kepada sesebuah ketamadunan manusia. Keistimewaan golongan ini dalam Islam jelas dapat dilihat dengan adanya satu surah khusus di dalam al-Quran iaitu surah *al-Kahfi* yang menceritakan tentang kisah orang muda. Orang muda di dalam surah ini merujuk kepada sekumpulan remaja yang berjuang mempertahankan iktiqad mereka. Selain itu Al-Quran juga turut menyebut banyak lagi kisah-kisah kecemerlangan perjuangan dan semangat yang kuat oleh para nabi, rasul serta para sahabat mereka yang juga terdiri dari golongan remaja atau sejak dari usia remaja mereka.

Firman Allah di dalam surah al-Anbiya' (21: 60):

قَالُوا۟ سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُۥٓ إِبْرَٰهِيمُ ﴿٦٠﴾

Terjemahan: *"(Sesetengah daripada) mereka berkata: "kami ada mendengar seorang anak muda bernama Ibrahim, mencacinya (berhala)".*

(Surah al-Anbiya' 21: 60)

Manakala dalam ayat lain surah al-Kahfi (18: 13) pula Allah berfirman:

نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا۟ بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Terjemahan: *"Sesungguhya mereka itu anak-anak muda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami tambahkan mereka dengan hidayah petunjuk".*

(Surah al-Kahfi 18: 13)

Melalui kedua-kedua ayat ini Allah s.w.t telah menunjukkan kemampuan golongan remaja untuk memiliki ciri-ciri nilai sifat yang terpuji. Namun ayat tersebut juga telah menekankan bahawa mereka itu adalah golongan remaja yang mempunyai motivasi keimanan yang teguh kepada Tuhan mereka dan seterusnya membawa kepada pertolongan Allah melalui petunjuk dan hidayah-Nya. Melihat pula dari konteks awal abad ke-20, kepentingan dan keistimewaan golongan remaja ini turut disentuh oleh tokoh pejuang Islam Mesir, Imam Hassan al-Banna yang telahpun terbukti 'kecemerlangannya' melalui kemenangan organisasi Ikhwanul Muslimin di Mesir pada 2012.

Beliau pernah menyatakan dalam salah satu tulisan risalahnya pada semasa di peringkat awal perjuangannya iaitu:

> "Hampir keempat-empat rukun ini (iaitu rukun amal Islami) : iman, ikhlas, semangat dan amal menjadi ciri-ciri pemuda. Ini kerana asas iman ialah kalbu yang murni, dan asas ikhlas ialah hati yang bersih, dan asas semangat ialah perasaan yang kental dan asas amal pula keazaman yang kental. Semuanya ini tidak terdapat kecuali pada golongan muda".

Justeru, mengikut perspektif Islam, golongan remaja yang dididik dengan kekuatan jiwa serta keimanan yang jitu adalah amat penting demi kesinambungan suatu peradaban dan ketamadunan. Kerana asas ketamadunan Islam tidak terletak pada kekuatan material semata-mata tetapi lebih kepada kekuatan kerohanian. Asas kekuatan jiwa dan keimanan ini juga yang akan menjadi struktur utama kepada motivasi remaja, dan seterusnya mencetuskan suatu anjakan paradigma bagi golongan ini dalam membentuk pembangunan diri mereka.

MOTIVASI DAN PEMBANGUNAN DIRI REMAJA

Dalam ajaran Islam, pembangunan rohani adalah perkara yang paling asas kepada pembangunan diri remaja. Ia adalah pembangunan yang bersifat selari dengan fitrah semulajadi manusia. Sistem pembangunan diri yang bertentangan dengan fitrah kemanusiaan akan mencetuskan perilaku yang melawan dan bertentangan dengan sifat kemanusiaannya. Sepertimana firman Allah di dalam al-Quran dalam surah al-Hijr (15: 28-29):

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن صَلْصَٰلٍ مِّنْ
حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٨﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي
فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾

Terjemahan: *"Dan (ingatlah peristiwa) ketika TuhaMu berfirman kepada para malaikat, sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat yang kering yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.Maka apabila aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan) Ku maka tunduklah kamu kepadanya dan bersujud".*

(Surah al-Hijr 15: 28-29)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa struktur kejadian manusia itu adalah terdiri daripada tanah yang bersifat material atau jasmani dan roh (yang ditiup kedalam jasad) yang bersifat rohani. Kedua-dua unsur inilah yang membentuk jati diri manusia. Maka, kedua-dua unsur yang berbeza ini, adalah unsur-unsur yang tidak boleh dipisahkan (Zakari Stapa, 2004).

Pertentangan yang berlaku akibat daripada pemisahan aspek rohani dan jasmani (Kamarul Azmi Jasmi,2002), menurut ajaran Islam menjadi penyebab kepada masalah sosial yang kian meruncing dan membimbangkan. Remaja sebagai penyumbang utama kepada statistik masalah sosial pelbagai ini telah disahkan misalnya melalui laporan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan PDRM. (www.jkm.com.my) Bukan sekadar itu, bahkan berita-berita di dada-dada akhbar dan majalah juga turut memuatkan tentang pelbagai kes pelik yang melibatkan remaja terlampau.

Hadis Nabi SAW riwayat Muslim ;

> "Seseorang tidak akan mencuri ketika dalam keadaan beriman, dan seseorang tidak akan berzina selagi mana dia beriman".

Hadis Nabi s.a.w ini jelas menunjukkan bahawa iman adalah benteng diri manusia. Tanpa benteng ini manusia akan bertindak menyeleweng dan melampaui batas. Dalam konteks proses pembangunan diri remaja, Islam mempunyai pandangan yang positif terhadap perubahan-perubahan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T ketika usia remaja ini. Pengurniaan fitrah dan potensi roh (hati, akal, nafsu) yang dikurniakan sebagai unsur semulajadi pada diri remaja sejak dilahirkan, membolehkan remaja bertindak membentuk pembangunan diri yang lebih sempurna (Alawneh, 1998; Muhammad al-Ghazali, 2001). Malah dalam Islam, ia adalah hak keistimewaan yang diberikan kepada remaja bagi membolehkan mereka menjalankan fungsinya sebagai khalifah dan hamba Allah S.W.T (Shuhairimi et.al, 2010).

Sehubungan itu, Muhammad al-Ghazali begitu menekankan tentang penggunaan pelbagai anugerah yang diberikan oleh Allah ini dengan betul. (Muhammad al-Ghazali, 2001). Taklifan-taklifan yang dipertanggungjawabkan kepada manusia bermula usia baligh (remaja) menjadi garis panduan kepada remaja bagi membangunkan potensi dirinya dengan betul (Fathi Yakan, 1983).

Hal ini berbeza dengan pandangan yang dikemukakan oleh psikologi Barat,

melalui teori perkembangan manusia ciptaan mereka, zaman remaja ini ditafsirkan melalui indikator-indikator perubahan yang berlaku pada tahap tersebut. Perubahan-perubahan ini seterusnya dikatakan dapat memberikan kesan kepada sikap dan tingkahlaku remaja.(Mustapha Achoui, 1998). Sehubungan dengan ini, zaman remaja sering dikaitkan dengan satu tahap yang kritikal, bermasalah (Azizi & Jaafar, 2006) kerana kekeliruan dengan peranan dan identiti sendiri (Ericson,1959) dan penuh dengan tekanan (Hall, 1904). Teori ini telah digunakan oleh ahli psikologi Barat untuk mengenalpasti faktor berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja.

Oleh itu, ahli psikoligi Barat juga menganggap motivasi adalah suatu elemen yang sangat penting untuk membentuk remaja dan mengatasi masalah sosial yang berlaku. Mereka menganggap motivasi merupakan perkara asas yang membentuk tingkahlaku remaja. Ia pendorong kepada remaja untuk melakukan perbuatannya (Mahmood Nazar, 2005) dan menentukan hala tuju perbuatan tersebut (Abdullah Hassan & Ainon Mohd,2008). Di samping itu, motivasi dapat mempengaruhi keputusan remaja sama ada untuk mengekalkan atau menghentikan sesuatu perbuatan (Ormrod, 2006) dengan bergantung kepada matlamat yang ingin dicapai (Noor Azli, 2010). Martin E. Ford menjelaskan, motivasi adalah *"result from the interplay of goals,emotions and the person's sense of personal egency"*. Iaitu seseorang bukan sahaja termotivasi untuk melakukan sesuatu perbuatan kerana manfaat daripada ganjaran yang bakal diperolehi daripada perbuatannya, tetapi ia juga disebabkan oleh keyakinan terhadap kemampuannnya untuk melakukan perbuatan tersebut (Martin,1992).

Pada akhir abad ke-19, lahir pelbagai aliran dalam bidang psikologi terdiri daripada fahaman psikoanalitik, behavioristik, kognitif dan humanistik yang tampil dengan mengetengahkan fahaman masing-masing tentang motivasi dan hubungannya terhadap pembangunan diri manusia. Kajian-kajian empirikal yang telah dijalankan ke atas remaja oleh sarjana Barat menunjukkan elemen-elemen asas motivasi mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan pembangunan diri remaja yang positif.
Dalam kajian yang dibuat oleh Clifton perasaan ingin tahu dan inisiatif yang wujud dalam diri remaja akan menyebabkan motivasi untuk mengembangkan daya kreativiti, kepimpinan serta rasa kprihatinan (*altruism*) remaja (Clifton,2008). Kecenderungan mencari dan menentukan identiti diri pula menjadi motivasi yang dapat mendorong hubungan interaksi degan rakan-rakan dan orang di sekeliling yang kuat mempengaruhi, seterusnya menyebabkan pembentukan mental yang sihat (Hightower,1990). Selain itu, Ronald & Frank pula dalam kajian mereka menunjukkan bahawa remaja

dengan motivasi pencapaian yang tinggi pula menyebabkan mereka bertindak lebih bersungguh-bersungguh, bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu tugas, memiliki keazaman yang tinggi dan sering menunjukkan nilai persembahan kerja yang baik (Ronald & Frank, 2009). Manakala remaja yang termotivasi kerana faktor agama, menyebabkan pelbagai kesan positif (Peter & Kenneth, 2003), seperti membentuk matlamat yang lebih jelas dan jauh (Robert, 1998), mempunyai rasa kepuasan diri dan esteem diri yang tinggi (Peter & Kenneth, 2003), dan dapat mengatasi masalah tekanan, kemurungan dan kebimbangan (Jenny & Narita, 2003).

Elemen-elemen asas motivasi yang diketengahkan melalui ideologi-ideologi yang dibawa oleh Barat juga sebenarnya mempunyai persamaan dengan motivasi dalam Islam iaitu terdiri daripada elemen naluri, insentif, dorongan, dan keperluan (Alawneh, 2008). Walaubagaimanapun, Mustapha Achoui telah menyenaraikan beberapa perkara asas yang tidak boleh dipisahkan ketika membincangkan tentang psikologi manusia iaitu :

i) Perkaitannya dengan tiga dimensi utama : asas penciptaan manusia, kehidupan manusia dan tujuan hidup manusia.
ii) Hubungannya dengan unsur spiritual, fizikal-biologikal dan tingkahlaku (Mustapha Achuoi, 1998)

Sementara itu, Sharafat Hussain Khan pula mengatakan bahawa psikologi Islam adalah (Sharafat Hussain Khan,1996) :

i) Sains yang mengawal selia tingkah laku manusia berdasarkan kehendak Allah.
ii) Sains yang mengubah tingkahlaku dengan tujuan untuk merealisasikan kehendak Allah.
iii) Pembelajaran tentang tingkah laku manusia berdasarkan prinsip Islam.
iv) Sains yang berhubung dengan tingkahlaku manusia mengikut perspektif Islam.

Justeru, jelas daripada perspektif Islam motivasi bukan sahaja mementingkan faktor-faktor alam, biologi dan psikologikal malah turut mengutamakan peranan unsur-unsur spiritual atau kerohanian sebagai asas kepada motivasi remaja (Alizi ,2009).

PENDEKATAN MOTIVASI DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI BARAT

Menurut ahli psikologi Freud dalam fahaman psikoanalitik, motivasi remaja didorong oleh unsur-unsur dalaman yang terdiri daripada id, ego, superego

(Mahmood Nazar,2005). Naluri-naluri daripada sistem-sistem ini wujud di alam tidak sedar dan akan sentiasa bertelingkah untuk dizahirkan dalam bentuk personaliti di alam sedar manusia. Menurut perspektif psikologi ini juga tingkahlaku manusia adalah di asaskan oleh faktor-faktor alam seperti faktor biologi, psikologikal dan sosio-budaya(Mohd Abbas & Nik Ahmad,2012).Oleh itu, mereka mengatakan bahawa faktor alam ini (biologi, psikologikal dan sosio-budaya), yang akan mempengaruhi pembentukan unsur dalaman yang wujud pada diri remaja tanpa menjelaskan punca kewujudan unsur dalam tersebut (ibid). Personaliti yang ditunjukkan oleh remaja adalah hasil daripada pertelingkahan naluri-naluri is, ego dan superego (ibid). Oleh itu, mengikut perspektif ini unsur-unsur dalaman yang wujud secara semula jadi dalam diri remaja menjadi faktor motivasinya untuk melakukan sesuatu perbuatan (ibid).

Berbeza dari ideologi Freud tersebut, perspektif behavioristik percaya bahawa motivasi tingkahlaku remaja dapat dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran melalui hubungan interaksi antara keduanya (Mohd Yusof,2009).

Perspektif ini mempercayai bahawa remaja dilahirkan dengan keadaan jiwa yang kosong dan tidak dapat berfungsi sehingga dia mempelajari sesuatu daripada pengalaman-pengalaman hidup dan alam sekelingnya (Mahmood Nazar,2005). Justeru, J.B Watson iaitu bapa penemuan kepada idea ini percaya bahawa remaja dilahirkan pada asalnya dalam keadaan yang tidak mempunyai sebarang potensi dalaman (Hayes,1995). Idea pembelajaran yang diketengahkan oleh perspektif ini telah memberi manfaat kepada bidang pembelajaran melalui kaedah pelaziman Operan yang diperkenalkan oleh seorang ahlinya iaitu B.F Skinner (ibid).

Melalui kaedah ini, peneguhan dan hukuman yang digunakan dalam proses pembelajaran didapati dapat mendorong tingkahlaku remaja (Gregory,2007). Peneguhan dan hukuman ini melibatkan dua elemen, iaitu tabiat atau pembelajaran (*environment factor*) dan *drive* (*biological factor*) (Zaki & Alizi, 2005). Ini bermaksud, apa yang dipelajari oleh remaja daripada alam sekelilingnya akan digunakan untuk memenuhi keperluan biologinya (Helbert, 2004). Oleh itu, dua sebab mengapa remaja bermotivasi untuk melakukan sesuatu perbuatan adalah : 'keperluan untuk mencapai kehendak matlamatnya' atau kerana 'ketakutan untuk menerima kegagalan'(Martin,2000). Pencapaian matlamat akan memberikan ganjaran atau penghargaan, manakala kegagalan akan menyebabkan hukuman. Justeru, peneguhan dan hukuman adalah faktor-faktor ekternal yang akan

memotivasikan remaja melakukan sesuatu perbuatan atau meninggalkannya.

Berbeza pula dengan behavioristik, ahli psikologi daripada fahaman kognitif dan humanistik percaya selain faktor ekternal, faktor-faktor internal juga penting untuk memberi motivasi kepada remaja dalam mencapai kesempurnaan diri. Ini adalah kerana, mereka percaya bahawa remaja pada dasarnya mempunyai potensi-potensi diri yang baik (Mahmood Nazar,2005). Potensi-potensi ini akan sentiasa menggerakkan remaja untuk mencapai ke arah kesempurnaan diri (ibid). Aliran psikologi kognitif percaya bahawa aktiviti pemikiran diperlukan untuk memberikan tindakbalas kepada faktor-faktor ekternal dan seterusnya membentuk tingkahlaku. Sehubungan dengan ini, remaja ketika berinteraksi dengan alam sekitarnya (faktor ekternal), akan berfikir, menilai dan menganalisis(Mahmood Nazar,2005) perkara yang berlaku disekitarnya itu berdasarkan kepada ilmu yang dimiliki. Ilmu ini amat penting bagi membolehkan fungsi kognitif remaja ini berfungsi dengan baik. Menurut Vroom remaja akan termotivasi sekiranya ia menjangkakan bahawa perbuatan tersebut dapat memberikan ganjaran yang dikehendaki. Oleh itu, remaja akan bertindak meninggalkan perbuatan tersebut sekiranya ia menjangkakan tiada sebarang ganjaran akan diterima dengan melakukan perbuatan tersebut (Supani, 2003). Mengikut prinsip motivasi pencapaian pula jangkaan-jangkaan ini tidak akan bermakna tanpa adanya matlamat. Dengan ini, remaja dengan matlamat untuk menguasai sesuatu tugas atau kemahiran dikatakan akan menunjukkan motivasi diri yang yang lebih baik berbanding remaja yang melakukan sesuatu kerana faktor-foktor luaran yang mendesak (seperti ganjaran,hukuman, persaingan dan sebagainya)(Kaplan & Maehr,1999).

Dalam fahaman aliran humanistik pula, manusia mempunyai potensi-potensi yang baik seperti kesedaran dalaman, penilaian, rational, imaginasi kreatif selain mempunyai kebebasan untuk memilih yang membolehkan manusia untuk mencipta niat-niat tersendiri dan tujuan hidupnya, malah lebih dari itu manusia juga boleh mencapai potensi spiritualnya (Mohd Abbas ,2011). Potensi-potensi ini walaubagaimanapun perlu diaktifkan dan dibangunkan (Rohana,2010) melalui pendedahan kepada ransangan-ransangan positif atau persekitaran yang baik (ibid). Ransangan-ransangan positif inilah yang akan terus mengembangkan potensi diri remaja pada tahap yang optimal (khalim,2008). Menurut Abraham Maslow, seorang tokoh besar dalam aliran humanistik, potensi manusia dapat dibangunkan secara secara menyeluruh apabila segala keperluaan yang bersifat ekternal yang lainnya telah dipenuhi terlebih dahulu. Setelah keperluaan ekternal seperti keperluan fisiologi diikuti dengan keperluan keselamatan, sosial, estim (pencapaian diri) (Zaki & Alizi, 2005) dipenuhi barulah manusia

akan dapat mencapai kesempurnaan diri dengan mencapai tahap potensi diri yang optimal tersebut (Rohana, 2010).

Oleh itu, menurut fahaman ini remaja akan termotivasi untuk melakukan sesuatu perbuatan kerana ingin memenuhi keperluan-keperluan diri seperti yang dinyatakan di atas (Shafiq, 1998). Dalam fahaman ini, motivasi remaja dikatakan dapat berfungsi secara positif dalam dua konteks yang saling berhubungan iaitu antara potensi-potensi dalaman yang dikembangkan dan hubungannya (potensi-potensi) melalui konteks persekitaran (Abbas,2011).

PARADIGMA MOTIVASI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Walaupun asas psikologi Islam berbeza dengan Barat, Islam tidak menolak keseluruhan teori-teori kajian yang dikemukakan oleh psikologi Barat. Islam tidak menolak kajian-kajian sains berkaitan dengan unsur kimia dan biologi kerana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Faktor naluri (instinct), genetik (biologi), dan potensi dalaman yang memotivasikan tingkahlaku remaja seperti yang terdapat dalam psikologi Barat juga wujud dalam Islam(Malik, 2008).

Daripada perspektif Islam, tingkah laku manusia juga ditentukan oleh unsur-unsur dalaman yang wujud dalam diri manusia sejak dilahirkan (Alizi, 2009) Namun, unsur-unsur dalaman ini dibentuk oleh elemen-elemen kerohanian (Baharuddin, 2007) yang mengandungi sifat-sifat luhur Allah s.w.t untuk membentuk potensi yang baik (ibid). Ia dibekalkan dengan tujuan untuk memikul amanah sebagai hamba Allah dan khalifah di atas muka bumi (Quran , 23 : 115). Kedua-dua tujuan ini adalah elemen asas yang menjadi matlamat utama kepada motivasi remaja (Ansari 2002). Oleh kerana itulah, manusia telah dibekalkan dengan elemen-elemen fitrah dan roh sebagai unsur dalaman tersebut yang bersumber daripada Allah s.w.t.(Quran, 7: 172 ; 15: 29) (Zafar, 1992).

Melalui fitrah yang diberikan semasa berlakunya perjanjian (*mithaq*) antara manusia dengan Allah ketika di alam *arwah* (alam ruh), manusia menerima kesedaran tentang kewujudan Tuhan (*God-Consciousness*) (Amber,1998) selain mempunyai kecenderungan-kecenderungan terhadap perkara-perkara yang memberikan kenikmatan dan keseronokan (Baharuddin,2007) Konsep keimanan ini adalah sama dengan konsep motivasi kognitif yang diperkenalkan oleh ahli psikologi kognitif. Ini adalah kerana, keimanan juga merupakan satu peringkat dimana manusia telah dapat mencapai tahap pengetahuan yang tertinggi sehingga tidak ada sebarang keraguaan (Alawneh, 1998).

Dengan ini, keimanan merujuk kepada keupayaan daya kognitif manusia untuk menstrukturkan sistem pemikirannya sehingga membentuk satu nilai kepercayaan yang akhirnya menyebabkan pembentukan niat dalam menentukan sebarang tingkahlaku remaja (Achuoi, 1998). Oleh kerana itu, iman dalam Islam adalah tunjang kepada motivasi remaja. Ia menjadi suatu kuasa yang amat kuat dalam diri individu untuk mempengaruhi pembentukan niat dan motivasinya bagi merealisasikan seluruh potensi kebaikan yang diberi oleh Allah S.W.T ketika roh ditiupkan kepada manusia di alam rahim (Quran 15:29). Konsep ini menyerupai konsep *self-actualization* yang dijelaskan oleh Abraham Maslow menerusi teori keperluannya (Robert & Alireza, 2009). Hal ini ini juga sekaligus menunjukkan bahawa manusia tidak lahir sebagai makhluk yang kosong tanpa sebarang potensi semulajadi dalam fahaman behavioristik atau lahir dengan potensi dalaman yang cenderung kepada sifat-sifat agresif yang mengganas dan penuh nafsu seperti yang dinyatakan oleh Freud (Mahmood Nazar, 2005).

Walaubagaimanapun, seluruh potensi baik yang disalurkan melalui roh (Hasan Langgulung, 1992) ini juga perlu dijana atau dikembangkan melalui peranan yang dimainkan oleh roh itu sendiri. Roh manusia yang terdiri daripada *al-qalb*, *al-aql* dan *an-nafs*, masing-masing mempunyai tugas-tugas tersendiri namun saling bekerjasama antara satu sama lain untuk membentuk motivasi remaja. *Al-aql* dalam konteks definisi kejiwaan manusia berperanan untuk menyelidik, memikir serta mengetahui tentang hakikat sesuatu perkara (Najati, 1993). Akal ini ialah akal yang mampu bergerak aktif menggali ilmu pengetahuan menerusi cara pembelajaran, pemikiran (al-Ghazali,1977) mencetuskan akhlak yang mulia dan seterusnya memberikan kebahagiaan dalam hidup manusia (al-Farabi,1970). *Al-qalb* pula dalam definisi kedua yang diberikan oleh al-Ghazali adalah entiti spiritual yang bersifat ketuhanan atau *rohaniah* (al-Ghazali,1977). *Al-qalb* dalam definisi ini juga dapat memahami dan mengetahui selain berupaya menampung pelbagai emosi dan penyakit hati manusia seperti takut, gelisah, harapan, ketenangan, hasad, riak, dendam dan sebagainya (al-Attas, 1990). Dari sudut pemahaman, hati berbeza dengan akal kerana hati manusia dapat memahami perkara-perkara yang bersifat rasional dan emosi tetapi akal lebih cenderung untuk memahami perkara-perkara yang bersifat data, dan konkrit (ibid) Kombinasi antara akal dan hati ini akan membentuk integrasi dua aktiviti iaitu fikir (akal) dan zikir (hati) dalam berusaha mencari hakikat tentang sesuatu. Kombinasi antara fikir dan zikir ini menjadi pelengkap yang memotivasikan remaja menjadi satu golongan yang disebut oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran sebagai *Ulul Albab*. Golongan ini ialah orang yang dapat merenungi bukti-bukti rasional yang diperolehi tentang hakikat

sesuatu dengan penuh kesedaran (Abdullah,1967) serta dapat membezakan antara yang benar dan yang salah (al-Tabari,1978).

Manakala *an-nafs* pula adalah satu elemen jiwa manusia yang tidak dapat dilihat (Fadhlalla,1989). Ia dijadikan oleh Allah dalam keadaan yang sentiasa mempunyai kecenderungan terhadap kesenangan dan kenikmatan dunia. *Al-nafs* ini senang dipengaruhi oleh minda, kehendak, akal, hati dan lain-lain proses kognitif manusia. Justeru, ia boleh berada pada tahap-tahap yang tertentu bergantung kepada unsur-unsur yang mempengaruhinya. *Al-nafs* boleh berada pada tahap nafsu *Mutmainnah* iaitu keadaan nafsu yang tenang, dan sentiasa diredhai oleh Allah S.W.T (Quran, 89 :27-30) sekiranya nafsu sentiasa berada dibawah kawalan dan panduan Allah S.W.T. (Yasien,1998) atau pada tahap nafsu *Lawwamah* iaitu jiwa tidak sepenuhnya bebas dari godaan hawa nafsu namun, nafsu ini mudah menyesali perbuatannya (Quran, 75: 1-2) atau juga pada tahap tahap nafsu *Ammarah* apabila *al-nafs* itu sendiri bertindak mendominasi jiwa dan keupayaan kognitif manusia (Quran, 12-53). Oleh itu, remaja perlu sentiasa berusaha membentuk dan membimbing rohnya (*al-aql, al-qlb dan al-nafs*) untuk mencapai tahap *al-nafs al-Mutmainnah* supaya berupa mencetuskan motivasi diri yang lebih sempurna.

Kewujudan faktor unsur dalaman ini walaubagaimanapun tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor insentif luaran dalam memotivasikan remaja (khaliq,2009). Dalam al-Quran terdapat banyak ayat menunjukkan keperluan manusia kepada insentif-insentif luaran ini dalam menjamin kelastarian hidup (Quran, 28 : 77, 3: 14-15) (Najati, 1985). Namun, agama Islam menyeru kepada penyeimbangan motivasi (internal dan ekternal) supaya remaja sentiasa berada pada landasan ajaran agama dan tidak melampaui batas. Khaliq Ahmad dalam menjelaskan hal ini menyatakan segala usaha manusia untuk mendapatkan insentif ini perlu dilaksanakan dalam kerangka sebagai amal ibadah untuk mencapai matlamat kebahagiaan dunia dan akhirat (Khaliq, 2009). Pelaksaan ibadah dan amal soleh ini walaubagaimanapun perlu kepada ilmu pengetahuan. Begitu juga dalam usaha untuk mengembangkan potensi-potensi diri yang dikurniakan oleh Allah s.w.t juga perlu kepada ilmu pengetahuan. Justeru, menurut Hassan Langgulung remaja perlu belajar dari alam sekelilingnya untuk mendapatkan ilmu bagi mengaktualisasikan atau mengembangkan potensi-potensi tersebut (Hasan Langgulung, 1992). Menurutnya :

> "Bakat hanya bisa menjadi berketrampilan yang akan dinikmati kalau ia disokong oleh alam sekitar yang sesuai dengan bakat".

Di sini seperti yang dijelaskan di atas, akal remaja mempunyai peranan untuk mendapatkan ilmu. Walaubagaimanapun keupayaan akal dan ilmu manusia adalah terbatas (Achoui,1998). Oleh itu, manusia memerlukan panduan daripada al-Quran dan Sunnah untuk memberikan sumber ilmu yang dapat membimbingnya untuk mencapai hakikat kebahagiaan yang sebenar (Robert & Alireza, 2009). Hal ini berbeza dengan konsep pembelajaran yang dibawa oleh ideologi dari fahaman behavioristik. Ini adalah kerana, dalam mencapai tahap pemahaman kepada sumber wahyu dan hadith Nabi S.A.W ini manusia memerlukan kepada keupayaan potensi dasarnya iaitu akal dan hati untuk mencapai tahap kefahaman yang lebih sempurna(Mutohharun,2008). Kewujudan potensi dalaman ini dinafikan dalam fahaman behavioristik.

Berdasarkan kepada keterbatasan ilmu yang dimiliki, Allah memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih sendiri perbuatannya. Ini menjadi motivasi kepada remaja bagi menggunakan kebebasan yang dimiliki untuk belajar daripada alam sekelilingnya, berfikir serta bebas mendapatkan keperluan-keperluannya (Hasnan Kasan,2005). Walaupun memiliki kebebasan ini, dalam agama Islam juga, remaja tetap terikat dengan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah ketika perjanjian (*mithaq*) di alam ruh seperti yang telah di jelaskan sebelum ini, serta amanah yang dipikul sebagai khalifah (ibid) Oleh itu, remaja perlu bertanggungjawab dengan pilihan-pilihannya. Ini adalah kerana, setiap perbuatannya akan diberikan ganjaran di akhirat kelak. Sama ada ganjaran yang baik atau ganjaran yang buruk bergantung kepada pilihan-pilihan yang dibuat (Quran,99:7-8).

Oleh yang demikian, dalam Islam remaja juga perlu jelas dan sedar bahawa mereka tidak mempunyai kebebasan yang mutlak sebaliknya segala niat, keputusan dan perbuatannya tertakluk kepada *sunnatullah* iaitu undang-undang Allah dan hukum alam yang telah ditetapkan oleh Allah untuk manusia (Ishak Din & Haron Din, 1995). Maka, segalanya perlu selari dengan ketentuan tersebut kerana sekiranya *sunntatullah* ini dilanggar, manusia akan mendapat kesusahan, kecelakaan dan kebinasaan (Haron Din,2010). Di bawah *sunnatullah* ini juga remaja perlu sedar bahawa Allah s.w.t adalah pemegang kuasa mutlak ke atas setiap sesuatu dan segalanya yang berlaku, sebab dan akibat adalah dengan kehendak-Nya (Quran, 33: 73; 99:6-8). Oleh itu, remaja perlu sentiasa merujuk kepada panduan yang di ajarkan di dalam al-Quran dan hadith Nabi S.A.W dalam menentukan pilihan, keputusan dan perbuatannya(Aisha, 2008). Ketentuan ini juga dalam Islam dapat menjadi motivasi kepada remaja untuk tidak mudah berputus asa, tidak mudah berasa sedih dan bimbang terhadap sebarang musibah atau ujian. Ia adalah kerana, manusia sedar akan kewujudan Allah S.W.T sebagai

penentu setiap sesuatu, selain menjadi tempat menggantungkan harapan dan meminta pertolongan (ibid).

ELEMEN MOTIVASI DARIPADA PERSEPKTIF ISLAM

Berdasarkan kepada huraian di atas penulis menyimpulakn elemen-elemen motivasi dalam Islam adalah terdiri daripada :

- Faktor Internal - Keperluan-keperluan dalaman terdiri daripada matlamat hidup, fitrah semulajadi, potensi roh dan kebebasan memilih menjadi asas dan tujuan utama kepada motivasi remaja.
- Faktor Ekternal – Intensif luaran (seperti ganajaran, hubungan dengan orang sekeliling, penghargaan, kemahiran dan lain-lain) adalah dorongan yang perlu dipenuhi dengan matlamat untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.
- Niat – Hasil pembentukan aktiviti fikir (kognitif) dan zikir (afektif) yang perlu diasaskan dengan iman dan selari dengan *sunnatullah.*
- *Sunnatullah* – Segala peraturan dan ketentuan Allah yang menjadi rujukan kepada niat dan perbuatan remaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan seluruh prinsip motivasi remaja yang terdiri unsur biologi, tingkahlaku dan kognitif (Robert, 1983) dalam psikologi Islam haruslah bersandarkan kepada unsur-unsur kerohanian. Oleh kerana Islam mempunyai pendirian sendiri berkaitan dengan intipati penciptaan manusia maka, psikologi dan motivasi remaja perlu ada falsafahnya yang diterjemah dari sudut pandangan Islam. Memahami motivasi remaja dari konteks psikologi Islam adalah amat penting untuk membentuk proses pembangunan diri remaja muslim yang sempurna (Supani,2003) Tidak memahami konsep penciptaan diri ini pula akan menyebabkan matlamat motivasi remaja muslim sebagai hamba Allah s.w.t. tidak dapat dilaksanakan.

RUJUKAN

Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di tempat kerja,* Cet. Ke-4, (Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd., 2008), 7.

Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansarial-Qurtubi, *Jami' Ahkam al-Quran*, juz II,(Qahirah : Dar al-Kitab al-'arabi, li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, 1967),412.

Aisha Hamdan, 'Cognitive Restructuring : An Islamic Perspective', *Journal of Muslim Mental Health,* Vol.3 (2008),99-116.

Alizi Alias, 'Teaching Human Nature in Psychology Courses' dalam Noraini

Mohd Noor (ed.) *Psychology from an Islamic Perspektive : A Guide to Teaching and Learning* (Selangor : IIUM Press, 2009),86-87.

Al-Ghazali, *al-Risalah al-Laduniyah*, terj. Abdullah Mohammad ,(Kelantan : Pustaka Amamn Press,1977),18

Al-Farabi, *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah,* ed. Al-Bir Nasri Nadir (Beirut : Dar Maktabah al-Hayah, 1970), 68.

Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, juz II, (Beirut : Dar al-Fikr, 1978),164.

Amber Haque, 'Psychology and Religion : Their Relationship and Integration from an Islamic Perspective', *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 15 :4 ,(1998)107.

Ansari Z. Islamic Psychology dalam (ed.) R.P. Olsen, *Religious Theories of Personality and Psychotherapy : East Meet West* (New York : Haworth Press, 2002),325-357.

Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami : Studi tentang Elemen Psikologi dari al-Quran,* ed ke 2 (Yogyakarta : Pustaka Pelajar , 2007),171.

Clifton E. Watts, 'Self-Determination and Free Time Acytivity Participation as Predictors of Initiatiative,' *Journal of Leisure Research*, Vol. 40, No,1 (2008),157

Gregory J. Farmer, *Motivational Factors Influencing High Academic Achievement By Student Enrolled In A High School Magnet Program*, Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Capella University, 2007) ,17

Hasan Langgulung, *Manusia dan pendidikan suatu analisa psikologi dan pendidikan*, (Jakarta : Pustaka al-Husna,1992), 261-262.

Haron Din, *Manusia dan Islam,* jil. 3,ed.5, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 222.

Hayes, N., *Faundations of Psychology* (New York : Routledge, 1995), 249.

Hasnan Kasan, 'Metode Dakwah Berkesan : Memahami Konsep Manusia Dalam al-Quran dan Keperluan Kepada Panduan Ilahi', *Jurnal Yadim* bil.7 (2005), 117

Helbert L. Petri , *Motivation, theory, research and applications*, cet. Ke -5,(Belmont, CA : Wadsworth,2004), 27

Hightower, 'Adolescent Interpersonal and Familial Percursors of Positive Mental Health at midlife', *Journal of Youth and Adolescence*, Vol.19,(1990), 257-275

Ishak Din & Harun Din, *Permasalahan Akidah Tauhid : Pegangan Setiap Muslim* (Kuala Lumpur : Darul Nu'man,1995), 150.

Jenny Makros & Narita Mccabe, 'The Realtionship Between Religion, Spirituality', *Psychological Adjustment and Quality of Live Among Religion and Mental Health*, Vol. 42, No.2, (2003), 143.

Kaplan A., & Maehr, M. L., 'Achievement Goals and Student Well-Being', *Contemporary Educational Psychology*,24, (1999),330-358.

Kamarul Azmi Jasmi, 'Paradigma Al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan : Satu Kajian Terhadap Kitab Riyadh al-Solihin' (Tesis Ph.D Universiti Malaya, 2002)

Khalim Zainal, 'Memahami tingkahlaku Remaja bermasalah dari perspektif Teori tingkahlaku, Humanistik, Psikoanalitik, & Tret Personaliti', *Jurnal Pengajian Umum*, bil. 9 (t.t),48.

Khaliq Ahmad, 'Leadership and work Motivation from the Cross Cultural Perspective', *International Journal of Commerce and Management,* Vol.19, No.1 (2009),72-84.

Laporan statistik Kesalahan Jenayah yang melibatkan 'kanak-kanak', www.jkm.com.my

Mahmood Nazar Mohamed , *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia.* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), h.289

Martin E. Ford ,*Motivating Humans, A Review*, (Sage Publishing Newbury Park CA., 1992)

Mustapha Achoui, 'Human Nature from a Comparative Psychological Persepctive', *The American Journal of Islamic Social Sciences,* Vol.15 : 4, (1998), 71-95.

Martin V. Covington, 'Goal Theory, Motivation, and School Achievement : An Integrative Review', *Annual Review Psychology* , 51(2000), 173

Mohd Abbas Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham, 'Islamic Psychology, Islamic Psychology and The Call ofor Islamization of Modern Psychology', *Journal of Islam In Asia* , Vol.9, No.1 (2012) 174

Mohd Abbas Abdul Razak, *Contribution of Iqbal's Dynamic Personality Theory to Islamic Psychology : A Contrastive Analysis With Freud And Selected Mainstream Western Psychology,* (Tesis Ph.D, IIUM,2011), 67

Mohd Yusof Othman, Epistemologi Psikologi Islam dalam Khaidzir Ismail et.al (ed.) *Psikologi Islam : Falsafah, Teori dan Aplikasi* (Selangor : iBook Publication Sdn Bhd, 2009), 5.

Mohd Abbas Abdul Razak, *Human Nature : A Comparative Study between Western and Islamic Psychology*(Selangor : IIUM Press,1997), 184

Muhammad Uthman Najati, *al-Dirayah al-Nafsaniyyah'inda Ulama al-Muslimin*,(Kaherah : Dar al-Syuruq, 1993), 36

Mutohharun Jinan, Dilema Gerakan Pemurnian Islam, *Ishraqi ; Jurnal Penelitian Keislaman*, (2008)

Noor Azli bin Muhamed Masrop et.al, 'Rekabentuk Motivasi di Dalam Perisian Permainan Pembelajaran Jawi bagi Kanak-kanak : Pengintegrasian di antara Model Motivasi Barat dan Islam' , *Proceeding of Regional Conference on Knoeledge Integration in*

ICT, (2010) , h.378

Ormrod, J.E , *Educational Psychology: Developing Learner* ,Cet. Ke-5, (New Jersey: Pearson Education Inc. 2006), h.365

Peter C. Hill & Kenneth I Pargamenth, 'Advances In Conceptulization And Measurement of Religion and Spirituality, Implication for Psysical and Mental Health Research' , *American Psychologist,* American Psychological Association ,Inc, Vol 58, (2003), 64-74.

Rohana Hamzah, *Mengenal Manusia : Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti* (Skudai : Penerbit UTM,2010)h.71

Robert A. Emmons et.al, 'Asessing Spirituality Through Personal Goals : Implication For Research On Religion and Subjective Well-Being, Social Indicators Research On Religion and Subjective Well-Being', *Social Indicators Research*,Vol. 45, (1998), 391-422.

Robert Smither & Alireza Khorsandi, 'The Implicit Personality Theory of Islam', *Psychology of Religion and Spirituality*, Vol.1, No.2 (2009),81-96.

Robert Beck, *Motivation Theories and Principle* ed ke 2 (New Jersey : Prentice Hall, 1983),57-424.

Shafiq Falah Alawneh, 'Human Motivation : An Islamic Perspective', *The American Journal of Islamic Social Sciences,* 15 : 4, (1998),6.

Sharafat Hussain Khan, 'Islamization of Knowledge : A Case for Islamic Psychology' dalam Husain M.G (ed.), *Psychology and society in Islamic Perspective* (New Delhi : Genuine Publication & Media Pvt. Ltd.1996), 49.

Shaykh Fadhlalla Haeri, *The Journey of The self : An Islamic View to Understanding the self and its unified nature* (London : Element Bks, 1989),

Supani Husain 'Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak' (Tesis Sarjana , Universiti Malaya, 2003) ,39.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* (Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC),1990),12.

Uthman Najati ,*al-Quran dan Ilmu Jiwa*,(Indonesia : Penerbit Pustaka, 1985), h.46

Yasein Mohamed, 'Fitrah and Its Bearing on The Principles of Psychology', *The American Journal of Islamic Social Sciences,* 15:4, (1998),7.

Zafar Afaq Ansari (ed.) *Quranic Concept of Human psyche* (Islamad : International Institute of Islamic Thougt Pakistan,1992),11.

Zakaria Stapa 'Tasawuf dan Pembangunan Hakiki Ummah' dalam (eds) *Tasawuf dan Ummah*, Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina

Sa'ari ,(Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2004), h.70
Zaki Samsudin & Alizi Alias, Motivation And Emotion, dalam N. M. Noor (ed.), *Psychology from an Islamic perspective: A guide to teaching and learning* (Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press,2010), 148-149

KONSEP DAKWAH MELALUI POLITIK DALAM ISLAM : SATU SOROTAN

Oleh:
Ahmad Fakhruddin bin Mohd Tahir[1]
Roslan bin Mohamed[2]

nur_addin157@yahoo.com
roslan_um@yahoo.com

ABSTRAK

Dakwah merupakan satu seruan untuk mengajak manusia kembali kepada Allah S.W.T. Iaitu melakukan kebaikan, menjauhi kemungkaran dan beriman kepada Allah dan RasulNya.Dilihat pada aspek penyebaran dakwah, ianya tidak terhad kepada saluran-saluran tertentu sahaja. Bahkan dakwah perlu diintegrasikan dan dicernakan dalam keseluruhan bidang kehidupan manusia seperti ekonomi, sosial, perundangan dan kehakiman, politik dan pemerintahan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang perwasilahan dakwah melalui politik. Sebagaimana komunikasi, media massa, penubuhan organisasi, mahupun penerbitan, politik juga merupakan salah satu juzuk daripada mauduk pendakwahan Islam.

Katakunci ***:*** *Dakwah, Politik, Islam*

PENDAHULUAN

Politik dan dakwah merupakan dua elemen yang sangat sinonim dalam usaha untuk mengurus dan membangunkan manusia. Bahkan melalui sejarah pemerintahan kerajaan Negara Islam Madinah yang diketuai Rasulullah S.A.W, ia telah menjadi bukti untuk memperlihatkan kepada umat terkemudian bagaimana Rasulullah S.A.W dapat memperluaskan pengaruh dakwah Islam melalui kuasa yang dimiliki di Madinah. Empayar Islam semakin luas tersebar.Islam semakin kukuh di Madinah malahan di luar Madinah.Hakikat sejarah Islam ini telah menafikan pendapat yang

[1] Ahmad Fakhruddin bin Mohd Tahir, B.Us, adalah calon Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

[2] Roslan bin Mohamed, M.Us, adalah Pensyarah di Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

mengatakan bahawa politik dan dakwah merupakan dua perkara yang berasingan dan tidak boleh dicampur-adukkan.Walhal pendapat tersebut merupakan pengaruh Barat yang sememangnya mengamalkan pemisahan agama dengan semua hal keduniaan. Dalam masa yang sama Barat yang sememangnya takut akan kebangkitan Islam telah menyebarkan pengaruh mereka ke dalam masyarakat Islam. Keadaan tersebut seterusnya menimbulkan persepsi negatif terhadap politik menyebabkan ianya dianggap kotor dan dilihat tidak sesuai untuk dikombinasikan dengan dakwah yang suci.

Persepsi negatif terhadap politik pada hakikatnya akan merugikan umat Islam itu sendiri. Oleh itu, untuk mengubah dan menyangkal persepsi tersebut, maka kajian ini akan membincangkan dengan lebih terperinci seterusnya membentuk satu konsep dakwah melalui politik dalam Islam. Ia akan menjelaskan apakah kedudukan politik dalam Islam amnya dan hubungan politik dan dakwah khususnya. Konsep ini juga akan dibina berdasarkan pengintegrasian politik dan dakwah dalam Islam melalui sirah Rasulullah S.A.W, nas-nas Al-Quran dan Hadith serta pendapat para ulama muktabar.

DEFINISI POLITIK ISLAM

Dalam melengkapkan keperluan kajian, satu elemen yang penting adalah definisi dan pentakrifan yang jelas terhadap subjek yang hendak dikaji. Berdasarkan tajuk, maka definisi politik Islam dan dakwah Islam perlulah diberi penjelasan yang baik.Adapun politik Islam menurut Dr. Muhammad Abdullah yang mengatakan bahawa sistem politik Islam merupakan peraturan-peraturan yang mengatur pentadbiran dan pengurusan Negara berlandaskan Islam. Dengan kata lain, sistem politik Islam adalah merujuk kepada prinsip pemerintahan yang berpandukan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai sumber utama dalam urusan mentadbir Negara untuk menjamin kepentingan rakyat.[3]

Dr. Khalid Ali Muhammad menyatakan bahawa politik Islam adalah menjaga urusan umat di dalam dan luar Negara dengan cara yang tidak menyalahi syariat Islam. Siasah Syar'iyyah tidak hanya terhad kepada apa yang disebut oleh syarak sahaja, bahkan disyariatkan supaya tidak menyalahi teks Al-Quran , sunnah, ijmak, dan kaedah-kaedah syarak serta dasar-dasar amnya.[4]Ahmad Ridza Bin Abdul Rahman menjelaskan bahawa

[3] Dr. Muhammad Abdullah Al-'Arabi, *Nizam Al-Hukm Fi Al-Islam* (Beirut : Dar al-Fikr, 1968), 23.

[4] Khalid Ibn 'Ali Ibn Muhammad, *Sistem Politik Islam Menurut Al-Quran, Sunah Dan*

politik Islam adalah pengurusan hal ehwal seluruh umat Islam dan bukan Islam yang bernaung dengan aman di dalam sebuah Negara Islam. Pada masa yang sama ia merujuk kepada pemerintahan bagi sesebuah Negara yang mengamalkan pemerintahan Islam.[5] Dalam perkembangan lain, Muhammad Dhiya berpendapat bahawa politik Islam juga membawa erti pemeriksaan yang teliti (siasat). Dalam erti kata yang lebih luas, ia meliputi siasah perang, kebijaksanaan dan perundingan dalam pengurusan Negara ke arah keamanan dan kemakmuran.[6]

Oleh itu, pengertian politik Islam dapat disimpulkan dengan pengurusan dan pentadbiran yang bijak berasaskan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam Islam terhadap sebarang urusan kehidupan dan kenegaraan.Di dalam politik Islam, agama menjadi tunjang kepada sistem politik sesebuah Negara.

DEFINISI DAKWAH ISLAM

Dari segi bahasa perkataan Dakwah berasal daripada perkataan Arab yang disebut sebagai "Masdar" bagi fi'il (دعا) . ianya membawa maksud kegiatan menyeru, memanggil, mengajak dan menjamu atau mengajak untuk makan.[7] Mengikut Syeikh Ali Mahfuz, perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan.[8] Manakala Dr. Yusof Al-Qardawi mentakrifkan dakwah sebagai satu usaha yang membawa orang lain kepada Islam supaya mengikut petunjuk agama, melaksanakan segala ketetapan di bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada perintah Allah semata-mata. Juga melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah (*Taghut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalannya.[9]

Pendapat Ulama Salaf (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2008), 3.

[5] Ahmad Ridza Bin Abdul Rahman, "Pemikiran Politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah"(Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam,Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,Kuala Lumpur, 2010), 30.

[6] Muhammad Dhiya Al-Din Al-Rayes, *Nadariyat al-Siasat al-Islamiyah*, ed. ke-4 (Kaherah : t.p., 1967), 22.

[7] Prof. H. Mahmud Yunos, ed., *Kamus Arab – Indonesia*(Indonesia : Padang, Jakarta, 1998), 127.

[8] Ghazali Darul Salam,*Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*(Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 1.

[9] Dr. Yusof Al-Qardawi, *Thaqafah Al-Da'iyah* (Beirut : Dar Al-Ahya Al- Turath, 1978), 5.

Islam adalah sebuah agama yang membentuk satu kesatuan di kalangan umatnya.Islam tidak mengenal istilah minoriti atau majoriti.Islam juga tidak memandang latar belakang, warna kulit, bangsa, keturunan dan kesukuan. Oleh sebab itu, politik Islam telah menerapkan syariat Islam secara sempurna kepada seluruh manusia sama ada muslim mahupun bukan muslim.

Berdasarkan kepada definisi dakwah dan politik yang telah dijelaskan, maka dapatlah dirumuskan bahawa dakwah dan politik merupakan dua elemen yang sangat berkait rapat melalui peranannya terhadap pembangunan dan pengurusan kehidupan manusia. Ini kerana, peranan politik dan dakwah adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Selain itu, dakwah dan politik merupakan usaha dalam mengurus kehidupan manusia meliputi semua aspek berlandaskan kepada batas-batas syariat Islam, menuju kepada pencapaian fitrah manusia iaitu beriman kepada Allah serta mencapai matlamat utama dakwah Islamiah iaitu untuk membina Negara Islam sepertimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Dengan kata lain, politik merupakan salah satu juzuk daripada mauduk pendakwahan yang bermatlamatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

DAKWAH MELALUI POLITIK PADA ZAMAN RASULULLAH

Politik telah dijadikan salah satu wasilah dakwah yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W. Melalui analisis dalam bentuk induktif terutama melalui metode perpustakaan, didapati bahawa Rasulullah S.A.W. sememangnya menyediakan bentuk-bentuk perlaksanaan dakwah melalui politik. Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi akan dideduktifkan kepada tajuk-tajuk kecil untuk dianalisis secara lebih fokus. Terdapat beberapa perkara berkaitan kuasa politik dan kaitannya dengan perlaksanaan dakwah yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. Antaranya adalah dengan mempamerkan ketokohan dalam kepimpinan, memaksima peranan masjid, memperteguh perpaduan nasional, dan menjalinhubungan antarabangsa.

Mempamerkan Ketokohan Dalam Kepimpinan

Rasulullah S.A.W. dikenali sebagai seorang yang cerdik dan bijaksana. Ketokohan baginda dalam kepimpinan sememangya diperakui melalui sifat kebijaksanaan dalam pengurusan, berwawasan dalam membuat perancangan tugasan, amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta berkemampuan dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan permasalahan yang berlaku dengan baik.[10]

[10] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*(Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 96. Juga rujuk Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-*

Kebijaksanaan Rasulullah S.A.W. dalam kepimpinan dapat dilihat melalui beberapa peristiwa penting.Tatkala berlakunya banjir besar di Mekah, ia telah menyebabkan kerosakan pada Kaabah.Lantaran itu, usaha pembaikian dan membaik pulih telah dilakukan.Setelah pembaikian hampir siap, perselisihan pendapat di kalangan kabilah-kabilah Arab Mekah telah berlaku dalam menentukan siapakah yang paling layak untuk memikul tugas meletakkan hajar aswad ke tempat asal.Keadaan bertambah rumit apabila masing-masing berebut untuk mendapatkan tugas tersebut sehingga hampir berlaku pertumpahan darah.[11]Walaubagaimanapun, keadaan dapat dikawal apabila masing-masingbersetuju untuk melantik seorang hakim dalam mengadili konflik yang berlaku di antara mereka.[12]

Pemilihan Rasulullah S.A.W untuk menghakimi konflik yang berlaku telah disambut dengan sorakan gembira kerana Rasulullah S.A.W sememangnya dikenali dengan seorang yang bijaksana dan cerdik pandai di samping mempunyai keperibadian tinggi.Dalam menyelesaikan konflik yang berlaku, Rasulullah S.A.W telah menghampar sehelai kain dan diletakkan hajar aswad di atasnya.Seterusnya baginda memanggil wakil setiap kabilah untuk memegang setiap penjuru kain.Lantas kain tersebut diangkat sehingga menghampiri ke tempat asalnya.Kemudian baginda sekali lagi mengangkat dan meletakkan hajar aswad ke tempat asalnya.[13]Tindakan baginda telah

---

*Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam* ( Riyadh : Dar Al-Salam Lil-Nashr Wa-Al-Tawzi`, 2004), 77. Juga rujuk Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 5.

[11] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 95. Juga rujuk Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam*, 74-75.

[12] Pemilihan hakim untuk mengadili konflik yang berlaku adalah berdasarkan kepada siapakah orang yang paling awal memasuki pintu Masjidil Haram. Masing-masing menunggu dan melihat ke arah pintu tersebut untuk mengetahui siapakah individu yang akan menjadi hakim antara mereka. Tiba-tiba mereka melihat Muhammad Bin Abdullah muncul sebagai individu yang dinanti-nantikan lalu mereka terusbersetuju dengan senang hati.Dengan sikap amanah yang dimiliki Muhammad, masing-masing telah bersepakat untuk melantik Muhammad Bin Abdullah sebagai hakim dalam mengadili konflik yang berlaku. Sila rujuk Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman, *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, ed. ke-2011(Selangor : PTS Islamika Sdn Bhd, 2011), 38.

[13] Muhammad Bin Muhammad Abu Syuhbah, *Al-Sirah Al-Nabawiyah Fi Daw' Al-Quran Wa Al-Sunnah* (Damsyiq : Dar Al-Qalam, 2009), 1: 228-229.

Juga rujuk Said Ramadan al-Butiy,*Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah* (c. 17, Dimasykh : Dar al-Fikr, 1989), 106.

Juga rujuk Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman, *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, 37.

diterima baik oleh semua pihak dan masing-masing telah berpuas hati. Justeru, peristiwa tersebut bukan saja menggambarkan kewibawaan dan ketokohan baginda sebagai pemimpin, bahkan memiliki metode dan strategi yang tinggi dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan permasalahan yang berlaku.[14]

Melalui peristiwa perjanjian Hudaibiyah iaitu satu perjanjian di antara Rasulullah dan pemimpin Quraish pada tahun ke-6 Hijrah, terdapat beberapa syarat perdamaian yang dilihat pada zahirnya telah memberi kelebihan kepada pihak Quraisy.Umpamanya apabila seseorang dari kalangan Quraisy telah berhijrah ke Madinah mengikuti Rasulullah tanpa keizinan walinya (majoriti wali ialah orang-orang kafir Quraisy), maka hendaklah dipulangkan kepada walinya. Sebaliknya apabila kaum muslimin yang pergi ke Mekah tidak akan dikembalikan kepada Rasulullah S.A.W.[15]

Perjanjian tersebut telah mendapat bangkangan dari sebahagian besar sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W termasuklah Abu Bakar dan Umar. Ini kerana mereka melihat perjanjian yang dimetarai itu akan merugikan orang Islam.[16]Walaubagaimanapun, kebijaksanaan Rasulullah nyata telah memberi keuntungan kepada orang Islam melalui perjanjian tersebut. Ini kerana apabila kaum muslimin yang terpaksa dihantar pulang ke Mekah, mereka dijadikan agen Rasulullah S.A.W untuk menjalankan dakwah di sana. Manakala mereka yang pulang ke pangkuan Quraisy, pada hakikatnya mereka telah berpaling tadah dari Islam dan akhirnya menjadi murtad.Hati mereka tidak bersama dengan Rasulullah S.A.W bahkan mereka hanya bersembunyi disebalik kemunafikan mereka semata-mata.Oleh itu Islam tidak memerlukan mereka di Madinah lantaran kemurtadan mereka.[17]

---

[14] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 95. Juga rujuk Al-Syaykh ‘Abd Al-Wahhab Al-Najjar, *Al-Sirah Al-Nabawiyah* (Beirut : Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyah, 1997), 127.

[15] Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman, *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, 268.

Juga rujuk Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam*, 407.

Juga rujuk Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 341.

[16] Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman, *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, 270.

Juga rujukSafi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam*, 412.

Juga rujuk Azahar Bin Yaakub @ Ariffin,“Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia”,8.

[17] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 345-346.

Perjanjian Hudaibiyah telah membuka pintu dakwah tanpa sebarang halangan apabila Islam dapat disampaikan dalam keadaan tidak ada gangguan dan tekanan.[18]Bahkan Islam semakin cepat tersebar dan mendapat sambutan di kalangan orang Arab.Jarak masa antara pembukaan Mekah dan perjanjian Hudaibiyah adalah dua tahun.Ketika perjanjian Hudaibiyah dilakukan, Rasulullah S.A.W diikuti seramai 1400 orang Islam.Manakala ketika pembukaan Mekah, rombongan Rasulullah S.A.W telah diikuti seramai 10,000 orang Islam.Hasil perjanjian Hudaibiyah selama dua tahun telah mengatasi tempoh 19 tahun perjuangan dakwah Rasulullah S.A.W jika dilihat pada sudut ramainya orang yang menerima Islam.[19]Selain itu, melalui perjanjian Hudaibiah juga baginda S.A.W telah berjaya menawan Khaibar iaitu kubu Yahudi yang terakhir.

Kebijaksanaan dan ketokohan Rasulullah S.A.W dalam kepimpinan sememangnya diluar batasan kemampuan manusia biasa.Pemikiran baginda yang jauh ke hadapan tidak dapat dibaca dan dilihat oleh manusia biasa.Kemahiran baginda dalam berpolitik dan membuat keputusan telah membawa kepada kejayaan dakwah.Bahkan kelebihan dan anugerah yang diberikan Allah S.W.T telah digunakan sebaiknya oleh Rasulullah S.A.W untuk terus memartabatkan Islam di muka bumi.

Masjid Dan Peranannya Sebagai Pusat Pemerintahan

Masjid Quba' merupakan masjid pertama yang didirikan oleh Rasulullah S.A.W di Madinah.Manakala masjid Nabawi merupakan masjid kedua yang dibina sempena penghijrahan Rasulullah S.A.W ke Madinah.[20]Azahar Bin Yaakub yang memetik pendapat Al-Ghazali menjelaskan bahawa pembinaan masjid merupakan antara strategi utama Rasulullah S.A.W setiba baginda S.A.W di Madinah.[21]Pada pandangan Islam, masjid mempunyai fungsi dan peranan yang sangat luas dalam membangun manusia dari segi keimanan

---

[18] Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia", 8.

[19] 19 tahun perjuangan dakwah Rasulullah S.A.W merujuk kepada tempoh masa perjuangan dakwah Rasulullah S.A.W iaitu 13 tahun di Mekah dan 6 tahun di Madinah. Sila rujuk Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman, *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, 272.

[20] Aziana Binti Arifin,"Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi : Suatu Kajian Di Daerah Gombak" (Disertasi, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 27.

[21] Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia", 20.

dan kemajuan hidup lahiriyyah.[22]Justeru, selain daripada peranan masjid sebagai pusat ibadat, Rasulullah S.A.W juga telah menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan, pusat perkembangan gerakan dakwah dan pendidikan, mahkamah, dan sebagainya.

Dalam sejarah, masjid memainkan peranan penting dalam urusan pentadbiran Negara. Rasulullah menjadikan masjid sebagai pusat pemerintahan, segala keputusan dan arahan akan diputuskan di dalam masjid. Rasulullah S.A.W mengeluarkan perintah kepada orang Islam untuk keluar berperang seperti perang Badar, perang Uhud, dan sebagainya ketika baginda berada di masjid. Selain itu,melalui masjid juga berlakunya kegiatan para sahabat nabi membai'ahkan pemimpin mereka.[23]

Zakaria Bashier menyatakan bahawa masjid Madinah pada zaman nabi bukan hanya sebagai pusat ibadat semata-mata, malah ia juga dijadikan sebagai pusat untuk mengurus dan mentadbir masyarakat Islam. Selain itu, masjid Madinah juga dijadikan tempat penerimaan delegasi-delegasi luar yang datang kepada Rasulullah untuk menyatakan kesetiaan kepada kepimpinan Rasulullah S.A.W.[24]

Raja Azhar Bin Raja Ismail menjelaskan bahawa khalifah-khalifah Islam yang memerintah pada waktu itu bukan hanya memerintah Negara tetapi turut juga mengimamkan sembahyang di Masjid. Perlantikan khalifah juga dilakukan di masjid dan kemudian terus berkhutbah kepada orang ramai sebagaimana yang dilakukan oleh saidina Abu Bakar r.a. Ia juga adalah kesinambungan daripada apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan ianya telah berterusan berlaku kepada kebanyakkan khalifah terkemudian.[25]

---

[22] Aziana Binti Arifin,"Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi : Suatu Kajian Di Daerah Gombak", 38.

[23] Raja Azhar Bin Raja Ismail, "Sejarah Perkembangan Dan Peranan Masjid Di Perlis : Kajian Di Masjid Negeri, Arau, Perlis"(Disertasi, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 50.

[24] Zakaria Bashier, *Sunshine Al-Madinah*(Leicerter : The Islamic Foundation, 1990), 54.

[25] Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, bai'ah perlantikan Abu Bakar sebagai khalifah yang pertama dan bai'ah kesetiaan muslimin Madinah terhadap khalifah Abu Bakar telah disempurnakan di masjid Nabawi.Perbuatan ini juga telah dilakukan oleh khalifah Umar Al-Khattab yang memerintah gabenor Abu Musa Al-As'ari supaya menjalankan kepimpinannya berpusat di masjid dan arahan juga dibuat kepada Sa'ad Bin Abi Waqqas iaitu gabenor Kufah dan gabenor Mesir ketika itu. Sila rujuk Raja Azhar Bin Raja Ismail, "Sejarah Perkembangan Dan Peranan Masjid Di Perlis : Kajian Di Masjid Negeri, Arau, Perlis", 51.

Ibrahim Che Noh menjelaskan bahawa khutbah Jumaat merupakan salah satu aspek manifestasi politik kerajaan dengan adanya permohonan doa untuk mendapat keberkatan Allah kepada seorang raja. Raja dalam sebuah Negara Islam dianggap sebagai pengganti nabi Muhammad S.A.W sebagai ketua untuk mengurus dan memimpin Negara, agama dan rakyat.[26] Pendapat ini disokong oleh Raja Azhar Bin Raja Ismail yang menyatakan bahawa mimbar-mimbar masjid dijadikan sebagai saluran media pemerintah, pusat maklumat bagi rakyat dan juga disertakan doa untuk pemerintah. Ketika Ibn Abbas menjadi gabenor di Basrah, beliau telah membacakan doa khusus untuk khalifah Ali Bin Abi Thalib di dalam khutbahnya. Ini kerana, mereka menyedari bahawa institusi masjid sangat berpotensi untuk mempengaruhi sikap dan pandangan umum rakyat seterusnya memupuk semangat untuk memberi ketaatan kepada pemerintah.[27]

Amalan Rasulullah S.A.W yang membina masjid apabila tiba di Madinah ketika peristiwa hijrah terus di lakukan oleh pemimpin tentera Islam tatkala mereka berjaya menawan sesuatu wilayah.Ini kerana, adalah kebiasaan bagi setiap pemimpin tentera Islam untuk mendirikan masjid di tempat yang mula-mula mereka duduki untuk dijadikan pusat ibadat dan pentadbiran seperti di Iraq, Mesir dan Yaman.[28] Dalam masa yang sama, pembinaan masjid secara psikologinya merupakan kemenangan awal umat Islam dari segi moral dan politik ke atas musuh-musuh Islam. Kebangkitan umat Islam yang digerakkan oleh institusi masjid telah memberi tekanan kepada orang kafir dan musuh-musuh Islam.[29]Syiar Islam semakin menyerlah sinarnya dan perkembangan dakwah Islam semakin tersebar meluas ke seluruh pelusuk muka bumi.

Kemantapan institusi masjid Madinah terus menyerlah menerusi kepelbagaian peranannya yang berfungsi dengan cemerlang.Masjid menjadi aset penting kepada pembangunan manusia dari segi rohani dan jasmani.Selain daripada peranannya sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan Madinah, masjid juga digunakan oleh Rasulullah S.A.W sebagai pusat ibadah, pusat dakwah,

---

[26] Ibrahim Che Noh,"Dakwah Dan Pemikiran Politik," dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 8.

[27] Raja Azhar Bin Raja Ismail, "Sejarah Perkembangan Dan Peranan Masjid Di Perlis : Kajian Di Masjid Negeri, Arau, Perlis", 52.

[28] *Ibid*., 45.

[29] Abdul Ghafar Hj. Don dan Kamaruzzaman Yusuf, *Peranan Masjid Dalam Menjana Kebangkitan Gerakan Siasah Islam* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 45.

pusat penyebaran ilmu, pusat kebajikan dan sebagainya.

Dr. Muhammad Amahazun menjelaskan bahawa masjid merupakan pusat penyebaran ilmu kepada orang Islam.Ini kerana masjid pada zaman Rasulullah S.A.W berperanan besar dalam memastikan bahawa setiap orang Islam tidak ketinggalan dalam kewajipan memdalami ilmu.[30]Manakala Aziana Binti Arifin menyatakan bahawa masjid berperanan sebagai pusat ibadah, pusat pemerintahan Negara, pusat gerakan dakwah, pusat kehakiman, pusat ketenteraan dan pertahanan, pusat kebajikan dan pusat penyebaran ilmu pengetahuan. Pada masa yang sama, peranan masjid yang paling utama ialah pusat hubungan antara manusia dengan Allah dan manusia sesama manusia.[31]

Manakala Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri menjelaskan bahawa masjid yang dibina oleh Rasulullah S.A.W bukan sahaja dijadikan pusat ibadat, malah ia juga dijadikan sebagai pusat perhimpunan masyarakat untuk mendapat ilmu dan mendalami ajaran Islam dan panduannya. Masjid juga berperanan untuk menyatupadukan masyarakat dan mengikis semangat asobiah dan kepuakan yang menjadi punca kepada perpecahan dan perbalahan sepertimana yang berlaku sebelumnya.Institusi masjid di zaman baginda juga berperanan sebagai pusat pentadbiran dalam semua aspek di samping menjadi tempat mesyuarat dalam mencapai sesuatu keputusan yang ingin dilaksanakan.[32]

Institusi masjid bukan terhad kepada tempat ibadat sahaja. Bahkan Rasulullah S.A.W telah menunjukkan dengan jelas betapa peranan masjid meliputi seluruh aspek sama ada sebagai pusat gerakan dakwah dan tarbiah, pusat penyebaran ilmu, pejabat pentadbiran, parlimen, mahkamah, dewan mesyuarat dan sebagainya. Peranan masjid tersebut telah menunjukkan kepada masyarakat Madinah betapa kesungguhan dan seriusnya Rasulullah S.A.W dalam mentadbir Negara Islam Madinah serta mengurus hal ehwal kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dan sejahtera.

Lantaran itu, adalah tidak mustahil bagi penduduk Madinah untuk memberi bai'ah dan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi kepada

---

[30] Dr. Muhammad Amahazun, *Manhaj Al-Nabawi Fi Al-Da'wah Min Khilal Al-Sirah Al-Sahihah* (Kaherah : Dar Al-Salam, 2006), 168.

[31] Aziana Binti Arifin,"Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi : Suatu Kajian Di Daerah Gombak",28.

[32] Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam*, 217-218.

Rasulullah S.A.W sebagai ketua pemimpin mereka. Bukan sahaja sanggup mengorbankan harta benda dan masa, bahkan mereka sanggup pertaruhkan nyawa mereka demi mempertahankan Negara Islam Madinah di bawah kepimpinan Rasulullah S.A.W. Tiada sedikit gementar dan rasa takut, bahkan rasa cinta kepada Allah dan Rasul telah mengatasi segala-galanya apabila mereka menghadapi musuh dalam peperangan semata-mata untuk menegakkan agama Allah S.W.T.

Memperteguh Perpaduan Nasional

Ketokohan Rasulullah dalam kepimpinan juga terserlah melalui kebijaksaannya dalam berpolitik. Tatkala Madinah didiami oleh taburan penduduk yang bersifat majmuk sama ada dari segi agama mahupun bangsa, maka soal perpaduan amat dititikberatkan oleh Rasulullah S.A.W.[33] Dengan kuasa politik yang dimiliki, ia telah dieksploitasi bagi merencanakan usaha dakwah sekaligus membentuk perpaduan di kalangan penduduk Madinah yang berbilang kaum.

Fenomena pertembungan diantara Kabilah Aus dan Kabilah Khazraj yang berlaku di Madinah telah diambil kesempatan oleh masyarakat Yahudi sama ada Kabilah Quraizah, Kabilah Qainuqa' dan Kabilah al-Nadir untuk mengaut keuntungan. Menurut Abdul Aziz Mohd Zin yang juga memegang pendapat Al-Nadawi mengatakan bahawa dari segi politik, bangsa Yahudi mula meluaskan empayarnya untuk mendominasikan kekuatan mereka terhadap orang-orang Arab yang sedang bertelagah antara satu sama lain. Mereka juga memainkan peranan untuk mengapi-apikan antara Aus dan Khazraj sehingga mencetuskan peperangan.[34]Selain itu, mereka juga telah

[33] Kota Madinah mengambil masa selama dua puluh tiga tahun untuk berdiri dengan megah. Kewujudan kota Madinah yang sekukuh itu adalah hasil keringat, pengorbanan dan perjuangan Rasulullah S.A.W untuk menjayakan cita-cita suci dalam membina sebuah Negara Islam yang kuat. Di samping itu, Rasulullah S.A.W telah berjaya mewujudkan satu ikatan persaudaraan yang sangat utuh antara masyarakat di Madinah. Sama ada antara kaum Muslimin dan non-Muslim mahupun kaum Yahudi, kesemua mereka telah disatukan dibawah satu undang-undang dan pemerintahan yang diketuai oleh baginda Muhammad S.A.W. Rasulullah S.A.W mengajar manusia bahawa ikatan persaudaraan mampu untuk membawa kemakmuran dengan semangat kepercayaan agama yang suci, termasuk bersedekah, bersilaturrahim, berkasih sayang antara satu sama lain serta dapat meningkatkan taraf hidup dan potensi diri untuk berdaya saing sekaligus mewujudkan kemajuan dalam seluruh aspek termasuk ekonomi, politik, pendidikan, dan pentadbiran Negara. Sila rujuk Ahmad Nabil Bin Amir, "Sistem Politik Islam Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W," *Jurnal Usuluddin*, 29 (2009), 228.

[34] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 210. Juga rujuk Al-Nadawi, Abi Al-Hasan 'Ali Al-Hasani, *Al-Sirah Al-Nabawiyah* (Jedah : Dar Syuruq, 1977), 138-139.

mengaut keuntungan yang banyak hasil daripada penjualan senjata, bekalan makanan, dan berjaya menguasai sumber air daripada bangsa Arab.

Sebagai ketua pemerintah, Rasulullah S.A.W telah melihat keadaan tersebut akan menjejaskan pembentukan Negara Islam di Madinah jika ianya terus berlarutan. Oleh itu, antara usaha awal baginda dalam menangani permasalahan ini adalah dengan menyatukan masyarakat Aus dan Khazraj atas nama Islam.[35]Ia merupakan satu pendekatan dakwah Rasulullah yang diadaptasikan melalui kuasa politik yang dimiliki. Kebijaksanaan Rasulullah dalam berpolitik bukan sahaja dapat menyatukan kabilah Aus dan Kabilah Khazraj, bahkan secara tidak langsung ianya dijadikan medium untuk baginda berdakwah. Ini kerana, perpaduan yang diacukan baginda adalah berasaskan kepada tauhid Islam iaitu Allah sebagai Tuhan yang disembah, Islam sebagai landasan kehidupan yang paling tinggi dan mulia, Rasulullah dijadikan sumber rujukan dan idola, al-Quran sebagai panduan kehidupan, Kaabah sebagai lambang penyatuan ummah dan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan rasmi.[36]

Setelah berjaya menyatukan kabilah Aus dan Khazraj, Rasulullah S.A.W mengatur langkah seterusnya untuk membentuk perpaduan antara kaum muslimin dan bukan muslim termasuklah kaum yahudi.[37]Satu perjanjian telah dimetarai oleh Rasulullah bersama dengan kaum Yahudi yang terdiri daripada Kabilah Qurayzah, Kabilah Qainuqa', dan Kabilah al-Nadir. Butiran perjanjian tersebut terkandung di dalam Piagam Madinah. Di antara perjanjian tersebut telah menjelaskan bahawa orang-orang Yahudi akan dilayan sebagaimana masyarakat Arab yang lain selama mana mereka setia kepada kerajaan Madinah. Selain itu mereka juga perlu bertanggungjawab

---

[35] Penyatuan antara puak dan kabilah di Madinah sangat penting dalam mewujudkan satu kekuatan sebagai persediaan untuk mengharungi penentangan daripada musuh. Menyedari hakikat tersebut, baginda S.A.W telah merencanakan beberapa pendekatan dan program dalam usaha untuk membina kesatuan dalam masyarakat di Madinah. Antaranya ialah melalui pembinaan masjid, ikatan persaudaraan, dan ikatan melalui *Sahifah*.Sila rujuk Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 212-221.Juga rujuk Dr. Ali Muhammad Al-Sallabi,*Al-Sirah Al-Nabawiyah*(Beirut : Dar Al-Ma'rifah, 2005), 299.

[36] Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam Se-Malaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984), 67.

[37] Abdul Monir Yaacob,"Piagam Madinah : Penterjemahan Pelaksanaan Di Malaysia," Dalam *Islam, Politik Dan Kerajaan*, ed. Khairul 'azmi Mohamad (Johor : Pejabat Ketua Penerangan Dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, 2003), 135.

dalam membantu kaum muslimin dalam mempertahankan Negara Islam Madinah daripada segala bentuk pencerobohan dan ancaman dari musuh.

Salah satu agenda politik Rasulullah S.A.W dalam pembentukan Piagam Madinah adalah untuk membina satu hubungan perpaduan nasional dalam masyarakat di Madinah.Manakala dalam konteks dakwah, pembentukkan Piagam Madinah telah memberi ruang yang sangat luas kepada usaha dakwah Islam.[38]Ini kerana, ianya merupakan satu medium yang sangat penting ke arah mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan sistematik dalam pentadbiran kerajaan sejajar dengan cita-cita baginda yang mahu membentuk Madinah sebagai sebuah Negara Islam.

Menjalin Hubungan Antarabangsa

Dalam usaha untuk membentuk Madinah sebagai sebuah Negara yang berdaulat, Rasulullah S.A.W telah menghantar perutusan surat dan juga wakil-wakil baginda kepada Negara-negara tertentu mewakili kedutaan bagi Negara Madinah.[39]Lantaran itu, hubungan diplomatik antara Madinah dengan Negara-negara lain semakin kukuh.Melalui hubungan diplomatik global yang dibina, baginda S.A.W telah menjadikan ianya sebagai satu peluang untuk menyebarkan dakwah Islamiah.Malah peristiwa *al-Fath* telah menjadi bukti kepada kemenangan politik umat Islam.[40]Ianya telah memberikan satu momentum kepada gerakan dakwah Islamiah di mana berduyun-duyun orang memeluk agama Islam. Firman Allah S.W.T :

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ۝١ لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ۝٢

Terjemahan: *Sesungguhnya kami Telah memberikan kepadamu kemenangan yang nyata, Supaya Allah memberi ampunan kepadamu terhadap dosamu yang Telah lalu dan yang akan datang serta menyempurnakan nikmat-Nya atasmu dan memimpin kamu kepada jalan yang lurus.*

(Surah al-Fath 48: 1-2)

---

[38] Ibrahim Che Noh,"Dakwah Dan Pemikiran Politik", 17.

[39] Surat-surat seruan Islam yang dihantar oleh Rasulullah S.A.W adalah seperti kepada Hiraqla iaitu penguasa Rom, Kisra Parsi dan Muqauqis pemerintah Qibti di Mesir.Surat-surat tersebut mengandungi seruan Rasulullah S.A.W yang bermaksud "*Aku menyeru kamu kepada seruan Islam.Masuklah Islam kamu pasti akan sejahtera*."

[40] Ibrahim Che Noh,"Dakwah Dan Pemikiran Politik", 17.

Perjanjian Hudaibiah merupakan salah satu kemenangan awal yang dicapai oleh orang Islam.Ibrahim Che Noh menjelaskan bahawa Perjanjian Hudaibiah yang dimetarai oleh Rasulullah S.A.W bersama para sahabat dengan pihak Quraisy merupakan sebuah perjanjian politik.Ianya telah memberi peluang kepada Rasulullah S.A.W untuk menghantar pendakwah Islam ke seluruh pelusuk di muka bumi.[41]

Manakala Abu Syuhbah menjelaskan antara keuntungan bagi orang Islam dalam perjanjian Hudaibiah adalah perjanjian tersebut telah memberi jaminan kepada orang Islam untuk melakukan dan menyebarkan dakwah Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Arab bahkan diluar daripadanya. Lantaran itu, Rasulullah S.A.W telah menulis surat kepada para raja dan ketua Negara untuk menyeru dan mengajak mereka kepada Islam. Maka, dakwah Islam semakin tersebar meluas berganda-ganda berbanding dengan sebelumnya.[42]

Mesej dakwah Rasulullah S.A.W sangat jelas melalui utusan-utusan yang dihantar oleh baginda kepada para pembesar, ketua Negara dan para raja. Antaranya seperti Muaz bin Jabal dan Malik bin Mararah diutus oleh Rasulullah S.A.W untuk menemui Raja-Raja Yaman yang bersaudara iaitu Al-Harith Bin ‘Abd Kilal Al-Humairi, Syarih Bin ‘Abd Kilal dan ‘Abd Kilal. Raja-raja tersebut telah diberi dua pilihan sama ada memeluk Islam ataupun membayar jizyah kepada kerajaan Madinah. Lantaran itu, kesemua mereka telah membuat keputusan untuk memeluk Islam.[43]

Selain itu, terdapat banyak lagi utusan-utusan Rasulullah S.A.W yang membawa surat rasmi kerajaan Madinah untuk dihantar kepada pemimpin-pemimpin Negara lain. Di samping mendapat pengiktirafan daripada Negara luar terhadap Madinah sebagai sebuah Negara yang berdaulat serta mengadakan hubungan diplomatik yang baik diperingkat antarabangsa, pada masa yang sama mesej dakwah Rasulullah telah berjaya memperkenalkan Islam kepada masyarakat yang lebih luas, khususnya di peringkat kepimpinan Negara.[44]

---

[41] *Ibid*., 18.

[42] Muhammad Bin Muhammad Abu Syuhbah, *Al-Sirah Al-Nabawiyah Fi Daw’ Al-Quran Wa Al-Sunnah* (Damsyiq : Dar Al-Qalam, 2009),2:340. Juga rujuk Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*,346-347.

[43] Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia”, 43.

[44] *Ibid.*

Untuk membuktikan kedaulatan Negara Islam Madinah, satu cap mohor telah direka khas sebagai simbolik terhadap kewujudan Madinah sebagai sebuah Negara berdaulat. Cap mohor ini akan digunakan bagi setiap perutusan surat kepada ketua-ketua Negara. Cap mohor ini adalah sebentuk cincin khas yang telah diperbuat daripada perak dan mempunyai ukiran yang tertera padanya tiga kalimah iaitu Muhamad, Rasul dan Allah, sekaligus merupakan lambang rasmi Negara Islam Madinah. Selain daripada cap mohor tersebut, setiap perutusan surat daripada Rasulullah S.A.W lazimnya akan didahului dengan kalimah dan seruan dakwah supaya beriman kepada Allah.

Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri menjelaskan bahawa cap rasmi telah digunakan oleh Rasulullah S.A.W untuk menghantar surat kepada raja dan ketua Negara. Cap tersebut diperbuat daripada perak dengan tulisan Muhammad, Rasul dan Allah dalam tiga baris. Pemilihan utusan baginda untuk membawa surat-surat itu ditentukan kepada mereka yang mengetahui dan pakar dengan pihak yang mereka diutuskan.[45]

Kesimpulannya, melalui pendekatan-pendekatan tersebut, Rasulullah S.A.W telah berjaya memperkenalkan Islam kepada masyarakat yang lebih luas, khususnya di peringkat kepimpinan Negara. Di samping dapat membina hubungan diplomatik yang baik antara negara-negara lain, ia juga memberi kelebihan kepada usaha penyebaran dakwah Islam sekaligus dapat meluaskan lagi empayar Negara Islam. Dalam perkembangan lain, Madinah akan dilihat sebagai sebuah Negara Islam berdaulat yang seharusnya diiktiraf oleh negara-negara lain.

DAKWAH MELALUI POLITIK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Politik dari pandangan Islam ialah menjaga urusan umat di dalam dan di luar Negara dengan cara yang tidak menyalahi syariat Islam. Ianya berkait rapat dengan tujuan dakwah iaitu membawa manusia kepada syariat Islam. Oleh itu, melalui dua bidang berbeza, ia mampu menjadi satu adunan yang baik jika digabungkan untuk mencapai tujuan yang sama. Pada hakikatnya, kombinasi dakwah dan politik sememangnya tidak dinafikan lagi pada hukum Islam.Melihat kepada perlaksanaan Rasulullah S.A.W sebagai ketua pemerintah dalam kerajaan Islam Madinah, ianya sudah cukup dijadikan hujah bagaimana politik diintegrasikan dengan dakwah Islamiah.Hasilnya Islam tersebar dengan lebih meluas dan kebangkitan Islam telah mencapai kemajuan dalam semua aspek bidang kehidupan.

---

[45] Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam*, 416.

Dakwah Dan Politik Menurut Pandangan Al-Quran Dan Hadith

Islam dan politik adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan.Rasulullah S.A.W memerlukan kepada kuasa politik untuk memastikan orang Islam melaksanakan setiap hukum yang disyariatkan di dalam Al-Quran dan menghukum orang yang tidak mematuhinya. Firman Allah S.W.T :

إِنَّآ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ لِتَحۡكُمَ بَيۡنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُۚ وَلَا تَكُن لِّلۡخَآئِنِينَ خَصِيمٗا ١٠٥

Terjemahan: *Sesungguhnya kami Telah menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang Telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi penantang (orang yang tidak bersalah), Karena (membela) orang-orang yang khianat.*

(Surah al-Nisa' 4: 105)

Rasulullah S.A.W juga telah berdoa kepada Allah supaya diberikan kekuasaan untuk menegakkan urusan dakwah.Kekuasaan dalam politik dan pemerintahan telah menjadi tunjang kepada gerakan dakwah baginda S.A.W. Bahkan perlaksanaan dakwah Islamiah menjadi lebih meluas apabila baginda S.A.W dilantik menjadi pemerintah di Madinah. Firman Allah S.W.T :

وَقُل رَّبِّ أَدۡخِلۡنِي مُدۡخَلَ صِدۡقٖ وَأَخۡرِجۡنِي مُخۡرَجَ صِدۡقٖ وَٱجۡعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلۡطَٰنٗا نَّصِيرٗا ٨٠

Terjemahan: *Dan Katakanlah: "Ya Tuhan-ku, masukkanlah Aku secara masuk yang benar dan keluarkanlah (pula) Aku secara keluar yang benar dan berikanlah kepadaku dari sisi Engkau kekuasaan yang menolong.*

(Surah al-Isra'17: 80)

Merujuk kepada definisi politik, ianya dapat disimpulkan dengan pengurusan manusia dan pentadbiran Negara untuk mencapai keamanan dan keharmonian hidup selari dengan kehendak syarak dan hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. Justeru, keberkesanan pengingtegrasian politik dan dakwah yang dilakukan oleh baginda S.A.W telah berjaya mengurus dan menyatupadukan masyarakat Madinah yang

bertelagah. Mereka diikat dengan satu ikatan persaudaraan tanpa mengira status, darjat, ras dan keturunan, bangsa, kaum dan warna kulit sehingga mewujudkan satu suasana yang harmoni di Madinah.[46] Bahkan pancaran syiar Islam terus menyinar sehingga telah mendapat perhatian Negara-negara lain. Firman Allah S.W.T :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ
لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

Terjemahan: *Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*

(Surah al-Hujurat 49: 13)

Dalam masa yang sama, kebajikan dan hak bagi golongan non-Muslim dan kaum Yahudi sangat dititikberatkan oleh baginda S.A.W. Tiada sebarang unsur penindasan dan penganiayaan yang dilakukan kepada mereka. Bahkan Sistem politik Islam yang mengamalkan prinsip menegakkan keadilan dan kesama-rataan telah menjaga hak-hak bagi orang yang lemah tanpa mengira perbezaan bangsa, etnik mahupun warna kulit.[47] Lantaran itu, tindakan tersebut telah menjadi tarikan dakwah untuk manusia mengenali dan mendekati Islam di samping menzahirkan ketaatan kepada pemerintahan Rasulullah S.A.W. Firman Allah S.W.T :

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ
أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا
٥٨

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya*

[46] Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, 214.

[47] Khalid Ibn ‘Ali Ibn Muhammad, *Sistem Politik Islam Menurut Al-Quran, Sunah Dan Pendapat Ulama Salaf*, 50.

Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.

(Surah al-Nisa' 4: 58)

Baginda tidak menyekat kepada mana-mana kaum Muslim untuk mengadakan hubungan yang baik terhadap golongan non-Muslim ataupun kaum Yahudi selagi mereka tidak mendatangkan ancaman kepada Islam dan memberi ketaatan yang baik kepada pemerintah Islam. Kerjasama dan hubungan baik yang terjalin itu secara tidak langsung akan menjadi usaha baginda S.A.W untuk berdakwah kepada golongan non-Muslim dan kaum Yahudi di Madinah pada ketika itu. Firman Allah S.W.T :

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓاْ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu Kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 8)

Kebijaksanaan Rasulullah S.A.W dalam berpolitik iaitu mentadbir dan mengurus pemerintahannya telah menjadikan baginda sebagai seorang ketua yang disegani dan dihormati oleh rakyatnya.Ketaatan yang tidak berbelah bahagi telah diberikan kepada Rasulullah S.A.W sebagai ketua pemimpin mereka.Kemanisan iman dan nikmat ketaqwaan yang disemai oleh Rasulullah S.A.W telah tumbuh subur dan sebati di dalam diri kaum Muslim.Begitu juga bagi kaum non-Muslim, mereka telah bersepakat untuk memberi ketaatan kepada Rasulullah S.A.W sebagai ketua pemimpin di Madinah. Firman Allah S.W.T :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah*

dan taatilah Rasul (nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

(Surah al-Nisa' 4: 59)

Hadis riwayat Ibnu Umar r.a :

عَنْ ابْنِ عُمَرَعَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Terjemahan: *Dari Ibnu Umar r.a., dari Nabi S.A.W. beliau bersabda: Kewajiban seorang muslim adalah mendengar dan taat dalam melakukan perintah yang disukai atau pun tidak disukai, kecuali bila diperintahkan melakukan maksiat. Bila dia diperintah melakukan maksiat, maka tidak ada kewajiban untuk mendengar serta taat.*[48]

Dakwah Dan Politik Menurut Pandangan Ulama Islam

Politik yang memenuhi tuntutan dakwah adalah lambang ketulenan perjuangan politik Islam. Ini kerana tanpa adanya unsur dakwah, politik Islam akan kehilangan maknanya. Menurut Khairul 'Azmi Mohamad, politik Islam adalah politik dakwah.[49]Ia adalah politik yang mempunyai adab kesopanan, budi bahasa yang tinggi, akhlak yang mulia serta keluhuran budi pekerti. Politik Islam diperjuangkan bukan kerana politiknya tetapi kerana Islamnya.[50]Justeru, perjuangan politik Islam perlulah menyerlahkan kehebatan dan kemurnian ajaran Islam.

---

[48] Hadith Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Ahkam, Bab al-Sammu'i wa al-Taati li al-Imam Ma Lam Takun Maksiati, no. Hadith 7144, dan Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Wujub Taat al-Umara' Fi Ghairi Maksiati wa Tahrimuha Fi al-Maksiati, no. Hadith 1839.Lihat Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *al-Jami' al-Sohih*(Qaherah : al-Maktabah al-Salafiah, 1400h), 329 dan Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim* (Riyadh : Dar Toyyibah, 2006), 892.

[49] Khairul 'Azmi Mohamad, "Kepimpinan Politik Dalam Islam : Satu Analisis Awal Dalam Konteks Malaysia,"dalam*Islam, Politik Dan Kerajaan*, ed. Khairul 'Azmi Mohamad (Johor : Pejabat Ketua Penerangan Dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, 2003), 36-37.

[50] *Ibid*., 47.

Manakala Al-Mawardi iaitu seorang lagi tokoh mazhab syafi'e terkemuka Islam dalam bidang sains politik, juga menekankan kepentingan kuasa politik digunakan untuk memartabatkan agama.Al-Mawardi juga menjelaskan bahawa Imamah adalah untuk menggantikan nubuwwah bagi mengawasi agama dan mengawasi siasah dunia yang berkaitan dengannya.[51]

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa tugas ahli poltik Islam adalah lebih berat berbanding dengan ahli politik bukan Islam.Ini kerana tugas mereka bukan hanya memastikan rakyat mendapat hak dan pembelaan sewajarnya tetapi yang lebih penting ialah mengajak rakyat kembali kepada kebenaran. Islam dizahirkan dan dijelaskan kepada rakyat seterusnya mengajak mereka ke arah menghayati cara hidup Islam.[52] Dalam perkembangan lain, Sayyid Qutb juga menegaskan bahawa politik dan dakwah bagi umat Islam tidak boleh dipisahkan. Ini kerana politik itu hanya wasilah kepada tugas yang lebih besar iaitu mengajak manusia kepada Allah S.W.T dan menegakkan sistem Islam dalam semua aspek kehidupan.[53]

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menjelaskan bahawa jika politik diaplikasikan berdasarkan syariat Islam, maka ia akan menghasilkan satu usaha keras untuk mencapai tujuan manusia yang paling utama iaitu mengesakan Allah S.W.T, membersihkan hati, mengagungkan rohani, menciptakan umat yang istiqamah, sekaligus dapat merealisasikan tujuan Allah dalam menciptakan manusia iaitu supaya beribadah kepada Allah, menjadi khalifah di muka bumi, serta menegakkan kebenaran dan keadilan.[54]

Al-Qaradhawi menegaskan lagi bahawa jika agama yang benar diadaptasi ke dalam politik semestinya akan memberikan pengaruh positif dan mengarahkan kepada kebaikan, menunjukkan jalan yang benar dan menghindarkan daripada kesesatan dan kesalahan. Selain itu, segala bentuk kezaliman, penipuan dan penindasan terhadap golongan yang lemah akan

---

[51] Al-Mawardi, `Ali ibn Muhammad, *Al-Ahkam Al-SultaniahWa-Al-Wilayat Al-Diniyah*(Beirut : Dar Al-Kutub Al-`Ilmiyah, t.t), 5. Juga rujuk Mohd Nasran Mohamad, "Teori Politik Al-Mawardi Mengenai Khalifah,"dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani(Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 56-57.

[52] Amir Husin Mohd Nor, "Etika Politik Menurut Pandangan Sayyid Qutb," dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani(Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 75-76.

[53] *Ibid*., 83.

[54] Dr. Yusuf Al-Qaradhawi,*Ad-din Wa As-Siyasah : Ta'shiilun Wa Raddu Syubuhat*(Kaherah: Darul Syuruq, 2007), 79.

dapat dihapuskan bahkan keadilan akan dapat ditegakkan.[55] Agama juga akan berperanan untuk membantu dan memberi sokongan kepada pemerintah untuk terus berusaha dalam mencapai kebaikan terhadap rakyatnya.[56]

Dalam perkembangan lain, Al-Qaradhawi juga sangat tegas menjelaskan bahawa tidak ada pemisahan antara agama dan politik. Ini kerana menjauhkan politik daripada agama adalah sama dengan menjauhkan politik daripada unsur-unsur pembentuk kebaikan dan penolak kejahatan, menjauhkan daripada pendorong kebaikan dan ketaqwaan, serta membiarkan politik penuh dengan dosa dan permusuhan.[57]

Al-Qaradhawi juga memetik pendapat Syeikh Muhammad Al-Khidhr Husain[58] yang mengatakan bahawa Islam adalah sebuah agama yang mengajarkan kepada umatnya tentang keseluruhan aspek termasuklah dasar-dasar hukum dan norma-norma dalam politik. Bahkan Al-Khidhr menegaskan bahawa orang yang mengingkari adanya ajaran-ajaran tersebut hanyalah orang yang bodoh terhadap ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah serta sejarah Khulafaur Rasyidin yang memutuskan persoalan dengan timbangan syariat dan ketika terjadi perbezaan pendapat, mereka akan kembali kepada kitab Allah iaitu Al-Quran dan sunnah Rasul-Nya.[59]

Dr. Abu Al-Maati Abu Al-Futuh menjelaskan bahawa antara objektif penubuhan kerajaan Islam adalah untuk melaksanakan dakwah kepada masyarakat-masyarakat lain kepada agama Allah dan menjelaskan hukum-hukumNya kepada mereka. Ini memerlukan jihad pada jalan Allah secara

[55] *Ibid*.

[56] *Ibid.,* 80.

[57] *Ibid*., 82.

[58] Syeikh Muhammad Al-Khidhr Husain merupakan seorang ulama besar dan beliau juga salah seorang syeikh Al-Azhar.Beliau juga antara salah seorang ulama yang menentang sekerasnya golongan yang berpendapat tidak ada politik dalam agama dan memisahkan agama daripada politik.Melalui bukunya yang berjudul *Rasa'il Al-Islah*, beliau secara terperinci menjelaskan tentang agama dan politik serta lantang mengkritik dalam menafikan pendapat-pendapat yang memisahkan agama dan politik.Bahkan Al-Khidhr telah menggunakan istilah kesesatan (*dhalalah*) bagi mengungkapkan tindakan memisahkan agama daripada politik.Ini kerana, tindakan tersebut merupakan suatu perkara baru yang termasuk dalam kategori bidaah.Beliau berhujah berdasarkan sebuah hadith sahih iaitu setiap bidaah adalah sesat. Tindakan memisahkan agama dan politik juga berlawanan dengan apa yang dibawa oleh Islam. Ini kerana Al-Khidhr menyatakan bahawa terdapat banyak dalil yang menunjukkan bahawa Al-Quran sangat mempraktikkan urusan muamalah dan mengandungi petunjuk politik bagi pemerintah sebagaimana firman Allah taala dalam Surah Al-Maidah, ayat : 50.

[59] Dr. Yusuf Al-Qaradhawi,*Ad-din Wa As-Siyasah : Ta'shiilun Wa Raddu Syubuhat*, 85.

lisan dan perlu menggunakan kekerasan jika kalimah Allah itu disekat dari sampai kepada masyarakat-masyarakat lain.[60]Beliau juga antara lainnya merupakan salah seorang tokoh Islam yang tegas dan lantang menentang pendapat yang memisahkan agama Islam dan politik.Beliau juga menegaskan bahawa Islam tidak hanya terbatas kepada soal rohani semata-mata, bahkan Islam meliputi keseluruhan aspek kehidupan termasuk dalam soal politik dan pemerintahan.[61]

Dalam perkembangan lain, Dr. Subhi Al-Salih menjelaskan bahawa mendirikan Negara Islam dan melantik imam atau ketua merupakan suatu kewajipan dalam Islam.[62]Pendapat ini juga disokong oleh Dr. Ab. Aziz Mohd Zin yang menjelaskan bahawa mewujudkan sebuah Negara Islam merupakan salah satu daripada peringkat pencapaian matlamat dakwah.[63] Penubuhan Negara Islam secara tidak langsung akan mewujudkan satu sistem kawalan, pengurusan dan pentadbiran terhadap manusia. Sistem kawalan dan pengurusan manusia berdasarkan peraturan yang sesuai dan adil sangat penting untuk membawa manusia kepada keselamatan, kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ianya bertepatan dengan tujuan dakwah Islam.Ini kerana Dr. Ab. Aziz Mohd Zin menjelaskan bahawa dakwah adalah satu usaha yang bertujuan untuk membawa manusia kepada keselamatan, kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.[64]Walaubagaimanapun, tujuan dakwah ini tidak mungkin tercapai tanpa adanya suatu bentuk kawalan dan pengurusan manusia yang betul. Oleh itu, pembinaan Negara Islam amat penting dan diperlukan untuk mewujudkan satu sistem kawalan dan pengurusan manusia atau dengan kata lain kuasa politik yang dimiliki dapat digunakan oleh ketua pemerintah untuk mengawal manusia secara adil, saksama, dan sesuai dengan keperluan manusia.[65]

Manakala Dr. Basri Bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari[66] mengatakan bahawa

[60] Dr. Abu Al-Maati Abu Al-Futuh, *Penyelesaian Islam Dari Sudut Sistem Politik*(Selangor : Pustaka Fajar, 1985), 85.

[61] *Ibid*.,14-15.

[62] Subhi Al-Salih,*Al-Nuzum Al-Islamiyyah* (Beirut : Dar Al-Malayin, 1976), 57.

[63] Ab. Aziz Mohd Zin et al.,*Dakwah Islam Di Malaysia*(Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 67.
Juga rujuk Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah,* 34.

[64] Ab. Aziz Mohd Zin et al.,*Dakwah Islam Di Malaysia*, 67.

[65] *Ibid.*

[66] Dr. Basri Bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari juga antara tokoh Islam yang mengatakan bahawa Islam dan politik tidak boleh dipisahkan kerana politik itu sendiri sebahagian

perjuangan melalui kuasa politik merupakan titik tolak kepada umat Islam untuk menggunakan kekuatan ilmu dan minda di dalam menghadapi penjajahan.[67]Ini kerana jihad terbahagi kepada dua iaitu jihad Bi Al-Saif dan jihad madani.Adapun jihad Bi Al-Saif adalah jihad menentang musuh dengan mata pedang, manakala jihad madani pula adalah jihad dengan menggunakan tenaga dan pemikiran. Dengan kata lain, kuasa politik juga merupakan satu cara melakukan amar makruf dan nahyu mungkar di mana ianya mampu memperbetulkan penyelewengan, permusuhan, permasalahan dan penindasan sama ada di kalangan masyarakat mahupun di kalangan para pemerintah tanpa sebarang pertumpahan darah.[68]

Dr. Basri menjelaskan lagi bahawa membina sebuah Negara Islam sangat penting bagi mewujudkan penguasaan Islam dalam pemerintahan dan kuasa politik.Kuasa yang dimiliki sangat penting untuk memastikan kewajipan jihad dapat dilaksanakan bagi menjaga dakwah Islam dan bumi Islam dan juga menyebarkan risalah Islam ke seluruh alam. Sebuah Negara Islam akan dapat menjaga dan memantapkan akidah Islam serta menghapuskan fitnah dan segala yang memburukkan dan memudaratkan sinaran cahayanya. Syiar dan ibadah Islam dapat ditegakkan tanpa sebarang halangan.Adab dan akhlak Islam terus disemai dalam masyarakat serta undang-undang berlandaskan Islam dapat dilaksanakan dalam semua aspek kehidupan.[69]

Pemerintahan Islam juga perlu mengaplikasikan kuasa yang dimiliki untuk menunaikan tanggungjawab terhadap rakyatnya untuk mengembalikan masyarakat kepada pangkuan Islam dan hakikat agama yang datang daripada Allah S.W.T. Bersaksi hanya Allah sebagai tuhan sekalian alam dan Muhammad S.A.W adalah RasulNya.Menghapuskan segala pemikiran dan pengaruh serta semangat perkauman (*asobiyyah*) yang boleh memecahkan-belahkan masyarakat dan menghalakannya kepada kiblat yang satu. Masyarakat Islam dibina berasaskan kepada iman dan taqwa kepada Allah S.W.T.[70]

---

daripada Islam sebagaimana ibadat, akidah, ekonomi, jenayah dan lain-lain. Menolak politik bererti menolak sebahagian daripada ajaran Islam dan sekaligus mencacatkan kedudukan Islam sebagai agama yang lengkap dan syumul.Beliau juga menegaskan bahawa tindakan memisahkan agama dan politik bukan sahaja satu perbuatan yang haram dan berdosa, malah pelakunya boleh terjebak ke lembah kekufuran.Sila rujuk Dr. Basri Bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari,*Isu-Isu Fiqh Semasa Halal Dan Haram : Ilmu, Akidah, Syariah Dan Akhlak*(Selangor : Al-Hidayah Publication, 2009),2:247-248.

[67] *Ibid*., 2:305.

[68] *Ibid*., 2:247.

[69] *Ibid*., 2:244-246.

[70] *Ibid*., 2:244.

Beliau juga mengatakan bahawa adalah tidak wajar sama sekali orang yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menegakkan ajaran Islam secara menyeluruh pada diri, keluarga, masyarakat dan juga Negara, dikatakan mempolitikkan agama dan mengagamakan politik. Begitu juga dengan orang yang berjuang agar hukum-hukum Islam dilaksanakan dalam pentadbiran dan perundangan Negara, juga tidak boleh dikatakan sebagai golongan yang cuba mempolitikkan agama dan mengagamakan politik. Ini kerana setiap orang Islam sememangnya disuruh dan diperintahkan supaya melaksanakan ajaran Islam di dalam kehidupannya.[71]

KESIMPULAN

Politik bukanlah suatu perkara yang baru dalam Islam.Bahkan politik dan Islam merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Politik dalam Islam sangat penting dalam usaha untuk mengurus, mentadbir dan memimpin manusia untuk menuju kepada kehidupan yang diredai Allah S.W.T. Dalam masa yang sama, politik Islam juga berperanan sebagai wasilah dakwah. Hakikat ini bukanlah sebagai suatu perkara yang baru bagi umat Islam, bahkan pendapat yang mengatakan dakwah dan politik sebagai dua perkara yang berasingan hanyalah akan merugikan umat Islam itu sendiri. Malah pendapat tersebut juga dianggap sebagai menafikan pembabitan Rasulullah S.A.W dalam berpolitik sebagai ketua pemerintah kerajaan Islam di Madinah. Pada masa yang sama juga kebangkitan para ulama dan tokoh Islam dalam melontarkan hujah dan memberi amaran yang keras kepada golongan yang berfikiran sekularisme dan liberalisme, sekaligus telah menafikan dan menolak pendapat yang memisahkan agama dan politik amnya serta dakwah dan politik khususnya.

[71] *Ibid*., 2:248.

RUJUKAN

Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*(Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 96.

Ahmad Ridza Bin Abdul Rahman, *Pemikiran Politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah*

(Disertasi, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 30.

Azahar Bin Yaakub @ Ariffin*, Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam Semalaysia* (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 5.

Ghazali Darul Salam,*Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 1.

H. Mahmud Yunos, ed., *Kamus Arab – Indonesia* (Indonesia : Padang, Jakarta, 1998), 127.

Khalid Ibn ‘Ali Ibn Muhammad, *Sistem Politik Islam Menurut Al-Quran, Sunah Dan Pendapat Ulama Salaf* (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2008), 3.

Muhammad Abdullah Al-‘Arabi, *Nizam Al-Hukm Fi Al-Islam* (Beirut : Dar al-Fikr, 1968), 23.

Muhammad Dhiya Al-Din Al-Rayes, *Nadariyat al-Siasat al-Islamiyah*, ed. ke-4 (Kaherah : t.p., 1967), 22.

Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq Al-Makhtum : Bahth Fi Al-Sirah Al-Nabawiyah `Ala Sahibiha Afdal Al-Salah Wa-Al-Salam* ( Riyadh : Dar Al-Salam Lil-Nashr Wa-Al-Tawzi`, 2004), 77.

Yusof Al-Qardawi, *Thaqafah Al-Da’iyah* (Beirut : Dar Al-Ahya Al- Turath, 1978), 5.

KEFUNGSIAN KELUARGA DAN KONSEP KENDIRI REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN

Oleh:
Zaizul bin Ab.Rahman[1]
Norrodzoh Siren[2]
Fakhrul Adabi Abdul Kadir[3]

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara kefungsian keluarga dan konsep kendiri dalam kalangan remaja yang bermasalah di pusat pemulihan. Subjek kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar yang dipilih secara persampelan bertujuan di dua pusat pemulihan akhlak iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam Selangor dan Pelatih Lelaki di Sekolah Henry Gurney,Melaka. Dua inventori digunakan dalam kajian ini iaitu Coopersmith Self-Esteem Inventory (CFSEI) untuk mengukur konsep kendiri dan Family Adapbility Cohesion Skill 2 (FACES 2) mengukur persepsi pendakwah terhadap kefungsian keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefungsian keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsep kendiri remaja. Spesifiknya, sokongan dan penglibatan ibubapa berhubung secara positif dengan penghargaan kendiri remaja dan corak jenis kawalan ibu bapa adalah hubungan negatif dengan penghargaan kendiri remaja perempuan. Dari segi jantina remaja didapati penghargaan kendiri remaja lelaki adalah lebih berhubung dengan dimensi kawalan dan penglibatan ibu bapa,manakala penghargaan kendiri remaja perempuan adalah lebih berhubung dengansokongan dan kawalan ibu bapa. Implikasi utama kajian ini adalah mendedahkan bahawa kefungsian keluarga adalah memainkan peranan penting dalam pembentukan konsep kendiri remaja.

[1] Universiti Kebangsaan Malaysia.
[2] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
[3] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between family functioning and self-concept in the process among the troubled youth in a rehabilation center. The subject of this study consists of 100 students selected two sampling aimed at the reform school Baitul Ehsan Women Protection Centre, Sabak Bernam, Selangor and Coach Men in a Henry Gurney School, Malacca. The two inventories used in this study the Coopersmith Self Esteem Inventory (CFSEI) to measure self-concept, and Family Cohesion Adapbility Skill 2 (FACES 2) measure the perception of functional family. The study showed that family functioning has a significant relationship with adolescent self-concept. Specially, the support and involvement of parents in a positive relation with the dimensions of control and parental involvement, and personal appreciation of girls is more in relation to support and parental controls. The main implications of this study was revealed that family functioning is an important role in shaping teenagers' self concept.

PENGENALAN

Kefungsian kekeluargaan dan konsep kendiri adalah satu norma dan prinsip-prinsip dalam kekeluargaan yang perlu ada dalam perkembangan sesebuah keluarga yang bahagia. Di dalam disiplin ilmu psikologi, aspek konsep kendiri dan kefungsian kekeluargaan sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam proses pengkajian dan penilaian tentang tingkah laku dan kognisi manusia secara lebih berstruktur dan mempunyai nilai saintifik yang tersendiri mengikut peredaran zaman yang semakin maju ke hadapan lebih-lebih lagi dalam pengkajian mengenai para remaja di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Sekolah Henry Gurney dari aspek kefungsian kekeluargaan dan konsep kendiri.

Pengaruh kekeluargaan juga amat penting dalam mencorakkan pembentukan tingkah laku dan pembelajaran remaja sebelum mereka menginjak kepada suasana persekitaran masyarakat di luar lokus kawalan keluarganya. Pengaruh kekeluargaan antaranya ialah dari segi ibu bapa tradisional dan moden, gaya kepimpinan ketua keluarga, keluarga yang bermasalah dan normal, keluarga yang penuh atau kurang kasih sayang, layanan dan didikan agama yang kuat atau kurang, pengaruh ekonomi, jantina, tempat tinggal dan nilai pendidikan keibubapaan itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa

kefungsian keluarga boleh mempengaruhi perkembangan dan kesejahteraan individu dari segi emosi, mental dan fizikal (Rozumah, Siti Nor, Rojanah & Abdullah al-Hadi, 2003; Shak, 2001; Howard & Johnson, 2005).

Terdapat beberapa kajian lalu yang mengkaji tentang kebolehpercayaan kajian kefungsian kekeluargaan yang dijalankan dalam kajian ini. Salah satu kajian tentang kajian kefungsian kekeluargaan tersebut adalah kajian oleh Robinson, Post dan Khakee (1992) yang menggunakan teknik uji dan uji semula (*test-retest*). Sejumlah 151 banduan penjara dijadikan sebagai subjek kajian di mana dua blok banduan kes jenayah berat diminta menjawab soal selidik ini dalam dua situasi yang dipisahkan dalam masa dua minggu. Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan uji-uji semula dalam jangka masa dua minggu ialah 0.83, manakala pekali alfa bernilai 0.85. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa alat ujian ini dapat memberi maklumat yang tekal dan boleh dipercayai.

Jika diteliti dengan lebih mendalam aspek kefungsian kekeluargaan terdapat banyak alat ujian yang digunakan untuk pelbagai tujuan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan objektif terhadap hasil sesuatu kajian mengenai tahap kefungsian kekeluargaan. Kajian ini sebenarnya memberikan pengaruh yang amat besar pada kehidupan remaja. Maklumat yang tepat dan berkesan amat diperlukan untuk membantu membuat keputusan yang mempunyai nilai kesahihan, keyakinan dan ketekalan yang tinggi.

Fernando I. Rivera, Peter J. Guarnaccia, Norah Mulvaney-Day, Julia Y.Lin, Maria Torres and Margarita Alegria (2008) yang menjalankan satu kajian ke atas 2540 subjek yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah tinggi untuk melihat sejauhmana hubungan di antara kefungsian keluarga remaja dengan penghargaan kendiri seseorang individu itu. Subjek yang dipilih adalah di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai kedua-dua ibu bapa serta tinggal bersama dengan mereka. Keputusan kajian tersebut menunjukkan terdapat hubungan kefungsian kekeluargaan di antara komunikasi ibu bapa dan seseorang individu itu.

Kefungsian kekeluargaan dalam kehidupan seseorang remaja memainkan peranan yang penting dalam perkembangan personaliti seseorang itu. Kajian tinjau selidik Hamsan, Hanina Halimatusaadiah (2002) yang dilakukan ke atas 120 pelajar yang berumur antara 12 hingga 18 tahun mendapati bahawa kefungsian kekeluargaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan personaliti seseorang remaja. Dimensi kawalan kefungsian kekeluargaan yang melampau memberi kesan yang negatif

terhadap pembentukan personaliti seseorang remaja itu. Kewujudan faktor-faktor yang berisiko dalam keluarga juga memberikan kesan yang negatif kepada kefungsian keluarga dan konsep kendiri ahli keluarga (Sobolenski & Amato, 2005). Fallon (2001) yang mengkaji perkaitan di antara kefungsian keluarga dan perkembangan anak mendapati, anak remaja akan mengalami proses penyesuaian yang lebih baik apabila ahlikeluarga mereka saling bersatu-padu, sering meluahkan perasaan masing-masingdan menguruskan rumahtangga dengan teratur.

Alicia S.M. Leung et al (2011) menjalankan satu kajian tinjau selidik ke atas 145 orang pelajar universiti Hong Kong tentang pengaruh keeratan dalam hubungan remaja dengan ibu bapanya terhadap kefungsian kekeluargaan. Dapatan kajian menunjukkan semakin erat hubungan remaja dengan ibu bapa mereka semakin tinggi kefungsian kekeluargaan kendirinya. Faktor kerapatan hubungan juga memberikan kesan kepada hubungan kekeluargaan mereka.

Hampson, Hulgus dan Beavers (1991) menggunakan kaedah '*concurent validity'* bagi melihat isu kesahan kefungsian kekeluargaan FACES 2. Dalam kajian tersebut FACES 2 telah dikorelasikan dengan '*Self-Reports Family Inventory* (SFI) dan mendapati pekali korelasi yang ditunjukkan adalah tinggi dan signifikan bagi SFI dengan nilai kohesi ($r = .93$; $k < .01$) dan kebolehsuaian ($r = .79$, ; .01).

Berdasarkan kajian Zaizul Ab. Rahman (2003) yang telah mengkaji para banduan penjara Kajang dan hasil dapatan kajian yang menggunakan ujian FACES 2 dan WART telah menunjukkan korelasi yang diperolehi adalah positif dan hubungannya adalah signifikan ($r = .017$, $k < .05$). Oleh itu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ketagihan kerja WART dengan kefungsian keluarga FACES 2. Jadi ini menunjukkan kefungsian keluarga itu berfungsi bagi yang bukan ketagihan kerja.

Dalam konteks kajian tempatan Azaman (2000) mendapati kesahan kriterium yang berhubungan dengan kaedah mengkorelasikan kefungsian kekeluargaan FACES 2 dengan markat konsep kendiri sebagai pembolehubah kriterium yang berhubungan menunjukkan bahawa pekali korelasi yang didapati adalah signifikan ($r = .50$; $k < .01$). Ini menunjukkan bahawa remaja yang mempersepsikan keluarga mereka dengan baik akan berkecenderungan memiliki konsep kendiri yang juga tinggi.

Penghargaan kendiri merujuk kepada nilai atau pandangan individu

terhadap diri sendiri sama ada positif atau negatif. Pandangan yang positif membawa kepada penghargaan kendiri yang tinggi, sebaliknya pandangan negatif membawa kepada penghargaan kendiri yang rendah. Individu yang tinggi penghargaan kendiri yakin dengan kebolehan keupayaan sendiri serta mengetahui kekuatan dan kelemahan diri. Rathus (1990) menerangkan penghargaan kendiri sebagai *'one's evaluation and valuing of oneself'*.

Dengan itu secara umumnya penghargaan kendiri *is our evaluation of our self. Global self-esteem is our overall evaluation of our self, how we generally feel about our self* (Dusek, 1996). Keupayaan individu untuk menilai diri akan menentukan sama ada beliau mampu untuk menengahkan keupayaan dirinya yang sebenar atau berselindung di sebalik mekanisme bela diri yang menebal. Kemahuan untuk menghormati diri sendiri adalah perlu supaya individu tidak merasa rendah diri dan mempunyai keyakinan dalam hidup.

Di dalam artikel ini perbincangan akan ditumpukan pada dua dimensi yang menunjukkan sifat, perasaan, kelakuan dan perangai semulajadi individu dalam konteks sosial iaitu '*ekstrovert*' dan *'instrovert'*. Individu '*ekstrovert*' merupakan seorang yang suka berdampingan dengan orang lain, '*impulsive'*, 'kuat' bercakap dan bersosial. Manakala *'instrovert'* pula menunjukkan sifat yang cenderung menyendiri, pemalu, suka melakukan kerja sendirian dan pendiam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah fenomena keluarga khususnya kefungsian keluarga dapat mempengaruhi penghargaan kendiri anak-anak remaja mereka. Kajian ini menumpukan kepada tiga dimensi tingkah laku keibubapaan iaitu sokongan, kawalan dan penglibatan dalam perhubungan penghargaan kendiri anak-anak remaja.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, ketingkahlakuan keluarga diandaikan sebagai pembolehubah yang utama dalam mempengaruhi konsep kendiri remaja dalam gerakan dakwah. Ibu bapa merupakan orang yang mempunyai pengaruh dan signifikan dalam hidup seseorang remaja.

HIPOTESIS KAJIAN

Sebanyak 3 hipotesis dibentuk berdasarkan pendekatan tingkah laku yang dibahagikan
kepada sokongan, penglibatan dan kawalan ibu bapa yang dapat

mempengaruhi konsep kendiri remaja :
1. Terdapat sokongan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kendiri remaja.
2. Terdapat penglibatan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja.
3. Terdapat kawalan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja.

TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam Selangor dan Pelatih Lelaki di Sekolah Henry Gurney, Masjid Tanah, Melaka dipilih kerana pengkaji ingin membuat generalisasi terhadap sekolah ini sahaja kerana batasan-batasan yang dihadapi oleh pengkaji seperti yang dijelaskan di awal tadi. Oleh kerana populasi sasarannya terdiri dari remaja bandar yang lebih dipengaruhi kepada berbagai aspek seperti rakan sebaya, mass media atau sekitaran masyarakat. Responden juga mewakili keluarga pertengahan dan pendidikan.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Seramai 100 orang pelatih telah dipilih sebagai subjek kajian. Pemilihan subjek dilakukansecara sampel bertujuan. Bagi memenuhi objektif kajian, sampel yang dipilih adalah berdasarkan kaedah pensampelan susun lapis, atau strata. Sampel susun lapis merupakan satu kaedah memilih sampel secara sampel bertujuan tetapi dari setiap strata dalam populasi. (Mohd. Najib,1999). Oleh itu, sampel dipilih secara sampel bertujuan berdasarkan umur dan jantina. Kesemua subjek dalam kajian ini adalah berumur antara 13 –17 tahun.

INSTRUMEN KAJIAN

Soal selidik bagi kajian ini diubahsuai berdasarkan inventori *Family Adapbility Cohesion Skill 2* (FACES 2) dan *Culture- Free Self-Esteem Inventory'* (CFSEI). Instrumen kajian dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan maklumat latar belakang responden. Bahagian B pula mempunyai item yang diubahsuaikan dari soal selidik FACES 2. Bahagian C pula mengandungi item yang diubahsuai dari soal selidik FACES 2 yang mengukur penghargaan kendiri.

ANALISIS DATA

Data kajian ini dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Pendekatan deskriptif yang digunakan terdiri daripada peratusan, frekuensi. Peratusan dan frekuensi digunakan bagi menunjukkan komposisi demografi

responden. Sementara bagi pendekatan inferensi, korelasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara dimensi-dimensi tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan diri. Manakala ujian-*t* digunakan untuk melihat perbezaan antara penghargaan kendiri di antara jantina. Data-data mentah yang diperolehi akan disusunkan mengikut jadual dalam bentuk peratusan, min, korelasi dan ujian-*t*.

ANALISA DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa dengan konsep kendiri remaja. Hipotesis pertama mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat sokongan ibu bapa yang amat tinggi (0.97), hubungannya antara sokongan dengan penghargaan kendiri remaja adalah signifikan (0.00) pada aras 0.05.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam kehidupan remaja masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan penghargaan kendiri seseorang remaja.

Hipotesis kedua mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat penglibatan ibu bapa berhubung dan signifikan dengan penghargaan kendiri yang kedua tinggi (0.60). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja adalah signifikan (0.00) pada aras 0.05. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam kehidupan remaja masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan penghargaan kendiri seseorang remaja. Hubungan yang tidak signifikan di antara kawalan ibu bapa dengan konsep kendiri remaja.

Hipotesis ketiga mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara kawalan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Manakala keputusan kajian menunjukkan kawalan ibu bapa tidak mempunyai hubungan secara signifikan dengan penghargaan kendiri.Terdapat perbezaan sokongan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan.

Hipotesis keempat mengandaikan terdapat perbezaan sokongan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Didapati min konsep penghargaan kendiri lelaki 17.02, manakala min perempuan ialah 16.91, terdapat perbezaan yang signifikan dengan analisis ujian-*t* iaitu $0.035<0.05$. Hasil kajian ini didapati memang remaja lelaki lebih memerlukan sokongan

daripada perempuan dalam peringkat remaja. Oleh kerana pertumbuhan fizikal remaja lelaki adalah pesat dalam peringkat ini, mereka lebih beremosi dan bergantung kepada ibu bapa. Kurangnya sokongan ibu bapa, akan timbullah rendah penghargaan kendiri, pencapaian akademik rendah, tingkah laku *impulsive*, penyesuaian sosial buruk atau mungkin anti sosial berlaku. (Peterson & Rolkins, 1987).

Hipotesis kelima mengandaikan terdapat penglibatan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan analisis Ujian-*t* di mana 0.68 > 0.05. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Henry, Wilson dan Peterson(1989) mendapati semua remaja memerlukan perhatian dan *companionship* dari ibu bapa. Tidak terdapat perbezaan yang signitifikan dari segi kawalan ibu bapa di antara remaja lelaki dan perempuan.

Hipotesis keenam mengandaikan terdapat perbezaan yang signitifikan dari segi kawalan ibu bapa. Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaanyang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan ujian-*t* 0.43 > 0.05. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan konsep kendiri di antara remaja lelaki dan perempuan. Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghargaan kendiri remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan Ujian-*t* 0.66 > 0.05. Dengan sebab ini, hipotesis yang dibina telah ditolak.

DIMENSI KEFUNGSIAN KEKELUARGAAN

Analisis kajian secara keseluruhan mendapati dimensi kawalan adalah tertinggi atau terkuat sekali mengikut minnya iaitu 1.930, diikuti dimensi penglibatan skor minpurata 1.766, manakala dimensi sokongan adalah paling rendah sekali ialah 1.698. Dengan keputusan ini, diikuti bahawa kawalan ibu bapa merupakan dominan dalam kalanganibu bapa. Daripada hasil kajian ini dapatkan dikatakan bahawa kawalan ibu bapa juga dapatmempengaruhi penghargaan kendiri anak-anak remaja. Anak-anak remaja akan merasakan diri mereka dihargai dan diterima oleh keluarga jika ibu bapa mereka tidakterlalu menggongkong pengerakkaan dan tingkah laku mereka.

KESIMPULAN

Setakat ini kajian tempatan tentang hubungan di antara hubungan keluarga dengan perkembangan kendiri anak-anak remaja masih lagi berkurangan. Keadaan ini menyebabkan sumber rujukan tempatan amatlah kurang jika dibandingkan dengan bahan rujukan luar negeri. Disarankan supaya lebih banyak lagi kajian lanjutan mengenai pengaruh kefungsian kekeluargaan ke atas pembentukan penghargaan kendiri remaja. Dalam kajian lanjutan, sampel kajian dicadangkan supaya dapat merangkumi berbagai-bagai aspek yang dapat mengambarkan populasi masyarakat yang sebenar. Dengan cara ini, keputusan kajian yang diperolehi itu dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas, misalnya etnik (Melayu, Cina, India), kelas sosioekonomi (kelas bawahan, pertengahan dan atasan) dan tempat tinggal (bandar dan luar bandar). Dari segi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang hendak dikaji, dicadangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti struktur keluarga, jenis keluarga, kualiti hubungan ibu bapa dengan anak dan kualiti hubungan adik-beradik juga diambil kira. Di samping itu, dicadangkan kajian lanjutan juga tidak sahaja mengambil kira tingkah laku keibubapaan dalam latar keluarga, tetapi juga ambil dari luar keluarga, seperti rakansebaya dan sekolah.

Seterusnya, faktor-faktor lain dalam kehidupan remaja mungkin juga lebih menyumbang kepada penghargaan kendiri remaja selain daripada kefungsian kekeluargaan seperti pergaulan dengan rakan sebaya, kebolehan fizikal dan mental dan pencapaian akademik mungkin juga menjadi penting dalam mempengaruhi pembentukan penghargaan kendiri ke atas proses dakwah. Dalam kajian lanjutan, pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti yang disebutkan di atas juga boleh membina satu model yang lebih lengkap berkenaan dengan faktor-faktor yang menyumbangkan kepada perkembangan penghargaan kendiri. Daripada segi cara pengumpulan data, dicadangkan data bagi aspek kefungsian kekeluargaan data dikumpul daripada pihak ibu bapa dan juga pihak remaja supaya keputusan dapat memberi implikasi berkenaan perbezaan interpretasi makna tingkah laku luaran bagi kedua-dua pihak iaitu ibu bapa dan remaja.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya didapati bahawa penilaian kendiri remaja adalah berpadanan dengan persepsi individu tentang tindak balas ibu bapa terhadap mereka. Dimensi kefungsian kekeluargaan yang berunsur sokongan dan penglibatan didapati berhubungan secara positif dengan penghargaan kendiri remaja kerana dimensi-dimensi ini dapat memberi tanda saran kepada remaja berkenaan nilai yang ada pada dirinya dan kepentingannya dalam

hidup ibu bapa, sementara dimensi kawalan yang membawa unsur negatif didapati berhubungan secara negatif, ini disebabkan kawalan merupakan satu percubaan ibu bapa untuk mengawal dan mengarah tingkah laku dan aktiviti anak yang mungkin menghalang peluang mereka untuk menjelajahi faktor lokus kawalan mereka. Penyelidik berharap dapat membantu pihak tertentu supaya boleh membuat rujukan atas kajian yang telah dikaji. Justerunya, dapat memperkembangkan kajian lanjutan mengenai pengaruh keluarga keatas pembentukan penghargaan kendiri remaja dijalankan dalam masa akan datang.

RUJUKAN

A. S.M., Cheung, Liu, (2011) "*The Relations between Life Domain Satisfaction and Subjective Well-Being"*, Journal of Managerial Psychology, 26 (2) 155 – 169.

Barry J. Fallon & Terry V.P. Bowles, (2001) " *Family Functioning and Adolescent Help-Seeking Behavior*", Journal of Family Relations, 50, 239- 245.

Block, J., & Tarula, E.(2004). *Identification, ego, control and rebellions. "Child Development,*" 34, 945 – 953.

Coopersmith, S.C. (1987). "*Self-Esteem Inventories*." California: Consulting Psychologists Press, Inc.

Erikson, E.H. (1963). "*Childhood and Society*." New York: Norton.

Hall, E.(2007). "*Child psychology today*." New York: Random House.

Hamsan, Hanina Halimatusaadiah (2002) *Prediktor Kefungsian Keluarga Berisiko yang Mempunyai Anak Remaja Resilien.* Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.

Howard, S., & Johnson, B. (2005), *What Makes Difference? Children and Teachers Talk about Resilient Outcomes for Chidren 'At Risk'*. Educational Studies. 26 (3): 321-339.

Litvosky, V.G., & Dusek, J.B. (2001). "*Perceptions of child rearing and self-concept development during the early adolescent years*." Journal of Youth and Adolescence,14(5), 373-387.

Fernando I. Rivera, Peter J. Guarnaccia, Norah Mulvaney-Day, Julia Y-Lin, Maria Torres and

Margarita Alegria, (2008), " *Family Functioning of Adolescents*", Journal of Behavioral Sciences, 30, 357- 378.

Konting (2000*). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan*." Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ghafar (2001). *"Penyelidikan Pendidikan* ." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Muss, R.E.(1969). "*Theories of Adolescence*." New York: Random House

Inc.
Malhi(1997). "*Harga Diri*." Kuala Lumpur: Self Esteem Seminars Sdn. Bhd.
Olson, D.H. , Bell, R. & Portner J. (2000). *Overview of Circumplex Model and FACES*
Minnesota: Family Social Sciences, University of Minnesota.
Richard Lightsey, O.R., & and Sweeney (2008). " The Functioning of Family", The FamilyJournal,; 16 (3), 212-221.
Rozumah, Siti Nor, Rojanah & Abdullah al-Hadi (2003). Dinamik Keluarga dan Pencapaian Anak. *Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.*
Shek, D.T.L. (2001). Paternal and Maternal Influence on Family Functioning among Hong Kong Chinese Familes. *Journal of Genetic Psychology. 162 (1): 56-74.*
Soboleuski, J.M., & Amato, P.R. (2005). Economic Handship in the Family of Origin and Children's Psychological Well Being in Adulthood. *Journal of Marriage and Family, 67; 141-156.*
Zaizul Ab. Rahman (2003), Hubungan Ketagihan Kerja dan Kefungsian Kekeluargaan di antara Banduan: Satu Kajian Kes di Penjara Kajang, *Tesis Sarjana, Bangi : Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

PENERIMAAN PROGRAM DAKWAH DALAM KALANGAN ORANG PEKAK DI TERENGGANU

Oleh:
Juwairiah binti Hassan[1]
Prof. Dr Ab Aziz Mohd Zin[2]
Dr Nor Raudah Hj Siren[3]

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu. Ia bertujuan untuk mengetahui pihak yang terlibat dengan orang pekak, pelaksanaan dakwah kepada orang pekak serta penerimaan dakwah dalam kalangan orang pekak di Terengganu. Kajian ini menggunapakai metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Set soal selidik, temubual dan observasi dilakukan untuk memenuhi kaedah penyelidikan. Sebanyak 56 set soal selidik diedarkan melibatkan orang pekak yang terlibat dengan program dakwah. Hasil kajian mendapati pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu adalah melalui penganjuran program-program dakwah yang dibahagikan kepada program bulanan, program mingguan dan program harian. Kajian turut mendapati terdapat dua jenis institusi terlibat dalam dakwah kepada orang pekak iaitu institusi kerajaan dan bukan kerajaan. Manakala penerimaan dakwah dalam kalangan orang pekak adalah pada tahap sederhana. Kajian ini diharapkan dapat membantu menambah baik program-program dakwah yang dilaksanakan kepada orang pekak di Terengganu.

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang bersifat sejagat atau universal iaitu sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira pangkat, rupa, harta, tahap intelek malah dari keturunan mana sekalipun. Ini bermakna Islam

[1] Juwairiah bt Hassan merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Pahang.

[2] Ketua Eksekutif, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan. Mantan Profesor Jabatan

[3] Dr Nor Raudah Hj Siren merupakan penyarah kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

bersifat *non exclusive* iaitu bukan khusus untuk satu-satu golongan sahaja. Malahan Rasulullah sendiri diutuskan oleh Allah sebagai *rahmah li al-Āmin* dan bukannya diutus untuk berdakwah kepada bangsa Arab sahaja (Zaidan, (t.t)). Oleh yang demikian, secara tidak langsung menjadi tanggungjawab utama kepada setiap pendakwah untuk berdakwah kepada semua golongan masyarakat. Namun demikian, realitinya di Malaysia pada hari ini, kebanyakan program dakwah yang dilaksanakan banyak tertumpu kepada golongan normal. Antaranya melalui penganjuran ceramah-ceramah serta kelas-kelas agama yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak (Ab Aziz M. Z., 2006).

Walhal Malaysia turut dihuni oleh golongan orang kurang upaya (OKU) yang terdiri daripada pelbagai kecacatan antaranya kurang upaya anggota, kurang upaya pendengaran, kurang upaya mental dan kurang upaya penglihatan. Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia menunjukkan terdapat seramai 426,838 OKU berdaftar dengan pihak JKM (Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, 2012). Pendakwah tidak boleh meminggirkan mereka daripada misi dakwah nasional kerana mereka turut ditaklifkan untuk beribadat selagi mana tidak kehilangan lebih dari satu pancaindera serta mempunyai hak untuk mengamalkan Islam sebagai *the way of life* (Anisah, 2007).

ORANG PEKAK

Pekak bermaksud tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Kirk *et. al* dalam Teng Shin Min (1986) mendefinisikan mereka yang mempunyai pendengaran yang terjejas teruk atau tidak boleh mendengar langsung sebagai pekak, manakala kategori lain kehilangan pendengaran dirujuk sebagai bermasalah pendengaran. Golongan pekak tidak dapat dikenalpasti secara zahir sehinggalah mereka mula berkomunikasi kerana ia merupakan jenis kecacatan yang tidak dapat dilihat secara jelas (Min, 1986).

Ramai yang keliru dengan kecacatan pekak dan bisu. Awam berpendapat kedua-dua kecacatan ini adalah dari kecacatan yang sama. Seseorang yang pekak tidak semestinya bisu begitu juga sebaliknya (Scheetz, 2004). Hamdi Ishak (2004) menerangkan bahawa pekak merupakan golongan yang bermasalah dalam pendengaran dan penerimaan bunyi manakala bisu pula bermasalah dalam sebutan dan pengeluaran bunyi namun ironinya ia mempunyai perkaitan rapat kerana jika mengalami kepekakkan ia juga boleh menyebabkan seseorang individu tersebut bisu.

Selain tokoh-tokoh dari barat, Islam sebenarnya dalam kitab suci al-Quran turut menyebut kalimah pekak sebanyak 12 kali (Hamdi Ishak, 2004). Ia digunapakai sebagai perumpamaan dan kiasan kepada golongan yang tidak mahu menerima risalah yang dibawa oleh para rasul (Surah Al-Baqarah (2):18). Golongan ini digambarkan sebagai pekak dan bisu kerana tidak mahu mendengar kebenaran yang dibawa. Ia bukannya ditujukan kepada individu yang mengalami kecacatan secara fizikal tetapi secara rohaninya.

Islam tidak pernah memandang aib dan hina kepada golongan pekak kerana di dalam Islam, hanya iman yang menjadi kayu pengukur kepada ketinggian martabat seseorang (Surah Al-Hujurat (49):13). Allah telah menciptakan manusia sebagai sebaik-sebaik kejadian dengan memuliakan mereka.

Orang pekak tidak dianggap sebagai manusia sepenuhnya, kurang upaya, jauh dari keintelektualan seorang manusia dan tidak dibenarkan mewarisi harta bapanya pada zaman dahulu. Ia hanya berubah sejak beberapa abad lepas apabila anak yang mengalami kurang upaya pendengaran dibenarkan untuk menjadi pewaris harta. Keadaan berubah menjadi semakin baik dengan pelbagai sekolah dan kajian berkaitan orang pekak mula dilaksanakan (Furth, 1966).

Orang pekak yang tidak mendapat pendidikan sewajarnya akan mudah terdedah kepada pelbagai gejala sosial yang berlaku di sekitar mereka seterusnya menyebabkan kemunduran kepada kemajuan masyarakat (Nasaruddin, 2009). Oleh kerana orang pekak banyak mempelajari sesuatu melalui proses peniruan tingkahlaku masyarakat sekitar, ia menyebabkan potensi mereka untuk meniru tingkahlaku di luar norma masyarakat amat tinggi (Skinner, 1974).

Individu pekak kebiasaannya gemar membentuk kumpulan kecil dari kecacatan yang sama sehinggakan pada satu-satu masa mampu membentuk komuniti mereka sendiri (Furth, 1966). Ini berikutan mereka merasakan susah untuk bergaul dengan masyarakat normal dengan keterbatasan kemampuan mereka untuk berkomunikasi(Observasi, 2010). Melalui pembentukan komuniti yang tersendiri atau berada dalam kumpulan, mereka merasa lebih selamat dan saling memahami dengan penggunaan *'Sign Language'* atau bahasa isyarat untuk berkomunikasi (Scheetz, Nancy A. 2004). Kebiasaannya orang pekak mempunyai kehidupan sosial tersendiri yang agak sibuk. Menghadiri aktiviti kelab atau persatuan, melawat sesama sendiri dan kebanyakannya gemar melancong (Furth, 2001).

Persatuan pekak di setiap negeri menjadi platform utama untuk golongan pekak menjalankan aktiviti sosial mereka. Setiap persatuan akan menganjurkan pelbagai program sosial atau keagamaan untuk menyebarkan manfaat dan kebaikan kepada ahli-ahlinya. Orang pekak turut dikenali sebagai individu yang kuat berpegang kepada nilai persahabatan. Mereka sanggup berkorban untuk berada dalam kelompok yang sama. Situasi ini biasanya berlaku dalam bidang pekerjaan iaitu mereka kebiasaannya sanggup berhenti kerja mengikuti rakan-rakan dalam kelompok yang sama apabila terdapat salah faham atau masalah. Senario sebegini sering mendatangkan masalah kepada pihak majikan hingga ada majikan yang terpaksa berhati-hati untuk mengambil golongan ini bekerja (Abdullah, 1998). Oleh kerana kecacatan mereka tersembunyi, kadangkala tingkahlaku mereka akan mendatangkan salah faham dikalangan masyarakat (Scheetz, 2004).

Orang pekak juga mempunyai perasaan dan sosio emosi mereka dalam berkasih sayang juga sama seperti orang yang normal (Razhiyah, 2006). Ia sesuai dengan pendapat Ibn Khaldun dan al-Farabi yang mengatakan bahawa hidup berkeluarga dan bermasyarakat merupakan fitrah semulajadi manusia (Mustafa, 1990).

Kefahaman orang pekak dalam melaksanakan tanggungjawab agama khususnya kepada penganut agama Islam masih dalam tahap memerlukan bimbingan daripada anggota masyarakat lain. Kebanyakannya tidak mengetahui batas-batas pergaulan yang sepatutnya antara lelaki dan perempuan. Mereka tidak memahami kenapa lelaki dan perempuan bukan mahram tidak boleh bersentuhan walhal apa yang dilihat sebaliknya. Ini kerana mereka tidak dapat membezakan hubungan antara adik beradik, sepupu dan sahabat dalam Islam.
Oleh itu, guru memainkan peranan penting untuk menerangkan batas pergaulan ini di peringkat sekolah sebagai panduan mereka (Norshahida, 2010).

Dari sudut pelaksanaan ibadah pula, mereka dilihat melaksanakan ibadah mengikut kemampuan dan kehendak mereka. Solat misalnya dilaksanakan secara mengikut gerakan jemaah lain jika solat secara berjemaah dan jika solat secara individu, mereka kadangkala meninggalkan satu atau dua rukun dalam solat (Observasi, 2010). Mereka tidak menggerakkan bibir dan hanya melafazkan dalam hati setiap bacaan yang diketahui. Ada yang melaksanakan secara penuh iaitu lima kali sehari dan ada yang hanya mengikuti solat pada waktu tertentu seperti ketika ada solat jemaah di

institusi, ketika sambutan hari kebesaran dalam Islam dan solat Jumaat. Puasa pula dilaksanakan secara penuh kerana mengikut budaya masyarakat setempat yang tidak memungkinkan mereka bertindak luar dari kebiasaan (Suzila, 2007).

INSTITUSI ORANG PEKAK DI TERENGGANU

Institusi orang pekak di Terengganu terbahagi kepada dua iaitu badan kerajaan dan badan bukan kerajaan. Badan kerajaan yang terlibat dibahagikan kepada dua iaitu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Dua institusi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan orang pekak ialah Bahagian Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Ibrahim Fikri dan Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) Pulau Kerengga, Marang**.** Manakala institusi yang terlibat secara tidak langsung kepada orang pekak khasnya dalam pelaksanaan program dakwah ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Khas Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu. Manakala badan bukan kerajaan terdiri daripada Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) dan Persatuan Kebajikan Orang Pekak Terengganu (PKPT). (Sit, 2008).

Walaupun tidak mempunyai banyak institusi untuk OKU amnya dan orang pekak khasnya seperti di bandar-bandar besar namun kewujudan institusi-institusi ini dilihat sudah mencukupi. Ini kerana data tahun 2012 menunjukkan jumlah OKU yang berdaftar di Terengganu adalah seramai 26,471 orang manakala orang pekak berdaftar berjumlah 586 orang (Statistik JKMM, 2012).

PROGRAM DAKWAH KEPADA ORANG PEKAK DI TERENGGANU

Program dakwah kepada orang pekak di Terengganu boleh diklasifikasikan kepada program secara bulanan, mingguan dan harian. Klasifikasi ini dibuat berdasarkan tempoh program yang dijalankan di institusi yang terlibat dengan orang pekak di Terengganu iaitu di PKPT, POPT, SMKIF dan Bengkel Pemulihan OKU Marang. Program yang dinyatakan tidak semestinya berlangsung sekitar institusi malah terdapat juga program yang berlangsung dengan kerjasama badan kerajaan dan NGO lain di lokasi yang berbeza.

a. Program Bulanan

Program bulanan merupakan program yang dilaksanakan pada bulan tertentu seperti Maal Hijrah yang dilaksanakan pada setiap kedatangan tahun baru.

Ia meliputi program sambutan hari kebesaran dalam Islam (Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Nuzul Quran dan khatam Quran, sambutan Aidilfitri dan Aidiladha), Program Ihya' Ramadhan, Kursus Imam dan Bilal, Kursus pra perkahwinan, Majlis Tilawah Al Quran peringkat kebangsaan dan Kem Ibadat.

b. Program Mingguan

Program mingguan dilaksanakan pada waktu hujung minggu atau selang seminggu yang terdiri daripada Khutbah Jumaat, Program Pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kelas Fardu Ain. Khutbah yang dilaksanakan setiap kali Solat Jumaat akan dialih bahasa ke Bahasa Isyarat oleh jurubahasa untuk memberi kemudahan kepada orang pekak memahami apa yang ingin disampaikan oleh Khatib. Masjid Al-Abrar, Seberang Takir, Terengganu merupakan satu-satunya masjid yang menggunakan khidmat jurubahasa untuk khutbah selepas Masjid Sultan Zainal Abidin Ladang menamatkan perkhidmatan ini setelah kekurangan jurubahasa isyarat di Terengganu (Saifullah Yuslizam, 2008).

Sesuai dengan perkembangan dunia digital, masjid-masjid di Terengganu mula menggunapakai Khutbah Jumaat secara multimedia (Kerajaan Negeri Terengganu, 2008). Slaid khutbah ditayangkan untuk memudahkan orang ramai lebih memahami khutbah yang disampaikan manakala Imam pula membacakan khutbah daripada komputer riba. Namun demikian, masih terdapat masalah kerana tidak semua jemaah memahami khutbah yang disampaikan secara langsung atau melalui bantuan multimedia lebih-lebih lagi orang pekak. Terdapat orang pekak yang tidak mampu membaca tulisan yang dipaparkan dan hanya boleh berbahasa isyarat (Talib, 2008).

Melalui Khutbah yang dialih ke Bahasa Isyarat, makmum daripada golongan pekak dilihat mudah untuk memahami apa yang disampaikan oleh Khatib. Ia juga menyaksikan kehadiran yang baik di kalangan mereka berbanding sebelumnya (Salleh, 2008).

Menyedari masalah yang berlaku dari sudut jurang komunikasi, institusi kerajaan di Terengganu turut menyokong pembelajaran Bahasa Isyarat kepada para pendakwah. Malah, pihak institusi juga akan menyediakan hadiah khas kepada pegawai-pegawai berkenaan yang dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik. Usaha ini diharapkan dapat meramaikan lagi pendakwah yang mampu berbahasa isyarat di Terengganu. Ini kerana pendakwah yang pandai berbahasa isyarat tidak mencukupi berbanding jumlah orang pekak yang ada.

Kelas Fardu Ain yang dijalankan pada hujung minggu pula kebiasaannya dilaksanakan oleh pihak persatuan dengan dihadiri oleh ahli secara sukarela. POPT dan PKPT mendapat dana bantuan daripada MAIDAM untuk melaksanakan Kelas Fardu Ain setiap hari Jumaat petang. Dalam surat permohonan kepada MAIDAM, POPT menggariskan tujuan mengadakan Kelas Fardu Ain untuk memberi pendidikan Agama Islam dengan lebih mendalam terutamanya berhubung ibadat solat, perkahwinan dan juga ajaran tauhid. Ahli persatuan dikatakan amat lemah dan tidak memahami Islam sepenuhnya.

c. Program Harian

Program harian pula meliputi program perjumpaan dengan keluarga pekak, pusat pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia untuk kanak-kanak dan dewasa dan kelas Fardu Ain. Perjumpaan dengan keluarga pekak akan membantu pihak persatuan mengenalpasti masalah yang dihadapi mereka dalam menangani anak-anak pekak selain mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan persatuan. Selain itu, mereka juga boleh mencari jalan penyelesaian dan bertukar idea tentang cara untuk mengendalikan masalah yang berkaitan. Pembukaan pusat pembelajaran juga akan membantu pasangan pekak yang mempunyai anak normal untuk menyiapkan kerja sekolah mereka dengan bantuan ahli persatuan yang ada (Ismail, 2007).

Kelas Fardu Ain secara harian pula dijalankan di dua institusi iaitu sekolah dan Bengkel Oku secara formal. Kelas di sekolah dijalankan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ia juga termasuklah bacaan Al-Quran sebelum memulakan sesi persekolahan dan solat jemaah setiap waktu Zohor di surau sekolah. Walaupun kebanyakan pelajar pekak tidak memahami perkara abstrak dalam pengajian agama namun para pengajar berusaha memberikan kefahaman maksimum dalam pelaksanaan ibadah seharian (Shamsiah, 2009).

Bengkel OKU pula mengadakan kelas pengajian Fardu Ain secara formal pada setiap hari dan Kuliah Maghrib setiap hari Rabu dan Khamis. Kelas pengajian dan kuliah Maghrib wajib dihadiri oleh setiap penghuni (Observasi, 2010). Melalui kelas yang dijalankan, penghuni berpeluang mempelajari asas-asas fadhu ain disamping boleh bertanya jika terdapat sebarang keraguan. Oleh kerana hanya boleh berbahasa isyarat secara minimal, ia menjadi antara halangan utama dalam pengajaran kepada penghuni yang bermasalah pendengaran. Namun ia diatasi dengan bantuan

yang diberikan oleh penghuni lain yang mampu menjadi jurubahasa isyarat (Mohd. Amin, 2008).

Kesimpulannya setiap institusi di Terengganu mempunyai perancangan dan pelaksanaan yang baik terhadap program agama. Pelbagai program dilaksanakan untuk membantu warga pekak untuk lebih memahami pelaksanaan ibadah yang dilakukan. Program-program ini juga mendapat pelbagai bentuk bantuan dan sokongan dari agensi yang berkaitan.

PENERIMAAN PROGRAM DAKWAH DALAM KALANGAN ORANG PEKAK DI TERENGGANU

Demografi Sample

Bahagian ini akan membicangkan berkaitan dengan demografi sample yang menjadi responden kajian. Antara aspek yang akan dianalisis ialah berkaitan institusi latihan, tempoh berada di institusi, jantina, umur, punca kecacatan dan tempat kediaman asal.

Jadual 1.1 : Institut Latihan

INSTITUT LATIHAN	(f)*	(%)
Bengkel Pemulihan OKU, Marang	15	26.8
SMK Ibrahim Fikri	19	33.9
PKPT	11	19.6
POCPT	11	19.6

* bilangan responden

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas, sampel diperolehi dari empat buah institusi yang terlibat dengan orang pekak iaitu seramai 15 orang (26.8%) dari Bengkel Pemulihan OKU, Marang; 19 orang (33.9%) dari SMK Ibrahim Fikri; 11 orang (19.6%) dari Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu dan 11 orang (19.6%) dari Persatuan Orang Cacat Pendengaran Terengganu.

Peserta dipilih secara rawak di SMK Ibrahim Fikri manakala di Bengkel Pemulihan OKU, Marang peserta dipilih berdasarkan kecacatan iaitu cacat pendengaran. Ini kerana peserta bengkel terdiri daripada peserta yang mempunyai kecacatan pelbagai dan penapisan perlu dilakukan untuk memastikan hanya responden dalam kecacatan pendengaran sahaja yang diambil sebagai sampel. Manakala peserta dari persatuan PKPT dan

POPT pula dipilih berdasarkan penyertaan peserta dalam program yang berlangsung pada waktu tersebut.

Jadual 1.2: Tempoh berada di Institusi

TEMPOH	(f)*	(%)
Kurang setahun	4	7.1
1-5 tahun	42	75.0
6-10 tahun	5	8.9
10 tahun ke atas	5	8.9

* bilangan responden

Kebanyakan peserta berada atau terlibat dengan institusi dari 1-5 tahun iaitu sebanyak 42 orang (75%) dan selebihnya kurang dari setahun iaitu sebanyak 4 orang (7.1%), 6-10 tahun sebanyak 5 orang (8.9). serta 10 tahun ke atas sebanyak 5 orang (8.9%).

Perkembangan pendidikan dan perkhidmatan kepada orang pekak di Terengganu hanya bermula sejak tahun 1970-an dan ia menyebabkan perkembangan dalam institusi berlaku agak lambat berbanding di bandar-bandar besar. Ia juga antara sebab peserta tidak berada lama dalam satu-satu institusi. Malahan terdapat peserta yang mengikuti kursus di bandar besar lain seperti di Kuala Lumpur dan Selangor sebelum pulang ke Terengganu untuk meneruskan kehidupan. Malah tempoh kursus di bengkel yang memakan masa yang minimal turut menyumbang. Terdapat juga peserta dari sekolah yang hanya memasuki alam sekolah pada tempoh yang singkat atas sebab kesesuaian dengan persekitaran (Ustazah Meriam, 2008).

Jadual 1.3: Jantina

JANTINA	(f)*	(%)
Perempuan	33	58.9
Lelaki	23	41.1

* bilangan responden

Jadual diatas menunjukkan terdapat 33 orang (58.9%) peserta perempuan berbanding hanya 23 orang (41.1) peserta lelaki. Perbezaan ketara antara peserta lelaki dan perempuan terjadi kerana peserta perempuan lebih cenderung untuk mengikuti pendidikan dan menyertai kursus yang boleh membantu meningkatkan tahap kemahiran berbanding peserta lelaki.

Jadual 1.4: Umur

UMUR	(f)*	(%)
13-22	25	44.6
23-40	19	33.9
41-59	12	21.4

* bilangan responden

Berdasarkan jadual diatas menunjukkan terdapat 25 orang (44.6%) peserta berumur 13-22 tahun dan 19 orang (33.9%) berumur 23-40 tahun. Peserta berumur 41-59 tahun pula berjumlah 12 orang (21.4%). Peserta di kalangan remaja kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah manakala selebihnya adalah daripada peserta bengkel dan persatuan.

Pembahagian tahap umur ini selari dengan pendapat Levinson iaitu terdapat empat tahap yang berbeza dalam kitaran hidup manusia. Era ini bermula dari kanak-kanak, remaja, dewasa awal, dewasa pertengahan dan dewasa akhir. Tahap remaja bermula dari umur 17 ke bawah dan tahap kedua bermula dari umur 18 hingga 40 tahun yang dinamakan sebagai dewasa awal. Manakala dewasa pertengahan bermula dari umur 41 tahun hingga 65 tahun (Roodin, 2003). Limitasi yang berlaku pada jumlah sampel dari bengkel dan persatuan adalah disebabkan jumlah peserta yang hadir dalam satu-satu program yang berlangsung.

Jadual 1.5: Punca Kecacatan

PUNCA	(f)*	(%)
Sejak Lahir	43	76.8
Kemalangan	7	12.5
Penyakit	6	10.7

* bilangan responden

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan punca hilang pendengaran oleh peserta kebanyakannya terjadi sejak lahir iaitu seramai 43 orang (76.8%). Hanya 7 orang (12.5%) mengalami hilang pendengaran melalui kemalangan dan 6 orang (10.7%) berpunca daripada penyakit. Kebanyakan peserta yang kehilangan pendengaran sejak lahir mengalami hilang pendengaran tahap *profound* iaitu sehingga 70dB .

Jadual 1.6: Asal

ASAL	(f)*	(%)
Luar bandar	50	89.3
Bandar	6	10.7

* bilangan responden

Jadual di atas menunjukkan 50 orang (89.3) responden berasal daripada luar bandar manakala hanya 6 orang (10.7) responden berasal dari bandar. Tiada kemudahan atau pusat latihan untuk orang kurang upaya di luar bandar menyebabkan peserta terpaksa berhijrah ke bandar untuk mendapatkan latihan kemahiran dan pendidikan yang lebih sempurna.

Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat Terhadap Orang Pekak di Terengganu

Data pada bahagian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pelaksanaan dan sejauhmana pelaksanaan ibadat orang pekak. Bahagian ini juga boleh menjadi panduan kepada pendakwah untuk mengetahui keperluan dan silibus dakwah yang boleh digunapakai kepada orang pekak.

Jadual 1.7 : Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat

ITEM PENILAIAN		(*f*)*/ (%)		TOTAL
YA		TIDAK		
	Saya diajar cara beribadat di rumah	48 (85.7)	8 (14.3)	56 (100)
	Saya wajib menunaikan ibadat walaupun cacat	54 (96.4)	2 (3.6)	56 (100)
	Saya tahu cara solat dengan betul	52 (92.9)	4 (7.1)	56 (100)
	Saya diajar cara beribadat di sekolah/ pusat latihan	51 (91.1)	5 (8.9)	56 (100)
	Guru saya memberi penjelasan dengan baik tentang pelaksanaan ibadat	53 (94.6)	3 (5.4)	56 (100)

	Saya tahu, saya wajib menunaikan haji jika cukup syarat	40 (71.4)	16 (28.6)	56 (100)
	Saya tahu zakat fitrah wajib ke atas saya	44 (78.6)	12 (21.4)	56 (100)
	Saya percaya kepada Qada' dan Qadar Tuhan	53 (94.6)	3 (5.4)	56 (100)
	Saya kerap meninggalkan solat fardu	21 (37.5)	35 (62.5)	56 (100)
	Saya berpuasa pada bulan Ramadhan yang lepas	55 (98.2)	1 (1.8)	56 (100)
	Ibadat dapat menenangkan hati saya	52 (92.9)	4 (7.1)	56 (100)

Berdasarkan jadual 1.7 di atas, bagi item diajar cara beribadat di rumah, seramai 85.7% (48) responden menyatakan 'Ya' mereka diajar cara melaksanakan ibadah bermula dari rumah manakala 14.3% (8) responden menyatakan mereka 'Tidak' iaitu mereka tidak mempelajari cara melaksanakan ibadah dari rumah.

Item saya wajib menunaikan ibadat walaupun cacat pula menunjukkan 96.4% (54) responden atau hampir keseluruhan responden mengetahui bahawa mereka wajib menunaikan ibadah walaupun menyedari kecacatan yang mereka alami dengan menjawab 'Ya'. Manakala selebihnya 3.6% (2) responden menjawab 'Tidak' iaitu mereka tidak mengetahui bahawa kecacatan tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan ibadah dalam kehidupan seharian.

Bagi item saya tahu cara solat dengan betul, 92.9% (52) responden atau sebahagian besar menjawab 'Ya' dan mengakui bahawa mereka mengetahui cara solat dengan betul. Manakala hanya 7.1% (4) responden menjawab 'Tidak' iaitu tidak mengetahui cara solat dengan betul dan sempurna.

Item saya diajar cara beribadat di sekolah/pusat latihan menunjukkan 91.1% (51) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju mereka turut diajar cara melaksanakan ibadat di sekolah atau pusat latihan masing-masing. Terdapat

8.9% (5) responden pula menjawab 'Tidak' dan mengatakan bahawa mereka tidak diajar cara melaksanakan ibadat di sekolah atau pusat latihan iaitu dengan tidak mengikuti program yang telah dilaksanakan.

Bagi item guru saya memberi penjelasan dengan baik tentang pelaksanaan ibadat pula, 94.6% (53) responden mengakui dan menjawab 'Ya' bahawa guru atau pengajar mereka memberi penjelasan yang baik tentang bagaimana melaksanakan ibadat. 5.4% (3) responden pula menyatakan 'Tidak' iaitu guru atau pengajar tidak memberi penjelasan yang baik tentang pelaksanaan ibadat.

Item saya tahu, saya wajib menunaikan haji jika cukup syarat menunjukkan 71.4% (40) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa mereka wajib menunaikan haji jika cukup syarat atau berkemampuan. 28.6 % (16) responden pula menjawab 'Tidak' dan tidak mengetahui bahawa mereka turut diwajibkan untuk menunaikan haji jika cukup syarat yang menjadi antara rukun Islam yang wajib dipatuhi.

Berdasarkan item saya tahu zakat fitrah wajib ke atas saya, 78.6 % (44) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa zakat fitrah wajib ke atas mereka manakala 21.4% (12) responden pula menjawab 'Tidak' dan tidak bersetuju mereka wajib membayar zakat fitrah.

Item saya percaya kepada Qada' dan Qadar Tuhan menunjukkan 94.6% (53) atau hampir keseluruhan responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa mereka percaya pada Qada' dan Qadar. Manakala 5.4% (3) responden menjawab 'Tidak' yang membawa maksud mereka tidak percaya kepada Qada' dan Qadar.

Bagi item saya kerap meninggalkan solat fardu, 37.5% (21) responden menjawab 'Ya' iaitu mereka bersetuju bahawa mereka kerap meninggalkan solat manakala sebanyak 62.5% (35) responden menjawab 'Tidak' yang memberi makna mereka melaksanakan solat sempurna sebanyak 5 kali sehari.
Item saya berpuasa pada bulan Ramadhan yang lepas menunjukkan bahawa terdapat 98.2% (55) responden atau hampir keseluruhannya menjawab 'Ya' dan menyatakan mereka berpuasa pada bulan Ramadhan manakala hanya 1.8% (1) responden sahaja menyatakan 'Tidak' iaitu tidak berpuasa penuh pada bulan Ramadhan.

Item ibadat dapat menenangkan hati saya pula menunjukkan 92.9% (52) responden menjawab 'Ya' dan mengakui bahawa dengan melaksanakan ibadah akan memberi ketenangan dalam hati mereka manakala 7.1 % (4) responden pula menafikan dengan melaksanakan ibadah hati mereka akan tenang dengan menjawab 'Tidak'.

Kepelbagaian latar belakang orang pekak menyebabkan terdapat variasi dari sudut pengenalan pelajaran agama dalam kehidupan mereka. Walaupun jumlah orang pekak yang diajar beribadat di rumah agak baik namun demikian masih terdapat mereka yang tidak pernah diajar untuk melaksanakan ibadat kerana beranggapan orang pekak tidak diwajibkan dalam perkara tersebut. Malah ibu bapa juga mempunyai kekangan atau jurang komunikasi dalam menerangkan kaedah ibadat yang betul kepada anak-anak mereka (En. Muhammad, 2008).[4]

Orang pekak mampu memahami konsep asas dalam pelaksanaan ibadat seperti solat, puasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan menunaikan haji jika mampu. Malah mereka mengetahui jika meninggalkan solat maka 'Allah akan marah' (Pn. Zarina, 2009). Namun dari sudut pelaksanaan ia masih kurang dilaksanakan. Mereka akan melaksanakan ibadat jika berada di institusi dan kurang peka untuk melaksanakannya jika berada di rumah (Pn. Pani, 2009).

Secara keseluruhannya item-item diatas menunjukkan responden memahami ibadat yang dilaksanakan. Walaupun begitu, dari sudut, pengamalan masih ditahap sederhana kerana mungkin tidak terdapat pengawasan atau kesedaran yang lahir dari diri sendiri. Oleh itu, jelaslah orang pekak perlu mendapat panduan dan pengawasan dalam melaksanakan ibadat dengan sempurna.

Kesimpulannya, pengakuan responden pada Jadual 4.7 menunjukkan wujudnya item dengan nilai yang baik iaitu 84.9% (85.7% + 96.4% + 92.9% + 91.1% + 94.6% + 71.4% + 78.6% + 94.6% + 37.5% + 98.2% + 92.9%) menjawab 'Ya' dan menandakan bahawa tahap pengamalan dan pemahaman mereka berkaitan ibadat adalah dalam tahap yang baik manakala hanya 15.1 % (14.3 + 3.6 + 7.1 + 8.9 + 5.4 + 28.6 + 21.4 + 5.4 + 62.5 + 1.8 + 7.1) responden yang menjawab 'Tidak' iaitu tahap pengamalan dan pemahaman mereka dalam beribadat masih dalam tahap minimum.

[4] Beliau pada mulanya beranggapan bahawa anak-anak pekak dikecualikan daripada tanggungjawab melaksanakan agama. Namun beliau hanya mengetahuinya apabila menghadiri kuliah-kuliah agama berkaitan.

Penyertaan Orang Pekak Dalam Program Dakwah di Terengganu

Data bahagian ini akan menjawab objektif kajian iaitu mengetahui tahap pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu selain penerimaan responden kepada dakwah yang telah disampaikan.

Jadual 1.8 : Pelaksanaan Dakwah Orang Pekak

ITEM PENILAIAN		(*f*)*/ (%)		TOTAL
YA		TIDAK		
	Saya pernah mengikuti program agama di sini	44 (78.6)	12 (21.4)	56 (100)

Item saya pernah mengikuti program agama di sini menunjukkan 78.6% (44) responden pernah mengikuti program agama di institusi tersebut. 21.4% (12) responden pula menyatakan 'Tidak' iaitu tidak pernah mengikuti mana-mana program agama di institusi yang berkaitan.

Responden yang menjawab tidak pernah mengikuti program yang dijalankan ooleh institusi kebanyakannya terdiri daripada ahli persatuan. Ini kerana kehadiran peserta ke program-program agama di persatuan adalah mengikut kerelaan ahli tanpa ada paksaan. Ia selari dengan pendapat Ustaz Syukri b. Abdullah yang menyatakan bahawa "*tidak semua pelatih mahu datang ke surau untuk mendengar kelas pengajian yang diadakan*" (Ab Aziz M. Z., 2006).

Data seterusnya akan berdasarkan kepada penglibatan peserta dalam program agama yang dijalankan. Hanya peserta yang telah mengikuti program agama di institusi sahaja yang akan menjawab soalan seterusnya.

Penerimaan Orang Pekak Terhadap Program Dakwah

ITEM PENILAIAN		(*f*)*/ (%)		TOTAL
YA		TIDAK		
	Program agama diurus dengan baik	43 (97.7)	1 (2.3)	44 (100)
	Perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami	41 (93.2)	3 (6.8)	44 (100)

	Cara penyampaian mudah dan jelas	41 (93.2)	3 (6.8)	44 (100)
	Kemudahan program disediakan dengan baik	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Saya suka menyertai program agama	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Setelah menyertai program agama saya semakin yakin dengan kehidupan saya	37 (84.1)	7 (15.9)	44 (100)
	Program agama yang saya sertai membosankan	8 (18.2)	36 (81.8)	44 (100)
	Program agama berfaedah kepada saya	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Saya sukar mengikuti sebarang program tanpa bantuan orang lain	34 (77.3)	10 (22.7)	44 (100)

Item program agama diurus dengan baik menunjukkan 97.7% (43) responden atau hampir keseluruhan menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa program agama yang diikuti telah diuruskan dengan baik. Manakala 2.3% (1) responden pula menyatakan 'Tidak' iaitu mereka tidak bersetuju bahawa program agama yang telah diikuti diuruskan dengan baik.

Bagi item perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami, 93.2% (41) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami. 6.8% (3) responden pula tidak bersetuju dan mengatakan bahawa kadangkala perkara yang diajar tidak sesuai dan sukar difahami.

Item cara penyampaian mudah dan jelas pula menunjukkan 93.2% (41) responden bersetuju dengan menjawab 'Ya' bahawa penyampaian yang diberikan oleh tenaga pengajar mudah dan jelas untuk difahami. 6.8% (3) responden pula tidak bersetuju dengan menjawab 'Tidak' berkenaan penyampaian yang mereka rasakan agak sukar dan tidak jelas penyampaiannya.

Item kemudahan program disediakan dengan baik menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa kemudahan program disediakan dengan baik manakala 4.5% (2) responden pula menjawab 'Tidak' dan berpendapat penganjur tidak menyediakan kemudahan yang baik sepanjang program berlangsung.

Item saya suka menyertai program agama pula menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju mereka suka menyertai program agama yang dijalankan. 4.5% (2) responden pula menjawab 'Tidak' dan tidak mengakui mereka gemar menyertai program agama.

Berdasarkan item setelah menyertai program agama saya semakin yakin dengan kehidupan saya, 84.1% (37) responden pula menyatakan 'Ya' dan mengakui bahawa setelah menyertai program agama, mereka semakin yakin dengan kehidupan. Manakala 15.9% (7) responden pula menjawab 'Tidak' dan menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bersetuju dengan pendapat menyertai program mampu menenangkan hati mereka.

Item program agama yang saya sertai membosankan menunjukkan 18.2% (8) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju program yang dijalankan membosankan mereka manakala 81.8% (36) responden pula menyatakan 'Tidak' dan tidak bersetuju program yang dijalankan tidak membosankan mereka.

Item program agama berfaedah kepada saya menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju program agama yang diikuti memberi faedah kepada mereka manakkala 4.5% (2) responden menyatakan 'Tidak' dan tidak mengganggap penyertaan mereka dalam program agama memberi faedah kepada mereka.

Item saya sukar mengikuti sebarang program tanpa bantuan orang lain pula menunjukkan 77.3% (34) responden bersetuju bahawa mereka memerlukan bantuan untuk mengikuti sebarang program dengan menjawab 'Ya' manakala 22.7% (10) responden tidak bersetuju dan tidak memerlukan bantuan untuk hadir ke sebarang program dengan menjawab 'Tidak'.

Penerimaan responden pada program dakwah yang dilaksanakan berada dalam keadaan baik. Kebanyakannya juga merasakan bahawa ia diuruskan dengan baik serta kemudahan program juga disediakan dengan baik. Ini kerana mereka beranggapan bahawa pengajar memahami kehendak dan budaya orang pekak kerana boleh berbahasa isyarat secara langsung dengan

mereka (En. Azahari, 2008).

Ia sekaligus menyebabkan peserta kelas memahami dengan jelas apa yang ingin disampaikan oleh pengajar. Mereka juga mampu bertanya soalan secara langsung kepada pengajar tanpa rasa takut atau malu kerana sudah terbiasa dengan pengajar mereka kecuali kepada penceramah jemputan. Ia juga menjadi medan untuk meluahkan masalah yang berlaku seputar kehidupan mereka kerana beranggapan bahawa pengajar boleh dipercayai dan akan membantu menyelesaikan masalah (Observasi, 2009).

Responden juga gemar mengikuti program-program agama yang dijalankan kerana ia merupakan satu-satunya saluran untuk mereka memahami Islam dengan lebih baik. Ini kerana mereka tidak dapat menyertai program-program agama yang dianjurkan di masjid-masjid atau surau awam seperti orang lain kerana masalah komunikasi (En. Jusoh, 2008).

Responden juga mengakui dengan mendekati dan lebih memahami Islam, mereka mampu menambah keyakinan dalam diri. Mereka percaya kepada Qada' dan Qadar bahawa kekurangan yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka pasti ada hikmah disebaliknya (En. Mat Adnan, 2009). Malah ia juga merupakan motivasi untuk mereka lebih berjaya dalam kehidupan. Observasi yang dilakukan menunjukkan kehidupan orang pekak tidak jauh berbeza daripada orang normal lain. Mereka hadir ke kelas-kelas yang dianjurkan menaiki motosikal dan kereta sendiri atau sekurang-kurangnya basikal walaupun ada sesetengahnya memerlukan bantuan untuk hadir ke kelas. Jika dilihat pada luaran, tiada siapa yang akan mengetahui bahawa mereka sebenarnya adalah golongan pekak (Observasi, 2010).

Walaupun menyetujui bahawa kelas-kelas dan program yang dijalankan memberi manfaat, namun terdapat juga sebilangan kecil responden yang mengakui bahawa pendekatan program yang dijalankan agak membosankan (En. Ahmad Ridzuan, 2008). Ini mungkin terjadi kerana terdapat institusi yang menggunakan guru agama yang sama untuk hampir semua program yang dijalankan kerana masalah kekurangan jurubahasa (Observasi, 2010).

Kebanyakan responden berpuashati dengan kemudahan, cara penyampaian pendakwah dan isi kandungan. Namun begitu mereka masih memerlukan bantuan untuk mengikuti sebarang program yang dianjurkan. Lebih-lebih lagi orang pekak mempunyai jurang komunikasi yang besar dengan pendakwah normal dan kemahiran bahasa isyarat amat diperlukan untuk membantu menyampaikan maksud dakwah.

Kesimpulannya, pengakuan responden pada Jadual 4.8 menunjukkan wujudnya item dengan nilai yang baik iaitu 83.4% (97.7 + 93.2 + 93.2 + 95.5 + 95.5 + 84.1 + 18.2 + 95.5 + 77.3) menjawab 'Ya' dan menandakan bahawa tahap pelaksanaan dakwah di Terengganu berada dalam tahap yang baik manakala hanya 16.6% (2.3 + 6.8 + 6.8 + 4.5 + 4.5 + 15.9 + 81.8 + 4.5 + 22.7) responden yang menjawab 'Tidak' iaitu tahap pelaksanaan dakwah masih dalam tahap minimum.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan terdapat pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu namun tahap pelaksanaannya masih berada pada tahap sederhana berbanding program-program yang dilaksanakan di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Ini kerana institusi berkaitan orang pekak di bandar besar bersedia untuk bekerjasama dengan erat antara satu sama lain dari sudut pelaksanaan program dakwah kepada orang pekak. Kesediaan untuk bekerjasama merupakan aspek terpenting perlu ditekankan jika ingin mengukuhkan lagi fundamental dakwah kepada orang pekak di Terengganu.

RUJUKAN

Ab Aziz, M. Z. (2006). *Dakwah di Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ab Aziz, M. Z. (2006). *Kajian Fundamental Pelaksanaan Dakwah Kepada OKU Di Semenanjung Malaysia.* Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.

Abdullah, K. (1998). *Peluang Kerjaya untuk Populasi Berkeperluan Khas di Malaysia.* Bangi: UKM.

Andrews, J. F. (2004). *Deaf People: Evolving Perspectives from Psychology.* Boston: Pearson Education.

Anisah, A. G. (20 Ogos , 2007). Temubual. (H. Juwairiah, Interviewer)

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

En. Ahmad Ridzuan, I. (4 November , 2008). Peserta kelas agama PKPT. (J. Hassan, Interviewer)

En. Azahari, A. (13 November, 2008). Peserta kelas Fardu Ain PKPT. (J. Hassan, Interviewer)

En. Jusoh, A. (13 November, 2008). Salah seorang peserta kelas Fardu Ain PKPT. (J. Hassan, Interviewer)

En. Mat Adnan, A. (7 Januari , 2009). Peserta kelas agama Bengkel Marang. (J. Hassan, Interviewer)

En. Muhammad, M. (13 Ogos , 2008). Bapa salah seorang orang pekak di Kuala Terengganu . (J. Hassan, Interviewer)

Furth, H. G. (1966). *Thinking Without Language: Psychological Implications Of Deafness.* New York: The Free Press.
Hamdi, I. (2004). *Pekak dan Bisu menurut Al-Quran: Konsep dan Perbandingan.* Bangi: Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
Hamdi, I. (2004). *Pekak dan Bisu menurut Al-Quran: Konsep dan Perbandingan.* Bangi: Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
Hamdi, I. (2004). *Pekak dan Bisu menurut Al-Quran: Konsep dan Perbandingan.* Bangi: Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
Ismail, M. (15 Mac dan 17 Jun Jun, 2007). Presiden PKPT. (J. Hassan, Interviewer)
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. (2012). *Statistik Pendaftaran OKU.* Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
Kerajaan Negeri Terengganu. (2008). *Memahat Sejarah Mencipta Tamadun.* Kuala Lumpur: Kerajaan Negeri Terengganu.
Mahmood Nazar, M. (2001). *Pengenalan Asas Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
Min, T. S. (1986). *Beberapa Aspek Akademik Dan Psiko-Sosial Murid Cacat Pendengaran Di Sekolah Percantuman Di Negeri Johor.* Kuala Lumpur: Teng Shin Min (1986), "Beberapa Aspek Akademik Dan Psiko-Sosial Murid CaDisertasi,Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
Mohd. Amin, b. S. (3 Mac, 2008). Pegawai Hal Ehwal Agama Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang . (J. Hassan, Interviewer)
Mustafa, H. D. (1990). *Pengantar Masyarakat Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Nasaruddin, H. (2009). Gejala Sosial dan Jenayah di Selangor dan Lembah Kelang: Punca dan Penyelesaian Menurut Perspektif Islam. *Nasaruddin Hassan (2009), "Gejala Sosial dan JenaySeminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor* (p. 1). Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam: Kerajaan Negeri Selangor.
Norshahida, B. (10 September , 2010). Penyelaras Program Pendidikan Khas, SMK Tasek Damai. (J. Hassan, Interviewer)
Paul, P. V. (1993). *Towards Psychology of Deafness: Theoretical and Empirical Perspective.* USA: Allyn & Bacon.
Pn. Pani, b. M. (20 Ogos, 2009). Ibu salah seorang peserta kelas Fardu Ain. (J. Hassan, Interviewer)
Pn. Zarina, M. (12 Mac, 2009). Salah seorang peserta kelas Fardu Ain PKPT. (J. Hassan, Interviewer)
Razhiyah, K. (2006). *Anak Istimewa.* Bentong: PTA Professional.
Roodin, W. J. (2003). *Adult Development and Aging.* New York : Mc

Graw Hill.
Saifullah Yuslizam, b. Y. (8 Mei, 2008). Mubaligh sepenuh masa di PKPT. (J. Hassan, Interviewer)
Salleh, b. C. (21 Mei, 2008). Setiausaha Masjid Al-Abrar. (J. Hassan, Interviewer)
Saniah, I. (25 Oktober, 2007). Saniah Ismail, Ibu salah seorang responden pekak. Temubual pada 25 Oktober 2007 . (J. Hassan, Interviewer)
Scheetz, N. A. (2004). *Psychosocial Aspects of Deafness.* Boston: Pearson Education.
Shamsiah, b. A. (6 Februari, 2009). Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. (J. Hassan, Interviewer)
Sit, b. C. (17 September, 2008). Penolong Pegawai Masyarakat JKM Kuala Terengganu. (J. Hassan, Interviewer)
Skinner, B. F. (1974). *About Behaviorisme.* New York: A. Knopi.
Suzila, M. S. (23 Januari, 2007). Guru Agama, Sek Men Tunku Ampuan Durah, Seremban. (J. Hassan, Interviewer)
Talib, b. A. (17 Oktober, 2008). Pensyarah Universiti Darul Iman dan pendakwah orang pekak. (J. Hassan, Interviewer)
Ustazah Meriam, O. (12 November, 2008). Guru agama Pendidikan Khas, SMKIF. (J. Hassan, Interviewer)
Zaidan, A. K. ((t.t)). *Islam dan Dakwah.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

PERANAN PERUBATAN ISLAM DI MALAYSIA SEBAGAI MEDIUM DAKWAH KEPADA MASYARAKAT

Oleh:
Khadher Ahmad, PhD [1]
Mohd Afifuddin Mohamad[2]

ABSTRAK

Pelaksanaan dakwah merupakan usaha yang wajar dilakukan oleh semua pihak dari pelbagai sudut dan lapangan. Perubatan Islam juga merupakan salah satu medium yang berperanan besar dalam merealisasikan usaha dakwah tersebut kepada anggota masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana aspek perubatan Islam memainkan peranan penting dalam usaha dakwah untuk mengembalikan pemahaman Islam yang sebenar kepada anggota masyarakat. Realiti pada hari ini dapat dilihat di mana masyarakat masih bergelumang dengan pelbagai amalan khurafat dan tahyul, bergantung keyakinan kepada tangkal, masih merujuk kepada bomoh dalam urusan kehidupannya, amalan-amalan syirik masih berleluasa, dan pelbagai amalan lain sekalipun mereka dengan tegas menyatakan keimanan kepada Allah SWT. Penelitian dilakukan dengan cara observasi terhadap para pesakit yang mengunjungi pusat-pusat rawatan Islam di Malaysia. Data-data tersebut dianalisis dan dikemukakan cadangan penyelesaian terhadap permasalahan tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa usaha dakwah yang perlu diterapkan kepada anggota masyarakat melalui aspek perubatan Islam iaitu; [1] Membetulkan aspek akidah dan pemahaman terhadap amalan syirik; [2] Memberikan penjelasan yang jelas berhubung amalan

[1] Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
[2] Felo Kluster Gaya Hidup Sihat di Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Pelajar PhD di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jalan Semarak, Kuala Lumpur

khurafat dan tahyul serta hukumnya; [3] Memberi peringatan dan penjelasan tentang kesalahan terhadap kebergantungan kepada tangkal dan azimat; [4] Mendidik masyarakat dengan pemahaman yang betul terhadap amalan perubatan Islam dan membezakan dengan amalan perbomohan; [5] Memperbetulkan amalan ibadah harian; [6] Menasihati dan memberi kaunseling; dan [7] Menunjukkan keindahan dan kesempurnaan agama Islam jika pesakit dari kalangan orang bukan Islam.

Kata kunci: Perubatan Islam; Medium Dakwah; Malaysia; Masyarakat Islam.

PENGENALAN

Penulisan ini membincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh perubatan Islam dalam menjalankan gerak kerja dakwah di Malaysia. Melalui penulisan ini beberapa ciri unik dan potensi yang dimiliki oleh perubatan Islam akan ditonjolkan bagi membuktikan bidang perubatan Islam berpotensi dijadikan antara saluran dakwah yang berkesan bagi menarik orang ramai khususnya golongan bukan Islam di Malaysia kepada Islam menerusi pengaplikasian rawatan yang patuh Syariah yang ditawarkan. Penulisan ini turut menjelaskan hubungan perubatan Islam dengan peranan dakwah yang sentiasa wujud diantara kedua-dua elemen.

Pengenalan kepada Dakwah

Dari sudut bahasa, perkataan dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan *(Kamus Dewan,* 2000)[3]. Ia berasal daripada perkataan Arab yang memiliki pelbagai pengertian seperti menyeru, memohon pertolongan, mengawasi, mengajak dan menjemput[4]. Dari sudut istilah, dakwah adalah proses mengajak dan memimpin individu lain ke jalan Allah SWT oleh pendakwah atau *da'i* kepada sasaran dakwah atau *mad'ū* dengan tujuan segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredaan daripada Allah SWT, yang kemudiannya mengarah kepada kesejahteraan hidup *mad'ū*[5].

---

[3] *Kamus Dewan* (2000), edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

[4] Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Ṣādir, j. 14, h. 257-261.

[5] Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1992), *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyyah*, t.tp.: Dār al-Wafā', h. 25.

Perkataan dakwah sebenarnya memiliki maksud yang lebih luas dan tidak terhad seperti yang dinyatakan di atas. Dalam al-Qur'an, perkataan dakwah menggunakan istilah yang pelbagai dan sarat dengan makna konseptual yang terperinci[6]. Malah perkataan dakwah dalam al-Qur'an banyak digunakan dalam bentuk kata kerja yang secara tidak langsung memberi indikasi bahawa kegiatan dakwah perlu dilakukan secara dinamik, serius, sistematik dan profesional dengan gabungan pelbagai unsur yang melibatkan pelaku, tempat dan masa di samping fungsi pengurusan seperti perencanaan, pengorganisasian, pelaksanaan serta penilaian[7].

Dalam hal ini, Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Nahl*, 16:125,

> *Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Mafhum daripada ayat di atas jelas membuktikan Allah SWT menggunakan perkataan dakwah dalam bentuk kata kerja suruhan atau *amr* dalam menyeru umat Islam melakukan gerak kerja dakwah selain dikemukakan kaedah berkesan bagi menarik minat orang ramai terhadap dakwah yang disampaikan iaitu secara berhikmah dan dengan memberi peringatan yang baik. Dalam hal ini kaedah melakukan dakwah tidak hanya terhad kepada proses melakukan seruan dan laungan semata-mata[8].malah boleh dilakukan melalui kaedah menarik perhatian orang ramai terhadap ajaran serta pendekatan yang dibawa oleh Islam[9]. Sasaran dakwah juga tidak

---

[6] Kata *da'wah* dalam pelbagai kosa kata digunakan dalam al-Qur'an sebanyak 212 kali. Dalam bentuk *fi'l māḍī* sebanyak 25 kali, *majhūl* 5 kali yang bersamaan 30 kali. Dalam bentuk *fi'l muḍāri'* sebanyak 100 kali, *majhūl* 11 kali yang bersamaan 111 kali. Dalam bentuk *fi'l amr*, digunakan sebanyak 32 kali, sedangkan dalam bentuk *ism* dan *ism fā'il* sebanyak 7 kali, *maṣdar* 32 kali, iaitu dalam bentuk kata *du'ā'*20 kali, dalam bentuk kata *da'wah* 10 kali dan dalam bentuk jamak iaitu kata *ad'iyā'* sebanyak 2 kali. Perkataan *di'āyah* yang membawa maksud propaganda sama sekali tidak digunakan dalam al-Qur'an. H. Asep Muhiddin (2002), *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*, Bandung: CV Pustaka Setia, h.40.

[7] *Ibid.*, h. 41.

[8] Ab. Aziz Mohd Zain (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

[9] Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat (2003), "Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia

hanya terbatas kepada satu kelompok masyarakat tertentu, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai golongan.

Sasaran dakwah juga tidak hanya terbatas kepada satu kelompok masyarakat tertentu, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai golongan tanpa mengira bangsa dan warna kulit[10]. Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan proses mengajak manusia sama ada Muslim ataupun bukan Muslim kepada agama Allah dengan menggunakan pelbagai pendekatan serta metodologi yang tersusun dan berkesan. Dakwah juga tidak perlu statik kepada satu kaedah dan pendekatan semata-mata tetapi perlu dikembangkan kerana kewajipan menyeru manusia kepada kebenaran bersifat universal dan menyeluruh kerana Islam adalah sumber cahaya kepada semua manusia tanpa mengira warna kulit, bahasa dan juga bangsa.

RUKUN DAKWAH DAN PERLAKSANAANYA DALAM PERUBATAN ISLAM

Rajah 1: Peranan Perubatan Islam dalam Dakwah



Sumber: Ilustrasi Penulis

(PERMIM)", *Jurnal Usuluddin*, bil. 17, h. 137-152.

[10] Apabila merujuk kepada sejarah para Nabi, memang diakui bahawa usaha dakwah yang dilakukan hanyalah untuk kaum mereka sendiri sebagaimana Nabi Musa a.s. kepada kaum Bani Israil, begitu juga dengan Nabi Isa a.s. Nabi Hud kepada kaum 'Ad dan Nabi Salih kepada kaum Thamud. Namun, berbeza dengan Nabi Muhammad s.a.w. yang diutus kepada seluruh umat manusia dan risalah yang dibawanya membawa rahmat kepada sekalian alam dan seluruh umat manusia selepasnya tanpa mengira sempadan geografi, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya serta merentasi zaman dan masa. Abdul Majid Omar (2007), "Pengenalan Dakwah" (Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, 28-30 Mei 2007), h. 2.

Makalah ini mengemukakan bagaimana perubatan Islam secara tidak langsung boleh memainkan fungsi sebagai medium baru perkembangan dakwah di Malaysia. Tidak dinafikan di Malaysia sebenarnya terdapat begitu banyak institusi dan pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah. Keterlibatan mereka bukan sahaja tertakluk pada aktiviti, malah turut melibatkan pembentukan misi, visi dan objektif institusi yang kesemuanya mempunyai perkaitan dengan aktiviti dakwah. Walau bagaimanapun, peranan dan keadaan ini berbeza sama sekali dalam konteks perubatan Islam. Institusi perubatan Islam pada dasarnya ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan alternatif kepada umat Islam. Jika diteliti, untuk jangka masa pendek perubatan Islam secara tidak langsung berperanan sebagai medium baru dakwah. Manakala untuk jangka masa panjang, peranan dakwah ini boleh dijadikan peranan utama perubatan Islam seiring dengan objektif utama lain yang digariskan. Justeru atas dasar ini, makalah ini menonjolkan bagaimana perubatan Islam secara tidak langsung berpotensi menjadi saluran baru dakwah di Malaysia ekoran keupayaan menarik orang ramai sama ada di kalangan masyarakat Islam dan juga bukan Islam untuk mendekati Islam melalui perkhidmatan rawatan yang ditawarkan. Jadi dalam hal ini perubatan Islam boleh memainkan dua fungsi secara serentak iaitu selain menyediakan perkhidmatan perubatan mengikut syariah islam. Perubatan Islam boleh juga memainkan fungsi memperkembangkan aktiviti dakwah. Ini kerana jika dikaitkan sepenuhnya perubatan Islam dengan rukun dakwah, perubatan Islam mempunyai keupayaan yang ideal bagi menjadikannya berkesan serta sesuai dijadikan sebagai medium baru pelaksanaan.

PERANAN PUSAT RAWATAN ISLAM DALAM MENYEDIAKAN KHIDMAT RAWATAN

Apabila diteliti kepada peranan pusat rawatan Islam di Malaysia, didapati bahawa mereka bukan sahaja berperanan untuk menyediakan khidmat rawatan penyakit semata-mata. Namun, peranan mereka adalah lebih daripada itu. Antara peranan yang dimainkan oleh pusat rawatan Islam terhadap pesakit adalah;

[1] Menyediakan khidmat rawatan penyakit jasmani dan rohani.

[2] Memberi khidmat nasihat dan kaunseling secara tidak langsung.

[3] Mendengar permasalahan daripada pesakit.

[4] Menyediakan dan membekalkan ubatan dan bahan keperluan rawatan.

SITUASI PARA PESAKIT DI PUSAT-PUSAT RAWATAN ISLAM

Berdasarkan kepada obvervasi yang dilakukan dalam tempoh 3 tahun,[11] pengkaji melihat bahawa keadaan dan situasi pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan Islam adalah dalam keadaan pelbagai ragam dan permasalahan. Apa yang dimaksudkan di sini adalah, tujuan kedatangan seseorang pesakit ke sesuatu pusat rawatan Islam adalah dengan sesuatu tujuan atau permasalahan jelas yang memerlukan khidmat rawatan atau pertolongan daripada perawat. Sama ada kedatangan itu dengan tujuan untuk membantu orang lain atau untuk tujuan dirinya sendiri.

Terdapat beberapa situasi dan keadaan pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan Islam. Antaranya adalah;

[1] **Keadaan pesakit yang telah lama sakit**. Perkara ini merujuk kepada pesakit yang telah lama berhempas pulas berikhtiar untuk mencari rawatan terhadap penyakit yang dihadapi. Situasi ini boleh berlaku terhadap pesakit yang terkena gangguan makluk halus atau penyakit yang melibatkan pengaruh makhluk halus atau daripada jenis penyakit fizikal seperti lumpuh, lemah jantung, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Ini bermakna kedatangannya ke pusat rawatan Islam itu mempunyai matlamat yang jelas dan benar-benar mengharapkan pertolongan perawat.

[2] Kaedaan pesakit yang menghadap sesuatu penyakit yang disebabkan oleh **makhluk halus** seperti jin dan syaitan. Kemungkinan penyakit yang dihadapi itu daripada jenis sihir, santau, gangguan jin, histeria atau rasukan, dan sebagainya lagi. Situasi yang dihadapi oleh pesakit ini amat genting kerana mereka tidak dapat dirawat melalui perubatan moden dari hospital dan klinik. Jadi, situasi pesakit ini juga amat mengharapkan pertolongan dan bantuan daripada para perawat Islam ini.

[3] Pesakit yang sakit salah satu daripada jenis penyakit yang disebutkan di atas dan mempunyai **kepercayaan yang kuat tentang perkara khurafat[12] dan syirik**. Ini bermakna pesakit itu datang berjumpa perawat

[11] Penyelidik telah menjalankan kajian selama 3 hingga 4 tahun untuk menyiapkan penyelidikan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di bawah Jabatan all-Quran & al-Hadith. Tajuk penyelidikan adalah: "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia." Penyelidikan ini telah lulus sepenuhnya pada tahun 2012.

[12] Khurafat ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta. Rujuk: Portal e-Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di-url: http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kepercayaan-dan-amalan-khurafat-serta-

untuk mendapatkan rawatan, namum pada masa yang sama percaya kepada amalan-amalan khurafat, syirik dan perkara-perkara yang karut. Contohnya, mempunyai kepercayaan yang kuat tentang sial seperti biawak melintas jalan membawa sial dalam perjalanan, percaya pada tarikh tertentu yang dikatakan mendatangkan keburukan atau melakukan amalan syirik seperti memakai tangkal atau azimat, melakukan pemujaan di rumah atau penyembahan tertentu dan sebagainya lagi.

[4] Pesakit yang sakit tetapi **ibadahnya tidak terurus** sehingga kadang kala sebahagian pesakit tidak melakukan solat atau tidak penuh solat lima waktu, tidak berpuasa pada bulan Ramadan, tidak pernah ke masjid dan jarang solat berjemaah dan sebagainya lagi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pesakit jauh hubungannya dengan Allah.

[5] Pesakit yang sakit dengan keadaan dirinya yang **sentiasa sibuk dengan pekerjaan** dan mengejar keduniaan semata-mata. Tidak ada masa diperuntukan untuk ibadah dan bersama-sama dengan ahli keluarga. Pada masa yang sama turut mengabaikan tanggungjawabnya kepada isteri dan anak-anak, ibu bapa dan sebagainya lagi.

[6] Pesakit yang jatuh sakit secara tiba-tiba disebabkan oleh perbuatan orang lain, atau balasan orang lain terhadap perbuatannya sebelum itu. Ia berkaitan dengan **sifat dendam, iri hati, hasad dan dengki** serta sebagainya lagi daripada pelbagai masalah kejiwaan. Situasai ini menunjukkan bahawa terdapat permusuhan dan persengketaan yang berlaku sesama anggota masyarakat.

Selain daripada yang disebutkan di atas, terdapat pelbagai situasi dan keadaan lagi yang berlaku dan dihadapi oleh pesakit yang datang untuk mendapatkan khidmat rawatan di pusat rawatan Islam di Malaysia. Situasi yang disebutkan di atas menggambarkan bahawa, pusat rawatan Islam, bukan sahaja terlibat secara langsung untuk membantu merawat penyakit, tetapi memainkan peranan penting dalam membantu menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku sama ada berhubung dengan masalah individu, soal dakwah dan kesedaran, konflik akidah dan ibadah,masalah kejiwaan dan sebagainya lagi. Sewajarnya, pusat rawatan Islam diperkayakan dan diisi dengan pelbagai pengisian yang dapat membina dan membantu menyelesaikan konflik masyarakat yang “sakit” tersebut.

penggunaan-azimat-menurut-perspektif-islam/ 4 Februari 2013.

PERBINCANGAN

Usaha Dakwah Yang Perlu Diterapkan Dalam Perubatan Islam

Berdasarkan kepada situasi pesakit yang dijelaskan sebelum ini, menunjukkan bahawa peri pentingkan aspek dakwah ditekankan dalam kalangan perawat Islam di pusat-pusat rawatan Islam agar mereka dapat memainkan peranan bukan sahaja sebagai perawat yang membantu merawat penyakit, tetapi turut terlibat dalam memperbaiki akidah dan pemahaman masyarakat terhadap Islam yang sebenar. Ini bermakna, peranan perawat Islam adalah lebih luas dan sangat penting ketika ini kerana pesakit dengan rela hati serta dalam keadaan yang sangat memerlukan bantuan.

Dari itu, artikel ini melihat bahawa terdapat beberapa aspek penting yang patut dimiliki dan diterapkan oleh perawat di pusat-pusat rawatan Islam di Malaysia selain daripada menyediakan khidmat rawatan penyakit. Aspek penting yang dimaksudkan tersebut adalah merujuk kepada usaha dakwah terhadap pesakit untuk memperbaiki diri dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Aspek-aspek tersebut adalah: (Lihat Jadual 1.0)

Jadual 1.0: Peranan Penting Dakwah Perawat Terhadap Pesakit

Pertama: Membetulkan aspek akidah dan pemahaman terhadap amalan syirik.

Peranan yang amat penting bagi perawat adalah untuk membetulkan kembali salah faham pesakit agar kembali kepada akidah tauhid yang sebenar. Ini bermakna jika sebelum ini pesakit banyak memohon pertolongan kepada makhluk halus dengan mengadakan pemujaan dan penyembahan, atau dalam soal keimanan kepada Allah tidak di ambil berat, maka peluang ini sangat wajar digunakan untuk menyedarkannya supaya kepada kepada tauhid dan keyakinan kepada Allah dengan sebenar-benarnya.

Jika sebelum ini pesakit terlibat dengan amalan-amalan syirik kepada Allah, nasihatilah pesakit agar segera bertaubat dan meninggalkan amalan-amalan tersebut. Mungkin disebabkan banyaknya melakukan amalan syirik itu, Allah timpakan dirinya dengan penyakit yang dihadapinya itu.

Musa al-Fifi mengatakan bahawa asas tauhid yang benar adalah menjadi benteng atau pertahanan yang paling besar bagi setiap Muslim untuk menghadapi gangguan dan segala hasutan syaitan. Ini kerana Allah SWT menjelaskan bahawa para syaitan menjadi penguasa yang menguasai orang-orang kafir yang ingkar dan tidak beriman kepada Allah. Bagi orang-orang yang beriman, mereka tidak dikuasai oleh sesiapa melainkan hanya berserah dan bergantung harap kepada Allah SWT dengan penuh rasa takut kepadaNya.[13] Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 81: Maksudnya: "*Dan bagaimanakah aku hendak takutkan apa yang kamu sekutukan dengan Allah itu (yang tidak dapat mendatangkan sesuatu bahaya), padahal kamu tidak takut bahawa kamu telah menyekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan kepada kamu mengenainya? Maka, yang manakah di antara dua puak itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari bahaya), jika betul kamu mengetahui?*"

Kedua: Memberikan penjelasan yang jelas berhubung amalan khurafat dan tahyul serta hukumnya;

Perawat di pusat-pusat rawatan Islam juga perlu memainkan peranan penting untuk memberi kefahaman terhadap pesakit perkara-perkara yang berkaitan dengan amalam khurafat dan tahyul yang masaih segar diamalkan dalam kalangan anggota masyarakat. Ini bermakna, jika perawat tidak berkemampuan berbuat demikian, diharapkan perawat tersebut mengambil

[13] Musa bin Muhammad bin Jabir al-Fifi, (t.t), *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqiyyah fi al-Kutub al-Sittah: Riwayah wa Dirayah*, (Tesis di al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah (American's International University), Beirut dibawah penyeliaan al-Husayn bin Muhammad Shawat, h.203

langkah segera untuk belajar dan memahaminya. Hal ini kerana, peranan perawat bukan semata untuk memberi khidmat rawatan sahaja, tetapi sebagai "pendakwah" yang berperanan sangat penting untuk membetulkan akidah dan pemahaman anggota masyarakat.

Antara amalan khurafat dan tahyul yang sedia ada dalam masyarakat adalah seperti [1] Kepercayaan kepada keramat seperti makam, kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, cincin, bukit, tongkat, haiwan tertentu dan sebagainya; [2] Kepercayaan kepada sial majal seperti burung atau haiwan tertentu, adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya; [3] Kepercayaan kepada kekuasaan jin dan memohon pertolongan darinya seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat semah pantai dan sebagainya; [4] Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki yang dikaitkan dengan semangat atau kekuatan anasir halus atau makhluk tertentu seperti adat memuja semangat padi, bersemah, membuang ancak ke sungai dan laut dan sebagainya; [5] Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang, contohnya seperti tidak boleh melihatkan bayi di muka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, tidak boleh keluar ketika gagak berbunyi kerana takut mendapat sial atau bala dan sebagainya; [6] Kepercayaan kepada ramalan-ramalan bintang, zodiak, angka, nombor, kod matrik, tarikh kelahiran, abjad nama, rajah-rajah tertentu, kitaran hari dan bulan dalam kalendar, bertenung nasib dan sebagainya dalam merancang dan melaksanakan sesuatu perkara dan mengatur kehidupan serta menentukan masa depan; [7] Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang, kubur-kubur yang dianggap wali atau syeikh tertentu, melakukan upacara menghadirkan roh dan sebagainya; atau [8] Menggambarkan wajah guru atau membayangkan di dalam hati rupa Guru Mursyid semasa berzikir atau beramal dan sebagainya.[14]

Dalam hal ini, Allah SWT adalah menyebutkan hanya Allah yang menentukan baik buruknya sesuatu perkara.Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 107 yang bermaksud:

> "*Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Dia menghendaki kamu beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapapun yang akan dapat menghalang limpah kurniaNya. Allah melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang dikendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dia lah yang*

[14] Mufti Negeri Melaka, 2011. *Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat*, Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka, h.4-5.

Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Kemudian firman Allah dalam surah al-Tawbah ayat 51 yang bermaksud:

> *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa Kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal*".

«لاَ عَدْوَى وَلاَ صَفَرَ وَلاَ هَامَةَ» فَقَالَ أَعْرَابِيٌّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَمَا بَالُ إِبِلِي، تَكُونُ فِي الرَّمْلِ كَأَنَّهَا الظِّبَاءُ، فَيَأْتِي البَعِيرُ الأَجْرَبُ فَيَدْخُلُ بَيْنَهَا فَيُجْرِبُهَا؟ فَقَالَ: «فَمَنْ أَعْدَى الأَوَّلَ؟» رَوَاهُ الزُّهْرِيُّ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، وَسِنَانِ بْنِ أَبِي سِنَانٍ

> Daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya: "*Tiada jangkitan, tiada sial, tiada jangkitan safar dan tiada jangkitan hammah (binatang berbisa yang membunuh)*". Seorang Arab Badwi berkata: "*Apakah gerangan unta yang berada dalam pasir seakan-akan kijang betina lalu dicampuri oleh unta lain yang berkurap lalu menyebabkan ia berkurap?* Rasulullah SAW bersabda: "*Siapakah yang menjangkitkan unta yang pertama?*."[15]

Ketiga: Memberi peringatan dan penjelasan tentang kesalahan terhadap kebergantungan kepada tangkal dan azimat;

Seorang perawat perlu sentiasa mengambil berat berhubung dengan penggunaan tangkal dan azimat dalam kalangan pesakit. Apabila merawat pesakit, sentiasa mengemukakan soalan sama ada mereka ada memakai tangkal, azimat dan sebagainya. Jika mendapati ada yang memakai tangkal atau azimat tertentu, perawat perlu segera meminta agar tangkal dan azimat tersebut dibuang. Hal ini kerana mereka telah meletakkan kebergantungan kepada selain daripada Allah. Bahkan, tangkal dan azimat tersebut menjadi

---

[15] Hadith riwayat al-Bukhari [Kitab al-Tibb (بَابُ لاَ صَفَرَ، وَهُوَ دَاءٌ يَأْخُذُ البَطْنَ), no.hadith 5717]. Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi selepas ini al-Bukhari (1400H), *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih,* al-Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, j.7, h.128.

faktor penghalang kesembuhan penyakitnya akibat daripada doa yang tidak diterima.

Oleh itu, perawat perlu segera menasihati pesakit agar kembali bertaubat dan meletakkan kebergantungan hanya kepada Allah sahaja. Hanya dengan bergantung sepenuhnya kepada Allah akan menjadi senjata yang berkesan untuk menghadapi gangguan kejahatan makhluk. Ini kerana, individu yang sentiasa bertawakal dan berserah kepada Allah dalam semua urusan hidupnya akan sentiasa berada di bawah petunjuk dan pelindungan Allah SWT. Bahkan, menjadikan dirinya tidak mudah putus asa, kerana putus asa dan putus pengharapan kepada Allah SWT adalah daripada syaitan.[16] Tambahan lagi, orang yang sentiasa bertawakal mendapat kasih sayang dari Allah SWT. Firman Allah SWT, dalam surah Ali 'Imran, ayat 159: Maksudnya: "*Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya*."

Manakala dalam hadith, daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW bersabda: "*Jika seseorang keluar dari rumahnya dan membaca Bismillah (dengan menyebut nama Allah), aku berserah kepada Allah, tiada daya dan upaya dan kekuatan kecuali kepada Allah. Dikatakan kepadanya: "Kamu telah dicukupkan (segalanya), kamu dilindungi dan dipelihara daripada (gangguan) syaitan*."[17]

Keempat: Mendidik masyarakat dengan pemahaman yang betul terhadap amalan perubatan Islam dan membezakan dengan amalan perbomohan;

Perawat juga perlu turut mengambil peranan untuk menjelaskan dan menerangkan kepada pesakit amalan perubatan yang betul dan menepati kehendak syariat. Perawat perlu menasihati pesakit agar tidak lagi berjumpa dengan bomoh, dukun, pawang dan sebagainya untuk mendapatkan rawatan. Hal ini kerana kebanyakan amalan perubatan melalui ilmu perbomohan mengandungi amalan syirik, menggunakan bantuan makhluk halus,

---

[16] Khadher Ahmad, 2012. "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia," (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.119.

[17] Hadith riwayat al-Tirmidhi [Abwab al-Da'awat, (بَابُ مَا يَقُولُ إِذَا خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ), no.hadith 3246]. Menurut beliau hadith ini hasan gharib dan tidak diketahui melain melalui wajah ini sahaja. Lihat Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmidhi (1417H), *Sunan al-Tirmidhi*, ditahqiqkan oleh Muhammad Nasir al-Din al-Albani al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', c.1, j.5, h.490.

menggunakan bahan rawatan yang tidak suci dan sebagainya lagi. Perawat perlu menegaskan bahawa Nabi SAW adalah contoh terbaik dalam konteks menerima penyakit dan mengubati sesuatu penyakit.

Nabi SAW turut mengancam golongan yang mempercayai bomoh atau dukun yang menyimpang tersebut. Antara ancamannya adalah menyebabkan dirinya kufur dan amal ibadahnya tidak diterima oleh Allah. Dalam satu hadith Daripada Abi Hurayrah RA daripada Nabi SAW telah bersabda:

« مَنْ أَتَى حَائِضًا أَوِ امْرَأَةً فِي دُبُرِهَا أَوْ كَاهِنًا فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ -صلى الله عليه وسلم- ».

Maksudnya: "*Sesiapa yang mendatangi (isterinya) yang sedang haid (dalam keadaan darah kotor) atau mendatangi wanita (isterinya) melalui duburnya atau mendatangi kahin (bomoh atau pawang), sesungguhnya dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (kufur terhadap Islam)*."[18]

Manakala dalam hadith yang lain daripada Safiyyah (isteri Ibn 'Umar) daripada sebahagian isteri-isteri Nabi SAW bahawasanya baginda SAW bersabda:

« مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَىْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلاَةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً »

Maksudnya: *"Sesiapa yang datang kepada (menemui) peramal/tukang tilik lalu dia bertanya sesuatu kepadanya dan mempercayainya maka tidak akan diterima solatnya selama 40 malam*."[19]

Setidaknya, setelah mengetahui hal ini, pesakit tidak lagi merujuk kepada bomoh dan pawang. Sebaliknya mereka lebih cenderung untuk mendapatkan khidmat daripada para perawat Islam.

[18] Hadith riwayat al-Tirmidhi: [Kitab al-Taharah, (باب مَا جَاءَ فِى كَرَاهِيَةِ إِتْيَانِ الْحَائِضِ), no.hadith 135] dari hadith Abi Hurayrah RA. al-Tirmidhi berkata bahawa tidak diketahui (dikenali) hadith ini kecuali melalui hadith Hakim al-Athram dari Abi Tamimah al-Juhaymi dari Abi Hurayrah RA. Hadith sahih menurut pandangan al-Albani kerana sanadnya *jayyid*. Lihat al-Tirmidhi (2000), *Sunan al-Tirmidhi*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.1647 dan al-Albani (t.t), *al-Silisilah al-Sahihah, op.cit.,* j.13, h.181.

[19] Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Salam, (باب تَحْرِيمِ الْكِهَانَةِ وَإِتْيَانِ الْكُهَّانِ), no.hadith 5821] dari hadith Safiyyah. Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, *op.cit.*, h.1074.

Kelima: Memperbetulkan amalan ibadah harian; dan

Peranan perawat juga amat penting dalam membantu memperbetulkan amal ibadah pesakit. Ini bermakna ada kalanya pesakit yang datang, tidak pernah solat, jarang-jarang solat atau hanya solat ketika rajin, tidak tahu membaca al-Quran dan sebagainya lagi. Jadi, peluang yang ada ini, perlu digunakan sepenuhnya untuk membantu pesakit tersebut. Hal ini kerana ibadah seperti solat adalah perkara yang paling utama dan menjadi tuntutan wajib bagi setiap individu.

Dalam pada itu, boleh diterapkan amalan memelihara waktu dan menjaga solat berjemaah. Ini kerana terdapat kelebihan bagi sesiapa yang menjaga waktu dan solat berjemaah. Antaranya kelebihan solat Subuh berjemaah seperti disebutkan daripada riwayat Jundab bin ‘Abd Allah, Rasulullah SAW telah bersabda:

> Maksudnya: “*Sesiapa yang mengerjakan solat Subuh, maka dia berada dalam jaminan Allah SWT. Kerana itu, janganlah kamu memohon kepada Allah SWT jaminanNya dengan (perantaraan) sesuatu (selain daripada solat) ketika kamu mendapatkannya, maka ditakuti kamu tergelincir ke dalam api neraka.*”[20]

Imam al-Nawawi dalam syarahnya mengatakan bahawa yang dimaksudkan *dhimmah* (ذمة) adalah *al-Daman* (الضمان) atau *al-Aman* (الأمان) iaitu jaminan perlindungan dan juga keamanan.[21] ‘Abd al-Rahman bin Abi ‘Amrah berkata, ‘Uthman bin ‘Affan RA telah masuk ke dalam masjid selepas solat Maghrib, dan terus beliau terus duduk bersendirian. Lalu aku bangun dan duduk berhampirannya seraya berkata: “*Wahai anak saudaraku, aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda*: “*Sesiapa yang mengerjakan solat Isyak berjemaah seolah-olah dia mendirikan qiyamullail sebahagian daripada malam, sedangkan sesiapa yang solat Subuh berjemaah, maka seolah-olah dia mendirikan qiamullail sepanjang malam tersebut*.”[22]

Keenam: Mendengar, menasihati dan menyediakan khidmat kaunseling.

Perawat juga berperanan penting sebagai kaunselor kerana sebahagian daripada pesakit yang datang, kadang kala mempunyai masalah yang

---

[20] Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Masajid, (بَابُ فَضْلِ صَلاَةِ الْعِشَاءِ وَالصُّبْحِ فِي جَمَاعَةٍ), no.hadith 1493] Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith*, *ibid*, h.780.

[21] al-Nawawi (1392H), *al-Minhaj, op.cit.,* j.5, h.158.

[22] Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Masajid, (بَابُ فَضْلِ صَلاَةِ الْعِشَاءِ وَالصُّبْحِ فِي جَمَاعَةٍ), no.hadith 1419] dan Ahmad. Lihat *Op.cit.*, h.779.

pelbagai dan memerlukan seseorang untuk mendengar luahan dan keluhannya. Bahkan, masalah yang ditanggung itu yang menjadi penyebab dirinya sakit sama ada fizikal atau mentalnya.

Dalam sesi tersebut, perawat perlu mengambil peranan untuk memberi kesedaran dan panduan kepada pesakit. Sekurang-kurangnya, apabila pesakit meluahkan dan berkongsi masalah dengan perawat, akan mengurangkan tekanan yang dihadapi. Pada masa yang sama perawat memberikan nasihat serta tunjuk ajar kepada pesakit agar pesakit dapat dipandu bagi mengelak mereka mengambil tindakan yang tidak sewajarya.

Daripada Abi Hurayrah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ،

Maksudnya: "*Sesiapa yang (membantu) melepaskan seorang Mukmin daripada satu kesusahan daripada pelbagai kesusahan dunia, Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan daripada pelbagai kesusahan pada hari Kiamat. Sesiapa yang memberi kemudahan kepada seseorang yang berada dalam kesukaran atau kepayahan, Allah akan mudahkan padanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (menyembunyikan) sesuatu keaiban seseorang Muslim, maka Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah itu selalu membantu seseorang hamba itu, selama mana hamba itu suka memberi pertolongan kepada saudaranya*".[23]

Ketujuh: Menunjukkan keindahan dan kesempurnaan agama Islam jika pesakit dari kalangan orang bukan Islam.

Memandangkan pusat rawatan Islam bukan sahaja dikunjungi oleh orang Islam sahaja, tetapi turut mendapat sambutan daripada orang bukan Islam,

[23] Hadith riwayat Muslim, [Kitab al-Dhikr wa al-Du'a wa al-Tawbah wa al-Istighfar, (بَابُ فَضْلِ الِاجْتِمَاعِ عَلَى تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ وَعَلَى الذِّكْرِ), no.hadith 2699]. Lihat Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (1419H), *Sahih Muslim*, dalam 'Abd al-Malik Mujahid bin Muhammad Yunus *et al.*, *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', j.4, h. 2074.

maka peranan perawat amat penting dalam usaha dakwah kepada Islam. Ini bukan bermaksud memaksa mereka masuk Islam, tetapi menonjolkan keindahan Islam agar mereka kagum dan tertarik dengan keindahan Islam itu. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125: Maksudnya:

> "*Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk*."

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa seorang perawat Islam mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu pesakit dari pelbagai sudut. Tugas perawat bukan sahaja merawat penyakit semata-mata, namun lebih daripada itu yang merangkumi dakwah kepada Islam, membetulkan amal ibadah, memberi nasihat dan kuanseling, memberi kesedaran dan sebagainya lagi.

Apa yang lebih penting adalah persediaan perawat untuk menghadapi dan melakukan tindakan sedemikian kerana perkara tersebut bukan satu kerja yang mudah. Tetapi memerlukan kekuatan tenaga fizikal dan mental untuk menghadapi pelbagai situasi tersebut. Semoga segala pertolongan yang dihulurkan itu mendapat balasan yang sewajarnya daripada Allah SWT dan dikira sebagai satu amalan yang mulia.

RUJUKAN

Ab. Aziz Mohd Zain (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, c. 3., Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*, c. 4., Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Ṣādir, j. 14, h. 257-261.

Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1992), *Fiqh al-Da‘wah al-Fardiyyah*, t.tp.: Dār al-Wafā’, h. 25.

Kamus Dewan (2000), edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

Khadher Ahmad dan Ishak Hj. Suliaman, 2012. “Sihir dan Rawatannya Menurut Perspektif Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (691H/1292M-751H/1350M): Satu Analisis, dalam *Jurnal ILIM*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), bil.5, h.19-38.

Khadher Ahmad, 2012. “Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia,” (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

Khadher Ahmad, 2012. “Satu Kajian Kaedah Rawatan sihir di Pusat-pusat Rawatan Islam di Malaysia” dalam *PERSPEKTIF: A Sosial Sciences and Humanities Journal*, Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), vol.4, no.1, h.82-111.

Muhd Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim & Kharuddin Mohd Amin, “Metode Dakwah dalam Kitab Tafsir al-Misbah oleh M. Quraish Shihab” dalam Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari, (pnyt), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy al- (1392H), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah al- (1417H), *Sunan al-Tirmidhi*, ditahqiqkan oleh Muhammad Nasir al-Din al-Albani al-Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat (2003), “Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 17, h. 137-152.

ISU PELAKSANAAN KAWALAN PENJUALAN ARAK DI NEGERI KELANTAN: HUBUNGKAIT DENGAN METODE DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

Oleh:
Nik Suhaida Bt Nik Abdul Majid[1]
Roslan bin Mohamed[2]

ABSTRAK

Negeri Kelantan melalui dasarnya 'Membangun Bersama Islam' dilihat sebagai Negeri yang menjadikan Islam sebagai asas dalam mentadbir sebuah kerajaan. Pelaksanaan kawalan penjualan arak adalah sebagai satu bukti bahawa Kerajaan Negeri serius dalam usahanya mengharmonikan masyarakat berbilang agama. Maka dilihat dari sudut kaca mata dakwah, isu tersebut menampilkan suatu metode dakwah Justeru penulisan ini memberi fokus kepada pelaksanaan undang-undang Islam yang dilihat sebagai satu dari bentuk metode dakwah kepada orang bukan Islam. Fokus perbincangan meliputi pengenalan undang-undang Islam dan peranannya yang boleh dijadikan sebagai suatu metode dalam berdakwah khusus bagi orang bukan Islam.

PENGENALAN:

Definisi arak diertikan sebagai minuman yang mengandungi alkohol (cecair yang mudah terbakar) dan memabukkan atau digelari juga dengan panggilan minuman keras.[3]Menurut Seksyen 2, Akta Kastam 1967 minuman keras diertikan sebagai apa-apa alkohol, apa-apa cecair yang mengandungi spirit pruf [4], yang sesuai atau yang bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-

[1] Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[2] Pensyarah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[3] *Kamus Dewan,* ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2010), 75, entri "arak".

[4] Menurut Dr Siti Mariah, Spirit adalah alkohol mutlak atau dikenali dengan ethyl alcohol dan Pruf pula adalah ukuran kadar alcohol (http://tugaspariwisata.blogspot.com/2012/03/bar.html)

apa cara diubah bagi digunakan sebagai minuman.[5] Perkembangan zaman dan teknologi telah mencanggihkan lagi pembuatan arak dan akhirnya namanya bertukar sehingga boleh mengelirukan masyarakat. Seperti sabda Nabi S.A.W:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لَا تَذهَبُ اللَّيَالِي وَالأَيَّامُ حَتَّى

تَشرَبَ فِيهَا طَائِفَةٌ مِن أُمَّتِي الخَمرَ وَيُسَمُّونَهَا بِغَيرِ اسمِهَا.[6]

Terjemahan: *Tidak akan berlalu pergi malam dan siang hingga satu golongan daripada umatku minum arak dan mereka menamakan arak dengan nama yang lain.*[7]

Majoriti pengkaji, penyelidik dari bidang pengajian agama, sains sosial dan juga perubatan bersetuju bahawa arak membawa kepada kemudaratan dari segi fizikal dan mental. Dari perspektif Islam juga jelas hukumnya sebagai haram melalui firman Allah S.W.T iaitu :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ

مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

(Al-Maidah:90:5)

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

Di dalam hadith juga turut merekodkan bahawa:

قَالَ رسول الله صلى الله عليه وسلم: كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ خَمْرٍ حَرَامٌ [8].

---

[5] *Kastam Diraja Malaysia*, dicapai 14 November 2012, http://www.customs.gov.my / index.php/ bm/ prosedu r-a-garis -panduan/ kastam/permohonan- lesen/762-prosedur-permohonan-lesen-mengimport-tembakau-termasuk-rokok-dan-minuman-keras,.

[6] Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab Al-Asyribah, Bab Al-Khamri Yusammunaha Bighairi Ismiha, no.Hadith 3384. Lihat Abi 'Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qazwinni, Sunan Ibnu Majah(Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah,2008), 550.

[7] Mohammad Nidzam Abd. Kadir , *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 97.

[8] Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab Al-Asyribah, Bab Kullu Muskirin Haram , no.Hadith 3390. Lihat Abi 'Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qazwinni, *Sunan Ibnu Majah*(Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah,2008), 550.

Terjemahan: Setiap yang memabukkan adalah arak, dan setiap arak adalah haram.[9]

Bagi orang bukan Islam, sebahagian daripada upacara ritual bagi agama mereka menggunakan arak. Maka arak sebahagian daripada kepercayaan agama mereka. Justeru bagaimana hak mereka yang bernaung dibawah pemerintahan orang Islam? Contoh jelas dalam konteks Negara Malaysia Islam dijadikan agama persekutuan dan juga badan perundangan negeri boleh menggubal undang-undang tentang mana-mana perkara pentadbiran agama Islam dan hukum syarak.[10]

Sungguhpun begitu, hak orang bukan Islam mesti dirai dan dihormati kerana mereka sebahagian dari masyarakat Malaysia dan dikategorikan sebagai kafir *dhimmi*. Justeru penggunaan arak dalam kalangan orang bukan Islam tidak boleh dihalang tetapi boleh dikawal bagi menyeimbangi hak orang Islam dan hak orang bukan Islam. Malah Allah S.W.T telah pun mengingatkan hal ini melalui firmanNya:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن
دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

(Al-Mumtahanah 60:8)

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang Yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil.

Islam menjamin hak asasi orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam. Bagi orang bukan Islam, tiada larangan untuk mereka meminum arak atau terlibat dengan aktiviti berkaitan arak selagi mereka tidak mabuk dan membahayakan keselamatan dan ketenteraman awam. Walaubagaimanapun, kelonggaran yang diberikan kepada orang bukan Islam berkenaaan arak

[9] Mohammad Nidzam Abd. Kadir , *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 96.

[10] Mahamad Arifin, "Perkembangan Undang-Undang Pentadbiran Islam Di Malaysia," dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia, ed. Mahamad Arifin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007) 12:1.

hendaklah tertakluk pada tatacara, sekatan dan hukum Islam.[11]

Kawalan Penjualan Arak di Negeri Kelantan:

Negeri Kelantan merupakan negeri yang paling terkehadapan dalam soal mentadbir pentadbiran secara Islam. Ini dapat dilihat melalui gagasan 'Membangun Bersama Islam', 'Kota Bharu Bandaraya Islam dan juga konsep Falsafah 5K (Keilmuan, Kepatuhan, Kebajikan, Kebersihan, Kesejahteraan) di dalam pentadbirannya.[12]Maka dilihat dari aspek pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan, nyata terlihat perbezaannya berbanding di Negeri-Negeri lain.

Pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kawalan ini adalah Lembaga Pelesenan bagi melibatkan jualan borong dan runcit. Ianya terdiri dari empat Jabatan iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Pejabat Tanah dan Jajahan (bagi daerah yang terlibat), Jabatan Kastam dan juga Polis. Bagi lesen yang melibatkan premis yang menghidang arak ianya tertakluk dibawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kouta lesen yang diberikan bergantung kepada populasi masyarakat bukan Islam di sesebuah tempat. Di Kelantan, Kota Bharu merupakan kawasan yang paling banyak kouta lesen diberikan berbanding di daerah lain kerana faktor populasi tersebut. Pemberian lesen tersebut bukanlah lesen menjual minuman keras tetapi lesen restoran Cina yang dibenarkan menjual arak. Maka bukan semua restoran Cina di Negeri Kelantan dibenarkan menjual arak.

Pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini pertamanya dapat dilihat dari sudut pemberian kouta lesen yang dihadkan. Selain itu garis panduan yang dikenakan kepada pemilik premis yang menghidang arak juga diperincikan. Antaranya arak tidak dibenarkan dijual secara terbuka termasuk di pasaraya, hotel dan kedai 24 jam Seven Eleven, tatacara minum di tempat awam (tempat khas dan tertutup), soal etika pakaian, kedudukan dan persekitaran kedai yang mengambil kira senstiviti orang Islam, waktu operasi dan paparan tanda larangan untuk orang Islam.[13]

---

[11] Jasri Kamal dan Noryati Anuar, "Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan", Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 215.

[12] Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi, "Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan", *Malaysian Journal of Society and Space 5*, Isu. 3 (2009) : 8-25

[13] SUK Negeri Kelantan, "Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan" (Garis Panduan rujukan MPKB-BRI, 2009).

Jika dilihat dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa Negeri Kelantan telah melaksanakan satu pentadbiran Islam. Apabila dibincangkan soal pentadbiran maka ianya pasti melibatkan soal undang-undang. Justeru pelaksanaan ini boleh dianggap sebagai pelaksanaan undang-undang Islam terhadap orang bukan Islam. Maka daripada undang-undang Islam tersebut terdapat suatu metode dakwah yang boleh dikenalpasti.

Undang-Undang Islam

Undang-undang merupakan sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal atau dibuat oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan.[14] Apabila dikaitkan dengan Islam, ianya membawa maksud ketentuan hukum yang telah dihasilkan melalui proses ijtihad kemudian pemerintah memilih satu dari kepelbagaian hukum tersebut yang dirasakan sesuai dengan masyarakat untuk dijadikan undang-undang negara.[15]Keseluruhan sistem bagi undang-undang Islam adalah *syari'ah* iaitu merangkumi seluruh perintah Allah. Setiap perintah Allah digelar sebagai hukum. Istilah hampir bagi orang Islam adalah *fiqh* yang merupakan sebahagian dari nilai *syari'ah* dan bersumberkan *Al-Quran, Sunnah, ijma'* dan *qiyas*.[16]

Ciri-ciri bagi hukum *syari'ah* adalah kesempurnaan yang menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan manusia. Hukum Islam memperuntukan hak dan kewajipan manusia. Selain itu ianya bersifat kemuliaan rohani serta teguh dan tegar serta boleh ubah. Seterusnya adalah wujud kesedaran agama dan etika, kesederhanaan serta menolak ekstremisme.[17]

Sifat-sifat perundangan melalui sumber Al-Quran adalah menekankan aspek moral lebih dari hukuman seperti dalam isu arak, judi dan riba. Iaitu Al-Quran lebih menghuraikan kesan dari perbuatan tersebut dari bentuk hukuman. Hukuman bagi kesalahan tersebut banyak dirujuki melalui sunnah. Sunnah berfungsi menjelaskan Al-Quran dan menerangkan hukum yang tidak diterangkan di dalam Al-Quran.[18]

---

[14] *Kamus Dewan,* ed. ke-4(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2010), 1768, entri "undang-undang".

[15] Mohd Badrol Awang dan Mohd. Lotpi Mohd Yusob, "Penggubalan dan Pelaksanaan Undang-Undang Islam oleh Pemerintah: Satu Pandangan," *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 24, no.1 (2012), 112.

[16] Ahmad Ibrahim, Shirle Gordon, ed., *Islamic Law in Malaysia*(Kuala Lumpur: Malausian Sociological Research Institute, 1975) 1&2.

[17] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992)110-113.

[18] Mohd Azam et al., *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Gombak: iBook Publication,

Prinsip asas yang terdapat dalam perundangan Islam adalah *al-tadarruj* (berperingkat-peringkat). Pembinaan hukum secara berperingkat kerana manusia memerlukan masa untuk melakukan perubahan. Seterusnya prinsip kedua adalah *'adamu al-Haraj* (tidak menyusahkan) iaitu tuntutan Islam mengambil kira batasan kemampuan manusia. Prinsip ketiga adalah *qillatu al-Taklif* (tidak menyukarkan) iaitu undang-undang Islam mengandungi unsur yang meringankan. Ini melihatkan perundangan Islam sesuai dengan fitrah manusia dan anjal bagi memberi kemudahan kepada pengamalnya.[19]

Bagi hak ahli dhimmah pula iaitu orang bukan Islam yang berada di dalam negara Islam dan patuh pada pemerintah Islam, mereka berhak menikmati segala hak asasi manusia yang terkandung dalam Syariah Islam. Antara hak mereka adalah kesamarataan di sisi undang-undang iaitu berhak mendapatkan perlindungan diri, harta, maruah dan tempat tinggal. Selain itu adalah kesamarataan cukai, kebebasan beragama, berpolitik, bekerja dan juga pendidikan. Dalam hal kebebasan beragama, Islam membenarkan mereka mengadakan sebarang aktiviti keagamaan di rumah agama masing-masing. Justeru, orang bukan Islam juga turut mempunyai tanggungjawab terhadap negara iaitu dengan memahami undang-undang dan menghormatinya, memahami perasaan orang Islam dan menghormati agama Islam serta bersama mengekalkan keamanan dan keharmonian.[20]

Bagi isu arak, di dalam undang-undang Islam ianya tertakluk dibawah undang-undang jenayah. Menurut Undang-Undang Islam, hukuman kepada peminum arak kepada orang Islam tidak boleh diaplikasi kepada peminum arak dari kalangan orang bukan Islam kerana hukuman hanya boleh dikenakan kepada mereka jika sekiranya mereka mabuk yang terlampau akibat meminum arak. Hal ini kerana mabuk yang terlampau adalah haram di sisi semua agama. Selain itu hukuman dikenakan itu bagi mengelakkan berlakunya kekacauan.[21]

Metode Dakwah:

Merujuk kepada salah satu definisi dakwah menjelaskan bahawa maksud dakwah secara ilmu dan seninya bermaksud seni yang membahaskan tentang

---

2006), 33.

[19] Mohd Azam et al., *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Gombak: iBook Publication, 2006), 71-74.

[20] *Ibid*., 118-127.

[21] 'Abdur Rahman I.Doi, Non-Muslims Under Sharia'ah (Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1994),53-54.

cara yang munasabah untuk mengajak orang lain tentang Islam.[22] Maka ilmu dakwah tidak dapat lari dari perbincangan mengenai metode dakwah. Metode atau perkataan sempurnanya adalah metodologi didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan disiplin dan sebagainya.[23] Maka metodologi dakwah disimpulkan pengertiannya sebagai ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah atau kajian tentang cara dakwah. Ianya juga difahami sebagai ilmu yang istimewa atau disiplin yang menekankan soal bagaimana untuk berdakwah yang melibatkan cara, pengertian, perancangan dan sebarang penghubung kepada persembahan secara sistematik untuk menyebarkan Risalah Islam[24].

Prinsip asas dalam menyampaikan dakwah adalah terdiri dari dua perkara pokok iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini dapat dibuktikan melalui satu dari definisi dakwah dari segi pelaksanaan penyampaian iaitu bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk mendapatkan kebahagiaan dan terhindar dari kesesatan dan kejahatan.[25] Dalil-dalil naqli yang dijadikan hujah dalam kewajipan menyampaikan dakwah juga turut menekankan dua aspek tersebut. Antaranya adalah:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Ali-Imran 3 : 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya.

---

[22] 'Abdul 'Aziz Barghus. Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 18.

[23] *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1030, entri "metodologi".

[24] Badlihisham Mohd Nasir. *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 27

[25] Abdul 'Aziz Barghus. *Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 15.

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ
ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Al-Taubah 9: 71

Terjemahan: Dan orang-orang Yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi Penolong bagi setengahnya Yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan.

Bagi merealisasilan dua prinsip asas dalam dakwah tersebut maka metodologi asas dalam dakwah juga turut diajari oleh Allah S.W.T melalui firmannya iaitu

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

Bedasarkan ayat tersebut, tiga prinsip asas dalam metodologi penyampaian dakwah dikemukakan iaitu metodologi hikmah, nasihat dan juga perbahasan. Hikmah diterangkan sebagai kebijaksanaan yang digunakan pada keadaan yang sesuai dan sasaran yang sesuai juga pada masa yang sesuai. Metode hikmah juga dilaksanakan dalam pelbagai gaya iaitu cara lembut dan juga keras. Namun hikmah itu bermula dengan lembut kerana kelembutan lebih memberi keselesaan.[26]Manakala metode nasihat pula adalah suatu bentuk ajaran, petunjuk yang baik dan juga sejenis peringatan.[27] Metode perbahasan pula adalah masing-masing mengeluarkan hujah untuk mempertahankan fakta. Cara ini dianggap paling baik kerana jika dilakukan dengan cara yang

[26] Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 10.

[27] *Kamus Dewan,* ed. ke-4(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2010) 1071, entri "nasihat".

terbaik maka kesannya amat positif kepada penerangan dakwah.

Pelaksanaan metode asas dalam dakwah tersebut dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu melibatkan gaya (*uslub*) dakwah dan juga medium (*wasail*) dakwah. Dua aspek ini perlu diambil kira juga bagi memastikan tiga metode asas dakwah dapat digunakan dengan baik dan mencapai matlamat.

Gaya atau *uslub* dakwah ini dapat difahami sebagai persembahan dakwah iaitu cara melaksanakan metode dakwah[28]. Ianya selaras dengan psikologi dan fitrah manusia. Antara contohnya adalah seperti *targhib* (pujukan), *tarhib* (ancaman), kelembutan, kekerasan, *tadarruj*(berperingkat-peringkat)[29], mudah serta menjinakkan[30]. Selain itu langkah pelaksanaan mestilah bermula dari memberi tahu kemudian menasihati seterusnya tindakan dari yang lembut hingga ketegasan[31] dan ianya bergantung kepada keperluan dan kesesuaian serta qudwah hasanah.

Manakala bagi medium (*wasail*) dakwah pula ianya melibatkan sesuatu bidang yang boleh dijadikan perantara dalam melaksanakan dakwah. Ianya juga suatu perkara yang boleh dijadikan penghubung bagi membantu dalam menjayakan usaha dakwah. Jenis medium dakwah ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu medium rohani dan medium material. [32] Medium rohani adalah melalui akhlaq, doa, bersangka baik, ikhlas dan istiqamah. Bagi medium material pula melibatkan material bersifat fitrah, ilmiah dan juga amali. Material fitrah misalnya tabiat kata-kata dan pergerakan, material ilmiah pula melalui program atau penulisan dan material amali seperti melibatkan institusi antaranya masjid, pusat dakwah serta gerakan Islam.[33] Kesimpulannya medium dakwah dengan erti kata yang lebih luas adalah melibatkan kepelbagaian bidang seperti menggunakan media, undang-undang, pendidikan, hiburan, sukan, ekonomi, aktiviti kesukarelawan, perubatan, fotografi[34] dan sebagainya.

---

[28] Al-Bayanuni,*Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*(Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 242.

[29] Abdul 'Aziz Barghus. Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 1292.

[30] Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*(Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 12.

[31] Al-Bayanuni,*Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*(Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 252.

[32] Al-Bayanuni,*Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*(Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 282-283

[33] Al-Bayanuni,*Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*(Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 283-284.

[34] *Ibid.,*290-291.

Metode khusus dakwah kepada orang bukan Islam:

Metode tambahan bagi mendepani orang bukan Islam juga turut dibahaskan. Antaranya adalah pelbagai persoalan negatif perlu dihilangkan di dalam pemikiran orang bukan Islam bagi memudahkan proses seterusnya dalam mesej dakwah. Tanggapan yang perlu dijelaskan adalah berhubung dengan isu perbezaan antara Melayu dan Islam, konsep keadilan dalam Islam, konsep kebebasan dalam Islam, berpakaian dalam Islam, Islam dan kemajuan Sains, hukum Islam, sebab kemunduran orang Islam, Islam untuk seluruh manusia dan juga hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam. Seterusnya adalah dengan mengetahui hak orang bukan Islam yang perlu diraikan yang melibatkan keselamatan, maruah, kebebasan beragama dan cara hidup juga keadilan. Hak orang bukan Islam sewajarnya dihormati dan diraikan oleh orang Islam selagi tidak menggadaikan maruah agama Islam itu sendiri. Islam sendiri menghuraikan konsep hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia iaitu turut melibatkan hubungan dengan orang bukan Islam.[35]

Disamping itu penerangan berkenaan kebaikan atau kesan positif dari sistem pelaksanaan perundangan Islam yang syumul iaitu sempurna terhadap sosioekonomi bernegara. Perbandingan mesti dibuat diantara falsafah Islam dengan falsafah agama-agama yang dianuti oleh orang bukan Islam supaya mereka boleh melihat, berfikir dengan logik akal. Selain itu juga melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Nilai-Nilai Islam yang diterapkan dalam pentadbiran yang sangat signifikan untuk diaplikasi adalah menerusi etika kerja Islam yang mementingkan soal amanah, tanggungjawab, kerjasama, jujur dan sebagainya yang dianggap nilai murni dan mulia.

Selain itu,termasuk usaha membanteras rasuah, membasmi kemiskinan, mewujudkan keadilan sosial, meningkatkan produktiviti, mewujudkan masyarakat berintegriti, pengukuhan institusi keluarga, penekanan kepada pendidikan dan pencapaian ilmu pengetahuan serta sains dan teknologi.[36] Ini boleh dijadikan contoh sebagai satu bentuk dakwah bil hal kepada orang bukan Islam kerana tarikan pada Islam itu banyak bergantung kepada

---

[35] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng, "Methodology Of Da'wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation,"*Journal of Ulum Islamiyyah* 5, no.1(2006), 65.

[36] Mohd Roslan, "Nilai Islam Asas Bentuk Masyarakat Majmuk Harmoni", laman sesawang IKIM, dicapai 26 Febuari 2013, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=260&cmd=resetall.

kecantikan akhlak muslim itu sendiri.[37]

Sebagai tambahan lagi adalah dakwah menerusi undang-undang.[38]Undang-undang boleh dijadikan salah satu saluran dakwah yang sangat memberi impak kepada agenda pembangunan masyarakat. Di Malaysia, melalui pelembagaanya meletakkan bahawa Islam agama persekutuan tetapi agama-agama lain bebas diamalkan.Menurut Prof Dr. Abd Aziz, oleh kerana Islam yang dinyatakan tidak diertikan secara jelas maka perlu merujuk kepada pendapat ulama' tentang maksud Islam yang menghasilkan bahawa Islam bukanlah satu ilhami Ilahi kepada setiap orang tetapi suatu penyampaian yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad untuk melaksanakannya. Justeru penyampaian adalah sebahagian dari pengertian Islam maka jelas Islam itu mengandungi dakwah.[39]

Disamping itu, dakwah yang paling berkesan adalah menerusi kerajaan iaitu menerusi pelaksanaan pentadbiran yang menepati syara' Islamiyah. Pelaksanaan undang-undang Islam mampu mendidik rakyat dan memberi kefahaman jelas tentang agama Islam terhadap orang bukan Islam. Contohnya di Negeri Kelantan melalui dasar pentadbiran Islamnya yang memperkenalkan sistem bank tanpa faedah, kawalan jualan arak, pengharaman judi dan wayang kulit diterima baik oleh rakyat disamping kerajaan sendiri menjadi wasilah supaya rakyat beroleh pahala dan keberkatan dari Allah kerana melaksankan syari'at. Contoh yang terbaik sebagai sandaran bagi kesemua proses ini adalah melalui peristiwa hijrah Nabi S.A.W ke Madinah. Apabila Madinah dijadikan pusat pentadbiran kerajaan Islam maka mudah bagi Baginda mendidik umat Islam, bangsa Arab bagi memahami Islam dan menguasai kawasan-kawasan lain bagi mengiktiraf Islam. Maka sebab itu dakwah melalui kerajaan menerusi undang-undang memainkan peranan besar dan sangat penting.[40]

---

[37] Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 111.

[38] Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 191.

[39] *op.cit*., 191-192.

[40] Fadhli Mohd Ghani (Pengarah Arkib Pusat Penyelidikan Pas Pusat, Pejabat Pas Pusat), dalam temubual dengan pengkaji, 20 disember 2012.

Analisis Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Islam Dalam Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan:

Melalui pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan, penulis dapat perhatikan ianya suatu pelaksanaan yang berlandaskan undang-undang Islam. Pertamanya disebabkan oleh isu pelaksanaan kawalan ini sememangnya bersifat undang-undang dan undang-undang tersebut menjadikan agama Islam sebagai sandaran asas. Ini dibuktikan walaupun golongan orang bukan Islam khususnya dari bangsa Cina di negeri tersebut adalah sangat minoriti, tetapi kerajaan negeri tetap meraikan hak agama mereka dengan tetap membenarkan penjualan dan penggunaan arak di kalangan mereka.

Keduanya adalah bagi mengharmonikan isu ini, pemberian lesen dihadkan melalui sistem kouta iaitu bergantung kepada keperluan dan bilangan populasi mereka. Walaupun arak tidak dibenarkan dijual secara terbuka, tetapi orang bukan Islam tetap dibenarkan meminumnya di tempat yang telah dikhaskan tetapi mestilah mematuhi syarat yang ditetapkan. Syarat tersebut dikira sebagai undang-undang yang berlandaskan ajaran Islam terhadap orang bukan Islam kerana syarat tersebut menekankan soal etika, saling menghormati dan memahami dalam kepelbagaian agama.

Melalui situasi undang-undang yang dikenakan, ianya menepati dengan prinsip asas undang-undang Islam iaitu hak kebebasan beragama orang bukan Islam dalam pemerintahan Islam, tidak menyusahkan dan tidak menyukarkan mereka.

Justeru beberapa ciri dalam pelaksanaan undang-undang Islam ini boleh dikenalpasti sebagai metode dakwah kepada orang bukan Islam. Dalam hal ini penulis berpandangan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak yang belandaskan pelaksanaan undang-undang Islam ini mengandungi salah satu dari prinsip asas dalam dakwah. Prinsip asas tersebut adalah mencegah kemungkaran. Prinsip dakwah melalui mencegah kemungkaran lebih dominan dari mengajak kepada kebaikan kerana secara asasnya undang-undang merupakan suatu sempadan larangan yang lebih hampir kepada pencegahan. Pencegahan dalam konteks pelaksanaan ini adalah melalui kawalan penjualan arak ianya mencegah orang Islam dari terlibat secara berleluasa dengan ketagihan arak dan juga mencegah orang bukan Islam dari terlibat secara bebas dengan arak yang mana hakikatnya mendatangkan keburukan. Selain itu, konsep pencegah ini membawa mesej kepada orang bukan Islam bahawa perlunya menghormati hak orang Islam dan memahami

bahawa agama Islam adalah agama yang bertoleransi kepada semua agama.

Dari sudut metode dakwah yang asas iaitu melibatkan hikmah, nasihat dan juga perbahasan ianya tidak begitu ketara untuk dianalisis tetapi hakikatnya pelaksanaan kawalan ini menggunakan metode dakwah hikmah iaitu bijak dan sesuai dalam memilih tindakan dengan cara yang berbentuk kebijaksanaan kerana sesuai dengan keadaan. Pelaksanaan kawalan ini juga menggunakan *uslub* iaitu gaya yang terkandung dalam penbincangan ilmu metode dakwah. Antaranya adalah unsur *tarhib* iaitu ancaman sekiranya orang bukan Islam khususnya pemilik premis gagal mematuhi peraturan maka tindakan akan diamnbil. Selain itu unsur mudah juga turut kelihatan dalam pelaksanaan ini iaitu peraturan yang dikenakan adalah bersifat mudah dan ringkas serta tidak membebankan orang bukan Islam. Dari sudut *wasail* dakwah iaitu medium dakwah, pelaksanaan ini menggunakan undang-undang yang lebih ketara. Justeru, undang-undang juga merupakan satu dari medium dakwah.

Perlu diberikan perhatian juga bahawa bagi menjalankan dakwah kepada orang bukan Islam perkara yang lebih utama adalah memeberi kefahaman terlebih dahulu sebelum bertindak melalui peraturan ataupun undang-undang. Ini disebabkan kefahaman yang baik mampu membentuk kesedaran dan penghormatan sehingga membawa kepada penerimaan dan ketaatan. Diharapkan kerajaan Negeri Kelantan memperkasakan lagi kefahaman tentang hukum Islam kepada orang bukan Islam khususnya dalam isu arak ini supaya orang bukan Islam lebih memahami agama Islam seterusnya pelaksanaan kawalan ini boleh menjadi model buat negeri-negeri lain di Malaysia bagi membendung masalah ketagihan arak yang maksimum disebabkan bekalan arak yang terkawal dan tatacara meminumnya dijaga bagi mengurangkan kekacauan dan gangguan moral serta mengharmonikan masyarakat berbilang agama dan bangsa.

KESIMPULAN

Rumusan dari perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa metode dakwah kepada orang bukan Islam yang digunakan dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini adalah menggunakan medium undang-undang. Melalui medium ini prinsip dakwah yang dikenalpasti adalah mencegah kemungkaran melalui gaya persembahan dakwah yang melibatkan ketegasan tetapi mengekalkan nilai ajaran Islam yang terkandung di dalam prinsip undang-undang Islam dan juga seni dakwah iaitu menghormati hak sesama manusia walaupun berbeza agama dan saling menghormati agama masing-masing. Oleh yang demikian, orang bukan Islam dapat merasakan bahawa Islam menghormati agama lain walaupun Islam berkuasa di dalam

sesuatu pemerintahan dan dapat menilai Islam mencegah penggunaan arak bagi mengelakkan manusia dari kemudaratan kerana Islam agama yang melindungi dan menyayangi. Disamping itu, pelaksanaan undang-undang Islam dalam pentadbiran sekaligus mengaplikasi metode dakwah dan usaha dakwah supaya mengelakkan salah faham dan tanggapan negatif orang bukan Islam terhadap Islam serta menjalankan amanah Allah supaya menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

RUJUKAN:

Al-Quran

'Abdul 'Aziz Barghus. *Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas.*Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011.

'Abdur Rahman I.Doi. *Non-Muslims Under Sharia'ah*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1994.

Ab. Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.

Ahmad Ibrahim, Shirle Gordon, ed., *Islamic Law in Malaysia.* Kuala Lumpur: Malausian Sociological Research Institute, 1975.

Al-Bayanuni.*Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*. Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991.

Badlihisham Mohd Nasir. *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements*. Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003.

Abi 'Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qazwinni. *Sunan Ibnu Majah* . Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah,2008.

Jasri Kamal dan Noryati Anuar. "Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan". Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 , 2012

Kamus Dewan, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Kastam Diraja Malaysia, dicapai 14 November 2012, http://www.customs.gov.my /index.php/ bm/ prosedu r-a-garis -panduan/ kastam/ permohonan- lesen/762-prosedur-permohonan-lesen-mengimport-tembakau-termasuk-rokok-dan-minuman-keras.

Mahamad Arifin. "Perkembangan Undang-Undang Pentadbiran Islam Di Malaysia," dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia, ed. Mahamad Arifin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

2007.

Mohammad Nidzam Abd. Kadir. *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009.

Mohd Azam et al., *Perundangan dan Kenegaraan Islam*. Gombak: iBook Publication, 2006.

Mohd Badrol Awang dan Mohd. Lotpi Mohd Yusob. "Penggubalan dan Pelaksanaan Undang-Undang Islam oleh Pemerintah: Satu Pandangan," . *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 24, no.1. 2012.

Muhammad Al-Buraey.*Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng."Methodology Of Da'wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation." *Journal of Ulum Islamiyyah* 5, no.1. 2006

Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi. "Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan". *Malaysian Journal of Society and Space 5*, Isu. 3. 2009.

SUK Negeri Kelantan. "Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan". Garis Panduan rujukan MPKB-BRI, 2009.

Mohd Roslan, "Nilai Islam Asas Bentuk Masyarakat Majmuk Harmoni", laman sesawang IKIM, dicapai 26 Febuari 2013, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=260&cmd=resetall.

Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 111.

Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 191.

op.cit., 191-192.

ibid.. h. 192

Fadhli Mohd Ghani (Pengarah Arkib Pusat Penyelidikan Pas Pusat, Pejabat Pas Pusat), dalam temubual dengan pengkaji, 20 disember 2012.

MAJALAH KAUM TUA DAN KAUM MUDA DI MALAYSIA: PERBINCANGAN MENGENAI PENDEKATAN DAKWAH

Oleh:
Dr. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid[1]

faisal@um.edu.my

ABSTRAK

Setiap zaman dan tempat sepanjang sejarah Islam, didapati para ulama dan cendiakawan Islam mempunyai cara dan pendekatan dakwah yang berbeza namun ianya sesuai agar dakwah Islam dapat diterima dengan baik oleh masyarakat setempat. Kertas ini akan membincangkan 3 objektif utama; (1) latar belakang dua majalah utama yang setiap satu mewakili aliran Kaum Tua dan Kaum Muda, iaitu majalah al-Imam dan majalah Pengasuh, (2) Pengenalan dua tokoh kaum Tua dan Kuam Muda. Manakala objektif (3) membincangkan pendekatan dakwah yang dipraktiskan oleh kedua-dua majalah tersebut. Hasil dari perbincangan di atas akan dapat dibuat suatu rumusan tentang pendekatan dakwah yang sesuai untuk pihak yang terlibat dalam penerbitan khususnya penerbitan majalah agar dapat mengunakan pendekatan yang sesuai untuk mempersembahkan Islam kepada masyarakat kini yang lebih kompleks persoalan dan permasalahannya.

PENDAHULUAN

Penerbitan akhbar atau majalah seperti majalah al-Imam, Guru, Pendidik, Pengasuh dan lain-lain merupakan kelangsungan kepada satu tradisi yang sudah lama berakar umbi di kalangan para ulama' Nusantara yang sudah lama terkenal dengan penghasilan kitab-kitab agama yang bermutu dan sarat dengan ilmu yang amat berguna sehingga menjadi teks wajib dalam sistem pengajian pondok sejak sekian lama.

Jika diperhatikan kepada perkembangan sejarah persuratkhabaran dan majalah Melayu, antara faktor utama yang mengerakkan perkembangan minda dan meniupkan semangat kebangkitan orang Melayu di Malaysia

[1] Dr. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ialah penerbitan akhbar dan majalah sebagai suara islah dan kesedaran minda bangsa. Perkembangan ini amat pesat sekali berlaku dengan adanya mesin cetak yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu. Perkembangan ini berkembang dengan pesat sekali sehingga penerbitan majalah Melayu telah mencecah angka 1,082 buah majalah pada penghujung abad ke-20.[2]

Di Tanah Melayu, kegiatan penerbitan majalah telah bermula sejak tahun 1821 lagi apabila muncul buat pertama kalinya majalah dwi bahasa yang bernama *Bustan al-'Arifin*.[3] Majalah ini dicetak di Melaka oleh The Anglo Chinese Press. Penyuntingnya ialah C.H Thomson dengan dibantu oleh Munshi Abdullah bin Abdul Kadir. Majalah ini diterbitkan mengunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, pengedarannya tersebar luas di Negeri-negeri Selat dan juga di beberapa bandar yang terdapat di Tanah Melayu pada ketika itu.[4] Seterusnya, pada 1876, akhbar Melayu pertama diterbitkan iaitu *Jawi Peranakan*.[5] Sesuai dengan namanya memulakan suatu era yang dominan dalam penglibatan golongan peranakan India Muslim dalam dunia kewartawanan bercetak Melayu.[6]

Tradisi menerbitkan majalah yang dimulakan oleh paderi Kristian ini, pada peringkat awal abad ke-20 tidak begitu menjadi ikutan kepada golongan cerdik pandai Melayu, malah sehingga tahun 1906 kebanyakan dari majalah yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat hampir keseluruhannya adalah inisiatif usaha golongan paderi Kristian. Umpamanya antara tahun 1820 sehingga 1898 terdapat 5 buah majalah yang diterbitkan oleh paderi Kristian di dalam bahasa Melayu dan menggunakan huruf jawi. Majalah tersebut adalah majalah *Pungutan Segala RemahPungatauan* (1952),[7]*Chermin*

---

[2] Hamedi Mohd Adnan (2000), *op.cit.,* h.7

[3] Walaupun nama majalah ini digunakan dengan nama Arab namun ianya adalah sebuah majalah missionary Kristian. Lihat Mohd Sarim Haji Mustajab (1988), "Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya Dalam Perkembangan Masyarakat" (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah English Newspapers In Malaya 1900-1941: History and Historiography anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 25-26hb. Januari 1988), h. 5.

[4] *Ibid*.

[5] Akhbar Melayu pertama terbitan golongan peranakan India Muslim atau juga dikenali dengan "*darah keturunan Keling*" dalam dunia kewartawanan bercetak Melayu. Golongan ini mendakwa diri mereka sebagai Melayu, menganggap diri mereka sebagai Melayu, dan berhasrat menjaga kebajikan masyarakat Melayu dan agama Islam melalui penerbitan majalah dan akhbar. Lihat Hamedi Mohd Adnan (2000), *op. cit*., h. 6.

[6] *Ibid*., h. 8.

[7] Majalah dakyah Kristian diterbitkan di Singapura; Mission Press secara triwulanan. Bermula Mac 1852- Disember 1852. Lihat Ahmat Adam (1992), *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad kesembilan Belas*. Selangor: Penerbit UKM, h. 95.

Mata (1857-1859),[8]*Sahabat* (1895-1905),[9]*Pelajaran Skola Agama* (1896-1904),[10] dan *Warta Melayu* (1898).[11]

Hampir kesemua terbitan ini menyajikan pengetahuan yang berkaitan dengan agama Kristian di kalangan masyarakat Melayu sebagai sasaran pembacanya dengan mengunakan bahasa Melayu. Kegiatan penerbitan yang rancak ini berkemungkinan besar didorong oleh keinginan menyebarluaskan ajaran Kristian di kalangan masyarakat Melayu dan disamping itu mendapat sokongan kewangan yang kukuh dari pihak kolonial barat. Mereka adalah golongan yang sedar akan peri pentingnya majalah sebagai alat penyebar berita dan propaganda agama.

Sebagai reaksi balas dari kegiatan paderi Kristian itu, ia telah menjadi satu titik tolak kepada golongan literat, ulama, dan intelegensia Melayu untuk berusaha menerbitkan majalah sendiri. Maka, pada awal abad ke-20 muncul majalah Melayu untuk kepentingan bangsa Melayu dan agamanya, Islam iaitu *Khizanah al-'Ulum* (1904) dan *al-Imam* (1906)[12]. Tetapi, ini tidak bermaksud kedua-dua majalah ini adalah majalah Melayu pertama kerana majalah dakyah Kristian telah mengambil tempat pada abad sebelumnya.

Maknanya, lama sebelum masyarakat Melayu berupaya menerbitkan majalah dalam bahasa ibundanya sendiri, golongan mubaligh Kristian telah berbuat demikian. Namun, kemunculan *Al-Imam* terutamanya, amat penting sebagai titik tolak penerbitan majalah-majalah Melayu[13] khususnya yang bertemakan agama dan kebangsaan.

Tidak seperti akhbar, kemunculan majalah Melayu menggunakan platform Islam sebagai *turning point*, malahan memberikan perspektif terhadap Islam yang terlalu berbeza dengan kecenderungan semasa. Walaupun *Al-*

---

[8] Majalah dakyah Kristian diterbitkan di Singapura, Bukit Zion (Keasberry). Keluarannya tidak menentu dan menggunakan tulisan jawi. Lihat Ahmat Adam (1992), *ibid* h. 96.

[9] Diterbitkan di Singapura; Methodist Mission secara bulanan bermula 15 April 1895 hingga Disember 1906. Editornya ialah Mrs. R.J Denyes. Lihat Ahmat Adam, (1992), *ibid*. h. 110.

[10] Majalah dakyah Kristian yang mengandungi khutbah dan ajaran ibadat keagamaan diterbitkan di Singapura secara bulanan di dalam tulisan rumi. Lihat Ahmat Adam (1992), *ibid*. h. 110.

[11] Majalah dakyah Kristian diterbitkan di Singapura ; American Mission Press secara bulanan di dalam tulisan jawi dan rumi. Diterbitkan tahun 1898 dan tahun terhenti tidak diketahui. Lihat Ahmat Adam, (1992), *ibid*. h. 112.

[12] Jenis majalah pengetahuan umum/agama diterbitkan pada 23 Julai 1906 di Singapura.

[13] Hamedi Mohd Adnan (2000), *op.cit*., h. 34.

Imam hanya bertahan dua setengah tahun cuma setelah penerbitannya ditamatkan pada 1908, namun pembaharuan agama dan masyarakat yang didokongnya diteruskan oleh majalah-majalah lain selepas itu. Majalah al-Imam bertindak sebagai perintis dengan tujuan *"mengingatkan mana yang lalai, dan menjagakan mereka yang tidur, dan menunjukkan mana yang sesat".*[14] Hal ini jelas kelihatan dengan kemunculan majalah *Pengasuh* yang diterbitkan pada tahun 1918 sehingga kini oleh Majlis Ugama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Menurut Hamedi Mohd Adnan, perkembangan awal penerbitan majalah-majalah Melayu di negara ini didorong oleh dua faktor, iaitu eksploitasi terhadap agama dan perjuangan bersifat kebangsaan. Persoalan tentang agama merupakan teras dalam dunia permajalahan Melayu, sekurang-kurangnya sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua pada penghujung 1941.[15]

MAJALAH KAUM TUA DAN KAUM MUDA

Jika diperhatikan kepada orientasi penerbitan majalah Melayu seperti *al-Imam*, *Neraca*, *Tunas Melayu*, *Pengasuh*, *al-Hikmah*, *Semangat Islam*, *Jasa*, *Bulan Melayu* dan *Lidah Benar* dapatlah disimpulkan bahawa hampir kesemua majalah Melayu tersebut yang diterbitkan sekitar desawarsa awal abad ke-20 hingga tahun-tahun 30-an lebih bercorak keislaman. Corak keislaman itu bukanlah sekadar tempelan luaran sebaliknya mendasar hingga kepada konsep utama, isi kandungan dan tema penerbitan. Untuk merealisasikan dasar perjuangan Islam itulah tumpuan utama sidang editor atau ketua pengarang majalah-majalah tersebut lebih tertumpu kepada hal-hal yang bersangkutan dengan agama dan persoalan masyarakat Melayu.[16] Perkembangan ini bermula dari akhir abad ke-19 hinggalah sekitar tahun-tahun 1930, dan dalam tempoh ini didapati tidak kurang daripada tiga puluh buah akhbar atau majalah Melayu yang bercorak agama telah diterbitkan.

Kelangsungan semangat yang berjiwa keagamaan ini atau juga disebut pengislahan masyarakat mengisyaratkan suatu kegiatan penting dan terancang oleh para ulama dan inteligensia Melayu yang amat peka dengan permasalahan umatnya untuk membawa mereka ke arah kebaikan yang

---

[14] Akhbar Al-Imam, Jilid 1, No.1, 23 Julai 1906, h. 8.

[15] Hamed Mohd Adnan (2003), Penerbitan Majalah di Malaysia ; Isu-isu dan Cabaran, Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd., h. ix.

[16] Muhd Yusof Ibrahim (1994), *Pensejarahan Melayu Dalam Akhbar dan Majalah: 1900-1920,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 143.

nyata. Dalam erti kata yang lain,[17] ia merupakan suatu gerakan yang bergerak bersama masyarakat dari keadaan yang buruk kepada baik, dari keadaan baik kepada yang lebih baik dan mengekalkan keadaan baik tersebut. Semangat ini dapat diterjemahkan secara meluas yang membawa pelbagai maksud termasuk perdamaian, pembaikan, pembaharuan dari pelbagai aspek sosial, ekonomi, pendidikan, pemikiran dan politik.[18]

Dalam usaha menerbitan sebuah majalah, ianya amat berkait rapat dengan tiga elemen yang saling melengkapi iaitu (1) Idealisme yang menjadi tunjang perjuangan majalah tersebut (2) Ketua Pengarang atau Ketua Sidang Redaksi, (2) Dana atau institusi penyumbang yang membiayai kos penerbitan sesebuah majalah. Dalam konteks perbincangan ini maka majalah majalah Pengasuh dan majalah al-Imam dipilih sebagai ample yang mengambarkan pendekatan dan corak idealisme dua aliran yang akan diperkatakan. Pengasuh dilihat sebagai sebuah majalah kaum tua memandangkan peranan dan sumbangan MAIK sebagai agensi yang bertanggungjawab menaja, dan membiayai segala kos penerbitan Pengasuh selama ini sejak dari awal penerbitannya hinggalah ke hari ini yang hampir mencapai seratus tahun dalam usianya yang relatif panjang itu dalam bab dua. MAIK sebagai institusi Islam yang bertanggungjawab memelihara kesucian ajaran Islam bermazhab Syafie sudah pastinya bertindak mengawal penerbitan Pengasuh agar selari dengan kehendak dan kepentingan Islam itu.

Oleh itu majalah al-Imam pula dipilih sebagai sample majalah kaum tua kerana inspirasi perjuangannya adalah inspirasi Tuan Syed al-Hadi dan beberapa kawan-kawan beliau yang lain. Kedua-dua kelompok ini amat erat sekali dengan penerbitan majalah malah majalah dijadikan sebagai platform untuk bergerak dan menyebarluaskan idea-idea reformis yang didokong disamping menubuhkan sekolah atau madrasah.

MAJALAH PENGASUH SEBAGAI MAJALAH KAUM TUA

Majalah Pengasuh mula diterbitkan pada 11 Julai 1918, bersamaan 1 Syawal 1336. Berukuran 8.1 inci lebar dan 12.6 inci panjang dan mengandungi hanya 8 muka surat. Pengasuh diterbitkan dalam tulisan jawi dengan kekerapan terbit 2 kali sebulan. Ia merupakan satu-satunya majalah tertua yang masih terbit di Semenanjung Malaysia malahan di Indonesia juga. Beberapa majalah yang terbit sebelum dan sezaman dengannya seperti

[17] Wan Mohd Nor Wan Daud (tahun), *Pembangunan Islam di Malaysia :Ke arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurn*a, Kuala Lumpur : ISTAC, h.21

[18] Ismail Bakar, *et.al.* (1999), *Sejarah dan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 296.

Al-Imam (Singapura 1906), Seri Pustaka (Jakarta 1918), juga majalah-majalah yang terbit selepas seperti Masa (Muara 1924) dan majalah Guru (Seremban 1924). Setakat ini tidak syak lagi, penerbitan Pengasuh telah mencapai rekod baru dalam sejarah penerbitan di Malaysia khasnya dan dalam alam persuratan Melayu amnya.[19]

Dengan kelahiran majalah Pengasuh sebagai medan dakwah baru, para ulama' dan inteligensia Melayu Kelantan mula menumpukan usaha mereka dalam penulisan dan penerbitan. Dengan hasrat dan kesungguhan dari kalangan mereka pada ketika itu, Kelantan telah menerbitkan berbagai bentuk majalah dan suratkhabar dari zaman sebelum dan selepas merdeka.[20]

Majalah ini lahir ketika berlaku satu keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang mempersoalkan pendekatan dan perlaksanaan dalam perspektif dan rangka modenis dan reformis. Pada hakikatnya, penerbitan majalah Pengasuh tercetus ketika Kaum Muda mendapat tentangan hebat daripada Kaum Tua di Kelantan 1918.[21]Penerbitan majalah Pengasuh merupakan aktiviti terawal penubuhan MAIK. Oleh kerana, salah satu matlamat awal penubuhan MAIK ialah menterjemah kitab-kitab Arab (agama) ke dalam Bahasa Melayu di samping beberapa tujuan lain , maka MAIK berusaha untuk mewujudkan percetakan sendiri. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, pada tahun 1917 sebuah mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 1,000 dan kemudiannya pada tahun 1919 sebuah lagi mesin cetak telah dibeli dengan harga RM3,135.82 bagi menampung kerja-kerja percetakan yang semakin bertambah.

Sebenarnya dari penerbitan Pengasuh itu, MAIK tidaklah tertumpu kepada tujuan perniagaan. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan Pengasuh sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai. Oleh yang demikian, MAIK merasa bangga kerana Pengasuh dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.

---

[19] Rafidah Binti Ab. Rahman (2009), "*Pengasuh Dalam Persuratan Islam Di Malaysia, Sumbangannya Dalam Pembangunan Pemikiran Dan Islah: Kajian Di Era Kepimpinan Tok Kenali Sebagai Ketua Pengarang"*, (Latihan Ilmiah, Penerbitan Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 29.

[20] *Ibid.,* h. 30

[21] Hanafi Mohammad (2002), *Tok Kenali: Ketokohan, Sumbangan dan Pengaruh Keilmuannya Di Kelantan*, (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya), h. 75.

MAJALAH PENGASUH SEBELUM MERDEKA

Majalah Pengasuh dalam tahun-tahun sebelum merdeka memberi tumpuan sama seperti majalah-majalah Melayu lain yang amat lantang menyuarakan gerakan kebangkitan nasionalis Melayu menentang penjajahan dan menyeru masyarakat Melayu agar membuka minda dan merubah kehidupan mereka sesuai dengan keperluan semasa dengan bangkit membina negara dan mengembalikan maruah bangsa. Rencana pengarang Pengasuh bilangan 263, tahun 1954 dapat memberi gambaran yang jelas mengenai inspirasi perjuangan Pengasuh dalam dekad-dekad sebelum merdeka yang bertajuk "Tugas Ulama Hari Ini".

> *"Tuan-tuan ulama hari ini : Tuan-tuanlah pemegang amanah yang menyandang gelaran warasatul anbiya yang bertanggungjawab terhadap masyarakat Islam hari ini. Oleh itu, cubalah tuan-tuan mengalih tumpuan medan suara yang gelap kelam itu ke arah medan yang lebih luas dan terang, medan yang menghendaki suatu aliran fikiran yang baharu dan maju bukannya medan menghendaki aliran fikiran yang kaku dan beku yang sesuai dengan unta dan karma dahulu".*

Dalam tahun-tahun awal 50-an sebelum negara mendapat kemerdekaan, tumpuan Pengasuh dalam keluarannya mula menumpukan kepada aspek-aspek lain yang berbentuk usaha untuk mengisi kemerdekaan yang akan dicapai nanti dan memberi pengajaran kepada para pembaca mengenai ajaran agama yang sebenar. Aspek utama yang diketengahkan oleh Pengasuh dalam dekad awal 50-an dan selepas merdeka ialah pendidikan, ekonomi kaum bumiputera, kebudayaan, sejarah dan politik dan keagamaan.

Naskhah terakhir Pengasuh yang diterbitkan sebelum perang dunia kedua ialah naskhah bilangan 642 (Khamis 20 Syawal 1356 bersamaan 23Disember 1937). Selain itu, dinyatakan juga belum ada lagi catatan di temui mengenai sebab-sebab pemberhentian ini. Bagaimanapun adalah dipercayai bahawa MAIK tidak bercadang untuk menghentikan penerbitan Pengasuh ini, cuma kewujudan keadaan-keadaan sementara sahaja menyebabkan penerbitan ini terhenti seketika.

Pada muka belakang naskhah Pengasuh bilangan terakhir (bilangan 642) menumpukan catatan pemberitahuan mengenai kerosakan mesin cetak Majlis yang memerlukan pembaikan beberapa hari yang boleh membawa kepada kelambatan pengeluaran Pengasuh. Kerosakan mesin cetak ini

dipercayai telah mengambil waktu yang lama untuk diperbaiki dan kemudian di tambah dengan faktor-faktor lain pula seperti pelaksanaan dasar penjimatan perbelanjaan MAIK pada tahun-tahun tiga puluhan, telah menyebabkan penerbitan ini terhenti buat sementara waktu.[22]

MAJALAH PENGASUH SELEPAS MERDEKA

Majalah Pengasuh selepas perang dikeluarkan pada hari Khamis 14 Rejab 1365 bersamaan 13 Jun 1946. Bagaimanapun keluaran Pengasuh kali ini tidak menyambung bilangan seterusnya yang terhenti pada tahun 1937 dahulu (bilangan 642), tetapi memulakannya dengan siri baru semula : bilangan pertama tahun yang kedua puluh dua.

Setelah perjuangan umat Islam melepasi peringkat kedua dengan berjaya membebaskan tanah air dari cengkaman penjajahan Barat sekitar dekad 50-an hingga 70-an. Maka dalam dekad 80-an, umat Islam telah mula memasuki era baru perjuangan mereka iaitu mengisi ruang-ruang kemerdekaan dalam pembentukan corak kemerdekaan dalam pembentukan corak pemikiran anak bangsa. Di samping mengisi agenda bangsa, umat Islam juga terpaksa berjuang terus dalam mencari identiti bangsa dengan menentang ideologi hagemoni kapitalis Barat dan komunis Timur yang cuba mengelirukan umat Islam dari menghayati kemurniaan akidah Islam. Kebangkitan ini adalah usaha menyeluruh umat Islam untuk menjadikan Islam sebagai dasar dan panduan hidup sehingga Islam dapat diletakkan ditempatnya yang sebenar.

Dalam dekad ini, pergerakan umat Islam seluruh dunia menyaksikan kebangkitan menyeluruh sama ada di Negara-negara Asia Barat atau sebelah Asia Tenggara. Umat Islam di awal dekad 80-an telah dikejutkan dengan kemenangan revolusi Islam di Iran, dan di tanah air pula kebangkitan gerakan Islam amat terserlah dengan ramainya para graduan agama sama ada dari lulusan Universiti Al-Azhar dan Timur Tengah telah berkecimpung dalam gerakan Islam di tanah air telah menjadikan gerakan kebangkitan Islam di tanah air amat rancak sekali. Pergerakan ABIM, JIM,al-Arqam, PAS, jemaah Tabligh dan gerakan dakwah lain dalam dekad 80-an berada pada kemuncak kebangkitan.

Selain daripada perubahan saiz majalah, turut berubah juga ialah moto Pengasuh. Moto baru yang dipakai Pengasuh mulai bilangan 338 ini ialah : majalah agama, pendidikan dan pengetahuan am. Sementara itu, satu lagi perubahan, Pengasuh tidak lagi dicetak di Matbaah MAIK, tetapi dicetak

[22] Rafidah Ab. Rahman., *Op. Cit*., h. 32-35.

oleh percetakan Pustaka Aman Press Kota Bharu. Bagaimanapun urusan redaksi masih lagi dipegang dan di selenggarakan oleh Majlis. Demikianlah Pengasuh dalam sejarah penerbitan yang panjang sejak 1918. Ia beberapa kali terhenti tetapi beberapa kali pula terbit kembali.[23]

MAJALAH AL-IMAM SEBAGAI MAJALAH KAUM MUDA

Majalah Al-Imam diterbitkan pada 23 Julai 1906 dalam tulisan jawi dan berjaya diterbitkan sebanyak tiga puluh satu keluaran sebelum memberhentikan penerbitan pada bulan Disember 1908.[24] Majalah ini berukuran lebar 6.3 inci serta panjang 8.6 inci. Al-Imam mengandungi 32 halaman yang dijual dengan harga 25 sen nilai wang British pada ketika itu.[25] Jumlah cetaknya sebanyak 2000 naskhah setiap keluaran pada awal tiap-tiap bulan takwim Hijrah. Tetapi kemudian jumlah naskhah terbitannya telah bertambah kepada 5000 naskhah setiap bulan. [26] Majalah ini dinamakan Al-Imam (yang bererti pemimpin) kerana ia berharap dapat

> "*mengingatkan mana-mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada mereka itu (orang Melayu)*".[27]

Kandungan dan intisari majalah Al-Imam ini menitikberatkan isu dan masalah utama seperti memperjuangkan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis dan memberi galakan kepada orang Melayu supaya melakukan ijtihad dan menjauhkan diri dari taklid buta. Selain itu, ia juga menyarankan sistem pendidikan baru iaitu sistem yang berdasarkan pendidikan Islam yang sihat serta ditambah tentang pengetahuan Arab, Inggeris, Ilmu Hisab dan agama.[28]Penggerak utama penerbitan Al-Imam ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dengan dibantu oleh Sayyid Syeikh al-Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha. Penerbitannya dibiayai oleh Syeikh Awad al-Sa'aidan. Melalui

---

[23] *Ibid*., h. 35-37.

[24] Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 112.

[25] Talib Samat (1992), *Syed Sheikh Al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

[26] Abdul Aziz Mat Ton (2006), *Pengislahan Masyarakat Melayu (Perbincangan Al-Imam (1906-1908)),* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

[27] Khoo Kay Kim (1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 87

[28] Talib Samat (1992), *Op. Cit*., h. 71-72.

gabungan usaha Sayyid Syeikh al-Hadi, Sayyid Hassan bin Shahab dan Sayyid Muhammad bin Aqil bin Yahya ditubuhkan Al-Imam Printing Company pada bulan Mac 1908.

Semua yang terlibat dalam penerbitan al-Imam merupakan mereka yang pernah terdedah kepada perkembangan yang berlaku di Timur Tengah, mempunyai hubungan dengan Mesir dan terpengaruh dengan pemikiran akhbar al-Manar. Penerbitan Al-Imam yang dipengaruhi oleh majalah al-Manar terbitan Rashid Rida yang dianggap sebagai pemindahan perbahasan yang sedang berlaku di Kaherah ke rantau ini. Penerbitannya juga dianggap sebagai manifestasi penyebaran pemikiran tokoh-tokoh Islah Mesir ke dalam masyarakat Melayu.

Pengaruh pemikiran Islah yang sedang berkembang di Mesir mempengaruhi pemikiran penggerak al-Imam apabila mereka turut merasakan perlunya memainkan peranan yang sama dalam merubah masyarakat Melayu. Ini dapat dibuktikan dalam keluaran al-Imam yang pertama apabila al-Imam menyeru orang Melayu supaya berusaha mencapai kemajuan dengan mengikuti jalan yang sebenar sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Hadis.

Selain berperanan sebagai penyebar pemikiran Islah, al-Imam juga memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan kesedaran sosio-politik orang Melayu. Akhbar ini merupakan akhbar Melayu yang pertama mengandungi pemikiran yang menyeru kepada perubahan sosial dalam masyarakat dengan memasukkan unsur –unsur politik dalam tulisan yang diterbitkan. Unsur-unsur politik tersebut dapat dilihat melalui tulisan seperti memaklumkan kepada pembaca tentang berita dan pergolakan yang sedang berlaku di Timur Tengah yang bertujuan mendedahkan kepada pembaca perkembangan politik yang sedang berlaku yang mempunyai kaitan dengan kepentingan umat Islam.[29]

Majalah al-Imam mempunyai pengaruh yang meluas di Nusantara. Ini didasarkan pada catatan wakil penjualnya seperti yang dijelaskan olehnya. Pada tempat lain, pengaruhnya jelas dengan kelahiran al-Moenir di Padang. Melalui hubungan surat-menyurat sama ada berbentuk artikel sumbangan atau untuk ruangan "Soal-Jawab" yang dikendalikan oleh al-Imam, ternyata hubungannya dengan beberapa tempat di luar Semenanjung Tanah Melayu seperti Selatan Siam, Langkat, Palembang, Tanjung Pura, Sambas (Borneo/

[29] Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 112-113.

Kalimantan), Padang Panjang, Padang, Ceribon, Sigli, Pemelang (Jawa), Gemala dan Idi (Acheh), Betawi, Batu Baduan, Teluk Betung(Sumatera Selatan), Pulau Penyengat, Singa Raja (Bali), Jambi dan Sulawesi. Bukan setakat hubungan surat-menyurat, malah ada kalanya tokoh-tokoh al-Imam pernah pergi ke Acheh dan Cerebon (Jawa) misalnya. Berdasarkan keadaan itu, dapat dibuat tanggapan tentang kawasan pengaruh al-Imam secara andaian sahaja. [30]

Penerbitannya terhenti selepas akhir bulan Disember 1908 kerana masalah-masalah tertentu. Penyelenggara tidak dapat menjelaskan dengan tepat masalah yang membuatkan penerbitannya terhenti dan berkemungkinan besar kerana masalah kewangan.[31]

MAJALAH AL-IKHWAN SEBAGAI MAJALAH KAUM MUDA

Akhbar Al-Ikhwan adalah merupakan sebuah akhbar lidah kaum Muda. Akhbar ini mula diterbitkan pada 16 septermber 1926 di Pulau Pinang yang dipimpin oleh Syed Sheikh bin Ahmad Al-Hindi yang merupakan penerbit dan pengarang bagi akhbar ini. Al-Ikhwan adalah merupakan sebuah akhbar yang senafas dengan akhbar al-Imam. Sementara itu, Syed Sheikh Al-Hindi telah berkhidmat dalam penerbitan ini dari tahun 1926 hingga Disember 1931. Pada permulaannya, akhbar Al-Ikhwan ini dikeluarkan oleh Syarikat The British Malaya Company tetapi kemudian penerbitan akhbar ini telah diambil alih pula oleh Syarikat Jelutong Press, Pulau Pinang.[32] Akhbar ini berukuran 6.6 inci dan panjang 9 inci. Al-Ikhwan telah diterbitkan sebulan sekali dan mengandungi sebanyak 24 halaman. Isu yang dipaparkan dalam akhbar ini lebih memperjuangkan cita-cita agama dan kesedaran yang berlaku di Timur Tengah pada ketika itu. Namun, Al-Ikhwan telah berhenti penerbitannya pada bulan Disember 1931.[33]

Tujuan penerbitan majalah al-Ikhwan :

1. Menyeru kepada semua Ikhwan Muslimin kepada kemajuan dalam medan kehidupan menurut kebebasan yang dibenarkan oleh undang-undang kerajaan negeri.
2. Menyatakan kehendak-kehendak agama Islam yang memberi

---

[30] Abdul Aziz Mat Ton (2006), *Pengislahan Masyarakat Melayu (Perbincangan Al-Imam (1906-1908)),* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2-3.

[31] *Ibid*.

[32] A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18

[33] Talib Samat (1992), *Syed Sheikh al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23.

kebajikan bagi perhimpunan kehidupan sekalian yang berpegang padanya.
3. Menyeru kepada menuntut ilmu.
4. Membawa perkhabaran luar negeri yang memberi ibarat kiasan kebajikan bagi kehidupan perhimpunan yang sempurna.
5. Membawa perkhabaran dalam negeri apa-apa yang memberi faedah bagi am atau mengolahkan hasrat daripadanya.
6. Membawa cerita yang memberi ibarat kiasan bagi kehidupan yang sempurna.[34]

Majalah ini dengan pasti dapat dianggap sebagai satu alat untuk mempropagandakan dan mendaulatkan agama Islam yang tulen dan membanteras adat-adat lama yang telah diagamakan. Antara lain, al-Ikhwan juga mencela berkali-kali taklid buta sebagai serendah-rendah darjat dan menyeru agama Islam yang sejati tidak dapat ditegakkan selama bertaklid. Sebaliknya, ijtihad iaitu 'bersungguh-sungguh memeriksa dan memahami dengan sedalam-dalamnya akan keterangan-keterangan daripada al-Quran dan Hadith', di anjurkan kepada semua umat Islam dan diseru pintu ijtihad tidak tertutup bagi segala orang yang berakal. Dan orang Islam juga disuruh berpedoman akal di dalam kehidupan mereka.[35]

Di samping itu, tujuan utamanya untuk membangunkan dan menegakkan semula agama Islam yang bersih dari segala bidaah dan khurafat, Al-Ikhwan juga bercita-cita menggerakkan orang Melayu yang sedang tidur, tidak khabarkan dunia dan tidak sedarkan hak dan kekayaan buminya sedang dipunggah oleh bangsa-bangsa asing. Orang Melayu itu diseru supaya " *bangun segera daripada tidur yang membunuh itu"*.[36]

TOK KENALI SEBAGAI TOKOH KAUM TUA

Kaum Tua adalah golongan yang mendukung aliran pemikiran Tradisionalis yang mana berpegang kepada sumber al-Quran dan Hadis, tetapi daripada segi lain sangat berpegang kuat kepada fatwa dan pendapat para ulama mazhab. Bahkan dalam peringkat yang ekstrem, pendapat ulama lebih dipegang dan dipercayai daripada dalil-dalil al-Quran dan Hadis.

Jika ditinjau dari satu sudut, memang benar aliran Tradisionalisme cuba

---

[34] Marina Merincan (1960), "*Sayed Shaikh Al-Hadi dan Pendapat-Pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan*", (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajar Melayu, Universiti Malaya), h. 15.

[35] *Ibid*., h. 16.

[36] *Ibid*., h. 17

mempertahankan tradisi asal dan tulen. Walaubagaimanapun, keaslian dan ketulenan dalam konteks ini lebih merujuk kepada ajaran-ajaran para ulama Mazhabiyyah atau yang bertaklid kepada Imam-imam mazhab yang empat. Penyakit bertaklid ini sebenarnya bermula sejak abad keempat hijrah apabila Bani Abbasiyyah didominasi oleh bangsa-bangsa asing dan diperburukkan lagi dengan kejatuhan Baghdad ditangan Mongol pada tahun 1258M. [37]

Tok kenali ialah seorang tokoh ulama', guru, tokoh pembangun pemikiran umat Islam di dunia, di awal abad ke-20 an dan selepas Perang Dunia Kedua.[38] Beliau dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1868 dengan nama Muhammad Yusof (pernah disebut sebagai Awang sahaja). Tok Kenali merupakan pengasas pertama Majalah Pengasuh . [39]

Beliau dilahirkan dan dibesarkan pada zaman pemerintahan seorang Raja negeri Kelantan yang agung iaitu al-Marhum Al- Sultan Muhammad yang kedua yang terkenal dengan gelaran "Sultan Mulut Merah".[40] Muhammad Yusof dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan ini adalah membentuk sifat peribadinya yang tidak menonjol. Bapanya seorang petani manakala ibunya sebagaimana kebiasaan orang-orang di kampungnya adalah bekerja menolong pekerjaan suaminya.[41] Bapanya meninggal pada tahun 1873, ketika beliau berusia 5 tahun dan dipelihara oleh datuknya Muhammad Salleh dengan diberi didikan agama, membaca al-Quran dan tajwid. Sejak kecil lagi, Tok Kenali mempunyai kecerdasan akal yang luar biasa serta kecenderungan kepada ilmu pengetahuan.[42]

Sesudah itu, beliau menyambungkan pelajaran ke Masjid Besar Al-Muhammadi, Kota Bharu dan tempat-tempat pengajian lain di sekitar Kota Bharu dalam pelajaran Bahasa Arab, Nahu, Saraf dan juga pengetahuan agama. Antara para ulama yang menjadi guru Tok Kenali ialah Tuan Guru Haji Ismail Mahmud Atas Banggol, Tuan Guru Haji Ibrahim Yusuf Sungai Budur, Tuan Guru Haji Samad Mohammad salleh (Tuan Tabal), Tuan Guru Haji Ya'akob Abdul Halim, Tuan Guru Awang Atas Banggol, Tuan guru Haji Abbas Atas Paloh, Tuan Guru Haji Nik Daud, Tuan Guru Datuk Haji

---

[37] http:// al-fikrah.net/index.php?name=News&file=print&sid=286

[38] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit*., h. 78.

[39] Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1),* Kelantan: Penerbit Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, h. 259.

[40] *Ibid*., h. 261.

[41] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit*., h. 79.

[42] Hanafi Mohamed (2002), *Op. Cit*., h. 14-15.

Abdullah Musa dan Tuan Guru Wan Ismail Wan Senik.[43] Isterinya ialah Cik Ruqayah Mahmud. Beliau dikurniakan empat orang anak, iaitu Ahmad, Muhd Shaalih, Mahmud dan Abdullah Zawawi.[44] Beliau dikatakan alim dalam ilmu nahu, sorof, balaghah, fekah dan tasawuf. Tetapi antara cabang ilmu agama tersebut, nahulah yang paling beliau mahir sehingga ketokohan beliau terkenal di seluruh Asia Tenggara dalam bidang tersebut.[45]

Pemergian Tok Kenali ke Tanah Suci Mekah adalah semata-mata atas bantuan daripada sahabat dan kenalan beliau di Kota Bharu yang berjumlah kira-kira RM50.00 dan sumbangan daripada ibunya RM22.00. Kesukaran yang dihadapi Tok Kenali di rantau orang tidak dapat digambarkan lagi. Hampir tujuh bulan beliau di sana tanpa tempat kediaman yang tetap. Semasa itu beliau menginap di serambi Masjidil Haram, Mekah, dan hanya dapat tidur serta berehat-rehat bila menjelang sesuku malam disebabkan Masjidil Haram merupakan pusat ibadat tawaf, sa'i, sembahyang dan sebagainya.

Pakaiannya sederhana, begitu juga tentang pemilihan makanannya untuk menampung kekosongan di waktu pagi dan petang. Memandangkan kedudukan ini, beliau pernah ditugaskan menjadi tukang masak sementara dalam sesuatu perkelahan antara kawan-kawannya di wadi-wadi (lembahan) dan di pinggir-pinggir bukit-bukit nan tandus.[46]

Tok Kenali juga berkesempatan menuntut ilmu dengan beberapa ulama besar ketika itu. Salah seorangnya ialah ulama Pattani yang terkenal Syeikh Ahmad Muhammad Zain Bin Al-Fatani. Syeikh Ahmad adalah seorang guru yang sangat alim serta bijak dan mahir dalam penulisan. Diriwayatkan datuknya adalah seorang pendakwah Islam dari Hadratulmaut dan salasilah keturunannya itu sampai kepada nasab sahabat yang terkenal, Saidina Uthman Bin Affan.[47]

Tok Kenali menjadi salah seorang anak murid kesayangan ulama besar itu hampir 20 tahun lamanya, Tok Kenali berdamping dengan Syeikh Ahmad dan bermacam-macam ilmu yang telah diperolehi daripada ulama tersebut. Tok Kenali juga telah mempamerkan komitmen yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan dan gurunya turut mengagumi kesungguhan beliau dalam

[43] *Ibid*., h. 15.

[44] *Ibid*.

[45] Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Bharu, Kelantan, h. 52.

[46] Rafidah Rahman (2008), *Op. Cit*., h. 82.

[47] Che Ismail Che Daud (2001), *Op. Cit*., h. 262.

bidang ilmu. Kira-kira sekitar tahun 1906, guru kesayangan beliau telah meninggal dunia. Kematian gurunya itu ternyata memberi kesan kepada Tok Kenali dan menjadi salah satu sebab beliau membuat keputusan untuk kembali ke Tanah Melayu.

Pada tahun 1909M (1327 H) iaitu sesudah menjalani pengajian selama 22 tahun di tanah suci Mekah, makaTok Kenali pun pulang ke tanah air iaitu ke Kelantan seterusnya pada tahun 1911 M (1329M) beliau mula membuka pondok Kenali, sebuah tempat pengajian yang kemudiannya menjadi pusat pengajian agama di semenanjung ini. Dua tahun kemudian, beliau menjadi guru di masjid Besar Al-Muhammadi, Kota Bharu yang waktu itu menjadi pusat pengetahuan agama terbesar di Kelantan, malahan juga dikenali di Semenanjung sebagai Serambi Makkah.Murid-murid dari seluruh Kelantan telah membanjiri pondok-pondok yang terletak berderet-deret di sepanjang jalan di kawasan masjid dan di kawasan Kubang Pasu. Selain itu, bukan sedikit murid-murid dan pelajar-pelajar dari luar negeri datang yang menceduk pengetahuan agama daripada guru-guru yang terkenal. Selain daripada Tok Kenali, mereka belajar pada Tuan Guru Hj. Nik Abdullah, Tuan Guru Hj. Idris dan lain-lain.[48]

Kebanyakkan daripada murid Tok Kenali muncul sebagai ulama yang terkenal. Antaranya ialah Yaakob Legur yang berasal dari Siam, Haji Ali Salehuddin dari Pulau Pinang, Haji Othman Jalaluddin Sering dari Bukit Mertajam, Abdullah Tahir dari Bunut Payong dan Mohammad Lundang.[49]Selain daripada mengajar, Tok Kenali juga bergiat dalam lapangan-lapangan yang berhubung dengan kemajuan segala dana kebudayaan Islam. Datu Paduka Menteri Paduka Raja (Tuan Haji Mahmud bin Ismail) dengan nasihat beliau telah dapat membentuk Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 24 Disember 1915M (17 Safar 1334H). Ini adalah satu jasa yang dapat dilihat buktinya sampai sekarang. Semasa hendak mengeluarkan majalah Pengasuh 1918M iaitu warta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Tok Kenali telah dipilih untuk menjadi ketua pengarang kehormat. Pada mulanya, majalah ini dikeluarkan berupa lembaran akhbar yang mempunyai bidang besar, diterbitkan setiap hari Isnin, senaskhah berharga 10 sen. Penerbitan majalah ini juga adalah daripada saranan dan dorongan-dorongan beliau.[50]

---

[48] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit.*, h. 82-83.

[49] Tajuddin Saman & Ab. Manaf Haji Ahmad (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 81.

[50] *Ibid.,* h. 88.

Selain itu, beliau telah ditugaskan oleh pihak majlis Agama Islam Kelantan untuk menterjemahkan Tafsir Al-Khazin dan Tafsir Ibn Kayhir, tetapi sampai sekarang belum diterbitkan walaupun sudah disiapkan sebahagiannya.[51] Tok Kenali adalah seorang pencinta ilmu pengetahuan.. Beliau juga pernah menyimpan sebuah buku cetera Raja Muda yang merupakan salah sebuah buku sejarah Kelantan yang penting. Buku ini kemudiannya telah diberikan kepada pengarang buku Hikayat Seri Kelantan.Dalam kegiatan kemasyarakatan pula, beliau telah melancarkan suatu gerakan perhimpunan umat Islam yang dinamakan '*Jam ,iyyatul Astiyyah*" perhimpunan semasa yang kerap membincangkan perkara-perkara hangat dalam masyarakat Politik, perbincangan-perbincangan ilmu dan perhimpunan kerana ibadat. Bagi mengekalkan gerakan tersebut, maka satu bangunan telah didirikan di tengah-tengah ibu kota dengan nama yang sama, terletak di Jalan Tengku Petra Semarak, Kota Bharu.[52]

Tok Kenali adalah seorang tokoh ulama yang terkenal. Sifat-sifatnya sebagai seorang tokoh ulama besar boleh dilihat pada dirinya. Beliau seorang yang zahid, suka merendah diri dan tidak membezakan orang besar dengan orang kecil dalam memberi sesuatu layanan. Beliau juga dikatakan tidak membiarkan dirinya diperhambakan oleh harta benda dunia, malah harta benda itu digunakan sewajarnya untuk perjuangan bagi mencapai keredhaan Allah. Beliau juga seorang yang bersifat tawaduk, sifat tawaduk yang ada padanya tidaklah bererti beliau dikuasai oleh penyakit rendah diri.[53]

Sebenarnya Tok Kenali ialah seorang "wali" atau seorang sufi disebabkan berlaku perkara luar biasa pada dirinya dan tidak inginkan kemegahan dan kesenangan hidup yang berlebihan. Tambahan pula memandang makhluk-makhluk lain dengan pandangan yang penuh bertimbang rasa dan belas kasihan.[54]Dari segi pemikiran, Tok Kenali terpengaruh oleh ajaran-ajaran Failasuf Islam Imam al-Ghazali, seorang ahli Tasawuf yang sampai kepada darjat "*hakikat*" mengenal diri dan Tuhannya, ingin mencapai kebahagiaan dan kesucian yang setinggi-tingginya dalam penghidupan yang singkat ini, kemewahan hidup yang terhad dan sifat tidak membesar diri adalah nyata sekali dalam penghidupannya.

---

[51] Abdul Rahman Haji Abdullah (1992), *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 202.

[52] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit*., h. 89.

[53] Ismail Mat (1992), *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 33.

[54] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit*., h. 91-92.

Unsur-unsur ini adalah terkandung dalam doa yang dikumpul dan digubah oleh Imam Al-Ghazali dalam kitabnya "*Ayyuhai Walad*" (Wahai Anak) yang menjadi amalan Tok Kenali dan murid-murid beliau sehingga sesudah itu dikenal pula dengan "*Doa Tok Kenali*" (Doa mengiringi sembahyang lima waktu) yang antara lain bererti :

> "*wahai Tuhan, sesungguhnya saya pohon pada Engkau pemberiannya sempurna, kesihatan yang berkekalan, rahmat yang menyeluruh dan kesegaran yang berguna. Saya pohonkan daripada Engkau puncak kesenangan hidup, puncak kebahagiaan umur, kesempurnaan kebaikan juga keluasan pemberian dan kesopanan yang lebih berfaedah".*
>
> *"Tuhanku, Tolonglah kami dan jangan pula kami ditindas. Tuhanku, Bahagiakanlah kesudahan hidup kami, buktikanlah hasrat kami dengan penambahan amalan. Susilah kesegaran dikala berpagi-pagi dan berpetang-petang".*
>
> *"Wahai Tuhanku, tumpahkanlah rahmat Engkau di tempat kembali kami dan kesudahan kami dan tuangkanlah dulang kemaafan ke atas dosa-dosa kami dan kurniakanlah pembaikan kepada keaifan-keaifan kami dan berikanlah kegiatan kami pada agama Engkau. Kepada Engkau kami berserah dan kepada engkau kami menggantung harapan".*

Meninjau kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan di atas, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa Tok Kenali adalah salah seorang tokoh ulama terkenal dan berperanan penting dalam membangun fikiran umat Islam di dunia, juga tidaklah salah jika dikatakan bahawa selagi terbitnya majalah Pengasuh ke alam persuratan Melayu, maka selama itulah Tok Kenali dikenang, seterusnya tidaklah merupakan suatu penonjolan jika dikatakan bahawa selagi wujudnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, maka selama itulah Tok Kenali masih disebut dan dikenali.[55]

Tokoh besar Nusantara ini hidup selama lebih kurang 65 tahun. Satu pertiga daripada usianya dihabiskan di luar negeri iaitu zaman yang paling produktif

[55] *Ibid*., h. 92-94.

bagi perkembangan fikirannya. Pada masa itu, arus pergolakan kebangkitan Islam di Asia Barat yang dipimpin oleh Jamaluddin al-Afghani 1897M memberi kesan yang amat besar terhadap pemikiran Islam khususnya di Mesir. Murid-muridnya seperti Jamaluddin, Mohammad Abduh 1905M merupakan pelopor reformasi di Mesir. Pendidikan Islam Tradisional di Makkah yang mana biasanya terdapat pengaruh Imam Ghazali dan suasana pergolakan dan fikiran perjuangan Islam di Asia Barat sangat mempengaruhi Tok Kenali dan membebaskannya daripada ilusi yang biasa mengkaburi pandangan seseorang terhadap zamannya.[56]

Tok Kenali menghembus nafasnya yang terakhir pada 19 November 1933M, iaitu pada hari ahad berikutan penyakit di kakinya. Tok Kenali dikebumikan di Pasir Puteh, Kota Bharu, tidak jauh dari istana negeri. Kuburnya selalu diziarahi oleh Duli yang maha Mulia Al-Marhum Sultan Ibrahim (nenekanda kepada Duli Yang Mulia Sultan Ismail Putera sekarang) dan terutamanya bekas murid-murid beliau yang ada berselerak di negeri ini dan juga oleh pelawat-pelawat.[57]

SYED SHEIKH AL-HADI SEBAGI TOKOH KAUM MUDA

Sebelum Perang Dunia Kedua, telah muncul beberapa orang tokoh yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan bangsa Melayu di Tanah Melayu mencapai kemajuan dan kemodenan sepertimana yang telah dicapai oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini. Mereka ini terdiri daripada golongan cerdik pandai yang telah memperolehi pendidikan di Timur Tengah. Mereka yang telah mengalami pembaharuan dari segi pemikiran ini lebih dikenali sebagai golongan Kaum Muda. Mereka telah membawa fahaman liberalisme dan reformasi agama daripada Timur Tengah untuk dipraktikkan di Tanah Melayu.

Golongan ini kemudiannya mula menyedarkan orang melayu supaya keluar daripada segala kongkongan dan norma-norma hidup tradisional yang telah membelenggu mereka selama ini. Seterusnya menyesuaikan diri dengan pelbagai pembaharuan dan pemodenan. Keinginan untuk memperjuangkan nasib orang Melayu menyebabkan golongan Kaum Muda ini dengan penuh keazaman berusaha melakukan reformasi dalam masyarakat Melayu terutamanya dalam ajaran agama Islam dan tentang kepentingan pendidikan bagi anak-anak Melayu tanpa mengira jantina.[58]

---

[56] Ismail Mat (1992), *Op. Cit*., h. 35.

[57] Rafidah Ab. Rahman (2008), *Op. Cit*., h.85-86.

[58] Abdullah Haji Jaafar (1980), *"Al-Imam", dalam Khoo Kay Kim, Lembran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 8.

Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi adalah suatu nama yang pasti ditemui apabila membicarakan sejarah kesedaran dan kebangkitan bangsa Melayu abad ke-20 kerana beliau merupakan tokoh pelopor gerakan Modenisme di Tanah Melayu. Tokoh-tokoh lain yang bersama-sama dengannya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Haji Abbas Mohd. Taha, Mohd. Yunos Abdul Hamid, Muhammad Yunus Abdullah, Abdul Rahim Kajai dan Za'ba, Syed Sheikh al-Hadi telah memberi sumbangan yang banyak sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menggerakkan perubahan dan membangunkan semula semangat, tatacara hidup dan kedudukan orang Melayu yang sedang terancam akibat kelemahan diri dan tekanan gejala-gejala di luar kawalan mereka.[59]

Beliau merupakan salah seorang daripada golongan kaum Muda yang begitu bersemangat dalam usaha untuk mengubah nasib kaum wanita Melayu agar tidak terus menerus berada dalam kemunduran dan ketinggalan daripada kaum lain. Beliau merupakan pelopor kepada perjuangan pembebasan dan menuntut persamaan hak untuk wanita dan digelar sebagai Bapa Feminisme di Tanah Melayu. Syed Sheikh al-Hadi seperti juga intelektual yang lain ketika itu telah menjadikan media massa seperti majalah al-Ikhwan, Pilihan Timur, Al-Imam, Saudara dan lain-lain sebagai medium untuk beliau menyiarkan seruan-seruannya agar kaum wanita bangkit melakukan perubahan supaya tidak lagi dibelenggu dengan pelbagai pantang larang yang menghalang mereka daripada memperolehi kemajuan.

Syed Sheikh al-Hadi ataupun nama sebenarnya Syed Sheikh bin Syed Ahmad al-Hadi telah dilahirkan pada petang selasa, 25 Rejab 1281 ataupun bersamaan dengan 1867 M bertempat di Hulu Melaka. Beliau mempunyai 7 orang adik beradik yang terdiri daripada 3 lelaki dan 4 perempuan. Bapa beliau Syed Ahmad bin Hassan al-Hadi adalah dari keturunan bangsa Arab Hadramaut.[60]
Semasa kecil beliau sepertimana kanak-kanak lain telah mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Settlement Melaka dan bagi mendalami agama Islam beliau telah dihantar ke Sekolah Agama juga di Melaka. Pengetahuan asas mengenai bahasa Arab seperti membaca dan menulis pula telah diperolehi daripada bapanya sendiri.[61]

---

[59] Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Syed Sheikh Al-Hadi Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 10.

[60] Talib Samat (1992*), Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1

[61] *Ibid*., h. 4

Beliau kemudiannya, telah dihantar pula ke Kuala Terengganu oleh bapanya untuk belajar di Sekolah Pondok bagi mendalami ilmu agama dan juga bahasa Arab. Ini kerana Terengganu dan Kelantan merupakan dua buah negeri Melayu di pantai Timur yang terkenal dengan sistem sekolah pondok.[62] Walaubagaimanapun, beliau tidak lama di sana. Ini kerana beliau tidak tertarik langsung dengan sistem pengajian pondok yang hanya mengajar para muridnya untuk menghafaz kandungan kitab-kitab tanpa membuat sebarang penilaian secara kritis. Dalam usianya yang muda itu pun, beliau telah menunjukkan sikap kritis terhadap apa yang dipelajarinya. Dalam hal ini, beliau menunjukkan sifat yang sama dengan Syeikh Muhammad Abduh seorang tokoh Islah dari Mesir yang kemudiannya menjadi ikutan beliau sepanjang hayat.

Kemudiannya, beliau kembali ke Pulau Penyengat dan mendapatkan pelajaran dan pengetahuan asas dalam bidang bahasa, kebudayaan dan agama daripada bapa angkatnya. Beliau juga pernah dihantar belajar ke Timur Tengah.[63]Oleh itu, zaman remaja beliau banyak dihabiskan di Melaka, Kuala Terengganu, Pulau Penyengat dan juga Timur Tengah.

Dari segi pendidikannya, beliau memang termasuk golongan ulama dan dengan sebab itu beliau menjadi tokoh penting di istana Riau, yang memang sejak kecil lagi menjadi tempat tinggalnya kerana diambil sebagai anak angkat oleh Tengku Ali Kelana. Kemudiannya, beliau berkesempatan pula mengunjungi Mesir bersama-sama dengan putera-putera dan adinda Sultan Riau. Di sanalah beliau tertarik dengan gerakan reformasi dan modenisasi, dan apabila pulang kemudiannya beliau terus mengembangkannya pula.[64]

Beliau kuat berpegang kepada lunas hidup Islam berlandaskan al-Quran dan Hadis Nabi S.A.W. tidak hanya berteori atau bercakap kosong tentang perubahan dan perlunya perubahan tetapi melibatkan diri secara langsung di hadapan sebagai penggerak, penggiat dan pembawa obor perubahan. Dengan latar belakang pendidikan dunia dan agama yang kukuh serta pengalaman hidup yang rencam, Syed Sheikh al-Hadi dengan penuh iltizam menempuh liku-liku perjuangan dengan usaha, keyakinan dan kebijaksanaan.[65]

---

[62] *Ibid.*

[63] *Ibid.*, h. 5.

[64] Abdul Rahman Haji Abdullah (1992), *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah Dan Ali*ran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 154.

[65] Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Syed Sheikh Al-Hadi Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 10.

Dasar perjuangan beliau ini telah dipengaruhi oleh gerakan pembaharuan Islam yang berlaku di Kaherah iaitu di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Abduh dan juga Sayyid Rashid Rida. Beliau mula tertarik dengan idea Gerakan pembaharuan Islam selepas beliau berpeluang untuk berjumpa sendiri dengan kedua-dua pemimpin pergerakan Salafiyyah ini semasa beliau belajar di Timur Tengah.

Seorang lagi tokoh reformis Islam yang telah mempengaruhi dasar perjuangan Syed Sheikh al-Hadi ialah Qasim Amin yang juga merupakan salah seorang anak murid Syeikh Muhammad Abduh. Syed Sheikh al-Hadi telah terpengaruh dengan konsep liberalisme dan feminisme yang dibawa oleh Qasim Amin dan seterusnya mendorong beliau untuk mengubah nasib kaum wanita di tanah Melayu dengan cara yang sama yang telah dilakukan oleh Qasim Amin. Dua buah karya Qasim Amin yang begitu terkenal seperti Tahrir al-Mar'ah (Emansipasi Wanita) dan Al-Mar'ah Al-Jadidah (Wanita Moden) telah dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan karya-karya beliau seperti Hikayat Faridah Hanum, al-Ikhwan dan banyak lagi.[66]

Syed Sheikh Al-Hadi juga terpengaruh dengan pemikiran Muhammad Iqbal iaitu seorang pemikir Islam terkenal yang berasal dari Pakistan. Suatu yang menarik tentang kehidupan kedua-dua tokoh ini ialah era kehidupan mereka hampir sama dan kedua-duanya berjuang membangunkan pemikiran umat Islam yang sedang terbelenggu di negara masing-masing dan berusaha mencetuskan kesedaran untuk membebaskan akal dari kejumudan tersebut.[67]

Sekembalinya ke Singapura, Syed Syekh al-Hadi menerbitkan majalah al-Imam pada tahun 1906 bersama-sama dengan rakan-rakannya seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd. Taha dan sebagainya. Sesungguhnya usia majalah ini tidak lama iaitu sehingga tahun 1908 sahaja, namun kesannya sangat besar dalam memupuk kesedaran agama dan nasionalisme di Tanah Melayu, bahkan juga di Indonesia. Di Tanah Melayu khususnya, peranan al-Imam ini begitu penting hingga pernah dianggap sebagai mempelopori semangat nasionalisme atau kebangsaan.[68]

---

[66] Che Kartina Binti Che Muhammad (2003), " *Isu-isu Emansipasi Wanita Melayu di Tanah Melayu*", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 32.

[67] Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Syed Sheikh Al-Hadi Cendekia dan Sasterawan Ulung,* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 67.

[68] Abdul Rahman Hj. Abdullah (1992), *Op. Cit*., h. 154.

Syed Sheikh Al-Hadi menyebarluaskan pemikiran dan idea bernas Muhammad Iqbal dengan cara menyiarkan puisi dan pemikiran Muhammad Iqbal dalam majalah Al-Imam yang berperanan besar dalam membangkitkan semangat kebebasan berfikir dan pembangkit semangat nasionalisme yang terawal di Tanah Melayu menerusi asas-asas keislaman. Majalah Al-Imam menjadi penyalur pemikiran Muhammad Iqbal yang terawal di Tanah Melayu berbanding akhbar dan majalah yang lain. Sikap dan pemikiran kritis Muhammad Iqbal dalam pelbagai persoalan seperti nasib umat Islam dan kejumudan berfikir amat bersesuaian dan sama dengan aliran pemikiran Syed Sheikh Al-Hadi.[69]

Dilihat daripada inti pati tulisan dan kegiatannya sejak zaman Al-Imam (1906-1908), Syed Sheikh al-Hadi adalah seorang yang amat mengambil berat tentang keadaan daif dan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Baginya kelalaian orang Melayu berpunca daripada tiga perkara pokok, iaitu kejahilan yang berleluasa dalam kalangan mereka, kegagalan orang Melayu hidup berlandaskan agama Islam yang suci angkara amalan bidaah dan karut serta kegiatan songsang para "penjaga agama", dan kepimpinan yang lemah dan tidak bertanggungjawab.

Bagi mengatasi masalah kelemahan dan kemunduran orang Melayu, Syed Sheikh al-Hadi bersama-sama rakan-rakan yang sealiran fikiran dengannya telah menggembleng tenaga mendidik masyarakat melalui pelbagai cara. Contohnya, beliau terlibat secara langsung mendirikan sekolah-sekolah Arab-agama cara moden seperti Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Hadi di Melaka pada tahun 1915 dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang pada tahun 1919. Antara ketiga-tiga Madrasah ini, hanya Madrasah al-Mashoor yang kekal dan terus berperanan hingga ke hari ini. Syed Sheikh al-Hadi berkhidmat membina dan membimbing al-Mashoor hingga tahun 1926 sebelum beliau sekali lagi menumpukan perhatian penuh pada penerbitan dan penulisan.

Keterlibatan Syed Sheikh al-Hadi dalam bidang penulisan telah diketahui umum. Selain menghasilkan buku-buku berunsur agama seperti Al-Tarikh al-Islami (1922), Alam Perempuan (1930), Ugama Islam dan Akal (1931), Tafsir Juz 'Amma (1927) dan Tafsir al-Fatihah (1928), Syed Sheikh al-Hadi amat terkenal sebagai penulis karya-karya saduran terutama yang berlatarbelakangkan Mesir Moden. Karyanya yang paling terkenal ialah Hikayat Faridah Hanum yang diterbitkan dalam dua jilid, pada tahun 1925 dan 1926 dan mendapat sambutan meluas. Keuntungan daripada penjualan

[69] Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Op. Cit.,* h. 69.

novel pertama dalam bahasa Melayu itu membolehkan Syed Sheikh al-Hadi memulakan percetakan Jelutong Press yang memudahkan lagi rancangan penerbitan beliau selepas itu.[70]Penglibatan beliau dalam perkembangan kesusasteraan dengan menghasilkan novel saduran yang laris pada zamannya ini merupakan satu keistimewaan yang menyamai dengan Hamka.[71]

Salah satu artikel Syed Sheikh al-Hadi yang terkenal bertajuk 'Menuntut Ketinggian Anak-anak Negeri" yang disiarkan pada bulan Julai 1907 M. Artikel ini menyebarkan faktor kemunduran orang-orang Melayu, di mana orang-orang Melayu tidak mempunyai keyakinan pada diri sendiri dan terlalu rasa rendah diri. Kemunduran orang Melayu juga adalah disebabkan oleh ketundukan mereka kepada bangsa-bangsa asing, suka bertengkar sesama sendiri, malas, terlalu pentingkan diri sendiri dan tidak mampu untuk bersatu demi sesuatu kebaikan. Syed Sheikh al-Hadi membawa contoh bagaimana orang Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu telah menjadi kaya raya, terpelajar dan mempunyai kehidupan sosial yang tersusun. Sepatutnya orang Islam mengambil teladan daripada pendatang Cina yang kuat bekerja itu.[72]

Keterbukaan sikap Syed Sheikh al-Hadi dalam pendidikan jelas apabila beliau menyarankan supaya dibina "Anglo-Malay School" yang menggunakan kedua-kedua bahasa, Inggeris dan Melayu di samping sekolah-sekolah Arab yang kian mendapat sambutan masyarakat pada akhir 1920-an. Beliau berpendapat Anglo-Malay School itu patut didirikan sementara menyediakan kemudahan yang cukup termasuk guru yang terlatih sebelum membina lebih banyak sekolah Arab. Beliau yakin saranannya boleh menjadi kenyataan andainya masyarakat berusaha ke arah itu.

Menyedari bahawa masalah utama yang dihadapi oleh orang Melayu pada zamannya ialah kejahilan, kurang kesedaran dan tiada perancangan masa depan, Syed Sheikh al-Hadi dan orang-orang yang sependapat dengannya sering berusaha mengejutkan orang Melayu daripada "tidur nyenyak" yang terlalu panjang. Suara beliau yang lantang itu ketara sekali setelah beliau berpindah menetap dan bergerak lebih giat di Pulau Pinang bermula tahun 1918. Pulau Pinang, negeri pertama di Tanah Melayu yang mendirikan

---

[70] *Ibid*., h. 15-16.

[71] Tajuddin Saman & Ab. Manaf Haji Ahmad (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*, h. 29.

[72] Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (1990), *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 108.

rumah percetakan, menjadi tapak terakhir, terpenting dan paling berkesan dalam perjuangan Syed Sheikh al-Hadi. Beliau paling berjaya di Pulau Pinang dan meninggal dunia di Pulau Pinang dan disemadikan di sana [73] pada bulan Februari 1934.[74]

Dalam mengkaji perjuangan dan pemikiran Syed Syekh al-Hadi, akan didapati beliau sangat dipengaruhi oleh semangat rasionalisme, romantisme dan juga liberalisme. Mengenai semangat rasionalisme, kecenderungan ini sebenarnya berjalan sejajar dengan gagasannya tentang Ijtihad dan merupakan dasar perjuangannya yang penting. Dengan penekanan kepada Ijtihad, bermakna para pendokongnya tidak lagi gemar bertaklid sahaja kepada aliran tradisional, sebaliknya perlu berfikir dan meninjau semula persoalan-persoalan tertentu agar sesuai dengan tuntutan zaman dan tempat. Semuanya ini dapat dikesan melalui tulisannya di dalam majalah al-Imam tersebut dan juga dalam bukunya yang berjudul Ugama Islam dan Akal.[75]

KESIMPULAN

Kaum Tua dan kaum Muda merupakan dua golongan yang mewakili dua aliran Pemikiran di Malaysia iaitu aliran pemikiran Tradisional dan aliran pemikiran Reformis. Aliran Pemikiran Tradisional dan Reformis ini jelas wujud di Tanah Melayu dengan pelbagai peristiwa-peristiwa kontroversi yang timbul dari kedua-dua pihak ini dalam berbagai aspek daripada soal akidah, ibadat, muamalat, pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.

Dengan kelahiran kedua-dua aliran ini muncul pula tokoh yang mewakili aliran tersebut yang mana Kaum Tua diwakili oleh Tok Kenali manakala Kaum Muda diwakili oleh Syed Sheikh al-Hadi. Kedua-dua aliran ini memainkan peranan dalam menyebarkan fahaman masing-masing dalam media iaitu akhbar dan majalah. Aliran Tradisional menolak ijtihad dan berpendapat apa yang ada dalam al-Quran dan al-Sunnah serta perkataan sahabat dan Imam-imam Fekah khasnya Imam Syafi'i telah mencukupi sebagai sumber rujukan. Kaum Tua mengecam masalah pembaharuan pemikiran Islam yang dicadangkan Kaum Muda yang mana Kaum Muda membenarkan ijtihad sebagai sumber rujukan umat Islam dan menganggap Kaum Muda sebagai golongan yang sesat.

Manakala, Kaum Muda pula berpendapat, berfikir secara jumud dan taqlid seperti yang diperjuangkan oleh Kaum Tua mengakibatkan kaum Muslimin

[73] Sohaimi Abdul Aziz, *Op .Cit*., h. 17-18.

[74] Tajuddin Saman & Ab. Manaf Haji Ahmad (2005), *Op. Cit*., h. 30.

[75] Abdul Rahman Haji Abdullah (1992), *Op. Cit*., h. 155.

tertinggal dari bangsa-bangsa lain yang pada akhirnya ummat Islam menjadi bangsa yang terjajah. Keadaan yang seperti ini mestilah diakhiri dengan melakukan pembaharuan pemikiran Islam seperti yang dilakukan oleh Ibn Taimiyah, Muhammad bin Abd al-Wahhab, Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rasyid Rida. Ertinya ummat Islam harus disedarkan dari tidur panjangnya dengan memperbaharui pemikiran mereka baik dari aspek pemikiran Islam, akidah, syariah, politik dan lainnya sehingga umat Islam menemukan jati dirinya sendiri.

Begitulah keadaan kedua-dua aliran ini yang saling berlawanan pendapat antara satu sama lain yang mana keadaan ini memberi impak yang besar kepada umat Islam pada masa itu. Kedua-dua aliran ini masih wujud lagi di Malaysia sehingga kini tetapi dengan menggunakan pelbagai nama yang lain.

RUJUKAN

A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Aziz Mat Ton (2006), *Pengislahan Masyarakat Melayu (Perbincangan Al-Imam (1906-1908)),* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1992), *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Haji Jaafar (1980), *"Al-Imam",* dalam Khoo Kay Kim*, Lembran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Ahmat Adam (1992), *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad kesembilan Belas*. Selangor: Penerbit UKM.

Akhbar Al-Imam, Jilid 1, No.1, 23 Julai 1906.

Che Kartina Binti Che Muhammad (2003), " *Isu-isu Emansipasi Wanita Melayu di Tanah Melayu*", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Drs. A. M. Iskandar Hj. Ahmad (1973), *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamed Mohd Adnan (2003), Penerbitan Majalah di Malaysia ; Isu-isu dan Cabaran, Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd.

Hamedi Mohd Adnan (2000), *op.cit.*

Hanafi Mohammad (2002), *Tok Kenali: Ketokohan, Sumbangan dan Pengaruh Keilmuannya Di Kelantan*, (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya).

Ismail Bakar, *et.al.* (1999), *Sejarah dan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1),* Kelantan: Penerbit Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu.

Ismail Mat (1992), *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khoo Kay Kim (1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Marina Merincan (1960), "*Sayed Shaikh Al-Hadi dan Pendapat-Pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan*", (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajar Melayu, Universiti Malaya).

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (1990), *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Sarim Haji Mustajab (1988), "Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya Dalam Perkembangan Masyarakat" (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah English Newspapers In Malaya 1900-1941: History and Historiography anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 25-26hb. Januari 1988).

Muhd Yusof Ibrahim (1994), *Pensejarahan Melayu Dalam Akhbar dan Majalah: 1900-1920,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Bharu, Kelantan.

Noor Bathi Badarudin (2002), *Dunia Media Moden*, Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Rafidah Binti Ab. Rahman (2009), "*Pengasuh Dalam Persuratan Islam Di Malaysia, Sumbangannya Dalam Pembangunan Pemikiran Dan Islah: Kajian Di Era Kepimpinan Tok Kenali Sebagai Ketua Pengarang"*, (Latihan Ilmiah, Penerbitan Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Syed Sheikh Al-Hadi Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Tajuddin Saman & Ab. Manaf Haji Ahmad (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*.

Talib Samat (1992*), Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud (tahun), *Pembangunan Islam di Malaysia :Ke*

*arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurn*a, Kuala Lumpur : ISTAC.

William R. Roff (1967), *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Monograph Persekutuan Bahasa Melayu, Pulau Pinang, bil.1.

MASALAH PENGURUSAN AKTIVITI DAKWAH DI MASJID DAERAH KERIAN PERAK: SATU KAJIAN

Oleh:
Mohammad Sabran bin Harun
Roslan bin Mohamed[1]

PENDAHULUAN

Masjid adalah sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. selepas berhijrah dari Makkah ke Madinah ialah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid *Quba'*. Didirikan di dalamnya solat berjemaah, diadakan pengajian agama dan juga perhimpunan keagamaan.

Masjid menjadi sebuah tempat ibadah kepada seluruh umat Islam dan ia juga menjadi sebuah pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam oleh para pendakwah. Dengan ada penyebaran dakwah yang dilaksanakan di masjid maka agama Islam tersebar dengan meluas kepada umat manusia seluruhnya.

TAKRIF MASJID

Istilah "masjid" berasal dari perkataan Arab, "*sajada*" yang bermaksud telah sujud, "*yasjudu*" sedang sujud dan "*sujũdan*" yang bermaksud telah sujud dengan meletakkan dahi ke bumi. Kemudian dimasukkan awalan "mim" menjadikan nama tempat yang berbunyi "masjid" iaitu merujuk tempat sujud menyembah Allah S.W.T.[2]

TUMPUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian Perak. Daerah Kerian mempunyai 8 buah mukim iaitu Mukim Parit Buntar, Mukim Tanjung Piandang, Mukim Bagan Tiang, Mukim Kuala Kurau, Mukim Bagan Serai, Mukim Beriah, Mukim Semanggol dan Mukim Selinsing.

Masjid Daerah Kerian Perak di bawah pengawasan Pegawai Penyelaras Masjid di Majlis Agama Islam Daerah. Terdapat 2 Majlis Agama Islam Daerah iaitu Majlis Agama Islam Daerah Parit Buntar dan Majlis Agama

---

[1] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

[2] Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu al-Mukarram (1990), *Lisan al-Arab, Jilid 4*. Beirut: Dar al-Sa'd, h. 121.

Islam Daerah Bagan Serai. Majlis Agama Islam Daerah Parit Buntar menguruskan 30 masjid dari 4 mukim iaitu Mukim Parit Buntar, Mukim Tanjung Piandang, Mukim Bagan Tiang dan Mukim Kuala Kurau. Majlis Agama Islam Daerah Bagan Serai menguruskan 35 masjid daripada 4 mukim iaitu Mukim Bagan Serai, Mukim Beriah, Mukim Semanggol dan Mukim Selinsing. Jumlah keseluruhan masjid di Daerah Kerian Perak ialah 65 buah masjid.

Kajian ini tertumpu ke atas 16 buah masjid iaitu 2 buah masjid telah dipilih dari setiap mukim untuk dijadikan sampel kajian. Setiap sebuah masjid akan diedarkan sebanyak 30 borang soal selidik. Jumlah keseluruhan borang soal selidik ialah sebanyak 480 borang. Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan kepada masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid maka responden yang disoalselidik hanyalah ahli jemaah sahaja. Temu bual pula tertumpu kepada pihak Pengurusan Masjid, Ahli Jawatankuasa, Imam, Bilal dan Penceramah.

MASALAH PENGURUSAN AKTIVITI DAKWAH

Masalah pengurusan aktiviti dakwah antara penyebab utama masjid tidak dapat diimarahkan dan masjid semakin lama semakin hilang serinya sebagai pusat ibadah dan penyebaran ilmu Islam kepada seluruh ummat manusia. Permasalahan yang dapat dikenal pasti setelah selesai kajian ini ialah perlantikan Ahli Jawatankuasa, kekurangan sumber kewangan, kekurangan peralatan aktiviti dakwah, tidak menggunakan kaedah pengajaran terkini, sukatan mata pelajaran berubah-ubah, guru selalu bertukar-tukar, iklan tidak disebarkan secara meluas, keceriaan masjid tidak berkeadaan baik dan penyediaan kelengkapan OKU tidak disediakan.

1. Perlantikan Ahli Jawatankuasa
Dengan Perlantikan AJK Masjid Yang Cekap dan Berilmu, Pengurusan Masjid Sentiasa Bertambah Makmur

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Perlantikan AJK Yang Cekap dan Berilmu	233 48.5%	175 36.5%	52 10.8%	9 1.9%	7 1.5%	4 .8%	480 100%	4.30

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

AJK masjid yang dilantik dari kalangan orang yang berilmu khususnya dalam bidang ilmu pengurusan masjid dapat merancang dan melaksanakan

pelbagai aktiviti dakwah dengan baik dan lebih cemerlang berbanding golongan yang kurang memiliki ilmu pengurusan tersebut.

Bagi mendapatkan penjelasan bahawa dengan pelantikan AJK masjid yang cekap dan berilmu maka pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Zainon bin Ramli, AJK yang dilantik oleh para jemaah hendaklah memiliki ilmu pengurusan yang mencukupi di samping memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan. Menguruskan masjid bukanlah suatu yang mudah kerana ia berkaitan dengan orang ramai yang mempunyai pelbagai persepsi. Pihak pengurusan masjid hendaklah mengetahui bahawa masa kini ramai orang yang berilmu pengetahuan tinggi. Oleh sebab itu, orang awam sentiasa menilai dari semasa ke semasa berhubung pengurusan masjid. Jika didapati masjid diurus dengan cara yang tidak betul, mereka berhak membuat komen serta aduan kepada pihak tertentu seperti Jabatan Agama Islam dan sebagainya.[3]

Sementara itu, Harun bin Hashim berpendapat bahawa AJK masjid yang dilantik hendaklah melaksanakan tugas dengan jujur dan ikhlas tanpa mengharapkan pujian dari manusia. Mereka hendaklah merancang aktiviti dakwah di masjid yang berbentuk jangkamasa panjang dan jangkamasa pendek bagi meningkatkan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat.[4]

Kenyataan ini disokong oleh Ustaz Mohd Sukri bin Khaidir, Beliau mengatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh AJK masjid bagi memakmurkan masjid adalah sangat penting. Antaranya AJK masjid hendaklah proaktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah di masjid, harus sentiasa berusaha mendapatkan sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti dan meningkatkan taraf profesionalisme sebagai pengurus masjid yang berkesan.[5]

Menurut Puan Rokiah binti Mohamed, beliau mengatakan bahawa kebanyakan AJK masjid yang dilantik oleh ahli kariah di Masjid an-Nur Bukit Semanggol adalah daripada kalangan mereka yang berpendidikan setakat sekolah menengah. Umumnya mereka bekerja di pelbagai sektor. Lanjutan daripada itu, bidang yang menjurus kepada pengurusan masjid dilihat tiada kaitan dengan perlantikan AJK pengurusan masjid. Bagi yang

[3] Zainon bin Ramli, AJK Masjid Jamek Bukit Merah. Temu bual pada 8 Jun 2012.

[4] Harun bin Hashim, Imam Masjid al-Huda Sungai Kota. Temu bual pada 25 Jun 2012.

[5] Mohd Sukri bin Khaidir, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 25 Jun 2012.

berpendidikan tinggi pula tidak tinggal berdekatan dengan kawasan masjid.[6]

Menurut Ustaz Halim bin Taib, beliau berpandangan bahawa tidak semua AJK yang dilantik memiliki ilmu yang tinggi. Ada AJK yang berpendidikan sehingga sekolah menengah dan mendalami agama Islam secara tidak formal di masjid secara berterusan. Terdapat dalam kalangan AJK masjid yang mempunyai minat mendalam untuk melaksanakan semua amanah dan tanggungjawab memakmurkan masjid. Jika mereka melaksanakan dengan jujur dan ikhlas, balasan yang setimpal akan diberi oleh Allah S.W.T. Jika mereka cuai, Allah S.W.T. akan melaknat mereka di hari akhirat kelak. Di samping itu juga masyarakat akan mencemuh mereka. Dengan adanya dorongan motivasi yang diberikan dari semasa ke semasa, mereka dapat meningkatkan keupayaan mempelbagaikan aktiviti dakwah di masjid dengan lebih cemerlang. [7]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa dengan perlantikan AJK yang cekap dan berilmu menjadikan pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur dengan pelbagai aktiviti dakwah yang dirancang, disusun dan dilaksanakan untuk masyarakat dengan baik.

2. Kekurangan Sumber Kewangan

Kekurangan Sumber Kewangan Menyebabkan Aktiviti Dakwah di Masjid Terbantut

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Kekurangan Sumber Kewangan	72 15.0%	218 45.4%	117 24.4%	61 12.7%	12 2.5%	0 .0%	480 100%	3.57

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Abdul Rahim bin Ramli, kekurangan sumber kewangan merupakan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid. Walaupun masjid dibenarkan mengumpul duit melalui tabungan dan sumbangan orang ramai tetapi

[6] Rokiah binti Mohamed, AJK Masjid an-Nur Bukit Semanggol. Temu bual pada 13 Jun 2012.

[7] Ustaz Halim bin Taib, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 13 Jun 2012.

tabungan tersebut terhad untuk pengurusan dan penyelenggaraan sahaja. Untuk membiayai aktiviti dakwah seperti kuliah agama (harian, mingguan dan bulanan) diperlukan peruntukan yang secukupnya. Ia memerlukan kepada kewangan untuk membayar saguhati penceramah dan lain-lain bayaran yang diperlukan untuk pelaksanaan aktiviti dakwah tersebut. [8]

Sementara itu, menurut Yusof bin Talib menyatakan bahawa Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau mempunyai sumber kewangan yang agak terhad. Kerana itu, pihak pengurusan masjid terpaksa mendapatkan sumber kewangan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah memohon sumbangan peribadi daripada beberapa orang ahli perniagaan yang telah berjaya untuk membiayai kos perbelanjaan sesuatu aktiviti dakwah. Dengan cara itu, aktiviti dakwah di masjid dapat dilaksanakan. [9]

Hassan bin Saad juga sependapat dengan pandangan di atas. Pihak pengurusan masjid hendaklah sentiasa berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan dari pelbagai sumber. Tujuannya ialah supaya dapat membiayai aktiviti dakwah di masjid yang telah dirancang. Sumber dana tersebut dijangka diperolehi untuk tempoh jangkamasa panjang dan jangkamasa pendek. Sebagai contoh untuk projek jangkamasa panjang ialah pihak masjid berusaha untuk pembelian atau pelaburan aset hartanah sama ada secara persendirian atau kerjasama, jualan rumah kedai atau pejabat dan rumah kediaman untuk disewa oleh orang ramai, melalui penyediaan tapak jualan gerai dan menyediakan *kiosk* untuk disewa kepada orang ramai di kawasan yang strategik. Dari aspek jangkamasa pendek, sumber kewangan dapat dibuat melalui peningkatan tabung derma orang ramai khususnya pada hari Jumaat, sumbangan secara individu dan wang zakat. [10]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas mendapati bahawa kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut. Oleh yang demikian, pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha keras untuk mendapatkan sumber kewangan yang banyak dengan dibantu oleh ahli jemaah masjid.

---

[8] Abd. Rahim Ramli, Bendahari Masjid Hijau Kampung Kedah. Temu bual pada 12 Julai 2012.

[9] Yusof bin Talib, Pengerusi Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau. Temu bual pada 13 Julai 2012.

[10] Hassan bin Saad, AJK Masjid Jamek Kedai 2 Jalan Siakap. Temu bual pada 4 Julai 2012.

3. Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah

Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah Seperti Peralatan Pembesar Suara, LCD, Laptop, Skrin Televisyen dan Sebagainya

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah	85 17.7%	203 42.3%	145 30.2%	33 6.9%	13 2.7%	1 .2%	480 100%	3.65

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Ishak bin Darus, beliau mengatakan bahawa peralatan asas seperti alat pembesar suara, LCD, komputer riba dan sebagainya adalah keperluan asas bagi menjayakan aktiviti dakwah di masjid. Tanpa peralatan asas tersebut, aktiviti dakwah di masjid tidak mungkin berjalan dengan sempurna. Sekiranya sesuatu aktiviti dakwah itu melibatkan jumlah penyertaan yang ramai, peralatan sistem pembesar suara, skrin televisyen dan alat pandang dengar amat diperlukan. [11]

Sementara itu, Omar bin Hamid berpendapat bahawa pihak pengurusan masjid hendaklah dari semasa ke semasa menyelenggarakan alat pembesar suara dengan baik, kerana alat tersebut merupakan keperluan asas bagi sesebuah masjid. Selain itu, peralatan tambahan asas seperti LCD, komputer riba, skrin televisyen, perakam suara, mesin cetak dan sebagainya juga diperlukan kerana dewasa ini semua kemudahan tersebut digunakan secara meluas dalam arus perdana kini. [12]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas mendapati bahawa kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya adalah suatu perkara yang perlu diatasi untuk memastikan perjalanan aktiviti dakwah dapat berjalan lancar.

---

[11] Ishak bin Darus, AJK Masjid Jamek Pekan Tanjung Piandang. Temu bual pada 11 Julai 2012.

[12] Omar bin Hamid, AJK Masjid Jamek Kampung Dew. Temu bual pada 14 April 2012.

4. Tidak Menggunakan Kaedah Pengajaran Terkini
Kaedah Pengajaran dan Pendekatan Yang Tidak Praktikal Dengan Masa Kini dan Pendekatan Tersebut Perlu diperbaiki Supaya Sesuai Dengan Tahap Kemampuan Para Jemaah

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Tidak Mengguna kan Kaedah Pengajaran Terkini	82 17.1%	234 48.8%	117 24.4%	30 6.3%	14 2.8%	3 .6%	480 100%	3.68

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan ahli jemaah masjid, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Shukor bin Ali, kaedah pengajaran dan pendekatan yang digunapakai oleh para penceramah masa kini adalah cara tradisional iaitu dengan "menadah kitab" yang ada ketikanya hanya sesuai untuk golongan tertentu dan ada ketikanya tidak sesuai pula untuk golongan remaja. Terdapat sebahagian para pendengar yang terdiri daripada golongan warga emas sahaja yang merasa selesa dengan kaedah tersebut. Tetapi bagi sebahagian para remaja dan orang dewasa kaedah tradisional tersebut dilihat kurang sesuai dan perlu digantikan dengan cara moden seperti menggunakan alat pandang dengar, audio visual dan menggunakan kerusi seperti mana susun atur mengikut kelas.[13]

Sementara itu, Ustaz Othman bin Ahmad berpendapat bahawa sistem pengajaran dan pendekatan yang dipraktikkan di masjid adalah sesuai untuk semua peringkat. Kerana itu, kaedah tersebut tidak perlu digantikan dengan kaedah masa kini yang dikatakan moden. Sebagai contoh, kaedah duduk bersila dalam masjid, mendengar kuliah secara umum, tiada had bilangan pelajar dan tidak memberatkan para pendengar merupakan kaedah yang sesuai masa kini.[14]

Menurut Ustaz Ahmad bin Achil pula, kaedah pengajaran dan pendekatan yang para penceramah masa kini adalah sama seperti yang dilakukan oleh

[13] Shukor bin Ali, AJK Masjid Jamek Bukit Merah. Temu bual pada 10 Jun 2012.

[14] Ustaz Othman bin Ahmad, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 15 Julai 2012.

para sahabat Nabi S.A.W. Jika para sahabat Nabi S.A.W. telah mencapai keberhasilan dengan bidang teknik dan pengajaran yang sama, kenapa tidak masyarakat kini menggunakan cara tersebut. Beliau mempersoalkan sebahagian daripada masyarakat yang tidak mahu menggunakan kaedah pengajaran dan pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat. Bukankah kaedah pengajaran yang diamalkan oleh Nabi S.A.W. telah mencapai kejayaan hingga Islam tersebar luas ke seluruh dunia.[15] Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan ahli jemaah masjid dari semasa ke semasa kerana zaman sentiasa berubah maka kehidupan akan berubah mengikut zaman semasa.

5. Sukatan Mata pelajaran Berubah-ubah

Sukatan Mata pelajaran Yang disampaikan Selalu Berubah-ubah Iaitu Kitab Yang digunakan

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Sukatan Mata pelajaran Berubah-ubah	71 14.8%	195 40.6%	151 31.5%	46 9.6%	14 2.9%	3 .6%	480 100%	3.55

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah iaitu kitab yang digunakan, pengkaji menemubual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Samad bin Asri, sememangnya pernah berlaku sukatan mata pelajaran iaitu kitab yang diajar berubah-ubah tetapi ianya hanya berlaku kepada segelintir guru sahaja. Ia berlaku disebabkan guru tersebut berpindah atau ditukarkan bertugas di tempat lain. [16]

Menurut Ustaz Ismail bin Anang pula sebaliknya. Bukan sukatan yang berubah-ubah tetapi ahli jemaah atau pendengar yang selalu berubah-ubah. Ada sebahagian jemaah datang mendengar sahaja tanpa membawa kitab dalam sesi pengajian tersebut. Ia berpendapat tidak menjadi masalah yang serius sekiranya kitab yang selalu berubah-ubah kerana yang penting ialah

[15] Ustaz Ahmad bin Achil, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 30 Ogos 2012.

[16] Samad bin Haji Asri, AJK Masjid Sungai Bogak. Temu bual pada 7 Julai 2012.

aktiviti dakwah tersebut atau majlis agama dan ilmu yang disampaikan tersebut. [17]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah sememangnya berlaku tetapi tidak secara keseluruhan masjid di Daerah Kerian Perak, ia hanya berlaku kepada segelintir masjid sahaja.

6. Guru Selalu Bertukar-tukar

Guru Selalu Bertukar-tukar Menyebabkan Pengajian Kitab Tidak Dapat ditamatkan

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Guru Selalu Bertukar-tukar	81 16.9%	197 41.0%	130 27.1%	58 12.1%	12 2.5%	2 .4%	480 100%	3.57

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan tentang guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Mohd Isa bin Osman, sepanjang beliau mengendalikan aktiviti dakwah di Masjid al-Huda Sungai Kota tidak berlaku pertukaran guru kerana pihak pengurusan masjid hanya membenarkan Guru Takmir yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam sahaja mengajar di masjid tersebut. Mereka akan dibayar saguhati oleh Jabatan Agama Islam secara terus dan pihak pengurusan masjid tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar guru. Jadi tidak timbul masalah guru selalu bertukar-tukar. [18]

Sementara itu Hassan bin Sulaiman berpendapat bahawa guru yang dilantik oleh pihak pengurusan masjid akan selalu bertukar-tukar kerana ia bergantung kepada kesesuaian kehendak pihak pengurusan masjid. Sekiranya guru tersebut tidak sependapat dengan pihak pengurusan masjid maka dia tidak akan dijemput lagi dan perkhidmatannya akan ditamatkan. Ia ada kaitan dengan fahaman politik masa kini. Aktiviti dakwah di masjid

[17] Ismail bin Anang, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 10 Julai 2012.

[18] Mohd Isa bin Osman, Bendahari Masjid al-Huda Sungai Kota. Temu bual pada 26 Ogos 2012.

akan tergendala sekiranya fahaman politik dijadikan alasan, mengimarahkan masjid dengan pengajian agama tidak dapat dilaksanakan. Lantaran itu masjid akan sentiasa sepi dari majlis-majlis ilmu dan ahli masyarakat akan ketandusan ilmu agama Islam. [19]

Berdasarkan pandangan di atas yang menyatakan bahawa guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan adalah benar dan pernah berlaku tetapi ia dapat di atasi oleh pihak pengurusan masjid kerana pihak JAIPk ada menyediakan Guru Takmir yang dibayar terus oleh Jabatan tersebut.

7. Iklan Tidak disebarkan Secara Meluas

Iklan Pemberitahuan Pengajian Tidak dibuat Secara Meluas Menyebabkan Masyarakat Setempat Tidak Dapat Maklumat Aktiviti

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Iklan Tidak disebarkan Secara Meluas	216 45.0%	158 32.9%	73 15.2%	19 4.0%	12 2.5%	2 .4%	480 100%	4.13

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Zakaria bin Hamid, pihak pengurusan masjid hendaklah menghebahkan aktiviti masjid melalui pelbagai saluran seperti media cetak dan elektronik. Masa kini media elektronik seperti internet, telefon mudah alih, radio dan iklan sangat berpengaruh terutama kepada golongan remaja. Oleh sebab itu, pihak pengurusan masjid wajar menggunakan media tersebut yang dilihat efektif menyampaikan maklumat dan aktiviti dakwah di masjid kepada orang awam. [20]

Sementara itu, menurut Razali bin Bakar berpendapat bahawa selain

[19] Hassan bin Sulaiman, Timbalan Pengerusi Masjid Bukit Merah. Temu bual pada 20 Ogos 2012.

[20] Zakaria bin Hamid, AJK Masjid Jamek Simpang 5. Temu bual pada 16 Jun 2012.

menghebahkan aktiviti dakwah melalui kaedah yang lazim digunakan seperti pemasangan poster di tempat strategik, pengumuman melalui pembesar suara, surat jemputan dan banner ia dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS). Pihak pengurusan masjid wajar mempertimbangkan kaedah ini kerana ia berkesan serta mudah sampai kepada kumpulan sasar dengan kos yang minima. [21]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat setempat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah anjuran masjid. Ia perlu di atasi dan dipertingkatkan hebahan secara meluas kepada seluruh masyarakat setempat.

8. Keceriaan Masjid Tidak Berkeadaan Baik
Suasana Keceriaan Masjid (Landskap) Tidak disusun Atur Dengan Baik

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Keceriaan Masjid (Landskap) Tidak Berkeadaan Baik	54 11.3%	148 30.8%	238 49.6%	33 6.9%	7 1.4%	0 .0%	480 100%	3.43

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan pandangan tentang suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun dengan baik, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Abd Hamid bin Ismail, beliau mengakui bahawa landskap masjid yang tidak disusunatur dengan baik adalah antara salah satu penyebab ahli kariah kurang berminat untuk menghadirkan diri ke masjid. Ketiadaan tempat letak kereta, kemudahan tandas yang kurang sempurna khususnya bagi kaum wanita, kawasan luaran dan dalaman masjid yang tidak menarik hendaklah ditangani dan diatasi segera oleh pihak pengurusan masjid.[22]

Sementara itu, menurut Jaafar bin Mat, landskap masjid bermaksud hiasan luaran dan dalaman masjid yang dibuat bagi kemudahan pengunjung dan

[21] Razali bin Bakar, AJK Masjid Jamek Sungai Dungun. Temu bual pada 16 April 2012.
[22] Abd Hamid bin Ismail, AJK Masjid Jamek Simpang 5. Temu bual pada 10 Jun 2012.

juga mencantikkan pandangan. Masjid hendaklah disusun atur dengan baik landskapnya tetapi ia bergantung kepada kewangan masjid. Ia memerlukan jumlah wang yang besar. [23]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun atur dengan baik di masjid Daerah Kerian Perak. Pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha mengatasi masalah ini supaya dapat menarik minat ahli jemaah untuk datang ke masjid.

9. Penyediaan Kelengkapan OKU Tidak disediakan
Tiada Penyediaan Kelengkapan Untuk Golongan OKU Seperti Tempat Letak Kereta Khas, Kerusi Khas dan Tandas Khas

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Penyediaan Kelengkapan OKU Tidak Disediakan	75 15.6%	180 37.5%	138 28.7%	60 12.5%	23 4.9%	4 .8%	480 100%	3.48

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai tiada penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Ahmad bin Hamid, sewajarnya pihak pengurusan masjid menyediakan kemudahan-kemudahan bagi golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas untuk kegunaan mereka kerana mereka adalah golongan yang dianggap lemah dan tidak berkemampuan seperti orang biasa. Keutamaan perlu diberikan kepada golongan OKU ini kerana mereka amat memerlukan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut maka dapatlah golongan OKU menghadirkan diri mereka ke masjid seterusnya mengikuti aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.[24]

Sementara itu, menurut Abas bin Awang, pihak pengurusan masjid telah pun menyediakan kemudahan-kemudahan untuk golongan OKU seperti tempat

[23] Jaafar bin Mat, AJK Masjid Jamek Sungai Bogak. Temu bual pada 27 Jun 2012.
[24] Ahmad bin Hamid, AJK Masjid Jamek Kuala Kurau. Temu bual pada 5 September 2012.

letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas tetapi mungkin kuantitinya tidak mencukupi. Kadang-kadang kemudahan tersebut telah disediakan oleh pihak pengurusan masjid tetapi telah disalahgunakan oleh golongan yang berkemampuan. Sebagai contoh tempat letak kereta khas yang disediakan untuk golongan OKU telah disalahgunakan oleh golongan berkemampuan, begitu juga masalahnya dengan tandas khas. Oleh yang demikian itu, ia amat menyulitkan dan menyusahkan golongan OKU dalam menggunakan kemudahan yang disediakan.[25]

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa ketiadaan penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas amat menyulitkan dan menyusahkan pihak golongan OKU ini. Maka wajarlah pihak pengurusan masjid menyediakan kemudahan tersebut dan bagi pihak ahli jemaah yang berkemampuan dinasihatkan supaya tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan kepada golongan OKU ini.

SOLUSI

Berdasarkan hasil penemuan dalam kajian ini, pengkaji mengutarakan beberapa solusi kepada pihak tertentu untuk dipertimbangkan atau dilaksanakan. Semua solusi tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha aktiviti dakwah kepada pihak pengurusan masjid di Daerah Kerian Perak supaya lebih mantap.

1. Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)

Berdasarkan hasil kajian, didapati pegawai dan AJK masjid di Daerah Kerian Perak masih lagi mempunyai beberapa kekurangan dalam bidang pengurusan aktiviti dakwah. Oleh itu dicadangkan agar pihak JAIPk dapat mengadakan kursus dan bengkel yang berkaitan pengurusan dengan lebih kerap lagi kepada mereka. Di samping itu, pihak JAIPk juga dicadangkan supaya menganjurkan lawatan sambil belajar ke masjid-masjid besar di Malaysia seperti Masjid Negara, Masjid Negeri Selangor, Masjid Jalan Duta dan Masjid Putrajaya bagi mendedahkan mereka kepada sistem pengurusan yang lebih mantap dan berkesan.

Hasil kajian juga menunjukkan di antara masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dihadapi oleh kebanyakan masjid di Daerah Kerian Perak ialah masalah kewangan. Oleh itu disarankan kepada pihak JAIPk agar dapat membantu pihak pengurusan masjid di Daerah Kerian Perak untuk mendapatkan dana tambahan bagi memperkasakan aktiviti-aktiviti dakwah

[25] Abas bin Awang, AJK Masjid Hijau Kampung Kedah. Temu bual pada 30 Ogos 2012.

seperti memohon peruntukan kewangan khas kepada Kerajaan Negeri Perak, Pusat Zakat Perak dan badan-badan korporat.

Pada pendapat pengkaji, peranan penaziran amat penting bagi memastikan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid mencapai objektifnya dan mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang perlu diperbaiki. Kajian ini mendapati pihak JAIPk kurang melakukan pemantauan atau penaziran ke atas aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian Perak secara berjadual. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan pegawai JAIPk yang dipertanggungjawabkan sebagai Penyelarasan Masjid di daerah ini hanya 2 orang sahaja. Oleh itu, dicadangkan kepada pihak JAIPk supaya dapat menambah bilangan pegawai agama yang bertugas sebagai Penyelaras Masjid dan melantik mereka yang benar-benar berkelayakan untuk melaksanakan tugas tersebut.

2. Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid

Hasil kajian mendapati bahawa pelantikan AJK yang berilmu dan struktur organisasi masjid yang cekap mengurus aktiviti-aktiviti dakwah di masjid antara faktor utama penerimaan ahli jemaah terhadap pegawai dan AJK juga akan menentukan kejayaan aktiviti dakwah yang telah dirancang oleh pihak pengurusan masjid. Pegawai dan AJK disarankan hendaklah dilantik di kalangan orang yang berpengaruh dalam masyarakat setempat dan mempunyai kekuatan dari sudut ilmu pengetahuan agama dan ilmu pengurusan. Pegawai dan AJK masjid mestilah berkemampuan menyelesaikan masalah yang berlaku di kalangan masyarakat setempat seperti dapat menyelesaikan masalah kematian, kenduri-kendara dan sebagainya.

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa keceriaan (landskap), kebersihan dan keselamatan persekitaran masjid di bawah jagaan pihak pengurusan masjid berkeadaan kurang baik. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid agar dapat mengambil berat dan memperbaiki kekurangan ini dengan memperbanyakkan penanaman pokok-pokok hijau seperti pokok bunga untuk mengindahkan persekitaran masjid. Pihak pengurusan masjid juga hendaklah memastikan keadaan dalaman masjid berada dalam keadaan bersih terutama kawasan bilik air yang terdapat tandas di dalamnya. Keadaan tandas hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dan terjaga. Pihak pengurusan masjid perlu mengeluarkan sedikit wang untuk mengupah pembersih membersihkan tandas masjid. Kawasan tempat letak kereta yang selamat berada di dalam pagar kawasan masjid perlu diwujudkan demi keselamatan kenderaan ahli jemaah. Di samping itu pihak

pengurusan masjid juga hendaklah menyediakan kemudahan asas kepada golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas.

Kekurangan sumber kewangan dan peralatan aktiviti dakwah juga menjadi masalah kepada pengurusan aktiviti dakwah. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid supaya berusaha menjana kewangan, merancang dan memikirkan cara mendapatkan wang untuk tabung masjid dengan mengutip derma dari orang ramai melalui kaedah mengadakan program-program tertentu, memohon derma dan zakat daripada badan-badan korporat yang mempunyai perniagaan secara berterusan dan juga memiliki harta yang boleh dijadikan aset menjana ekonomi seperti hotel, tanah, ladang kelapa sawit, rumah sewa, kedai untuk disewa, kereta sewa dan sebagainya.

Apabila masjid mempunyai kewangan yang kukuh dan mantap maka pihak pengurusan masjid dapat menyediakan dan membeli peralatan-peralatan yang diperlukan untuk aktiviti dakwah seperti sistem pembesar suara, LCD, komputer riba, skrin televisyen, perakam suara, mesin cetak dan sebagainya. Dengan adanya kewangan yang mencukupi dan peralatan aktiviti dakwah yang lengkap maka pihak pengurusan masjid akan dapat mengadakan berbagai aktiviti dakwah dengan menjemput penceramah-penceramah yang terkenal dan masyhur. Maka tugas mengimarahkan masjid akan dapat dilaksanakan dengan kehadiran ahli jemaah yang ramai.

Mengikut teori pembelajaran, terdapat perbezaan di antara pembelajaran dewasa dengan pembelajaran kanak-kanak dan remaja. Pembelajaran orang dewasa menggunakan pendekatan andragogi manakala pembelajaran kanak-kanak dan remaja menggunakan pendekatan kaedah pedagogi. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid supaya dapat mengadakan aktiviti dakwah yang khusus untuk kanak-kanak dan remaja pada musim cuti sekolah sebagai memenuhi waktu lapang mereka. Ini kerana hasil kajian mendapati aktiviti dakwah di masjid kebanyakannya dirancang tidak mengambil kira aktiviti dakwah yang sesuai untuk disertai oleh golongan kanak-kanak dan juga remaja.

Golongan yang menghadiri aktiviti dakwah di masjid adalah sedikit jika dibandingkan dengan populasi penduduk Islam di Daerah Kerian Perak. Oleh itu dicadangkan kepada pihak pengurusan masjid supaya dapat mengemas kini perancangan aktiviti dakwah dengan lebih baik dan lebih menarik, serta menghebahkan aktiviti dakwah melalui kaedah yang lazim digunakan seperti pemasangan poster di tempat strategik, pengumuman

melalui pembesar suara, surat jemputan dan banner juga memperluaskan lagi hebahan melalui pelbagai saluran seperti media cetak dan elektronik seperti internet (blog dan face book), melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke telefon mudah alih dan lain-lain cara agar ianya diketahui oleh lebih ramai masyarakat setempat. Semoga dengan usaha-usaha tersebut diharap dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat setempat menghadiri aktiviti-aktiviti dakwah di masjid.

3. Penceramah dan Guru

Bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi, adalah disarankan kepada penceramah dan guru agar dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran serta mengaplikasikan kemudahan ICT yang terdapat pada zaman sekarang. Semoga dengan tindakan tersebut akan menjadikan pengajaran mereka lebih menarik dan lebih diminati oleh ahli jemaah yang berbagai golongan dan peringkat umur.

Memandangkan penceramah dan guru merupakan elemen utama kepada aktiviti-aktiviti dakwah di masjid, maka kepada para penceramah dan guru disarankan supaya dapat meningkatkan lagi kemahiran komunikasi mereka dengan melakukan pelbagai usaha ke arah itu seperti mempelajari teori-teori komunikasi dan menghadiri seminar-seminar komunikasi yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dari masa ke semasa. Diharap dengan usaha tersebut pengajaran mereka dalam aktiviti-aktiviti dakwah yang disampaikan akan lebih berkesan.

Tidak dapat dinafikan dengan kaedah tradisional yang digunakan oleh penceramah dan guru dapat diterima dan diguna pakai namun ada kebaikannya jika ia di naik taraf kan ataupun dibaik tambah dengan menggunakan teknologi terkini. Hasil kajian juga telah menunjukkan majoriti responden bersetuju supaya para penceramah dan guru menggunakan kaedah moden dengan tidak mengetepikan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka. Oleh itu, dicadangkan kepada pihak penceramah dan guru supaya dapat berbuat demikian dalam sesi pengajaran mereka agar pengajaran mereka lebih mendapat sambutan dan mudah difahami.

PENUTUP

Penglibatan usaha pengimarahan masjid kepada masyarakat hendaklah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat secara berterusan. Demikian juga pihak yang berkaitan disaran mengambil tindakan proaktif supaya masalah pengurusan aktiviti dakwah dapat diatasi. Masjid yang makmur ialah masjid yang diurustadbir dengan sistematik. Masjid adalah rumah

Allah S.W.T. untuk orang yang beriman dan beramal soleh, jika pengurusan aktiviti dakwah dimanfaatkan sepenuhnya, maka akan datang rahmat Allah S.W.T. pada mereka yang memakmurkannya dan penyebab hidayah untuk orang bukan Islam. Sesuatu yang barangkali tidak terlintas di fikiran bagaimana pengurusan aktiviti dakwah di masjid merupakan suatu tempat yang menjadi tonggak kepada segala urusan dunia dan akhirat. Diuruskan oleh Jawatankuasa kariah untuk membina keseragaman idea dan hala tuju bagi membentuk masyarakat.

Usaha-usaha yang berterusan memantapkan lagi perjalanan aktiviti dakwah secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pembentukan generasi Islam yang mempunyai jati diri dan ketahanan dalam menghadapi cabaran. Seterusnya mereka mampu menghindarkan diri dari terjebak dengan perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan generasi Islam kini dan akan datang. Adalah diharapkan aktiviti-aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian Perak terus mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan masyarakat setempat. Kerjasama dari semua pihak diharap dapat membuahkan hasil yang lebih berkesan terutamanya dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini.

RUJUKAN

Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu al-Mukarram (1990), *Lisan al-Arab, Jilid 4.* Beirut: Dar al-Sa'd.

Zainon bin Ramli, AJK Masjid Jamek Bukit Merah. Temu bual pada 8 Jun 2012.

Harun bin Hashim, Imam Masjid al-Huda Sungai Kota. Temu bual pada 25 Jun 2012.

Mohd Sukri bin Khaidir, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 25 Jun 2012.

Rokiah Mohamed, AJK Masjid an-Nur Bukit Semanggol. Temu bual pada 13 Jun 2012.

Ustaz Halim bin Taib, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 13 Jun 2012.

Abd. Rahim Ramli, Bendahari Masjid Hijau Kg. Kedah. Temu bual pada 12 Julai 2012.

Yusof Talib, Pengerusi Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau. Temu bual pada 13 Julai 2012.

Hassan bin Saad, AJK Masjid Jamek Kedai 2 Jalan Siakap. Temu bual pada 4 Julai 2012.

Ishak bin Darus, AJK Masjid Pekan Tanjung Piandang. Temu bual pada 11

Julai 2012.
Omar bin Hamid, AJK Masjid Jamek Kampung Dew. Temu bual pada 14 April 2012.
Shukor bin Ali, AJK Masjid Jamek Bukit Merah. Temu bual pada 10 Jun 2012.
Ustaz Othman bin Ahmad, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 15 Julai 2012.
Ustaz Ahmad bin Achil, Guru Takmir Daerah Kerian. Temu bual pada 30 Ogos 2012.
Samad bin Haji Asri, AJK Masjid Sungai Bogak. Temubual pada 7 Julai 2012.
Ismail bin Anang, Guru Takmir Daerah Kerian. Temubual pada 10 Julai 2012.
Mohd Isa Osman, Bendahari Masjid al-Huda Sg. Kota. Temu bual pada 26 Ogos 2012.
Hassan Sulaiman, Timb. Pengerusi Masjid Bukit Merah. Temu bual pada 20 Ogos 2012.
Zakaria bin Hamid, AJK Masjid Jamek Simpang 5. Temu bual pada 16 Jun 2012.
Razali bin Bakar, AJK Masjid Jamek Sungai Dungun. Temu bual pada 16 April 2012.
Abd Hamid bin Ismail, AJK Masjid Jamek Simpang 5. Temu bual pada 10 Jun 2012.
Jaafar bin Mat, AJK Masjid Jamek Sungai Bogak. Temu bual pada 27 Jun 2012.
Ahmad bin Hamid, AJK Masjid Jamek Kuala Kurau. Temu bual pada 5 September 2012.
Abas bin Awang, AJK Masjid Hijau Kampung Kedah. Temu bual pada 30 Ogos 2012.

METODOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN PROFESIONAL MELAYU: KAJIAN DI PAHANG

Oleh:
Ahmad Effat Bin Mokhtar[1]
Ibrahim Bin Hashim (Ph.D)[2]

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengkaji tentang metodologi dakwah kepada golongan Profesional Melayu di Pahang. Isu yang dikaji ialah sejarah kedatangan Islam ke Pahang dan konsep metode dakwah menurut al-Quran kepada golongan profesional. Di samping itu, ia juga mengkaji program dakwah yang telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Pahang dan badan NGO dakwah kepada golongan profesional di Pahang. Walaupun kini banyak program dakwah telah dirancang dan diatur dengan baik namun kejayaan dakwah kepada masyarakat masih tidak boleh dibanggakan terutamanya kepada golongan Profesional Melayu. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan metode kajian lapangan iaitu menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Tinjauan awal mendapati masalah dakwah kepada golongan profesional berpunca daripada pelaksanaan dakwah yang tidak berkesan di samping kekangan yang dihadapi oleh golongan profesional itu sendiri seperti kesibukan bekerja, tiada program agama yang khusus kepada mereka, cara penyampaian dakwah yang tidak sesuai dan media dakwah yang kurang menarik. Justeru itu, dalam menghadapi cabaran dakwah dalam masa kini, pendekatan dakwah perlu dipelbagaikan bagi menarik masyarakat kepada Islam khususnya golongan profesional Melayu.

PENDAHULUAN

Golongan profesional adalah produk daripada permodenan masyarakat hari ini. Di kebanyakan negara sedang membangun khususnya di Malaysia, golongan ini dilihat sebagai nadi utama dan memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorak pentadbiran negara. Bahkan golongan ini menjadi

[1] Ahmad Effat Bin Mokhtar adalah pensyarah di Kolej Islam Sultan Ahmad Shah (KIPSAS).

[2] Ibrahim bin Hashim (Ph.D) adalah pengarah Pusat Islam dan pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

tulang belakang dalam usaha memajukan ekonomi dan masyarakat. Mereka turut dilabelkan sebagai 'pemikir' dan aset utama negara yang berperanan menjana idea-idea bernas dan kreatif dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah negara. Kelahiran dan perkembangan golongan pengurus dan profesional Melayu sebagai sebahagian penting daripada kelas menengah 'baru' Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), (Nor Hayati Sa'at: 2004).

Justeru itu, tidak hairanlah sumbangan dan jasa besar mereka dalam proses pemodenan dan kemajuan Malaysia hari ini telah meletakkan kedudukan golongan ini sebagai golongan yang hebat dan mempunyai pengaruh yang besar di sisi masyarakat. Impaknya, masyarakat memandang mereka sebagai golongan yang *sophisticated*, penuh dengan nilai-nilai positif, dengan personaliti dan penampilan yang hebat, kemas dan elegan, berkarisma, petah berbicara dan hidup dengan nilai kemasyarakatan yang tinggi.

Namun demikian, realitinya golongan profesional mempunyai ruang kerja yang mencabar, sibuk, bercita rasa tinggi dan hidup dalam kelompok tersendiri dengan gaya hidup yang pelbagai. Ada yang senang memilih gaya hidup barat yang lebih mewah dan moden. Tidak ketinggalan juga yang bersederhana serta bersahaja dalam penampilan. Pelbagai persoalan yang timbul dalam memahami keperibadian, mentaliti dan prinsip hidup golongan profesional ini. Maka adalah menjadi satu tanggungjawab kepada para pendakwah era ini agar lebih giat mencari pendekatan yang sesuai dan alternatif yang terbaik dalam memastikan golongan profesional tidak diabaikan dalam dakwah sekaligus dapat membentuk satu jaringan harmoni di dalam kehidupan mereka berlandaskan syariat Islam yang sebenar. Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan mengkaji mengenai asas metodologi dakwah kepada golongan profesional Melayu di Pahang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Mengikut perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia penduduk negeri Pahang pada 2010 adalah seramai 1.543,400 atau 1.5 juta dan Daerah Kuantan mencatatkan jumlah penduduk teramai iaitu 462 ribu. Pada tahun 2010, indeks jenayah menunjukkan Negeri Pahang mencatat bilangan indeks yang agak rendah berbanding negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan iaitu 4857 kes yang dapat dikesan oleh Polis Diraja Malaysia Pahang dan direkodkan 32 daripada kes jenayah sivil melibatkan golongan profesional, (Loporan Ekonomi Pahang: 2011-2012).

Dari segi kes jenayah syariah pula, menurut Pendaftar Mahkamah Syariah Kuantan terdapat lebih daripada 1000 kes jenayah syariah pada tahun 2010 seperti penceraian, khalwat, persetubuhan di luar nikah, minum arak,

tidak solat Jumaat dan lain-lain kes. Daripada jumlah tersebut sebilangan kes melibatkan golongan profesional. Kedua-dua laporan ini menunjukan bahawa golongan profesional juga terlibat dalam masalah-masalah jenayah. Lebih membimbangkan jika tidak ada pendekatan dakwah diambil oleh pendakwah hari ini dalam usaha membimbing dan menyelamatkan mereka daripada terus sesat tanpa arah.

Menurut Mastura bt Mohd Zain, polis telah mengeluarkan senarai nama 25 peguam dari seluruh negara yang sedang dicari bagi membantu siasatan 217 kes jenayah penyelewengan dan pecah amanah yang nilainya mencecah jutaan ringgit. Manakala sebanyak 249 aduan pecah amanah melibatkan peguam tempatan. Menurut pihak polis juga, kes-kes yang dilaporkan biasanya membabitkan peguam-peguam yang diberi kepercayaan sebagai pemegang amanah ke atas urusan jual-beli melibatkan pembelian rumah dan tanah. Laporan Suruhan Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) 2011 telah merekodkan sebanyak 91 kes rasuah melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional awam di Malaysia.

Di samping itu juga pengkaji telah melihat kes-kes jenayah salah laku dan sosial oleh golongan profesional yang berkaitan antaranya adalah tidak beretika, pecah amanah, rasuah, dan lain-lain masalah yang telah didedahkan di media massa. Menurut laporan akhbar Mingguan Malaysia Mac 2012, hasil daripada temubual dengan Kaunselor Berdaftar dari Firma Hushim Motivational & Counselling Consultancy (HMCC) yang telah mengendali lebih 1,000 kes aktiviti songsang (gay dan lesbian) didapati sebahagian kumpulan yang terlibat dalam kes tersebut termasuk golongan profesional.

Dengan maklumat kes-kes di atas, tinjauan awal pengkaji kepada program-program agama mendapati sebilangan golongan profesional masih kurang mengikuti program dakwah yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah, masjid dan surau. Permasalahan ini berlaku di antaranya adalah mungkin berpunca daripada kesibukan bekerja dan permasalahan pendakwah itu sendiri yang kurang mendekati mereka. Masalah pendakwah sendiri termasuk mereka kurang mahir dalam menyampaikan dakwah dan pendekatan dakwah yang digunakan tidak sesuai untuk golongan ini. Ini merupakan faktor utama pengkaji melihat golongan profesional ini kurang menghadiri program dakwah.

Pengkaji telah menemubual dengan Ustaz Badlishah Alauddin pegawai Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan pihak JAIP telah menyarankan kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan

tentang pendekatan dakwah yang telah dilaksanakan oleh badan-badan dakwah kepada masyarakat di Pahang khususnya golongan profesional. Persoalannya ialah adakah sejumlah besar golongan profesional tersebut telah menerima atau turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dijalankan sebagaimana sepatutnya. Ini sudah tentu mereka dikatakan agak sibuk dan mempunyai masa yang terhad untuk aktiviti-aktiviti keagamaan dibandingkan dengan mereka yang bekerja dalam sektor-sektor pekerjaan lain.

Rentetan daripada itu, beberapa persoalan lain yang timbul akan dibincangkan secara mendalam dalam kajian ini ialah sejauhmana keberkesanan dakwah kepada golongan profesional, apakah masalah dakwah kepada golongan profesional, bagaimana cara dakwah dapat sampai kepada mereka, apakah tanggapan dan persepsi golongan profesional terhadap dakwah dan bagaimana cara mengatasi masalah dakwah kepada golongan profesional.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian kepada golongan profesional adalah disebabkan kebanyakan penyelidik lain mengkaji tentang dakwah kepada golongan lain seperti masyarakat bukan Islam, Orang Asli, mualaf, remaja, penagih dadah, penjenayah dan masyarakat umum. Pengkaji terpanggil untuk membuat penyelidikan kepada golongan yang sangat penting dalam membangunkan negara. Begitu juga menariknya negeri Pahang untuk dikaji kerana ia adalah negeri yang baru hendak membangun dan memerlukan tenaga profesional yang ramai bagi memajukan negeri ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

(a) Mengkaji sejarah kedatangan Islam di Pahang.

(b) Mengkaji metodologi dakwah dalam al-Quran yang bersesuaian dengan golongan profesional.

(c) Mengenalpasti metodologi dakwah melalui program-program yang dianjurkan oleh JAIP dan NGO Dakwah di Pahang kepada golongan profesional.

METODOLOGI KAJIAN

Motodologi kajian adalah berbentuk kajian perpustakaan dan lapangan (temu bual). Kajian ini hanya di negeri Pahang dan saiz sampel yang dipilih adalah mengikut kadar dalam jumlah keseluruhan golongan profesional Melayu. Mereka yang akan menjadi responden terdiri daripada pegawai kanan kerajaan, pengurus syarikat, doktor, jurutera, ahli akademik, peguam dan lain-lain profesyen yang bersesuaian dengan golongan profesional.

KEDATANGAN ISLAM KE NEGERI PAHANG

Pahang adalah negeri di Semenanjung Malaysia dengan terbahagi kepada sebelas buah daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Manakala penduduknya pula terdiri dari berbagai kepercayaan agama, kaum dan bangsa. Kawasan kajian yang dipilih ialah negeri Pahang dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berkelompok berdasarkan daerah. Negeri Pahang dipilih kerana negeri ini mula menempatkan diri setanding dengan negeri-negeri maju seperti Selangor, Johor dan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia. Ini dibuktikan pada tahun 2011, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri menganggarkan pertumbuhan KDNK Negeri Pahang adalah pada kadar 4.9% berbanding 4.5% pada tahun 2010 dengan disokong terutamanya dari sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan pertanian, (Laporan Ekonomi Pahang 2011-2012).
Sejarah awal perkembangan Islam menunjukkan bahawa pendakwah telah melakukan usaha yang sangat cemerlang dalam menyampaikan Islam dari zaman Nabi Muhammad (S.A.W) hingga ke hari ini. Agama Islam telah dikenali di seluruh pelosok dunia dengan berbagai metode dakwah yang telah dilakukan oleh pendakwah bagi menarik sasaran kepada Islam. Pahang merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang menerima kedatangan Islam pada awal kurun ke 10 Masihi, (Abd. Wahab Latif : 2002).

Mengikut W. Linehan mengenai kedatangan Islam ke Pahang, Negeri Pahang telah menerima pengaruh Islam sebelum terbentuknya Kerajaan Melayu Melaka lagi, (W. Linehan: 1936). Beliau mengatakan bahawa, Pekan merupakan tempat yang sangat sesuai bagi pedagang-pedagang Arab yang sampai di Negeri Pahang. Di sini katanya, terdapat banyak makam keturunan orang Syed yang menunjukkan mereka sudah sampai di Pekan sebelum abad ke-15 Masihi lagi, (Buyong Adil: 1984). Ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan batu nesan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang juga dikenali dengan "Keramat Teluk Cik Munah". Ia mencatatkan tarikh wafat seorang insan yang dikebumikan di kubur berkenaan iaitu pada hari Rabu 14 hari bulan Rabiulawwal tahun 419 Hijrah bersamaan tahun 1028 Masihi, (Buku Fatwa Pahang: 1999).

Mengikut pengesahan yang dibuat oleh pihak Muzium Sultan Abu Bakar Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang serta para pengkaji yang terdiri daripada golongan akademik dan mereka yang mahir dalam bidang kajian sejarah. Maka timbullah persoalan dan polemik baru mengenai kedatangan Islam di Tanah Melayu yang bermakna kedatangan Islam ke Negeri Pahang lebih awal daripada Negeri Terengganu berdasarkan penemuan batu bersurat

di Kuala Berang iaitu pada 1303 Masihi, (Yaakob bin Isa: 2004). Menurut catatan, kubur itu kepunyaan seorang wali Allah yang berbangsa Arab yang dipercayai seorang tokoh besar Islam yang berdagang dari Negeri Arab ke rantau Asia, (Mahayudin bin Haji Yahaya : 1984).

Menurut Mahayudin Yahaya, keturunan Syed juga dikatakan telah mempelopori gerakan dakwah di Negeri Pahang. Malah, jika dilihat pada hari ini masih wujud Sekolah Menengah Agama Al-Attas atau dahulunya dikenali sebagai Madrasah Al-Attas, di Kampung Ketapang Pekan yang didirikan pada 12 Jun 1923 oleh Habib Hassan Al-Attas @ Sahibul Ghayul As-Sayyid Hassan Al-Attas, salah seorang tokoh keturunan Sayyid yang banyak memainkan peranan penting dalam perkembangan Pengajian Islam di Pahang, (Mahayudin bin Haji Yahaya : 1984). Malahan, perkembangan dakwah di Negeri Pahang juga turut diwarnai oleh hubungan istimewa Negeri Pahang dengan Kerajaan Acheh Darul Salam melalui perkahwinan di antara Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636 M) dengan Puteri Kamaliah Pahang yang terkenal dengan panggilan Putrou Phang (Puteri Pahang), (A. Hasmy: 2001).

Zakaria Ahmad menyatakan dengan ikatan itu, aktiviti dakwah Islamiah giat dijalankan serta banyak kitab dan penulisan agama oleh ulamak Acheh disebarkan ke Pahang. Bahkan dipercayai bahawa Syeikh Hamzah Al-Fansuri pernah sampai ke Pahang dalam pengembaraannya ke Banten, Baitulmaqdis, Siam, Makkah dan Baghdad untuk menuntut ilmu agama dan menyebarkan dakwah Islamiah, (Zakaria Ahmad : 1971). Ini menunjukkan pada awal kedatangan Islam ke Pahang telah berlakunya dakwah kepada golongan pembesar Pahang.
Menurut Mohd Taib bin Hassan sehinggalah ke hari ini, gerakan dakwah diteruskan dan didokong oleh golongan agama yang terdiri daripada ulamak tempatan, para ilmuan, cendiakawan dan orang perseorangan serta dari badan-badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan di Pahang, (Mohd Taib bin Hassan: 2001).

ASAS-ASAS METODOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN PROFESIONAL

Golongan profesional merupakan golongan berstatus tinggi, cerdik pandai dan terkenal di kalangan masyarakat. Dalam hal ini beberapa pendekatan dakwah yang sesuai untuk menarik mereka kepada Islam perlu dikenalpasti oleh pendakwah. Dakwah kepada golongan ini hendaklah dilakukan dengan begitu rapi supaya dakwah yang disampaikan tidak menyinggung perasaan mereka supaya mereka boleh menerima, menghayati dan mengamalkan

ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian.

Dalam surah al-Nahl ayat 125 menjelaskan beberapa pendekatan metodologi dakwah yang perlu digunapakai oleh pendakwah dan merupakan asas kepada metode dakwah terhadap golongan profesional. Firman Allah;

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي
هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦۖ وَهُوَ أَعۡلَمُ
بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

(al-Nahl:125)

Ayat di atas telah menggariskan tiga pendekatan penting kepada golongan profesional, iaitu *al-Hikmah* kerana pendakwah perlu bijaksana dalam menjelaskan Islam, *al-Maw'izah al-Hasanah* pendakwah perlu menasihati golongan ini dengan cara yang paling baik dan *al-Mujadalah bi al-lati hiya ahsan* iaitu perdebatan yang baik. Maka dengan garis panduan dalam ayat al-Quran di atas adalah asas kepada metode dakwah kepada golongan profesional.

Metode Dakwah Al-Quran Melalui Akhlak Terpuji

Manurut Janib Johari 2001, dalam struktur hirarki sosial masyarakat, golongan profesional diletakkan dalam kumpulan teratas dari segi prestij, pengaruh, kedudukan dan kuasa. Mereka juga dianggap sebagai kumpulan yang paling terpelajar dalam masyarakat dan dapat memberikan kepimpinan di luar bidang profesion masing-masing. Mereka merupakan golongan pembuat keputusan yang akan mempengaruhi orang lain di samping menjalankan tanggungjawab untuk merealisasikan amalan nilai-nilai murni dalam masyarakat iaitu:

1. Keadilan

Keadilan sebagai satu konsep terpenting dalam Islam. Perkataan adil berasal dari perkataan Arab, *al-'adl* yang berarti apa yang menetap di

jiwa, ia sesuatu yang lurus, lawan kepada sifat menyeleweng. Al-Imam Mawardi menyifatkan keadilan sebagai memiliki sifat benar, terjamin keimanan, terjauh dari sesuatu yang haram, tenang ketika reda dan marah serta berterusan menjaga maruah di dalam urusan agama dan dunia. Firman Allah;

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran*.

(an-Nahl:90)

Firman Allah;

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدٗاۗ وَمَا جَعَلۡنَا ٱلۡقِبۡلَةَ ٱلَّتِي كُنتَ عَلَيۡهَآ إِلَّا لِنَعۡلَمَ مَن يَتَّبِعُ ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيۡهِۚ وَإِن كَانَتۡ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَٰنَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ ١٤٣

Maksudnya: *Dan demikian (pula) kami Telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan[95] agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. dan kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang Telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.*

(al-Baqarah: 143)

Ayat di atas menjelaskan bahawa seorang muslim mesti mempunyai sifat adil dalam diri mereka, kerana mereka akan menjadi saksi kepada perbuatan manusia yang lain. Begitu juga seorang hakim, peguam dan pegawai perlu adil dalam menjalankan tanggungjawab dalam profesion mereka kepada masyarakat bagi menjamin keadilan kepada semua.

2. Tanggungjawab

Tanggungjawab amat sukar untuk ditakrifkan. Ia mengandungi dua dalam satu, iaitu seseorang yang dikatakan bertanggungjawab ialah dinilai dari segi hubungannya dengan pekerjaan dan hubungan dengan orang yang mengawal pekerjaan tersebut. Pada hakikatnya, tanggungjawab ialah satu persediaan yang sedia ada pada tiap-tiap individu, yang bererti setiap individu dengan sendirinya memestikan dirinya untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan terhadap dirinya mengikut lumrah sebagai langkah pertama, kemudian ia mempunyai keupayaan pula untuk menjalankan tanggungjawab dengan menggunakan usaha dan tenaga yang ada pada dirinya kepada masyarakat. Firman Allah;

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ ۚ إِنَّ ٱلسَّمْعَ وَٱلْبَصَرَ وَٱلْفُؤَادَ كُلُّ أُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْـُٔولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya.*

(al-Israa: 36)

Firman Allah:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُو۟لَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾ يَوْمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *(1) Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (2) iaitu orang-orang yang apabila menerima tukaran dari orang lain mereka minta dipenuhi, (3) Dan apabila mereka menukar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi (4) Tidaklah orang-orang itu menyangka, bahawa Sesungguhnya mereka akan dibangkitkan, (5) Pada suatu hari yang besar (6). iaitu hari*

(ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?
(al-Mutaffifin :1-6)

Ayat di atas menjelaskan tanggungjawab seorang muslim yang diberi amanah dalam urusan pengiraan wang atau penjagaan barang, jangan ia mengambil atau mengurangkan wang dan barang tersebut kerana mereka akan dihisab oleh Allah di akhirat nanti. Maka bagi seorang akauntan hendaklah bertanggungjawab dalam menjaga hak orang lain yang telah diamanahkan.

3. Tolong Menolong

Semua manusia tidak boleh memilih hidup bersendirian di muka bumi ini biarpun Allah telah memberikan faktor-faktor kesenangan dan kecukupan kepadanya. Ini disebabkan, hal itu bertentangan dengan sifat, potensi dan kebiasaan manusia. Seseorang individu perlukan orang lain dan orang lain juga memerlukan individu itu, sehingga kehidupan berlaku dalam bentuk yang terbaik. Inilah yang disebut "tolong-menolong" atau "kerjasama". Allah memerintahkan hamba-hambaNya yang beriman supaya saling tolong-menolong dan bekerjasama, dengan syarat mestilah atas dasar kebenaran dan ketakwaan, dan melarang mereka untuk tolong-menolong dan bekerja sama dalam perkara yang haram dan pencabulan. Firman Allah;

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢

Maksudnya: *dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.*
(al-Maidah : 2)

Firman Allah;

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٣٤

Maksudnya: *Iaitu orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan mema'afkan*

(kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.

(Ali-imran : 134)

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ﴿٨﴾

Maksudnya:*(7)Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. (8) Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya pula.*

(Zalzalah; 7-8)

Ayat di atas menjelaskan tentang konsep tolong menolong sesama muslim berdasarkan taqwa. Kerana barang siapa yang mengerjakan kebaikan sedikitpun akan dikira oleh Allah. Begitu juga seorang doktor perubatan mereka telah diberi kelebihan untuk merawat pesakit ia mesti ada sifat tolong menolong dalam menjalankan tugas sebagai doktor.

4. Amanah

Amanah bermaksud tenteram, aman, selamat dan harmoni. Dalam pengertian nilai dan akhlak, amanah ialah menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu. Amanah dengan erti kata lain ialah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab itu ditunaikan dan kepercayaan yang diberikan itu dihargai, maka orang yang menerima dan melaksanakannya mendapati dirinya tenteram, aman, selamat dan harmoni. Firman Allah;

وَإِن كُنتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا۟ كَاتِبًا فَرِهَٰنٌ مَّقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ ٱلَّذِى ٱؤْتُمِنَ أَمَٰنَتَهُۥ وَلْيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

Maksudnya: *Jika kamu dalam perjalanan (dan bermu'amalah tidak secara tunai) sedang kamu tidak memperoleh seorang penulis, Maka hendaklah ada barang tanggungan yang dipegang [180] (oleh yang berpiutang). Akan tetapi jika sebagian kamu mempercayai sebagian yang lain, Maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya; dan janganlah kamu (para saksi) menyembunyikan persaksian dan barangsiapa yang menyembunyikannya, Maka Sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya; dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

(al-Baqarah: 283)

Firman Allah;

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَخُونُواْ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ وَتَخُونُوٓاْ أَمَـٰنَـٰتِكُمۡ وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu Mengetahui.*

(al-Anfal; 27)

METODE DAKWAH PARA RASUL

Setiap zaman, Allah telah melahirkan para Nabi dan Rasul bagi menjalankan misi dakwah kepada kaum mereka. Setiap kaum pasti terdapat golongan pembesar dan pegawai bagi mengatur dan memerintah negara. Perkara ini menjadi lumrah dengan izin Allah apabila sesuatu kaum dipimpin oleh golongan ini yang mana mereka mempunyai kuasa dan kedudukan yang tinggi dan dihormati. Dalam al-Quran menjelaskan golongan pembesar merupakan golongan yang kuat menentang usaha dakwah. Golongan ini tidak merestui wujudnya agama tauhid dalam masa yang sama mereka berpegang teguh dengan agama keturunan dan kuasa. (Abd Karim Zaydan:1999)

Oleh hal yang demikian, menjadi kewajipan para nabi untuk menyeru golongan ini ke arah agama tauhid dengan metode mereka tersendiri berdasarkan kebijaksanaan mereka dan suasana sekeliling. Di sebabkan itu, ada metode yang berbeza antara satu sama lain yang mereka cuba laksanakan untuk berhadapan dengan golongan ini walaupun pada hakikatnya, majoriti

daripada metode antara mereka tidak jauh berbeza.

Metode Perbandingan Logik Akal

Metode perbandingan logik akal sebagaimana hujah Nabi Ibrahim berkaitan dengan alam semesta sendiri kepada pembesar dan kaumnya. Baginda turut menggunakan hujah yang berkaitan dengan alam semesta, begitu juga apabila berdepan dengan pembesar yang merupakan seorang pemimpin, baginda turut menggunakan hujah yang mempunyai kaitan rapat dengan pemerhatian terhadap alam semesta. Firman Allah:

قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأۡتِي بِٱلشَّمۡسِ مِنَ ٱلۡمَشۡرِقِ فَأۡتِ بِهَا مِنَ

ٱلۡمَغۡرِبِ فَبُهِتَ ٱلَّذِي كَفَرَۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٥٨

Maksudnya: *Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.*

(al-Baqarah: 258)

Ayat di atas adalah satu simbolik yang cukup jelas dalam menggambarkan rapatnya hubungan di antara kaum Nabi Ibrahim dengan alam semesta. Apatah lagi, antara sembahan kaum Nabi Ibrahim selain dari berhala-berhala ialah alam semesta sendiri. Mereka menyembah bintang, bulan dan matahari. Oleh kerana itulah, apabila Nabi Ibrahim berhujah, baginda menggunakan contoh dan perbandingan yang mempunyai kaitan rapat dengan pendengar dan sasaran dakwah. Allah (s.w.t) turut mengajar pendakwah menggunakan pendekatan sedemikian semasa mengemukakan mesej dakwah.

Metode Dakwah dengan Kata-Kata Lemah Lembut

Menurut Kamus Dewan, lemah lembut didefinisikan sebagai elok perangai, halus budi pekerti, baik hati, berwajah ceria dan berlapang dada. Sifat luhur inilah yang menghiasi peribadi Rasulullah sehingga baginda berjaya menyampaikan Islam di muka bumi ini. Apa yang dihadapi Rasulullah sepanjang perjalanan dakwahnya selama 23 tahun adalah satu metodologi dakwah yang difardukan kepada umat Islam supaya mereka dapat menyampaikan Islam dengan cara lemah lembut. Firman Allah;

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلۡقَلۡبِ

لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ فَإِذَا عَزَمۡتَ فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: *Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah Lembut terhadap mereka. sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu Telah membulatkan tekad, Maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya*.

(Ali-Imran: 159)

Allah mengajar Nabi Musa (a.s.) tentang kasih sayang dan lemah lembut dalam berdakwah. Kerana cara itu boleh mendekatkan kepada hidayah Allah sebagaimana firman Allah:

فَقُولا لَهُۥ قَوۡلٗا لَّيِّنٗا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوۡ يَخۡشَىٰ ﴿٤٤﴾ قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفۡرُطَ عَلَيۡنَآ أَوۡ أَن يَطۡغَىٰ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: *Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut. [44] Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami takut bahawa ia akan segera menyeksa kami atau dia akan melampau batas. [45].*

(Taha: 44-45)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa untuk berdepan dengan pemerintah atau pegawai perlu kepada komunikasi yang lemah lembut supaya tidak mendatang perbalahan yang lebih besar. Pendekatan ini telah digunakan oleh Nabi Musa apabila berhadapan dengan Firaun.

Metode Menarik Perhatian

Nabi Ibrahim a.s membuat persoalan untuk menarik perhatian bapa dan kaumnya. Maka jelas kepada kita seorang pendakwah seharusnya bijak mengemukakan hujah. Kepintaran berhujah menjadi bekal utama kepada Nabi Ibrahim untuk berdepan dengan raja tersebut. Apa yang pasti ialah

Nabi Ibrahim tentunya sudah menguasai seni komunikasi dan mempunyai kepintaran dalam mengemukakan hujah. Sebagaimana firman Allah:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَا هَٰذِهِ ٱلتَّمَاثِيلُ ٱلَّتِىٓ أَنتُمْ لَهَا عَٰكِفُونَ ﴿٥٢﴾
قَالُوا۟ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا لَهَا عَٰبِدِينَ ﴿٥٣﴾ قَالَ لَقَدْ كُنتُمْ أَنتُمْ
وَءَابَآؤُكُمْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *(52) (ingatlah), ketika Ibrahim Berkata kepada bapaknya dan kaumnya: «Patung-patung apakah Ini yang kamu tekun beribadat kepadanya?»(53). Mereka menjawab: «Kami mendapati bapak-bapak kami menyembahnya»(54). Ibrahim berkata: «Sesungguhnya kamu dan bapak-bapakmu berada dalam kesesatan yang nyata».*

(al-Anbiyyaa:52-54)

Hamka mentafsirkan ayat di atas bahawa bapa Nabi Ibrahim (Azaar) adalah pembuat (arkitek) patung berhala dan Nabi Ibrahim mengatakan berhala itu tidak dapat memberi pertolongan kepada mereka kerana berhala itu mereka yang buat dengan tangan mereka sendiri. Ini jelas menunjukkan metode dakwah yang digunakan oleh Nabi Ibrahim (a.s) adalah contoh yang terbaik kepada para pendakwah dalam mengemukakan mesej dakwah. Para pendakwah semestinya menguasai seni berhujah agar dapat menjadikan ia sebagai satu senjata dalam menyebarkan dakwah.

Metode Menggunakan Perdebatan

Perdebatan yang digunakan oleh pendakwah untuk menjelaskan kepada sasaran prinsip-prinsip dan kesimpulan yang logik, sehingga sasaran itu dapat merenungkannya dan kemungkinan dia akan tunduk kepada kebenaran. Manakala *mujadalah al-batilah* hanya sesuai digunakan untuk menangani sasaran yang menentang tanpa alasan logik, menyulitkan masalah-masalah asas dengan perkara-perkara yang langsung tidak ada hubung kait dengannya, (Mohd Amin Abdul Rahim: 2001). Allah juga menjelaskan tentang metode perdebatan dengan golongan profesional agama iaitu ahli kitab dengan cara yang lebih baik, Firman Allah.

وَلا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلا الَّذِينَ ظَلَمُوا
مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ
وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka dan katakanlah (kepada mereka): Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu dan kepadaNyalah, kami patuh dengan berserah diri.*
(al-Ankabut: 46)

Firman Allah.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَآجَّ إِبْرَاهِيمَ فِي رِبِّهِ أَنْ آتَاهُ اللّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ.

Maksudnya: Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? *Ketika Nabi Ibrahim berkata: Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan. Dia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan.*

(al-Baqarah : 258)

Ayat di atas Allah (s.w.t.) menjelaskan dalam al-Quran tentang metode perdebatan dakwah Nabi Ibrahim (a.s.) pada permulaannya kepada keluarganya yang merupakan pemimpin agama semasa itu, kemudian baginda berdakwah kepada Raja yang memerintah yang menganggap dialah yang boleh mematikan dan menghidupkan manusia.

Metode Dakwah Melalui Risalah

Di antara metode dakwah yang dilakukan Rasulullah S.A.W yang juga tidak dapat dinafikan keberkesanannya kepada golongan profesional atau pemimpin, ialah menulis surat kepada orang-orang tertentu yang beliau kira mempunyai potensi dan kuasa terhadap kaumnya. Mengikut kajian Muhammad bin Sa'ad dalam kitabnya *al-Tabaqat al-Kubra*, jumlah surat yang dihantar oleh Nabi Muhammad yang dapat dikesan ialah lebih kurang 105 surat. Namun demikian teks surat-surat itu tidak dapat lagi dinukil secara sempurna. Mengikut para pengkaji, surat-surat Nabi dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

(i) Surat yang berisi seruan dan ajakan untuk masuk Islam. Surat seperti ini biasanya beliau tujukan kepada para pemimpin seperti Yahudi, Kristian, Majusi dan Musyrikin baik ia berkedudukan sebagai Raja, pemimpin masyarakat ataupun perseorangan yang mempunyai pengaruh kepada masyarakatnya.
(ii) Surat yang berisi ajaran Islam yang berkaitan dengan panduan yang diperlukan oleh masyarakat Islam. Biasanya surat seperti ini ditujukan kepada orang Islam yang ingin mengetahui mengenai satu-satu perkara dalam Islam, baik akidah, akhlak ataupun masalah syariah.
(iii) Surat yang berisi panduan mengenai Islam bagi mereka yang bukan Islam di bawah naungan pemerintah Islam. Surat seperti ini ditujukan kepada non-Muslim yang ingin hidup berdamai dengan umat Islam.

Kesimpulannya metode dakwah melalui surat ini menunjukkan bahawa adalah menjadi kewajipan pendakwah menyampaikan Islam kepada golongan profesional melalui media risalah Islam secara komprehensif tanpa menyembunyikan sedikitpun daripada ajarannya. Metode ini memberi peluang kepada pendakwah masa kini untuk memanfaatkan segala sumber yang ada melalui sains dan teknologi, khasnya teknologi maklumat bagi tujuan menjelaskan ajaran Islam kepada golongan profesional.

PROGRAM DAKWAH YANG DIJALANKAN OLEH BADAN-BANDAN DAKWAH DI PAHANG

Badan-badan dakwah di Pahang merupakan penggerak kepada kegiatan dakwah, perancangan, strategi dan pelaksanaan dakwah dapat dijalankan di atas usaha badan-badan dakwah yang aktif menjalankan program dakwah kepada masyarakat. Di antara badan-badan dakwah yang terlibat ialah;

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) ditubuhkan pada tahun 1926, dikenali dengan nama Majlis Anggota Islam. Pada masa ini pengurusannya terletak di bawah tanggungjawab Tengku Besar Pahang. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang telah dengan rasminya ditempatkan di bangunan sekarang ini di jalan Masjid bandar Pekan Pahang, (JAIP 2000).

Metodologi Dakwah Jabatan Agama Islam Pahang

Sebagai badan kerajaan yang utama dalam memikul tanggungjawab menyebarkan dakwah dan pemahaman Islam di peringkat negeri, JAIP telah memperkenalkan satu program induk bagi semua aktiviti dakwah di Negeri Pahang yang dikenali sebagai Program Dakwah Perdana Darul Makmur (DPDM). Program ini dirancang dibawah perancangan lima

tahun Jabatan Agama Islam Pahang yang bermula pada tahun 2001 hingga 2005, disebabkan program ini mendapat sambutan JAIP telah meneruskan program DPDM sehingga kini. Program ini disifatkan sebagai satu gerakan pembaharuan dan penyusunan semula semua aktiviti dakwah di Negeri Pahang Darul Makmur. Tujuan utama program ini dibentuk ialah bagi menyatukan seluruh aktiviti di negeri ini dengan satu hasrat agar dapat menggembeling tenaga bersama-sama menjana ke arah perubahan masyarakat demi kemajuan ummah di Negeri Pahang, (JAIP 2001).

Program ini melibatkan penggembelingan tenaga dan ilmu semua peringkat masyarakat, termasuk pemimpin tertinggi negeri sehingga kepada rakyat di seluruh pelosok negeri. Kandungan utama program Dakwah Perdana Darul Makmur ialah meliputi aktiviti penyampaian mesej utama, mesra rakyat, penerangan dasar kemajuan Islam negeri, dan amanat atau ucapan pemimpin. Program Dakwah Perdana Darul Makmur dibina di atas hasrat untuk menjalankan usaha bagi mencapai matlamat kerajaan dalam aspek pembangunan agama dan ummah. Bagi menentukan halatuju yang hendak dicapai, mesej 3P diperkenalkan iaitu Pembangunan Personaliti, Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan Ilmu. (DPDM JAIP: 2001)

(i) Metode Dakwah Bil Hal Dakwah Perdana Darul Makmur

Metode Dakwah *bil hal* ialah dakwah yang dijalankan dengan menunjukkan contoh teladan yang baik melalui perbuatan, sikap, pandangan, tingkah laku yang positif, kerja-kerja amal yang dilakukan dan aktiviti-aktiviti sosial. Ini bererti pendakwah itu sendiri melaksanakan apa yang diucap olehnya dan tidak sekadar tukang cakap dan tukang tunjuk sahaja. Sebagaimana dinyatakan dalam Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ۝٢ كَبُرَ مَقۡتًا

عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ۝٣

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya*.

(Saaf : 2-3)

Oleh itu, setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam hendaklah mencerminkan kesucian yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Setiap tindakan akan dilihat oleh masyarakat untuk dinilai sebelum mereka menerima dakwah yang disampaikan. Oleh

sebab itu tingkahlaku dan tindakan harian mestilah berasaskan nilai tauhid, mengikut syariat Islam, melambangkan kemurnian Islam serta berbentuk ajakan kepada kesempurnaan Islam. (Abdul Ghafar Don *et. al.* : 1998).
Di Pahang, pendekatan dakwah *bil hal* telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Pahang melalui Dakwah Perdana Darul Makmur. Contoh dakwah *bil hal* yang dilaksanakan oleh JAIP meliputi penghayatan ilmu, iman dan amal, merapat perhubungan, bersifat fleksibel dan penuh hikmah, keterampilan peribadi dan akhlak mulia, aktiviti kebajikan, penulisan, program amar makruf dan nahi mungkar dengan menggunakan tenaga pendakwah yang telah dilantik untuk menjalankan dakwah di Negeri Pahang. (DPDM JAIP: 2001)

Dakwah mempunyai kepentingan dan kesesuaian dengan fitrah kejadian manusia yang mempunyai matlamat untuk membezakan antara yang hak dengan batil, antara baik dengan buruk, antara penyelewengan dengan kebenaran dan faedah duniawi dengan ukhrawi. Oleh itu, dalam menjelaskan lagi persoalan ini dakwah juga dapat dilakukan dengan cara tidak langsung terutama kesan daripada tingkah laku atau akhlak yang baik. Dakwah dalam bentuk ini kurang atau tidak menggunakan lisan dinamakan Dakwah *bil hal*. Contoh dakwah *bil hal* meliputi penghayatan ilmu, iman dan amal, merapat perhubungan, bersifat fleksibel dan penuh hikmah, keterampilan peribadi dan akhlak mulia, aktiviti kebajikan, penulisan, program amar makruf dan nahi mungkar, (DPDM JAIP: 2001).

Begitu juga format program bagi aktiviti dakwah bil hal dalam DPDM ini akan lebih menumpukan aktiviti dalam dua fasal iaitu fasal pertama meliputi metode penyampaian mesej melalui lisan dan mesra rakyat. Fasal kedua metode dakwah *bil hal* ini adalah meliputi aktiviti yang lebih kepada kemesraan, kebajikan, termasuk secara pemberian hadiah kepada kanak-kanak, anak yatim, fakir miskin, gotong-royong, sukan rakyat dan lain-lain acara kemeriahan. Aktiviti ini juga akan melibatkan juga penyebaran kesenian Islam seperti nasyid, selawat, puisi, gubahan dan lain-lain.
Menurut Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, metode ini merangkumi semua masyarakat di negeri Pahang termasuk juga golongan profesional. Kebiasaan program yang melibatkan golongan profesional di antaranya adalah program menyambut hari kebesaran Islam seperti menyambut Awal Muharam, Maulidur Rasul, Nuzul al-Quran, Nisfu Sya'aban. Program-progam yang dijalankan seperti ceramah, forum, diskusi dan juga wacana ilmu dan juga program ilmu bersantai bersama para pegawai atasan kerajaan di rumah Menteri Besar.

(ii) Metode Dakwah Melalui Hari Kebesaran dalam Islam

Metode Dakwah melalui hari kebesaran dalam Islam merupakan cara yang terbaik untuk menyampaikan Islam kepada golongan profesional Melayu di Pahang. Dengan mengadakan hari kebesaran ini boleh menghimpunkan kebanyakkan golongan profesional dalam majlis tersebut. Kebiasaannya majlis ini dilaksanakan oleh JAIP dengan menjemput penceramah yang berpengalaman dalam bidang masing-masing untuk menyampaikan dakwah. Antara hari kebesaran yang biasa dianjurkan seperti Menyambut Ma'al Hijrah, Menyambut Maulidur Rasul, Nuzul Al-Quran, Niful Sya'ban dan Hari Kebangsaan.

(iii) Metode Dakwah Fardiyah

Metode dakwah secara *fardiyah* menfokuskan usaha dakwah yang dijalankan secara individu. Misalnya pengajaran kuliah agama di masjid, surau, balai raya, pusat pengajian pendidikan. Dakwah secara ini telah disusun oleh JAIP bagi memastikan program masjid di daerah-daerah Pahang berjalan dengan baik dengan melantik penceramah yang bertauliah.

Dr Syaid Muhammad Nuh menjelaskan *fardiyah* adalah berbicara dengan sasaran secara bersemuka atau dengan sekelompok kecil manusia yang mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat khusus, (Syaed Muhammad Nuh: 2000). *Manhaj fardiyah* atau pendekatan individu adalah merupakan satu pendekatan yang pernah digunapakai oleh Rasulullah S.A.W ketika di peringkat awal Islam, (Abdul Ghafar Don, *et. al*.: 1998). Lebih kurang tiga tahun Rasulullah S.A.W telah menjalankan dakwah dengan cara rahsia untuk menghindari tindakan buruk orang kafir Quraisy terhadap dakwah, iaitu dengan berdakwah kepada orang yang memiliki hubungan kerabat atau dikenali baik sebelum ini. Di antaranya ialah Khadijah binti Khuwalid, 'Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harishah, Abi Bakr bin Abi Quhafah, `Uthman bin 'Affan dan lain-lain lagi. (al-Buty: 2000)

Dapat difahami aktiviti dakwah Islamiah mesti sentiasa memerhati keadaan sasaran dakwahnya. Jika keadaan belum memberi peluang yang memadai bagi tujuan mendedahkan dakwah secara terbuka, maka pendekatan individu seperti ini perlu di jalankan dan sekiranya ia boleh dilakukan secara terbuka maka perlu memilih pendekatan yang sesuai dan munasabah agar dakwah Islamiah dapat membawa kesan yang maksima, (al-Buty: 2000).

(vi) Metode Dakwah Melalui Seminar dan Bengkel

Metode dakwah melalui konvensyen, seminar, persidangan dan kolokium turut menjadi tumpuan agenda dakwah JAIP di Pahang. Hal ini kerana, dalam

masa yang sama program ini sangat sesuai dan mudah untuk mengumpulkan golongan profesional bagi mengikuti program tersebut. Ahmad Mahmud Abu Zaid menjelaskan bahawa, seminar ialah satu kumpulan besar manusia iaitu seorang atau lebih bercakap tentang satu perkara (tajuk atau banyak tajuk). Orang yang bercakap dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu, selalunya terdiri daripada seorang yang profesional dan mengetahui dengan jelas tentang perkara yang akan dibincangkan dalam seminar tersebut.

Konvensyen, seminar dan persidangan yang diadakan mungkin terdiri daripada ahli fiqh, pakar perubatan, ahli ekonomi, ahli politik, sainstis, jurutera atau ahli astronomi. Pendakwah perlu mengetahui cara dan kaedah untuk konvensyen, berseminar dan bersidang agar ia boleh digunakan sabagai satu kaedah untuk menyampaikan dakwah iaitu. Keberkesanan konvensyen, seminar atau persidangan bergantung kepada jangka masa yang sesuai dan tidak membosankan. Urus setia atau pengurus konvensyen, seminar dan persidangan perlu menyusunnya dengan baik dan memilih masa serta tempat yang sesuai dan satu badan khas perlu dilantik bagi menjayakannya.

(v) Metode Dakwah Melalui Media Massa

Media massa adalah antara saluran atau instrumen dakwah yang mampu menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Hal ini kerana, sifat media massa itu sendiri yang mampu menarik perhatian khalayak dan ia menjadi tumpuan masyarakat. Zulkiple Abd. Ghani menjelaskan bahawa istilah media massa atau media cetak dan elektronik boleh dikatakan bukan istilah yang mempunyai *etimologi* khusus daripada perkembangan tamadun Islam. Istilah tersebut dipelopori terutamanya akibat terciptanya mesin cetak *Guttenberg* pada abad ke 15 dan seterusnya diikuti dengan zaman elektrik di mana gabungan teknologi audio dan visual ditemui, (Zulkiple Abd. Ghani: 2001).

Menurut Ustaz Badlishah bin Alauddin, dalam konteks metode dakwah melalui saluran media di Pahang kepada golongan profesional, terdapat dua media utama yang digunakan oleh JAIP dalam dakwah iaitu media tradisional dan media cetak. Media tradisional yang digunakan seperti hubungan peribadi, khutbah Jumaat, tempat peribadatan khusus, tempat pendidikan, tempat perhimpunan dan juga pendakwah-pendakwah profesional. Manakala media cetak ialah buku-buku agama, risalah dan buletin. Berbagai buku, buletin dan risalah telah dikeluarkan oleh JAIP bagi menjelaskan sesuatu isu yang berlaku di Pahang.

Kesimpulannya Jabatan Agama Islam Pahang merupakan institusi yang beperanan besar terhadap dakwah di Pahang. Pelbagai program, aktiviti dan rancangan telah dijalankan oleh JAIP bagi menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat khususnya kepada golongan profesional. Namun begitu sejauhmana rancangan dan keberkesanan aktiviti dakwah yang dijalankan mendapat sambutan dan memberi kesan kepada sasaran adalah bergantung kepada kecekapan dan kreativiti program yang disusun.

Program Dakwah Masjid Negeri Pahang

Institusi masjid merupakan institusi sosial yang paling berpengaruh dalam pembangunan sosial masyarakat Islam dari mula Islam berkembang hingga ke hari ini. Perubahan demi perubahan yang terhasil daripada perkembangan dan kemajuan kehidupan umat Islam menjadikan peranan dan cabaran yang dihadapi oleh institusi masjid semakin hari semakin bertambah. Di Pahang terdapat 570 masjid dan 1320 surau, objektif masjid adalah untuk menjadikan pusat ibadah dengan memberi penerangan, penyebaran serta penghayatan ajaran Islam dan menjalankan aktiviti pengimarahan masjid selaras dengan kehendak enakmen yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam negeri Pahang. (JAIP: 2012)

Metode Dakwah Melalui Aktiviti Masjid

Metode yang digunakan melalui aktiviti yang dirancang sepanjang tahun iaitu Sambutan hari kebesaran Islam seperti Ma'al Hijrah/Awal Muharram, Maulidur Rasul S.A.W. , Isra' dan Mi'raj, Nisfu Syaa'ban, Nuzul Al-Quran. Manakala kuliah harian dan mingguan yang diadakan di masjid seperti kuliah Fiqh, Tafsir dan Hadis, Tasawuf dan Akhlak, Akidah dan Sirah serta pengisian ilmu.

Menurut Imam Besar masjid negeri, program agama yang diadakan di masjid ini, merangkumi kelas agama pada setiap hari dengan pengisian kelas akidah, fiqh, al-Quran, akhlak di samping itu juga program berkala seperti menyambut hari kebesaran Islam dengan diadakan ceramah, forum dan sebagainya dengan menjemput penceramah yang mempunyai tauliah daripada JAIP. Beliau menjelaskan bahawa kelas agama yang diadakan setiap malam di masjid mampu membentuk keperibadian yang mulia kepada pendengarnya. Ini kerana mereka sentiasa diberikan peringatan yang berterusan tentang ajaran Islam.

Kesimpulannya, masjid-masjid utama negeri Pahang telah melaksanakan aktiviti dakwah di Pahang dengan baik. Peranan masjid ini amat besar

kepada masyarakat di setiap daerah bandar kerana peranannya sebagai pusat pendidikan dan pembangunan rohani. Di samping itu juga matlamat mengadakan aktiviti agama iaitu untuk membangunkan masyarakat mengikut acuan Islam yang sebenar.

Abim Cawangan Pahang

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 dan didaftarkan secara rasmi pada tahun 1972. Muktamar ABIM yang pertama telah diadakan pada tahun 1972 di Kuala Lumpur. Pada ketika itu, Sdr. Razali Nawawi telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang pertama bersama-sama sepuluh orang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat. (http://abimpahang.blogspot.com).

Jawatankuasa kerja ABIM Pahang diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh Exco-Exco Kanan yang terdiri daripada Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha, Setiausaha Kewangan, Ketua HELWA, dan Penolong Setiausaha. Semua exco kanan ini dilantik secara syura di Muktamar Belia Islam Pahang yang diadakan setiap tahun.

Bagi melancarkan lagi gerak kerja ABIM Pahang, YDP dengan perbincangan bersama Exco Kanan akan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi mengetuai biro-biro seperti Biro Dakwah dan Tarbiyah, Biro Pendidikan, Biro Penerangan, Biro Perhubungan, dan Biro Tugas-Tugas Khas. Pelantikan ini dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ABIM itu sendiri. Di peringkat daerah pula, jawatankuasa kerja juga dilantik secara syura semasa muktamar dan bertanggungjawab menjalankan gerak kerja ABIM di peringkat daerah masing-masing. Di Pahang ABIM telah menggunakan beberapa metode dakwah yang banyak memberi kesan kepada golongan profesional iaitu:

1. Metode kepada golongan akademik

Metode yang digunakan adalah dengan mengadakan program diskusi, dialog dan wacana ilmu. Program ini lebih kepada perbincangan isu-isu agama. Menurut YDP ABIM Pahang En. Muhammad Hisyamudin bin Baharuddin biasanya program ini diadakan di hotel dan dewan orang ramai bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan. Contoh isu yang biasa dibincangkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam dan kepentingan golongan akademik dalam menjalankan dakwah.

2. Metode kepada Golongan Kaya

Metode yang digunakan adalah dengan mengadakan ceramah dan forum agama yang dianjurkan oleh masjid dan surau berdekatan dengan kediaman golongan kaya sempena dengan sambutan hari kebesaran Islam. Penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada penceramah yang professional seperti Prof Dr. Sidik Baba dan Dato' Dr. Fadillah Kamsah. Hasil dari program yang dijalan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, pendekatan dakwah yang berterusan kepada golongan profesional perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Cara dakwah kepada golongan ini hendaklah dilakukan dengan pendekatan berhikmah yang berlainan dengan apa yang telah dilakukan kepada sasaran yang lain, kerana golongan ini mempunyai kelas dan kelompoknya yang tersendiri. Oleh itu, pendekatan yang terdahulu boleh digunapakai sebagai rujukan selain perlu mencari metodologi-metodologi baru untuk memantapkan metode dakwah masa kini yang lebih dinamik dan pelbagai.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

'Abd. al-Karim Zaydan (Dr), (1999), *Usul al-Da'wah*, Bairut: Mu'assasah al-Risalah.

Ab. Aziz Mohd Zin (Prof. Dr.), (2004), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

A. Hasmy (2001), Acheh Berbesan dengan Pahang: Suatu Perkahwinan Politik untuk Melawan Penjajah Portugis. dalam *Pahang Meniti Zaman.* Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang.

Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (Hamka) (1999), *Tafsir al-Azhar*. cet. 3. jil. 6, Singapura: Pustaka Nasional.

Ahmad Mahmud Abu Zaid (1996), *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*, terj. Usamah Hussein, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Al-Sayuti, Abd al-Rahman Jalaluddin (1993), *Tafsir al-Sayuti, al-Dur Mansur fi al-Tafsir al- Ma'thur*. Beirut : Dar al-Fikr.

Buku Penerangan Dakwah Perdana Darul Makmur (2001), Jabatan Agama

Islam Pahang.

Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, (1999) Pekan.

Hashim Haji Musa (2005), *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia: Manghadapi Globalisasi Barat*, cet. 2., Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

http://abimpahang.blogspot.com

Ibn Sa'ad (1980), *al-Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar Fikr.

Kamus Dewan (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur 2011-2012. Bahagian Pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Kuantan.

Mahayudin Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1994), *Sejarah Islam*. Selangor : Fajar Bakti

Muhammad al-Ghazali (t.t), *Fiqh Sirah: Menghayati Nilai-Nilai Riwayat Hidup Muhammad Rasulullah*. terj. Abu Laila dan Muhamad Tohir, Bandung: al-Ma'rif.

Mohd. Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (Dr), (1980), *Fiqh Sirah*. Libanon: Darul Fikr.

Nor Hayati Sa'at. Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio Budaya, Jurnar Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademika (64) Januari 2004.

Syaid Muhammad Nuh (Dr.), (2000), *Dakwah Fardiyah*: *Pendekatan Personal Dalam Dakwah*. Laweyen Solo: Era Intermedia.

Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al- Qur'an*. terj. Yusoff Zaky Hj.Yacob, jil. 10, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

www.jaip.pahang.gov.my

Yaakob bin Isa (2004), "Kedatangan Islam ke Pahang Mengikut Epigrafi Kampung Permatang Pasir Pekan: Beberapa Persoalan Tentang Tarikhnya". (Kertas Kerja Seminar Sejarah Pahang, DBP).

Zakaria Ahmad (1971), *Sejarah Hamzah Fansury: Ulama Penyair Terbesar*. Sinar Darussalam Zakaria Ahmad (1971), *Sejarah Hamzah Fansury: Ulama Penyair Terbesar*. Sinar Darussalam.

PENDEKATAN DAKWAH MENERUSI NILAI AMANAH DAN AMAL JAMA'I DALAM KEMAHIRAN KEPIMPINAN: MODEL KEMAHIRAN INSANIAH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (2006)

Oleh:
Fakhrul Adabi Abdul Kadir PhD[1]
Ilhamie Bt Abdul Ghani Azmi PhD[2]
Rashidi Bin Abbas[3]

fakhruladabi@um.edu.my
mieazmi@um.edu.my
rashidi@siswa.um.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pendekatan dakwah menerusi nilai amanah dan amal jama'i dalam kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia menerusi model Kementerian Pengajian Tinggi (2006). Sampel kajian seramai 120 orang yang terdiri dari pelajar sarjana muda semester enam Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan prosedur persampelan kelompok. Setelah itu, data kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 19.0 bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai, Kolerasi Pearson dan t-test. Hasil kajian menunjukkan adanya perhubungan yang sederhana kuat, yang signifikan antara nilai amanah dan amal jama'i dengan kemahiran kepimpinan. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar berlainan jantina. Sementara itu, tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar menunjukkan kemahiran kepimpinan berada di tahap tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara akhlak Islam

[1] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan ,Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
[2] Jabatan Syariah dan Pengurusan ,Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
[3] Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.

dengan penguasaan kemahiran kepimpinan yang perlu diberi perhatian sewajarnya untuk meningkatkan prestasi universiti dan potensi pelajar.

Kata kunci: *Amanah,, amal jama'i, kepimpinan.*

PENDAHULUAN

Kepimpinan sangat penting untuk menjayakan sesebuah organisasi atau masyarakat. Pengurus amat diperlukan untuk merancang, mengelola atur, mengarah dan mengawal kerja-kerja perjalanan sesebuah organisasi. Namun begitu, peranan utama pemimpin adalah untuk mempengaruhi golongan bawahan supaya bekerja untuk mencapai objektif organisasi. Seorang pemimpin yang bijak sekalipun tidak akan berjaya sekiranya beliau tidak dapat mempengaruhi orang bawahnya mengikut arahanya dalam menjalankan kerja mereka masing-masing. Dengan kata lain ,pemimpin adalah ketua kepada para pekerjanya.

Kepimpinan merupakan satu syarat dalam kehidupan berkumpulan, di peringkat kumpulan kecil yang terdiri dari dua orang atau kepimpinan di peringkat antarabangsa, ia juga amat diperlukan dalam sesebuah kumpulan atau organisasi supaya pihak yang menyusun dan mengatur segala urusan dapat mencapai tujuan yang tertentu. Dengan adanya seorang pemimpin, setiap keputusan atau tindakan yang diambil oleh kumpulan tersebut dapat dibincangkan secara bersama-sama. Seterusnya dengan kepercayaan yang diberikan kepada pemimpin, sesuatu yang dibuat akan dihormati dan ini menjamin kepentingan semua pihak supaya terpelihara. Persoalan kepimpinan wujud dalam berbagai bentuk dalam masyarakat. Dari perspektif Islam, setiap mukalaf mempunyai tanggungjawab kepada semua ahli sama ada sebagai seorang suami, isteri, pengawai , kerajaan , pengurus, ketua kampung, menteri, pelajar dan sebagainya. Setiap orang yang mukalaf mempunyai tugas memimpin ahli yang di bawah jagaanya untuk mencapai matlamat masing–masing selaras dengan pangkat dan kedudukan mereka. Ini bersesuaian dengan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

> *Maksudnya: Hadis Ibnu Umar r.a diriwayatkan daripada Nabi saw katanya: Baginda telah bersabda: Kamu semua adalah pemimpin dan kamu akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin manusia dan dia akan bertanggungjawab terhadap rayatnya. Seorang*

suami adalah pemimpin bagi ahli keluarganya dan dia akan bertanggungawab terhadap mereka. Manakala seorang isteri adalah pemimpin rumah tangga, suami dan anak-anaknya, dia akan bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang hamba adalah penjaga harta tuannya dan dia juga akan bertanggungjawab terhadap jagaannya. Ingatlah kamu semua adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin."

Hal tersebut juga telah ditegaskan oleh sabda Nabi SAW berkenaan dengan kepentingan kepimpinan yang bermaksud:

"Jika tiga orang dalam perjalanan, maka lantiklah salah seorang dari mereka sebagai pemimpin."

Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud:

"Tidak halal bagi tiga orang yang berada di tanah lapang kecuali mereka mengangkat pemimpin salah seorang dari mereka."

Semua matlamat dan objektif mestilah tunduk kepada perintah Islam, kepimpinan yang dilihat dari perspektif Islam ini tidak lagi bererti dan keupayaan mempengaruhi seseorang untuk membuat sesuatu kerja seperti yang diajar dan ditakrif dalam pengurusan moden (Mohd Affandi, 1987). Malah perlu dilihat dan diberi penekanan di sini bahawa kepimpinan Islam tidak bermaksud untuk menjadi mutlak atau autoriti seperti dalam pengurusan moden (Muhammad Al-Buraey,1992).

Kepimpinan dalam Islam mempunyai satu amanah. Ia merupakan tanggungjawab yang terbit daripada autoriti yang sahih (Azman Che Omar, 2001). Ia mempunyai implikasi yang jauh daripada hanya menunaikan tanggungjawab yang diserahkan. Pengambilan amanah ini bukanlah bertujuan untuk menonjolkan diri, menunjuk-nunjuk kebolehan secara sombong, mencipta atau memperluas pengaruh kuasa yang sedia ada (Ibid,2001) tetapi hanya semata-mata didesak oleh kesedaran bahawa jika ia melepaskan tangan pada waktu tenaganya diperlukan dan dia sememangnya berkemampuan pula dari segi ilmu dan kemahiran, maka ia telah mengkhianati amanah kepemimpinnya (Mohd Affandi,1987). Sebagai contoh, peristiwa yang dialami oleh Nabi Yusuf a.s sewaktu negara Mesir dilanda kemarau, ekonominya kucar kacir dan porak peranda di mana pada masa itu mesir memerukan seorang pentadbir ekonomi yang cekap dan

berwibawa. Nabi Yusof a.s tahu bahawa dia dapat melakukan tugas itu kerana ia mempunyai kebolehan untuk mentadbir ekonomi dalam keadaan krisis dan juga baginda mempunyai kesanggupan untuk mengurus bekalan makanan dan pembahagiannya dengan adil. (Ahmad Atory Hussain,1997)

Dalam pentadbiran Islam seorang pemimpin akan ditanya tentang tanggungjawab kepimpinannya. Hal ini sejajar dengan nasihat Rasulullah SAW yang bermaksud:

> " *Sesungguhnya jawatan itu adalah amanah dan setiap amanah itu akan disoal pada hari kiamat kelak. Ramai orang akan menyesal kerananya, kecuali mereka yang telah menjalankan tugasnya dengan ikhlas dan jujur."* (Muslim)

Bagi pengurus beragama Islam, pemimpin yang wajib kita ikuti ialah Nabi Muhammad SAW. Seorang penulis buku yang bernama Hart, telah mengarang buku yang bertajuk; *The 100: A Ranking of the Most Influential in History* telah menamakan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin yang paling teratas di kalangan manusia yang paling berpengaruh dalam sejarah dunia yang telah berjaya mempengaruhi pengikut baginda dengan bertauhid kepada Allah SWT (Azman Che Omar, 2001). Oleh yang demikian, model utama kepimpinan dalam pengurusan Islam ialah berasaskan ciri-ciri dan sifat sepertimana yang telah di tunjukkan oleh Nabi Muhamad SAW dan ianya dapat dijadikan panduan untuk menjamin supaya kepimpinan yang dilakukana oleh pengurus selaras dengan kehendak Islam.

DEFINISI KEPIMPINAN

Ada terdapat beberapa istilah Arab yang berkaitan dengan kepimpinan seperti *Idarah*, *Qiyadah*, *Siyasah* dan *Tadbir* (Jawahir Tanthowi, 1983). Ada pihak yang mengatakan bahawa fungsi kepimpinan adalah satu perkara tabi'i iaitu semulajadi, yakni pemimpin akan dilantik atau melantik dirinya dalam mana-mana kumpulan yang terdiri dari sekurang–kurangnya dua anggota. Seorang akan menjadi pemimpin manakala seorang lagi menjadi pengikut (Yusof Ismail, 1991). Ibnu Khaldun pula mempunyai pendirian yang berbeza katanya; Institusi *Imamah* adalah wajib menurut ijamak sahabat dan tabi'in, jadi ia bukanlah satu keperluan umat manusia yang hidup bermasyarakat tetapi satu tuntutan syari'at. Iman AI-Syahid Hassan al-Banna, pemimpin pertama Ikhwan al–Muslim, mengatakan soal pemerintahan digolongkan dalam permasalahan akidah dan dasar bukan dalam permasalahan *furu*' (Hassan al-Banna, 1988).

Kepimpinan juga bermaksud apabila seseorang itu mendorong, memujuk dan mempengaruhi orang lain untuk berusaha ke arah pencapaian sesuatu objek tertentu (Jaafar Muhammad, 1993). Kepimpinan juga ditakrifkan sebagai proses arahan dan mempengaruhi aktiviti individu atau ahli kumpulan oleh pengurus ke arah mencapai objektif kerja dalam satu-satu situasi yang tertentu selagi amalan kepimpinannya tidak bertentangan dengan syariat Islam (Azman Che Omar, 2001). James A.F Stoner dan Charkes Wankel mengatakan kepimpinan itu ialah proses mengarah dan mempengaruhi aktiviti-aktiviti para anggota yang bersangkutan dengan tugas (A.F Stoner & Charles Wankel, 1989). Ia juga merupakan pengaruh antara orang perorangan yang dilaksanakan dalam sesuatu keadaan dan diarahkan melalui proses komunikasi ke arah pencapaian matlamat-matlamat khusus (Lokman Abd Rahman,1997).

Menurut pengertian Islam pula ialah sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Imam al-Mawardi di dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniah* bahawa pemimpin itu ialah orang yang menggantikan Nabi Muhammad SAW dalam urusan keduniaan dan keagamaan (Al-Mawardi, 1996). Ibnu Khaldun pula mendefinisikan pemimpin ialah mereka yang mengetuai tugas untuk melaksanakan urusan dunia akhirat (Muhammad Yusuf Musa, 1963).

LATAR BELAKANG MASALAH

Menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin di dalam bukunya Pengurusan di dalam Islam menyatkan terdapat tiga asas utama dalam membantu sesuatu kepimpinan iaitu: (Ahmad Abu Sin, 1997).

i. Kumpulan manusia mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang atau lebih iaitu melibatkan orang lain, iaitu pekerja bawahan atau pengikut. Jika tidak melibatkan orang lain, kualiti kepimpinan seseorang pengurus didapati tidak bermakna sama sekali. (Azman Che Omar, 2001)
ii. Kumpulan yang dibentuk hendaklah mempunyai tujuan dan hasrat yang sama.
iii. Seorang ketua yang dilantik mestilah mendapat sokongan dari semua pihak demi untuk menjayakan tujuan kumpulannya.
iv. Kepimpinan melibatkan pembahagian masa yanag tidak sama antara pemimpin dengan ahli kumpulan. Pemimpin mempunyai autoriti untuk mengarah ahli kumpulan, manakala ahli kumpulan pula tidak bebas untuk mengarahkan pemimpin untuk melakukan sesuatu.
v. Selain mengarah pekerja, pemimpin juga boleh menggunakan pegaruhnya supaya bekerja bawahan mengikut arahannya. Di

samping menerangkan kepada pekerja bawahannya tentang apa yang perlu dilakukan, pemimpin juga boleh mempengarui pekerja bawahan tentang cara bagaimanakah kerja tersebut boleh dilakukan.

vi. Kepimpinan melibatkan gaya pemimpin dan suasana yang diwujudkan oleh kepimpinannya. Pengurus akan menggunakan gaya yang sama ataupun berbeza dalam memimpin para pekerja bawahannya.

vii. Arah tuju kepimpinan dalam Islam mestilah tidak menyeleweng daripada syariat Islam. Pengurus Islam tidak boleh sesuka hati menggunakan kuasanya bagi kepentingan perbadi.

Pemimpin dalam Islam bukanlah suatu keistimewaan, tetapi ia adalah tanggungjawab. Dengan menjadi pemimpin maka akan bertambahlah tanggungjawabnya. Lebih tinggi bidang kepimpinannya lebih besar pula tanggungjawabnya. Pada mulanya seorang menjadi pemimpin kepada dirinya seterusnya kepada keluarga, masyarakat dan negara. Seorang ketua negara bukan sahaja akan ditanya mengenai dirinya dan keluarganya sahaja tetapi akan ditanya pula mengenai rakyatnya. (Dr Haron Din, 2001)

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Modul KPT, 2006) telah mengambil langkah ke hadapan untuk menerapkan nilai etika, moral, kepimpinan dan kerjasama di kalangan mahasiswa pengajian tinggi melalui modul Kemahiran Insaniah. Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi menggubal dan melaksanakan modul kemahiran insaniah memang kena dan tepat pada masanya. Persoalan yang timbul ialah sejauh mana komponen kemahiran insaniah menepati nilai-nilai Islam dalam membangun peribadi pelajar? Dalam situasi aspek bukan akademik tidak begitu diberi tumpuan, maka modul tersebut dijangka akan memberi dimensi baru yang menyegarkan lagi budaya ilmu dan proses pembelajaran IPT. Dari segi pelaksanaan, modul tersebut akan diterapkan dalam proses pembelajaran formal dan tidak formal. Namun demikian, keberkesanan inisiatif tersebut banyak bergantung kepada budaya dan persekitaran kampus. Jika latar belakangnya dinamik, proaktif dan didukung ahli akademik yang mempunyai idealisme ilmu yang mantap, maka modul tersebut mampu melahirkan graduan IPT yang berbudaya ilmu dan berminda kelas pertama. Jika tidak, akan berlaku sebaliknya, maka kita akan menghadapi situasi bercambahnya " penyakit ijazah" (diploma disease) dalam kalangan graduan yang hanya mementingkan kelayakan kertas dan bukannya hakiki dari segi keinsanan (Zaini Ujang, 2009). Justeru itu, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos

2006 oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Pendekatan pengajian tinggi bertunjangkan modal

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebenarnya, konsep "bersih, cekap dan amanah" telah dibayangi pada ketika ini satu suasana yang tidak baik seperti politik wang, rasuah, skandal kewangan yang melibatkan projek gergasi atau mega yang membawa kepada kemerosotan ekonomi negara. Begitu juga dengan konsep kepimpinan melalui teladan, merupakan satu slogan untuk menggilap moral dan sikap pegawai-pegawai kerajaan. Ia telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Mac 1983(Zaini Ujang, 2009). Kerajaan telah menganjurkan kempen budi bahasa dan nilai murni dengan harapan kita dapat menunjukkan kelakuan yang mulia tanpa mengira kaum, bangsa atau agama. Individu yang tinggi dalam nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan akan mencapai kecemerlangan dalam hidup (Maznah Awang, 2007). Pegawai kerajaan atau pemimpin masyarakat dimestikan untuk memberi contoh yang baik kepada pegawai bawahannya, baik perkataan, perbuatan atau tingkah laku. Manusia hidup bermasyarakat dan masyarakat itu dipimpin oleh seorang pemimpin atau sekumpulan pemimpin, maka segala gerak laku pemimpin menjadi ikutan masyarakat itu. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak tamadun yang membangun disebabkan pemimpin-pemimpin yang kuat, berani dan bijaksana. Sebaliknya keruntuhan tamadun disebabkan kelemahan, kebodohan dan kelalaian pemimpin-pemimpin. Pengaruh teladan yang positif boleh mendatangkan hasil dan keuntungan yang baik dan banyak, begitu juga yang negatif boleh membawa padah yang buruk. (Tonggak Dua Belas Penerapan Nilai, Norma dan Etika Perkhidmatan, 1992). Rakyat sentiasa melihat pemimpin politik yang mewakili mereka sebagai *role model* (Loganathan Veerasamy, 2006) kerana ini akan menimbulkan suasana keseronokan bekerja di kalangan staf bawahannya (Zainal Abidin Arshad, 2009).

DATA RESPONDEN (N=120)

Kategori		Kekerapan
Jantina	Lelaki	51
	Perempuan	69

Bangsa	Melayu	72
	Cina	26
	India	16
	Lain-lain	4
Agama	Islām	72
	Buddha	26
	Hindu	16
	Lain-lain	4
Universiti	UMP	120

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN ALPHA

Jadual 4.1. Ujian kebolehpercayaan alpha

Item	**Kebolehpercayaan Alpha**
Kemahiran Kepimpinan	0.754
Amanah	0.906
Amal Jama'i	0.900

Berdasarkan jadual 4.1 di atas menunjukkan hasil kebolehpercayaan alpha kepada tiga item iaitu kemahiran kepimpinan telah mencapai kebolehpercayaan alpha 0.754, sementara amanah 0.906 dan seterusnya, amal jama'i 0.900.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 5:1: Analisis Deskriptif Kemahiran Kepimpinan

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
B1	Menggalakkan hubungan baik dengan pelbagai etnik dalam mencapai objektif kumpulan.	4.24	.696	Tinggi
B2	Mampu membina hubungan baik dengan pelbagai etnik	4.24	.657	Tinggi
B3	Memilih untuk berkomunikasi dengan etnik tertentu sahaja	2.79	1.442	Sederhana
B4	Mampu bekerja secara efektif sekiranya bekerja dalam kumpulan	4.19	.646	Tinggi
B5	Mengurangkan rasa tidak selesa bekerja dengan orang lain	3.96	.778	Tinggi
B6	Mengurangkan usaha membuat keputusan sendiri berbanding keputusan kolektif	3.97	.886	Tinggi
B7	Menggalakkan komunikasi dengan semua ahli kumpulan	4.25	.663	Tinggi
B8	Membantu menyelesaikan konflik di antara ahli kumpulan	4.25	.663	Tinggi
B9	Mendorong ahli kumpulan bekerja bersama-sama	4.25	.645	Tinggi
B10	Mengingatkan ahli kumpulan tentang objektif kumpulan yang perlu dicapai	4.27	.673	Tinggi
	Keseluruhan	**4.04**		**Tinggi**

Berdasarkan kepada jadual 5.1, analisis data penguasaan kemahiran kerja berpasukan pelajar-pelajar menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap

yang tinggi iaitu (M=4.04). Jadual juga menunjukkan bahawa item B10: ‘ Mengingatkan ahli kumpulan tentang objektif kumpulan yang perlu dicapai” mendapat skor min yang paling tinggi (M=4.27, SP=.673). Diikuti dengan item B07: “ Menggalakkan komunikasi dengan semua ahli kumpulan”, B08: “ Membantu menyelesaikan konflik di antara ahli kumpulan” dan B09: “ Mendorong ahli kumpulan kerja bersama-sama” mendapat skor min yang sama iaitu (M=4.25, SP=.663, SP=.663, SP=.645). Namun demikian, item B03: “ Memilih untuk berkomunikasi dengan etnik tertentu sahaja” mendapat skor min yang paling rendah (M=2.79, SP1.442) berada pada tahap sederhana. Keseluruhannya, min kemahiran kerja berpasukan pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 5.2. Perhubungan antara amanah dan kemahiran kepimpinan.

		kepimpinan	Amanah
Kepimpinan	Pearson Correlation	1	.396**
	Sig. (2-tailed)		.002
	N	120	120
Amanah	Pearson Correlation	.396**	1
	Sig. (2-tailed)	.002	
	N	120	120

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Jadual 5.2 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi kolerasi Pearson yang mengukur hubungan di antara kemahiran kepimpinan dengan nilai amanah. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ($r = .399$, $p < .05$) jelas menunjukkan perhubungan yang sederhana kuat yang signifikan antara penguasaan kemahiran kepimpinan dengan nilai amanah. Oleh yang demikian, hipotesis null (H0) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara penguasaan kepimpinan dengan nilai amanah ditolak.

Jadual 5.3. Hubungan antara amal jama'i dan kemahiran kepimpinan

		Kepimpinan	Amal jama'i
Kepimpinan	Pearson Correlation	1	.262*
	Sig. (2-tailed)		.041
	N	120	120
Amal jama'i	Pearson Correlation	.262*	1
	Sig. (2-tailed)	.041	
	N	120	120

** Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

Jadual 5.3 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi kolerasi Pearson yang mengukur hubungan di antara kemahiran kepimpinan dengan nilai amal jama'i. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ($r = .399$, $p < .05$) jelas menunjukkan perhubungan yang sederhana kuat yang signifikan antara penguasaan kemahiran kepimpinan dengan nilai amal jama'i. Oleh yang demikian, hipotesis null (H0) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara penguasaan kepimpinan dengan nilai amal jama'i ditolak.

Jadual 5.4 Perbezaan kemahiran kepimpinan dengan jantina

Independent Samples Test

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
									95% Confidence Interval of the Difference	
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper
kepimpinan	Equal variances assumed	.294	.590	-4.312	59	.000	-.44130	.10235	-.64611	-.23650
	Equal variances not assumed			-3.826	20.044	.001	-.44130	.11534	-.68188	-.20073

Jadual 5.4 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi ujian t-test yang mengukur perbezaan di antara kemahiran kepimpinan dengan jantina. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ($df=59$, $p < .05$) jelas menunjukkan adanya perbezaan kemahiran kepimpinan antara pelajar lelaki dan perempuan.

KESIMPULAN

Untuk membangunkan masyarakat yang unggul kita mesti bermula dengan kesungguhan dan kekuatan dengan penuh disiplin untuk mengubah diri kita daripada kurang maju kepada yang lebih maju, daripada kurang pandai kepada yang lebih pandai. Dalam konteks sekarang pembinaan sahsiah yang unggul sebenarnya tidak hanya terletak kepada pemimpin sahaja tetapi semua pihak perlu memainkan peranannya masing-masing. Pelajar, pensyarah, guru, pentadbir perlu memahami tugas dan peranan masing-masing dan seterusnya berusaha dengan gigih, bersungguh-sungguh dan rajin untuk mencapai tahap yang dikehendaki.

Formula ke arah menjana peribadi unggul ialah dengan model kepimpinan Islam dan kesempurnaan IQ, EQ dan SQ. Peribadi yang unggul mempunyai cita-cita, semangat dan wawasan yang jelas serta sentiasa berusaha ke arah mencapai kejayaan cemerlang, demi keagungan bangsa agama dan negara. Begitu juga dengan aspek kepimpinan yang mempunyai kualiti kepmpinan yang tinggi, mampu mengarah dan mengubah keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik.

RUJUKAN

Abu Sin, Ahmad Ibrahim (1997), *Pengurusan Dalam Islam*, Abdul Rashid Ngah dan Jusoh Kadir (terj.), Kuala Lumpur: DBP.

Ahmad Atory Hussain (1997), *Pentadbiran Awam Asas Pemikiran dan Falsafah*, Kuala Lumpur: DBP.

Al-Banna, Hassan (1998), *Risalah Muktamar Kelima Ikhwan Muslimin*, Kuala Lumpur:DBP.

Al-Buraey, Muhammad (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Abdullah Md Noor, Norlida Abdul Halim dan Noorlela Hassan (terj.), Kuala Lumpur: DBP.

Al-Mawardi (1996), *Al-Ahkam al-Sultaniah Wa al-Wilayat al-Diniah*, Beirut: Al-Maktabu al-Islami.

Azman Che Omar (2001), *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP.

Mohd Affandi Hassan (1992) *The Tawhidic Approach In Management and Public Administration*: Concept, Principles and an alternative Model, INTAN.

PENDEKATAN DAKWAH PROFESIONAL USTAZ: SATU ANALISIS

Oleh:
Safinah Ismail[1]
Profesor Dr Badlihisham Mohd Nasir[2]

ABSTRAK

Kebangkitan profesional ustaz (protaz) di Malaysia suatu fenomena baru, menarik, dinamik dan diwarnai dengan kontroversi. Kertas kerja ini membincangkan tentang istilah profesional ustaz dan metode yang digunakan oleh mereka dalam dakwah. Bagi mencapai objektif ini kajian kepustakaan dan lapangan telah dilakukan. Data-data kajian kepustakaan diperolehi melalui buku, tesis, disertasi, majalah, laman web, blog dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Manakala kajian lapangan digunakan bagi mengukuhkan kajian ini iaitu kaedah temubual dan observasi. Hasil kajian yang diperolehi ialah istilah protaz masih tidak begitu diterima oleh masyarakat Islam kerana ia seolah-olah menyokong dualisme. Namun begitu, pendekatan dakwah golongan protaz menarik dan relevan dengan realiti semasa. Mereka berjaya membawa masyarakat melalui islamisasi wilayah professional, penemuan sains moden, pembentangan kertas kerja, kerja sukarela, perbandingan agama, penulisan dalam majalah, akhbar, laman-laman web dan sebagainya.Kesimpulannya, perjuangan dakwah golongan protaz mempunyai signifikan dalam masyarakat tetapi perlu dipantau agar tidak mencetuskan kontroversi dan polemik yang berpanjangan dalam masyarakat.

PENGENALAN

Kehadiran protaz dianggap sebagai 'tsunami baru', 'perosak umat akhir zaman' . Mereka dikatakan mengganggu gugat peranan ulama dan dipertikaikan kemampuan mereka dalam penguasaan ilmu, Bahasa Arab, penyampaian berkaitan Islam banyak menimbulkan isu-isu kontroversi. Namun pemikiran dan penampilan mereka diterima oleh sesetengah pihak terutamanya golongan terpelajar. Ledakan maklumat kini memberi sentuhan semangat kepada protaz untuk bangun bersama menyebarkan

[1] Kolej Universiti Islam Selangor

[2] Universiti Kebangsaan Malaysia

dakwah dalam melaksanakan pentaklifan Allah SWT secara profesional.

Takrif Profesional Ustaz (protaz)

Perkataan yang canggih ini adalah kombinasi daripada kedua-dua perkataan di atas, perkataan awalnya berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris (*professional*) dan perkataan ustaz pula diambil daripada Bahasa Arab kemudian diringkaskan menjadi protaz. Seseorang dikatakan protaz apabila menjawat suatu jawatan profesional terlebih dahulu seperti doktor, jurutera, peguam, juruterbang kemudian menceburi pula bidang hal-ehwal agama Islam. Mereka juga boleh mendalami ilmu Islam dan profesional serentak, tetapi keutamaan diberikan kepada bidang profesional.[3]

Menurut Dr. Danial Zainal Abidin di dalam *Majalah I*, golongan profesional ustaz atau ustazah adalah pada asalnya adalah mereka yang mengambil bidang bukan agama sebagai jurusan utama tetapi akhirnya mendalami agama dan menguasai kedua-dua bidang tersebut iaitu agama dan profesional.[4] Mereka adalah satu bentuk insan yang terhasil dari sistem pendidikan tidak rasmi seperti mempelajari agama di rumah, surau, masjid dan pendidikan rasmi seperti di sekolah atau madrasah. Golongan ini berkemahiran dalam pelbagai bidang seperti saintis, akauntan, pakar seni, pakar sastera yang berpegang teguh dengan agama dari sudut keilmuan seperti ustaz.[5]

Pada pandangan Khairol Amin Mohd Salleh pula[6] profesional ustaz adalah seseorang yang mempunyai kelayakan bukan di dalam bidang agama, bekerja di dalam bidang yang bukan agama di samping itu terlibat di dalam kerja-kerja agama seperti menulis buku, artikel dan sebagainya. Biasanya profesional ustaz (protaz) mendalami agama setelah umur mereka meningkat dewasa. Dikategorikan kepada dua penafsiran iaitu:

i. Sesiapa sahaja yang mempunyai kerjaya, boleh digelar profesional. Di dalam konteks protaz, dikatakan bahawa mereka yang mempunyai kerja dan kelayakan bukan agama, tetapi menyumbangkan tenaga di dalam bidang agama.

ii. Golongan profesional yang kedua pula adalah mereka yang mempunyai kerjaya yang mempunyai badan-badan tertentu seperti

---

[3] Anon, Apa itu protaz dan uspro ? *http://www.pkblogs.com/hembusan/2006/ -si-protaz-uspro-1. html* [29 februari 2008].

[4] Ahmad Yani Abd Manaf, 2006, hlm. 26.

[5] Danial Zainal Abidin, 2008, Islam moden, melahirkan protaz di akhir zaman, *http:// www. youtube.com/watch?v=qCDinARTc14&eurl=http://www.danialzainalabidin.com*. [17 Jun 2008]

[6] Khairol Amin Mohd Salleh, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual. 28 Februari 2008.

peguam, doktor, arkitek dan sebagainya, tetapi menyumbangkan tenaga di dalam bidang agama.

Manakala Mohd Yaakub Mohd Yunus[7] mentakrifkan protaz adalah mereka yang mampu menguasai ilmu-ilmu agama sedangkan mereka bukanlah terdiri daripada golongan yang memiliki pendidikan formal dalam bidang tersebut. Mereka ini terdiri daripada golongan awam yang memiliki profesion masing-masing di luar bidang agama. Dengan ertikata lain, mereka tidak memiliki pengajian formal dalam bidang agama dan bekerja dalam sektor yang tidak berkaitan agama seperti perubatan, kejuruteraan, perbankan dan lain-lain, tetapi mempunyai ilmu yang tinggi dalam hal-hal keagamaan sehingga mampu menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi, menyampaikan ceramah-ceramah, membentang kertas kerja malah berkemampuan untuk merungkai permasalahan-permasalahan berkaitan dengan hukum-hukum Islam. Kebiasaannya golongan protaz ini juga cemerlang dalam bidang akademik dan kerjaya mereka[8] seterusnya bertanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi, ia adalah suatu misi yang besar untuk merealisasikan keunggulan Islam secara holistik yang merangkumi bidang kerohanian dan material bertunjangkan akidah, syariah dan akhlak.[9]

Kesimpulan takrif ini protaz adalah seseorang yang berkemahiran dan kepakaran dalam sesuatu bidang keduniaan kemudian berminat dengan ilmu Islam sama ada mempelajari Islam secara *formal*[10] atau *informal*[11]. Ketrampilan mereka boleh dipanggil profesional ustaz apabila memiliki kerjaya bukan berkaitan hal-ehwal agama tetapi mempunyai fikrah Islam

---

[7] Kuliyyah Sains Kemanusiaan dan Ilmu Wahyu & Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pengkhususan *Organizational Communication*. Beliau pernah menjawat sebagai Presiden bagi forum pelajar-pelajar komunikasi UIAM. Dikurniakan pelajar terbaik keseluruhan bagi Jabatan Komunikasi UIAM pada tahun 1997. Bertugas di Bahagian Perbankan Perusahaan, Affin Bank Berhad. Di antara buku-buku beliau yang telah diterbitkan adalah *Kaedah memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah, Sembahyang jamak dan qasar adalah sedekah Allah,* Perniagaan Jahabersa, 2005, *Beberapa persoalan lazim tentang solat, fahaman wahabi menular: satu analisis terhadap dakwaan yang ditimbulkan oleh Akhbar Utusan Malaysia, Beberapa persoalan lazim tentang thahārah* dan lain-lain.

[8] Mohd Yaakub Mohd Yunus, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual, 23 Mac 2008.

[9] Pahrol Juoi, Mukmin profesional: re-engenering dalam pembangunan modal insan, *Majalah I* Disember 2006, hlm 20.

[10] Mendapat sijil atau diploma, sarjana muda, sarjana, Ph.D dalam pengajian Islam.

[11] Seperti belajar di pondok, ber*talaqqī* dengan mana-mana shaykh, tok guru, ustaz dan sebagainya.

dan berusaha membawa masyarakat untuk memahami agama sama ada melalui tulisan dengan menghasilkan artikel, karya berkaitan agama atau melalui lisan seperti mengadakan ceramah, forum, pembentangan kertas kerja, seminar dan sebagainya.

PENDEKATAN DAKWAH PROTAZ

Pelaksanaan dakwah memerlukan strategi tersusun, sistematik, teratur dan kaedah penyampaian yang kreatif dan inovatif, sesuai dengan peredaran zaman arus perdana.[12] Suatu anjakan paradigma dalam usaha menyampaikan Islam untuk mencapai kejayaan dakwah. Pengaplikasian tersebut amat penting dengan adanya pendekatan yang sesuai dan bersistematik sesuatu urusan mampu menghasilkan impak yang berkualiti. Saydīna ᶜAlī r.a pernah berkata: Yang hak (benar) tanpa penyusunan akan dikalahkan oleh kebatilan yang tersusun. [13]

Justeru, para protaz menggunakan pelbagai pendekatan dalam melebarkan dakwah. Program-program yang dilakukan oleh golongan ini tidak jauh berbeza dengan apa yang dilakukan oleh ustaz. Namun, dengan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki, mereka dapat mengaplikasikannya dan memberi impak yang mendalam dalam jiwa umat. Dakwah mereka bukan sekadar tertumpu kepada surau atau masjid tetapi menggarapkan segala ruang lingkup dalam menyampaikan dakwah[14] antaranya dakwah *bi al-lisān* seperti berceramah dalam majlis-majlis ilmu, membentang kertas kerja, *bi al-kitāb* dengan menulis buku-buku serta artikel dalam majalah, akhbar dan laman-laman web, dakwah *bi al-māl*, *bi al-hāl*, *bi al-hikmah* dengan kerja sukarelawan, membuat perbandingan agama, penemuan sains moden[15] dan sebagainya.

Mengislamisasi Wilayah Profesional

Golongan profesional mempunyai tanggungjawab terhadap profesion mereka, namun tidak ketinggalan dalam membantu meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat. Pengislamisasian ini adalah tanggungjawab utama kepada seluruh warga profesional bagi memastikan

---

[12] Haji Ahmad Tajuddin Abdul Hamid, Metodologi dakwah alaf baru, *Jurnal Dakwah*, jil.1, bil. 1, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 92.

[13] Pahrol Juoi, Mukmin profesional: re-engenering dalam pembangunan modal insan, *Majalah I* Disember 2006, hlm 20.

[14] *Ibid.*

[15] Ceramah yang disampaikan oleh Shah Kirit yang bertajuk *Kewajipan berdakwah* di IIS pada 19 April 2008.

seluruh institusi yang mereka berkhidmat berpaksikan sistem Islam. Oleh yang demikian, mereka dapat membuat satu revolusi Islamik dalam bidang yang diceburi. Penjelasan yang diberikan mudah dilakukan kerana sebahagian mereka terlibat dan berkhidmat kepada orang ramai.[16]
Mereka dapat menyerapkan ajaran Islam dalam setiap wilayah profesional[17] sebagai contoh seorang peguam boleh melakukan perubahan sosial melalui peruntukan undang-undang yang berlandaskan Islam, seorang jurutera dapat melindungi keselamatan dan kebajikan orang awam, akauntan dapat memberi keterangan tentang kes penipuan, rasuah.[18] Seseorang yang pakar dalam IT dengan pengkhususan animasi boleh mencipta animasi berkaitan Islam dan dapat menarik minat kanak-kanak dengan pentarbiahan Islam yang kreatif dan efektif pada jiwa mereka.

Golongan protaz juga boleh memainkan peranan sebagai penasihat[19] dalam perancangan dasar demi kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat berlandaskan Islam. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini mereka patut mengenepikan faktor politik dan kepentingan diri. Jika menjadi seorang pengurus mereka bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan persekitaran Islamik yang kondusif dan berusaha ke arah menyelesaikan pelbagai konflik. Setiap mereka yang profesional dalam bidang masing-masing dapat menjalankan penyelidikan dan reformasi kerana mereka mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut yang dapat dimanfaat untuk kemaslahatan dan kecemerlangan Islam.[20]

Penemuan Sains Moden

Mesej yang dibawa oleh protaz dapat mengadunkan antara ilmu teras Islam dengan ilmu hasil kajian saintifik yang terkini.[21] Setelah penemuan – penemuan sains yang benar dapat dikaitkan dengan al-Qur'an ia dapat menjadi modal dakwah yang menarik.[22] Ini dapat dibuktikan bahawa al-Qur'an membongkar penemuan – penemuan semasa dan mampu menguatkan iman seseorang. Oleh yang demikian, mereka dapat menjadikan penemuan sains

---

[16] Anon, Mohd Yaakub Mohd Yunus pengurus bank yang berdakwah melalui mata pena, *Majalah I* Mei 2006, hlm. 19.

[17] Anon, Dakwah si protaz & uspro 3, *http://www.pkblogs.com/hembusan/2006/06/dakwah-si-protaz-uspro-1.html* [29 **Febuari 2008]**

[18] Mohd Janib Johari, *Etika profesional*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001, hlm. 101.

[19] Mohd Nur Manutty, Pandangan terhadap protaz, temubual. 4 april 2008.

[20] Mohd Janib Johari, 2001, hlm. 125.

[21] Pahrol Juoi, 2006, hlm 20.

[22] Danial Zainal Abidin, 2004, hlm. 6-7.

moden ini sebagai medium dakwah yang berkesan contohnya Dr. Danial,[23] beliau dapat menguasai ilmu sains dan melihat al-Qur'an dalam wajah yang baru.[24] Kemudian berusaha untuk berkongsi pengalamannya dalam bidang sains tersebut kepada masyarakat maka terhasillah bukunya yang berjudul *Quran saintifik: meneroka kecemerlangan quran daripada teropong sains.*[25] Beliau dapat memperlihatkan Islam yang saintifik, komprehensif, mudah, boleh menyelesaikan masalah. Dengan ilmu yang berkembang itu, beliau dapat meyakinkan orang ramai bahawa Islam adalah agama yang paling maju.[26] Sementara itu YB Dr. Rosli Che Mat juga seorang sainstis yang Islamik. Mereka yang pakar sains ini dapat mencari contoh dari sudut sains. Mereka banyak mengaitkan Islam dengan realiti kehidupan di luar teks keagamaan[27].

Integrasi Islam dan Ilmu Semasa

Pendekatan yang disampaikan bersepadu antara fardu ain dan fardu kifayah, integriti dan kompetensi, duniawi dan ukhrawi, idealistik dan realistik yang bersinergi[28]. Mereka dapat memperkembangkan ilmu-ilmu semasa, ilmu-ilmu sains, teknologi dan juga buku-buku karangan orang barat yang bermanfaat dengan idea yang telah ditetapkan oleh Islam. Mereka dapat mengkombinasikan ilmu kitab dengan ilmu semasa[29]. Contohnya Prof. Dr.

---

[23] Pengarah Urusan Danial Zainal Consultancy Malaysia Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Pengurus dan Pengamal Perubatan di Klinik Syifa Glugor Pulau Pinang. Beliau sering dipanggil menjayakan program di Penang. FM (sejak 10 tahun yang lalu) dan Perlis. FM (Mula Mac 2006). Sehingga ke hari ini beliau sudah menulis dan menerbitkan sebanyak 10 buah buku. Beliau adalah kolumnis tetap ruangan Islam & Sains *Majalah-I* terbitan Kumpulan Karangkraf dan kolumnis jemputan ruangan Jendela Hikmat Berita Harian. Beliau dilantik sebagai Penasihat Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa. Dr. Danial memperoleh ijazah M.B.Ch.B. tahun 1981 di Universiti Iskandariah bidang perubatan moden. Beliau mendalami agama dengan beberapa orang ulama di Mesir.

[24] Misalnya surah al-Hajj dan al-Mūkminūn berkaitan kejadian manusia, beliau menemui perkataan *'nutfah' 'mudghah'* dan *'ᶜalaqah'* itu adalah sebahagian daripada ilmu 'embriologi' yang beliau pelajari ketika berada di universiti. Ini menunjukkan keagungan al-Qur'an tidak dapat dicipta oleh manusia. Justeru, perkara tersebut dapat meyakinkannya dan menguatkan iman.

[25] Ahmad Yani Abd Manaf, Kumpulan protaz perlu diramaikan lagi, *Majalah I* Mei 2006, hlm. 27.

[26] Danial Zainal Abidin, 2003, Rangsang Minda DD pada 22 Mei 2003 hari Khamis di Radio Malaysia Pulau Pinang. http://hidayahnet.tripod.com/archives/DD/RM2003.html [29 Februari 2008]

[27] Siddiq Fadzil, 2008, Biodata dan pandangan tentang protaz, temubual. 26 Mac.

[28] Pahrol Juoi, 2006, hlm 20.

[29] Danial Zainal Abidin, 2003, Rangsang minda DD pada 10 April 2003 di RMPP dari Kerteh Terengganu pada jam 7.30 pagi. http://hidayahnet.tripod.com/archives//DD/RM2003.html. [29 Februari 2008]

Mohd. Yusof Haji Othman[30] mempunyai kepakaran dalam sistem suria terma dan fotovoltan ini amat memberi penekanan kepada sains Islam. Kini merangkap Pengarah Institut Islam Hadhari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang cuba merealisasikan Islam Hadhari yang telah dicanang oleh kerajaan Malaysia dan selalu mendapat jemputan megadakan ceramah antaranya membincangkan berkaitan *Memahami keajaiban al-Quran.*[31] Begitu juga sahabat perjuangannya iaitu Prof. Dr. Khalijah Mohd Salleh[32] seorang tokoh pendidikan sains dan ahli fizik, beliau telah memberi syarahan umum ke 8 Fakulti Sains dan Teknologi yang bertajuk *Paradigma ketauhidan: integrasi agama dan sains.* [33]

Dakwah Digital

Dengan perkembangan ICT, mereka menggunakan kaedah yang inovatif dan kreatif ini untuk jaringan dakwah.[34] Protaz mempunyai kekuatan dalam

[30] Profesor dalam bidang fizik di Fakulti Sains dan Teknologi (FST). Beliau juga merupakan Ketua Editor kepada Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, beliau adalah Editor Bersekutu bagi *International Journal of Renewable Energy* dan *Scientific Journal International*. Prof. Dr. Mohd. Yusof juga merupakan penilai akademik (wasit) kepada rencana untuk *University of Sharjah's Journal of Pure & Applied Sciences* di samping beberapa jurnal tempatan dan buku ilmiah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain menguasai bidang sains , beliu juga bertugas di Institut Islam Hadhari, Prof. Dr. Mohd. Yusof juga adalah Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) semenjak tahun 2005 di samping menjadi Ketua Editor untuk *Journal HADHARI*. Beliau banyak terlibat dalam Program Islam Hadhari dan Program Integriti Negara melalui Institut Integriti Malaysia yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia. Beliau juga sering diminta untuk memberikan pandangannya dalam program televisyen dan akhbar tempatan. Lihat *http://www.ukm.my/ukmportal/News/berita_yusof.html* [15 Februari 2008]

[31] Laupa Junus, Umat silam penyumbang tamadun ilmu, *Estidotmy* Disember, hlm 16; *http://www.ukm.my/ukmportal/News/berita_yusof.html* [15 Februari 2008]

[32] Mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains UM, Sarjana Fizik dari Universiti of Kent, Ph.D di Universiti of California.

[33] Bicaranya berkaitan bidangnya iaitu pendidikan dan pembudayaan fizik, kepentingan teknologi dalam masyarakat. Beliau diundang dalam pelbagai persidangan oleh pelbagai pihak bagi membicarakan persoalan pembudayaan sains dan teknologi, pembinaan jati diri, keagamaan, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Sumbangan kepakarannya diperingkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai Setiausaha Eksekutif Asian Physics Education Network (ASPEN), Ahli Lembaga Amanah Yayasan Dakwah Malaysia YADIM, ahli pakar sejarah dan falsafah sains Dewan Bahasa dan Pustaka, Felo Institut Islam Hadhari UKM, beliau membina jaringan bersama dengan University Sophia, University Waseda, University Tokyo dan Universiti Kyoto mengenai perpektif Islam, sains dan ketamadunan. Anon, Biodata Prof. Dr Khalijah Mohd Salleh. Dlm Buku Syarahan Umum ke 8 Fakulti Sains dan Teknologi yang bertajuk Paradigma Ketauhidan: Integrasi Agama dan Sains, Dewan Anuwar Mahmud FST, UKM: 4 Julai 2008 .

[34] Pahrol Juoi, 2006, hlm 20.

menyampaikan ilmu kerana terdedah dengan ledakan maklumat internet. Dengan kemunculan teknologi internet, mereka mampu menyumbang secara maya tanpa diketahui identiti mereka. Internet juga telah membolosi sempadan negara. *Coverage* sumbangan protaz menjadi lebih meluas yang melangkaui sempadan geografi. [35] Pada masa kini, kebanyakan protaz bergiat cergas melalui forum dalam laman web di al-ahkam. net,[36] al-firdaus, *bicaramuslim.com*. Mereka mengaplikasi dakwah melalui *mailing list* seperti alfikrah (yahoo), *islah.net*, juga dikembangkan melalui blog[37] contohnya *kaminms.blogspot.com*,[38] *http://akob73.blogspot.com* dan lain-lain. Saluran ini lebih mendedahkan golongan profesional dalam menyampaikan ilmu[39] kepada masyarakat. Ia menjadi wadah kepada pengunjungnya bagi mempelajari dan memahami Islam secara tidak langsung walau di mana sahaja mereka berada tanpa sebarang sempadan. Dengan menggunakan konsep digital ini, ia lebih bersifat interaktif dan lebih menarik. Segala maklumat dapat disampaikan dengan mudah, cepat dan efektif.[40] Dalam waktu yang singkat, ia dapat dikunjungi jutaan pengunjung dan amat berkesan era globalisasi kini.

Salah seorang yang terlibat aktif dalam al-ahkam.net adalah Khairol Amin Mohd Salleh.[41] Beliau sebagai 'pustakawan rujukan' telah menggunakan kaedah penulisan dengan menyandarkan hadis yang sahih memetik artikel dari sumber asli yang ditulis oleh ulama muktabar tanpa mengubahsuai dan juga mengambil dari sumber yang moden. Beliau juga banyak menterjemah berita – berita dari akhbar Arab seperti al-Jazeera.net dan Islamonline.net ke bahasa Melayu.[42] Protaz ini dapat mengaplikasikan kemudahan teknologi era

---

[35] Khairol Amin Mohd Salleh, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual. 28 Februari 2008.

[36] Yang dipelopori oleh protaz ini menjawab dan membahaskan berkaitan fiqh.

[37] Mereka dikenali sebagai *blogger.*

[38] Khairol Amin Mohd Salleh, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual. 5 April 2008.

[39] Zulzila Dzulkefli, Tuan Hasan Tuan Lah ustaz cyber pengasas web al-ahkam, *Majalah I* Mei 2006, hlm. 17.

[40] Zalmimazura Zahari, Muslimconsumer.org pintu gerbang pengguna Islam*, Majalah I* Mei 2008, hlm. 22.

[41] Mendapat Diploma Sains Komputer Universiti Newcastle Upon Tyne, United Kingdom, Ketua Penyelidikan & Pembangunan, Hei Tech Padu Berhad. Salah seorang moderator laman web dan aktif dalam gerakan agama.

[42] Antara laman web yang menjadi rujukan protaz adalah laman yang di bawah pengendalian ulama yang hebat seperti Dr. Yūsuf al-Qarādawī iaitu qaradawi.net, Islamweb oleh Dr. ᶜAbduLlah Faqih, Shaykh Sālih al-Munajjad dalam webnya Islam-qadi, laman web al-azhar, ibn baaz*, islamonline.net*. fatāwā-islāmīyah, ibn ᶜuthaymīn, *islamweb.net*, al-būtī,

globalisasi untuk kemaslahatan umat sejagat. Dengan kemudahan tersebut, mereka dapat membincangkan sesuatu isu dan disalurkan melalui dakwah digital dan mudah dicapai oleh masyarakat kini. Begitu juga dengan protaz lain yang aktif di laman web antaranya Tuan Hasan Tuan Lah, Kapten Hafiz Firdaus, Mohd Yaakub Mohd Yunus dan lain-lain.

Berdakwah dalam Jamaah

Golongan protaz bertanggungjawab dalam memperkasakan gerakan Islam. Melalui jamaah, mereka dapat bergerak dan menyumbangkan idea, tenaga, harta dalam menyebarkan dakwah. Jamaah telah memberi *platform* kepada mereka dengan pentarbiahan dan pengkaderan yang sistematik. Bagi anggota yang bukan jurusan agama, mereka dapat meningkatkan kefahaman tentang Islam. Golongan profesional telah banyak dilahirkan melalui pentarbiahan gerakan Islam dan NGO di Malaysia. Ia adalah gelombang *harakisme* yang menjadi asas perjuangan mereka dalam mengembalikan kedaulatan dan keutuhan umat Islam. Golongan profesional yang lahir melalui PAS iaitu Ustaz Nasharudin Mat Isa pakar bahagian undang-undang,[43] Husam Musa berkelulusan ekonomi dan tokoh strategi PAS,[44] Dato' Dr. Hassan pakar motivasi terkenal.[45] ABIM pula melahir Dato' Seri Anwar Ibrahim

Wahbah Zuhaylī dan sebagainya. Anon, Khairol Amin Mohd Salleh jurutera yang aktif berdakwah di laman web. *Majalah I* Mei 2006, hlm 21.

[43] Seorang tokoh ulama muda yang mempunyai *thaqāfah* serta intelektual tinggi. Lulusan Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Undang-Undang Perbandingan. Berkebolehan dalam lima bahasa, Bahasa Melayu, Inggeris, Arab, Urdu dan Perancis. Beliau mula terlibat dengan PAS sejak kecil dan menjadi penggerak parti Islam itu di kalangan pelajar ketika menuntut di India, Jordan dan United Kingdom. Beliau pernah menjadi pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1990-1997) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1997-1999), beliau telah terlibat secara langsung dengan PAS, terutama sebagai penterjemah dalam majlis yang dihadiri tokoh luar negara seperti ucapan Shaykh Fathī Yakan, tokoh gerakan Islam terkenal dunia dalam satu majlis anjuran PAS sekitar tahun 1995. Lihat Najahudin Lateh, 2007, Kepemimpinan PAS 2005-07: pasukan mantap dan seimbang, *http://marhaen.ngepeng.com/mar_a_hkrk082.html* [26 September 2007]

[44] Seorang tokoh muda adalah anak didik Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Dato' Nik Aziz Nik Mat. Pernah menjadi bekas Setiausaha Akhbar (1990-1993) dan Setiausaha Politik (1993-1999) Menteri Besar Kelantan itu sebelum dipilih sebagai Ahli Parlimen Kubang Kerian selama sepenggal (1990-2004). Kini beliau merupakan Exco Kanan Kerajaan Negeri Kelantan di samping sebagai ADUN Kijang. Terkenal sebagai 'ulat buku.' Kemampuannya mengolah isu serta berhujah berdasarkan fakta lengkap diakui oleh semua. Ini mendorong akhbar dalam talian, malaysiakini.com memberi anugerah *Newsmaker of the year* 2003 kepadanya. Beliau juga dikatakan amat disenangi oleh semua orang. Ibid.

[45] Seorang pakar motivasi terkenal dan pernah berkhidmat dalam kerajaan. Pada tahun 1999, beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen Parit Buntar, Perak dan pada masa yang sama memenangi kerusi DUN Tanjung Karang di Selangor. Lantang berpidato. Bijak berhujah,

seorang berkelulusan sastera,[46] Dato' Dr. Siddiq Fadzil berkelulusan sastera, Dr. Mastura Badzis [47] pakar dalam bidang perkembangan dan pendidikan kanak-kanak. JIM pula seperti Saari Sungip kini YB Hulu Klang mewakili Pakatan Rakyat (PR) seorang berkelulusan kejuruteraan, Dr. Danial Zainal Abidin doktor perubatan, Dr. Halina Siraj adalah pakar sakit puan, Dr. Farouk Musa pakar bedah kardiotorasik dan sebagainya.[48]

Golongan protaz juga tidak memandang remeh dalam usaha memartabatkan maruah wanita muslimah. Contohnya Dr. Halina Siraj berusaha menjadi jurubicara wanita Islam memperjuangkan hak dan menghapuskan momokan tradisi yang menghalang kemajuan wanita atas nama agama. Beliau dan rakan-rakan JIM berpeluang membentangkan kertas kerja bertajuk *Eliminating violance againt women: Islamic perspective* di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tahun 2006 di atas tiket *International Islamic Commitee for Women and Child* (IICWC). Misi mereka membawa suara wanita Islam yang pro keluarga. Ini disebabkan mereka melihat banyak dokumen PBB yang didokongi oleh fahaman feminis radikal.[49] Manakala Dr Lo' Lo' Mohamad Ghazali tokoh wanita PAS yang dianggap progresif berani membidas kenyataan Naib Canselor UiTM berkaitan isu kaum lelaki yang terpaksa menjadi suri rumah tangga dan kaum wanita keluar bekerja.[50]

---

mempunyai hubungan yang rapat dan pengikut yang ramai daripada kalangan Melayu kelas pertengahan. Rumahnya di Taman Tun Dr. Ismail, saban minggu menjadi tempat kuliah agama. Ahli kuliah ini tentulah terdiri daripada para profesional dan intelektual. Dato' Dr. Hassan profesional yang faham agama. Ibid.

[46] Mendapat ijazah sarjana muda Sastera dari Universiti Malaya, terlibat dalam gerakan pelajar seperti Badan Dakwah dan Kebajikan atau di kenali sebagai al-Rahmaniah, PKPIM dan Gabungan Pelajar–Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya(PMIUM) dan sebagainya. Pada akhir 1982, pernah menjadi pimpinan GPMS. Lihat Chandra Muzaffar, 1988, *Kebangkitan semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 63-64; Badlihisham Mohd Nasir, 2002, hlm 121.

[47] Pensyarah di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi. Memperolehi Sarjana Pendidikan dari Universiti Islam Antarabangsa dan Doktor Falsafah (Pendidikan) dari University of Warwick, United Kingdom.

[48] Mahmood Zuhdi, Mantan Pengarah, Ketua Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Pandangan terhadap protaz, 17 Mac 2008.

[49] Azlin Mohd Hamim, JIM bawa suara wanita Islam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *Majalah I* Jun 2008, hlm. 13.

[50] Beliau mengatakan bahawa membiarkan lelaki menjadi suri rumahtangga akan mewujudkan kepincangan dalam keluarga kerana ianya bertentangan dengan agama dan fitrah kehidupan manusia. Seterusnya Dr Lo' Lo' berkata Islam sendiri telah menetapkan bahawa tugas utama suami ialah mencari nafkah serta menyediakan keperluan asas dan

Beliau juga membawa isu dalam Dewan Parlimen setelah diberi mandat menjadi YB Parlimen Titiwangsa. Antarannya isu Pulapol dan merokok di Parlimen[51]

Bermanhaj *Salafī*

Manhaj yang digunakan oleh sebahagian protaz adalah bermanhaj *salafī*. Mereka banyak dipengaruhi oleh kitab-kitab Shaykh al-Islām Ibn Taymīah, Imām Ibn Qayyīm, Shaykh Nāsiruddīn al-Albanī, Shaykh Ibn ʿUthaymīn dari *Madrasah Salafīyah.* Kitab-kitab klasik ini dapat menghidupkan ilmu-ilmu teras dalam Islam. Kitab tersebut membentuk keilmuan Islam.[52] Pegangan ini dipegang oleh Mohd Yaakub Mohd Yunus[53] bersama rakannya dalam menulis atau berkongsi ilmu agama yakni manhaj al-Qur'an dan al-Sunnah, mengikut semua ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sama ada yang berbentuk iktiqad (akidah), ibadah, muamalah dan akhlak dan sebagainya. Ia dilaksanakan oleh para sahabat r.a*, tābiʿīn, tābiʿ tābʿīn* dan mereka yang mengikuti golongan ini hingga ke hari ini. Manhaj ini menitik beratkan kepada semua perkara sebagaimana yang difahami oleh *salaf al-sālih* yang telah dijamin oleh Rasulullah SAW sebagai generasi yang terbaik bagi umat Islam. Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud:

> *Sebaik-baik generasi ialah generasiku, kemudian orang-orang yang sesudahnya (tābiʿīn) dan kemudian orang-orang yang sesudahnya (tābiᶜ al- tābiʿīn)[54].*

Gerakan tajdid ataupun islah adalah salah satu jamaah yang berpegang

---

isteri hanya bersifat sebagai pembantu dalam meringankan beban suami. Anon, Isu lelaki jadi suri rumah - Reaksi dua tokoh wanita dan komentar seorang penulis lelaki. *http://lindunganbulan.blogspot.com/2007/08/isu-lelaki- jadi-suri-rumah-reaksi-dua.html* [12 Mei 2008]

[51] Lo'lo Mohd Ghazali, 2008, *http://docpearl.blogspot.com*. [16 Mei 2008]

[52] Zulzila Dzulkefli, Tuan Hasan Tuan Lah ustaz cyber pengasas web al-ahkam. *Majalah I* Mei 2006, hlm. 16.

[53] Beliau adalah Naib Presiden, Bahagian Perbankan Perusahaan, Affin Bank Berhad. Di antara buku-buku beliau yang telah diterbitkan adalah *Kaedah memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah, Sembahyang jamak dan qasar adalah sedekah Allah, Beberapa persoalan lazim tentang solat, fahaman wahabi menular : satu analisis terhadap dakwaan yang ditimbulkan oleh Akhbar Utusan Malaysia, Menyambut ramadan dan aidilfitri menurut sunnah Rasulullah SAW, 25 persoalan semasa: huraian & penyelesaian, Persiapan menghadapi kematian, Beberapa persoalan lazim tentang thahārah*, dan lain-lain.

[54] Al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Manāqib*, hadis no: 3650

kepada manhaj para rasul dalam aktiviti berdakwah serta berpegang teguh kepada, al-Qur'an dan sunnah mengikuti manhaj *salaf al-sālih*[55] dalam bidang akidah,[56] fekah, muamalah dan lain-lain. Prinsip yang menyatukan mereka berjuang dengan menggunakan manhaj *salafī* adalah tarbiah[57] dan *tasfīyah*.[58] Kebiasaannya dihubungkaitkan dengan perdebatan tentang lafaz *usallī*, menolak amalan tahlil dengan tempoh tertentu, kenduri arwah yang diadakan oleh keluarga si mati, talqin di atas kubur, majlis membaca surah Yassin pada malam Jumaat, sambutan maulid dan zikir selepas solat.[59] Ini diakui oleh Dr. Azwira Abdul Aziz bahawa protaz bersatu dalam fikrah yang sama iaitu memerangi bidaah. Prinsip yang menyatukan mereka berjuang dengan menggunakan manhaj *salafī*.[60] Gerakan tajdid sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk membasmi budaya taksub mazhab, iaitu budaya yang mewajibkan seseorang berpegang hanya kepada satu mazhab dan mengharamkan pengikutnya mengikuti pendapat mazhab yang lain walaupun pendapat tersebut lebih menepati sunnah Nabi SAW berbanding dengan mazhabnya sendiri. Bagi mereka budaya taksub mazhab ini tidak pernah wujud di kalangan *salaf al-sālih* pada tiga kurun pertama. Malah keempat-empat imam mazhab sepakat mencela budaya taksub mazhab ini.

Mereka berjuang atas nama gerakan tajdid mengikut aliran salaf atau islah yang berasal daripada ajaran Ibn Taymīah dan Muhammad bin Wahāb. Mereka membawa seruan tajdid agama di Malaysia. Ada di kalangan mereka yang terlibat dengan seminar-seminar tentang aliran salaf dan isu

---

[55] Azwira Abd Aziz, Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah UKM, 2008, Pandangan terhadap protaz , temubual , 14 Mac.

[56] Mereka yang mengibarkan bendera tajdid hendaklah berusaha untuk membersihkan perkara-perkara yang dapat mencemari akidah umat Islam. Segala perkara khurafat, tahyul dan syirik harus dibanteras sehingga ke akar umbi. Antara amalan-amalan yang mecemari akidah dan masih berleluasa di kalangan umat Islam khususnya di Malaysia ialah mempercayai bomoh, memakai tangkal dan azimat, bertawassul di kuburan golongan soleh yang dianggap keramat, menyakini ramalan-ramalan tukang tilik dan banyak lagi.

[57] Tarbiah iaitu mendidik umat Islam dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang tulen serta mengikut tafsiran *salaf al-sālih.*

[58] *Tasfīyah*.iaitu memurnikan pemikiran Islam daripada perkara yang dianggap ajaran Islam tetapi hakikatnya ia bukannya daripada ajaran Islam. Mereka gigih memerangi amalan bid^{c}ah di kalangan masyarakat sama ada melalui amalan atau pemikiran.

[59] Mohd Yaakub Mohd Yunus, 2006, "Menjana Gerakan Tajdid Melalui Tasfīyah dan Tarbīyah" yang telah dibentangkan dalam Forum Gerakan Tajdid di UIAM. Beliau telah mengemail kepada penulis pada 6 April 2008.

[60] Azwira Abdul Aziz, Pandangan terhadap golongan protaz, temubual. 14 Mac 2008,.

tajdid seperti Mohd Yaakub Mohd Yunus, Kapten Hafiz Firdaus, Professor Madya Dr. Ahmad Farouk Musa, Dr. Musa Mohd Nordin, Tuan Hasan Tuan Lah,[61] Dr Ismail Omar, Dr Sulaiman Noordin dan sebagainya. Ada di antara mereka mendapat pentarbiahan daripada Darul Kautsar, Institut al-Qayyim, Institut Al-Imam As-Syafie (INTIS), al-Nidaa dan lain-lain.[62]

Dakwah Melalui Tulisan

Dalam rangka untuk melakukan *amr ma'rūf* (mengajak ke arah kebaikan) dan *nahī munkar* (menjauhkan dari perkara yang bertentangan dengan syarak). Golongan protaz ini banyak memberi sumbangan melalui karya tulisan contohnya Mohd Yaakub Mohd Yunus telah berjaya menulis beberapa buah buku, menyumbang artikel di majalah-majalah serta akhbar-akhbar, begitu juga sahabatnya Khairol Amin telah menulis beberapa artikel dalam al-ahkam. Net.[63] Dr. Danial Zainal Abidin pula menghasilkan 10 buah buku yang berkualiti. Karya beliau *7 Formula Individu Cemerlang dan Tip-tip Cemerlang daripada Qur'an* pernah menjadi 10 terbaik di beberapa buah kedai buku besar ibu negara. Beliau adalah kolumnis tetap ruangan Islam & Sains *Majalah I* terbitan Kumpulan Karangkraf dan kolumnis jemputan ruangan Jendela Hikmat Berita Harian. [64]

Begitu juga YB Saari Sungip telah menulis lebih 30 buah buku berkisar persoalan dakwah, reformasi masyarakat dan hak asasi. Beliau juga menulis di akhbar-akhbar alternatif dan internet mengenai isu-isu semasa dan pandangan -pandangan bagi memperbaiki kepincangan masyarakat.[65] Sementara itu, Dr Harlina Halizah Siraj pula menjadi kolumnis dalam *Majalah ANIQAH, Majalah I* dan telah mengarang beberapa buku antaranya *Berbicara mengenai kesihatan reproduktif remaja: panduan untuk ibu bapa dan guru, Minda wanita di jalan dakwah, Maternal mortality and poverty - a deadly link, The international medical journal* (eIMJ)[66] dan lain-lain.

[61] Mereka telah memebentangkan dalam Forum Gerakan Tajdid: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran di Era Globalisasi di Ballroom, Sime Darby Convention Centre, Mont Kiara, Kuala Lumpur, Ahad, 23 Julai 2006. Anon, Bersama protaz di Akademi Al-Nidaa' **himpunan tunas tajdid** di Akademi An Nidaa', 10 Jun 2006. http://Al Ahkam.Net/Home/Modules.Php? [31 Januari 2008]

[62] Anon,Kenali salafi wahabi yang ditolak itu http://tajdidsebenar .blogspot.com/search/label/SALAFI%20WAHABI9 [27 Mac 2008]

[63] Contoh artikelnya *Fadhilat Rejab, adakah fadhilatnya melebihi bulan-bulan yang lain, bagaimana menyambut Ramadhan?, Tasbih: apakah ia bidaah?* dan sebagainya.

[64] Anon, Danial Zainal Abidin. http://pts.com.my/index.php/penulis/bio/697.

[65] Buku-buku yang telah dihasilkan iaitu *Risalah usrah* yang terdiri sembilan siri dan *Suara dari Kamunting* iaitu lapan siri.

[66] *Resume* Dr. Harlina Halizah Siraj yang diberikan kepada penulis semasa di temuramah

Dakwah Melalui Lisan

Percakapan adalah salah satu wasilah yang penting untuk menyampaikan dakwah. Partisipasi golongan ini dalam memberi ceramah agama, motivasi, kuliah, forum, seminar di dalam dan luar negara tidak dapat disangkal lagi. Mereka aktif dalam dakwah melalui lisan contohnya Dr. Danial bin Zainal Abidin menjadi motivator Mutiara FM dan Islam Moden. Beliau sering dijemput menjadi penceramah dan pemudah cara bagi program-program pelbagai institusi dan karporat contohnya di Telekom Malaysia, IKIM, Kuantan Port, persatuan pekerja-pekerja Islam TNB, KLIA. Beliau dijemput memberi ceramah khas kepada kerabat diraja Negeri Perak, EXCO Kerajaan Negeri Perak.[67] Beliau juga sebagai pendakwah bebas dan khatib jemputan.

YB Saari Sungip pula banyak memberi nasihat, khidmat kaunseling, khidmat kesihatan, motivasi keluarga bahagia, pembangunan warga kilang, mengadakan kuliah di surau dan masjid, memberi khidmat perunding kepada pelbagai institusi awam dan swasta di Negara Brunei, Singapura dan Indonesia. Antara organisasi yang mendapat khidmatnya ialah Petronas Carigali, Kemaman Supply, Toshiba, DBP, BIMB, TNB, KWSP, LUTH dan sebagainya.[68] Sementara itu, Dr Harlina Halizah Siraj juga sering dijemput sebagai penceramah di TV3 dalam Malaysia Hari Ini (MHI), Wanita Hari Ini (WHI), Al-Kuliyah, Al-Hidayah, di NTV9 dalam Keluarga di 9, di RTM dalam Selamat Pagi Malaysia (SPM), Fast Forward (RTM2) di Astro dalam rancangan bersama Linda Onn, menjadi panelis dalam Wanita Hari Ini IKIM.fm (Radio) dan *motivational talk* di KL.fm.[69]

Perbandingan Agama

Aspek perbandingan agama amat diperlukan bagi menangkis serangan musuh yang cuba mengelirukan umat Islam. Musuh-musuh Islam sentiasa bekerja keras bagi menimbulkan kekeliruan berhubung Islam, al-Qur'an, al-Sunnah, status wanita Islam, dan sebagainya.[70] Justeru penglibatan

---

pada 15 April 2008.

[67] Danial Zainal Abidin, *Tip-tip cemerlang daripada al-Quran*, PTS Millenia Sdn. Bhd, 2008, hlm. i.

[68] Lihat www.saari-sungip.com, Biodata Hj Saari Sungip dalam pemplet memperkenalkan beliau semasa pilihan raya ke-12, yang diterbitkan oleh Majlis Tindakan DUN Hulu Kelang, Kuala Lumpur.

[69] *Resume* Dr. Harlina Halizah Siraj yang diberikan kepada penulis semasa di temuramah pada 15 April 2008.

[70] Danial Zainal Abidin, 2003, hlm. 8-9.

golongan protaz seperti Engku Fauzi, Mohd Amin Yaakob,[71] Shah Kirit dan sebagainya cuba menyampaikan dakwah secara efektif kepada umat Islam supaya tidak tertipu dengan taktik musuh yang mendominasi pada hari ini dan berusaha menyampaikan kebenaran Islam yang syumul kepada non-muslim seperti mengadakan dialog antara Islam dan Kristian.[72]

Kefahaman yang jelas berkaitan agama lain dapat membantu pendakwah bagi membuat perbandingan dengan Islam agar keunggulan Islam terserlah. Perbandingan berdasarkan fakta dan maklumat yang tepat mampu memberi impak yang baik kepada masyarakat dan mengetuk minda sesiapa sahaja sekaligus dapat menzahirkan kesucian dan kemurnian agama Islam berbanding agama lain. Dialog yang dilakukan bukan untuk mengkritik mana-mana pihak tetapi membawa suatu mesej yang murni iaitu mengajak mereka menuju jalan kebenaran. Antara pendekatan yang dapat dilakukan dengan mencari persamaan berasaskan akidah dan menggunakan sanggahan yang lunak.[73] Pendekatan dengan saling faham memahami tentang kepercayaan agama lain adalah penting kerana dengan cara demikian seorang *dai'* dapat mengetahui *mad^{c}w* dan dalam kesempatan yang sama *dai'* dapat memahamkan mereka tentang kepercayaan *dai'*. Apabila *dai'* pandai mengolah, pandai menceritakan secara hikmah, secara bijaksana. Ia dapat memberi kesan yang baik pada jiwa mereka yang ingin memahami Islam. [74]

Melakukan Kerja Sukarela

Dunia kesukarelawan dapat membentuk jiwa suka memberi kepada orang lain. Golongan ini juga tidak ketinggalan dalam usaha menitip mutiara dakwah dengan menghulurkan bantuan. Contohnya Dr. Halimah Ali Abdullah,[75] beliau bersama sahabatnya membantu saudara baru di Bagan Hailam, Pulau Ketam dan turut melakukan misi bantuan ke Jogjakarta Indonesia, Kampuchea dan Lebanon sewaktu diserang Israel, membantu mangsa gempa bumi di Kashmir dan Pakistan. Beliau juga menghulur

---

[71] Kedua-duanya akauntan yang aktif dalam perbandingan agama.

[72] Program yang dikuti oleh penulis *Friendly Comparative Religion* Fasa 1 yang di anjurkan oleh *Islamic Information Servis Faundation* (*IIS*) di Setiawangsa pada 19-20 April 2008 dan Dialog Kristian dan Islam di tempat yang sama pada 24 April 2008.

[73] Danial Zainal Abidin, 2003, hlm. 67-71.

[74] Danial Zainal Abidin, Rangsang Minda DrDanial pada 31 July 2003 hari Khamis di Radio Malaysia Pulau Pinang. http://hidayahnet.tripod.com/archives/DD/RM2003.html. [29 Februari 2008]

[75] Ketua Biro Perubatan dan Kesihatan MACMA (Pertubuhan Cina Muslim Malaysia), Pengurus Besar Pusat Motivasi Islam Cemerlang di Kelang, Naib Pengerusi Yayasan Amal Malaysia.

bantuan perubatan di klinik-klinik bergerak.[76] Dr. Hafidzi[77] seorang yang aktif dalam aktiviti sukarelawan. Dengan keterlibatannya dalam sukarela ini membawa beliau ke negara –negara umat Islam yang dilanda konflik dan bencana alam seperti Acheh.[78] Begitu juga Dr. Abdul Razak Kechik[79] yang begitu gigih merawat insan yang menderita akibat musibah di Acheh, Pakistan dan serata benua. Beliau membawa misi dakwah di beberapa perkampungan orang Asli di seluruh negara.[80]

Menggerakkan Institusi, Pertubuhan, Firma atau Konsultan Sendiri

Golongan ini mampu mengimplimentasikan pendekatan mereka sendiri dengan penubuhan institusi, pertubuhan NGO, syarikat, konsultan dan lain-lain. Antaranya Dr. Mohd Syafie Md Amin al-Muqri[81] berusaha bagi melahirkan huffaz profesional dengan membina Maahad Tahfiz Itqan bersama sahabatnya bagi memberi peluang kepada kanak-kanak dan remaja menghayati dan memahami isi kandungan al-Qur'an agar mereka menjadi insan *kāmil* yang beramal, berilmu dan bertakwa kepada Allah. Berbekalkan semangat menyumbangkan tenaga dan ilmu yang bermanfaat beliau berjaya melaksanakan program menyemarakkan semangat mengahafal al-Qur'an kepada orang ramai.[82] Beliau telah mengadakan kursus untuk golongan dewasa manghafal al-Qur'an dengan membawa teknik bahawa semua orang boleh menghafal al-Qur'an, beliau telah mengadakan kursus untuk golongan profesional supaya mereka kembali kepada al-Qur'an, contohnya kursus 'bagaimana untuk menjadi akauntan yang terbaik?'[83]

Beliau berjaya mencipta formula sistematik al-Huffaz iaitu kaedah

[76] Azman Hj Mohd Nawi, Dr. Halimah Ali Abdullah asuh anak-anak menjadi protaz. *Majalah I* Oktober 2007, hlm. 46.

[77] Pengerusi Perhubungan Antarabangsa (1999-2001), Setiausaha Agung (2001-2003) Naib Presiden JIM (2003-2005), banyak terlibat dalam memperjuangkan isu umat Islam, menghasilkan buku-buku tentang kemanusiaan seperti *Berapa dengan Israel berapa harganya?, Jejak risalah di Nusantara 1, Lambaian kaabah* dan lain-lain.

[78] Zalmimazura Zahari, Dr. Hafidzi & Zuraidah memulai agenda dakwah dalam keluarga, *Majalah I* Julai 2007, hlm. 44-45.

[79] Penjawat awam perubatan, Pengarah Kesihatan, Presiden Global Peace Mission Malaysia. Usaha dakwahnya mengislamkan orang Asli.

[80] Azman Hj Mohd Nawi, Didik anak hargai manusia, *Majalah I* Ogos 2007, 43-45.

[81] Pengasas Maahad Tahfiz Itqan (MTI), pengarah al-Huffaz Consulting, seorang akauntan hafiz.

[82] Zulzila Dzulkefli, Mengangkat martabat maahad tahfiz, *Majalah I* Jun 2006,, hlm. 23.

[83] Mohd Syafie Md Amin, 2008, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual, 3 Mac.

yang mudah dalam menghafaz al-Qur'an. Melalui Al-Huffaz Consulting Sdn. Bhd, Dr. Syafie dapat membuka minda dan menanamkan semangat kepada setiap pelajar tentang keberkesanan cara berfikir yang efektif serta pentingnya mendekatkan diri kepada al-Quran melalui pembacaan, hafazan dan penghayatan melalui kem hafazan al-Huffaz, seminar yang dilakukan oleh konsultannya.[84] Program Quranik menggunakan kaedah al-Huffaz mampu membuka minda dan menanamkan penggunaan otak yang efektif dengan pendekatan diri kepada al-Qur'an melalui pembacaan, penghayatan dan penghafalan demi menyelesaikan semua permasalahan kehidupan mereka sama ada di rumah, sekolah, masyarakat dan sebagainya.

Manakala Dr. Danial Zainal Abidin menjadi Pengarah Urusan Danial Zainal Consultancy Malaysia Sdn. Bhd. Beliau berusaha membimbing manusia agar menjadi insan kelas pertama berasaskan acuan Islam iaitu menjadi insan yang bertakwa. Sebagai motivator yang mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, beliau dapat merangsang berusaha membuka minda dan hati masyarakat serta mendorong orang lain mengaplikasikan sesuatu dengan penuh minat. Dengan konsultan yang dibina tersebut beliau mengadakan ceramah motivasi dengan kreativiti dan metodologinya tersendiri dengan menghidupkan kunci *rabbānī* yang menjadi asas kepada sesuatu motivasi. Pendekatan dalam melaksanakan motivasi berdasarkan kajian dan pengalaman dan dihidangkan dengan bentuk yang menarik dan cantik.[85] Beliau juga merupakan Pengurus dan Pengamal Perubatan di Klinik Syifa Glugor Pulau Pinang. [86]

Golongan profesional ustaz menerajui pelbagai organisasi NGO Islam contohnya *Muslim Professional Forum* (MPF), antara yang terlibat adalah Dr. Mazeni Alwi iaitu perunding dan Ketua Jabatan Padeatrik Kardiologi di Institut Jantung Negara, Professor Madya. Dr. Ahmad Farouk Musa, pakar Bedah Kardiotorasik, pensyarah Fakulti Perubatan UPM, Dr. Musa Mohd Nordin pakar Perunding Pediatrik, Presiden *Federation of Islamic Medical Association*. Ia satu wadah para profesional menyampaikan dakwah, aktiviti yang dijalankan melalui forum dan program.[87] Melalui MPF, mereka dapat

[84] Zulzila Dzulkefli, Mengangkat martabat maahad tahfiz; Mohd Shafie bin Md Amin al-Muqri, Akauntan yang hafiz, *Majalah I* Jun 2006, hlm. 23, 26.

[85] Azman Hj Mohd Nawi, Zalmimazura Zahari, Motivasi dakwah bentuk baru. *Majalah I* Disember 2007, hlm.18.

[86] Danial Zianal Abidin, *Tip-tip cemerlang daripada al-Quran*, PTS Mellinia Sdn. Bhd, 2008, ed. ke-7, hlm. 294.

[87] MPF telah menjemput Dr. Azzam Tamimi mengadakan forum tentang perjuangan HAMAS, forum terbaru edisi 2008 bertajuk *Who needs an Islamic state? an intelectual discourse* Panel terlibat adalah Dr. Abdel Wahab El-Effendi dari Universiti Westminter, London, penulis buku, Dr. Zulkifli Ahmad dan Haji Sulaiman. MPF

menjelaskan dan menjawab kritikan-kritikan terhadap Islam. MPF kerap menjemput penceramah dari luar negara dalam usaha bertukar-tukar fikiran di samping menjalinkan hubungan muhibbah antara negara. Mereka juga menjemput penceramah tempatan berdasarkan bidang dan kepakaran yang bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

Ramai golongan profesional yang terlibat dalam firma dan syarikat sendiri antaranya seperti Dato' Seri Nizar Jamaluddin, beliau merupakan pengarah urusan beberapa firma swasta, beliau banyak membuat projek di beberapa negara seperti Birmingham, United Kingdom, Zug Switzerland, Miano Italy, Bangkok Thailand, Sydney dan Goldcoast Australia, Doha Qatar dan Tehran Iran. Di Malaysia beliau menjalankan projek besar negara antaranya projek Dayabumi fasa 2 & 3, projek Pusat Islam (BAHEIS), projek Jabatan Perdana Menteri, projek Darul Iman Terengganu dan banyak lagi. Di samping itu, beliau aktif memberi kuliah, majlis ilmu di masjid-masjid, surau, ceramah motivasi pelajar dan di institusi pengajian tinggi, menyampaikan kuliah jumaat dan mampu menyelenggara ibadah korban dan sebagainya.[88]

Manakala Dr. Mohd Zainol bersama isterinya Dr. Mumtaz Abdul Razak telah menubuhkan Mumtaz dan Marine Food Sdn. Bhd atas niat menyediakan kemudahan makanan halal kepada pengguna Islam. Beliau merintis ladang penternakan ayam organik sebagai salah satu usaha menyelamatkan maruah umat Islam agar menikmati makanan yang halal berkonsepkan *halālan tayyībā.* [89] Beliau mempunyai rangkaian perniagaan di Seksyen 17 Shah

membuat lawatan ke Rumah Solehah. Menyediakan tenaga sukarelawan membantu mangsa – mangsa yang dilanda malapetaka, menjayakan dana mangsa tsunami di Acheh. Mereka cuba menyelesaikan isu yang dibangkitkan seperti perundangan Islam yang kononnya tidak adil terhadap wanita. Mereka pernah menghantar memorandum kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Rang Undang-Undang Keluarga Islam yang banyak dipertikaikan oleh sesuatu pihak. Lihat Zalmimazura Zahari, Muslim Profesional Forum: wadah intelektual Islam, *Majalah I* Mei 2006, 15; Anon, Muslim Profesional Forum Wadah Profesional Ustaz, *Majalah I* Jun 2008, hlm. 21.

[88] Pendidikan awal Sekolah Anglo Chinese, Sekolah Menengah Teknik, A level di Norwich City College of Art& Tecnology, Norfock, England. Lulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dari University of Aston di Birmingham, United Kingdom. Berkebolehan bahasa Inggeris, cina dan tamil. Lihat Rossem dan Johari Jaafar, Ir Mohammad Nizar Jamaluddin, Menteri Besar PR Pertama Perak, *Fajar Islam* Mei 2008, hlm. 7-8; Ahmad Yani, Ketuanan melayu bukan hanya slogan-Menteri Besar Perak, *Majalah I* Jun 2008, hlm. 23-24.

[89] Ayam organik peliharaanya diberi ramuan herba seperti habbatussauda, serai wangi, halia, pandan dan kunyit. Ayamnya diberi minuman yang bersih, beliau memastikan

Alam, Subang Perdana, Subang Jaya, Bukit Indah, Ampang dan Sunway Batu Caves. Beliau juga terlibat dalam industri perkhidmatan dan penjualan produk makanan kesihatan di sebuah syarikat antarabangsa di Dubai. Menjadi perunding regularotori dan persijilan halal dengan sebuah syarikat makanan kesihatan.[90]

Bahasa Inggeris Sebagai Medium Dakwah

Kelebihan golongan profesional ini kebanyakannya mampu berdakwah dengan bahasa Inggeris yang baik, penyertaan dialog perbezaan agama, ketamadunan, memberi ceramah *human resource development* dan sebagainya. Ia menjadi salah satu kekuatan dan dapat mengorientasikan pengajian agama. Dengan menggunakan bahasa yang berkesan tersebut mereka boleh mendoktrin non-muslim kepada Islam. Contoh apa yang telah dilakukan dalam IIS,[91] IMF dan lain-lain. Mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam forum yang dijalankan kerana banyak kutukan dan kejian dilemparkan terhadap Islam sedangkan Islam kurang didedahkan dengan bahasa tersebut. Oleh itu, mereka terpanggil untuk memperbaiki keadaan yang berlaku melalui pendekatan tersebut.[92]

Buku-buku atau artikel yang telah dihasilkan oleh golongan protaz dalam bahasa Inggeris banyak antaranya karangan Mohd Amin Yaakob yang berjudul *Chistianity through the lens of christians & muslim scholars*. Umm Ziyyad[93] menulis berkaitan *Empowering through the teaching of Islam: Uncovering the untruth of western feminism*, *Working for the ideal: the true invaluable nature of women's work in Islam,*[94] Muhammad Khairul

---

rumusan yang dicipta sendiri tersebut bermutu tinggi dan terhindar dari sebarang penyakit.

[90] Beliau terdedah dengan bidang formulasi dan farmakoterapi makanan kesihatan, vitamin dan galian, mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains, Ijazah Sarjana (MBA) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Washington University dan turut menyambung pengajian dalam bidang perubatan orient iaitu kajian zat makanan. Lihat Norhashimah Abd Rahman, Dr. Mohamad Zainol perjuangkan ayam organik, Umat Islam mampu lahirkan beratus jutawan Islam, *Anis* Jun 2008, hlm. 30-33.

[91] Mengadakan dialog antara Islam dan Kristian yang memerlukan penggunaan bahasa Inggeris dalam menyampaikan dakwah dan usaha membawa muslim dan non-muslim kepada Islam.

[92] Zalmimazura Zahari, Muslim Profesional Forum: wadah intelektual Islam, *Majalah I* Mei 2006, hlm.15.

[93] Bekerjaya dalam jurusan perisian komputer di sebuah syarikat tempatan.

[94] Hafiz Firdaus Abdullah, *Himpunan risalah dalam beberapa persoalan ummah buku 1*Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2004, hlm. 69, 87.

Mohamed[95] menulis *Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah: an introduction*. Ini dapat memberi pendedahan berkaitan kepada muslim dan non-muslim yang mahir dalam bahasa Inggeris.

KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan dakwah perlu dilakukan oleh setiap insan yang bergelar muslim sama ada yang beraliran agama atau bukan beraliran agama kerana mereka adalah khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Pendekatan yang dibawa lebih moden, bersistematik dan dapat menarik perhatian *madᶜw* dan lebih *advance* jika dibandingkan dengan para ustaz kerana mereka mengaplikasikan penyelidikan sains yang dihubungkan dengan Islam yang tidak mampu dilakukan oleh para ustaz. Golongan tersebut dapat mengaplikasikan melalui teori dan praktikal. Kelebihan mereka dalam penguasaan bahasa dapat dimanfaatkan dalam menyebarkan dakwah kepada non-muslim yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Mereka boleh berdakwah terutamanya dalam mengislamisasikan profesion mereka. Mereka menggunakan segala ruang lingkup yang merangkumi *bi al-lisān* seperti berceramah dalam majlis-majlis ilmu, membentang kertas kerja, *bi al-kitāb* dengan menulis buku-buku dan artikel dalam majalah, akhbar dan laman-laman web, dakwah *bi hal, bi al-māl*, *bi al-hikmah* seperti kerja sukarela, membuat perbandingan agama, penemuan sains moden dan lain-lain. Ada juga memperjuangkan manhaj *salafī* dalam menyebarkan dakwah.

RUJUKAN

Al-Quran

Al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Manāqib*, hadis no: 3650

Anon, Apa itu protaz dan uspro ? http://www.pkblogs.com/hembusan/2006/-si-protaz-uspro-1. html [29 februari 2008].

Anon, Bersama protaz di Akademi Al-Nidaa' himpunan tunas tajdid di Akademi An Nidaa', 10 Jun 2006. http://Al Ahkam.Net/Home/Modules.Php? [31 Januari 2008]

Anon, Biodata Prof. Dr Khalijah Mohd Salleh. Dlm Buku Syarahan Umum ke 8 Fakulti Sains dan Teknologi yang bertajuk Paradigma Ketauhidan: Integrasi Agama dan Sains, Dewan Anuwar Mahmud FST, UKM: 4 Julai 2008 .

Anon, Dakwah si protaz & uspro 3, http://www.pkblogs.com/

[95] Bekerjaya dalam jurutera komputer bertugas di Lembah Kelang. Lihat Hafiz Firdaus Abdullah, *Himpunan risalah dalam beberapa persoalan ummah buku 1*, Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2004, hlm. 97.

hembusan/2006/06/dakwah-si-protaz-uspro-1.html [29 Febuari 2008]

Anon, Danial Zainal Abidin. *http://pts.com.my/index.php/penulis/bio/697*.

Anon, Mohd Yaakub Mohd Yunus pengurus bank yang berdakwah melalui mata pena, *Majalah I* Mei 2006, hlm. 19.

Anon, Kenali salafi wahabi yang ditolak itu http://tajdidsebenar.blogspot.com/search/label/SALAFI%20WAHABI9 [27 Mac 2008].

Azlin Mohd Hamim, JIM bawa suara wanita Islam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *Majalah I* Jun 2008, hlm. 13.

Azman Hj Mohd Nawi, Didik anak hargai manusia, *Majalah I* Ogos 2007, 43-45.

Azman Hj Mohd Nawi, Dr. Halimah Ali Abdullah asuh anak-anak menjadi protaz. *Majalah I* Oktober 2007.

Azman Hj Mohd Nawi, Zalmimazura Zahari, Motivasi dakwah bentuk baru. *Majalah I* Disember 2007.

Azwira Abd Aziz, Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah UKM, 2008, Pandangan terhadap protaz , temubual , 14 Mac.

Azwira Abdul Aziz, Pandangan terhadap golongan protaz, temubual. 14 Mac 2008,.

Chandra Muzaffar, 1988, *Kebangkitan semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 63-64; Badlihisham Mohd Nasir, 2002.

Danial Zainal Abidin, 2003, Rangsang minda DD pada 10 April 2003 di RMPP dari Kerteh Terengganu pada jam 7.30 pagi. http://hidayahnet.tripod.com/archives//DD/RM2003.html. [29 Februari 2008]

Danial Zainal Abidin, 2008, Islam moden, melahirkan protaz di akhir zaman, *http://www. youtube.com/watch?v=qCDinARTc14&eurl=http://www.danialzainalabidin.com*. [17 Jun 2008]

Danial Zainal Abidin, Rangsang Minda DrDanial pada 31 July 2003 hari Khamis di Radio Malaysia Pulau Pinang. *http://hidayahnet.tripod.com/archives/DD/RM2003.html*. [29 Februari 2008]

Danial Zainal Abidin, *Tip-tip cemerlang daripada al-Quran*, PTS Millenia Sdn. Bhd, 2008, hlm. i.

Hafiz Firdaus Abdullah, *Himpunan risalah dalam beberapa persoalan ummah buku 1*Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2004.

Haji Ahmad Tajuddin Abdul Hamid, Metodologi dakwah alaf baru, *Jurnal Dakwah*, jil.1, bil. 1, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1998.

http://www.ukm.my/ukmportal/News/berita_yusof.html [15 Februari 2008]

Khairol Amin Mohd Salleh, Biodata dan perkaitannya dengan protaz,

temubual. 28 Februari 2008.
Khairol Amin Mohd Salleh, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual. 5 April 2008.
Laupa Junus, Umat silam penyumbang tamadun ilmu, *Estidotmy* Disember, hlm 16; http://www.ukm.my/ukmportal/News/berita_yusof.html [15 Februari 2008]
Lo'lo Mohd Ghazali, 2008, http://docpearl.blogspot.com. [16 Mei 2008]
Mahmood Zuhdi, Mantan Pengarah, Ketua Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Pandangan terhadap protaz, 17 Mac 2008.
Mohd Janib Johari, *Etika profesional*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001, hlm. 101.
Mohd Nur Manutty, Pandangan terhadap protaz, temubual. 4 april 2008.
Mohd Syafie Md Amin, 2008, Biodata dan perkaitannya dengan protaz, temubual, 3 Mac.
Mohd Yaakub Mohd Yunus, 2006, "Menjana Gerakan Tajdid Melalui Tasfīyah dan Tarbīyah" yang telah dibentangkan dalam Forum Gerakan Tajdid di UIAM. Beliau telah mengemail kepada penulis pada 6 April 2008.

Norhashimah Abd Rahman, Dr. Mohamad Zainol perjuangkan ayam organik, Umat Islam mampu lahirkan beratus jutawan Islam, *Anis* Jun 2008.
Pahrol Juoi, Mukmin profesional: re-engenering dalam pembangunan modal insan, *Majalah I* Disember 2006.
Rossem dan Johari Jaafar, Ir Mohammad Nizar Jamaluddin, Menteri Besar PR Pertama Perak, *Fajar Islam* Mei 2008, hlm. 7-8; Ahmad Yani, Ketuanan melayu bukan hanya slogan-Menteri Besar Perak, *Majalah I* Jun 2008.
Zalmimazura Zahari, Dr. Hafidzi & Zuraidah memulai agenda dakwah dalam keluarga, *Majalah I* Julai 2007.
Zalmimazura Zahari, Muslim Profesional Forum: Wadah intelektual Islam, *Majalah I* Mei 2006.
Zulzila Dzulkefli, Tuan Hasan Tuan Lah Ustaz Cyber Pengasas Web Al-Ahkam, *Majalah I* Mei 2006.
Zulzila Dzulkefli, Mengangkat martabat maahad tahfiz; Mohd Shafie bin Md Amin al-Muqri, Akauntan yang hafiz, *Majalah I* Jun 2006.

PENDEKATAN MEDIA DAKWAH DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK

Oleh :
Dr. Nor Raudah Hj Siren[1]
Salmee Suhaina Yusoff [2]
Nurul Akma Osman[3]
Wan Rusydiah Salehudin[4]
Dr Zaizul Ab Rahman[5]
Dr Ilhaamie Abdul Ghani Azmi[6]
Azrin Ab Majid[7]

ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan usia yang memerlukan penumpuan dalam proses pendidikan. Sifat mereka seperti rebung menjadikan mereka mudah dilentur dan dibentuk, jika betul cara dan kaedahnya. Perkembangan teknologi komunikasi maklumat masa kini memperkenalkan kepelbagaian bentuk media untuk membantu proses pembelajaran kanak-kanak. Kepelbagaian ini memudahkan dakwah Islam disampaikan kepada kanak-kanak yang sukakan sesuatu yang baru dan menarik. Objektif penulisan ini ialah untuk memperkenalkan jenis media, ciri-ciri media dakwah yang sesuai untuk kanak-kanak dan bagaimana ia digunakan untuk tujuan pendidikan. Kajian mendapati, terdapat empat jenis media yang biasa digunakan di prasekolah Islam iaitu asas media, media bukan elektronik, media elektronik dan media realiti atau berasaskan pengalaman. Ciri-ciri media dakwah pula ialah bersifat berperingkat dan sesuai dengan keadaan kanak-kanak dan media tersebut digunakan mengikut objektif dan

[1] Ketua, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

[2] Pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam

[3] Pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam

[4] Pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam

[5] Penyarah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

[6] Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

[7] Mantan Pengarah PASTI Malaysia

matlamat yang hendak dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang oleh guru.

Kata Kunci: *Media Dakwah, Pendidikan, Kanak-kanak*

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan suatu kaedah yang berkesan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti pada masa depan terutamanya kepada kanak-kanak. Tidak kira pendidikan itu dilakukan secara formal atau tidak formal, kerana ia merupakan perkara penting kepada kanak-kanak dan menjadi tanggunjawab kepada ibu bapa dan para pendidik untuk menjalankan tanggunjawab tersebut. Justeru pendidikan awal kanak-kanak adalah dilihat sangat penting kerana pada peringkat awal ini kanak-kanak mengalami proses perkembangan atau peningkatan yang pesat dalam kemahiran atau tingkahlaku mereka.

Kanak-kanak seharusnya diajar seawal mungkin mengenali Islam dan sesungguhnya Islam sangat menitik beratkan soal pendidikan anak-anak yang sering digambarkan seperti kain putih yang harus dicorak sebaiknya. Firman Allah:

فَوَرَبِّكَ لَنَسْـَٔلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٢﴾ عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"*Demi Tuhanmu! Kami akan menyoal mereka (yang kafir itu) semuanya (pada hari kiamat kelak),mengenai apa yang mereka telah lakukan."*

(Surah al-Hijr: 92-93)

Berdasarkan ayat ini, maka setiap ibu bapa wajarlah mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang sebenarnya untuk memenuhi dan mengisi ruangan kosong dalam jiwa mereka yang masih muda. Jika ruangan kosong ini tidak di isi dengan pengetahuna tentang Islam, dibimbangi unsur-unsur yang tidak sepatutnya akan menyerap ke dalam jiwa dan minda mereka. Bimbingan agama yang diberikan pada awal pembesaran kanak-kanak adalah bertujuan untuk memesrakan mereka sejak kecil dengan Islam dan melatih mereka mengenali asas-asas keimanan dalam Islam terutamanya mengenal pencipta. Antara objektif pendidikan Islam dalam pendidikan awal kanak-kanak ialah[8]:

i. Menyatakan asas-asas keimanan dan keislaman.

[8] Rashidah Rafie (2010), *Buat Duit Dengan Tadika*, PTS Profesional Publishing, Batu Caves, Selangor, h. 124

ii. Mengamalkan ibadah yang sesuai dengan peringkat umur.
iii. Mengenali sirah dan peribadi Rasulullah dan berusaha mencontohinya.
iv. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia.
v. Mengenali al-Quran bahasa dan hurufnya.
vi. Menghafaz dengan makna beberapa surah pendek dan doa harian.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

> *"Seseorang itu dilahirkan berdasarkan fitrahnya yang suci murni, maka selepas itu dia diwarnai oleh kedua-dua ibu bapanya, sama ada untuk menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi, seperti mana haiwan melahirkan haiwan." (Hadith Riwayat Muslim)*[9]

Hadis di atas memperlihatkan betapa pentingnya proses pendidikan awal kanak-kanak dalam menentukan warna yang akan dicorak ke atas diri mereka. Bentuk dan warna corak yang diberikan kepada mereka akan menjadi asas kepada peribadi, sifat dan tingkahlaku mereka apabila mereka dewasa kelak. Lantaran itu, Islam amat memandang berat terhadap proses pendidikan anak-anak sejak di alam rahim lagi.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa untuk mendidik dan membimbing anak-anak mereka sejak awal kelahiran. Kanak-kanak perlu dibimbing dan dicorak dengan ilmu dan pengetahuan yang benar dalam melahirkan generasi yang seimbang dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Nabi SAW bersabda yang bermaksud,

> "*Muliakanlah anak-anak kamu dan perelokkan adab mereka." (Hadith oleh Ibn Majah)*[10]

Kanak-kanak merupakan insan yang boleh dikategorikan sebagai rumit kerana mereka akan mudah bosan dengan kadar yang cepat. Ini kerana tahap ingin tahu mereka itu sentiasa datang bertubi-tubi dan perkara yang kurang menarik perhatian mereka akan menjadikan mereka cepat bosan dan beralih ke perkara lain. Mereka juga lebih gemarkan keadaan yang dilihat sebagai ceria dan menarik. Oleh itu, para ibu bapa dan guru-guru seharusnya memahami dan mengetahui latar pemikiran dan psikologi mereka untuk memastikan mesej pendidikan sampai dan difahami dengan baik.

---

[9] Al-Nawawi. (1972). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi.* Beirut. jil. 16. h. 207.

[10] Ibn Majah, abu Abdullah Muhammad ibn Yazid, (t.t), *Sunan ibn Majah.* al-Babi al-Halabi. jil. 1. h. 171.

Para ahli psikologi menyifatkan awal kanak-kanak sebagai usia yang sudah mula mahu menjelajah. Mereka cenderung untuk mengetahui situasi lingkungannya sama ada benda yang mati atau benda yang hidup. Penjelajahan ini akan disertai perasaan ingin tahu dan mereka akan suka bertanya terhadap segala perkara yang ingin diketahuinya. Perkara yang penting dalam situasi usia awal kanak-kanak ini, mereka suka meniru perbicaraan atau perbuatan orang lain dan amat kreatif semasa bermain. Oleh itu, perlunya bentuk pendedahan kurikulum islamik di peringkat awal untuk membentuk mereka berfikir ke arah perlakuan murni bagi membentuk moral yang tinggi di kalangan mereka.

Rangsangan untuk mereka menerima sesuatu yang baru di pra sekolah yang berlainan dengan apa yang dihadapi di rumah membolehkan mereka mudah menaakul pembaharuan yang dipelajari. Sesuatu nilai yang diajar mungkin akan memberikan lebih nilai murni andainya diberi peneguhan setiap hari melalui perlakuan dan ajaran yang berlandaskan sistem pembelajaran yang menarik. Malahan, bagi anak-anak yang bijak, pemikiran kognitif mereka boleh mentafsir dengan lebih cepat setiap amalan dan pergerakan yang dilakukan dan diterima.

Kognitif merujuk pada intelek atau pemikiran individu termasuklah kanak-kanak. Ia memfokus kepada cara kanak-kanak belajar dan memproses maklumat bagi mengembangkan daya fikir dan membina pengetahuan. Perkembangan kemahiran berasaskan intelek ini melibatkan kemahiran berbahasa, imaginasi, mental, fikiran, penaakulan, penyelesaian masalah dan memori[11]. Teori perkembangan dari sudut kognitif dikemukakan oleh Jean Piaget (1869-1980) yang merupakan seorang pakar biologi Switzerland dan pakar psikologi kanak-kanak yang telah banyak membuat kajian ke atas tingkah laku kanak-kanak.[12] Piaget membahagikan perkembangan kognitif kepada dua skema iaitu adaptasi dan organisasi.

Oleh itu, pemahaman dan pengetahuan untuk berhadapan dengan kanak-kanak sebegini perlu dalam memastikan bahawa apa yang cuba diberikan atau diajar boleh dinikmati dan dihayati oleh mereka. Jika pendakwah kepada kanak-kanak umpamanya, tidak bersedia dan tidak menguasai ilmu pada tahap sebegini, maka mesej yang cuba disampaikan tidak akan kesampaian dan sukar difahami oleh kanak-kanak. Pengetahuan psikologi mengikut tahap juga boleh diaplikasi dengan baik jika pemahaman terhadapnya dapat

[11] Nani Menon dan Rohani Abdullah (2004) *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd ,h.1

[12] *Ibid.,* h. 200.

disimpulkan dengan baik dan digunakan mengikut kaedah perancangan yang teliti untuk manfaat mereka.

CIRI-CIRI MEDIA DAKWAH DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK

Potensi kanak-kanak hendaklah dikembangkan secara bersepadu kerana setiap aspek perkembangan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Individu yang seimbang dan harmonis memiliki; kepercayaan kepada Tuhan, Ilmu Pengetahuan, kemahiran asas, akhlak mulia, emosi yang stabil dan kesihatan serta kecerdasan. Prinsip yang kedua pula ialah pembelajaran yang mengembirakan memberi penekanan kepada minat dan bersemangat untuk belajar. Prinsip seterusnya ialah pengalaman pembelajaran yang bermakna memberi penekanan kepada penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sebenar supaya mereka dapat mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman kehidupan seharian. Manakala prinsip yang terakhir ialah pendidikan sepanjang hayat yang merupakan suatu usaha yang berterusan untuk pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan kemahiran.[13]

Perkembangan kanak-kanak akan dicapai melalui enam komponen pembelajaran yang dilaksanakan secara bersepadu. Komponen tersebut adalah seperti berikut; bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, kerohanian dan moral, perkembangan sosioemosi, perkembangan fizikal, kreativiti dan estetika.[14] Dijelaskan juga secara terperinci di dalam kurikulum prasekolah kebangsaan berkenaan kandungan pembelajaran pendidikan Islam yang antara objektif yang ingin dicapai ialah menyebut dan menyatakan asas-asas keimanan dan keislaman, mengamalkan ibadah yang bersesuaian dengan peringkat umur, mengenali sirah dan peribadi Rasulullah SAW, dan berusaha mencontohinya, mengamalkan adab dan akhlak yang mulia, mengenali al-Quran dan menghafaz dengan makna surah pendek dan doa harian[15]

Manakala dari sudut suasana pembelajaran yang sesuai untuk diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran awal kanak-kanak telah dibahagikan kepada empat pendekatan iaitu yang pertama ialah pendekatan bermain sambil belajar. Melalui pendekatan ini akan membantu mereka memahami

---

[13] Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Pusat Perkembangan Kurikulum, h.6-7

[14] *Ibid h.7*

[15] *Ibid h.38*

persekitaran dan mewujudkan suasana yang lebih mencabar[16].Pendekatan kedua pula ialah pendekatan bertema iaitu memilih satu topik yang bersesuai dengan kehidupan murid, masa dan minat murid. Seterusnya pendekatan bersepadu pula akan mendedahkan kepada murid-murid tentang hakikat kehidupan sebenar serta dimasukkan pendekatan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran. Kesemua pendekatan ini akan dikelolakan secara kelas, kumpulan dan secara individu. Dari sudut penggunaan bahan-bahan dalam pengajaran dan pembelajaran pula haruslah mempunyai ciri-ciri seperti mudah digunakan, interaktif, merangsang murid berfikir, merangsang pembentukan sifat positif, kesesuaian dari segi saiz, warna dan tekstur, mudah ubah suai dan digunakan semua dan selamat digunakan.

Abdullah Nasif 'Ulwan menjelaskan tentang pendekatan Islam untuk membentuk kanak-kanak dalam konteks ini melalui dua cara iaitu; menekankan pengajaran yakni melalui pemberian teori dan pendidikan, dan juga menekankan kepada pemberian kebiasaan yakni melalui amalan dan penyediaan.[17]

Oleh kerana kanak-kanak terus berkembang dari satu tahap ke tahap yang lain, pihak yang peka kepada perubahan ini perlu mengatur program-program dalam pendidikan kanak-kanak sesuai dengan tahap mereka. Antara program yang patut diatur adalah:[18]

Dari kelahiran hingga dua setengah tahun/tiga tahun: Dengan melahirkan suasana yang harmoni dalam rumah seperti bacaan al-Quran, mendedahkan gambar-gambar yang baik seperti gambar-gambar masjid, dan membentuk suasana keluarga yang aman damai. Kanak-kanak kecil akan membina permulaan hidupnya dengan perasaan aman, memulakan pendengaran dengan suara-suara yang baik dan bererti dan memulakan penglihatannya kepada benda-benda yang diperlukan.

Tiga hingga tujuh tahun: Mengesahkan kepada kanak-kanak cerita-cerita teladan yang baik untuk membina akidah dan akhlaknya. Cerita nabi-nabi, orang-orang soleh dan sebagainya diberikan kepada kanak-kanak itu. Dengan cerita-cerita seperti ini, kanak-kanak dapat memulakan pemikirannya dengan perara-perkara yang boleh membina akal dan rohnya

---

[16] Rohani Abdullah, Nani Menon &Mohd. Sharani Ahmad (2007) Panduan Kurikulum Prasekolah, Batu Caves: PTS Profesional Publishing, h. 38

[17] 'Ulwan, Abdullah Nasif. (1981). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam.* Beirut. Jil 2. h. 672.

[18] Ab. Aziz Mohd. Zin. (1999). Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 268-269.

untuk kepentingan masa depannya sebagai tapak kepada pembinaan kepercayaan agama dan akhlak yang mulia.

Tujuh hingga dua belas tahun: Melatih dengan kemahiran-kemahiran melaksanakan perintah seperti sembahyang, puasa dan sebagainya, serta kemahiran-kemahiran jasmani seperti berenang, menunggang kuda dan sebagainya. Kanak-kanak peringkat ini hendaklah dilatih dengan kemahiran-kemahiran asas untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab tertentu setelah baligh pada permulaan remaja nanti.

Perkara-perkara yang dinyatakan merupakan salah satu teori pendekatan terhadap kanak-kanak mengikut kadar tumbesaran dan umur yang mana dilihat sebagai program pendidikan yang diatur untuk kesesuaian kanak-kanak yang ada bezanya dengan peringkat-peringkat lain.

i. Berperingkat dan beransur dalam pengajaran dan pembelajaran

Pembinaan dakwah juga dilakukan peringkat demi peringkat, supaya dapat disesuaikan dengan sasaran, terutamanya dalam program pendidikan. Konsep beransur-ansur ini diperlukan dalam pendidikan kanak-kanak yang bertindak sebagai mad'u bagi memantapkan penerimaan kanak-kanak terhadap sesuatu tanggungjawab, supaya tidak dirasakan sebagai suatu beban yang tidak dapat dipikulnya.[19] Dalam konteks seorang kanak-kanak dalam menerima dakwah, suatu proses latihan untuk membiasa dan membina diri perlu ada dalam mendidik mereka terhadap mesej dakwah. Perkara sebegini akan memberi jaminan terhadap sejauh mana mesej dakwah itu akan dapat diterima dan diamalkan oleh seseorang kanak-kanak itu.

ii. Bersesuaian dengan keadaan dalam pengajaran dan pembelajaran

Perkara-perkara berkaitan penyampaian mesej mahupun usaha dakwah perlulah diletakkan dengan kadar yang bersesuaian dengan keadaan dan tahap sasaran (mad'u). Bagi kanak-kanak, pendekatan yang digunakan semestinya agak berbeza berbanding dengan pendekatan terhadap golongan dewasa. Oleh itu, penelitian dan kajian perlu dibuat berkaitan isi, gaya persembahan atau uslub, serta medium yang digunakan agar menepati kehendak sasaran.

a. **Isi Kandungan:** Kandungan dalam penyampaian dakwah kepada kanak-kanak seharusnya mengandungi unsur-unsur yang ringan

[19] Ab.Aziz Mohd Zin. (1999). *Ibid.,* h. 270.

dan tidak terlalu berat di mana menyukarkan mereka untuk memahaminya. Selain itu, aplikasi lain seperti gambar dan aktiviti yang menarik juga membantu dalam menarik minat kepada isu yang ingin ditampilkan. Kandungan boleh disampaikan dengan pelbagai medium dan cara. Tertakluk kepada sejauh mana keterlibatan kanak-kanak itu terhadap aplikasi yang digunakan.

b. **Gaya Bahasa:** Bagi kanak-kanak dan dewasa, laras bahasa anta satu dengan yang lain adalah berbeza. Untuk kanak-kanak sebagai mad'u, pemilihan bahasa dan perkataan juga perlu dalam memberi kefahaman dan mengajar mereka berkenaan Islam atau apa jua ilmu yang ingin disampaikan. Laras bahasa yang tinggi tidak akan mampu difahami oleh seorang kanak-kanak. Bahasa dengan aplikasi mudah mampu mempermudah pemahaman dan menarik minat mereka untuk turut serta dengan perkara yang disampaikan.
c. **Uslub penyampaian:** Uslub atau gaya penyampaian merupakan elemen yang perlu dititik beratkan oleh pendakwah apabila berhadapan dengan mad'u yang terdiri dari kanak-kanak. Kesesuaian uslub akan memastikan kanak-kanak yang tidak fokus terhadap sesuatu dengan jangka masa yang lama akan tertarik dan sedia menerima pembelajaran yang disampaikan.

Attention: Selain kaedah yang disarankan sebelum ini, terdapat juga kaedah konvensional yang disepadukan dengan kaedah Islam untuk pendekatan dakwah terhadap kanak-kanak. Dakwah melalui perhatian atau *attention* termasuklah melalui unsur cantik, nyata dan jelas, mudah, berubah-ubah dan bergerak, menjinakkan dan sebagainya. Dengan itu, tarikan perhatian (*attention*) ialah apabila pemikiran seseorang dan mentalnya tertumpu kepada maklumat yang diterima.[20]

Cantik: salah satu unsur penting dalam menarik perhatian kanak-kanak adalah melalui perkara-perkara yang cantik. Perkara yang cantik ini dilihat member impak menarik kepada sesiapa sahaja terutamanya kanak-kanak. Islam sangat menitikberatkan cantik, kerana cantik merupakan sebahagian daripada Islam.[21] Walau bagaimanapun, cantik merupakan perkara yang subjektif dan luas pengertiannya. Selain cantik secara fizikal, cantik juga terkandung dalam makna, penyampaian, bahasa, dan sebagainya. Allah SWT juga menyuruh umatnya sentiasa dalam keadaan cantik, sebagaimana firmanNya,

[20] Ab.Aziz Mohd Zin. (1999). *Ibid.,* h. 59.
[21] *Ibid.,* h. 60.

۞ يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ خُذُواْ زِينَتَكُمۡ عِندَ كُلِّ مَسۡجِدٖ وَكُلُواْ وَٱشۡرَبُواْ وَلَا تُسۡرِفُوٓاْۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ٣١

"Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah berhias di setiap kali (memasuki) masjid, Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan dan melampaui batas".

(Surah al-A'raf ayat 31)

Selain itu, Ab. Aziz Mohd. Zin (1999) menerangkan bahawa persembahan yang cantik dalam rangka untuk menarik perhatian sasaran terutamanya kanak-kanak mengandungi:[22]

a) Kecantikan kandungan Islam.
b) Kecantikan cara penyampaian dengan menggunakan *uslub* yang sesuai.
c) Kecanggihan media yang menjadi saluran penyampaian Islam.
d) Kecantikan akidah Islam.
e) Kecantikan akhlak Islam.
f) Kecantikan peraturan dan hukum Islam.
g) Kcantikan sejarah dan sirah Islam.

Kecantikan sesuatu penyampaian maklumat melalui e-dakwah umpamanya, dilihat dari aspek susunan kandungan dan kerapian pendakwah mengklasifikasikan maklumat dengan gabungan latar belakang laman yang berwarna ceria, selingan muzik latar yang menggambarkan seni muzik Islam dan capaian maklumat yang pantas dan tersusun.[23] Maka, dalam usaha menarik minat kanak-kanak terhadap usaha dakwah, haruslah aplikasi psikologi ini diketengahkan kerana mampu menjadi daya penarik kepada mesej yang ingin disampaikan serta gaya penyampaian yang disukai ramai terutama kanak-kanak.

Nyata dan jelas: perkara ini pula merujuk kepada betapa perlunya sesuatu yang ingin disampaikan itu jelas dan terang. Ini kerana jika terdapat

[22] *Ibid.,* h. 60.
[23] Nor Raudah Siren. (2006) *Isu-isu Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 111-112

kekurangan dari sudut ini, maka sukar untuk sasaran atau mad'u untuk memahami mesej yang ingin disampaikan. Fikiran manusia akan menjadi berat ketika berhadapan dengan benda-benda yang samar dan sukar untuk difahami[24], lebih-lebih lagi bagi seorang kanak-kanak. Tidak kiralah sama ada dari sudut penerangan, tulisan, bahasa mahupun isu yang diketengahkan seharusnya jelas, lebih-lebih lagi untuk perkara yang berkaitan Islam. Islam disampaikan kepada sasaran dalam keadaaan jelas dan nyata.[25]
Firman Allah SWT,

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أَشۡرَكُواْ لَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا عَبَدۡنَا مِن دُونِهِۦ
مِن شَيۡءٖ نَّحۡنُ وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمۡنَا مِن دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖۚ
كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ فَهَلۡ عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا
ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٣٥

Dan berkatalah orang-orang musyrik: «Jika Allah menghendaki, niscaya Kami tidak akan menyembah sesuatu apapun selain Dia, baik Kami maupun bapa-bapa Kami, dan tidak pula Kami mengharamkan sesuatupun tanpa (izin)-Nya». Demikianlah yang diperbuat orang sebelum mereka; Maka tidak ada kewajiban atas Para rasul, selain dari menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.

(Surah al-Nahl ayat 35)

Oleh itu, dalam pendekatan dakwah kepada kanak-kanak seharusnya mesej dan uslub dakwah yang digunakan terang dan jelas kerana kanak-kanak secara psikologinya tidak dapat memahami perkara yang abstrak dan berbelit-belit. Pendekatan sebegini lebih menarik perhatian buat sasaran yang sukar memahami perkara yang sukar seperti dalam konteks pemikiran kanak-kanak ini.

Mudah: Setiap manusia pastinya menginginkan perkara yang mudah dalam apa jua yang dilakukan. Sebegitu jugalah usaha dalam menyampaikan mesej dakwah kepada kanak-kanak ini perlu diletakkan dengan kadar mudah. Dakwah Islam dilakukan dalam bentuk yang mudah.

[24] Ab.Aziz Mohd Zin. (1999), *Op.cit,* h. 63.

[25] *Ibid.*

Firman Allah SWT:

هُوَ ٱجۡتَبَىٰكُمۡ وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٍۚ

"Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan."

(Surah al-Haj ayat 78)

Secara realitinya, dasar pada Islam itu hendaklah disampaikan dengan makna mudah dan tidak boleh terlampau dalam melaksanakan sesuatu tuntutan agama, kerana akhirnya ia akan tewas. Perkara ini juga punya persamaan dengan penyampaian terhadap sasaran kanak-kanak yang memerlukan pemahaman ringkas dan mudah agar mereka tidak berasa jemu dan terbeban. Firman Allah SWT,

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلۡيُسۡرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلۡعُسۡرَ

"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu."

Surah al-Baqarah ayat 185)

Berubah-ubah dan bergerak: Suatu perkara atau benda yang bersifat pegun atau statik pasti kurang mendapat sambutan berbanding dengan yang mempunyai unsur bergerak atau berubah-ubah. Impaknya terhadap psikologi manusia khususnya kanak-kanak sangat cepat dan besar. Perkara sebegini yang mendorong perhatian terhadap mesej yang cuba disampaikan kepada mereka. Psikologi dakwah memerlukan bahawa dakwah itu harus dilakukan dalam keadaan yang berubah-ubah, sama ada dalam isi kandungan, *uslub,* saluran media, strategi dan lain-lain.[26]

JENIS-JENIS MEDIA DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK

Media boleh diertikan sebagai 'perantara' atau 'pengantar'. AECT (Association for Educational Communication and Technology) mendefinisikan media iaitu segala bentuk yang digunakan untuk proses penyaluran informasi. Robert Hanick dan kawan-kawan (1986) mendefinisikan media adalah sesuatu yang membawa informasi antara sumber (*source*) dan penerima (*receiver*) informasi. Masih dalam sudut

[26] Ab.Aziz Mohd Zin. (1999). *Ibid.,* h. 66.

yang sama Kemp dan Dayton mengemukakan peranan media dalam proses komunikasi sebagai alat pengirim (*transfer*) yang mentransmisikan pesan dari pengirim (*sender*) kepada penerima pesan atau informasi (*receiver*).
Penggunaan media dalam pembelajaran merupakan perantara atau alat untuk memudahkan proses pembelajaran agar tercapai tujuan pengajaran secara efektif dan efisyen serta memaksimumkan pemahaman kanak-kanak. Kemajuan teknologi, ilmu pengetahuan serta perubahan sikap masyarakat membawa pengaruh yang besar dalam bidang pendidikan. Hal ini mendorong para pendidik dan pendakwah untuk mengembangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih maju dengan memanfaatkan teknologi moden dan kemajuan ilmu pengetahuan sebagai media pendidikan.

Jenis-jenis media dalam pendidikan untuk kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua iaitu media bukan eletronik dan media eletronik. Media bukan eletronik pula ialah alat-alat yang tidak memerlukan kuasa bateri atau eletrik seperti papan tulis, kad imbas, buku dan bahan realia[27]. Contoh yang lain ialah lukisan, alatan-alatan seni, permainan doh, pasir, air, bongkah dan banyak lagi. Aktiviti ini dapat membantu perkembangan intelektual, lisan dan melahirkan kanak-kanak yang berminda kreatif.[28] Media eletronik pula merupakan alat-alat yang menggunakan kuasa bateri atau eletrik seperti tv, radio, perakam suara, komputer dan sebagainya.

Perlaksanaan penggunaan media-media tersebut bergantung kepada kehendak dan keupayaan seseorang guru. Guru merupakan individu yang penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran walaupun media yang digunakan itu adalah canggih dan hebat. Sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran guru akan merancang dan merangka terlebih dahulu matlamat dan objektif pengajaran yang ingin disampaikan.
Gambar di bawah menunjukkan media-media yang digunakan di prasekolah Islam yang melaksanakan penggunaan media yang aktif dan produktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran;

---

[27] Bahan yang sebenar atau maujud.

[28] Chiam, Heng Keng (1995), *Understanding Children*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, hlm.46

Jenis Media Pendidikan	Gambar
1. Sumber asas	a) Buku b) Kad imbas c) Poster

	d) Papan putih
2. Media Elektronik	a) Radio b) Televisyen

	c) Komputer riba
3. Media bukan Elektronik	a) Boneka b) Replika dapur dan peralatan dapur

4. Media bersumber pengalaman	**a)** Alam **b)** Permainan **c)** Kreativiti

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, proses pengajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak akan lebih berkesan sekiranya proses tersebut dipelbagaikan lagi dengan penggunakan multimedia. Bukan mudah untuk menarik minat kanak-kanak, namun, melalui penggunaan media yang pelbagai dapat membuatkan kanak-kanak akan lebih meminati dan memahami pelajaran tersebut dengan lebih mudah dan cepat. Oleh yang demikian, di peringkat prasekolah, guru-guru digalakkan untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif untuk meningkatkan daya tarikan dan kefahaman kanak-kanak.

RUJUKAN

Rashidah Rafie (2010), *Buat Duit Dengan Tadika*, Batu Caves Selangor : PTS Profesional Publishing.

Al-Nawawi (1972), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi.* Beirut.

Ibn Majah, abu Abdullah Muhammad ibn Yazid, (t.t), *Sunan ibn Majah.* al-Babi al-Halabi.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Rohani Abdullah, Nani Menon &Mohd. Sharani Ahmad (2007) Panduan Kurikulum Prasekolah, Batu Caves: PTS Profesional Publishing.

'Ulwan, Abdullah Nasif (1981), *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam.* Beirut.

Ab. Aziz Mohd. Zin (1999), Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nor Raudah Siren (2006), *Isu-isu Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Chiam, Heng Keng (1995), *Understanding Children*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications.

PENDEKATAN NASIHAT YANG BAIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AWAL KANAK-KANAK DI PASTI UMMU AIMAN SEBAGAI WAHANA MELAHIRKAN MODAL INSAN BERKUALITI

Oleh:
Salmee suhaina binti yusoff[1]
Dr. Nor Raudah Hj. Siren[2]
Mastura binti Razali[3]

ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan generasi pelapis yang akan menggantikan generasi yang ada pada hari ini. Jika salah pendidikan yang diberikan maka akan lahir generasi yang rosak dan pincang jiwa dan ilmunya. Justeru PASTI telah mengambil langkah yang proaktif untuk melahirkan tunas Islam yang unggul dari aspek sahsiah, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangkan kepada Islam, Iman dan Ihsan. Maka penulisan ini akan membincangkan tentang pendekatan nasihat yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di PASTI. Kajian ini akan meliputi setiap aktiviti yang dilakukan sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung atau tidak langsung. Nasihat yang baik ialah satu pendekatan dakwah yang sangat berkesan yang sepatutnya diaplikasikan oleh semua guru-guru di sekolah.

Kata Kunci: Nasihat yang baik, Awal kanak-kanak, Modal Insan

PENDAHULUAN

Islam merupakan sebuah agama yang memenuhi fitrah manusia telah memberi tanggungjawab yang besar dan penting kepada ibu bapa sebagai pendidik yang paling dekat dengan anak-anak agar membentuk amanah mereka menjadi muslim yang soleh dan solehah.[4] Firman Allah s.w.t:

---

[1] Pelajar Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.

[2] Pensyarah Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Universiti Malaya.

[3] Pelajar Sarjana, Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.

[4] Aishah Hassan, Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak Bahagian Satu (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1988), 13

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلۡحِجَارَةُ عَلَيۡهَا مَلَـٰٓئِكَةٌ غِلَاظٞ شِدَادٞ لَّا يَعۡصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمۡ وَيَفۡعَلُونَ مَا يُؤۡمَرُونَ ٦

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

Jika ibu bapa dan pendidik melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan sempurna maka akan lahir generasi Islam yang unggul dan hebat dan jika sebaliknya akan lahir generasi yang rosak akidah jahil syariah dan tempang akhlak. Sehubungan dengan itu pendekatan yang sesuai harus diaplikasikan dan dirancang dengan baik untuk melahirkan golongan yang taat pada perintah Allah dan melaksanakan segala suruhan yang telah diwajibkan ke atas diri mereka.

Sesungguhnya kanak-kanak merupakan individu yang muda dan masih mentah yang memerlukan tunjuk ajar dari orang dewasa. Perkataan kanak-kanak dalam bahasa arabnya disebut sebagai *al-tifl* (الطفل) yang berasal dari perkataan *tafula* (طفل) [5] yang membawa maksud sesuatu yang lembut, mudah rosak dan sensitif. Di sebalik maksud tersebut ia memberi pengertian bahawa seseorang kanak-kanak itu perlu dijaga, diasuh dan dididik dengan rapi, teliti dan sempurna memandangkan sifat semulajadinya yang mudah terdedah kepada bahaya persekitaran bukan sahaja dibimbangi kerosakan yang akan menimpa fizikal dan tubuh badan malah aspek-aspek yang lain juga amat perlu diberikan perhatian.[6]

Menurut syariat Islam, awal kanak-kanak ialah seseorang yang belum baligh yang dikenali sebagai *al-sabiy* atau *al-ghulām.*[7] Keadaan mereka

[5] *Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab- Bahasa Melayu*, Shah Alam: Oxford fajar Sdn Bhd, h. 231

[6] Mastura Badzis, Prof. Madya, Dr. (2009). *Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif* dalam http://www.pdfqueen.com/html, pada 15 Mac 2010, h. 1.

[7] Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti (t.t) *al-Ashbah wa al-Nazair fi al-Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*. Kaherah: Mustafa al-babi al-Halabi, h. 240

dijelaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib dan Aishah r.a yan bermaksud,

> *"Tiga orang yang tidak dikira sebagai bertanggungjawab ke atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan seorang yang gila sehingga dia siuman."*

Hadith tersebut menjelaskan bahawa kanak-kanak ialah seorang yang belum dewasa (masih di bawah umur baligh) dan tidak menanggung dosa sehinggalah cukup umur. Proses pertumbuhan ke arah peringkat dewasa mengambil masa yang berbeza-beza antara seseorang dengan seseorang yang lain kerana ia bergantung kepada kecepatan proses fizikal dan daya intelek.

Terdapat banyak pendapat berkenaan pembahagian tahap kanak-kanak. Kanak-kanak dibahagikan kepada tiga bahagian secara umum iaitu tahap bayi[8], tahap awal kanak-kanak[9] dan juga tahap penghujung kanak-kanak.[10] *National Associations for the Educations of Young Children* (NAEYC) menterjemahkan peringkat awal kanak-kanak terdiri daripada bermulanya tahun-tahun kelahiran sehinggalah lapan tahun.[11] Manakala bagi peringkat kedua iaitu pertengahan kanak-kanak dan dinyatakan sebagai waktu yang menarik untuk pandangan dari sudut kognitif dan intelektual.[12] Kanak-kanak akan mengalami perkembangan dan pertumbuhan dari semasa ke semasa. Pertumbuhan bermaksud perubahan yang boleh dinilai dan diukur secara kuantitatif dari satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain. Perubahan biasanya adalah perubahan fizikal yang melibatkan pertambahan kuantiti iaitu misalnya perubahan dari segi berat badan, tinggi dan pertambahan saiz badan. Manakala Perkembangan ialah perubahan yang bersifat kualitatif. Sifat perubahan ini tidak dapat diukur tetapi jelas berlaku jika dibandingkan dengan peringkat yang lebih awal.

PENGERTIAN MODAL INSAN

Modal insan dalam konteks ini bermaksud melahirkan ganerasi pelapis yang mempunyai sahsiah yang terpuji dan kefahaman Islam yang baik

[8] Lewis, M. M., *Language, Thought & Personality in Infancy and Childhood,* (New York: Basic Books, Inc., Publishers, 1963), 100

[9] *Ibid.,* 102.

[10] *Ibid.,* 166.

[11] Bentzen, W. R., *Seeing Young Children: a guide to observing and recording behavior.* (4th ed.). (New York: Thomson Learning, 2000), 321.

[12] *Ibid.,*326.

serta akhlak yang mulia sekaligus melahirkan muslim yang berkualiti dan berdaya saing. Seperti yang diketahui kanak-kanak merupakan ganerasi yang akan menjadi pelapis kepada generasi yang ada pada hari ini. Jika mereka tidak dibekalkan dengan modal yang secukupnya dibimbangi akan mengakibatkan kemusnahan kepada negara dan kepapaan jiwa. Sehubungan dengan itu pendidikan di peringkat awal adalah penting untuk memberi pendedahan seawal mungkin kepada mereka dan mengaplikasikan pendekatan nasihat yang baik dalam proses pembesaran mereka. Tidak dapat dinafikan kanak-kanak memerlukan suasana dan iklim yang baik dalam membantu perkembangan jiwa dan kerohanian mereka. Jika jiwa mereka disiram dengan baja nasihat pastilah akan lahir ganerasi yang hebat yang mempunyai modal yang berkualiti dan dinamik.

PENGERTIAN NASIHAT YANG BAIK

Nasihat yang baik ialah salah satu daripada asas utama metodologi dakwah dalam Islam dan merupakan metodologi dakwah yang paling senang dan mudah untuk diaplikasikan terhadap kanak-kanak terutamanya oleh ibu bapa dan guru. Nasihat yang baik membawa maksud kata-kata yang dilakukan secara halus, lembut, tenang, boleh menyejukkan kepanasan hati, kata-kata yang tidak menyinggung perasaan dan ikhlas semasa memberi nasihat.[13] Al-Bayuni menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang termasuk dalam nasihat yang baik iaitu[14]

a) Kata-kata yang berterus terang, tetapi dengan lembut dan halus
b) Suatu penjelasan yang lembut dan difahami
c) Suatu kiasan yang beradab
d) Bentuk cerita yang jenaka
e) Meningati nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran
f) Penjelasan tentang pujian dan celaan dari Allah
g) Rangsangan baik dari Allah dan janji-janji buruk dari-Nya yang menakutkan
h) Penjelasan tentang janji-janji Allah dengan kemenangan dan kekuatan
i) Penerangan supaya tahan diuji dan sabar.

Pendekatan Nasihat Yang Baik terhadap Awal Kanak-Kanak

Metodologi nasihat yang baik ini juga sebenarnya adalah metodologi yang sangat sesuai untuk diterapkan terhadap awal kanak-kanak dalam membentuk

[13] Abdul Aziz Md Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 10

[14] Al-Bayuni, Muhammad Abu al-Fath, *Al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah, al-risalah* (Beirut, 1993), 259

jiwa dan kefahaman mereka tentang Islam. Berdasarkan buku karangan Abdullah Nasih 'Ulwan dalam *pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam* menyebut bahawa nasihat yang baik ialah salah satu metodologi yang sesuai terhadap kanak-kanak. Metode nasihat yang baik kepada kanak-kanak adalah penting untuk pembentukan keimanan, akhlak, kejiwaan dan kemasyarakatan. Ini kerana pengajaran dan nasihat mempunyai kesan yang besar dalam membuka pandangan anak-anak kepada hakikat-hakikat sesuatu benda, seperti yang terdapat dalam al-Quran.[15] Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ
إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Surah Luqman 31:13

Maksudnya*: Dan (Ingatlah) ketika Luqman Berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: «Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar».*

Justeru berdasarkan ayat al-Quran di atas menunjukkan kepada kita bahawa Luqman telah menasihati anaknya dengan nasihat yang baik. Hal ini kerana pendekatan ini mempunyai seruan yang begitu menyentuh perasaan, dan kesannya kepada hati amat nyata sekali. Metodologi nasihat yang baik ini boleh menggunapakai pendekatan seperti ajakan atau teguran, yang merupakan satu menifestasi jelas yang telah digunakan oleh al-Quran untuk mengetuk pintu hati manusia. Justeru usaha menyeru ke jalan Allah, menyampaikan pengajaran dan memberikan nasihat dengan menggunakan gaya bahasa dan pendekatan yang berbagai-bagai dan telah diaplikasikan oleh para nabi serta diulang-ulang oleh para daie. Maka tidak syak lagi bahawa nasihat yang baik dan ikhlas apabila ditemukan dengan jiwa yang bersih, hati yang terbuka, akal fikiran yang cerdik lagi bijaksana akan mudah diterima dan memberi kesan yang sangat nyata.

Oleh itu, al-Quran telah menegaskan dalam banyak ayat dan telah mengulangi serta menyarankan supaya peringatan yang diberikan dimanfaatkan dan supaya kata-kata petunjuk dan kata-kata nasihat yang suci diterima. Firman

[15] Abdullah Nasih 'Ulwan, Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jilid 2 diterjemah oleh Panel Penterjemah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 468.

Allah:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكۡرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلۡبٌ أَوۡ أَلۡقَى ٱلسَّمۡعَ وَهُوَ شَهِيدٞ ٣٧

Maksudnya: *Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai akal atau yang menggunakan pendengarannya, sedang dia menyaksikannya.*

Justeru Abdullah Nasih 'Ulwan telah mengariskan pendekatan dalam menyempaikan pengajaran dan nasihat yang baik kepada awal kanak-kanak. Dua pendekatan yang dicadangkan oleh beliau ialah;

a) Seruan luhur yang disertai dengan ajakan atau teguran

Pendekatan ini mempunyai seruan yang begitu menyentuh perasaan dan kesannya pada hati amat nyata sekali. Pendekatan ini sama ada berupa ajakan atau teguran adalah satu menefestasi jelas yang telah digunakan oleh al-Quran untuk mengetuk pintu-pintu hati manusia khususnya kanak-kanak, akal fikiran mereka sekadar sesuai dengan usia mereka melalui lidah para daie iaitu ibu bapa dan guru. Sebagai contoh seruan yang telah dinukilkan dalam al-Quran antara ialah ;

وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبۡنَهُۥ وَكَانَ فِي مَعۡزِلٖ يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٢

Maksudnya: *Dan bahtera itu berlayar membawa mereka dalam gelombang laksana gunung. dan Nuh memanggil anaknya, sedang anak itu berada di tempat yang jauh terpencil: «Hai anakku, naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir.»*

(Surah Hud : 42)

Firman Allah lagi:

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبۡرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعۡقُوبُ يَٰبَنِيَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ١٣٢

Maksudnya: *Dan Ibrahim Telah mewasiatkan Ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Ya›qub. (Ibrahim berkata): «Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah Telah memilih agama Ini bagimu, Maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam».*

(Surah al-Baqarah : 132)

b) Pendekatan melalui pemaparan cerita yang mengandungi pengajaran dan petunjuk.

Pendekatan ini mempunyai kesan kejiwaan yang nyata, mempunyai keserasian dengan jalan pemikiran di samping mempunyai hujah-hujah akal dan logik-logik yang kukuh. Al-Quran telah menggunakan pendekatan ini dalam banyak tempat terutamanya dalam kisah Rasul bersama-sama kaum mereka. Sesungguhnya mengkisahkan dan menceritakan kisah para rasul dan nabi kepada kanak-kanak mampu membentuk pemikiran awal mereka terhadap Islam dan mampu menjadi pengajaran berguna kepada mereka dalam proses pemantapan sebagai seorang Islam. Firman Allah taala:

... فَٱقۡصُصِ ٱلۡقَصَصَ لَعَلَّهُمۡ يَتَفَكَّرُونَ ١٧٦

Maksudnya: *Maka Ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir.*

(Surah al-A'Raf:176)

Firman Allah lagi:

وَكُلّٗا نَّقُصُّ عَلَيۡكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَۚ ...

Maksudnya: *Dan semua kisah dari rasul-rasul kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya kami teguhkan hatimu;*

PANDANGAN BARAT TERHADAP KESAN KATA-KATA YANG BAIK TERHADAP KANAK-KANAK

Kon Pembelajaran Dale (terbalik) adalah sesuai untuk membentuk sikap kanak-kanak. Kon Pembelajaran Dale terbalik ini menunjukkan bahawa melalui lisan dan kata-kata yang baik akan mampu membentuk dan merubah sikap kanak-kanak. Dalam keadaan ini sikap kanak-kanak akan mudah dibentuk jika dia mendengar (simbol berbahasa) nasihat daripada orang yang lebih dewasa, dihormati dan berpengaruh. Manakala berbeza dengan orang dewasa yang mudah dibentuk jika melihat model yang sebenarnya atau melalui model dalam televisyen. Hal ini menunjukkan pendekatan nasihat dan kata-kata yang baik juga dipersetujui oleh barat sebagai pendekatan yang sesuai dan berkesan. Tetapi untuk mengubah sikap yang sedia ada, wager berpendapat ia memerlukan pengalaman sebenar dan ini sesuai untuk kanak-kanak dan orang dewasa.[16] Rajah 1 di bawah menunjukkan kon Pembelajaran Dale terbalik;

Rajah 1 Kon Pengalaman Pembelajaran Dale (terbalik untuk sikap).



Pusat Asuhan Tunas Islam Malaysia (PASTI)

PASTI Ummu Aiman ditubuhkan pada tahun 1990 oleh barisan pemuda PAS cawangan Dun Ulu Kelang untuk memberi kemudahan kepada para ahli PAS dan masyarakat di sana untuk memberi pendidikan Prasekolah yang menerapkan unsur Islam secara langsung. PASTI Ummu Aiman merupakan

[16] Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan,* 166.

antara perintis kepada kurikulum baru K4T yang baru diperkenalkan oleh pihak pengurusan pada tahun 2005. PASTI Ummu Aiman juga menawarkan pendidikan kepada pelajar berusia lima dan enam tahun.

Sebelum pengkaji menyentuh berkenaan falsafah PASTI ingin terlebih dahulu pengkaji mengariskan visi dan misi PASTI. Visi utama PASTI ialah Melahirkan kanak-kanak Soleh pintar di Malaysia melalui pendidikan berteraskan Islam. Manakala misi PASTI pula ialah Melaksanakan program pendidikan yang cekap, berkualiti dan berkesan bagi menjadikan PASTI sebagai pilihan utama masyarakat Malaysia. Perkara-perkara di atas akan dibantu oleh piagam pelangan PASTI iaitu :

a) Pelajar dapat menguasai kemahiran asas 5M (membaca, menulis, mengira, menghafal dan mengamal). Sedikit berbeza dengan konsep kemahiran asas yang ditekankan oleh Kurikulum Prasekolah Kebangsaan iaitu menekankan 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul)
b) Sentiasa mengemaskini proses pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan terkini dalam pendidikan awal kanak-kanak.
c) Menyediakan suasana pembelajaran kondusif bagi menjamin persekitaran pembelajaran yang sihat dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan sempurna.
d) Sentiasa proaktif terhadap teguran, saranan dan pandangan kearah kecemerlangan pendidikan PASTI.
e) Sentiasa mengembangkan potensi murid berdasarkan kecenderungan bakat dan kebolehan masing-masing.

Pendidikan PASTI merupakan satu usaha bersepadu dan berterusan kearah melahirkan generasi tunas Islam yang unggul dari aspek sahsiah, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangkan Islam, Iman dan ihsan. Mengambilkira potensi dan bakat yang sedia ada. Pendidikan PASTI berusaha mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor, bahasa, sosioemosi dan sosial selain kepelbagaian bakat serta kecerdasan yang sedia terpupuk dalam diri tunas Islam. Usaha-usaha PASTI menerusi pembentukan peribadi unggul ini bertujuan mempersiapkan diri mereka agar menjadi warga yang mengamalkan cara hidup Islam yang diredai oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Rajah 3.1 Kurikulum 4 Tahun Pasti.[17]



Berdasarkan Model di atas, bulatan besar menunjukkan diri seseorang kanak-kanak yang mempunyai potensi dan bakat serta kecerdasan pelbagai yang sedia terpupuk dalam diri mereka. Kanak-kanak ini mempunyai dunia kehidupannya yang tersendiri yang ditunjukkan dalam bentuk empat segi sama iaitu kehidupan di rumah mahupun di sekolah.

Oleh itu, pembentukan kurikulum pendidikan untuk kanak-kanak prasekolah perlu dibangunkan berdasarkan dunia dan persekitaran mereka. Pembentukan pendidikan Kanak-kanak dibentuk dengan mengambilkira perkembangan kognitif, psikomotor, bahasa dan komunikasi serta sosioemosi kanak-kanak tersebut. Maka dengan itu aktiviti yang dijalankan hendaklah bersesuaian dengan kehendak perkembangan yang diinginkan. Pembentukan perkembangan ini dilaksanakan bertunjangkan tiga aspek utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Tunjang keimanan, keIslaman dan ihsan ini ditekankan bagi melahirkan kanak-kanak yang mantap dari aspek sahsiah, ilmuan dan amalannya serta mampu menjadi warga yang cintakan Negara dan mengamalkan cara hidup Islam yang diredai Allah SWT di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kanak-kanak mampu dilahirkan sebagai anak yang soleh lagi pintar.

[17] Draf Huraian Sukatan Pelajaran PASTI tahap dua (6 tahun), 2003, 3

Pendekatan Nasihat Yang baik yang Diaplikasikan di PASTI Ummu Aiman

PASTI Ummu Aiman telah mengaplikasikan pendekatan Nasihat yang baik dalam keseluruhan aktiviti yang berlaku di PASTI ini. media yang kerap digunakan di PASTI Ummu Aiman ialah media lisan khususnya dalam bentuk nasihat. Hal ini kerana, dalam setiap aktiviti yang dilakukan memerlukan media tradisional ini untuk menyampaikan mesej-mesej pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, guru-guru PASTI menggunakan metodologi pengulangan terhadap hafalan doa, surah-surah, hadits-hadits dan juga nasihat-nasihat yang sentiasa diulang dalam setiap permulaan aktiviti mereka setiap hari. Penggunaan media lisan bermaksud menggunakan pendekatan kata-kata nasihat terhadap kanak-kanak semaksimum yang mungkin.

Walaupun hanya menggunakan lisan tetapi guru masih mampu menarik perhatian mereka dengan melakukan aktiviti dan melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh guru. Di samping itu, pengulangan yang dilakukan oleh pihak guru dalam memastikan murid-murid mampu menghafaz dengan baik doa-doa, surah-surah malah lagu-lagu yang diajar. Hafazan-hafazan seperti surah, hadits, mahupun doa akan diulang sebanyak tidak kurang dari tiga kali sehari. Hal ini akan membantu kanak-kanak dalam menghafaz melalui metodologi pengulangan.

Metodologi lain yang digunakan oleh guru menggunakan lisan ialah soal jawab, nasihat yang baik, pujian, peringatan dan dan pengulangan. Sebagai contoh apabila guru mendapati pelajar-pelajar bising dan tidak memberi tumpuan, guru akan menyebut perkataan "*anak yang baik duduk bagaimana?"* maka murid-murid akan menjawab *"bersila"*[18] dan mereka akan segera merubah kedudukan mereka kepada bersila. Sekaligus akan membantu menarik perhatian mereka kembali terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Contoh yang lain pula ialah guru menggunakan metodologi pujian seperti "*cikgu akan bagi dekat orang sabar saja… cikgu pilih Musab jawab, sebab dia sabar".* Maka hasil dari kata-kata tersebut murid-murid tidak bising seketika dan sabar menunggu giliran.

PASTI sebenarnya telah menerapkan unsur-unsur kerohanian hampir ke dalam kesemua aktiviti yang dilakukan. Namun antara fokus utama dalam perkembangan kerohanian ini ialah penekanan supaya kanak-kanak mampu mengucap dua kalimah syahadah dan ikrar, supaya kanak-kanak mengetahui bahawa alam ini ada pencipta, supaya kanak-kanak mengetahui nama-nama

[18] Duduk dgn kaki berlipat dan bersilang.

dan beberapa sifat Allah dan mengetahui rukun iman. Aspek-aspek inilah yang ditekankan secara khusus dalam perkembangan kerohanian.

Jadual 1 Perkembangan Perkembangan Rohani

Perkembangan	Aktiviti	Media
Perkembangan rohani	Nasyid dan nyanyian	Lisan Gerak tubuh
	Syahadah setiap pagi	Lisan
	Allah maha pencipta	Lisan Buku Pensal warna Papan putih Pen
	Hafazan ayat al-Quran, hadits dan doa	Lisan
	Bercerita	Lisan Buku cerita
	Bola beracun	Lisan Radio Bola Kad bergambar

Jadual 1 di atas menjelaskan tentang aktiviti yang telah dilakukan oleh para pelajar bersama guru mereka iaitu aktiviti kerohanian. Sebenanrnya aktiviti kerohanian telah diterapkan dalam kesemua perkembangan dan tidak terhad kepada perkembangan kerohanian secara khusus. Hal ini demikian kerana bersesuaian dengan matlamat utama PASTI iaitu melahirkan generasi yang soleh pintar mampu melahirkan hamba yang sebenar-benar hamba. Sebagai contoh seperti permulaan sebelum melakukan setiap aktiviti guru dan para pelajar akan membaca doa, ayat hafazan mahupun hadits hafalan yang terpilih dahulu. Maksudnya dalam setiap aktiviti tidak dapat tidak guru akan menyelitkan elemen-elemen kerohanian walaupun tidak secara langsung. Sebagai contoh soal jawab yang berlaku semasa aktiviti fizikal yang berlaku di luar kelas;

"Siapa yang cipta pokok" Tanya Cikgu Norseha kepada Murid-muridnya.

"Allah" murid-murid menjawab serentak.

"Hebat tak Allah?

"Hebat" . Jawab murid-murid.

Nyanyian atau nasyid juga menjadi aktiviti yang digemari di PASTI oleh para pelajar. Antara lagu yang disukai oleh kanak-kanak ialah lagu Gorila, lagu rama-rama dan lagu bangun pagi. Lagu-lagu ini telah diolah dan disesuaikan dengan mesej dan matlamat yang ingin dicapai oleh PASTI sendiri. Nasyid dan lagu-lagu tersebut telah diserapkan unsur-unsur humor dan kerohanian yang mendidika jiwa sesuai dengan usia mereka supaya mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan individu soleh yang produktif dan berkualiti.

KESIMPULAN

Hasil kajian mengenai pendekatan nasihat yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran awal kanak-kanak di PASTI sebagai wahana melahirkan modal insan berkualiti dapatlah dirumuskan seperti berikut:

a) Nasihat yang baik membantu kanak-kanak dalam proses perkembangan kerohanian dan kognitif mereka serta mampu merubah sikap mereka.
b) Nasihat yang baik merupakan pendekatan yang sangat sesuai untuk merubah sikap dan perilaku kanak-kanak tanpa menggunakan perkataan yang kasar dan hukuman.
c) Keseluruhan aktiviti di dalam kelas dan di luar kelas telah mengaplikasikan pendekatan nasihat yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
d) Hasil kajian ini juga menunjukkan pendekatan ini sangat sesuai dalam membangunkan modal insan kanak-kanak agar lahir generasi yang berkualiti dan berdaya saing.

RUJUKAN

Al- Quran

Ab. Ghafar Md. Din. *Prinsip dan Amlan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003.

Abd. Ghafar Md. Din. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003.

Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd. Aziz dan Abdul Rasyid Mohamed. *Humor Dalam Pengajaran.* Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007.

Abdul Halim El-Muhammady. *Pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: ABIM, 1992.

Abdul Halim Hj. Mat Diah, *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Cet 1.Kuala Lumpur: ABIM, 1989.

Abdul Salim Muhamad Shukri. *Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-Kanak.* Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd, 2003..

Abdul Sani Yahya et. *al Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing, 2007.

Abdullah Sani Yahaya. *Mengurus Disiplin Pelajar.* Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2005.

Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad. *Asasiyat fi turuq at-tadris al-`ammah.* Riyadh: Dar Al-Huda,1988.

Ahmad Syarifuddin. *Mendidik Anak Membaca, menulis dan mencintai al-Quran.* Jakarta: Gema Insani, 2008.

Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi.* Beirut. jil. 16, 1972.

Amina Haji Noor, *Mendidik Mental Anak.* Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996.

Asmah Binti Ansar, *Peranan Taska dan Tadika dalam Pembentukan Peribadi kanak-kanak Islam: Suatu kajian di Kuala kangsar, Perak* (Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006)

Asmah Haji Ahmad. *Pedagogi 1*. Kuala Lumpur:Longman Malaysia Sdn Bhd, 1989.

Asmawati Suhid. *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam.* Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2009.

Asming Yalawae, Ahmad Farid bin Ibrahim "Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat" http://myais.fsktm.um.edu.my/8029/1/JUS-26-05.pdf.

Azhar Abdul Halim & Md Yusoff Daud. Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah: Satu Keperluan. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2000: Kepelbagaian Pelajar: Cabaran Dan Strategi Pengajaran,*

Azizah Lebai Nordin. *Pendidikan Awal kanak-kanak Teori Dan Amali*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya 2002

Azran Jaafar, "Melayan Kenakalan kanak-kanak Prasekolah" Berita Harian, 11 Januari 2013, 49

Bentzen, W. R., *Seeing Young Children: a guide to observing and recording behavior*. (4th ed.). New York: Thomson Learning, 2000.

Berk, L. E., *Infants, Children and Adolescents*. (2nd ed.). Boston: Allyn and Bacon, 1996.

Brown, Lewis, Harcleroad, *AV Instruction: Technology, Media Methods*. New York: McGraw Hill Inc, 1977.

Cairns, R. B *The Making of Developmental Psychology*, In W. Damon (ed*.). Handbook of Child Psychology*: Vol. 1. *Theoretical models of human development*. New York: Wiley, 1998.

Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2011.

Choong Lean Keow. *Asas Penyelidikan Tindakan Untuk Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian.* Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2011.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua.* Malaysia:The Mcgraw-Hill Companies, 2011).

Drs Zulkifli Leman. *Psikologi Perkembangan.* Bandung: Penerbit Pt Remaja Rosdakarya, 1992.

Elizabeth B. Hulock, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan.* Jakarta: Penerbit Erlangga, 1980.

Elizabeth Bergner Hurlock, *Instructor's Manual to Accompany* "Developmental Psychology, a Life-span Approach". McGraw-Hill, 1980.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/fpk.php, 4 Mei 2012.

Fuad Hassan & Koentjaraningrat, *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah.* Jakarta: T.P, 1976

Fuad Nashori. *Psikologi Islami-Agenda Menuju Aksi*. Yogjakarta: Pustaka Pelajar, 1997.

Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar, http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2007/Edmanagement/mohdjohdiUIAMfp.pdf, 3 Mei 2012

Haliza Hamzah et.al. *Perkembangan Kanak-kanak Untuk Program Perguruan Pendidikan Rendah Pengajian empat tahun.* Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd,2008.

Hanifah bin Sazali *"Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Quran: Perlaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Triang,*

Pahang" (Disertasi Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010)

Ibn Majah, abu Abdullah Muhammad ibn Yazid, Sunan ibn Majah. *al-Babi al-Halabi*. jil. 1,t.t.

Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan.* Shah Alam: APIUM & Intel multimedia and Publication, 2001.

Imam Ghazali Bimbingan Mu'minin*: Pada Mencari Redha Rabbila'lamin.* Terjemahan Syed Ahmad. Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.,1990.

Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Nazair fi al-Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*. Kaherah: Mustafa al-babi al-Halabi, (t.t)

Jas Laile Suzana Jaafar. *Psikologi Perkembangan: Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2000.

Jeremy Holmes, *John Bowlby and Attachment Theory*. New York: Routledge, 1993.

Juan Eduardo Camp. *The Muqaddimah, an Introduction to History*. New York: Facts on File, 2009

Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2003

Kamarudin Ngah, *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990.

Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.* (Johor:Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 1

Kamus Dewan. DBP: Kuala Lumpur. Edisi Ketiga.

Kasmini Kassim, *Memahami Jiwa Kanak-kanak.* Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors Sdn Bhd, 1990.

Kassim Bin Abbas, *Media dalam Pendidikan*. Perak: Penerbit Universiti Tanjong Malim, 2009.

Kassim Bin Abbas. *Media dalam Pendidikan.* Tangjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009

Khairul Azhar Idris "Perbezaan antara merendah diri dengan rendah diri" d Berita Harian, 10 Oktober 2002

Koentjaraningrat, (ed). *Metode-metode Penelitian Masyarakat.* Yogjakarta: Penerbit PT Gramedia, 1977.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001 dicapai pada 30 Disember 2011 http://www.moe.gov.my/bpk/sp_hsp/pra/sp_prasekolah.pdf

Lewis, M. M. *Language, Thought & Personality in Infancy and Childhood.* New York: Basic Books, Inc., Publishers, 1963

M.D Gall et.al. *Education Research An Introduction.* New York: Longman, 1996.

Maarof Redzuan, Haslinda Abdullah, *Psikologi*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2001.

Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Mastura Badzis *"Teachers and Parents' Understanding of Play in Child Development and Education"* (Tesis University of Warwick, 2003)

Mastura Badzis, Prof. Madya, Dr. (2009). Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif dalam http://www.pdfqueen.com/html, pada 15 Mac 2010,

Mazidah Muhamad, Dr. Noor Hisham MD Nawi. *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam* Selangor: PTS Millennia, 2011.

Mohd Amin H.a. Sharif, *Perkembangan Kanak-kanak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Mohd Salleh Lebar. *Asas Psikologi Perkembangan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1994.

Mohd Sharani Ahmad. *Mengurus Kanak-Kanak yang Susah Belajar*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd., 2004.

Mohd. Amin Ismail. *Pendidikan dan Psikologi kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.

Mohd. Sharani Ahmad. *Psikologi Kanak-Kanak*. Batu Caves: PTS Profesional, 2006.

Muhammad Sa'id al-Lahham, *al-mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Quran al-Karim.* Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2002.

Murugiah Velayutham, *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 1996.

Mustafa al-Khin, *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Muassah al-Risalah, 1992.

Najeemah Md. Yusof, *Konsep Pendidikan.* Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006.

Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah.* Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004.

Nani Menon, & Rohani Abdullah. *Panduan Mengembangkan Daya Fikir Kanak-Kanak Pra Sekolah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.,2003.

Nor Hashimah binti Hashim, Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Selangor: PTS Professional, 2003.

Nor Raudah Haji Siren, Yusmini Mohd Yusoff (ed).*Dakwah Islam Semasa.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Norafisah Bt Mat Jusoh, *"Sumbangan Muzik Sebagai Alat Pendidikan Islam"*. (Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, 2002/2003)

Normadiah Bt Abdullah *"Amalan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta"* (Disertasi Fakulti Pendidikan, 1998)

Norman Williams. *Child Development*. London: Heinemann Educational Books, 1969.

Peranan Guru Jana Transformasi Pendidikan, Utusan Malaysia, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm, 3 Mei 2012.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=simulasi, 2 May 2012

Reginald D. Archambault, *Lectures in The Philosophy of Education.* New York: Random House, 1966.

Robiatul Adawiah Bt Othman *" Pembangunan Insan dalam Kurikulum Pendidikan Awal kanak-kanak: Suatu Kajian Di Pusat Asuhan Kanak-kanak Universiti Islam Antarabangsa (IIUM EDUCARE)"* (Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000/2001).

Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad*, Panduan Kurikulum Prasekolah.* Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan, t.t.

Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, Panduan Kurikulum Prasekolah, 232

Rozumah Baharuddin, *Perkembangan kanak-kanak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Saedah Siraj. *Pendidikan Anak-Anak.* Selangor Darul Ehsan: Alam Pintar Enterprise, 2003

Salhah Abdullah*, Kecerdasan Pelbagai- Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2009.

Sally Wehmeier, (ed). *Oxford English Reference Dictionary.* New York: Oxford University Press, 1995

Seri Hayati Husain *" Asas-asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut perspektif Islam"* (Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

Shahizan Hasan, Ahmad Shahabudin Che Noh. *Panduan Merancang Aktiviti Pra Sekolah*. Selangor: PTS Profesional Pendidikan, 2005.

Sharifah Alwiah Alsagoff. *Ilmu pendidikan: pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann, ctk. 4,1986.

Siew Kim *"Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Prasekolah Untuk Komponen Kognitif : Satu Kajian Kes"* (Disertasi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2007).

Sufean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia Sejarah Sistem dan Falsafah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Sufean Hussin, Shahril @Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md Som & Alin Ranee (edt), *Pentadbiran Dalam pembangunan pendidikan, Bentung*: PTS Profesional Publishing, 2005.

Sufean Hussin, Shahril et.al (ed*). Pentadbiran Dalam pembangunan pendidikan*. PTS Profesional Publishing, Bentung, Pahang, 2005.

Sutrisno Hadi. *Metodologi Reseach (2).* Jogjakarta: PT. Andi Offset, t.t.

Tengku Iskandar (ed). *Kamus Dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md. Yusoff*, Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006.

Torkelson Gerald M, *Educational Media*. Washington,1968.

Vishalache Balakrishnan. *Pendidikan Moral Untuk Universiti Dan Kolej*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd, 2009

Zainal Abidin Abdul Kadir. *Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu , dalam* Abd Halim El-Muhammady (ed)*, Pendidikan Islam: Peranannya Dalam pembangunan Ummah.* Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1994.

HABIBURRAHMAN EL-SHIRAZY: DARI PESANTREN KE SINETRON

Oleh:
Ummi Hani Abu Hassan[1]

ABSTRAK

Novel Ayat-Ayat Cinta (2004) telah terjual lebih 700 ribu naskhah sekaligus mengangkat nama pengarangnya, Habiburrahman El-Shirazy sebagai penulis-pendakwah peringkat Nusantara. Novel-novel beliau berikutnya seperti Ketika Cinta Bertasbih (2007), Dalam Mihrab Cinta (2008) dan Cinta Suci Zahrana (2011) turut menerima tempias Novel Ayat-Ayat Cinta sehingga diterbitkan ke layar perak dan televisyen. Kajian ini meneliti latar-belakang dan usaha dakwah yang telah dilakukan Habiburrahman El-Shirazy dan mendapati bahawa tokoh mempunyai kebijaksanaan (al-hikmah) berdasarkan kehidupan dan pendidikannya malahan karyanya juga muncul pada masa, keadaan dan khalayak yang tepat sehingga membolehkan karya-karyanya mendapat sambutan khususnya di Indonesia.

Kata Kunci : *Habiburrahman El-Shirazy, Novel, Dakwah, Ayat-Ayat Cinta.*

PENDAHULUAN

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu-Islam di Asia Tenggara, Habiburrahman El Shirazy merupakan salah seorang pengarang yang mempunyai keunikan tersendiri. Pengarang yang berusia 37 tahun ini telah menghasilkan lapan buah novel berunsurkan Islam. Kesemua novelnya terjual melebihi 50 ribu naskhah dan beredar di Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura. Habiburrahman El Shirazy telah mengulangi sejarah pengarang ulamak, Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau Hamka yang mempunyai khalayak pembaca di seluruh nusantara khususnya di Malaysia. Kedua pengarang ini mempunyai latar pendidikan Islam yang kuat dan menjadikan novel sebagai alat untuk menyebarkan dakwah.

Sumbangan Habiburrahman El Shirazy dalam penulisan novel terserlah melalui novel keduanya, *Ayat-Ayat Cinta* yang diterbitkan pada tahun 2004. Novel ini telah dicetak 700 ribu naskhah dan menjadi fenomena di Indonesia dan Malaysia. Kejayaan beliau seterusnya adalah mengangkat novel-novelnya ke layar perak dan televisyen. Hal ini secara tidak langsung

[1] Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

mempromosikan peribadinya sebagai pengarang Islam dan meningkatkan penjualan karya-karyanya.

Dalam bidang sastera Islam, tidak ramai pengarang nusantara yang mempunyai khalayak pembaca yang luas.Tambahan, beliau menyajikan novel-novel yang sarat nilai ilmu, akhlak dan dakwah yang menyanggah novel-novel picisan.Karya Habiburrahman El Shirazy muncul pada waktu yang tepat ketika generasi muda menggemari novel-novel popular dan lucah. Di Indonesia, karya Habiburrahman El Shirazy menongkah novel-novel berunsur seks[2] dan membawa pemikiran liberal.[3] Sebagai mahasiswa lulusan Universiti al-Azhar, Mesir dalam bidang al-Quran dan Hadis, Habiburrahman El Shirazy mempunyai kemantapan ilmu untuk menyampaikan dakwah Islam melalui novel.

Pengalaman beliau dalam bidang sastera terserlah sejak di alam persekolahan sehinggalah ke universiti. Kepakarannya menguasai bahasa Arab dengan baik membolehkan beliau menerjemah kitab Arab antaranya *ar-Rasul* (Penerbitan Gip, 2009) dan *Rihlah ilallah* (Penerbitan Era Intermedia, 2004). Kegigihannya memperbaiki mutu karya membolehkan beliau menerima anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa seperti *Pena Award 2005,The Most Favourite Book And Writer 2005* dan *International Book Fair 2006*. Terbaharu, beliau diiktiraf sebagai Penulis Nusantara Terbaik dalam Perhimpunan Penulis Nusantara 2011.

Keistimewaan Habiburrahman El Shirazy berbanding penulis Islam nusantara yang lain adalah teknik dan pendekatan dakwahnya yang wasotiyah dan berhikmah. Watak-watak Islam yang dikemukakannya signifikan dengan alaf milieu, namun jitu dan teguh mempertahankan Islam. Watak-watak ini menjadi teladan kepada para pembaca Muslim dan non-Muslim untuk menghayati cara hidup Islam yang sebenar.
Justeru, kajian ini mendasari biografi Habiburrahman El-Shirazy sebagai penulis-pendakwah dengan menumpukan kepada persekitaran masyarakat Islam di Indonesia dan sumbangan dakwah tokoh kepada masyarakatnya.

---

[2] Misalnya Novel *Saman*dan *Larung* karya Ayu Utami yang terjual lebih 55 ribu naskah. (Sumber: http://id.wikipedia.org/wiki/Ayu_Utami)

[3] Misalnya Novel *Perempuan Berkalung Sorban* karya Abidah el-Khalieqy yang mengkritik perlaksanaan Islam tradisional di Indonesia.Novel ini diangkat menjadi filem pada tahun 2009. (Sumber:http://id.wikipedia.org/wiki/Perempuan_Berkalung_Sorban)

ISLAM DI INDONESIA DAN KEPULAUAN JAWA

Pertapakan agama Islam di Indonesia bermula pada abad ke 11 dengan penemuan batu nisan dan sejumlah catatan pedagang Muslim dari luar[4] (M.C Ricklefs 1981: 28). Kerajaan Islam pertama di Indonesia muncul di bahagian Utara Sumatera iaitu di Perlak, Pasai dan Samudra. Hal ini dibuktikan dengan penemuan beberapa makam kesultanan Islam seperti Makam Sultan Sulaiman bin Abdullah bin Al-Basir bertarikh 608 Hijrah bersamaan 1211 Masihi di Lamreh dan Makam Sultan Malik as-Salih bertarikh 696 Hijrah bersamaan 1297 Masihi di Samudra (*ibid*).

Penyebaran Islam di Kepulauan Jawa pula bermula di Jawa Timur sebelum beredar ke daerah Jawa yang lain. Batu nisan pertama ditemukan di daerah Trawulan yang bertarikh 1369 Masihi dan di Tralaya yang bertarikh 1376 Masihi. Terdapat tulisan ayat-ayat al-Quran pada batu-batu nisan tersebut *(ibid*:30). M.C Ricklefs (1981: 30) mengatakan bahawa batu-batu nisan itu adalah milik para pembesar Kerajaan Majapahit yang telah memeluk agama Islam melalui usaha dakwah para pedagang Muslim luar.[5] Ma Huan (1433: 93)[6] menjelaskan dalam catatan pelayarannya pada abad ke 15, terdapat tiga golongan penduduk di Kepulauan Jawa iaitu orang-orang Islam di kalangan pedagang dan pendakwah luar, orang-orang Cina yang sebahagian besarnya beragama Islam dan orang-orang tempatan yang masih beragama Hindu-Buddha. Beliau mengesahkan bahawa agama Islam telah menjadi pegangan golongan istana sebelum dianuti masyarakat umum Jawa.Tom Pires (1514) sewaktu berlayar ke Tuban dan Gresik mendapati sudah ada penguasa Islam daripada generasi ketiga di daerah-daerah tersebut (Sartono Kartodirdjo 1987:20). Islam menjadi agama yang kuat di kawasan perdagangan penting di Kepulauan Nusantara terutama di pesisir Sumatera dan Selat Melaka, Semenanjung Malaya, pesisir Utara Jawa, Brunei, Sulu dan Maluku (*ibid*).

Peranan menyebarkan agama Islam dikaitkan dengan usaha para pedagang Muslim dari Arab, India dan Cina. Menurut A.H Johns (1993), proses Islamisasi di Nusantara berlaku ketika aliran sufi berkembang di seluruh dunia Islam. Pada tahun 1258, Kerajaan Abbasiyah di Baghdad telah jatuh ke tangan bangsa Mongol. Justeru, sebahagian besar kaum sufi Arab telah

---

[4] Batu nisan yang paling lama ditemui di Leran, Jawa Timur bertarikh 475 Hjrah/ 1082 Masihi milik seorang wanita Muslim bernama Maimun.

[5] Para pedagang ini dikatakan telah mengaku memiliki kekuatan ghaib kepada pihak Istana Jawa yang terkenal dengan amalan mistik Hindu dan Buddha.

[6] Seorang pelayar Cina beragama Islam yang telah mengunjungi Kepulauan Nusantara pada 1413 hingga 1415 Masihi. Beliau telah mencatatkan perjalanannya dalam buku *Ying-yai Sheng-lan.*

berhijrah ke Nusantara dan menyebarkan agama Islam dengan pendekatan tasawuf. Bagi masyarakat Jawa yang berfahaman Hindu-Buddha, ajaran tasawuf mendekati dunia mistik yang dipegangi mereka sekian lama dan telah memudahkan mereka memeluk agama Islam (M.C Ricklefs 2005: 46).

Berkaitan agama asal masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia, tiada bukti kukuh yang menunjukkan semua masyarakat menganut agama Hindu-Buddha. Sebaliknya, agama ini hanya dianuti oleh golongan raja dan bangsawan kerana kepentingan hierarki dan kuasa (Syed Muhammad Naguib Al-Attas 1972: 12). Agama Hindu-Buddha juga tidak membawa falsafah dan pemikiran yang ilmiah bagi mengubah keseluruhan pandangan hidup masyarakat di Alam Melayu. Hasil agamanya lebih memperincikan kesenian, kesusasteraan epik, roman, mitos dan sastera keperwiraan yang menawan golongan berkuasa (*ibid*: 14). Kekuatan penyebaran agama Islam di Alam Melayu adalah kandungan falsafah Islam yang tulen, mempunyai nilai rasionalisma serta semangat keagamaan yang luhur. Agama Islam tidak boleh dibandingkan dengan sastera dan falsafah Agama Hindu-Buddha yang berunsur mistik dan tahyul (*ibid*:19). Penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam juga dikaitkan dengan kelemahan mereka memahami ajaran Hindu-Buddha yang memaksa penganutnya mengakui kekuatan alam semesta. Sedangkan Islam menyajikan ajaran yang mengikut fitrah manusia serta tidak bersifat paksaan (Zaini Muchtarom 2002: 38).

Syed Mohd Naguib Al-Attas (1972: 34) berpendirian bahawa Islam disebarkan di Kepulauan Melayu-Indonesia oleh para pedagang dan pendakwah Arab. Beliau menepis pandangan sarjana Barat yang percaya Islam disampaikan oleh para pendakwah India dan Cina. Bahasa, tulisan dan kesusasteraan Melayu yang berasaskan ajaran Islam mengukuhkan pandangan tersebut. Para pendakwah Islam yang berbangsa Arab datang ke Alam Melayu sama ada secara terus dari Timur Tengah dan Parsi atau melalui India dan China.

Proses Islamisasi di Jawa amat berhubungan dengan peranan Wali Songo yang telah melakukan pelbagai metodologi dakwah kepada golongan raja dan rakyat (Sartono Kartodirjo 1987: 24)[7] Yoyon Mudjiono (2007:129) mengatakan kekuatan dakwah para Wali Songo terletak pada lima strategi

[7] Sembilan Wali Songo yang bertanggungjawab menyebarkan Islam di Kepulauan Jawa adalah Sunan Ampel atau Raden Rahmat (1401-1481), Malik Ibrahim atau Maulana Magribi (wafat pada 1419), Sunan Giri atau Raden Paku (Lahir pada 1442), Sunan Drajat (Lahir pada 1470), Sunan Bonang, Sunan Kudus, Sunan Murya, Sunan Kalijaga dan Sunan Gunung Jati.

hikmah yang tepat dengan keadaan masyarakat Jawa pada abad ke 15. Strategi pertama adalah penghijrahan ulama-ulama Islam ke setiap daerah yang dinaungi Kerajaan Majapahit. Strategi kedua adalah menyebarkan agama Islam secara interpersonal dengan gaya dan dialek tempatan.[8] Strategi ketiga adalah menyediakan nilai-nilai Islam yang lebih unggul bagi menggantikan ideologi, etos dan amalan harian yang bertentangan dengan akidah Islam.[9] Strategi keempat adalah berusaha menghindari konflik dan persengketaan serta mewujudkan hubungan erat dengan pemerintah dan ketua masyarakat.[10] Strategi kelima adalah berusaha memenuhi keperluan fizikal dan rohani masyarakat. Menurut Yoyon Mudjiono lagi, para Wali Songo berpegang kepada prinsip 'mengambil ikan tanpa mengeruhkan airnya.'

Pada abad ke 20, dakwah Islam di Indonesia mengalami pelbagai cabaran ekoran peningkatan jumlah penduduk daripada pelbagai etnik, budaya dan agama. Terdapat kira-kira 17508 buah pulau di Indonesia dengan jumlah penduduk melebihi 200 juta orang daripada 364 buah etnik. Jawa merupakan etnik yang paling besar serta berpengaruh dalam pembentukan kebudayaan dan politik di Indonesia. (Dodi W. Irawanto 2011:125-126). Clifford Geertz (1960:7) membahagikan struktur sosial masyarakat Jawa kepada tiga kumpulan iaitu *abangan, santri* dan *priyayi*. Golongan ini telah membentuk pola pemikiran dan pengamalan Islam di Indonesia hingga ke hari ini.

Istilah *abangan* merujuk masyarakat Islam Jawa yang masih terikat kepada budaya dan adat Jawa-Hindu berbanding agama. Sebahagian besar *abangan* adalah para petani kampung yang tidak dipengaruhi oleh pihak luar. Golongan *santri* pula adalah masyarakat Islam yang berpegang teguh dengan nilai dan syariat Islam. Mereka mendapat pendidikan Islam melalui pesantren atau madrasah serta mencorakkan proses Islamisasi di Indonesia khususnya di Kepulauan Jawa. Manakala golongan *priyayi* dikaitkan dengan masyarakat Jawa daripada keturunan raja warisan Kerajaan Jawa-

[8] Misalnya Sunan Bonang menggunakan gamelan dan Syair 'Tombo Ati' yang didendangkan dalam bahasa Jawa untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat.

[9] Misalnya Sunan Kalijaga menciptakan kesenian Islam menerusi wayang kulit, seni pakaian, seni ukiran dan seni suara bagi menggantikan kesenian yang berteraskan ajaran Hindu-Buddha.

[10] Misalnya Sunan Ampel telah menerangkan Islam kepada Prabu Brawijaya, seorang pembesar Majapahit secara berhadapan. Prabu Brawijaya tidak memeluk Islam namun tertarik menjadikan Sunan Ampel sebagai ahli keluarganya. Hal ini memudahkan Sunan Ampel mengislamkan keluarga bangsawan Majapahit.

Hindu dan golongan birokrat yang berkhidmat dengan pemerintah (Clifford Geertz 1964: 64).

Menurut Zaini Muchtarom (2002: 47), percampuran tradisi Jawa-Hindu dengan agama Islam di kalangan golongan *abangan* berlaku sejak agama Islam muncul di Kepulauan Jawa pada abad ke-15. Islam telah disampaikan dengan acuan tempatan serta beradaptasi dengan kepercayaan sinkretis Hindu-Buddha dan unsur animisma. Ibadah seharian *abangan* didasari roh baik dan roh jahat. Bagi memastikan kehidupan mereka tidak diganggu roh jahat, upacara *slametan* (kenduri) dianggap sebagai upacara pokok. Misalnya, *slametan* akan diadakan apabila terdapat kehamilan, kelahiran, perkahwinan dan kematian dalam masyarakat. *Slametan* juga telah disesuaikan dengan agama Islam seperti *slametan lebaran* (Hari Raya Aidilfitri), *slametan ruwah* (kenduri arwah), *slametan sura* (Hari Assyura) dan *slametan muludan* (Hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW) (Ibid: 60). Golongan *abangan* tidak meminggirkan upacara *slametan* dan menganggap ianya sebagai kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan (Neils Mulder 1983:261).

Golongan *abangan* amat mempercayai dukun sebagai individu yang dapat mengendalikan roh-roh serta memenuhi hasrat seseorang. Kemampuan menguasai alam mistik ini digelar sebagai *ngelmu* yang berunsurkan sihir dan mantra. Dukun juga mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat *abangan*, kerana dipercayai dapat menyembuhkan penyakit dan pandangan mereka berautoriti tinggi serta dikuti masyarakat (Geertz 1964: 89-92).

Golongan *abangan* dan *priyayi* mempunyai persamaan terhadap pengalaman tradisi Jawa-Hindu namun berbeza terhadap pengamalan agama Islam. *Priyayi* adalah golongan yang berhubung-kait dengan legasi istana Jawa (keraton) dan pemerintah. Mereka juga dikenali sebagai 'adik muda' atau pembantu kepada Raja Jawa[11] (Heather Sutherland 1975: 57-58). Kehidupan *priyayi* lebih tertumpu kepada berkhidmat untuk raja dan pemerintah serta tidak berkait dengan ajaran Islam (ibid:59). Jelasnya, *priyayi* adalah kelompok masyarakat yang kental mempertahankan tradisi asal Jawa-Hindu yang diwarisi daripada pemerintahan Jawa sebelum kedatangan Islam (Clifford Greertz 1982: 548).

[11] Pemerintahan Kesultanan Jawa berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain seperti Kerajaan Sunda di Jawa Barat, Kerajaan Madura di Timur Laut Jawa dan Kerajaan Majapahit di Jawa Tengah.

Bagi kelompok *santri,* cabaran menyebarkan dakwah Islam yang paling utama adalah golongan *abangan* dan *priyayi*. Umumnya, *santri* adalah individu-individu Muslim-Jawa yang mendapat pendidikan agama melalui asuhan *kiyai* (guru) di sesebuah pesantren. Mereka kemudiannya mengamalkan cara hidup Islam yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah, bukan adat yang dipengaruhi daripada fahaman Jawa-Hindu (Gary Dean 2006: 2). Menurut Gary (2006) lagi, kelompok *santri* diasuh dalam dua aliran utama iaitu aliran Islam tradisionalis[12] dan aliran Islam modernis[13] (ibid). Islamisasi di Indonesia khususnya di Kepulauan Jawa telah digerakkan oleh golongan *santri* melalui pendekatan dakwah yang signifikan dan dinamik. Hal ini bukan sahaja didorongi oleh cabaran dalaman daripada golongan *abangan* dan *priyayi*, malahan dakwah Islam di Indonesia turut berhadapan dengan ancaman globalisasi barat dan pelbagai pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang perjalanan hidup Habiburrahman el-Shirazy sebagai salah-seorang ejen Islamisasi di Indonesia. Penerangan tentang latar-belakang kehidupan, pendidikan, keluarga, persekitaran, penyertaan tokoh dalam organisasi serta pemikiran dalam karyanya dapat mengukuhkan kenyataan bahawa tokoh adalah seorang penulis-pendakwah yang penting di Nusantara khususnya di Indonesia.

LATAR-BELAKANG TOKOH

Habiburrahman bin Saerozi dilahirkan pada hari Khamis, 30 September 1976 di Desa Bangetayu Wetan yang terletak di pinggir Kota Semarang, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau merupakan anak pertama daripada enam orang adik-beradik. Bapanya K.H Saerozi Noor dan ibunya, Siti Rodhiah berasal dari Jawa Tengah, Indonesia (Anif Saerseba 2006: 45-46).

Pada tahun 1970-an, desa kelahiran Habiburrahman terletak jauh dari Kota Semarang dan terpinggir dari kemudahan infrastruktur.Kebanyakan rumah para penduduk menggunakan lampu minyak tanah dan tiada alatan elektronik.Rata-rata kaum lelakinya bekerja sebagai buruh, petani, pemandu

[12] Aliran Islam tradisionalis merujuk kepada masyarakat Islam yang berpegang kepada al-Quran, Hadith, ijmak ulama dan Qias dan bermazhab Feqah daripada Imam Syafie. Manaka dari segi akidah pula berpegang kepada aliran Asy-Sya'irah (Abu Hassan asy-ASyaari) dan al-Maturidi.

[13] Aliran Islam modernis merujuk kepada masyarakat Islam yang berpegang kepada al-Quran dan Hadith tanpa merujuk ijmak ulama dan Qiyas. Golongan ini juga bermazhab Feqah daripada Imam Hambali.Rata-rata golongan Islam Modernis mendapat pendidikan Islam lanjutan di Timur Tengah terutama di Mekah, Madinah dan Mesir.

dan kerani awam. Taraf pendidikan yang rendah menyebabkan sebahagian besar penduduk kampung tidak mementingkan pelajaran dan ilmu agama (Ahmad Mujib 2009: 8). Berbeza dengan ibubapa Habiburrahman, keduanya yang pernah menuntut di pesantren menerapkan pendidikan agama kepada anak-anak mereka. K.H Saerozi Noor belajar di Pesantren Futuhiyyah, Mranggen, Demak dan isterinya adalah lepasan Madrasah Tsanawiyah dan pernah menuntut di Pesantren al-Muayyad, Mangkuyu dan, Solo (Anif Sirsaeba 2006 : 50).

Menurut Habiburrahman[14], bapanya berguru dengan Allahyarham K.H Muslih bin Abdurrahman bin Qasidhil Haq Al-Maraqy (1917-1981), seorang ulamak tersohor di Jawa Tengah. K.H Muslih telah mewarisi Pesantren Futuhiyyah, Mranggen daripada ayahnya yang juga seorang ulamak. Beliau[15] dikenali sebagai ahli feqah dan Nahu serta mempunyai pengikut yang ramai di Kepulauan Jawa dan Kalimantan (Martin van Bruinessen 1985: 23). Hasil pembelajarannya dengan K.H Muslih bin Abdurrahman, K.H Saerozi Noor mampu membacakan kitab agama kepada masyarakat di daerahnya seperti *Kitab Riyaadus Solihin, Mau'izatul Mukminin, Tanbihul Ghaafilin, Durratun Nasihiin, Uqudullijain, Qurratul 'Uyuun, Taqrib, I'aanatut Tolibin, Fathul Wahab* dan *al-Muhadzdzab*. Malahan, K.H Saerozi telah menghafal *Kitab Alfiyah Ibnu Maalik* (Anis Sirsaeba 2006: 49). Kemampuannya menyampaikan ilmu kepada masyarakat menyebabkan K.H Saerozi digelari kiyai di kalangan orang-orang kampungnya (ibid).

Habiburrahman dan adik-adiknya diasuh dengan tradisi santri yang kuat daripada ibubapa mereka. Ini dinyatakan oleh Anif Sirsaeba (2006), adik kedua tokoh dalam buku *Fenomena Ayat-Ayat Cinta:*

> *"Kalau ada bapa di rumah, kami merasa tidak nyaman.Kami takut dengan suaranya yang keras membentak jika kami lewat solat, tidak berjemaah di surau, absen mengaji dan malas belajar.Bahkan tidak segan-segan, bapak acapkali melayangkan sebatan rotan kala kami lupa solat dan tidak mahu mengaji." (61-61)*

Menurut K.H Saerozi, beliau bertegas dengan anak-anaknya dalam perkara ilmu dan ibadah seharian. Beliau tidak mahu anak-anaknya menjadi

[14] Temubual dengan Habiburrahman El-Shirazy pada 19 Disember 2012 bertempat di Salatiga, Jawa Tengah.

[15] K.H Muslih bin Abdurrahman meninggal dunia pada tahun 1981 ketika menunaikan ibadah haji di Mekah. Jenazahnya dimakamkan di Tanah Perkuburan Ma'la, Mekah al-Mukarramah.

orang yang lalai dan jahil. Padanya, membentur diri anak-anak perlulah dimulakan sejak umur mereka masih kecil.[16] Berbeza dengan suaminya, Siti Rodhiyah mengambil pendekatan lemah-lembut dengan anak-anaknya. Beliau mengajari anak-anaknya untuk bercakap perkara yang baik[17] dan tidak mengambil harta orang lain tanpa meminta izin (Ahmad Mujib 2009: 18-19). Sebelum anak-anaknya tidur, Siti Rodhiyah sering bercerita kepada mereka kisah nabi dan kisah-kisah klasik berunsurkan Islam yang terdapat dalam *Kitab Qisyatul Anbiya, Khulasah Nuurul Yaqiin, Nasaaihul I'bad, Durratun Nasihin* dan *Mauizatul Mukminin* (Anif Sirsaeba 2006:76-77). Siti Rodhiyah juga membacakan al-Fatehah kepada suami dan anak-anaknya setiap kali selepas menunaikan solat fardhu serta mendoakan kesejahteraan mereka di dunia dan akhirat.[18] Perkara ini menunjukkan beliau sangat berharap suami dan anak-anaknya menjadi Muslim yang taat kepada perintah Allah dan rasul-Nya.

Sebagai anak desa, Habiburrahman menjalani kehidupan kanak-kanak yang sederhana.Namun yang membezakan dia dan adik-adiknya dengan kanak-kanak lain adalah asuhan agama yang ketat. Ini terserlah daripada sikap ayahnya yang amat berhati-hati dalam ibadah seharian. Misalnya, K.H Saerozi tidak membenarkan orang lain membasuh pakaian yang digunakannya untuk menunaikan solat. Dia bimbang jika pakaian tersebut tidak dicuci dengan bersih. Selain itu, K.H Saerozi juga membasuh wang gajinya bagi memastikan wang tersebut bersih dan tidak terkena najis[19] (Ahmad Mujib 2009 : 21-22). Kelakuan ibubapa yang amat prihatin terhadap nilai-nilai agama telah mempengaruhi kehidupan awal Habiburrahman dan adik-adiknya untuk membesar sebagai insan yang berakhlak mulia.

Pendidikan

Habiburrahman memulakan pendidikan akademiknya di Sekolah Dasar (SD) Sembungharjo, Semarang pada tahun 1982. Selama enam tahun di sekolah tersebut, Habiburrahman mengekalkan prestasi sebagai pelajar terbaik dan sentiasa mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun (Anif Sirsaeba 2006:87). Di sebelah petang, Habiburrahman

[16] Temubual dengan K.H Saerozi pada 20 Disember 2012 bertempat di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia.

[17] Dalam tradisi Jawa dikenali sebagai bahasa kromo halus yang bermaksud bahasa Jawa halus.

[18] Temubual dengan K.H Siti Rodhiyah pada 20 Disember 2012 bertempat di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia.

[19] Beliau bimbang kerana wang tersebut berpindah dari satu tangan ke tangan yang lain dan memungkinkan ada tangan yang terkena najis telah memegang wang tersebut.

menjalani pendidikan agama di Madrasah Diniyyah (Madin). Pada usia 12 tahun, Habiburrahman telah menghafal keseluruhan nazam nahu dari *Kitab Imrithi* karangan Syeikh Syafafuddin Yahya al-Imrithi' (*Ibid*).

Kejayaan dalam bidang akademik dan ilmu agama berlaku secara serentak kerana beliau sangat berdisplin dan bijak membahagikan masa. Menurut Habiburrahman, beliau sentiasa mengulangi hafalan ilmunya walaupun sedang bermain bola.[20] Keupayaannya mengekalkan kecemerlangan menyebabkan beliau menjadi pelajar SD terbaik seluruh Kota Semarang (*ibid*:86).

Ekoran kejayaan tersebut, Habiburrahman ditawarkan menyambung pengajian menengahnya di sekolah terbaik di Kota Semarang, namun bapanya memasukkan Habiburrahman ke sekolah agama di MTs Futuhiyyah 1, Mranggen. Sekolah ini telah diasaskan oleh guru K.H Saerozi sendiri iaitu K.H Muslih bin Abdurrahman. Ketika belajar di sekolah ini, Habiburrahman tinggal di Pesantren al-Anwar dibawah seliaan K.H Abdul Basyir Hamzah (Ahmad Mujib 2009:42). Dunia pesantren telah membentur diri Habiburrahman menjadi alim (berilmu) dan faqih (memahami agama Islam) dalam usia yang muda. Menurut bapanya, beliau memasukkan anak-anaknya ke pesantren kerana mahu anak-anaknya menjadi manusia yang bermanfaat, berakhlak mulia dan dihormati orang lain kerana mempunyai ilmu agama yang mendalam (*ibid*: 43).

Pesantren adalah penempatan khusus kepada masyarakat Islam Indonesia untuk mendalami pengajian Islam khususnya teks tradisional atau Kitab Kuning (Ahmad Faozan 2006: 1). Tiga fungsi utama pesantren adalah sebagai pusat pengkaderan pemikir-pemikir agama (*Center of Excellent*), pusat perlatihan sumber manusia (*Human Resource*) dan lembaga terlatih bagi pemberdayaan masyarakat (*Agent of Development*) (Ibid:2). Keunikan pendidikan pesantren terletak kepada kuasa kiyai mendidik dan menerapkan nilai Islam tanpa campur-tangan pihak luar. Komuniti pesantren juga bersifat mandiri dan kental mencegah penularan sekularisasi (Abdurrahman Mas'ud 2004: 81).

Di Pesantren Al-Anwar, para pelajar yang dikenali sebagai santri hidup bersama dalam keadaan yang sederhana. Satu bilik dapat menampung kira-kira 20 hingga 40 orang santri tanpa kemudahan katil. Para santri juga melakukan sendiri aktiviti harian mereka seperti mencuci pakaian,

[20] Temubual dengan Habiburrahman El-Shirazy pada 18 Disember 2012 bertempat di Salatiga, Jawa Tengah.

membersihkan bilik dan sebahagiannya memasak.Rutin mereka bermula sebelum Subuh hingga lewat malam dan dipenuhi dengan pengajian Kitab Kuning yang dipimpin oleh Kiyai (Ahmad Mujib 2009: 44). Martin Van Bruinessan (1995: 17-21) mengatakan pengajaran Kitab Kuning adalah tradisi agung yang wujud di Indonesia dan Semenanjung Malaysia sehingga kini iaitu kiai membacakan kitab-kitab agama di hadapan santri, manakala santri mendengar serta mencatat baik dari segi *lughawi* (bahasa) mahupun *ma'nawi* (makna) di kitab mereka. Kandungan Kitab Kuning tradisional membahaskan persoalan akidah dari aliran Al-Asy'ari, persoalan fekah Mazhab Syafie, ilmu akhlak dan tasawuf Imam Ghazali serta ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu klasik. Bagi Bruinessan (1995), tradisi pesantren adalah bernafaskan sufistik dan ubudiyah antaranya para santri dididik menjaga ibadah fardhu seperti solat berjemaah dan ibadah sunat seperti solat sunat, zikir, wirid dan ratib.

Sewaktu tinggal di Pesantren al-Anwar, Habiburrahman kerap menjalani latihan pidato ekoran penetapan lembaga pesantren kepada setiap santri. Satu hari dalam seminggu, para santri diwajibkan untuk menyampaikan pidato di hadapan ratusan santri lain. Oleh kerana jumlah santri yang terhad, Kiyai K.H Abdul Basyir Hamzah dapat mengenali setiap santrinya termasuk Habiburrahman. Hal ini memberikan kelebihan kepada Habiburrahman untuk mendalami ilmu agama secara peribadi dengan kiyai K.H Abdul Basyir Hamzah (Ahmad Mujib 2009: 45-46). Bakat pidato Habibuurrahman juga telah menyebabkan Pengetua Mts Futuhiyyah 1, K.H Muhammad Ridhwan menangis sewaktu Habiburrahman menghuraikan sebuah hadis. Bagi K. H Muhammad Ridhwan, usia Habiburrahman amat muda tetapi mampu menyentuh hati para pendengar pidatonya (Anif Sirsaeba 2006: 158). Pada usia 15 tahun, Habiburrahman telah menyelesaikan pembacaan Kitab Kuning yang disampaikan oleh Ulama Terkenal Demak, K.H Ahmad Muthohhar Abdul Rahman iaitu Kitab *Tanbihul Ghafilin* karangan Imam Abu Laits As Samarqandi.[21]

Pada tahun 1991, Habiburrahman dipilih memasuki Madrasah Aliyah Program Khusus (MAPK) Surakarta yang dikhususkan kepada pelajar terbaik dari seluruh Kepulauan Jawa (Anif Sirsaeba 2006: 88). MAPK telah mengukuhkan diri Habiburrahman sebagai remaja yang unggul dalam bidang akademik, kepimpinan dan kesusasteraan. Di madrasah ini, beliau perlu bersaing dengan para pelajar terbaik dan cemerlang kerana setiap tahun, hanya 40 orang pelajar sahaja terpilih memasuki MAPK Surakarta

[21] Menurut Habiburrahman, beliau memilih untuk belajar Kitab Tanbihul Ghafilin dengan K. H Ahmad Muthohhar sepanjang Bulan Ramadan

dari seluruh Jawa Tengah (ibid: 98). MAPK adalah usaha Menteri Agama Munawir Sajdzali untuk memperkukuhkan pendidikan Islam di Indonesia. Para pelajar terbaik dari seluruh kepulauan Indonesia dipilih berdasarkan keputusan peperiksaan dan ujian kelayakan. Mereka yang terpilih akan dibiayai oleh pemerintah serta diberi elaun saraan setiap bulan. Para pelajar ini perlu tinggal di asrama, menjalani rutin pengajian dan aktiviti kokurikulum yang padat. Bezanya sistem pendidikan MAPK dengan pesantren adalah, MAPK menjalinkan ilmu agama dengan ilmu moden manakala pesantren menumpukan kepada pengajaran Kitab Kuning (Mohamad Kosim 2007:44-45).

Menurut rakan sekolahnya, Habiburrahman sering menjadi rujukan rakan-rakan sekelasnya dalam subjek nahu dan bahasa Arab.[22] Kecemerlangannya dalam bahasa Arab mengatasi para pelajar lain kerana usaha dan didikan tradisi pesantren yang diperolehinya ketika menuntut di Pesantren al-Anwar. Penguasaannya dalam bahasa Arab juga telah melayakkan beliau bergelar juara pidato bahasa Arab peringkat Jawa Tengah dan juara membaca puisi Arab peringkat Nasional (Anif Sirsaeba 2006: 88). Selain itu, Habiburrahman merupakan anggota persatuan pengangkap, ahli jawatankuasa asrama, pembimbing kelab sastera dan teater serta aktif menyampaikan ceramah kepada masyarakat awam. Selama tiga tahun menuntut di MAPK Surakarta, Habiburrahman berjaya menjadi pelajar kedua terbaik dengan nilai cemerlang (Ibid: 91).

Kejayaannya di peringkat sekolah dasar dan menengah terus berlangsung ketika beliau menyambung pengajian peringkat ijazah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar, Cairo, Mesir dalam jurusan hadis dari tahun 1995 hingga tahun 2002. Habiburrahman tidak pernah gagal malahan semua subjek yang diambilnya mendapat keputusan yang baik (ibid: 165). Setelah selesai ijazah pertama, Habiburrahman mengambil Diploma Pascasarjana di Institut Pengajian Islam, Cairo dan mendapat keputusan *jayyid jiddan*. Beliau telah menjadi mahasiswa Indonesia pertama yang mendapat kepujian tersebut (ibid).

Habiburrahman telah menjalani tiga tradisi keilmuan Islam yang kukuh iaitu pesantren, sekolah tinggi agama dan universiti Islam tertua di dunia. Beliau juga telah menunjukkan semangat menuntut ilmu yang tinggi dan

[22] Temubual dengan rakan sekolah Habiburrahman El-Shirazy, Ustaz Andi Mardian Dani pada 23 Disember 2012 bertempat di Solo, Indonesia. Ustaz Andi Mardian juga adalah rakan serumahnya ketika mereka menuntut di Universiti al-Azhar, Cairo, Mesir.Kini, Ustaz Andi Mardian merupakan pensyarah di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Solo.

dicerminkan melalui keputusan peperiksaannya yang cemerlang sejak dari sekolah dasar sehinggalah ke universiti. Di pesantren, Habiburrahman menjalani rutin yang mempersiapkannya menjadi seorang pemidato dan pendakwah yang baik. Beliau dapat menutur bahasa Melayu dan Arab yang memukau pendengar serta berkebolehan membacakan Kitab Kuning kepada masyarakat. Di sekolah tinggi Islam, Habiburrahman telah bergabung dengan para pelajar terpandai di seluruh Jawa.Hal ini telah meningkatkan usahanya untuk bersaing dan menunjukkan kemandiriannya menguasai aktiviti dalam dan luar kelas seperti pengangkap dan penulisan kreatif. Di sekolah ini juga, Habiburrahman dilatih menjadi seorang pemimpin dan penulis ekoran kedudukan sekolahnya yang terletak berhampiran Kota Solo dan Yogjakarta, dua kota yang dikenali sebagai kota politik, sastera dan budaya. Habiburrahman juga sering menghabiskan masanya di dua kota tersebut untuk mencari bahan bacaan dan menonton aktiviti kesenian.[23] Kemuncaknya, beliau telah didedahkan dengan tradisi ilmu Islam yang sebenar ketika menjadi mahasiswa Universiti al-Azhar, Cairo. Di sana, beliau telah bertemu tokoh-tokoh dunia Islam seperti Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Prof Dr Abdush Syabur Syahin dan Imam Jibril. Beliau turut didedahkan dengan khazanah kitab-kitab agama dalam bahasa Arab dan berpeluang mendalami bacaan al-Quran dan hadis dengan ulama muktabar. Semua perkara tersebut mempengaruhi kehidupan dan pemikiran Habiburrahman yang terserlah dalam karyanya di kemudian hari. Tradisi pendidikan Islam yang kuat menjadi kekuatan karyanya sehingga melayakkannya menjadi penulis-pendakwah di Nusantara khususnya di Indonesia.

DAKWAH MELALUI PENULISAN

Bakat kepenyairan Habiburrahman El-Shirazy terserlah apabila beliau menjadi juara deklamasi puisi ketika berusia 12 tahun (Anis Sirsaeba 2006: 87). Kejuaraannya terus berlanjutan apabila masuk ke pesantren dan sekolah tinggi agama. Namun, keseriusannya dalam bidang kesusasteraan terjadi setelah bergabung dengan Forum Lingkar Pena (FLP) pada tahun 2000 dengan menjadi Ketua Cawangan Mesir (*ibid*:168)FLP yang diasaskan oleh Helvy Tiana Rossa menyasarkan pembaca dari golongan remaja Muslim di seluruh Indonesia. Justeru, pengisian karyanya bersifat Islamik, popular dan membina keperibadian (Arnez 2009: 50). FLP turut bergabung dengan Majalah *Annida* bagi melahirkan para penulis Islam dan kini mempunyai seramai 5000 ahli di seluruh Indonesia. Melalui Majalah *Annida*, Habiburrahman berjaya menyiarkan cerpen pertamanya bertajuk

[23] Temubual dengan Habiburrahman El-Shirazy pada 18 Disember 2012 bertempat di Salatiga, Jawa Tengah.

Bayi-Bayi Tertawa (2001).

Sewaktu menuntut di Mesir, Habiburrahman aktif menerjemahkan kitab-kitab Arab ke dalam bahasa Indonesia antaranya *ar-Rasul* dan *Rihlah ilalllah* karya Najib al-Kilani. Proses penerjemahan telah menumbuhkan pengetahuan dalam dirinya untuk menghasilkan novel pertama bertajuk *Pudarnya Pesona Cleopatra* (2003). Kemuncak penulisannya adalah Novel *Ayat-Ayat Cinta*(2004*)* yang menjadi titik-tolak kepada Habiburrahman untuk bergelar penulis sepenuh masa. Penjualan Novel *Ayat-Ayat Cinta* sebanyak 700 ribu naskah (Mohd Zariat Abdul Rani 2012: 61) telah mempengaruhi penjualan novel-novel beliau berikutnya iaitu *Ketika Cinta Bertasbih 1* (2007), *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2007), *Dalam Mihrab Cinta* (2008), *Bumi Cinta* (2010), dan *Cinta Suci Zahrana* (2011).

Novel-novel Habiburrahman mengungkapkan persoalan dakwah yang bersifat lokal dan antarabangsa sama ada watak, latar dan pemikiran Islam yang merentasi sempadan geografi. Berikut adalah jadual ringkas yang menerangkan gambaran novel-novel Habiburrahman El-Shirazy.

Novel	**Isu Utama**	**Watak Tempatan**	**Watak Antarabangsa**	**Latar**	**Penerbitan Filem dan Drama Bersiri**
Pudarnya Pesona Cleopatra	1.Kekeluargaan 2.Perkahwinan antara budaya	Ada	Ada	1.Indonesia 2. Mesir	Tiada
Ayat-Ayat Cinta	1.Cinta antara agama 2.Poligami 3.Pendidikan	Ada	Ada	1.Indonesia 2.Mesir	Filem
Ketika Cinta Bertasbih 1	1.Kekeluargaan 2. Pendidikan 3. Cinta	Ada	Ada	1.Indonesia 2.Mesir	1.Filem 2.Drama Bersiri
Ketika Cinta Bertasbih 2	1.Pendidikan pesantren 2. Kekeluargaan 3. Persahabatan 4. Cinta	Ada	Tiada	1.Indonesia	1. Filem 2.Drama Bersiri
Dalam Mihrab Cinta	1.Kembara 2. Pendidikan 3.Cinta	Ada	Ada	1.Indonesia 2. Malaysia	1. Filem

Bumi Cinta	1.Kembara 2. Pendidikan 3.Cinta antara agama 4. Dakwah atheis	Ada	Ada	1.Rusia 2. Indonesia	Tiada
Cinta Suci Zahrana	1.Kembara 2. Pendidikan 3. Kekeluargaan 4.Cinta	Ada	Ada	1.China 2.Indonesia	1. Filem

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1, Habiburrahman mengekalkan tema yang sama dalam setiap novelnya iaitu cinta. Menurut beliau, cinta adalah fitrah manusia dan cinta dapat memujuk manusia ke jalan Allah dengan lebih mudah.[24]Beliau juga memilih watak tempatan dan antarabangsa bagi menggambarkansifat universal Islam dan mempelbagaikan pendekatan dakwah kepada semua peringkat manusia.Bahkan, Habiburrahman berusaha untuk menjadikan semua novelnya sebagai ekseklopedia metodologi dakwah (*ibid*).

DAKWAH MELALUI FILEM DAN DRAMA TELEVISYEN

Walaupun tidak terlibat sepenuhnya dalam pembikinan Filem Ayat-Ayat Cinta (2008), Habiburrahman telah mencetuskan impak baharu dalam kesusasteraan Islam apabila naskhahnya diangkat ke layar perak. Tema positif seperti keadilan, toleransi, hubungan antara kaum dan cinta yang termuat dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta* adalah bertepatan dengan serangan globalisasi barat yang menggambarkan Islam menaja keganasan dan kemunduran dalam filem dan karya sastera mereka (Heeren 2008:20). Penerimaan filem ini dijelaskan melalui jumlah penonton di pawagam seluruh Indonesia seramai 3.6 juta orang.[25]

Namun, Habiburrahman mengatakan beliau kecewa dengan filem tersebut kerana tidak mengadaptasi gagasan novelnya serta pemilihan latar yang berbeza[26].Justeru, bagi penerbitan filem adaptasi Novel *Ketika Cinta Bertasbih (KCB)*, Habiburrahman telah memilih pengarah dan para

[24] Temubual dengan Habiburrahman El-Shirazy tanggal 21 Disember 2012 di Salatiga, Jawa Tengah, Indonesia.

[25] Rujuk http://www.republika.co.id/berita/senggang/film/12/03/30/m1pdlo-laskar-pelangi-dan-ayat-ayat-cinta-masih-jadi-film-terlaris

[26] Filem Ayat-Ayat Cinta menjalani penggambaran di India manakala latar novelnya berlaku di Mesir.Temubual dengan Habiburrahman El-Shirazy tanggal 21 Disember 2012 di Salatiga, Jawa Tengah, Indonesia.

pelakon yang terpilih hasil daripada audisi khusus. Dalam pemilihan ini, Habiburrahman menggariskan ciri pelakon Muslim yang tepat dengan perwatakan novelnya serta memiliki prestasi peribadi dan pendidikan (Sakai 2012: 18). Hasilnya, beliau telah memilih tiga mahasiswa untuk memainkan peranan utama dalam filem KCB iaitu M. Cholidi Asadil sebagai waktak Azzam, Oki Setiana Dewi sebagai watak Anna Altafunnisa dan Meyda Sefira sebagai Husna. Ketiga-tiga mereka adalah mahasiswa universiti dan mengamalkan syariat Islam dalam kehidupan (*ibid*:19). Gandingan Habiburrahman sebagai penasihat dengan pengarah Chaerul Umam dalam *KCB* telah berjaya mengutip jumlah tontonan sebanyak 1.5 juta dalam tempoh dua minggu.[27] Habiburrahman yakin bahawa masyarakat Indonesia lebih suka menonton daripada membaca (Sakai 2012: 17), justeru beliau tidak menoleh ke belakang lagi untuk menerbitkan filem dan sinetron (drama bersiri) Islam termasuklah yang terbaharu, Filem Cinta Suci Zahrana (2012) kerana percaya, dakwah melalui filem mempunyai manfaat yang besar kepada agama Islam

PESANTREN BASMALLAH

Sebagai seorang yang mencintai ilmu, Habiburrahman merasakan pendidikan adalah salah-satu kunci pembercayaan umat Islam.[28] Oleh itu, beliau telah menggunakan sebahagian royalti Novel *Ayat-Ayat Cinta* bagi menubuhkan Pesantren Basmallah yang terletak di Semarang, Jawa Tengah. Pesantren ini memfokuskan kepada pendidikan anak-anak atau tadika dan juga pusat latihan Islam mahasiswa. Habiburrahman telah bergabung dengan isteri, ibu dan dua adiknya bagi menguruskan Pesantren Basmallah (*ibid*).

Pesantren Basmallah terletak berhampiran Universiti Negeri Semarang (UNNES) dan Institut Perguruan Negeri Semarang (IKIP). Sebanyak 17 buah rumah disewa untuk kegunaan para mahasiswa mendalami Kitab Kuning dan hafazan al-Quran selepas waktu kuliah mereka di universiti (Sakai 2012: 21). Selain majlis ilmu, Pesantren Basmallah turut menerbitkan buku-buku sastera Islam dibawah lambang Basmallah Press (2003). Selepas ledakan Novel *Ayat-Ayat Cinta,* nama Habiburrahman telah menjadi satu jenama dan mampu melariskan jualan novel-novelnya yang lain. Justeru, beliau telah bertindak untuk menerbitkan sendiri semua novelnya dan keuntungan jualan dilaburkan untuk pengurusan Pesantren Basmallah.

---

[27] Rujuk http://megafilmkcb.blogdetik.com/

[28] Temubual Habiburrahman el-Shirazy tanggal 21 Disember 2012 di Salatiga, Jawa Tengah, Indonesia.

PENUTUP

Kajian mendapati bahawa Novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) telah mengubah posisi Habiburrahman daripada seorang guru agama kepada pendakwah-selebriti yang dikenali di Nusantara. Beliau telah memanfaatkan popularitinya itu untuk tujuan dakwah dengan tiga kaedah utama iaitu penulisan, filem dan televisyen serta pendidikan. Kajian juga menunjukkan bahawa dakwah Islam telah diterima oleh masyarakat Indonesia terutama melalui novel, filem dan sinetron ekoran kesedaran masyarakat untuk menambahkan penghayatan keagaamaan. Habiburrahman berjaya memecahkan tembok perbezaan pemikiran di kalangan masyarakat Islam di Jawa dengan menawarkan karya Islam mithali tanpa menyinggung mana-mana pihak. Kekuatan metodologi dakwah Habiburrahman adalah al-hikmah iaitu kebijaksanaan dalam menyebarkan Islam melalui kesesuaian mesej Islam dengan keadaan dan sasaran. Kekuatan dakwahnya turut berpunca daripada latar kehidupan, pendidikan dan penguasaan ilmu agama yang dimiliki oleh beliau dari tiga tradisi utama iaitu pesantren, sekolah agama tinggi dan Universiti al-Azhar, Mesir.

RUJUKAN

Anif Sirsaeba El-Shirazy (2006), *Fenomena Ayat-Ayat Cinta,* Jakarta: Penerbit Republika.

Ahmad Mujib El-Shirazy (2009), *The Inspiring Life Of Habiburrahman El-Shirazy*, Jakarta: Balai Pustaka.

Ahmad Faozan (2006), Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi dalam *Jurnal Studi Islam dan Budaya (IBDA)* No.1 (Jan-Jun 2006), Solo: STAIN Purwokato.

Abdurrahman Mas'ud (2004), *Intelektual Pesantren, Perhelatan Agama dan Tradisi*, Yogjakarta: LKIS.

Clifford Gertz (1982), *Abangan, Santri, Priyayi: Dalam Masyarakat Jawa*, Jakarta: Pustaka Jaya

Clifford Geertz (1960), *The Religion of Java,* Chicago: The University of Chicago Press.

Dodi W. Irawanto (2011), Challenge of Leading in Javanese Culture, *Jurnal Asian Ethnicity* (12:2/ 125-139), London: Routledge

Gary Dean (2006), Javanese Santri Islam, *Jurnal Studi Islam dan Budaya* (Vol.4, No.1), Solo: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri.

Heather Sutherland (1975), The Priyayi dlm. *Indonesia* (No.19, April 1975), New York: Cornell University.

Kartinka Van Heeren (2008), Cruelty, Ghosts and Verses of Love dalam *ISIM REVIEW* (No. 22), Belanda: University of Leiden.

Martin van Bruinessen (1985), *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia*,

Bandung: Mizan.
Martin Van Bruinessan (1995), *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat*, Bandung: Penerbit Mizan.
M. C Ricklefs (1981), *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004*, Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta
Ma Huan (1970), *Ying-Yai Sheng-Lan (The Overall Survey of The Ocean's Shores),* Cambridge: The University Press
Mohd Zariat Abdul Rani (2012), Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia dalam *Indonesia And The Malay World* (40:116), London: Routledge.
Minako Sakai (2012), Preaching To Muslim Youth in Indonesia: The Dakwah Activities of Habiburrahman El Shirazy dalam *Review of Indonesian and Malaysian Affairs* (No. 46), Australia: University of New South Wales, Canberra.
Muhammad Kosim (2007), Madrasah Indonesia, Pertumbuhan dan Perkembangannya, *Jurnal Tadris* (Vol. 2, No. 1), Pamerkasan: Jurusan Tarbiah, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri.
Nasucha Machalie (1985), KH. Muslih, Contoh Peribadi Yang Mengesankan dlm. *Buletin PIP Futuhiyyah* (No. 1, Oktober 1985). Jawa Tengah: Mranggen.
Neils Mulder (1983), Abangan Javanese Religious Thought And Practise, *Bijadragen Tot De Taal-, Land-En Volkenkunde* (Bil. 139:1983), Netherlands: Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies.
Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1972), I*slam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
Sartono Kartodirdjo (1987), *Pengantar Sejarah Indonesia Baru:1500-1900, Dari Emporium Sampai Imperium,* Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
Yoyon Mudjiono (2007), Strategi Dakwah Wali Songo Dalam Perspektif Ilmu Komunikasi, *Jurnal Ilmu Dakwah* (Vol. 14, No.1 April 2007), Surabaya: Fakultas Dakwah IAIN Sunan Ampel.
Zaini Muctarom (2002), *Islam di Jawa Dalam Perspektif Santri& Abangan*, Jakarta: Salemba Diniyah.

PEMERKASAAN DAKWAH MELALUI DRAMA MELAYU DI MALAYSIA

Oleh:
Halimaton Saadiah bt Ismail[1]
Nor Hizwani bt Ahmad Thohir[2]
Nur Sakinah bt Sabari[3]

ABSTRAK

Drama merupakan salah satu medium yang amat berpengaruh dalam menyampaikan mesej dakwah. Kebanjiran drama yang berunsurkan dakwah pada hari ini sedikit sebanyak menimbulkan pelbagai kontroversi kerana dilihat tidak menepati konsep dan tujuan sesebuah drama dakwah itu diterbitkan. Menurut konsep drama dakwah, elemen akidah, akhlak dan syariah seharusnya digarap sebaik mungkin bagi menghasilkan sebuah drama yang mampu meninggalkan kesan yang positif kepada masyarakat tanpa mengabaikan hukum-hukum yang telah ditetapkan di dalam Islam. Justeru itu, drama Melayu wajar diperhalusi dan diteliti semula kerana terdapat drama-drama Melayu yang berunsur Islam telah menimbulkan pertikaian dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Kertas kerja ini akan mengemukakan konsep dan ciri-ciri drama dakwah dan seterusnya mengenalpasti drama Melayu yang mengandungi nilai-nilai dakwah Islam. Di samping itu, turut dibincangkan isu-isu berkaitan dengan drama dakwah masa kini yang dilihat dari aspek hukum. Kajian dilakukan berteraskan kepada metode perpustakaan dan analisis kandungan terhadap empat buah drama terpilih. Penemuan kajian mendapati, drama-drama dakwah Melayu masa kini masih belum menepati ciri-ciri drama dakwah yang sebenar.

Kata kunci : *Konsep drama, Drama dakwah, Isu dan Cabaran*

---

[1] Halimaton Saadiah Ismail merupakan calon Ijazah Sarjana di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[2] Nor Hizwani bt Ahmad Thohir merupakan calon Ijazah Sarjana di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[3] Nur Sakinah bt Sabari merupakan calon Ijazah Sarjana di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

ABSTRACT

Drama is one of the most influential medium in the missionary message. NATURE influx of missionary drama today to some extent raises many controversial as seen not conform to the concept and purpose of a missionary drama was published. According to the concept of missionary drama, elements of faith, morals and sharia should be nurtured as much as possible to produce a drama that can leave a positive impact on society without ignoring the laws that have been prescribed in Islam. Hence, Malay drama should be refined and reviewed as there are Malay dramas based Islam has caused conflict and confusion among Muslims. This paper will present the concept and features of the missionary drama and thus identifying the Malay drama that contains the values of the message of Islam. In addition, also discussed issues related to the current missionary drama seen from the aspect of the law. The study was done based on the method library and analysis of four selected drama. Findings showed that, the missionary Malay dramas currently still meets the requirements of real missionary drama.

Keywords: *Drama Concept, Drama Missionary, Issues and Challenges*

PENGENALAN

Kemajuan dunia dalam bidang teknologi pada hari ini menuntut para pendakwah untuk sentiasa mempelbagaikan wasilah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat. Golongan pendakwah perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang bukan hanya sekadar ilmu agama semata-mata. Jika tidak dakwah Islam tidak dapat berkembang dengan menyeluruh sekali gus membantutkan usaha-usaha dakwah yang dijalankan. Pada hari ini kita dapat menyaksikan fenomena drama Melayu yang menjadi salah satu platform dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.

Perkembangan drama dan teater Melayu moden di Malaysia sentiasa menjadi persoalan terutama dari segi tahap pencapaian setelah berkembang di Malaysia lebih dari 50 tahun berbeza dengan teater Inggeris yang agak kurang dipertikaikan pencapaiannya[4]. Antara faktor yang mendorong

[4] Fazilah Husin, "Kajian dan Kritikan Drama Melayu" (makalah, Persidangan Pengajian Sastera dan Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti

perkembangan teater Inggeris adalah kerana wujudnya syarikat-syarikat produksi yang sentiasa menghasilkan hasil seni yang berkualiti selain daripada sentiasa mendapat tajaan pada setiap kerja-kerja produksi yang dijalankan[5]. Persoalannya, apakah formula yang sesuai untuk menaiktaraf drama Melayu sebagai medan dakwah setanding dengan drama-drama Inggeris yang lain? Menerusi artikel ini, penulis cuba membincangkan apakah yang dimaksudkan dengan drama dakwah seterusnya menghuraikan beberapa persoalan yang berkaitan dengan drama dakwah. Di samping itu juga, isu berkaitan dengan hukum drama dakwah ini sering menjadi pertikaian di kalangan para sarjana kerana adanya kebaikan dan keburukan dalam menggunakan wasilah dakwah ini. Isu ini akan dibincangkan secara teliti dalam makalah ini.

KONSEP DRAMA

Definisi Drama

Drama adalah aksi berseni atau lebih dikenali sebagai lakonan yang merupakan aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakonkan di hadapan penonton. komunikasi secara simbolik didefinisikan sebagai komunikasi melalui imej atau cerita imaginatif. Menurut Fazilah Husin[6], drama dikaitkan dengan lakonan secara jelas yang menunjukkan suatu aksi yang berkaitan dengan lakonan secara jelas yang menunjukkan suatu aksi yang berkaitan dengan peniruan tindak tanduk atau tingkah laku orang lain dan bukan dari dirinya sendiri. Konklusinya, drama adalah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya.

Drama juga merupakan sebuah seni yang memerlukan pelaku yang tertentu untuk melakonkan watak. Kadang kala, lakonan tersebut tidak memerlukan suara seperti mimos atau gerakan seperti drama radio[7]. Drama sering dikaitkan dengan teater sehinggakan menimbulkan kekeliruan pada maknanya. Secara asasnya, kedua-dua istilah ini adalah sinonim, cuma terdapat sedikit perbezaan dari sudut penekanan fungsinya iaitu drama lebih menekankan aspek skrip dan unsur-unsur kesusasteraan manakala teater lebih kepada aspek teknik pementasan.

Sains Malaysia, 30-31 Mac 2011), 119

[5] *Ibid.*

[6] *Ibid.*

[7] Mana Sikana, *Drama Melayu, Tradisional, Moden dan Pasca Moden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 3.

Ciri-ciri Drama

Drama sering dikaitkan dengan teater sehinggakan menimbulkan kekeliruan pada maknanya. Secara asasnya, drama dan teater adalah sinonim, cuma terdapat sedikit perbezaan dari sudut penekanan fungsinya iaitu drama lebih menekankan aspek skrip dan kesusasteraan manakala teater lebih kepada aspek teknik pementasannya[8]. Namun kedua-duanya adalah berasaskan skrip. Skrip merupakan asas dan tunjang kepada penghasilan genre drama dan posisi drama. Ciri-cirinya sama sahaja seperti genre sastera yang lain seperti novel, cerpen dan puisi tetapi berbeza dari aspek kompenan dan komposisinya. Aspek yang membina sesebuah drama adalah terdiri daripada pemikiran atau tema, plot, watak, dialog dan latar. Aspek sudut pandangan tidak wujud dalam pembinaan drama menyebabkan teknik penceritaannya lebih berkisar kepada dialog. Oleh sebab itu, dialog merupakan jantung kepada penulisan sesebuah skrip drama, selain daripada aksi dan gerakan yang juga diistilahkan sebagai bahasa drama[9].

Kesimpulannya, konsep drama merupakan hasil karya kreatif yang istimewa berbanding dengan karya kreatif yang lain kerana ia menggabungkan dua unsur sebati yang tidak dapat dipisahkan. Sebagai hasilnya, seni sastera drama mengandungi cerita, komponen dan komposisinya serta dikategorikan sebagai karya cereka.

KONSEP DRAMA DAKWAH

Definisi Drama Dakwah

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan kepada drama dakwah. Ianya ditafsirkan mengikut pandangan setiap individu. Hal ini merupakan satu kesilapan yang besar kerana Islam bukan didirikan atas lambang atau slogan kerana Islam merupakan sebuah cara hidup yang sempurna dan menyeluruh berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah. Streotaip yang mengatakan bahawa drama dakwah adalah drama yang menampilkan pelakon yang bertudung labuh atau bertudung litup bagi wanita dan lelaki yang memakai jubah dan berserban adalah salah. Ini adalah kerana Islam merupakan sebuah agama yang bersifat syumul dan universal iaitu bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan[10]. Islam bukanlah sekadar agama yang perlu dianuti

[8] Nabilah Mohd Razif, " Unsur-unsur Islam Dalam Drama TV Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih" (Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2012).

[9] Mana Sikana, *Drama Melayu Moden* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd 1995), viii

[10] Nabilah Mohd Razif, "Drama Sebagai Medium Menyampaikan Unsur-Unsur Islam"

sebaliknya memerlukan pengaplikasiaan oleh umatnya dalam menjalani kehidupan seharian.

Pengertian drama Islam menurut Mana Sikana:[11]

1. Persoalan dan tema yang digarapkan adalah hal-hal tipikal, dominan, dan penting dalam pergolakan masyarakat Islam. Sama ada yang bersifat tradional mahupun kontemporari ia tetap merupakan budaya Islam yang menjadi teras kepada umat Islam.
2. Mempergunakan nilai-nilai Islam sebagai focus dan motif karya.
3. Penyelesaian masalah menurut kaedah yang digariskan di dalam Islam.
4. Memasukkan ayat-ayat suci al-Quran dan hadith atau kata-kata hukama' pada mana-mana situasi yang sesuai secara langsung atau tidak langsung dengan melihat kepada situasi dan konteks drama.

Ciri-Ciri Drama Dakwah.

Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan drama dakwah? Adakah sekadar drama yang menyampaikan cerita berkaitan dengan hal ehwal agama sahaja? Secara umumnya, dapatlah difahami bahawa drama dakwah merupakan drama yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Sehingga ke hari ini perbahasan berkaitan dengan ciri-ciri khusus drama dakwah masih belum dibahaskan secara tepat namun terdapat beberapa kajian yang membincangkan berkaitan dengan isu ini.

Antara yang dibahaskan oleh Siti Rugayyah Haji Tibek di dalam kajiannya yang bertajuk "Peranan Drama Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3" [12] ada menyatakan bahawa drama dakwah adalah sebuah drama yang ditayangkan dengan tujuan untuk menyampaikan mesej dakwah. Drama dakwah seharusnya mematuhi batas-batas agama Islam dan mengajak manusia supaya taat menunaikan perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Selain daripada itu, mesej dakwah yang hendak disampaikan seharusnya menggunakan metode dakwah yang bersesuaian dengan khalayak masyarakat dan mampu membawa masyarakat menghayati kesedaran dalam diri individu itu sendiri. Watak dalam sesebuah drama juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan mesej dakwah.

(makalah, Seminar Antarabangsa Sejarah dan Tamadun Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Okt 2011).

[11] Mana Sikana, *Drama Melayu, Tradisional, Moden dan Pasca Moden,* 106.

[12] Siti Rugyyah Haji Tibek, "Peranan Drama Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3" (Tesis PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,1999), 72.

Di dalam sesebuah drama dakwah, nilai-nilai dakwah tidak semestinya disampaikan melalui watak-watak orang yang warak sahaja sebaliknya ianya juga boleh disampaikan melalui sikap dan nilai-nilai murni. [13]

Menurut Mana Sikana[14], drama-drama yang berunsurkan Islam tidak hanya terletak kepada watak-watak yang membicarakan hal-hal berkaitan dengan agama sahaja sebaliknya turut membicarakan kahidupan secara umum dan terbuka dan kaedah penyelesaian masalah di dalam drama tersebut diatasi menurut hukum-hukum yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan Hadith. Antara yang digariskan oleh Mana Sikana berkaitan dengan sifat-sifat drama Islam adalah seperti berikut:

a) Drama tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan akidah, syariat dan prinsip hidup Islam.
b) Drama yang menghargai hidup, mengajak manusia menilai diri dan tujuan kehidupan mereka seterusnya mengarah manusia untuk melakukan kebaikan serta mencerminkan sikap dan nilai hidup Islam.
c) Drama yang menentang sebarang bentuk kezaliman dan penzaliman. Dalam hal ini, hendaklah dijelaskan bahawa Islam sentiasa meletakkan sesuatu pada tempatnya dan menghormati hak sesama manusia.
d) Drama yang diterbitkan adalah semata-mata untuk beribadah kepada Allah s.w.t dan sentiasa mengharapkan keredhaanNya.
e) Drama mestilah menggambarkan hubungan antara manusia dengan Allah sebagai hubungan *Ta'abudiah* dan hubungan antara manusia dengan manusia sebagai hubungan *Insaniah.*
f) Drama yang menggambarkan kisah manusia yang memperjuangkan keadilan dan mencari kebenaran. Contohnya, gambaran masyarakat yang mencintai keamanan dan membenci segala bentuk anasir yang boleh menyebabkan timbulnya kepincangan dalam masyarakat.
g) Drama yang boleh menggambarkan apa sahaja bentuk kehidupan manusia dengan segala permasalahan dan konflik tetapi haruslah diatasi dengan pendekatan Islam.

Pada tahun 1942, unsur-unsur dakwah di dalam drama Melayu telah diketengahkan menerusi drama berjudul Tarek bin Zaiyad: Pahlawan Islam yang merupakan karya Syed Alwi Alhady. [15]Pemilihan corak drama ini

---

[13] *Ibid,* 84

[14] Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 229.

[15] Zunaidah Zainon, "Negara Perlukan Drama Berunsurkan Dakwah", *Utusan Malaysia*, 13 Jun 2006

bukan sahaja menjadi drama dakwah untuk memperkenalkan pahlawan Islam bahkan menjadi satu motivasi kepada kaum muslimin untuk menuntut kemerdekaan. Ini menunjukkan bahawa drama dakwah tidak sekadar berkisar tentang agama sahaja bahkan turut menyampaikan mesej-mesej berkaitan motivasi, perjuangan dan lain-lain lagi.

Muhammad Walid al-Jadda menekankan bahawa drama Islam adalah drama yang mempertemukan syariat Islam dengan alam, kehidupan dan manusia. Pandangan ini menjelaskan bahawa drama yang berunsurkan dakwah adalah drama yang menggambarkan pengajaran tentang syariat Islam. Drama-drama yang ditayangkan hendaklah memberi banyak ilmu pengetahuan, tauladan, kasih sayang, dokumentari dan apa jua paparan yang boleh memberi kebaikan kepada penonton. ianya bukanlah drama yang boleh mempengaruhi dan merosakkan moral, akhlak serta pemikiran penonton seperti melakukan maksiat atau jenayah. [16]

Menurut Ahmad Mustafa, drama yang berunsurkan Islam adalah sebuah drama yang tidak bercampur dengan sebarang maksiat. Apa yang dimaksudkan dengan maksiat oleh beliau adalah perkara yang dilakonkan seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, babak minum arak, pergaduhan, pembunuhan dan sebagainya tidak boleh menjadi kenyataan, ianya haruslah sekadar lakonan semata-mata. Selain daripada itu, drama dakwah perlulah menjelaskan keburukan itu dilarang sama sekali di dalam Islam serta menunjukkan balasan kepada keburukan yang dilakukan. [17]

Menurut Abdul Aziz Mohd Zin, drama Islam seharusnya dihasilkan untuk memberi gambarn kepada manusia tentang kehidupan mereka, masalah serta konflik yang dihadapi oleh mereka. Segala permasalahan yang timbul kemudian akan diselesaikan menurut kaedah Islam. Sekiranya dipaparkan adegan atau babak yang berkaitan dengan keburukan endaklah ditonjolkan balasan buruk yang diterima. [18]

---

[16] Muhammad Walid al-Jadda, *Al-Mauqif Min Sinema Islamiyah*, (Kaherah: Dar al Wafa' Li al-Tiba'ah Wa Nasyr Wa Tawzi', 1989), 23.

[17] Ahmad Mustafa 'Ali al-Qada, *al-Syariah al-Islamiyah Wa al-Funun*, (Beirut: Dar al-Jayl, 1986), 382.

[18] Abdul Aziz Mohd Zin, *Dakwah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996), 268.

Isu Dan Cabaran Drama Dakwah

Permintaan yang tinggi terhadap drama-drama Melayu oleh masyarakat di Malaysia terutamanya pada hari ini seperti drama Nur Kasih yang mencapai jumlah tontonan sehingga 5 juta penonton[19] menjadi salah satu faktor yang mendorong penggiat-penggiat seni untuk menerbitkan drama-drama yang berunsurkan dakwah Islam. Namun begitu, terdapat sebahagian daripada golongan ini yang mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan semata-mata menerusi drama dakwah ini. Natijahnya, drama yang dihasilkan tidak mempunyai mesej yang jelas sehingga menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat. Watak yang ditonjolkan hanya bertumpukan kepada umat Islam yang memakai serban atau jubah. Isu yang ditimbulkan pula lebih berkisar kepada unsur keagamaan sahaja seperti imam sesat, ajaran sesat, pendakwah berserban, dan berjubah serta banyak cakap. [20] Bagi masyarakat non-muslim dan golongan yang masih cetek ilmu tentang Islam akan beranggapan moral umat Islam rendah, tiada jati diri. Hal ini secara tidak langsung telah menjejaskan kemurniaan agama Islam dan menyebabkan masyarakat semakin jauh dari agama Islam.

Kejayaan sebuah drama dakwah itu bermula dengan pemilihan pelakon bagi penghasilan sebuah drama dakwah . Selain aspek bakat dan personaliti yang menarik dinilai dalam pemilihan pelakon, Pelakon yang mempunyai latar belakang agama yang mantap menjadi nilai tambah dalam pemilihan pelakon kerana memudahkan mereka menghayati watak dan skrip drama yang diberi tanpa melanggar batas syariat yang ditetapkan. Justeru itu, pemilihan pelakon juga perlu dititikberatkan untuk membintangi sesebuah drama dakwah. Seperti yang dilakukan oleh Habiburrahman El-Shirazi [21]atau lebih dikenali dengan panggilan Kang Abik. Beliau memilih pelakon yang mempunyai pengetahuan agama yang baik seperti Oki Setiana Dewi sebagai Anna Alfatunnisa dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. Sebaliknya jika pelakon yang dipilih tidak bersesuaian dengan watak dan perwatakan dalam drama dakwah akan menyebabkan timbulnya salah faham dalam kalangan penonton. Misalnya, perwatakan pelakon yang baru memeluk

---

[19] mStar, "Medium Dakwah Orang Muda", laman sesawang *mStar Online*, dicapai 19 Mac 2013, http://mstar.com.my/hiburan/cerita.asp?file=/2009/12/1/mstar_hiburan/20091201074139

[20] Siti Rugayah Haji Tibek, "Peranan Drama dalam Penghayatan dan Penyampaian Dakwah Islam" (makalah, Bengkel Penulisan Skrip Drama dan Filem Berunsur Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006)

[21] Siti Ruqayyah Bt Md Idris, "Unsur-Unsur Dakwah Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009) , 12

agama Islam tetapi dilakonkan oleh pelakon yang bukan Islam akan menyebabkan pelakon tersebut dilihat seolah-olah sedang mempersendakan agama Islam.

Jika dilihat dari aspek pakaian yang dipakai terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki dalam menghasilkan drama dakwah. Sesungguhnya Islam telah menggariskan etika pakaian bagi seorang muslim yang sebenar. Seringkali kita lihat di dalam drama-drama Melayu kebanyakkan pelakon wanita mengenakan pakaian yang tidak bertepatan dengan konsep pakaian yang ditetapkan oleh syariat. Adakalanya terlalu ketat, jarang sehingga menampakkan tubuh badan. Menurut Aziz Satar[22], hasil dari pengalaman beliau selama 55 tahun dalam industry perfileman mendapati cara berpakaian di kalangan artis wanita pada hari agak keterlaluan. Di samping itu juga, penggunaan bahasa dan dialog yang digunakan sudah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur kebaratan hingga merosakkan keindahan bahasa Melayu.

Faktor ekonomi dilihat sebagai salah satu faktor mengapakah kebanyakkan drama-drama yang berunsurkan dakwah diterbitkan oleh orang bukan Islam. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan tidak ramai penerbit drama-drama Melayu yang menghasilkan drama-drama berunsurkan dakwah. Hal ini dapat dilihat menerusi kegagalan filem dakwah *Syukur 21* yang hanya berjaya meraih keuntungan sebanyak RM1 juta pada masa itu berbanding dengan filem-filem lain[23]. Hal ini menyebabkan tidak ramai penerbit yang beragama Islam menghasilkan drama dakwah kerana dibimbangi tidak mendapat sambutan daripada penonton. Selain daripada itu, kos bagi menghasilkan sebuah drama yang agak tinggi menyebabkan tidak ramai penerbit drama yang sanggup mengambil risiko untuk menerbitkan drama dakwah kerana bimbang tidak akan mendapat keuntungan yang sewajarnya[24]. Mereka lebih sanggup menerbitkan drama-drama yang berunsurkan komedi, cinta dan remaja.

Selain daripada itu, penglibatan golongan pendakwah yang agak kurang dalam bidang keseniaan terutamanya dalam keseniaan drama. Kebanyakkan daripada mereka lebih menumpukan usaha dakwah menerusi ceramah-ceramah di masjid, karya penulisan dan sebagainya tanpa menyedari bahawa seni drama juga merupakan salah satu wasilah yang berpengaruh dalam menyampaikan mesej dakwah.

---

[22] Zunaidah Zainon, *Ibid*

[23] Sy Mussaddad Mahdi, "Dakwah Dalam Syurga Cinta", *Utusan Malaysia*, 17 Mei 2009

[24] Zunaidah Zainon, *Ibid*

> "Kini, antara teknologi komunikasi elektronik yang berkesan dan menonjol adalah televisyen. Jika dikaji orang Kristian telah lama menggunakan media ini bagi propaganda agama mereka. Oleh yang demikian media dakwah perlu diperluaskan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat bagi merealisasikan ajaran Islam dalam segenap kehidupan bagi mencari keredhaan Ilahi" [25]

Dewasa ini, musuh-musuh Islam terutamanya orang Kristian semakin giat melancarkan gerakan dakyah mereka bagi menyebarkan fahaman-fahaman yang mengelirukan umat Islam melalui pelbagai medium. Salah satu medium tersebut adalah televisyen. Mereka menggunakan media sebagai alat penyebaran propaganda mereka untuk menjatuhkan Islam. Implikasinya umat Islam menjadi penonton kepada filem dan drama yang diterbitkan oleh mereka dan seterusnya menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan mereka. Maka, di sinilah golongan pendakwah perlu bangkit menghalang propaganda musuh Islam dengan melibatkan diri mereka dalam bidang media. Mereka perlu bertindak secara kreatif dan proaktif dengan mempelbagaikan ilmu dan kemahiran dalam bidang seni agar usaha dakwah yang dijalankan dapat disampaikan secara menyeluruh dan berkesan.

Penggunaan bahasa juga dilihat sebagai salah satu isu yang amat perlu diberi perhatian. Kebanyakkan bahasa yang digunakan oleh penulis skrip pada hari ini adalah bahasa-bahasa yang boleh dikategorikan sebagai bahasa yang menyebabkan kerosakan nilai bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini turut diakui oleh Aziz Satar [26] yang mengatakan bahasa yang digunakan oleh penulis skrip drama pada hari ini tidak lagi melambangkan jati diri orang Melayu yang dikenali sebagai bangsa yang kaya dengan kesopanan dan kesantunan budi bahasa. Hal ini memberi pengaruh yang agak negatif kepada masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak mampu untuk meniru setiap patah perkataan yang diucapkan oleh watak antagonis dalam drama yang mereka tonton.

Kedudukan Drama Menurut Perspektif Islam

Islam merupakan sebuah agama yang sentiasa memenuhi fitrah semulajadi

---

[25] Dusuki Ahmad, "Cabaran Dakwah Dalam Industri Drama" dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial,* ed. Fariza Md.Sham,Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endot (Selangor: Utusan Publication& Distributor Sdn.Bhd , 2000), 97.

[26] Zunaidah Zainon, *Ibid*

manusia. Allah menjadikan setiap makhluk ciptaannya sebagai hamba yang sentiasa inginkan keindahan dan perkara-perkara yang indah. Firman Allah:

۞ يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ خُذُواْ زِينَتَكُمۡ عِندَ كُلِّ مَسۡجِدٖ وَكُلُواْ وَٱشۡرَبُواْ وَلَا تُسۡرِفُوٓاْۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ٣١

Terjemahan: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu Yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang Yang melampaui batas.*

*(*Al-a'araf 7:31)

Salah satu bentuk keindahan yang disukai oleh manusia adalah keseniaan. Menurut Sidi Gazalba[27], seni dan moral mempunyai hubungan yang amat kuat apabila seni itu disandarkan kepada Tuhan kerana di dalam seni itu mempunyai nilai moral yang tersendiri. Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa melakukan kebaikan dan menegah segala bentuk kemungkaran. Suruhan dan larangan itulah yang membentuk syariat dalam kehidupan manusia. Begitu juga dalam bidang keseniaan. Ianya hendaklah dilakukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Islam.

Kajian terhadap hukum-hukum Islam menyatakan bahawa dasar penentuan hukum halal dan haram di dalam Islam ditentukan oleh dua perkara iaitu adanya baik (untung) atau rugi (buruk).[28] Apabila di dalam sesuatu perkara itu lebih banyak mendatangkan bahaya atau mudarat maka ianya ditegah atau diharamkan. Sebaliknya jika perkara itu lebih banyak mendatangkan kebaikan dan keuntungan maka ia disuruh atau dihalalkan. Secara umumnya, terdapat dua pandangan berkaitan hukum pelaksanaan drama dalam dakwah. Pandangan yang pertama lebih menegah kerana segala perkara yang bertentangan dengan syarak tidak boleh dilakukan walaupun untuk kebaikan. Pandangan yang kedua pula bertentangan dengan pandangan yang pertama kerana terdapat beberapa perkara yang dalam keadaan dan

[27] Sidi Gazalba, "Islam dan Kesenian" (makalah, Seminar Sehari mengenai Islam dan Kebudayaan, 29 Dec 1983,Kuala Lumpur

[28] Abd Aziz Mohd Zin, "Babak- Babak Dalam Drama Dakwah: Suatu Penjelasan Ke Arah Penentuan Hukum", *Jurnal Syariah* 4, Bil. 2, (Julai 1996), 262

suasana keburukan tidak dinilai lagi. [29]

Abdul Aziz Mohd Zin [30]telah menggariskan beberapa panduan dalam penerbitan drama-drama yang berunsurkan dakwah agar drama yang diterbitkan tidak menimbulkan kecelaruan dan kekeliruan. Antaranya :

i. Matlamat yang hendak dicapai dalam sesuatu perbuatan itu adalah jelas
ii. Keuntungan yang akan didapati melalui perbuatan itu adalah jelas lebih besar keuntungannya berbanding dengan keburukan yang akan didapati.
iii. Matlamat yang hendak dicapai adalah satu matlamat yang besar seperti untuk kepentingan jihad dan dakwah. Ia bukanlah untuk kepentingan peribadi.

Analisa Drama Melayu

- WARKAH CINTA

Drama yang berjudul "Warkah Cinta" merupakan salah sebuah drama Melayu yang layak diklasifikasikan sebagai drama dakwah. Drama yang diarahkan oleh Ustaz A.Ubaidillah Alias ini mengisahkan kehidupan manusia yang tidak lari dari perasaan cinta lah sesama manusia. Namun, perasaan cinta tersebut perlu disalurkan mengikut kaedah yang telah ditetapkan di dalam Islam. Penulis skrip cuba menonjolkan realiti masyarakat pada hari ini yang terlalu mengejar hal-hal keduniaan sehingga mengabaikan perintah Allah. Kejahilan dalam ilmu agama telah memerangkap manusia untuk terus melakukan maksiat tanpa memikirkan kesannya kepada diri mereka pada masa akan datang. Tema percintaan, persahabatan, dan kekeluargaan berjaya digarap oleh penulis skrip tanpa melibatkan sebarang unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam.

Selain daripada itu, pemilihan pelakon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang agama menjadikan drama ini sebagai sebuah drama dakwah yang berjaya menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat. Hal ini boleh dilihat melalui watak utama dalam drama ini iaitu Imam Muda Nazrul sebagai Amir Mukhlis yang merupakan salah seorang peserta program Imam Muda terbitan Astro Oasis. Pengetahuan yang mendalam dalam ilmu agama telah berjaya membantu beliau menghayati dan membawa watak sebagai seorang pelajar tahfiz di dalam drama ini.

[29] *Ibid*, 264

[30] *Ibid*, 268

- DAKWAH MUHARAM

Jika diteliti secara kasar, drama ini boleh dikatakan sebagai drama yang berjaya menyampaikan mesej dakwah dengan jelas. Namun begitu, ianya masih belum lagi dapat memenuhi ciri-ciri drama yang berunsurkan dakwah. Drama di bawah arahan Erma Fatima ini mengisahkan tentang realiti anak muda yang begitu minat dengan muzik. Namun minatnya dihalang oleh ayahnya yang berpandangan negatif terhadap muzik kerana berpendapat muzik akan melalaikan anaknya. Penulis skrip bijak menghidupkan watak seorang yang berpelajaran agama dan berusaha mendekati golongan anak muda ini tanpa menghalang penglibatan mereka di dalam bidang muzik sebaliknya menggalakkan mereka menggunakan muzik sebagai satu platform untuk menjalankan usaha dakwah.

Walaubagaimanapun, matlamat tidak menghalalkan cara. Penonjolan watak wanita yang tidak menutup aurat di dalam drama ini telah menjadikan drama ini tidak bertepatan dengan ciri-ciri drama dakwah. Islam telah menggariskan bahawa setiap wanita Islam hendaklah sentiasa menutup aurat tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun. Maka di sinilah pendakwah memainkan peranan mereka dengan melakukan kerjasama dengan penulis skrip dalam menghasilkan drama-drama yang berunsurkan dakwah. Hal ini perlu diberi perhatian yang serius bagi mengelakkan berlakunya unsur-unsur fitnah yang boleh menjatuhkan nama Islam.

- LELAKI YANG DICINTAI

Drama ini merupakan salah sebuah contoh drama yang menepati ciri-ciri sebuah drama dakwah. Drama yang bertemakan kekeluargaan ini mengisahkan tentang persahabatan tiga orang wanita diuji apabila mereka sebenarnya mencintai dan berkahwin dengan seorang lelaki yang sama tanpa mereka sedari. Drama ini tidak sekadar menyampaikan mesej berkaitan dengan kekeluargaan dan cinta antara manusia tetapi juga turut mengajak masyarakat supaya sentiasa redha dengan ujian Allah. Hamba yang diuji oleh Allah merupakan hamba yang sentiasa dicintai oleh Allah. Ujian yang datang adalah sebagai tanda kasih sayang Allah kepada hamba-hambanya. Selain daripada itu, penulis skrip turut membawa mesej berkaitan dengan isu poligami kerana realiti masyarakat pada hari ini yang suka mengamalkan poligami tanpa memberitahu isteri. Hal ini menyebabkan timbulnya pelbagai permasalahan yang melibatkan pelbagai pihak.

Dari aspek watak dan perwatakan yang tedapat dalam drama ini, penerbit begitu menitikberatkan aspek pergaulan dan pakaian yang dipakai oleh pelakonnya. Setiap pelakon wanita memakai pakaian yang menutup aurat

dan melakonkan watak yang bersesuaian sebagai wanita muslimah. Kaedah penyelesaian masalah yang ditonjolkan menerusi drama ini juga amat bersesuaian dengan cara yang dianjurkan di dalam Islam. Inilah yang perlu dititikberatkan oleh seorang pengarah dalam menghasilkan sebuah drama yang bertepatan dengan syariat.

- TAHAJUD CINTA

Drama arahan Erma Fatima ini telah mengundang pelbagai spekulasi dalam kalangan penonton. Hal ini berlaku apabila isu yang ditonjolkan oleh penerbit drama seolah-olah ingin menggambarkan kesempitan dalam mengamalkan agama Islam. Drama ini mengisahkan kehidupan seorang guru agama di sekolah pondok yang mempunyai 4 orang isteri tapi dek kerana terpikat dengan kecantikan seorang anak gadis di kampung itu. Demi mencapai hasratnya itu, beliau sanggup menggunakan kelebihannya sebagai guru agama untuk menghasut ayah kepada gadis tersebut agar mengahwinkan mereka berdua. Hal ini secara tidak langsung memberikan pandangan yang negatif terhadap keperibadiaan seorang yang memiliki ilmu agama tetapi dalam pada masa yang sama mempunyai akhlak yang buruk.

Sebagai seorang yang memiliki ilmu yang tinggi dalam agama, mereka seharusnya menonjolkan keperibadian yang mulia selaras dengan hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud :

> *"Orang yang baik antara kamu adalah orang paling berlaku baik terhadap isterinya dan akulah orang paling baik terhadap isteri dari kalangan kamu."*
>
> (Hadis riwayat at-Tirmizi).

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa sebagai seorang Muslim, kita hendaklah sentiasa memelihara adab sesama manusia terutamanya kepada orang yang sedang berkomunikasi dengan kita. Babak-babak yang ditonjolkan di dalam drama ini juga sedikit sebanyak telah menjejaskan nama baik Islam apabila pengarah memaparkan adegan yang menunjukkan kezaliman umat Islam dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang akhirnya membawa perpecahan dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Maka di sinilah peranan ahli agama untuk berkecimpung di dalam industri seni ini bagi menghasilkan sebuah hasil karya yang boleh mengajak masyarakat untuk terus menghayati nilai-nilai yang terdapat di dalam agama Islam.

CADANGAN

Penggunaan drama sebagai salah satu wasilah dakwah pada hari ini adalah satu usaha yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Badan-badan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan

Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKIM) digalakkan untuk bekerjasama bagi menghasilkan drama-drama yang berunsurkan dakwah di samping mewujudkan satu badan penilaian yang boleh menilai penulisan skrip sebelum sesebuah drama itu diterbitkan. Menurut Habsah Hassan[31], filem-filem luar negara lebih banyak menonjolkan unsur-unsur keagamaan di dalam filem mereka. Contohnya, melakukan upacara keagamaan di kuil ataupun gereja. Tetapi di Malaysia, pendekatan seperti ini amat kurang diterapkan di dalam sesebuah drama. Sebagai seorang pengarah drama yang beragama Islam mereka seharusnya berusaha untuk mengangkat nilai-nilai Islam di dalam karya mereka kerana melalui usaha ini secara tidak langsung dapat menonjolkan kemurniaan agama Islam kepada seluruh masyarakat khususnya kepada mereka yang bukan beragama Islam. Nilai-nilai murni yang dibawa hendaklah didasarkan kepada al-Quran dan Hadis agar nilai-nilai yang dibawa tidak bertentangan dengan syariat yang akhirnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

Selain daripada itu, pemilihan latar yang bersesuaian dan menarik juga dapat menjadikan sesebuah drama itu kelihatan lebih berkualiti di samping dapat menunjukkan keindahan alam ciptaan Allah. Secara tidak langsung ianya dapat menarik perhatian para penonton untuk terus menonton drama tersebut. Terdapat banyak tempat-tempat menarik yang terdapat di Malaysia contohnya yang boleh dijadikan sebagai latar tempat bagi sesebuah drama. Latar tempat yang dipilih hendaklah menggambarkan keindahan agama Islam sebagai agama yang indah dan suci.

Penubuhan jabatan atau bahagian yang khusus bagi setiap stesyen televisyen juga amat digalakkan bagi memudahkan proses penapisan setiap drama yang hendak ditayangkan kepada penonton. Jabatan ini akan bertanggungjawab untuk menilai dan menapis setiap drama dari aspek mesej yang hendak disampaikan, adegan-adegan yang terdapat di dalam drama tersebut dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan lagi hasil kualiti sesebuah drama yang ditayangkan. Sebagai contoh, stesyen televisyen Al-Hijrah hanya menyiarkan drama-drama yang bertepatan dengan konsep dakwah kepada penontonya.

KESIMPULAN

Drama-drama Melayu yang berunsurkan dakwah pada hari ini perlu diberi satu nafas baru oleh penggiat-penggiat seni. Dakwah melalui bidang seni bukanlah sesuatu yang asing dalam agama Islam. Terdapat pelbagai kaedah

[31] Zunaidah Zainon, *Ibid*

yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Islam. Penggunaan drama sebagai wasilah dakwah seharusnya diaplikasi sebaik mungkin oleh golongan pendakwah memandangkan drama mampu untuk memberikan pengaruh yang agak besar kepada masyarakat. Justeru itu, satu kerjasama yang mantap perlu dibangunkan oleh golongan penggiat seni dan pendakwah agar drama sebagai agen dakwah dapat diperkasakan semula bagi menghasilkan hasil karya yang boleh memberi kesedaran terhadap masyarakat.

RUJUKAN

Fazilah Husin, "Kajian dan Kritikan Drama Melayu" (makalah, Persidangan Pengajian Sastera dan Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 30-31 Mac 2011)

Mana Sikana, Drama Melayu, Tradisional, Moden dan Pasca Moden (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006)

Nabilah Mohd Razif, " Unsur-unsur Islam Dalam Drama TV Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih" (Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2012).

Mana Sikana, Drama Melayu Moden (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd 1995), viii

Nabilah Mohd Razif, "Drama Sebagai Medium Menyampaikan Unsur-Unsur Islam" (makalah, Seminar Antarabangsa Sejarah dan Tamadun Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Okt 2011).

Siti Rugyyah Haji Tibek, "Peranan Drama Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3" (Tesis PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,1999)

Mana Sikana, Falsafah dan Seni Kreatif Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996)

Zunaidah Zainon, "Negara Perlukan Drama Berunsurkan Dakwah", Utusan Malaysia, 13 Jun 2006

Muhammad Walid al-Jadda, Al-Mauqif Min Sinema Islamiyah, (Kaherah: Dar al Wafa' Li al-Tiba'ah Wa Nasyr Wa Tawzi', 1989)

Ahmad Mustafa 'Ali al-Qada, al-Syariah al-Islamiyah Wa al-Funun, (Beirut: Dar al-Jayl, 1986)

Abdul Aziz Mohd Zin, Dakwah di Malaysia (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996)

mStar, "Medium Dakwah Orang Muda", laman sesawang mStar Online, dicapai 19 Mac 2013, http://mstar.com.my/hiburan/cerita.

asp?file=/2009/12/1/mstar_hiburan/20091201074139
Siti Rugayah Haji Tibek, "Peranan Drama dalam Penghayatan dan Penyampaian Dakwah Islam" (makalah, Bengkel Penulisan Skrip Drama dan Filem Berunsur Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006)
Siti Ruqayyah Bt Md Idris, "Unsur-Unsur Dakwah Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009)
Sy Mussaddad Mahdi, "Dakwah Dalam Syurga Cinta", Utusan Malaysia, 17 Mei 2009
Dusuki Ahmad, "Cabaran Dakwah Dalam Industri Drama" dalam Dakwah dan Perubahan Sosial, ed. Fariza Md.Sham,Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endot (Selangor: Utusan Publication& Distributor Sdn.Bhd , 2000)
Sidi Gazalba, "Islam dan Kesenian" (makalah, Seminar Sehari mengenai Islam dan Kebudayaan, 29 Dec 1983,Kuala Lumpur
Abd Aziz Mohd Zin, "Babak- Babak Dalam Drama Dakwah: Suatu Penjelasan Ke Arah Penentuan Hukum", Jurnal Syariah 4, Bil. 2, (Julai 1996)

PEMERKASAN *JAMA'AH* MELALUI SISTEM USRAH : SOROTAN TERHADAP PENUBUHAN PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA

Oleh:
Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah[1]

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan tahapan perkembangan Pertubuhan IKRAM dari awal tahun 70-an sehingga kepada didaftarkan penubuhanya pada 22 Oktober 2009. Penulisan ini memfokuskan bagaimana keseriusan penggerak IKRAM dalam memfungsikan sistem Usrah yang merupakan unit terkecil dan terpenting dalam jamā'ah sehingga tertubuhnya IKRAM dan menjadikan usrah sebagai platfom berkesan untuk menyampaikan arahan dari kepimpinan. Sistem Usrah yang dipelopori oleh Al-Shahid Imam Hassan Al-Banna melalui jamā'ah Ikhwan Al-Muslimin telah mewarnai senario gerakan Islam serata tempat. Di Malaysia pelaksanaan Sistem Usrah dipelbagaikan pelaksanaannya mengikut acuan dan matlamat yang ingin dicapai.

Kata Kunci: *Gerakan Islam, Jamā'ah, Usrah, Tarbiah, IRC*

PENDAHULUAN

Setiap organisasi Islam mempunyai sejarah tersendiri berkenaan faktor dan tujuan penubuhannya.. Kajian ini akan membicarakan mengenai peranan sistem usrah kepada gerakan Islam khususnya Pertubuhan IKRAM. Usrah merupakan salah satu medium tarbiah yang amat penting untuk digerakkan bagi mencapai matlamat tarbiah yang mana ia merupakan agenda utama dalam sesebuah organisasi Islam dalam usaha untuk mencapai visi dan misi yang telah digariskan.

PENGENALAN GERAKAN ISLAM DAN JAMA'AH

Gerakan Islam di Malaysia telah melalui beberapa fasa semenjak dari awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu hinggalah ke zaman kini. Penulis tidak berhajat untuk menghuraikan perkara ini dengan lebih lanjut bagi tujuan penulisan kertas kerja ini. Namun penulis akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan gerakan Islam dan dan *jamā'ah* dari sudut

[1] Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah merupakanJabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

takrif dan konsep. Pelbagai takrifan mengenai gerakan Islam telah diberikan oleh para cendekiawan dan juga oleh para penggerak kepada Gerakan Islam. Justeru penulis akan menghuraikan beberapa pandangan yang berkaitan agar lebih mudah untuk memahami konsep dan hala tuju kepada sesebuah jamā'ah Islam.

Perkara ini dikira amat penting untuk diteliti kerana antara sebab utama perpecahan umat Islam di dunia ini, khususnya di Malaysia adalah disebabkan oleh salah faham terhadap konsep *jamā'ah* dan *jamā'ah al-Muslimin.* (Jamil Hashim & Sulaiman Ibrahim, 2006, hlm. 1)

Banyak ayat didalam Al-Quran yang menceitakan mengenai perihal *jamā'ah* samada dari sudut kepentingannya mahupun ciri-cirinya. Antara ayat yang menceritakan ciri-ciri bagi sesebuah *jamā'ah* Islam ialah melalui firmanNya yang bermaksud:

> Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*
>
> (Al-Taubah 9:71)

> Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, Barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, Maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintaiNya, yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad dijalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah karunia Allah, diberikan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya), lagi Maha mengetahui.*
>
> (Al-Maidah 5: 54-56)

Daripada ayat ini dapat disimpulkan bahawa antara ciri-ciri gerakan Islam yang utama adalah seperti berikut:

1. Menyeru melakukan kebaikan (*'amar ma'rūf*) dan mencegah kemungkaran (*naḥyu munkar*)
2. Pembentukan sifat kasih sayang terhadap Allah dan juga terhadap manusia iaitu sifat Ukhuwwah.

3. Bersikap merendah diri dikalangan orang Islam.
4. Menunjukkan kehebatan mereka kepada orang bukan islam
5. Bermatlamat untuk berjihad dijalan Allah.
6. Mereka tidak kisah dengan cercaan yang dikenakan kepada mereka

Menurut Dr Anis Ahmad (2000, hlm. 137-138), gerakan Islam pada dasarnya bermaksud suatu usaha yang sistematik dalam melakukan perubahan kualitatif sosial dari sudut pemikiran, perasaan dan tindakan manusia kepada sistem Islam yang menyeluruh atau holistik. Ini bermaksud, gerakan Islah bukan suatu gerakan yang hanya memfokuskan kepada suatu sudut perkara sahaja seperti ekonomi semata-mata tetapi turut mengambil kira perihal pendidikan, politik dan lain-lain.

Dr Yusuf Al-Qardhawi (1990) menerangkan mafhum kepada gerakan Islam adalah suatu gerak kerja nasional yang kolektif secara tersusun untuk mengangkat martabat Islam memimpin masayarakat dan pengarahan Islam kepada masyarakat. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Dr. Zawawi Ali (2013)[2].

Penentuan dan pengkelasan seseuatu gerakan itu sebagai sebuah gerakan Islam adalah berdasarkan kepada matlamat dan dasar perjuangan sesebuah gerakan yang menjadikan Islam sebagai teras perjuangan yang mutlak (Badlihisham Mohd Nasir, 2009, hlm. 4-5)

Berikut pula penulis mengumpulkan beberapa pandangan berkenaan takrif gerakan Islam daripada penulisan dan pendangan penggerak kepada gerakan Islam. Pandangan pertama, gerakan Islam ialah sebuah *jamā 'ah* yang (bergerak) memperjuangkan keseluruhan ajaran Islam melalui jihad dengan tujuan untuk menegakkannya di dalam semua aspek kehidupan (Ya'qub Muhammad Hussin, 2008, hlm. 125).

Yahya Haji Othman (2011, hlm. 1-2) yang merupakan *murabbi* kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS) dalam tulisannya mendefinisikan gerakan Islam sebagai:

> "..sebuah pertubuhan, atau jamā 'ah atau parti yang dianggotai oleh orang-orang Islam dan dikendalikan oleh mereka yang mengikatkan diringa dengan Aqidah Islamiyah dan kaedah Islamiyah(cara-cara) yang telah dituliskan di dalam unang-undang dasarnya (Perlembagaan) bahawa al-Quran dan al-Sunnah adalah pegangan asasinya dalam

[2] Beliau kini ialah ahli Lembaga Timbang Tara Pertubuhan IKRAM yang aktif dalam '*jamaah'* sejak pertengahan tahun 70-an hingga kepada penubuhan IKRAM

semua aspek kehidupan."

Seorang penggerak gerakan Islam Malaysia mendefinisikan gerakan Islam sbagai kumpulan Islam, jamaah Islam atau parti Islam yang ditubuhkan dengan memenuhi ciri-ciri untuk menyambung mesej dan risalah yang disampaikan oleh para Nabi dan Rasul yang mana ia bukan sahaja sekadar menyampaikan ilmu tetapi termasuk juga mendididik serta mentarbiah akal manusia. Antara ciri utama sesebuah gerakan Islam itu ialah ia mempunyai unsur dakwah yakni *'amar ma'rūf* dan *naḥyu munkar*. (Abdul Hadi Haji Awang, 2013)

Bagi pandangan aktivis Petubuhan IKRAM Ustaz Alias Othman (2013) gerakan Islam adalah aktiviti atau gerakan yang berusaha melakukan perubahan dalam masyarakat bermula dari individu,(kemudiannya) rumah tangga dengan kualiti-kualitinya (yang tersendiri) sehinggalah kepada *iṣlāḥ al-mujtama'* iaitu pembentukan masyarakat yang kemudiannya kepada *iṣlāḥ al-ḥukūmah*. Bagi konteks Malaysia beliau menolak gaya ekstremis dalam menggerakkan Islam.

SISTEM TARBIAH DAN SISTEM USRAH

Usrah adalah salah satu cabang yang utama dari medium-medium tarbiah dalam gerakan Islam. Tarbiah merupakan unsur yang sangat dititik beratkan oleh setiap gerakan Islam. Sistem tarbiah yang baik mampu melahirkan pemimpin dan ahli yang faham dengan sempurna akan misi dan visi sesebuah gerakan Islam. Dalam bahagian ini penulis akan membicarakan dua perkara utama iaitu sistem tarbiah dan sistem usrah didalam gerakan Islam. Sebagai permulaan penulis cenderung untuk mendefinisikan istilah 'sistem' sebagai kumpulan pendapat (prinsip,teori,dan lain-lain) yang teratur dan tersusun baik-baik (biasanya dijadikan pegangan) cara atau kaedah yang teratur untuk melakukan sesuatu (2010, hlm. 1507).

Tarbiah secara literalnya membawa maksud pendidikan atau pengasuhan pengasuhan (2010, hlm. 1609). Menurut Dr Ali Abdul Halim Mahmud (1990, hlm. 15) istilah tarbiah memberi maksud *uslūb* atau cara ideal dalam berinteraksi dengan fitrah manusia samada secara langsung melalui pertuturan ataupun secara tidak langsung melalui contoh tauladan (perbuatan), bagi menghasilkan perubahan buat manusia kepada keadaan yang lebih baik. Menurutnya *al-Ikhwān al-Muslimīn* telah menggariskan 7 medium tarbiah dalam program pembangunan kepada individu (ahli) iaitu *al-usrah, al-katībah, al-riḥlah, al-mukhayyam, al-nadwah, al-dawrah* dan *al-mu'tamar*. Dalam melaksanakan medium-medium tarbiah ini beliau

menyatakan *al-Ikhwān al-Muslimīn* menekankan kepada penggunaan manhaj atau cara yang tepat, medium yang sempurna dan kepimpinan yang mantap dan teguh (bermula dari *naqīb* hingga kepada kepimpinan tertinggi) (1990, hlm. 110-111).

Dr. Jamal A. Badawi (2000, hlm. 44) dalam tulisannya meneliti pendekatan al-Banna khususnya dalam menggerakkan *al-ikhwān al-muslimīn.* Beliau yang lebih memfokuskan apa yang dicatatkan oleh al-Banna berbanding apa yang dicatatkan mengenainya. Al-Banna telah mengklasifikasikan tiga *marāḥil il-'amal* iaitu yang penulis definisikan sebagai peringkatan gerak kerja yang juga merupakan peringkat-peringkat tarbiah dalam gerakan ini. Pertamanya merupakan peringkat *al-ta'rīf*, yang kedua *al-takwīn* dan yang ketiganya *al-tanfīz*. Dalam kerangka untuk mencapai ketiga-tiga peringkat yang telah dinyatakan, persiapan dari pelbagai sudut diambil kira.

Pandangan lain mengenai definisi tarbiah mengatakan bahawa tarbiah merupakan suatu usaha yang dijalankan untuk melakukan perubahan sikap melalui proses-proses yang tertentu untuk menghasilkan tujuan-tujuan yang tertentu menurut manhaj yang tersusun. Ini bagi mencapai 3 matlamat asasi tarbiah iaitu, melahirkan individu yang bertakwa, beriltizam kepada *jamā 'ah* dan seterusnya mampu untuk dipertangungjawabkan dan juga mampu untuk memimpin (Yahya Haji Othman, 2011, hlm. 2-3).
Secara kesimpulan, sistem tarbiah dalam konteks gerakan Islam adalah suatu proses pembentukan peribadi ahli (juga pemimpin) melalui pendidikan yang padanya wujud proses pengislahan dengan disiplin tertentu bagi menjadikan ahli-ahli lebih mantap dari sudut spiritual, mental dan fizikalnya. Rasionalnya tarbiah ini ialah sebagai sebuah sistem yang akan melahirkan kader-kader yang bermutu bagi menggerakkan dan memimpin sesebuah gerakan Islam.

Justeru bagi mencapai segala matlamat tarbiah yang telah digariskan, pelbagai medium perlu digunakan. Usrah merupakan medium utama yang amat berkesan dan menjadi medium asas yang diaplikasikan oleh kebanyakan gerakan Islam. Ini berikutan sistem ini mempuyai ciri-ciri khusus bagi membantu proses pentarbiahan ahli gerakan Islam. Usrah dalam gerakan Islam secara dasarnya bermaksud perkumpulan (beberapa individu) yang melibatkan kegiatan agama seperti perbincangan tentang sesuatu tajuk agama (2010, hlm. 1783)

Pengasas *al-ikhwān al-muslimīn* Imam Hassan al-Banna (2003, hlm. 543-547) menggariskan tiga rukun utama dalam sistem usrah bagi meningkatkan

lagi mutu dalam setiap pertemuan kepada gerakan dakwah. Rukun-rukun tersebut iaitu *ta'āruf* (saling mengenali), *tafahum* (saling memahami), dan *takāful* (saling membantu). Beliau turut mengatakan bahawa gerakan dakwah akan kerugian yang besar sekiranya tidak merealiasikan dan mengaplikasikan sistem usrah ini secara bersungguh-sungguh disamping beliau mengharapkan sistem usrah ini dilaksanakan dengan roh (keikhlasan) dan bukan sekadar melaksanakan atas dasar perintah semata-mata.

Antara kesan yang jelas kita dapat lihat dewasa ini, pengaruh sistem usrah ini telah mewarnai kebanyakan gerakan Islam pada hari ini. Meskipun secara sejarahnya kaedah ini telah dilaksanakan semenjak zaman awal Islam lagi, tapi ternyata nafas baru telah dihidupkan kembali kepada sistem usrah ini dengan pelbagai inovasi dan penyusunan yang efektif untuk dilaksanakan pada zaman mutakhir ini.

Generasi muda adalah antara yang giat mempraktikkan dan mengembangkan sistem ini dalam pergerakan mereka yang mana ia bertujuan untuk mempelajari dan menghayati Islam dengan lebih mendalam melalui perbincangan dalam kumpulan-kumpulan yang lebih kecil. (Mohd. Radzi Othman & O.K. Rahmat, 2008, hlm. 26).

Salah seorang sarjana Islam menjelaskan yang mana *usrah* diklasifikasikan sebagai persiapan intelek (ideologi) dibawah peringkat *al-tanfīz* iaitu peringkat kedua didalam *marahil il-'amal.* Menurut penulis, Sistem *usrah* adalah suatu sistem dimana satu kumpulan atau unit kecil yang disusun dikalangan ahli (organisasi) yang berfungsi sebagai tempat untuk ahli mengukuhkan lagi kefahamannya mengenai Islam. Bahkan ia bukan sahaja unit yang beroperasi sebagai *study group* bahkan adalah tempat untuk membina (mengukuhkan) ikatan persaudaraan atau *ukhuwwah* dikalangan ahli disamping sebagai tempat perkongsian pelbagai kemusykilan yang dihadapi oleh mereka. Objektif utama *usrah* ialah *ta'āruf* (saling mngenali), *nusḥ*(saling menasihati), dan *takaaful* (saling membantu dan menyokong termasuk perihal kewangan) (Jamal A Badawi, 2000, hlm. 52-53).

Usrah merupakan salah satu mekanisme yang amat penting kerana ianya bukan sekadar menjadi tempat untuk mengukuhkan lagi hubungan (sesama ahli) malah ia menjadikan ahli-ahli lebih memahami dan mendalami ilmu-ilmu Islam. Walaubagaimanapun usrah bukanlah tempat perbincangan akademik (secara kritikal) semata-mata. Ia merupakan unit tarbiah yang padanya terdapat pembelajaran ilmu Islam, perkukuhkan semangat persaudaraan, ibadah dan juga membuat perancangan agenda masa depan.

(Mohammad Nor Monutty, 1989, hlm. 239-240)

Idris Ahmad, seorang penggerak gerakan Islam mendifinisikan usrah ialah kumpulan individu Islam yang beriman kepada Allah, berusaha untuk tolong-menolong sesama mereka untuk memahami ajaran Islam. Antara matlamat utama usrah ialah untuk memperkukuhkan lagi hubungan sesama ahli dalam *jamā'ah* bagi melakukan kerja Islam yang lebih mencabar (2011, hlm. 1-2).

Zainah Anwar telah menceritakan bagaimana usrah menjadi alat paling berkesan dalam membangunkan gerakan dakwah. Menurutnya unit-unit usrah menjadi tempat untuk membincangkan ideologi-ideologi, strategi perjuangan sehinggalah kepada perihal peribadi anggota usrah. Melalui usrah juga pemahaman terhadap ilmu-ilmu Islam dipertingkatkan terutama dikalangan pelajar-pelajar baru. Beliau turut menyebut bahawa semangat pelajar-pelajar dalam gerakan dakwah tidak mudah luntur walaupun pelbagai sekatan dari pihak universiti dilakukan. Peristiwa seperti ini membuktikan bahawa ikatan dan penyaluran fikrah melalui sistem usrah mempunyai impak yang sangat besar kepada individu dan seterusnya kepada gerakan dakwah yang disertainya. Ini dibuktikan lagi apabila ada diantara pelajar yang berasa lebih baik dan bersih setiap kali menghadiri usrah. (1990)

SISTEM USRAH DAN PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA

Pada bahagian ini penulis akan membincangkan perihal sejarah Pertubuhan IKRAM dan bagai mana sistem usrah menjadi faktor pembantu utama kepada penubuhannya.

Secara ringkasnya Pertubuhan IKRAM telah didaftarkan pada 22 Oktober 2009 yang mana perasmiannya telah diadakan pada tahun 2010 (2012). Namun disini penulis berhajat untuk menghuraikan beberapa peristiwa penting yang berlaku yang membawa kepada penubuhan IKRAM.

IKRAM pada dasarnya adalah hasil dari gabungan beberapa individu dan kumpulan pelajar yang mempunyai fikrah yang sama yang diperoleh semasa dalam pengajian samada di luar negara (terutama di United Kingdom (UK) dan Mesir) ataupun di institusi pengajian tempatan (Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad, 2013). Menurut Ustaz Alias Othman (2013) kebanyakan dalam kalangan aktivis-aktivis awal IKRAM memperoleh fikrah-fikrah *ḥaraki* melalui pembacaan daripada penulisan para penggerak gerakan Islam khususnya dari timur tengah. Proses ini bermula seawal

akhir tahun 60-an awal 70-an yang mana ada kesedaran Islam di institusi pendidikan. Menurutnya lagi antara pendedahan kepada sistem usrah yang awal diperoleh ketika menjalani pengajian di Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK) yang kemudiannya dikenali sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan. Antara individu yang secara khusus menyusun usrah dalam kalangan pelajar di YPTIK ini ialah Ustaz Mohamed Daud Al-Iraqi (Dato' Paduka) yang merupakan pensyarah di YPTIK. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Dr. Zawawi Ali (2013) dan juga Ustaz Mohamed Daud (2013).

Bagi graduan dari Mesir, mereka mengalami pengalaman yang berbeza dari sudut penyertaan dalam tarbiah disana. Ada yang mengatakan pada awalan mereka berada disana, tidak banyak perjumpaan dengan tokoh-tokoh gerakan Islam disana berikutan kebanyakan dari tokoh-tokoh terbabit (khususnya dari *al-ikhwān al-muslimīn*) masih didalam penjara. Justeru kebanyakan fikrah diperoleh melalui pembacaan. (Alias Haji Othman, 2013). Dari sudut penyertaan dalam sistem Usrah, pandangan yang lain mengatakan institusi usrah yang lebih tersusun dalam kalangan 'mereka' bermula pada tahun 1975 meskipin tidak dinafikan telah wujud pertemuan pada sebelum tahun berkenaan (Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom , Timbalan Presiden Pertubuhan IKRAM - Presiden Penaja, 2013).

Menurut Siti Hamisah Manan (2009), bagi pelajar yang pernah menuntut di UK gerakan mereka dinamakan sebagai Islamic Representative Council (IRC)[3] unit-unit usrah adalah sel-sel yang paling penting dalam IRC yang mana melaui sistem ini juga penyebaran fikrah dan ideologi makin berkembang. Pada permulaan, usrah hanya disertai oleh penggerak-penggerak awal namun ia mulai berkembang sehingga kepada pelajar-pelajar baru yang baru memulakan pengajian di sana.

Unit 'study circle' atau usrah merupakan antara aktiviti tepenting bagi IRC yang mana melalui sistem ini IRC dapat mengenalpasti ahli-ahli mana yang benar-benar komitmen sepenuhnya dalam gerak kerja mereka dan ianya juga sebagai aktiviti paling asas yang dapat menentukan kelangsungan pergerakan mereka selain menjadi tempat pembangunan peribadi ahli yang

[3] Penulis tidak bercadang untuk membinangkan secara terperinci mengenai pergerakan IRC ini kerana telah banyak penulisan yang menceritakan mengenai sejarah, pergerakan, permasalahan dan sebagainya. Penulis hanya akan membincangkan mengenai perihal Usrah yang dilaksanakan oleh mereka dan penglibatan mereka setelah pulang ketanah air. Untuk huraian tambahan mengenai pergerakan IRC boleh rujuk: (Siti Hamisah Manan, 2009) (Zainah Anwar, 1990), (Mohd Fadhli Ghani, 2003) dan lain-lain.

lebih berfokus. Menurutnya lagi, keberkesanan unit ini akan memberikan implikasi ke atas perjalanan aktiviti dan pergerakan IRC itu sendiri.

Siti Hamisah (2009, hlm. 153-169) menyebut, kegiatan bekas ahli IRC di Malaysia terbahagi kepada 3 iaitu aktiviti sesama bekas ahli, penglibatan dalam gerakan Islam dan penglibatan bersama masyarakat, sekembalinya ke tanah air, bekas ahli IRC telah bergabung sesama mereka bagi mengelakkan apa yang mereka perolehi semasa berada di UK tidak lenyap begitu sahaja. Melalui perjumpaan tersebut mereka telah mewujudkan kumpulan yang dikenali sebagai *" jamā 'ah*" yang mana seterusnya kumpulan ini turut disertai oleh graduan-graduan yang mempunyai fikrah yang sama seperti dari Mesir dan lain-lain. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah penerusan sistem usrah. Namun penekanan perbincangan adalah kepada peranan yang boleh dimainkan oleh mereka di tanah air ini.

Berkenaan bagaimana penggabungan boleh berlaku antara yang pulang dari negara Eropah, tanah Arab, tempatan dan yang lain-lain, aktivis-aktivis IKRAM menyatakan ia bermula semenjak mereka berada di Mesir dimana apabila terlibat dengan aktiviti tarbiah disana, mereka terus diperkenalkan dengan jaringan-jaringan yang luas yang berkaitan dengan mereka. Selain dari itu ada juga dikatakan kehadiran ahli (IRC) ke Mesir bagi pelbagai tujuan termasuk brkahwin (Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom , Timbalan Presiden Pertubuhan IKRAM - Presiden Penaja, 2013). Selain itu perkenalan dan pertemuan di Masjid juga menjadi faktor perkongsian fikrah yang sama berlaku (Alias Haji Othman, 2013).

Dari sudut penglibatan *jamā 'ah* dalam gerakan Islam di Malaysia, ini adalah berpandukan kepada pendirian mereka yang mengatakan "tidak mahu menambah kawah yang baru" (Alias Haji Othman, 2013) dan "cukup dengan apa yang ada" (Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom , Timbalan Presiden Pertubuhan IKRAM - Presiden Penaja, 2013), mereka bertindak melibatkan diri kedalam gerakan-gerakan Islam sedia ada pada waktu itu antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan juga Al-Arqam (Haji Zaid Kamaruddin, 2013). Namun penglibatan mereka telah menimbulkan rasa curiga dan tidak selesa dikalangan pertubuhan-pertubuhan terbabit terutamanya dikalangan ahli ABIM dan PAS.[4]

[4] Pelbagai pandangan diberikan oleh pengkaji gerakan Islam berkenaan peristiwa yang berlaku. Ada yang menyebut pemindahan ahli *jamā 'ah* dari ABIM kepada PAS adalah ekoran ABIM menganggap ahli *jamā 'ah* menjadi tikaman dari belakang apabila mengkritik kemasukan Anwar Ibrahim yang merupakan bekas Presiden ABIM kedalam parti pemerintah. (Siti Hamisah Manan, 2009) lihat juga (Badlihisham Mohd Nasir, 2009) dalam *Fahaman Pelampau dalam Gerakan*. Pada tahun 1982 ahli IRC*(jamā 'ah*) diberi

Justeru daripada permasalahan yang timbul, *jamā 'ah* telah mengambil langkah untuk menubuhkan platform tersendiri bagi menggerakkan misinya yang utama iaitu dakwah. (Alias Haji Othman, 2013). Bagi menampung kekurangan ini, *jamā 'ah* telah bersetuju menubuhkan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia. Pertbuhan ini mendapat kelulusan dari Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 27 Julai 1990 (Saari Sungib, 2002, hlm. 99). Ia juga bagi memudahkan pengenalan bagi berhadapan dengan masyarakat dengan lebih jelas. Ia juga membuka peluang yang lebih luas kepada aktivis untuk menonjolkan diri dengan lebih terbuka. (Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom , 2013).

JIM mula bergerak aktif dalam pelbagai bidang dakwah dan tarbiah selepas penubuhannya. Ini jelas dengan penubuhan sekolah-sekolah swasta dan institusi pendidikan yang lain dalam merancakkan sistem pendidikan di Malaysia. (Badlihisham Mohd Nasir, 2000, hlm. 19) (Badlihisham Mohd Nasir, 2009, hlm. 111)

Menurut Presiden IKRAM penubuhan IKRAM pula adalah bagi menyusun diri mereka dalam organisasi yang lebih kukuh bagi melaksanakan kitaran amal iaitu dakwah, tarbiah, sususnan organisasi dan jihad dimedan dan direlung-relung amal. Ia juga bagi meningkatkan *'amal jama'i* iaitu bergerak secara kolektif. (Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad, 2013). Selain itu dikatakan, tidak semua ahli *jamā 'ah* terlibat dalam JIM (Dr. Zawawi Bin Ali, 2013). Namun mereka berkongsi idealisme tarbiah harakah yang sama maka ditubuhkan IKRAM yang mempunyai kapasiti yang lebih besar dan bagi menjadikan ia sebuah pertubuhan yang lebih berkesan malah ia juga melibatkan peluang kepada ahli-ahli *jamā 'ah* (yang tidak menyertai JIM) terlibat secara langsung didalam IKRAM.

Jika merujuk kepada lagu rasmi Pertubuhan IKRAM yang ditulis oleh Timbalan Presiden IKRAM yang berbunyi *"Puluhan tahun telah kian berlalu, jamaah dibina tanpa jemu"* (2010) ini jelas menjadi sokongan bahawa pertubuhan ini telah dirangka berpuluh-puluh tahun sebelum penubuhannya. Pada rangkap yang lain turut dinyatakan *"Dalam Usrah kita subur tarbiah"* yang mana ianya memberi makna penekanan terhadap usrah dan tarbiah amat dititik beratkan .Tarbiah adalah asas kepada gerakan

peranan untuk menggantikan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia(PKPIM) bagi menggerakkan pentarbiahan pelajar. Namun hubungan antara ahli *jamā 'ah* dengan PAS mulai keruh apabila Dewan Pemuda PAS mengesan misi sulit *Ḥarakat Islāmiyah Syumūliyyah* atau' Gerakan Islam Tunggak' yang dikatakan bermula dibentuk pada tahun 1978. (Mohd Fadhli Ghani, 2003, hlm. 88-118).

Islam. Tanpa tarbiah (termasuk Usrah) ia bukanlah (dikira) gerakan Islam sebagaimana yang Imam Al-Banna laksanakan terhadap *al-ikhwān al-muslimīn* (Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom, 2013).

ANALISIS PERANAN SISTEM USRAH TERHADAP PERTUBUHAN IKRAM

Berdasarkan kepada penulisan ini, penulis dapat menganalisis beberapa perkara yang membuktikan bahawa sistem usrah memberi sumbangan yang amat besar kepada penubuhan IKRAM.

Ini dibuktikan pertamanya dengan kesungguhan aktivis-aktivis awal kepada pertubuhan IKRAM ini yang bersungguh-sungguh dalam memahami dan menjadi sebahagian dalam kumpulan gerakan Islam. Bermula dari sesi pengajian di YPTIK hinggalah ke Timur Tengah, mereka konsisten untuk mencari keaslian gerakan Islam dan sistem Usrah seperti yang penulis nyatakan sebelum ini dalam temubual bersama Ustaz Alias Othman yang menceritakan walaupun tokoh utama gerakan Islam disana sukar untuk ditemui tetapi mereka tetap mencari altenatif dengan mencari bahan bacaan yang berkaitan.

Seterusnya dalam sistem usrah yang mereka sertai, ia tidak terhenti dengan perhubungan yang sempit, malah perhubungan atau jaringan yang amat luas telah membantu mereka untuk mengukuhkan perhubungan sesama mereka yang mempunyai sama fikrah walaupun berada di negara Eropah. Kesan besar daripada jaringan ini, sekembalinya mereka ke tanah air, mereka terus mencari 'sahabat-sahabat seperjuangan' mereka yang mana telah diperkenalkan semasa pengajian di luar sana.

Bagi mengukuhkan lagi hujah ini, jika dilihat secara terperinci, apabila mereka pulang ke Malaysia, mereka bersepakat untuk menubuhkan *jamā'ah* yang menghimpunkan mereka semua yang mempunya fikrah yang hampir sama. Justeru sistem usrah telah diteruskan malah dikembangkan lagi. Pada hemat penulis, perkara ini sukar jika tiada hubungan yang kukuh dan semangat yang jitu diantara mereka dalam isu pentarbiahan dan pengislahan masyarakat.

Berbalik kepada tujuan asal sistem usrah iaitu, menjadi tempat untuk mengukuhkan persaudaraan (Idris Ahmad, 2011), ini terbukti terlaksana dengan baik oleh *jamā'ah* ini. Tanpa kekuatan persaudaraan akidah tersebut mungkin ia tidak mungkin mengumpulkan kembali ahli-ahli mereka.

Selain itu, matlamat usrah yang lain iaitu untuk membuat perancangan masa

depan (Mohammad Nor Monutty, 1989), kelihatan turut dicapai dengan baik apabila *jamā 'ah* tersebut berjaya menghantar wakil-wakil mereka ke gerakan-gerakan Islam yang lain bagi membantu pergerakan Islam di Malaysia. Keputusan-keputusan *jamā 'ah* dilihat amat dipatuhi oleh mereka. Ini dibuktikan dengan mereka tidak menubuhkan apa-apa organisasi yang baru apabila pulang ke Malaysia.

Pada tahun dimana *jamā 'ah* ini mendapat tamparan hebat oleh ABIM dan PAS sekitar akhir tahun 70-an hingga awal 90-an dengan pelbagai masalah, walaupun dipulaukan oleh gerakan Islam yang lain tetapi perhubungan sesama mereka tetap utuh sehingga berjaya menubuhkan JIM. Dan seterusnya mereka lebih memperhebatkan penyebaran pengaruh mereka melalui pelbagai sudut termasuk pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan yang lain. Ini dengan jelas membuktikan apa yang disebut oleh pengasas *al-Ikhwān al-Muslimīn* yang mana dengan sistem usrah dan tarbiah gerakan dakwah akan mendapat manfaat yang besar (Hassan Al-Banna, 2003).

Sistem usrah yang kemas dan makin bertambah besar ini sebenarnya menjadi faktor utama kepada penubuhan IKRAM pada tahun 2009. Ini kerana strategi mereka lebih kepada penyebaran wilayah pengaruh melalui unit-unit usrah dalam mana-mana bidang yang diceburi telah mengukuhkan lagi kedudukan mereka sebagai sebuah gerakan Islam.

KESIMPULAN

Sistem usrah sememangnya bermanfaat kepada individu untuk meningkatkan penghayatan mereka terhadap ilmu-ilmu Islam, malah ia menjadi 'tali penghubung yang amat kukuh' dikalangan ahli usrah dimana pelbagai perkongsian diperbincangkan dalam usrah. Malah dari sudut organisasi, sesebuah organisasi yang besar takkan wujud tanpa kewujudan unit-unit kecil yang amat tinggi komitmennya dalam mencapai visi yang telah ditetapkan. Dari sudut gerakan Islam, penyebaran fikrah melalui sistem usrah akan memberi kesan yang lebih mendalam kerana ia sistem yang lebih berfokus.

Berdasarkan penelitian penulis *jamā 'ah* yang seterusnya berkembang hingga menjadi IKRAM kini amat teliti dan tegas dalam pelaksanaan sistem usrah. Malah bagi penulis kekuatan utama pertubuhan ini adalah kerana dibelakangnya disokong oleh unit-unit usrah yang kukuh. Sebagaimana gerakan Islam yang lain diseluruh dunia seperti *al-Ikhwān al-Muslimīn*, walaupun pergerakan mereka dikecam hebat oleh pemerintah, tapi sel-sel kecil seperti usrahlah yang menjadi tunjang dan talian hayat yang sangat

bermakna sehingga mereka kini kembali cemerlang.

Diharapkan intipati dan manfaat daripada sistem usrah ini dapat dikembangkan lagi dalam menggerakkan Islam dalam pelbagai sudut kehidupan.

RUJUKAN

Abdul Hadi Haji Awang, D. (2013, Januari 21). Presiden Parti Islam Se Malaysia(PAS). (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual) Rusila, Marang, Terengganu.

Alias Haji Othman. (2013, Febuari 5). Ahli Lembaga Timbang Tara IKRAM. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual) Kuala Lumpur.

Anis Ahmad. (2000). Islamic Movement As Agent of Social Change: Framework For Analysis. Dalam Muhammad Mumtaz Ali, *Modern Islamic Movements: Models, Problems & Prospects* (hlm. 137-138). Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Badlihisham Mohd Nasir. (2009). *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa.* Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr Ali Abdul Halim Mahmud. (1990). *Wasāil al-Tarbiyah 'inda al-Ikhwān al-Muslimīn: Dirāsah Taḥlīliyah Tārīkhiyyah.* Mansurah: Dār Al-Wafā' Li al-Tibā'ah wa Al-Nasyr wa al-Tawzī'.

Dr Yusul Al-Qardhawi. (1990). *Awlawiyyāt al-Ḥarakah al-Islāmiyyah Fi al-Marḥalah al-Qādimah.* Kaherah: Maktabah Wahbah.

Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad. (2013, Januari 31). Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual) Seri Kembangan, Selangor.

Dr. Zawawi Bin Ali. (2013, Januari 26). Ahli Lembaga Timbang Tara IKRAM. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual) Kuala Terengganu.

Haji Zaid Kamaruddin. (2013, Januari 23). Setiausaha Agung. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual)

Hassan Al-Banna. (2003). *Majmū'ah Rasāil al-Imām al-Shahīd Ḥassan al-Banna* (ed. Pertama). (Mohd Najib Sulaiman, Ed., & Salehan Ayub, Penterjemah) Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Idris Ahmad. (2011). *Panduan Usrah* (ed. Tujuh). Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn Bhd.

Jamal A Badawi. (2000). Approaches To Muslim Reawakening:Al-Banna's Approach. Dalam Muhammad Mumtaz Ali, *Modern Islamic Movement: Models, Problems and Prospects* (hlm. 42-56). Kuala

Lumpur: A.S. Noordeen.
Jamil Hashim, & Sulaiman Ibrahim. (2006). *Konsep Jama'ah Al-Muslimin dalam Pemikiran Islam.* Selangor: Pusat Penyelidikan IIUM.
Mohammad Nor Monutty. (1989). Perception of Social Change in Contemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM's Role and its Impact Among Muslim Youth. *Tesis Doktor Falsafah*. Temple University.
Mohd Fadhli Ghani. (2003). Dewan Pemuda PAS: SUatu Kajian Terhadap Tahap-Tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003. *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaaan Malaysia.
Mohd. Radzi Othman, & O.K. Rahmat. (2008). *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Huung Kaitnya dengan Malaysia.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
Pertubuhan IKRAM Malaysia. (2012, September). Pengenalan. *Pertubuhan IKRAM Malaysia*. Seri Kembangan, Selangor, Malaysia: Pertubuhan IKRAM Mlaysia.
Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom . (2013, Febuari 11). Timbalan Presiden Pertubuhan IKRAM - Presiden Penaja. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual)
Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom. (2013, Mac 3). Timbalan Presiden IKRAM. (Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah, Penemubual)
Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom, & SaffOne (Penggubah). (2010). IKRAM. [SaffOne, Penghibur] Pertubuhan IKRAM Malaysia.
Siti Hamisah Manan. (2009). *Gelombang Kebangkitan Dakwah Kampus.* Kuala Lumpur: JIMedia.
Ustaz Mohamed Daud al-Iraqi. (2013, Mac 20). Bekas Pensyarah di YPTIK. (Ahmad Luqman Fahmi Abul Fattah, Penemubual) Nilam Puri, Kelantan.
Yahya Haji Othman. (2011). *Usrah Sebagai Tunjang Kepada Tarbiyah Gerakan Islam.* Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
Ya'qub Muhammad Hussin. (2008). *Usrah dan Harakah (Beberapa Panduan Asas).* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
Zainah Anwar. (1990). *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar.* Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

DAKWAH SIBER: ETIKA DAN AKHLAK

Oleh:
Muhamad Asyraf Bin Ahmad Termimi
Khairul Azhar Bin Meeranghani
Dr. Rushdi Bin Ramli[1]

ABSTRAK

Dakwah siber merupakan antara medium penyampaian dakwah yang amat berkesan di dalam dunia moden pada hari ini terutamanya kepada pengguna internet yang kebanyakannya terdiri daripada golongan muda sebagai sasaran. Dakwah siber membolehkan dakwah disampaikan dalam bentuk interaktif dan kreatif dalam menyalurkan sesuatu dakwah yang ingin disampaikan serta memperlihatkan dakwah itu disampaikan dengan cara yang lebih menarik dan santai. Kemajuan dunia siber yang melanda dunia moden pada masa ini dilihat membawa kebaikan dalam penyampaian dakwah kerana ia dilihat telah memudahkan dakwah disampaikan dengan pantas dan disebar luas dengan hanya berkongsi sesuatu tazkirah mahupun ilmu agama yang ingin disampaikan sama ada menerusi laman sosial mahupun laman sesawang serta pelbagai lagi medium siber yang disediakan dan membolehkan perkongsian di antara pengguna internet yang lain dilakukan.

Maka dalam kajian ini, pengkaji akan cuba mengenal pasti sejauh mana pengaplikasian etika dan nilai-nilai akhlak yang ditampilkan dalam penyampaian oleh pendakwah-pendakwah siber dengan mengambil kira realiti yang berlaku di Malaysia. Pengkaji akan melakukan penelitian di dalam ruangan-ruangan siber dalam melihat bagaimanakah perjalanan dakwah siber dilakukan dengan melihat dari aspek etika dan akhlak. Sesebuah dakwah yang berkesan adalah dakwah yang berhikmah dan kebijaksanaan penyampaian oleh pendakwah dengan mencontohi akhlak Rasulullah SAW. Pengkaji turut menyorot beberapa kitab-kitab hadis yang berkaitan dengan akhlak Nabi SAW serta akhlak yang dituntut di dalam Islam dalam menyatakan

[1] Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

keberkesanan dakwah siber pada masa kini. Dakwah siber antara medan alternatif dakwah yang amat berkesan dan efisien pada dunia hari ini dalam mendekatkan diri kepada semua lapisan masyarakat kerana bilangan pengguna medium siber yang saban meningkat setiap hari.

PENDAHULUAN

Dalam meneruskan kesinambungan dakwah yang telah dibawa oleh para Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah S.W.T dalam menyampaikan syariat kepada seluruh umat Islam, maka seluruh umat Islam telah diberikan tanggungjawab sebagai pendakwah dalam menyampaikan risalah yang telah diturunkan kepada seluruh umat Islam sama ada dakwah kepada kumpulan yang besar seperti sesebuah masyarakat di dalam sesebuah Negara mahupun dakwah kepada kumpulan yang kecil seperti berdakwah kepada kaum keluarga sendiri. Dakwah menurut kamus dewan edisi ke-4 adalah bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.[2]Manakala siber pula bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan komputer dan internet. Maka dakwah siber dapatlah disimpulkan sebagai penyebaran sesebuah mesej dakwah melalui penggunaan komputer dan internet dan ia merupakan satu bentuk kaedah dakwah yang terkini yang boleh dilakukan pada zaman era kemajuan sains dan teknologi pada hari ini. Etika berasal daripada perkataan Latin '*ethos'* dan ia ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan membuat pilihan berasaskan prinsip di antara beberapa alternatif yang bersaing sama ada pilihan itu adalah betul atau salah.[3]Manakala akhlak berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu Khuluqun yang bererti perangai, tingkah laku atau hakikat yang memanifestasikan dalam seseorang manusia dan di diinterpretasikan melalui zahir.[4]

Menyedari akan keberkesanan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam menyampaikan dakwah pada masa kini, maka seharusnya ia dimanfaatkan oleh pendakwah-pendakwah dalam menyampaikan dakwah mereka dengan lebih berkesan dalam lebih mendekati sasaran dakwah. Menerusi media siber, dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk

[2] *Kamus Dewan Edisi Keempat*(2007), Dewan Bahasa dan Pustaka,Kuala Lumpur, cetakan kedua h. 305

[3] Zawiyah Mohammad Yusof, Nazura Abdul Manap, Masnizah Mohd (2002*), Komputer,Etika dan & Sosial*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd., h. 39.

[4] Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram (1956), *Lisan al-Arab*, jil. 10, Beirut : Dar al-Sadr, h. 86. Lihat kalimah خلق.

dan ia dilihat lebih pantas dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau ilmu yang ingin disampaikan serta mampu dikongsikan kepada seluruh dunia yang lebih bersifat global. Namun begitu, dalam melakukan dakwah siber, seseorang pendakwah perlu celik dan menguasai teknologi maklumat dan komunikasi dalam berhadapan dengan dunia 'realiti baru' yang penuh dengan cabaran serta permasalahan-permasalahan baru.[5] Dakwah siber juga bersifat terbuka di mana ia tidak hanya dibatasi hanya kepada golongan-golongan agamawan mahupun lulusan pengajian Islam sahaja sebaliknya ia terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin berdakwah menerusi medium siber dalam memberi nasihat, berkongsi ilmu serta menyeru kepada perkara-perkara kebaikan. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Al-Quran berkenaan dengan seruan dakwah yang perlu dilakukan oleh setiap umat Islam serta kaedah dalam berdakwah,

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي
هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦۖ وَهُوَ أَعۡلَمُ
بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya: *"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau seru itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu hanya Dia yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan hanya Dia yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk." (Surah An-Nahl : ayat 125)*

KONSEP DAKWAH MENURUT ISLAM

Islam adalah agama yang menyeru kepada kebaikan dan melarang kepada kemungkaran, proses atau tindakan yang melaksanakan konsep amar makruf dan nahi mungkar ini dinamakan dakwah dan dakwah merupakan tanggungjawab setiap umat Islam tanpa mengira status, pangkat mahupun bangsa seperti mana yang telah dicatatkan dalam al-Quran berkenaan dengan tanggungjawab dalam menyebarkan risalah Islam oleh setiap umat Islam. Firman Allah SWT:

كُنتُمۡ خَيۡرَ أُمَّةٍ أُخۡرِجَتۡ لِلنَّاسِ تَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَتَنۡهَوۡنَ عَنِ

[5] Zulkiple Abd Ghani (2010),*Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia*, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia:Bandar Baru Nilai, h. 21.

ٱلۡمُنكَرِ وَتُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِۗ وَلَوۡ ءَامَنَ أَهۡلُ ٱلۡكِتَٰبِ لَكَانَ خَيۡرًا
لَّهُمۚ مِّنۡهُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَأَكۡثَرُهُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ١١٠

Maksudnya: *"Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh melakukan perkara yang baik dan melarang daripada perkara yang mungkar (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan sekiranya ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana sepatutnya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka, orang-orang yang fasik." (Surah Al-Imran : ayat 110)*

Maka dakwah adalah tanggungjawab bagi seluruh umat Islam dan ia boleh dilakukan dalam segala apa bentuk sekalipun dalam berdakwah asalkan ia tidak bercanggah dengan prinsip syariat Islam dalam memastikan destinasi akhir dakwah itu adalah untuk menegakkan agama dan syariat Allah SWT di atas muka bumi ini. Setiap pendakwah hendaklah berdakwah seperti mana yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW serta para sahabat Nabi SAW dalam memastikan dakwah yang disampaikan memperoleh tindak balas yang positif daripada sasaran dakwah. Antara tunjang dalam dakwah Nabi SAW serta para sahabat adalah menitikberatkan elemen etika dan akhlak dalam menyampaikan risalah dakwah dalam memastikan dakwah yang disampaikan dapat diterima dan sekali gus menunjukkan keindahan Islam. Ia dapat dilihat seperti mana yang dicatat di dalam sirah Nabi SAW ketika berdakwah kepada penduduk di Thoif di mana Nabi SAW telah mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk Thoif sehingga Nabi SAW dan juga Zaid Bin Harithah yang turut bersama Nabi SAW diejek, dimaki hamun dan dibaling batu sehingga darah mengalir membasahi kasut baginda SAW namun baginda tidak membalasnya sebaliknya baginda bersabar dan berdoa memohon bantuan dari Allah SWT.[6] Begitulah contoh dakwah yang ditunjukkan oleh Nabi SAW dengan akhlak yang terpuji serta semangat tidak putus asa dalam menyampaikan dakwah dan amat wajar diteladani dan dicontohi oleh para pendakwah pada masa kini dan sepanjang zaman.

Nabi SAW diutuskan kepada umat manusia sebagai pembawa rahmat kepada

[6] Muhammad Ramzi Omar(2009), *Sirah Nabawiyyah S.A.W.*, (terj.), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, ms 78.

seluruh alam dengan membawa tanggungjawab yang besar dalam menyeru masyarakat pada zaman baginda untuk beriman kepada Allah SWT dengan berpegang kepada akidah yang benar serta melengkapkan lagi akhlak umat manusia seperti mana hadis yang menyebut berkenaan perkara ini.

إنما بعثت لأتمم صالح الأخلاق

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku diutus menjadi Rasul tidak lain adalah untuk menyempurnakan akhlak yang soleh (baik)."* [7]

Maka berdasarkan kisah dakwah Nabi SAW di Thoif serta hadis Nabi SAW, dapat difahami bahawa dakwah yang dibawa oleh Nabi SAW adalah dakwah yang tidak hanya memfokuskan kepada kejayaan dalam penyampaian dakwah semata-mata, sebaliknya ia mementingkan dakwah yang disulami dengan akhlak-akhlak yang mulia dalam penyampaiannya. Maka dengan itu adalah tidak boleh tidak, seseorang pendakwah yang berada di atas jalan dakwah mengabaikan konsep akhlak yang ditekankan oleh Nabi SAW dalam menyeru umat manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

PERKEMBANGAN DAKWAH SIBER PADA ABAD KE-21

Seiring dengan kepesatan pembangunan dan kemajuan teknologi dan maklumat yang turut melanda dunia umat Islam khasnya, maka umat Islam turut bersama menikmati kemajuan yang dibawa dan turut serta bersama dalam menjadi pengguna dalam medium siber yang berkaitan dengan teknologi dan maklumat. Antara bidang yang dapat dimanfaatkan hasil daripada kemajuan ini adalah, umat Islam pada masa kini dapat berdakwah dengan menggunakan kemudahan media siber dan istilah "*teknodaie*" mula digunakan bagi pendakwah siber yang menggunakan segala bentuk medium siber yang disediakan dalam memperkasakan lagi gerak kerja dakwah.[8] Dakwah kini dapat dilakukan dengan lebih cepat dan efisien di mana ia hanya memerlukan seseorang pendakwah itu memiliki peralatan teknologi yang mampu membuat capaian internet dan disebarkan kepada seluruh dunia dalam masa yang sangat pantas. Selain daripada itu, bidang pengajian ilmu Islam juga turut berkembang luas di mana pelbagai kitab-kitab hadis mahupun kitab-kitab agama serta himpunan-himpunan fatwa dikumpulkan dalam sesebuah laman sesawang (web) mahupun dalam storan yang boleh menyimpan segala data dan maklumat seperti *cakera optik* (CD) mahupun

[7] Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari(2005), Adabul Mufrad, Bab Husn Al-Khuluq, Hadis No. 273, Mesir:Darus Salam, h.81

[8] Ruzain Syukur Mansor (2011), Dakwah Dan Teknologi Maklumat, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 30.

cakera keras (Hard Disk).

Dengan kemajuan ini, umat Islam mampu mengakses maklumat-maklumat berkenaan agama Islam dengan mudah di samping kewujudan laman sesawang yang menyediakan dalam pelbagai bahasa serta kemudahan terjemahan pelbagai bahasa. Sebagai contoh, hasil daripada kemajuan teknologi maklumat ini, umat Islam telah berjaya membuat sebuah perisian (software) yang berfungsi sebagai perpustakaan elektronik sama ada secara dalam talian (on-line) mahupun offline yang memerlukan sambungan internet dalam mengakses himpunan-himpunan hadis, fatwa-fatwa serta pelbagai kitab yang disediakan seperti laman web *Maktabah Waqfeya* yang menyediakan khidmat kitab secara dalam talian yang turut membolehkan pengguna untuk memuat turun (download) serta *Maktabah Syamilah* yang menyediakan perkhidmatan offline di mana ia perlu dipasang (install) di dalam komputer riba mahupun pada telefon pintar.

Selain itu juga, kewujudan laman media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* yang menyediakan perkhidmatan dalam meluaskan rangkaian sosial, ia membolehkan pengguna laman media sosial yang memiliki akaun untuk berinteraksi di antara pengguna-pengguna laman media sosial tersebut yang terdiri daripada masyarakat seluruh dunia. Di samping itu juga, melalui media sosial tersebut, ia membolehkan pengguna berkongsi gambar, dokumen serta ilmu dengan hanya menulis dan memuat naik (upload) pada akaun mereka mahupun rakan mereka. Dengan kemudahan ini, pelbagai nasihat, hadis-hadis Nabi SAW serta ilmu-ilmu agama dan dikongsikan bersama pengguna-pengguna yang lain dan mereka dapat berinteraksi dalam memberi komentar pada setiap apa yang dikongsikan dan secara tidak langsung ia mewujudkan satu fenomena baru dalam perjalanan dakwah alaf baru dan merupakan sebuah perkembangan positif dalam menyebarkan kefahaman Islam kepada seluruh masyarakat dunia. Antara lain, institusi-institusi keagamaan turut sama terlibat dalam medium siber dengan membina laman web mereka sendiri yang menyediakan pelbagai perkhidmatan serta perkongsian ilmu dan ia memudahkan umat Islam untuk membuat rujukan pantas di samping mewujudkan suasana yang lebih mesra pengguna kepada umat Islam serta masyarakat.

MEDIUM-MEDIUM SIBER BERUNSURKAN DAKWAH DI MALAYSIA

Sebagai salah satu antara negara Islam dalam dunia masa kini, negara Malaysia juga antara yang tidak terkecuali dalam kepesatan kemajuan

teknologi dan maklumat. Dakwah menerusi medium siber turut berkembang dengan pesat di dalam negara Malaysia, di mana medium siber digunakan tidak hanya berforum dan berbincang berkenaan isu-isu agama tetapi ia turut menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti jualan barang-barang teknologi dalam pembelajaran al-Quran secara dalam talian, penjualan buku-buku agama dan al-Quran serta hebahan maklumat berkenaan kelas-kelas pengajian ilmu dan al-Quran. Antara lain, institusi-institusi agama kerajaan mahupun kerajaan negeri turut menyediakan laman web berkenaan mereka dalam menyediakan maklumat serta perkhidmatan dalam talian kepada pengguna-pengguna medium siber. Sebagai contoh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia menyediakan pelbagai perkhidmatan dan hebahan maklumat di dalam laman web rasmi mereka kepada masyarakat Islam di Malaysia.[9] Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti waktu solat serta arah kiblat negeri-negeri di Malaysia yang sering dikemaskini setiap hari dalam memberi maklumat mengenai waktu solat di Malaysia kepada pengunjung-pengunjung laman web mereka dengan hanya melayari laman web mereka.[10] Selain daripada itu, himpunan-himpunan fatwa kebangsaan serta hasil muzakarah,[11]direktori halal JAKIM yang menyalurkan berkenaan maklumat status produk-produk halal[12] serta pelbagai lagi maklumat yang berguna kepada pengunjung laman web mereka.

Tidak ketinggalan juga ramai dari kalangan tokoh-tokoh agama serta pendakwah mahupun akademik yang turut terlibat mewarnai pentas dakwah medium siber melalui lama media rangkaian sosial mereka seperti Dr. Zaharuddin Abd Rahman melalui laman web beliau zaharuddin.net serta aktif di Facebook, Dato' Dr. Asri Zainul Abidin di laman web beliau di drmaza.com serta di Facebook dan Twitter, pendakwah terkenal tanah air Ustaz Azhar Idrus melalui ustazazhar.com serta di Facebook dan juga beberapa orang ahli akademik institusi pengajian tinggi Malaysia seperti Dr. Abdul Basit, Dr. Ishak Sulaiman, Dr. Fadhlan Othman serta ramai lagi yang turut bersama mengambil manfaat daripada perkembangan teknologi dan komunikasi dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat terutama sekali kepada golongan muda yang mencatatkan golongan yang teramai sebagai pengguna internet serta laman rangkaian sosial. Di antara lain, selain daripada tokoh-tokoh pendakwah tersebut juga, wujud beberapa buah laman komuniti (pages) yang terdapat di Facebook yang diwujudkan

[9] Ruzain Syukur Mansor (2011), op. cit, h. 40.
[10] *http://www.e-solat.gov.my/web/*
[11] *http://www.e-fatwa.gov.my/*
[12] *http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/direktori-halal-malaysia*

oleh individu mahupun organisasi yang bertujuan untuk menyampaikan dakwah menerusi laman komuniti mereka antaranya seperti Dunia Muslim, The Muslim Show, Al-Ahkam.net, Komuniti Rakan Dakwah (komrad) serta mungkin mencecah puluhan ribuan lagi laman komuniti yang dibina dengan bertujuan menyebarkan dakwah di Facebook yang dilihat antara medium siber yang popular di kalangan masyarakat kita pada masa kini. Perkembangan ini dilihat merupakan satu perkembangan yang positif dalam dakwah kerana ia mampu mengajak masyarakat dalam mendekati ajaran Islam serta menyampaikan nasihat secara santai dan berkesan serta pantas dapat disebarkan kepada masyarakat. Ini kerana menurut statistik, jumlah pengguna Facebook sehingga bulan Mac 2013 adalah seramai 13085000 orang pengguna di mana kaum lelaki mencatatkan 54% daripada bilangan pengguna berbanding kaum wanita sebanyak 46% dan pengguna terbesar adalah terdiri daripada golongan yang berumur 18-24 tahun dengan mencatatkan seramai 4531980 orang pengguna.[13] Daripada angka tersebut dapat dirumuskan bahawa bilangan pengguna rangkaian laman sosial seperti Facebook di Malaysia amat tinggi dan merupakan medium perhubungan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini dalam berkomunikasi dan berkongsi berita melaluinya. Maka menggunakan medium siber sebagai platform dakwah dengan mengambil kebaikan daripada kemudahan dan kecanggihan perkembangan teknologi komunikasi ini adalah suatu bentuk dakwah alaf baru yang membolehkan dakwah disebarkan kepada masyarakat dengan lebih pantas dan berkesan terutamanya kepada golongan muda kerana bilangan pengguna dari kalangan mereka yang ramai dicatatkan.

DAKWAH SIBER: ETIKA DAN AKHLAK

Dalam menuju kepada dakwah alaf baru di mana pendakwah pada masa kini boleh memanfaatkan medium siber sebagai platform dakwah mereka di mana seseorang da'ie boleh menyampaikan dakwah dengan hanya menggunakan peralatan teknologi seperti komputer peribadi (PC) mahupun telefon pintar (smart phone) yang membolehkan mereka mengakses kepada capaian internet dan berdakwah menerusi platform-platform yang disediakan seperti blog mahupun laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Untuk menjadi seorang pendakwah siber atau *"teknodaie"* ia menuntut seseorang pendakwah itu mempunyai sedikit kemahiran asas dalam bidang teknologi untuk berdakwah seperti kemahiran membina blog mahupun membuka akaun di laman sosial seperti Facebook dan Twitter.[14] Pendakwah siber tidak hanya terhad kepada golongan agamawan sahaja, sebaliknya

[13] *http://www.socialbakers.com/facebook-statistics/malaysia , 13/3/2013*

[14] Zulkiple Abd Ghani (2010), op. cit, h. 40.

semua pengguna internet turut boleh sama-sama berdakwah menerusi medium siber sekiranya mereka mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi dan mempunyai keinginan dalam menyeru kepada kebaikan dengan memanfaatkan kelebihan yang ada dalam bersama-sama golongan agamawan memeriahkan lagi lapangan dakwah siber dan seterusnya mewujudkan sebuah komuniti dakwah menerusi medium siber.

Kemajuan teknologi maklumat telah mewujudkan dunia internet yang membawa kepada dunia tanpa sempadan di mana setiap pengguna internet bebas melayari sebarang maklumat yang dikehendaki merentas dunia dengan kadar masa yang pantas dan memudahkan sesebuah maklumat itu diperolehi. Namun begitu, kebebasan yang dibawa oleh medium internet tidak kesemuanya membawa kesan yang positif kepada masyarakat kerana ia turut tidak terlepas daripada penyalahgunaan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Prinsip kebebasan turut diraikan di dalam Islam di mana setiap individu itu diberi kebebasan dalam beberapa perkara asas dalam kehidupan mereka tanpa dinafikan hak dan keadilan kepada mereka, namun apa yang membezakan konsep kebebasan di dalam Islam adalah kebebasan yang bertanggungjawab di mana setiap orang akan dipertanggungjawab dengan setiap apa perlakuan yang dilakukan. Ia selaras dengan hadis Nabi SAW tentang konsep tanggungjawab, sabda Nabi SAW :

كلكم راع وكلكم مسؤل عن رعيته [15]

Maksudnya: *"Setiap kamu adalah penjaga dan bertanggungjawab atas setiap apa yang dijaganya"*

Kemunculan *laman komuniti* (fan page), laman forum serta blog-blog dakwah merupakan satu perkembangan baik dalam menyebarkan dakwah di mana laman-laman tersebut menyediakan kemudahan untuk melakukan perbincangan serta pandangan dan pendapat dalam sesuatu isu yang dikongsikan mahupun persoalan agama yang dilontarkan. Pelbagai isu dan persoalan agama dapat dibincangkan di dalam laman web, blog atau laman komuniti dakwah dan dijawab oleh pendakwah atau kolumnis tertentu yang telah diamanahkan dalam mengurus bahagian tersebut, selain daripada perkongsian yang turut dilakukan bersama oleh pengunjung yang turut bersama memberi komentar dan menjawab persoalan. Ruangan soal jawab serta perkongsian seperti ini telah mewujudkan sebuah dakwah secara santai dan dilihat amat berkesan seperti mana yang dilakukan oleh beberapa orang tokoh agamawan di Malaysia yang menggunakan laman media sosial mereka untuk melakukan soal jawab bersama masyarakat.

[15] Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (2002), *Sahih Bukhari*, Kitab al-Jum'ah, Bab al-Jum'ah Fi al-Qura wa Al-Mudun, No. Hadis 893, Beirut: Dar Ibnu Katsir, h. 216-217.

Laman komuniti yang wujud seperti di Facebook yang berunsurkan dakwah juga turut mengemaskini kandungan laman mereka pada setiap hari dengan memberikan informasi berkenaan dunia muslim serta masyarakat muslim di samping berkongsi beberapa artikel serta video ceramah agama kepada pengunjung laman mereka untuk ditonton dan dikongsi dan ia dilihat merupakan sebuah perkembangan dakwah yang positif dan bersesuaian dengan kaedah dakwah alaf baru.

Namun begitu, tidak semua lama web, blog mahupun lama komuniti di Facebook yang berunsurkan dakwah serta pengunjung bagi laman-laman dakwah tersebut tidak terlepas daripada melanggar etika serta akhlak yang dituntut di dalam Islam. Ini kerana, pelbagai kesalahan akhlak dan etika dikesan dan kadangkala ia turut menimbulkan keresahan terhadap dakwah siber dan sekali gus mencemarkan dakwah Islam yang seharusnya kelihatan indah dalam penyampaian dan penuh dengan kelembutan dan hikmah akhirnya bertukar menjadi medan perbalahan dan perpecahan.[16] Kesalahan etika dan akhlak ini tidak boleh dipandang remeh dan dibiarkan begitu sahaja kerana ia akan menyebabkan tujuan asal dakwah siber dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak akan sampai pada sasarannya dan beberapa akhlak dan etika perlu dijaga dan dijadikan panduan dalam melakukan dakwah siber di mana ia bertujuan bagi memastikan dakwah tersebut tidak tersasar dari tujuan asalnya.

Berhikmah dan Berlapang Dada

Antara kesalahan etika yang sering berlaku di dalam siber adalah kewujudan laman web, blog mahupun lama komuniti yang hanya menyampaikan dakwah dengan "*memaksa*" pengunjung untuk menerima manhaj mereka seperti terikat kepada pandangan satu mazhab dan tidak meraikan perbezaan manhaj atau pandangan mazhab , taksub kepada seseorang ulama mahupun kitab-kitab tertentu dan menolak orang-orang yang tidak sependapat dengan mereka. Perlu difahami bahawa dakwah siber merupakan satu bentuk dakwah alaf baru yang merupakan satu bentuk usaha dalam mengajak masyarakat kepada kebaikan secara berperingkat dengan kesabaran serta secara lunak dan tidak terlalu ekstrem dalam penyampaian meskipun ia bertujuan baik namun manhaj dakwah yang dibawa tidak bersesuaian dengan realiti dan nilai setempat sasaran dakwah.[17]

Sebaliknya ia sepatutnya lebih memfokuskan kepada isu-isu kerohanian

[16] Zaharuddin Abd Rahman (2012), *Ledakan Facebook Antara Pahala & Dosa*, Batu Caves: PTS Islamika,h. 32.

[17] Zaharuddin Abd Rahman (2012), op. cit, h. 41.

yang bersifat utama dan perkara-perkara yang disepakati berbanding lebih mengutamakan permasalahan yang bersifat furu', dan mempunyai banyak perselisihan atau khilaf ulama dalam perkara-perkara tersebut.[18] Sekiranya ia dilihat perlu dalam membahaskan sesebuah permasalahan furu' atau terdapat khilaf ulama di dalamnya, ia boleh dibincangkan dalam kerangka ilmiah dengan menyatakan kesemua pendapat ulama yang wujud dan perlu mengenepikan sebarang sentimen fanatik, prejudis mahupun bias terhadap mazhab, seseorang tokoh ulama atau kepentingan peribadi. Sebaliknya perbezaan pendapat itu perlu dibahaskan dengan mengemukakan fakta-fakta yang jelas, hujah-hujah yang kukuh serta dibahas dalam kerangka ilmiah dan disampaikan dengan ringkas dan padat dalam memberikan kefahaman yang mudah terhadap pembaca.

Amanah dan Bertanggungjawab

Antara lain, dakwah siber turut perlu mengutamakan ketulenan fakta dan sumber rujukan dalam menyampaikan sesebuah hadis mahupun pendapat ulama kerana ia penting dalam mengelakkan berlakunya fitnah yang besar dalam agama terutama sekali apabila hadis Nabi SAW kerana ia telah diberi ancaman besar oleh Nabi SAW berkenaan dengan hukum menyebarkan hadis palsu yang bukan daripada kata-kata Nabi SAW walaupun niatnya baik dalam menyebarkan kebaikan namun ia salah dari segi etika dan bercanggah dengan syarak. Larangan berdusta terhadap hadis Nabi SAW telah jelas disebut oleh baginda dan disertakan ancaman kepada pendusta tersebut, sabda Nabi SAW,

> إن كذبا على ليس ككذب على أحد , من كذب على متعمدا فليتبوأ مقعده من النار
>
> Maksudnya: *"Sesungguhnya berdusta ke atasku (menggunakan namaku) tidaklah seperti berdusta ke atas seseorang yang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siapkanlah tempat duduknya dalam neraka."*[19]

Maka dapat difahami dengan jelas kewajipan seseorang pendakwah siber dalam berkongsi atau menggunakan sesebuah hadis Nabi SAW wajib untuk menyelidiki mahupun memastikan taraf dan sumber hadis tersebut sebelum diguna atau dikongsikan. Begitu juga keadaan yang sama bagi seseorang

[18] Wan Adli Wan Ramli, Mohamad Kamil Ab. Majid (2006),*Memahami Islam Melalui Tekno-da'i*, dlm Nor Raudah Siren (ed.) Dakwah Islam Semasa, h. 45.

[19] Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (2002), op. cit. Kitab Al-Janaiz, Bab Ma Yukrahu Min Al-Niyahati 'ala Al-Mayyit No. Hadis 1291, h. 312.

tekno daie lain yang mungkin bukan daripada latar belakang pengajian Islam, maka wajib bagi dirinya untuk melakukan rujukan terlebih dahulu terhadap sumber sebarang ayat-ayat Al-Quran mahupun Hadis Nabi SAW sebelum ia digunakan dengan merujuk kepada para ustaz mahupun tokoh-tokoh agama yang berautoriti dalam bidang tersebut. Sering kali juga berlaku laman-laman dakwah menggunakan hadis-hadis palsu dan tidak menyelidiki sesebuah berita mahupun sumber bagi sesebuah kenyataan yang diterima sebaliknya terus disiarkan dan gejala "copy and paste" ini amat berbahaya. Sebaiknya adalah berita dan maklumat itu ditapis dan disaring terlebih dahulu dalam memastikan keabsahan sumber dan tidak tersilap seperti mana firman Allah,

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَـٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَـٰدِمِينَ ٦

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga membuatkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."*

(Surah al-Hujurat, ayat 6)

Maka hendaklah etika dan disiplin dalam ilmu agama seperti ilmu hadis dan ilmu al-Quran dipatuhi dalam penyampaiannya menerusi dakwah siber kerana ia merupakan satu kepentingan dalam prinsip dakwah dalam menyebarkan seruan dan suruhan yang benar dan menolak segala bentuk kebatilan dan kepalsuan. Ia kerana kadangkala tersebarnya berita tentang kemurtadan seseorang individu yang masih belum dipastikan kesahihan akan berita tersebut namun ia disiarkan dan menyebabkan pelbagai komentar yang mencaci maki serta mencerca individu tersebut sedangkan kebenaran masih belum dapat diputuskan tentang berita tersebut, tuduhan kafir ataupun takfir terhadap seseorang adalah sesuatu yang perlu dipandang berat kerana ia merupakan antara perkara yang telah jelas disebut akan ancamannya oleh Nabi SAW dalam hadisnya,

إذا قال الرجال لاخيه ياكافر فقد بأبه أحدهما، فان كان كما قال

والارجعت عليه

Maksudnya: *"Barangsiapa yang berkata kepada*

saudaranya, "Wahai Kafir", maka ucapan itu kembali kepada salah seorang di antara mereka berdua. Jika apa yang diucapkannya itu adalah benar, maka ucapan itu tertuju kepada orang yang dipanggil. Sekiranya tidak benar, maka ucapan itu kembali kepada orang yang mengeluarkan kata-kata itu."[20]

Begitu juga dengan berita kematian seseorang individu yang kadangkala ia sering disebarkan tanpa menyelidiki akan kebenaran berita tersebut sebaliknya ia terus disebarkan kepada umum dan ia akhirnya menimbulkan kekacauan serta huru-hara kesan daripada berita palsu yang disebarkan dan akhirnya boleh menyebabkan timbulnya permusuhan, saman menyaman oleh pihak tertuduh di atas laporan palsu itu kerana ia telah mengaibkan dirinya dan sekaligus merosakkan nama baik sesebuah dakwah hanya kerana perkara yang dipandang remeh namun memberikan impak yang besar.

Amar Makruf Nahi Mungkar

Dalam isu akhlak menerusi dakwah siber pula, ia turut dipandang berat dan tidak harus diketepikan oleh setiap pendakwah kerana dakwah yang ditunjukkan oleh Nabi SAW amat mementingkan elemen akhlak dalam penyampaian di sebalik hanya mementingkan keberkesanan sesebuah dakwah semata-mata. Apa yang penting dalam sesebuah dakwah siber adalah ia perlu menitikberatkan berkenaan akhlak dalam dakwah yang disampaikan di mana dari segi perkongsian nasihat mahupun teguran yang ingin disampaikan hendaklah menggunakan ayat-ayat yang sesuai dan sopan dengan tidak memberi sebarang panggilan buruk mahupun memaki hamun terhadap seseorang individu.[21] Sesebuah keburukan mahupun kejahatan tidak boleh dipadamkan dengan membalas keburukan mahupun kejahatan kembali kerana ia tidak akan selesai dan berjaya memperbetulkannya, sebaliknya teguran dan nasihat secara berhikmah adalah jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Teguran yang tegas namun penuh dengan kelunakan adalah lebih diharapkan dan ia lebih mencerminkan keindahan Islam dalam konsep amar makruf nahi mungkar kerana ia lebih mudah diterima dengan hati yang terbuka dan tidak menimbulkan dendam dan pertelingkahan.[22]

---

[20] Muslim Bin Al-Hajjaj Al-Qushairi An-Naisaburi(1991), *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan Hal Iman Man Qola Li Akhi Al-Muslim : Ya Kafir, No. Hadis 60,Beirut: Dar Al-Kutub Ilmiah, h. 79.

[21] Yanuardi Syukur (2011), *Facebook: Sebelah Syurga, Sebelah Neraka*, Batu Caves: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd. , h. 101.

[22] *Ibid, h. 104.*

Sering dilihat ada beberapa buah lama web, blog atau laman komuniti yang kadangkala terlalu emosi dalam mengutuk seseorang individu atas kejahatan mahupun kezaliman yang dilakukan sehingga mengaibkan individu tersebut dan akhirnya menjadi bercambah dosanya apabila pengunjung laman tersebut turut sama mengutuk, mencaci maki serta menghamburkan kata-kata kesat yang tidak menyenangkan hati pembaca dan akhirnya hilang keindahan dakwah sekali gus menimbulkan ketidakpercayaan segelintir individu terhadap laman dakwah sama ada seseorang pendakwah itu mahupun komuniti dakwah tersebut. Penyebaran gambar serta video yang telah disunting dengan bertujuan untuk mengaibkan dan mempermainkan seseorang individu juga sering memburukkan lagi dakwah siber, ia bermula dengan hanya berkongsi sesebuah gambar atau video dan akhirnya ia akan dikomentar, disebar dan disukai oleh sesetengah pengunjung seolah-olah mereka turut bersetuju dengan perbuatan salah itu. Maka sepatutnya sesebuah laman dakwah serta pendakwah-pendakwah siber amat mementingkan elemen akhlak dalam dakwah siber, ini kerana dakwah di medan siber berbeza dengan medan dakwah yang memerlukan untuk turun dan bertemu dengan golongan sasaran dakwah dan memerlukan kemahiran untuk berkomunikasi dalam penyampaian dakwah. Dakwah siber amat mudah kerana ia hanya memerlukan seseorang pendakwah itu menyampaikan dakwah melalui tulisan beliau atau berkongsi ilmu dengan menukilkan dari hadis Nabi SAW, ayat-ayat al-Quran mahupun kata-kata ulama dan petikan dari kitab-kitab Islam dan menyiarkan di laman dakwah siber mereka tanpa perlu bertemu dengan golongan sasaran dakwah secara bersemuka. Maka dengan itu, ia kadangkala dilihat seseorang pendakwah itu terlalu bebas dalam melakukan penulisan sehingga tidak menyedari kata-kata mereka dalam penyampaian dakwah itu terlalu kurang beradab dan keterlaluan kerana beranggapan mereka berhak ke atas laman dakwah mereka sendiri kerana ia kepunyaan mereka dan bebas bagi dirinya untuk berkata apa yang mereka sukai. Maka dengan itu, ia akhirnya menimbulkan perbalahan di antara pendakwah tersebut dengan pengunjung laman dakwah mereka yang mungkin tidak menyukai dengan gaya penyampaian dakwah tersebut dan akhirnya berlakulah pertelingkahan dan perbalahan dan terpadam tujuan asal dakwah menyeru kepada kebaikan kepada mempertahankan hujah yang dikemukakan hanya kerana perasaan ego yang menyeliputi dirinya.

Menyeru Kepada Perpaduan Umat Islam

Apabila hilangnya akhlak dalam dakwah siber maka ia telah memadamkan dakwah gaya Rasulullah SAW kerana ia telah bercanggah dengan contoh akhlak yang dipamerkan oleh Nabi SAW dalam berdakwah kepada masyarakat pada zaman baginda di mana baginda tidak membalas kata-

kata cemuhan yang dilemparkan oleh masyarakat sekeliling baginda SAW ketika pada permulaan baginda menggalas tugas sebagai seorang Rasul yang diamanahkan untuk menyebarkan risalah Islam kepada penduduk Mekah pada zaman tersebut. Akhirnya dakwah siber dilihat tidak mempunyai satu kawalan dalam penyampaiannya kerana tidak mempamerkan akhlak yang mulia dalam penyampaian sama ada dari pendakwah tersebut mahupun pengunjung laman dakwah tersebut sedangkan mereka berhak untuk mengawalnya kerana mereka yang menguasai teknologi dan bukan teknologi yang menguasai mereka.

Sebagai contoh, sekiranya seseorang pendakwah yang memiliki laman dakwah siber miliknya mendapati wujud komentar-komentar dari pengunjung yang bersifat keterlaluan dan tidak mencerminkan peribadi akhlak muslim yang sepatutnya, maka dia berkuasa untuk memadam dan menghapuskannya bagi mengelakkan berlakunya perbalahan yang boleh berlarutan dan berpanjangan. Begitu juga kepada pengunjung laman web dakwah tersebut, sekiranya dia mendapati bahawa pemilik laman web dakwah tersebut bersifat keterlaluan dalam penyampaian dakwah serta melanggar prinsip dakwah yang sepatutnya maka dia berhak untuk menghantar email atau mesej peribadi dalam menasihati pemilik laman web tersebut untuk memadamkan mahupun mengubah agar ia bersesuaian dan menepati syarak. Perkara ini selaras dengan konsep mengubah kemungkaran yang wujud di dalam Islam di mana ia telah digariskan dengan jelas berdasarkan hadis Nabi SAW,

> من رأى منكم منكرافليغيره بيده،فإن لم يستطع فبلسانه،فإن لميستطع فبقلب هوذلك أضعف الإيمان
>
> Maksudnya : *"Barangsiapa diantara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubah/mencegah dengan tangannya (kekuasaan), jika ia tidak mampu maka dengan lidahnya (secara lisan), dan jika tidak mampu maka dengan hatinya. Dan itu adalah selemah-lemah Iman"*.[23]

Maka dengan itu setiap pendakwah dan juga pengunjung laman dakwah berhak untuk mencegah kemungkaran menggunakan tangan mereka dengan hanya beberapa langkah mudah apabila melihat sesuatu perbuatan yang bercanggah dengan prinsip dakwah dan syarak Islam dan ia akan

[23] Muslim Bin Al-Hajjaj Al-Qushairi An-Naisaburi(1991), op. cit. , Bab Bayan Kaun Al-Nahyu 'an Al-Munkar Min Al-Iman Wa 'an Al-Iman Yazid Wa Yanqus Wa 'an Al-Amr Bil Ma'ruf Wa Al-Nahyu 'an Al-Munkar Wa Ijban, Kitab Al-Iman, No. Hadis 49., h. 69.

mewujudkan sebuah dakwah yang sihat dan membentuk perpaduan dan menghalang dari berlakunya perpecahan dalam medium siber dan tidak dilihat dakwah siber hanya untuk golongan-golongan istimewa atau eksklusif dalam agama sebaliknya ia adalah bersifat umum dan menyeluruh selaras dengan Islam sebagai agama rahmat kepada seluruh alam.

Menyebarkan Fahaman Ahlus Sunah Wal Jemaah

Seharusnya dakwah siber dijadikan medan dalam menyebarkan fahaman akidah ahlus sunah wal jamaah kerana sejak kebelakangan ini dilihat pelbagai fahaman akidah yang bercanggah dengan pegangan ahlus sunah wa jamaah telah dicabar dan dihina dengan teruk melalui media siber. Antaranya adalah dengan beberapa kisah-kisah palsu berkenaan beberapa orang sahabat Nabi SAW seperti Sayidina Abu Bakar RA dan Sayidina Umar RA serta isteri Nabi SAW sendiri iaitu Saidatina Aisyah RA yang telah difitnah dengan beberapa kisah-kisah yang tidak benar sehinggakan telah mengkafirkan mereka dan perkara ini amat jelas serius dan bercanggah dengan pegangan akidah ahlus sunah wal jamaah dan ia tidak boleh dibiarkan.

Maka sepatutnya para pendakwah siber sensitif dengan perkara ini dan menjawab segala tohmahan yang tidak benar itu dengan hujah dan nas-nas dalam memberikan kebenaran yang sebenarnya dalam memastikan akidah ahlus sunah wal jamaah tidak tercemar dan tergugat oleh perkara-perkara seperti ini. Kewujudan beberapa buah laman web serta blog yang jelas menghina sahabat Nabi SAW serta yang mencabar kedudukan dan kesucian agama Islam perlu dibanteras dan diambil tindakan yang sepatutnya dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa mahupun penyebaran melalui laman media dakwah siber mengenai akan kesesatan fahaman yang bercanggah dengan akidah ahlus sunah wal jamaah. Maka dengan tindakan demikian ia mampu mempertahankan kesucian agama Islam dan sekaligus mengelakkan perpecahan dan juga menjawab segala kekeliruan umat Islam yang melayari medium siber daripada terpedaya dengan fitnah yang akan mendatangkan kerosakan dalam agama.

Perkara ini selaras dengan hadis Nabi SAW berkenaan dengan kewajipan berpegang teguh dengan sunah Nabi SAW serta para sahabat RA dan ia merupakan pegangan utama bagi seluruh ahlus sunah wal jemaah, sabda Nabi SAW.

أُوْصِيْكُمْ بِتَقْوَى اللهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ وَلِّيَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ حَبَشِيٌّ ،
وَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ مِنْ بَعْدِيْ فَسَيَرَى اخْتِلاَفًا كَثِيْرًا ، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِيْ

وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيِّيْنَ مِنْ بَعْدِيْ ، تَمَسَّكُوْابِهَاوَعَضُّوْا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ ، وَاِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الأُمُوْرِ، فَاِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ

Maksudnya: *"Baginda bersabda: Aku wasiatkan kepada kamu agar tetap bertakwa kepada Allah, sentiasa mendengar dan taat walaupun yang memimpin kamu adalah seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang hidup antara kamu selepasku akan melihat ikhtilaf yang banyak, maka hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah Khulafa ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Peganglah ia dan gigitlah dengan gigi geraham. Aku peringatkan kamu tentang benda-benda yang baru kerana setiap yang baru itu bid'ah dan setiap yang bid'ah itu sesat"*.[24]

Maka dengan hadis tersebut dapat difahami bahawa kewajipan dalam mempertahankan akidah ahlus sunah wal jamaah dalam apa jua cara sekalipun dalam menangkis segala ancaman yang datang sama ada dalam bentuk yang terang mahupun yang halus dan tersembunyi seperti yang berlaku dalam medium siber dan pendakwah siber amat perlu peka dengan permasalahan umat Islam menurut realiti semasa.

KESIMPULAN

Islam meraikan segala bentuk kemajuan yang datang dalam kehidupan seluruh hambanya namun ia perlu tunduk di bawah syariat agama tanpa melampauinya dan kebebasan di dalam Islam adalah kebebasan yang memerlukan tanggungjawab terhadap segala kesan dan akibat daripada sesebuah perlakuan. Dakwah siber dilihat sebagai satu bentuk dakwah alaf baru dalam dunia yang pesat membangun dalam sains dan teknologi maklumat pada hari ini, keberkesanan dakwah siber dilihat mencatatkan perkembangan yang positif dan merupakan antara medium dakwah yang amat efektif pada hari ini. Namun begitu, pendakwah siber perlu menjaga etika dan akhlak yang sepatutnya dalam mencerminkan keindahan Islam dan dalam memastikan keberkesanan dakwah. Maka beberapa etika dan akhlak yang digariskan hendaklah dijadikan sebagai garis panduan bagi

[24] Muhammad Bin Isa Bin Saurah al-Tirmidhi (t.t) *Sunan al-Tirmidhi*,Bab Ma Ja'a Fi Al-Akhzi Bi Al-Sunnati Wajtinabi Al-Bida'i , Kitab Al-Ilm 'An Rasulullah S.A.W, hadis no.2676,Riyadh:Maktabah al-Ma'arif, h.603.

pendakwah siber pada masa kini supaya dakwah siber tidak dicemari oleh unsur-unsur negatif dan medium siber dapat dimanfaatkan sebaik mungkin dalam menyebarkan lagi agama Islam agar syariat Islam dapat ditegakkan dan disebarkan ke seluruh pelosok dunia pada hari ini.

RUJUKAN

Kamus Dewan Edisi Keempat(2007), Dewan Bahasa dan Pustaka,Kuala Lumpur, cetakan kedua.

Muhammad Bin Isa Bin Saurah al-Tirmidhi (t.t) *Sunan al-Tirmidhi*,Riyadh:Maktabah al-Ma'arif.

Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (2002), *Sahih Bukhari*, Beirut: Dar Ibnu Katsir.

Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (2005), Adabul Mufrad, Mesir: Darus Salam.

Muhammad Ramzi Omar(2009), *Sirah Nabawiyyah S.A.W*., (terj.), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Muslim Bin Al-Hajjaj Al-Qushairi An-Naisaburi(1991), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Al-Kutub Ilmiah.

Ruzain Syukur Mansor (2011), Dakwah Dan Teknologi Maklumat, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Wan Adli Wan Ramli, Mohamad Kamil Ab. Majid (2006),*Memahami Islam Melalui Tekno-da'i*, dlm Nor Raudah Siren (ed.) Dakwah Islam Semasa, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Yanuardi Syukur (2011), *Facebook: Sebelah Syurga, Sebelah Neraka*, Batu Caves: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.

Zaharuddin Abd Rahman (2012), *Ledakan Facebook Antara Pahala & Dosa*, Batu Caves: PTS Islamika,

Zawiyah Mohammad Yusof, Nazura Abdul Manap, Masnizah Mohd (2002*), Komputer,Etika dan & Sosial*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd.

Zulkiple Abd Ghani (2010), *Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia*, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia:Bandar Baru Nilai.

DAKWAH MELALUI MUZIK *EDUTAINMENT*: TUMPUAN TERHADAP NASYID DI MALAYSIA

Oleh:
Dr. Muhammed bin Yusof[1]

ABSTRAK

Dakwah kepada masyarakat melalui unsur fitrah seperti seni muzik mempunyai nilaian yang cukup tinggi dalam tahap penerimaannya. Kesan pengaruhnya sangat kuat di kalangan masyarakat sehingga dapat membentuk pemikiran dan kelakukan khalayak. Oleh itu, tulisan ini membincangkan mengenai dakwah melalui seni muzik. Selain itu, dibincangkan bagaimana seni muzik berbentuk *edutainment* dapat dimanfaat secara optimum dalam usaha dakwah masa kini. Kajian ini mendapati, dakwah melalui muzik *edutainment* memberi sumbangan yang besar kepada penerimaan dakwah. Hasilnya, kesan dakwah dapat mencapai misi dan visi dakwah serta memperolehi keseimbangan spiritual dan fizikal masyarakat.

PENDAHULUAN

Seni muzik merupakan satu fitrah keperluan manusia dan ia adalah salah satu bentuk keindahan. Muzik begitu sinonim dengan kehidupan manusia. Naluri manusia sentiasa memerlukan kepada hiburan untuk mencari ketenangan dan kedamaian. Oleh sebab itu Islam tidak sekali-kali menghalang penganutnya untuk mendapatkan ketenangan melalui seni muzik.Walaupun begitu seni muzik itu hendaklah mengikut garis panduan dan selari dengan ajaran Islam.

Menurut Drs. Sidi Gazalba, kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semula jadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera rasa yang lima. Manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat,

[1] Pensyarah Kanan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

memberikan kepuasan hati melalui pancaindera atau deria. (Sidi Gazalba , 1977).

Menurut Muhammad Qutb, seni menjanjikan pertemuan yang menyempurnakan antara keindahan dan kebenaran. Keindahan adalah hakikat alam tercipta dan kebenaran merupakan puncak dari keindahan. (Muhammad Qutb, 1973)

Kesenian juga merupakan hasil dari kecekapan manusia dalam mencipta dan melahirkan bakatnya. Hasil itu hendaklah yang memberikan kesenangan dan kepuasan kepada penyambutnya. Kenikmatan yang dirasa adalah yang memungkinkan ia digolong sebagai hasil yang seni atau indah. Kenikmatan keindahannya boleh terhasil oleh rangsangan dari pengucapan atau susunan ungkapan bahasa, boleh dari pemaparan bentuk seperti pada binaan bangunan, kraftangan dan lukisan umpamanya atau boleh pada paduan pengolahan suara, bunyi ritmik dan gerak dengan hasilnya seperti nyanyian dan lagu, muzik dan tarian, juga lakonan. (Rahmah Bujang, 2001)

SENI MUZIK DALAM KONTEKS DAKWAH

Pada masa ini, seni muzik boleh dinikmati melalui pelbagai cara antaranya menerusi radio, television, internet dan sebagainya yang tidak memerlukan kita menghadiri konsert-konsert hiburan. Dalam hal ini, sudah pasti status hukumnya adalah lebih ringan. Setiap pendengar dapat menilai sendiri status hukumnya. Ini berdasarkan kenyataan Prof Dr Yusof al-Qaradawi iaitu setiap pendengar sebenarnya merupakan orang yang paling mahir dalam menentukan hukum seni muzik, sekiranya nyanyian tersebut terdapat unsur yang menaikkan syahwat, mendorong ke arah kejahatan, menjadi lalai dan leka untuk mengerjakan ibadah maka menjadi kewajipan ke atas setiap pendengar untuk menjauhinya dan menutup pintu fitnah itu demi memelihara dirinya dan agama. (Yusuf al-Qaradawi, 1993)

Seni muzik merupakan salah satu bentuk *wasilah* (media) dakwah yang agak releven pada masa kini. Ini memandangkan jumlah khalayaknya yang agak ramai dan kebanyakan mereka terdiri daripada kalangan remaja. Oleh itu, peluang yang ada ini sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan dakwah.

Seni muzik juga merupakan salah satu usaha bagi menarik manusia mengenali Islam dan menambahkan pengetahuan mengenainya. Ini kerana dakwah bukan semata-mata mengajak manusia kepada agama Allah,

tetapi ia mestilah disertakan dengan *uslub* dan tatacara yang baik bagi mempengaruhi orang yang diajak itu. Oleh itu, dakwah merupakan usaha-usaha yang dirancang dengan baik bertujuan untuk membawa manusia supaya mengetahui tujuan hidup bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.(Ab. Aziz Mohd Zin, 1997)

DAKWAH MELALUI MUZIK *EDUTAINMENT*

Muzik *edutainment* adalah merupakan istilah baharu gabungan antara perkataan *education* dan *entertainment* yang merujuk kepada hiburan yang mendidik. Ini bertepatan dengan fungsi media itu sendiri yang terangkum tiga fungsi utama. Menurut Abu Hassan Hasbullah, media secara kandungannya terdiri daripada tiga peranan utama iaitu pemberitahu (*Information*), pendidikan (*Education*) dan hiburan (*Entertainment*). (Muhammed bin Yusof, 2012)

Seni muzik adalah salah satu bentuk media yang juga mempunyai fungsi asas yang sama dengan fungsi media. Oleh itu dakwah melalui muzik *edutainment* ini jika diteliti sudah pun merangkumi ketiga-tiga fungsi tersebut. Hal ini kerana dalam konteks dakwah, mesej mendidik khalayak biasanya diisi dengan maklumat yang bermanfaat. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa muzik *edutainment* ini adalah muzik 3 dalam 1.

Antara contoh yang paling relevan berkait dengan muzik *edutainment* ini ialah para pendakwah (Wali Songo)[2] di Indonesia telah mengislamkan seluruh Jawa dengan strategi pemanfaatan jalur seni dan budaya. (Abdul Karim Ali *et al.*, 2000). Hal ini kerana sebelum kedatangan Islam orang Jawa sangat menggemari seni. Seni-seni yang menjiwai mereka ialah seperti seni pertunjukan wayang kulit, seni suara dan seni ukir. (Nur Amin Fattah, 1994)

Budaya sesebuah bangsa mempunyai potensi dan kekuatan tersendiri untuk dijadikan sebagai media dakwah terutama dalam menerapkan kefahaman agama dengan lebih berkesan. Ini bermakna budaya sesuatu bangsa hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan dianggapnya sebagai satu *wasilah* (cara). Sekiranya budaya mereka dipinggirkan, maka minat mereka untuk memahami ajaran Islam akan bertukar kepada kebencian.

Oleh itu, potensi demikian menjadi unsur yang subur kepada pendakwah

[2] Wali Songo dikenali juga dengan Wali Sembilan. Songo bererti sembilan (mengikut hitungan Jawa) atau mulia (berasal dari bahasa tsana') atau tempat/daerah (dari perkataan sana).

untuk menerapkan kefahaman agama dengan lebih berkesan. Kegiatan Wali Songo dalam bidang seni sering dikaitkan dengan matlamat ini. Apa yang menarik ialah mereka tidak menekankan aspek hukum taklifi[3] semata-mata. Sebaliknya mereka menerapkan unsur-unsur tauhid dan nilai-nilai keislaman dalam batas kemampuan akal masyarakat setempat. Misalnya, persembahan tarian yang membabitkan perlakuan membuka aurat dan percampuran bebas lelaki dan perempuan tidaklah menjadi titik utama dakwah. Bahkan ada kerajaan Acheh yang mempunyai Taman Ghairah atau Taman Kesenian yang mengghairahkan di mana selalu dipersembahkan pelbagai tarian dan nyanyian pada waktu-waktu tertentu, terutama ketika menyambut tetamu-tetamu luar. (Abdul Rahman Abdullah, 2000)

Penerapan ilmu-ilmu agama seperti tauhid, dan nilai-nilai keislaman diberi penekanan utama berbanding aspek hukum taklifi dengan mempunyai alasannya yang tersendiri. Antara sebabnya ialah masyarakat Jawa pada ketika itu yang begitu kuat berpegang kepada kepercayaan lamanya, maka proses penggantian agama dilakukan secara beransur-ansur dengan memasukkan ajaran Islam sedikit demi sedikit tanpa mengubah adat-istiadat yang ada secara sekaligus. (Abdul Halim Bashah, 1993) Hal ini kerana dakwah hendaklah dilakukan secara beransur-ansur membawa manusia dari satu peringkat ke satu peringkat tertentu, dari suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lain dan dari satu tahap kepada tahap tertentu dengan gambaran yang mudah dan senang tanpa memberi satu bebanan kepada mereka. (Abd al-'Aziz Barghuth, 2001)

Mereka berdakwah dengan mengambil kira situasi setempat, waktu dan sifat-sifat masyarakat yang dihadapi dan mereka menggunakan segala unsur-unsur budaya tempatan dengan sebaik-baiknya untuk membantu menyebarkan Islam. Mereka tidak mengancam, mengkritik dan menakut-nakutkan orang ramai dengan pelbagai bentuk larangan atau mengeluarkan fatwa-fatwa yang melarang segala unsur budaya tempatan. (Abdul Halim Bashah, 1993)

Maulana Malik Ibrahim dikatakan bahawa beliau tidak mencemuh segala kepercayaan dan pegangan lama penduduk tempatan. (Abdul Halim Bashah, 1993). Sunan Kalijaga pula memasukkan cerita-cerita Islam melalui wayang kulit (seni tradisional yang popular di Jawa) (Mustafa Suhaimi, 1993) bagi menggantikan hikayat Hindu yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

[3] Iaitu memutuskan sesuatu perbuatan hanya dalam lingkungan wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Beliau juga tidak dikatakan mengenakan apa-apa bayaran kepada rakyat yang hendak menonton wayangnya, kecuali mereka harus mengucap dua kalimah Syahadah. (Abdul Halim Bashah, 1993) Para Wali Songo seperti Sunan Giri dan Sunan Bonang telah cuba menyesuaikan wayang kulit ini dengan ajaran Islam. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1989). Selain wayang kulit, Wali Songo juga telah menggunakan seni suara dalam dakwah mereka. Terdapat lagu-lagu yang dicipta oleh Kalijaga, Bunang, Kudus, Muria dan Drajat. (Nur Amin Fattah, 1994). Melalui seni suara yang diucapkan, secara halus mengajak orang Hindu-Buudha kepada Islam. Orang Jawa mempunyai perasaan yang halus, maka ia amat bersesuaian dengan ajakan seperti itu. (Nur Amin Fattah, 1994).

Walaupun metode dakwah ini[4] dilaksanakan pada ketika itu, namun kekhuatiran tetap ada. Ini diceritakan bahawa pada ketika Sunan Kalijaga mengusulkan agar adat-istiadat Jawa seperti selamatan (kenduri), bersesaji dan sebagainya itu dimasukkan unsur-unsur keislaman maka Sunan Ampel pun bertanya, " Apakah tidak mengkhuatirkan pada kemudian hari bahawa adat-istiadat dan upacara-upacara lama itu nanti akan dianggap sebagai ajaran Islam, sebab kalau demikian apakah hal ini tidak akan menjadi bid'ah?". Pertanyaan ini dijawab oleh Sunan Kudus, " Saya setuju dengan pendapat Kalijaga, sebab menurut pelajaran agama Buddha itu ada persamaannya dengan ajaran Islam, iaitu orang kaya harus menolong kepada fakir miskin. Adapun kekhuatiran tuan, saya mempunyai keyakinan bahawa kemudian hari ada orang (Islam) yang akan menyempurnakannya." (Abdul Halim Bashah, 1993).

Cara ini tidak menghasilkan suatu bentuk pengamalan agama yang ideal mengikut pentafsiran sebenarnya. Hal ini kerana pendekatan yang dilakukan oleh Wali Songo ini melahirkan Islam yang tidak murni di kalangan pemeluk-pemeluknya. (Abd. Aziz Mohd. Zin, 1997). Namun usaha awal inilah yang memberi suatu tapak asas bagi membina tapak-tapak seterusnya untuk dipikul oleh generasi selepasnya. Strategi ini menyumbang ke arah proses Islamisasi yang harmoni. Rakyat peribumi menerima Islam dengan rela tanpa dipaksa meninggalkan kebiasaan hidup mereka. Jadi kesannya merata tetapi agak dangkal. (Abdul Karim Ali *et al.,* 2000).

[4] Dalam suasana masayarakat Jawa pada ketika itu, pada asasnya terdapat dua pendekatan yang boleh diambil.Pertama, meroboh dan membina, iaitu meroboh yang bercanggah dengan Islam yang terdapat pada sasaran untuk dibuat pembinaan baru Islam yang murni. Kedua, menyelinap secara halus dan tidak disedari untuk menukar sasaran kepada Islam, tetapi dibahagian-bahagian tertentu sahaja dengan tidak meroboh keseluruhannya. Wali Songo menggunakan pendekatan yang kedua, walaupun pada peringkat permulaan ada di kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan cara tersebut.

Kenyataan ini juga telah dijelaskan oleh Abdul Karim Ali iaitu kesedaran orang ramai mengenai mana yang boleh dan mana yang syirik telah menghukum sesuatu warisan kebudayaan bangsa sebagai tidak relevan lagi. (Abdul Karim Ali *et al.,* 2000). Disamping itu juga, warisan yang tidak sesuai akan gugur dengan sendirinya dan digantikan dengan yang lebih sesuai. Ini dikenali sebagai suatu proses evolusi warisan. (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1997). Ini terbukti sepertimana yang dilakukan oleh Wali Songo dalam penyebaran dakwahnya. (Abdul Halim Bashah, 1993)

Oleh sebab itu, menilai aspek hiburan dalam kerangka halal dan haram atau hukum taklifi semata-mata tidak banyak membawa kebaikan kepada proses Islamisasi masyarakat setempat. Ruang-ruang positif yang boleh dimanfaatkan dalam dakwah disamping susunan-susunan keutamaan (fiqh al-awlawiyyat) perlu juga diberi pertimbangan.

NASYID SEBAGAI MUZIK *EDUTAINMENT* DI MALAYSIA

Menurut *Kamus Dewan*, nasyid adalah lagu (biasanya dinyanyikan secara kumpulan) yang mengandungi seni kata yang berunsur Islam. (Hajah Noresah Baharom, 2007). Ia merupakan kesenian berunsurkan Islam berasal dari Timur Tengah dan tersebar ke Nusantara bersama-sama kedatangan Islam. Seni katanya merupakan puji-pujian terhadap Rasulullah SAW dan para sahabat seperti juga Marhaban dan Qasidah. (Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, 1994). Nasyid juga adalah sejenis lagu yang berasal dari bahasa Arab yang dinyanyikan dengan muzik atau tanpa muzik. (Mohd Jamil Mukmin, 1994).

Aziz Deraman mendefinisikan nasyid sebagai perkataan yang berasal daripada kata dasar *nashada* yang membawa maksud menyeru atau menyampaikan berita atau memberi maklumat serta merapatkan atau mengingatkan para pendengar. Nasyid juga boleh diertikan sebagai melagukan satu-satu rangkap puisi atau menyampaikan bait-bait sajak dalam bentuk nyanyian atau lagu.Ia bertujuan memuji Nabi Muhammad SAW, menceritakan akhlak yang baik dan mengingatkan para pendengarnya supaya taat kepada perintah Allah SWT. (Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, 1994).

Menurut Mantan Ketua Pengarah JAKIM, Mohamad Shahir Abdullah berpendapat bahawa nasyid bukan sahaja sebagai hiburan tapi juga sebagai media dakwah yang berkesan. Melalui lirik, lagu nasyid boleh menyampaikan mesej-mesej yang positif. Nasyid juga boleh mengambil alih peranan ceramah agama kerana lirik lagu sudah mencakupi apa yang hendak disampaikan kepada masyarakat. (Utusan Malaysia, 26 Mac 2002)

Dalam pemahaman masyarakat tempatan, nasyid merupakan nyanyian yang biasanya bercorak keagamaan Islam dan mengandungi kata-kata nasihat, kisah para nabi, memuji Allah, dan seumpamanya. Pada awalnya nasyid membawa alunan bercorak padang pasir, tetapi kini kumpulan nasyid semasa telah membawa pelbagai rentak bercorak baru untuk para pendengar. Pembaharuan ini menjadikan lagu-lagu nasyid lebih menarik dan bersifat lebih daya saing dalam bidang seni. (Farid Mat Zain, 2006)

Nasyid sebagai satu saluran seni mempunyai pengaruh dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini kerana nasyid bukan sekadar bait-bait lagu, akan tetapi melibatkan penampilan kumpulan yang menyampaikan lagu tersebut. Dengan itu kepekaan penulis, penggubah, penyanyi dan penganjur terhadap persoalan nilai yang wujud bersama-sama nasyid itu amatlah mustahak. Dengan kata lain, nasyid menggabungkan elemen seni kata muzik dan gaya penampilan kumpulan penyanyi. (Jaffary Awang, 2006)

Berdasarkan huraian definisi nasyid di atas, dapatlah difahami bahawa nasyid merupakan salah satu bentuk kesenian yang berunsur Islam yang menggabungkan elemen seni kata muzik dan gaya penampilan kumpulan penyanyi. Tujuan utama lagu nasyid ialah untuk berdakwah. Ini termasuk menyampaikan mesej-mesej yang positif, unsur-unsur nilai yang baik seperti mengingati Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ajaran Islam, menghormati golongan ibu bapa dan orang yang lebih dewasa, kegigihan dalam menuntut ilmu, mensyukuri nikmat Allah SWT dan lain-lain tema yang kebanyakannya bersifat positif dan bermanfaat kepada para pendengar. Nasyid juga bukan sekadar memberi mesej yang bersifat pengajaran namun ia tetap mempunyai sifat berbentuk hiburan.

Lirik lagu nasyid bukan hanya sekadar memberi hiburan malah terdapat juga unsur mendidik iaitu *educative entertainment* (hiburan mendidik). (Bart Barendregt, 2007). Menurut Zulkiple Abd Ghani, beliau menyatakan bahawa lirik nasyid ialah *In short, the lyrics of nasyid songs represent a reflection of what some called it 'edutainment', i.e. education and entertainment in conveying Islamic messages. (* Zulkiple Abd Ghani, 2006)

Manakala menurut Siti Rugayah Hj. Tibek pula, di Malaysia kumpulan nasyid telah membuktikan kemampuan mereka mendapat tempat dihati peminat seni suara. Malah mereka menyumbang kepada pendidikan dan dakwah. Mereka menyanyikan lagu-lagu yang membawa keinsafan dan pengajaran. (Siti Rugayah Hj. Tibek, 2006)

Nasyid di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu nasyid irama padang pasir dan nasyid kontemporari. Kemunculan nasyid di Malaysia bermula dengan irama Padang Pasir. Ia dikenali dengan nama demikian kerana lagu dan muziknya berkait rapat dengan pengaruh dari Timur Tengah khususnya Mesir dan Syiria. Timur Tengah dijadikan sebagai model dalam perkembangan Islam dan menerima segala apa yang di bawa oleh mereka sama ada dalam amalan Islam mahupun hiburan. (Farid Mat Zain, 2006)

Nasyid irama Padang Pasir tidak bertahan lama. Tidak sampai satu dekad, kumpulan-kumpulan nasyid rentak Padang Pasir itu menyepi diri. Di katakan kumpulan al-Jawahir sempat merakamkan tiga album dan kumpulan lain tidak lebih dari itu. Kebanyakan ahli mendirikan rumahtangga dan menumpukan perhatian kepada pembangunan keluarga dan soal-soal rumahtangga. (Farid Mat Zain, 2006). Lagu-lagu nasyid kontemporari pula muncul sejak tahun-tahun 1980-an. Kumpulan Nada Murni, The Zikr dan Kanak-Kanak Sofwan adalah antara kumpulan nasyid yang cukup dikenali. (Massa, 28 Jun 1997)

Kumpulan Raihan menyemarakkan industri hiburan tanah air dengan dendangan lagu-lagu dakwah atau lebih dikenali sebagai nasyid. (Noorzila Jamaludin, 2002). Ahlinya terdiri daripada bekas kumpulan The Zikr berjaya menjadi terkenal lebih daripada Nada Murni. Kumpulan Raihan ditubuhkan pada Oktober 1996 oleh Mohd Farihin Abdul Fattah yang bertindak sebagai pengurus kumpulan dan penerbit. (Noor Ariza binti Zakaria, 2003).

Nasyid di Malaysia khususnya di kalangan masyarakat Melayu bukan lagi hanya menjadi tatapan dan seni bagi kalangan yang dewasa, malah mendapat sambutan yang cukup baik dari kalangan generasi muda. Bentuk-bentuk penganjurannya juga semakin menarik dari sudut bentuk hebahan dan dipersembahkan juga dalam majlis-majlis rasmi kerajaan. Ini tentunya akan memberi semacam satu bentuk kekuatan tambahan kepada industri nasyid di Malaysia. Selain itu, sokongan daripada syarikat swasta atau penerbit yang menjadikan kumpulan nasyid lebih terkehadapan setanding dengan kumpulan pemuzik lain. (Jaffary Awang, 2006)

Sambutan yang menggalakkan daripada generasi muda juga disebabkan kebanyakan kumpulan nasyid terdiri dari generasi muda yang sebahagiannya adalah berkelulusan dari universiti tempatan dan terdapat juga dari luar negara yang bergabung tenaga mewujudkan kumpulan nasyid. Penampilan

golongan remaja dalam industri nasyid tentunya menjadi daya penarik yang cukup baik khususnya kepada kalangan penuntut universiti. (Jaffary Awang, 2006)

Dari sudut pendekatan bahasa nasyid pula, memang diakui bahawa majoriti nasyid dipersembahkan dengan menggunakan bahasa Melayu. Namun sejak kebelakangan ini hasil daripada kemunculan kumpulan-kumpulan yang sebahagian ahlinya berkelulusan dari institusi pengajian tinggi mula menghasilkan seni kata nasyid dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Arab. Kepelbagaian ini berkemungkinan untuk: (Jaffary Awang, 2006)

i. Menyebarkan mesej Islam melalui nasyid kepada kalangan masyarakat bukan Melayu khususnya masyarakat Cina. Ini merupakan satu trend yang menarik dalam menjadikan nasyid sebagai media hiburan dan dakwah. Umpamanya kumpulan nasyid Raihan yang cukup popular, pernah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Cina Muslim Malaysia (Malaysian Chinese Muslim Association atau MACMA) menterjemahkan beberapa buah lagu ke dalam bahasa Mandarin. (Buletin MACMA 2004, Bil. 2) Contohnya lagu nasyid bertajuk Cing Ai Ching Ai oleh Kumpulan Raihan dalam album Gema Alam
ii. Memastikan pasaran lagu-lagu nasyid tidak hanya tertumpu di Malaysia, sebaliknya boleh menjangkau hingga ke luar negara. Hal ini kerana terdapat beberapa kumpulan nasyid yang turut membuat persembahan di Indonesia. Ini menunjukkan kumpulan nasyid kontemporari di Malaysia kelihatan bersifat global dari sudut pendekatan pemasaran.

Berdasarkan kepada fenomena tersebut, maka terdapat beberapa kumpulan nasyid yang meletakkan kumpulan masing-masing dengan nama yang kelihatan lebih bersifat 'antarabangsa' dan bukan lagi terlalu 'keMalaysiaan'. Ini dapat dilihat umpamanya dengan kemunculan kumpulan-kumpulan seperti Now See Heart, In Team dan Rabbani sendiri. Hal ini kerana sudah menjadi semacam satu trend, penggunaan Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab sebagai penunjuk kepada nilai 'keantarabangsaan' bagi sesuatu perkara. (Jaffary Awang, 2006)

Menurut Ahmadi Hassan yang merupakan penyanyi nasyid sekitar tahun 1970-an, beliau berpandangan bahawa perkembangan irama nasyid sekarang adalah satu petanda baik untuk meletakkan irama nasyid seiring dengan irama lain. Pembaharuan dalam irama nasyid yang telah dapat

diterima ramai akan meninggikan martabat irama tersebut. (Mohd Zaini Mokhtar, 2002)

Antara faktor mengapa nasyid kontemporari mudah diterima oleh ramai masyarakat Melayu adalah kerana konsepnya termasuk lirik dan iramanya yang lebih kepada ciri-ciri kemelayuan. Dengan ini ia mudah diterima dan sekaligus menjiwai masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Jaffary Awang mengatakan bahawa:

> Nilai-nilai Melayu dapat dikesan dan diterjemahkan dalam pelbagai bentuk termasuk nasyid. Ini kerana nasyid membawa mesej terhadap pendengar. Gabungan antara unsur-unsur ajaran Islam yang dimasukkan dalam seni kata lagu kemudian dipandankan dengan adat dan budaya kehidupan Melayu. (Jaffary Awang, 2006)

Berdasarkan perkembangan nasyid di Malaysia, faktor mengapa nasyid kontemporari mudah diterima oleh ramai masyarakat Melayu adalah kerana konsepnya termasuk lirik dan iramanya yang lebih kepada ciri-ciri kemelayuan. Dengan ini ia mudah diterima dan sekaligus menjiwai masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja diminati oleh golongan dewasa, malah mendapat sambutan yang cukup baik dari kalangan generasi muda termasuk kanak-kanak dan remaja. Berasaskan kepada penerimaan tersebut, maka mesej dakwah melalui lirik lagu nasyid perlu diperluaskan kepada tema yang lebih global tanpa meminggirkan aspek maklumat dan pendidikan. Dengan cara tersebut, nasyid akan lebih diminati dan hasil dakwah akan dapat dicapai dengan berkesan.

KESIMPULAN

Dakwah melalui muzik *edutainment* merupakan salah satu bentuk dakwah *indirect* kepada khalayak dengan di*highlight*kan hiburan sebagai agenda utama manakala maklumat dan pendidikan adalah mesej yang tersirat. Pada asasnya seni muzik itu sendiri mempunyai kuasa tarikan untuk mempengaruhi sasaran kerana unsur fitrah semulajadi manusia yang gemar kepada hiburan dijadikan landasan dakwah. Selain itu, dengan pengulangan muzik sama ada melalui sebutan atau pendengaran, ia dapat mempengaruhi pemikiran dan kelakuan seseorang. Justeru, dakwah melalui bentuk muzik *edutainment* seharusnya dilebarluaskan dan bukan hanya terhad kepada lagu nasyid sahaja.

RUJUKAN

‘Abd al-‘Aziz Barghuth (2001), *Manahij al-Da‘wah*, Dar al-Tajdid, h. 112.

Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

Abd. Aziz Mohd. Zin (1997), “Metod Da‘wah Wali Songo”, *Jurnal Usuluddin*, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil 7, Disember 1997.

Abdul Halim Bashah (1993), *Wali Songo Dengan Perkembangan Islam Di Nusantara*. Selangor: Pustaka al-Hijaz, h. 102.

Abdul Karim Ali *et al,*. Dr. (2000), “ Hiburan Dalam Masyarakat Melayu-Islam Di Malaysia: Satu Pengamatan Perkaitan Antara Budaya Dan Hukum” (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 7-8 September 2000), h. 17.

Abdul Rahman Abdullah (2000), *Sejarah Dan Tamadun Asia Tenggara, Sebelum Dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, h. 397-398.

Abdul Rahman Hj Abdullah (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd, h. 141-142.

Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad (1994), *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu,* Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 21.

Bambong Sugito TH., Drs. (t.t), *Dakwah Islam Melalui Media Wayang Kulit*, ANEKA, h. 39.

Bart Barendregt (2007), Cyber-nasyid Transnational soundscapes in Muslim Southeast Asia”, dalam Todd Joseph Miles Holden *et al. Medi@sia Global Media/tion in and out of Context*, New York: Routledge, h. 178.

Buletin MACMA 2004, Bil. 2.

Farid Mat Zain (2006), Dari Padang Pasir Kepada Pop Kontemporari: Akar umbi Nasyid di Malaysia dalam Anuar Puteh *et al. Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 206.

Jaffary Awang (2006), Perkembangan Nasyid dan Penataran Nilai Islam di Malaysia, dalam Anuar Puteh *et al. Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 197, h. 199.

Mahayudin Hj Yahaya (1999), *Tamadun Islam*, c. 7. Shah Alam: Fajar Bakti., h. 427.

Massa, 28 Jun 1997, "Lagu Nasyid Kontemporari Cabaran Kepada Kumpulan Baru"

Mohamed Ghouse Nasuruddin, Prof (1997), *Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke-21*, Pulau Pinang: USM, h. 12.

Mohd Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara,* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise*,* h. 167.

Mohd Zaini Mokhtar (2002), "Ahmadi Hassan Batal Hajat Kerana Petanda Buruk", *An Nasyid*, Januari.

Muhammad Qutb (1973), *Manhaj al-fann al-Islami*, Cairo : Dar al-Shuruq, h. 6-7.

Muhammed bin Yusof (2012), "Nasyid di Radio Dakwah: Kajian Terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM", (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 48.

Mustafa Suhaimi (1993), *Siapa Wali*, c. 2. Petaling Jaya: Percetakan Pustaka Jaya, h. 136.

Noor Ariza binti Zakaria (2003), "Penekanan Unsur Akidah Dalam Nasyid: Satu Kajian Tentang Lirik Lagu Raihan" (Latihan Ilmiah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 45-47.

Noorzila Jamaludin (2002), "Nasyid, Genre Muzik Terlaris", *Al-Islam,* Januari, h. 30.

Noresah Baharom, Hajah (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1072.

Nur Amin Fattah (1994), *Metod Da'wah Wali Songo*, h. 29.

Rahmah Bujang (2001), "Seni Dan Kehidupan Ummah: Idealisme Dan Realiti Umat Islam Di Malaysia", dalam Abdul Karim Ali *et al.* (Penyunting), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 208.

Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.h. 10-35.

Siti Rugayah Hj. Tibek (2006), Seni Membentuk Nilai Murni dalam Anuar Puteh *et.al. Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti

Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 5.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Satu Mukaddimah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban Sejarah Melayu- Indonesia Dan Kesannya Dalam Sejarah Pemikiran Bahasa Dan kesusasteraan Melayu*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 39-40.

Utusan Malaysia, 26 Mac, 2002, "Lagu Nasyid Medium Dakwah".

Utusan Malaysia, *Menikmati Seni Muzik Pendengar Sendiri Tentukan Hukum*, 19 Julai 2005.

Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*, Bandung, h. 18.

Yusuf al-Qaradawi, Dr. (1993), *Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah*, Juz. 2. Mansurah: Dar al-Wafa', h. 273-277.

Zulkiple Abd Ghani (2006),"Islamic Popular Culture: Emerging of Nasyid Groups in Malaysia", *'Ulum Islamiyyah,* Bil. 5, 2006, h. 57.

DAKWAH TERHADAP BUKAN MUSLIM DI MALAYSIA : REALITI DAN CABARAN

Oleh:
Khairul Azhar Bin Meerangani
Muhammad Asyraf Ahmad Termimi
Rushdi Bin Ramli[1]

ABSTRAK

Islam merupakan agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan sehingga turut membincang dan mengiktiraf segala persoalan berkaitan bukan Muslim. Tugas menyeru bukan Muslim kepada ajaran Islam ini telah dimulakan oleh Rasulullah s.a.w selaku perintis utama dan diteruskan oleh umat Islam sehingga kini. Malaysia merupakan negara yang menghimpunkan golongan bukan Muslim yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam satu komuniti. Maka, strategi dakwah terhadap golongan ini perlu dipelbagaikan supaya seiring dengan perkembangan dunia pada masa kini. Hal ini kerana elemen yang perlu diberi perhatian bukan sahaja berkaitan perbezaan agama bahkan perbezaan kaum itu sendiri. Maka, kajian ini dilakukan bagi meneliti realiti semasa perkembangan dakwah bukan Muslim di Malaysia serta cabaran-cabaran yang perlu diatasi oleh para pendakwah dalam usaha menyeru mereka kembali kepada Islam.

PENGENALAN

Perjalanan gerakan dakwah di Malaysia semakin berkembang terutamanya dengan muncul pelbagai institusi dan persatuan dakwah yang aktif dalam menyebarkan ajaran Islam. Institusi seperti YADIM, PERKIM, JAKIM, ILIM dan sebagainya dilihat konsisten dalam meneruskan perjuangan dakwah kepada Islam di muka bumi ini. Hal ini sebenarnya selaras dengan pemilihan umat Islam sebagai umat pilihan Allah dan bukannya bangsa Yahudi sebagaimana yang didakwa oleh mereka dengan syarat mereka harus menyebarkan dan menyampaikan seruan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Hal ini dijelaskan oleh Allah melalui firmannya:

[1] AkademiPengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya: *"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya."*

(Surah Ali Imraan (3) : 104)

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayli, perkataan (الخير) dalam ayat tersebut merujuk kepada segala manfaat dan kebaikan kepada manusia samada dalam urusan agama mahupun dunia.[2] Maka, menyeru manusia kembali kepada Islam juga merupakan salah satu usaha memperbaiki manusia bagi membimbing mereka menuju kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.[3]Seruan ini tidak terhad hanya kepada mereka yang beragama Islam sahaja malah ia perlu juga dipanjangkan kepada mereka yang bukan Islam dalam usaha kita memastikan agar nikmat Islam itu berjaya dirasai oleh sekalian manusia tanpa mengira apa jua latarbelakang mereka.

Namun jika kita meninjau realiti Malaysia sebagai negara yang berbilang bangsa dan agama, keunggulan instrumen dakwah yang dimiliki oleh umat Islam ternyata belum sebanding dengan keberhasilan sasaran dakwah tersebut. Umat Islam di Malaysia secara umumnya dilihat lebih selesa menyebarkan dakwah Islam hanya dalam kalangan mereka sahaja serta kurang mencuba untuk memperkenalkan Islam kepada mereka yang bukan beragama Islam. Mungkin mereka terlupa bahawa tugas utama yang dilakukan Rasulullah S.A.W terutamanya semasa di Makkah ialah seruan dakwah kepada mereka yang belum beragama Islam supaya sama-sama mengesakan Allah. Namun masih wujud umat Islam yang memandang remeh dengan kepentingan menyampaikan mesej dakwah kepada bukan Muslim walaupun sebenarnya golongan ini merupakan sasaran yang lebih penting untuk dakwah kerana tuntutan dakwah yang paling utama ialah menyeru mereka mentauhidkan Allah serta melepaskan diri daripada sebarang

[2] Wahbah al-Zuhayli (2009) *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, j.2, Damsyik: Dar al-Fikr, h.354.

[3] Adnan Muhammad Umamah (2001) *al-Tajdid fi al-Fikr al-Islami*, Beirut: Dar Ibn al-Jawzi, h.33.

belenggu syirik dan kufur kepada-Nya.[4]Hal ini kerana kemungkaran dan kezaliman yang paling besar menurut Islam adalah kufur dan syirik kepada Allah walaupun mereka melakukan pelbagai amal kebaikan kerana dosa kufur telah menenggelamkan segala kebaikan tersebut.[5]Maka, suatu langkah yang proaktif seharusnya diambil bagi memastikan golongan bukan Islam lebih cenderung untuk memahami Islam dengan kefahaman yang sebenar walaupun belum bersedia untuk menganutinya.

KONSEP DAKWAH BUKAN MUSLIM

Berdakwah kepada bukan Muslim bukanlah persoalan baru yang hanya muncul sejak akhir-akhir ini bahkan seruan untuk berdakwah kepada bukan Muslim ini telahpun bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W di Makkah hinggalah baginda berhijrah ke Madinah. Seruan di Makkah lebih menekankan persoalan aqidah sebagai tunjang jati diri seorang Muslim. Setelah aqidah mereka berjaya dikukuhkan, barulah persoalan hukum-hakam seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya pula dibincangkan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskankan oleh Aisyah r.a :-

> إنما نزل أول ما نزل منه سورة من المفصل فيها ذكر الجنة و النار حتى إذا تاب الناس إلى الإسلام نزل الحلال و الحرم, ولو نزل أول شيء لا تشربوا الخمر لقالوا لا ندع الخمر أبدا, ولو نزل لا تزنوا لقالوا لا ندع الزنا أبدا
>
> Maksudnya *: Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali yang diturunkan daripadanya (al-Quran) ialah surah dalam Mufassal yang terdapat di dalamnya persoalan syurga dan neraka. Selepas seseorang itu teguh dengan Islam, turunlah ayat-ayat yang menerangkan persoalan halal dan haram. Sekiranya ayat awal berkaitan tegahan meminum arak, nescaya mereka berkata : Kami tidak akan meninggalkan arak selamanya. Sekiranya ayat awal berkaitan larangan berzina, nescaya mereka berkata : Kami tidak akan meninggalkan zina selamanya*.[6]

Menurut Ibnu Manzur, dakwah bermaksud seruan atau tuntutan untuk merealisasikan matlamat atau objektif tertentu.[7] Dalam konteks semasa,

---

[4] Abd al-Karim Zaydan (1976) *Usul al-Da'wah*, Baghdad: Matba'ah al-Azim, h.299

[5] Mohammad Nidzam Abd. Kadir (2009) *FiqahBerinteraksi dengan Non Muslim*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, h.161

[6] Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (2002), *Sahih al-Bukhari, Kitab Fadail al-Qur'an, Bab Ta'lif al-Quran*, no. hadith 4993, j.2. Beirut : Dar Ibnu Kathir, h.1277

[7] Muhammad bin Mukarram bin Manzur (2003), *Lisan al-'Arab*, j.14. Beirut : Dar Ṣadr, h.257. Lihat kalimah (وعد)

seruan ini bermaksud merealisasikan matlamat utama penciptaan manusia iaitu kembali mengesakan Allah, menjauhi perbuatan menyekutukan-Nya serta mengamalkan prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam ajaran Islam. Seruan dakwah penting dalam membina asas-asas Islam serta menghapuskan segala pengaruh jahiliah yang bertapak dalam diri manusia.[8]Tugas dakwah ini sebenarnya ditaklifkan kepada semua muslimin mengikut kadar kemampuan mereka dan bukannya dikhususkan kepada golongan tertentu sahaja.Hal ini kerana walaupun mereka berbeza aqidah dengan kita namun mereka tetap merupakan saudara kita dalam sudut kemanusian kerana kita berasal daripada keturunan yang satu iaitu melalui Adam dan Hawa. Hanya mereka kurang beruntung berbanding kita kerana masih belum berpeluang untuk kembali kepada fitrah sebenar insan iaitu beragama Islam disebabkan kejahilan mereka mengenai agama ini. Maka, menjadi tugas kita untuk berkomunikasi dan berbincang dengan mereka mengenai Islam agar mereka mampu memahami hakikat agama ini melalui jalan yang benar. Hal ini kerana mereka juga sebenarnya dahagakan mesej kebenaran mengenai Islam daripada kita. Namun, perlu difahami bahawa tugas memberi hidayah hanyalah hak mutlak Allah semata-mata sebagaimana firmanNya:-

إِنَّكَ لَا تَهۡدِی مَنۡ أَحۡبَبۡتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهۡدِی مَن يَشَآءُۚ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ٥٦

Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).

(Surah al-Qasas (28) : 56)

Oleh kerana tugas dakwah ini merupakan salah satu unsur yang penting dalam ajaran Islam, maka ia tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru bahkan memerlukan sokongan dan perancangan yang rapi bagi memastikan objektifnya terlaksana. Antaranya kaedah yang digariskan dalam al-Quran iaitu berdakwah dengan cara yang berhikmah dan melalui nasihat yang baik.[9] Menurut Sayyid Qutb, berdakwah secara berhikmah ialah memerhati

[8] Mohd Zambry Mohd Zainuldin(2012),*Manhaj Fiqah Wasathiyy*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., h.39.

[9] Surah an-Nahl (16) : 125

situasi dan realiti sasaran dakwah serta mempelbagaikan teknik berdakwah ke atas mereka, kemampuan memberi penjelasan kepada mereka tanpa memberatkan mereka dengan pelbagai tanggungjawab yang masih belum mampu dipikul serta tidak dilakukan atas semangat dan keghairahan yang melampau sehingga terkeluar daripada ruang lingkup hikmah itu sendiri.[10] Nasihat yang baik pula melalui seruan secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia bukannya melalui ancaman, tegahan mahupun mengaibkan mereka atas kesalahan yang dilakukan disebabkan oleh kejahilan mereka.[11]Seorang pendakwah perlu sentiasa sabar dalam menghadapi cabaran dakwah kerana Rasulullah S.A.W sendiri pernah menghadapi cabaran dan dugaan yang jauh lebih berat sewaktu memperkenalkan Islam kepada penduduk Makkah. Sifat sabar ini sangat diperlukan dalam berdakwah bagi meneguhkan pendirian dan tekad mereka serta mampu mengikis rasa kecewa sekiranya objektif dakwah itu tidak berhasil.

REALITI DAKWAH

Dalam menelusuri perkembangan Malaysia pada hari ini, kita sebenarnya masih mampu berbangga kerana berjaya menyatukan pelbagai bangsa dan agama untuk sama-sama bernaung dalam satu negara. Namun, suasana harmoni ini sahaja tidak memadai sekiranya kita hanya mampu memerhatikan sahaja sahabat-sahabat kita yang bukan Muslim terus hidup dalam kejahilan dan salah faham mereka terhadap Islam tanpa kita sendiri berusaha mengambil langkah untuk sekurang-kurang membuatkan mereka mempunyai kefahaman yang jelas mengenai Islam. Walaupun kita disokong oleh Perlembagaan Persekutuan yang menyebelahi kita di samping kewujudan pelbagai institusi dan organisasi bagi memartabatkanIslam, namun masih terdapat beberapa realiti yang perlu diambil perhatian terutamanya membabitkan persoalan dakwah terhadap bukan Muslim di negara ini. Antaranya :

1. **Salahfaham Terhadap Ajaran Islam Dan Budaya Melayu.**
   Kebanyakan golongan bukan Muslim sebenarnya masih keliru terhadap agama Islam dan bangsa Melayu. Doktrin Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu masih kuat bertapak dalam pemikiran sebahagian besar golongan bukan Islam di Negara ini sehingga mereka yang masuk Islam dikatakan sebagai *'masuk Melayu'*.[12]Isu

[10] Sayyid Qutb (1996) *Fi Zilalil Quran*. J.4, Beirut: Dar al-Syuruq, h.2202

[11] *Ibid*. h.2202-2203

[12] Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jalani (2010) Beberapa Pandangan mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu, *Jurnal Tamadun*, 5, h. 118.

seperti menukar nama dan bin, amalan berpakaian, cara hidup dan terputus hubungan dengan keluarga asal masih menghantui mereka yang bukan Muslim walaupun telah dijelaskan oleh sarjana Muslim di negara ini. Selain itu, imej bangsa Melayu di mata mereka juga kurang baik di mana sifat pemalas, perasuah, gila kuasa dan tidak pandai berdikari sering dikaitkan dengan bangsa tersebut. Maka segala kekurangan dan kelemahan yang ditonjolkan oleh bangsa Melayu akan dikaitkan dengan Islam. Mereka khuatir terpaksa diasimilasikan ke dalam budaya Melayu sehingga menyebabkan mereka bakal kehilangan identiti asal bangsa mereka.[13]Malah, kekurangan rujukan agama dalam bahasa lain selain bahasa Melayu dan Arab juga seakan-akan membantutkan usaha mereka untuk mendekati ajaran Islam[14] di samping beberapa perkembangan semasa yang berlaku di Malaysia juga sedikit sebanyak dilihat menyebelahi kebimbangan mereka ini.

2. Persepsi Negatif Terhadap Ajaran Islam.

Perkembangan semasa dunia hari ini memperlihatkan Islam ditohmah dan dilabel dengan pelbagai tuduhan yang negatif dan tidak masuk akal. Walaupun di Malaysia situasi hubungan antara agama masih lagi boleh dikira harmoni, namun sedikit sebanyak persepsi negatif ini dilihat telah berjaya menembusi kotak pemikiran sebahagian kecil penganut agama lain sehingga mereka juga sanggup menuduh dan mempertikaikan ajaran Islam itu sendiri. Antaranya seperti Islam agama yang mengongkong, terlalu banyak peraturan,[15] menindas wanita,[16]cerewet terhadap makanan, bersifat memaksa[17], mundur dan kolot serta hanya sesuai bagi bangsa Arab dan Melayu sahaja.[18]Hal ini diburukkan lagi dengan pengaruh beberapa media massa yang seakan-akan 'menangguk di air yang keruh' apabila sewenang-wenangnya memutarbelitkan sebahagian isu untuk memanaskan lagi situasi semasa. Selain itu, gejala murtad yang semakin berleluasa juga memperlihatkan situasi yang tidak normal kepada mereka.

---

[13] Hajarah Muharam (2003), Metodologi Dakwah terhadap Masyarakat Cina: Kajian Penggunaan Logik tentang Pencipta, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, h.60

[14] Osman Chuah. (2002). Non-Muslim Chinese Fear of Islam in Malaysia : An Analysis. *Jurnal Usuluddin*, 15, h. 102-105

[15] Faridah binti Ali (2003) *Pandangan Non-Muslim di Bandar Teluk Intan terhadap Islam*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, h.8-9

[16] Osman Chuah (2002) *Op.Cit*.

[17] *Ibid.*

[18] Fatimah Sham bt. Arifin. (2000). *Pandangan Pelajar Non Muslim terhadap Islam : Kajian Khusus di Fakulti Perubatan UM*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, h.38

Mereka juga menilai perlakuan serta layanan buruk yang diberikan oleh sebahagian umat Islam terhadap mereka sehingga mereka menganggap Islam sebagai agama yang menindas dan meremehkan kedudukan bukan Muslim. Sebagaimana kita hanya menilai agama lain berdasarkan tindak-tanduk penganutnya, begitu jugalah kaedah yang digunakan oleh mereka dalam menilai ajaran Islam. Maka, kita perlu mengorak langkah yang lebih efektif dalam rangka mempromosi dan menjernihkan pandangan Islam menurut kacamata mereka.

3. **Kebimbangan Melampau Terhadap Pengaruh Agama Lain.**
Sikap ini tidak lain dan tidak bukan biasanya terbit daripada jiwa yang kurang keyakinan diri terhadap agama Islam. Mereka mananamkan kerisauan dan kebimbangan secara keterlaluan terhadap pengaruh ajaran agama lain tanpa cuba menonjolkan nilai istimewa dalam ajaran Islam itu sendiri sebagai satu usaha untuk menyaingi perkembangan pengaruh agama lain. Walaupun telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa kerajaan negeri dan Wilayah Persekutuan boleh menyekat pengembangan agama dan kepercayaan lain terhadap penganut Islam,[19]namun masih wujud pihak-pihak yang berterusan memainkan isu ini sehingga terdapat usaha-usaha untuk meruntuhkan lambang salib, membakar injil bahkan ada yang mendakwa bahawa dengan mendengar Injil sahaja boleh mengakibatkan seseorang Muslim itu murtad[20] di samping misteri *'holy water'* yang masih belum terungkai hingga ke hari ini. Tindakan dan prasangka sebegini dilihat hanya memburuk dan merendahkan lagi imej Islam di mata mereka. Mereka seharusnya memanfaatkan sepenuhnya peruntukan perlembagaan persekutuan ini untuk memperkenalkan ajaran Islam kepada penganut lain dengan mengemukakan fakta dan hujah yang relevan dan bersifat ilmiah. Kita perlu berhenti menyalahkan pendakwah bukan Islam kerana mereka sedang melakukan kerja untuk memartabatkan agama mereka. Sebaliknya kita perlu menilai diri kita sendiri sejauhmana usaha yang telah diambil bagi membantu dan memantapkan usaha dakwah terhadap Islam.

4. **Kecelaruan Memahami Budaya Dan Ritual Agama.**
Budaya merupakan elemen yang sangat berkait rapat dengan entiti

[19] Lihat Perkara 11, Fasal 4 Perlembagaan Persekutuan.

[20] http://www.malaysiakini.com/news/185971, Injil Tenaga Solar dalam Simpanan JAIS, kata Hasan. 7 Mac 2012.

sesuatu bangsa kerana merangkumi konsep yang luas termasuk cara hidup, cara berfikir, kepercayaan, adat resam, bahasa, teknologi dan tradisi.[21] Pelecehan terhadap peranan budaya dalam sesuatu bangsa biasanya boleh mendatangkan implikasi yang negatif terhadap seseorang. Namun malangnya terdapat pendakwah yang masih belum mampu membezakan antara budaya sesuatu bangsa dengan ritual dan kepercayaan agama mereka. Mereka menilai semua budaya selain daripada budaya warisan turun-temurun masyarakat Melayu Muslim sebagai bercanggah dan tidak selaras dengan ajaran Islam sedangkan adat dan kebudayaan bangsa lain juga boleh terus diamalkan sekiranya mematuhi prinsip-prinsip Islam. Kedangkalan untuk memahami budaya sesuatu kaum sebenarnya boleh memberikan persepsi yang negatif terhadap Islam[22] walhal Allah sendiri telah mengiktiraf perbezaan kaum dan etnik ini[23] supaya manusia boleh saling mengenali dan mempelajari elemen positif dalam budaya masing-masing. Tidak wajar seseorang itu dipaksa untuk meninggalkan budaya bangsanya hanya kerana telah memeluk Islam tanpa dinilai terlebih dahulu aspek-aspek dalam kebudayaan tersebut menurut Islam. Ini dapat kita perhatikan apabila masih wujud pendakwah yang melarang sambutan Tahun Baru Cina secara mutlak tanpa memberikan sebarang ruang untuk bertoleransi[24] sedangkan Tahun Baru Cina bukanlah termasuk dalam kategori perayaan keagamaan[25] walaupun terdapat beberapa unsur kecil yang bercanggah dengan Islam. Maka menjadi tanggungjawab para pendakwah untuk memahami kebudayaan sesebuah bangsa sebagai langkah awal untuk membuka hati mereka terhadap ajaran Islam.

5. Sikap Ekslusif Terhadap Golongan Bukan Islam.

Umat Islam dilihat lebih selesa berada dalam zon yang selesa serta kurang inisiatif untuk terjun dalam lapangan dakwah yang

---

[21] Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2006), Pengaruh Timbal Balik antara Hukum dan Budaya dalam Syariat Islam, Dlm. Md. Saleh Ahmad (et.al), *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, h.13.

[22] Mohd Nor Manuty (2011), Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia : Beberapa catatan.Dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha(Ed.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia* Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications. h.80

[23] Surah al-Hujurat (49) :13

[24] *Op.Cit*, h.84.

[25] Basri Bin Ibrahim (2011) Perayaan Bukan Islam dalam Sebuah Negara Islam, Dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha(Ed.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia* Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications, h.114-115.

melibatkan golongan bukan Muslim.[26] Hal ini dapat dibuktikan di mana bilangan graduan lepasan agama semakin meningkat setiap tahun samada daripada dalam mahupun luar negara namun sangat sedikit daripada mereka yang berani mengambil tanggungjawab untuk sama-sama turun mengambil cabaran bergelumang dengan masyarakat bukan Islam. Mereka berasa lebih selamat untuk menyampaikan kuliah-kuliah agama di tempat-tempat yang tidak mendatangkan tindakbalas yang negatif bagi menjamin status mereka sebagai golongan agamawan yang dihormati masyarakat. Begitu juga pendekatan yang diambil oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia di mana mereka merasakan diri mereka sebagai golongan yang lebih mulia berbanding saudara mereka yang tidak beragama Islam sehingga berasa tidak perlu menyampaikan dakwah kepada mereka serta membiarkan sahaja mereka terjerumus ke dalam neraka. Malah masih wujud juga umat Islam yang mempamerkan reaksi jijik yang keterlaluan terhadap bukan Islam sehingga untuk berjabat tangan dengan mereka juga seolah-olah dianggap seperti kesalahan yang besar. Sikap-sikap sebegini hanya menambahkan lagi rasa meluat dan tidak puas hati masyarakat bukan Islam terhadapa umat Islam dan ajaran Islam itu sendiri. Masih kurang individu Muslim yang benar-benar teruja untuk menyelamatkan saudara bukan Islam mereka daripada terjerumus ke dalam neraka.

6. Mentaliti '*Lepas Tangan'*.

Kebanyakan masyarakat Muslim di Malaysia kurang memberi perhatian terhadap usaha dakwah ini terutamanya kepada saudara mereka yang bukan beragama Islam. Bagi mereka tugas dakwah ini memerlukan masa dan pengorbanan yang tinggi dimana ia hanya layak dilakukan oleh golongan agama semata-mata sahaja. Namun, sebenarnya setiap daripada umat Islam itu sebenarnya dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan seruan Islam kepada manusia lain sesuai dengan kadar kemampuan mereka walaupun sedikit. Jika tidak mampu berdakwah kepada bukan Muslim sekalipun kita masih boleh menyokong dan membantu mereka yang terlibat samada melalui sokongan moral, bantuan kewangan, sumbangan tenaga dan sebagainya. Hal ini kerana semua mereka akan dinilai di hadapan Allah berkaitan usaha yang mereka lakukan dalam menyebarkan agama Allah sebagaimana sabda Nabi S.A.W :

[26] Yusri Mohamad Ramli (2010), Dakwah kepada non-Muslim : Pemerkasaan strategi menghadapi tantangan kontemporari,*Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia*, Alauddin Makassar, Indonesia, 10-11 Jun 2010, h.591.

فو الله لأن يهدى بك رجل واحد خير لك من حمر النعم

"*Demi Allah, sungguh satu orang saja diberi petunjuk (oleh Allah) melalui perantaraanmu, maka itu lebih baik dari unta merah.*"[27]

Menurut Imam al-Nawawi, unta merupakan antara harta paling bernilai yang dimiliki oleh bangsa Arab ketika itu. Rasulullah S.A.W menjadikan unta merah sebagai perumpamaan bagi menggambarkan betapa mulianya perbuatan tersebut di samping memudahkan pemahaman berkaitan perkara tersebut. Namun, pastinya balasan di akhirat itu lebih besar dari kenikmatan dunia yang ada.[28]

7. Organisasi Dakwah Yang Tidak Tersusun.

Banyak organisasi dakwah yang wujud di Malaysia kini namun jaringan kerjasama antara organisasi-organisasi ini kurang memuaskan terutamnya melibatkan usaha dakwah terhadap bukan Islam. Mereka lebih selesa bergerak secara sendirian dalam menyampaikan dakwah. Malah, wujud juga tanggapan bahawa persoalan dakwah kepada bukan Muslim ini hanya tanggungjawab organisasi dakwah semata-mata walhal ia juga perlu diambil perhatian oleh organisasi lain seperti politik, kewangan, aqidah, fiqh dan sebagainya.Perlu ada kesepakatan antara organisasi ini samada melalui perkongsian kemahiran, tenaga kerja dan dana kewangan bagi menyokong usaha dakwah tersebut. Sebarang perselisihan perlu diketepikan bagi menjamin keberkesanan usaha dakwah tersebut sebagaimana kata-kata Syeikh Rasyid Redha :

نتعاون فيما اتفقنا عليه و يعذر بعضنا بعضا فيما اختلفا فيه

Kita saling membantu dalam perkara yang dipersetujui dan berlapang dada dalam perkara yang diperselisihi.[29]

Malah, institusi masjid juga perlu mengubah paradigma serta pendekatan keras dan lapuk yang selama ini mereka paparkan kepada golongan bukan Muslim sebaliknya mereka juga perlu sama-sama menyertai usaha dakwah dalam masyarakat serta menjadikan masjid sebagai institusi yang mesra bukan sahaja dengan umat Islam semata-mata bahkan turut mesra dengan golongan bukan Muslim. Begitu juga institusi zakat yang perlu sama-sama turun membantu usaha dakwah ini bukannya hanya berbangga dengan hasil

[27] Muslim bin Ḥajjaj al-Qushairi (1991) *Sahih Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab min Fadail 'Ali bin Abi Talib r.a*, no hadith 2406, Qahirah : Dar al-Hadith, h.1872.

[28] Yahya bin Syarf al-Nawawi (1994), *al-Minhaj fi Syarh Sohih Muslim*, Qahirah: Mu'assasah Qurtubah, h.256

[29] Kata-kata Rasyid Redha yang dipopularkan oleh Hasan al-Banna

kutipan zakat yang memberangsangkan setiap tahun tanpa ada usaha untuk menarik hati masyarakat bukan Islam terhadap ajaran Islam. Kita tidak boleh selamanya mengharapkan peruntukan perlembagaan semata-mata untuk mendokong usaha kita sebaliknya kita perlu mengambil inisiatif sendiri dalam memasarkan Islam terhadap golongan bukan Muslim.

CABARAN DAKWAH

Dalam menyelusuri perkembangan semasa hari ini, kita melihat proses dakwah begitu mencabar terutamanya membabitkan sasaran yang bukan Muslim. Cabaran yang muncul ini samada bersifat luaran mahupun dalaman yang membabitkan umat Islam itu sendiri. Rintangan dan cabaran ini hanya mampu diatasi oleh mereka yang benar-benar ikhlas dan cekal dalam menjalankan tugas dakwah ini. Cabaran-cabaran ini sekiranya tidak ditangani dengan berhemah boleh menyumbang kepada salah faham dan prejudis yang berterusan terhadap Islam. Antara cabaran yang melanda para pendakwah dalam menghadapi dan mendekati golongan bukan Muslim di Malaysia ialah :

1. **Pendakwah Selain Bangsa Melayu.**
   Golongan bukan Melayu yang beragama Islam sangat kurang ditonjolkan dalam usaha-usaha dakwah. Nama-nama seperti Kamarudin Abdullah, Ann Wan Seng, Shah Kiritdan Mohd Hafiz Ng masih kelihatan janggal dalam kalangan masyarakat sebagai pendakwah Muslim walhal mereka juga turut memainkan peranan dalam menyeru dan membetulkan salahfaham terhadap ajaran Islam. Golongan ini dilihat lebih memahami selok-belok kaum masing-masing serta mampu menarik minat mereka disebabkan persamaan kaum dan bahasa. Hal ini juga bagi mengurangkan persepsi bahawa agama Islam di Malaysia hanya dimonopoli oleh bangsa Melayu sahaja. Pendakwah bukan Melayu ini seharusnya diberikan ruang yang lebih utama dan meluas dalam media massa samada media cetak mahupun media elektronik bagi menarik minat golongan Islam untuk melihat Islam sebagai agama yang merentasi sempadan perkauman.

2. **Budaya Hedonisme.**
   Masalah utama yang melanda negara masa kini ialah kegilaan melampau generasi kini terutamanya remaja terhadap hiburan samada yang beragama Islam mahupun yang bukan Islam. Buktinya program yang berunsurkan hiburan pasti akan mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan rakyat. Hedonisme merupakan satu

doktrin yang menjadikan kegembiraan dan keseronokan sebagai suatu kebaikan[30] dan matlamat utama dalam hidup. Sememangnya diakui bahawa hiburan dan keseronokan itu merupakan fitrah yang wujud dalam diri setiap manusia. Perbezaannya hanya pada kadar hiburan tersebut serta pengisiannya samada melanggar batasan ataupun tidak.[31] Hiburan yang melampau merupakan suatu penjajahan serta pelecehan terhadap fungsi intelektual manusia yang sepatutnya berpotensi untuk dimanfaatkan dengan lebih meluas lagi. Maka, menjadi cabaran buat para pendakwah untuk menyediakan alternatif yang sesuai bagi mengembalikan mereka dengan budaya keilmuan sebagai langkah permulaan bagi memudahkan usaha menarik mereka mendalami Islam.

3. Menangani Pengaruh Fahaman Politik.

Pengaruh politik perkauman di Malaysia dilihat masih menebal dalam diri kebanyakan warga Malaysia. Walaupun wujud parti politik yang berteraskan agama dan ideologi tertentu namun sedikit sebanyak elemen kebangsaan tetap mempengaruhi mereka dan pengaruh ini biasanya akan dijelmakan melalui tindakan yang dilaksanakan. Kebanyakan mereka lebih mengunggulkan keperluan bangsa melebihi agama Islam itu sendiri hatta sehingga ingin menetapkan peraturan atau iklan yang berunsurkan keislaman juga seakan-akan perlu meminta restu daripada golongan bukan Muslim. Mereka terlalu leka berpolitik sehingga mengabaikan tuntutan dakwah terhadap bukan Islam. Malah yang lebih bahaya apabila wujud individu Muslim yang memperlekehkan agama Islam semata-mata untuk mengambil hati pengundi dan penyokong mereka. Tidak salah untuk berselisih dalam perkara politik namun mereka sepatutnya boleh bersatu dalam usaha memartabatkan Islam supaya tidak diperlekehkan dan disalahfahami oleh golongan bukan Islam. Mereka tidak seharusnya terlalu dipengaruhi kebimbangan sensitiviti agama memandangkan Malaysia merupakan antara negara dengan bilangan umat Islam yang terbesar di dunia selain Indonesia. Maka tidak timbul soal dominasi terhadap agama lain sekiranya umat Islam bijak menyampaikan maklumat yang betul terhadap penganut agama lain.

---

[30] Abd Ghaffar Don (2000),Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia, Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot(Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.50

[31] *Ibid.*

4. **Pengaruh Media Massa Yang Tidak Beretika.**
Tidak dapat dinafikan bahawa media massa samada media cetak mahupun elektronik turut mempengaruhi perjalanan dakwah di Malaysia. Media yang tidak jujur dalam penyampaian mereka seolah-olah menjadi alat propaganda yang membunuh daya intelektual serta menyuburkan sindrom kejahilan di kalangan rakyat.[32]Para pendakwah perlu mempunyai kemahiran bagi menyeimbangi lambakan maklumat yang wujud di laman sosial yang ditulis oleh ramai penulis-penulis bertaraf amatur.[33] Maklumat yang tidak ditapis akan mewujudkan pelbagai persepsi yang negatif. Banyak sumber-sumber yang berat sebelah dan tidak jujur kepada Islam samada dalam Negara mahupun luar Negara. Mungkin di Malaysia media yang memburukkan Islam secara terbuka masih belum wujud disebabkan kekangan undang-undang di negara kita namun mereka masih boleh mengakses maklumat daripada media luar seperti CNN, BBC dan majalah Times yang dilihat konsisten memburukkan imej dan ajaran Islam. Maka, para pendakwah perlu lebih tampil melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan semasa bagi membolehkan mereka menjadi benteng membetulkan segala salah faham yang dilontarkan terhadap Islam.

5. **Penguasaan Teknologi.**
Dakwah yang berkesan memerlukan instrumen dan medium yang berkesan.Dakwah pada masa kini tidak lagi terhad kepada faktor lisan semata-mata bahkan perlu mengambilkira faktor bahan dakwah, suasana, dana, golongan sasaran, kemahiran berbahasa dan sebagainya. Semua aspek ini perlu digerakkan secara seiringan bagi memastikan sasaran dakwah tersebut benar-benar dapat dikuasai. Imej kolot, anti kemajuan teknologi dan 'zuhud' yang sinonim dengan pendakwah Muslim perlu diubah dengan menguasai dan melengkapkan diri dengan teknologi semasa agar tidak kelihatan janggal dengan perkembangan semasa. Mereka perlu memanfaatkan semaksimum mungkin teknologi ini untuk mempelbagaikan pendekatan dakwah mereka supaya lebih praktikal dengan suasana semasa.[34] Aplikasi seperti Facebook, Twitter dan YouTube perlu

[32] Abdul Ghani Samsudin (2002, Jun)*Dakwah Islamiah dan Cabaran Alaf Baru*, Kertas kerja dibentangkan dalam Ijtima' Ulama Negeri Pahang anjuran Persatuan Ulama Malaysia cawangan Pahang di Hotel Seri Malaysia, Temerloh, Pahang, h.3

[33] Abdullah Muhammad Zin (2000) Dakwah dan Perubahan Sosial Menuju Alaf Baru, Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot(Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.6

[34] Abdul Jalil Borhan (2000), Fiqh Malaysia dan Cabaran Era Siber. Dlm. Paizah Ismail

dimanfaatkan sebaik mungkin dalam mevariasikan lagi teknik dakwah terhadap masyarakat.

6. Pengkhususan Pengajian Dakwah Bukan Muslim.

Dakwah yang mantap dan berkesan memerlukan ilmu dan kepakaran yang tinggi. Di Malaysia, pengajian dakwah sememangnya telah wujud namun dilihat masih lagi bersifat umum walah wujud pula pengasingan antara setiap cabang ilmu dalam bidang dakwah tersebut. Seharusnya diwujudkan pengkhususan ijazah dakwah terhadap golongan bukan Muslim bagi melahirkan lebih ramai pakar-pakar dalam bidang ini. Pakar-pakar ini pula diharapkan mampu melatih dan melahirkan lebih ramai umat Islam yang mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai teknik dan strategi berdakwah yang betul kepada bukan Muslim. Kita seharusnya mampu untuk melahirkan lebih ramai tokoh-tokoh dakwah seperti Syeikh Ahmad Deedat dan Dr. Zakir Naik dalam negara ini. Pendedahan melalui kursus-kursus dan seminar-seminar sahaja dilihat tidak cukup untuk memahirkan seseorang mendalami bidang ini kerana persoalan dakwah terhadap bukan Islam merupakan persoalan yang besar dalam Islam dan perlu dilakukan secara tersusun.Sebagaimana kata-kata Abdullah bin Mas'ud r.a :

ما انت بمحدث قوما حديثا لا تبلغه عقولهم إلا كان لبعضهم فتنة

Tidaklah kamu bercakap perkataan sesuatu kaum yang tidak mampu difahami oleh akal mereka melainkan akan menimbulkan fitnah dalam kalangan sebahagian mereka.[35]

KESIMPULAN

Dakwah terhadap bukan Muslim merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu yang bergelar Muslim. Hal ini kerana masyarakat Islam di Malaysia terutamanya bangsa Melayu juga terhutang budi dengan usaha yang dilakukan oleh para pendakwah daripada Hadramaut yang gigih berusaha menyebarkan Islam di Alam Melayu. Maka, kita juga sewajarnya mengambil langkah yang sama untuk mendepani segala cabaran dan rintangan demi memastikan agama Islam terus tertegak dengan kukuhnya di dunia ini. Metodologi dakwah perlu bersifat fleksibel kerana Rasulullah memberi kebebasan dalam sudut mempelbagaikan teknik berdakwah[36] tetapi

---

dan Ridzwan Ahmad (Ed.), *Fiqh Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.299.

[35] Muslim bin Ḥajjaj al-Qushairi (1991),*Op.Cit*, h.11

[36] Yahya bin Syarf al-Nawawi (1994), *Op. Cit*, h.171.

tetap terikat dengan objektifnya yang utama iaitu menyeru manusia untuk kembali mentauhidkan Allah serta mengamalkan prinsip-prinsip Islam.

RUJUKAN

Abdullah Muhammad Zin (2000) Dakwah dan Perubahan Sosial Menuju Alaf Baru, Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot(Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Abd Ghaffar Don (2000), Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia, Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot(Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Abdul Ghani Samsudin (2002, Jun) *Dakwah Islamiah dan Cabaran Alaf Baru*, Kertas kerja dibentangkan dalam Ijtima' Ulama Negeri Pahang anjuran Persatuan Ulama Malaysia cawangan Pahang di Hotel Seri Malaysia, Temerloh, Pahang.

Abdul Jalil Borhan (2000), Fiqh Malaysia dan Cabaran Era Siber. Dlm. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Ed.), Fiqh Malaysia, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jalani (2010) Beberapa Pandangan mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu, *Jurnal Tamadun*.

Basri Bin Ibrahim (2011) Perayaan Bukan Islam dalam Sebuah Negara Islam, Dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha(Ed.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia* Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (2002), *Sahih al-Bukhari,* Beirut :
Dar Ibnu Kathir.

Faridah binti Ali (2003) Pandangan Non-Muslim di Bandar Teluk Intan terhadap Islam, Latihan Ilmiah.

Fatimah Sham bt. Arifin. (2000). *Pandangan Pelajar Non Muslim terhadap Islam : Kajian Khusus di Fakulti Perubatan UM*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hajarah Muharam (2003), Metodologi Dakwah terhadap Masyarakat Cina: Kajian Penggunaan Logik tentang Pencipta , Latihan Ilmiah

Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2006), Pengaruh Timbal Balik antara Hukum dan Budaya dalam Syariat Islam, Dlm. Md. Saleh Ahmad (et.al), *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya

Manzur, Muhammad bin Mukarram (2003), *Lisan al-'Arab*, j.14. Beirut : Dar Ṣadr.

Mohammad Nidzam Abd. Kadir (2009) *FiqahBerinteraksi dengan Non Muslim*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

Mohd Nor Manuty (2011), Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia : Beberapa catatan. Dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha(Ed.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia* Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications.

Mohd Zambry Mohd Zainuldin (2012), Manhaj Fiqah Wasathiyy, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

Al-Nawawi, Yahya bin Syarf (1994), *al-Minhaj fi Syarh Sohih Muslim*, Qahirah: Mu'assasah Qurtubah

Osman Chuah. (2002). Non-Muslim Chinese Fear of Islam in Malaysia : An Analysis. *Jurnal Usuluddin*.

Al-Qushairi, Muslim bin Ḥajjaj (1991) *Sahih Muslim,*Qahirah : Dar al-Hadith

Sayyid Qutb (1996) *Fi Zilalil Quran*. J.4, Beirut: Dar al-Syuruq.

Umamah, Adnan Muhammad (2001) *al-Tajdid fi al-Fikr al-Islami*, Beirut: Dar Ibn al-Jawzi.

Wahbah Zuhayli (2009) *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, j.2, Damsyik: Dar al-Fikr.

Yusri Mohamad Ramli (2010, Jun), *Dakwah kepada non-Muslim : Pemerkasaan strategi menghadapi tantangan kontemporari,*Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia, Alauddin Makassar, Indonesia, 10-11 Jun 2010.

Zaydan, Abd al-Karim Zaydan (1976) *Usul al-Da'wah*, Baghdad: Matba'ah al-Azim.

KOMIK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH: PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM KOMIK AKU BUDAK MINANG

Oleh:
Khairul Hamimah Mohammad Jodi, PhD
UNITAR International university
hamimahm@unitar.my

ABSTRAK

Majalah dan komik adalah antara media kesukaan remaja. Bahkan majalah dan komik remaja adalah pecahan besar dalam pasaran dan komik di negara ini, berbanding majalah wanita dan hiburan. Komik tidak boleh dinilai melalui luaran sahaja. Ini kerana tidak semua watak kartun di dalamnya bersifat luaran atau sekadar menampilkan makna-makna yang tersurat. Komik juga perlu ditatapi secara mendalam kerana mempunyai nilai-nilai yang tersirat. Ini memandangkan karya kartunnya sama seperti karya seni lukis dan hasil penulisan yang mampu berfungsi menerusi kiasan, sama ada menggunakan unsur-unsur simbolik atau menerusi dialog-dialog yang dipaparkan. Makalah ini ditulis dengan tujuan mengenal pasti bentuk-bentuk penerapan nilai-nilai Islam dalam komik Aku Budak Minang. Kajian dilakukan dengan membuat analisis kandungan ke atas komik tersebut. Kajian menjurus pada bentuk bahasa, nilai gaya dan amalan hidup yang terdapat dalam komik. Analisis juga tertumpu pada jalan cerita, dialog yang di gunakan, bahasa dan pemilihan kata, watak, lakaran imej, isyarat serta simbol-simbol yang dipaparkan. Data-data telah dianalisis secara analisis kandungan bertema di mana pengasingan data telah dilakukan berdasarkan kepada tema-tema yang timbul. Kajian ini mendapati terdapat banyak nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam komik tersebut melalui gaya penceritaan dan dialog yang digunakan oleh pelukisnya.

Kata Kunci: *Komik, Aku Budak Minang, Nilai-Nilai Islam*

PENDAHULUAN

Komik dianggap istimewa kerana keupayaannya membuat manusia ketawa menerusi nilai-nilai humor yang terdapat di dalamnya. Malahan humor juga diangap sebagai sandaran utama sesebuah komik untuk menarik perhatian pembaca. Walau bagaimanapun, humor bukanlah satu-satunya ciri yang menyokong keistimewaan komik. Ini kerana komik hidup dan berdiri dengan banyak lagi keistimewaan dan ini dapat dihayati menerusi ciri-ciri dan kelebihannya secara mendalam.

Komik tidak boleh dinilai melalui luaran sahaja. Ini kerana tidak semua komik bersifat luaran atau sekadar menampilkan makna-makna yang tersurat. Komik juga perlu ditatapi secara mendalam kerana mempunyai nilai-nilai yang tersirat menerusi kiasan, sama ada menggunakan unsur-unsur simbolik atau menerusi dialog-dialog yang dipaparkan.

Komik berupaya menjadi wadah komunikasi yang paling berkesan (Kate Manzo, 2012). Sifanya yang berkomunikasi dengan cepat, tepat dan padat menjadi alat penyampaian maklumat dengan berkesan. Tidak hairanlah jika komik dijadikan agen propaganda bersandarkan keistimewaan dan kelebihanya di kaca mata masyarakat (Syed Arabi Idid & Chang Peng Kee, 1991). Tambahan pula, komik boleh disesuaikan untuk semua peringkat umur dan di mana sahaja kerana komik berupaya berkomunikasi secara tersirat mahupun tersurat dan secara terang-terangan.

Dengan perkembangan teknologi dan sistem pengedaran yang meluas, bidang komik semakin mengukuh tempatnya di arena media penerbitan seluruh dunia. Komik kini telah diterima sebagai media yang sesuai untuk semua peringkat umur masyarakat. Di Eropah, komik telah berjaya menyusup ke dalam budaya golongan atasan (Sabri, 1997: 4).

Satu kajian yang dijalankan di Perancis pada tahun 1992 mendapati bahawa 4 daripada 10 orang dewasa yang berumur antara 22 hingga 44 tahun membaca komik. 1/3 daripada 675 judul komik yang dihasilkan di Perancis pada tahun 1992 ditujukan kepada pembaca dewasa (Margot Hornblower, 1993:44). Komik turut menjadi sebahagian daripada budaya hidup di Jepun. Komik yang dikenali sebagai *Manga* di Jepun dijual dengan kuantiti yang banyak selepas akhbar. Pada tahun 1992 sebanyak 2.16 bilion *Manga* telah dijual (Margot Hornblower, 1993).

Kajian yang dijalankan oleh Institut Kajian Pemuda Jepun pada tahun 1987 menunjukkan seramai 69% pelajar sekolah menengah atas membaca komik dan kartun. Menurut kajian itu lagi komik telah berakar umbi dalam budaya popular masyarakat Jepun. Seperti juga televisyen, komik dan kartun telah menjadi saluran yang amat berpengaruh untuk hiburan rakyat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan menyebarkan nilai-nilai hidup (A.samad Ismail, 1992:120). Unsur-unsur dalam kartun dan komik juga telah menyusup dalam pelbagai bentuk penerbitan. Kartun sekarang telah diterima secara meluas di dalam buku-buku cerita kanak-kanak tempatan dan ada kalanya dijadikan ilustrasi di dalam buku-buku bermesej berat. Komik bukan sahajan gambaran yang memaparkan jenaka, tetapi mengandungi unsur-unsur tersirat yang mendalam sebagai satu bentuk pengajaran yang mempunyai mesej-mesej tertentu. Kadangkala mesej tersebut bersifat sebagai senjata politik, kemasyarakatan, ekonomi, serta budaya-budaya yang lain termasuk pelajaran, sukan, fesyen dan sebagainya (Muliyadi Mahamood, 1993:101).

Bertitik tolak daripada premis tersebut, kajian ini akan membuat analisis terhadap tema-tema dakwah yang dihasilkan oleh kartunis di dalam karya kartun dan komik mereka. Tema adalah saling berhubungan dengan pembentukan masyarakat, terutamanya perubahan-perubahan yang melibatkan sikap, tanggapan, dan *world view* anggota masyarakat tersebut. Hal ini kerana komik sebagai salah satu bentuk budaya ekspresif sebagai mana budaya lain, adalah mencerminkan corak hidup masyarakat. Justeru itu, para kartunis sebagai sebagai karyawan harus peka pada keadaan tersebut.

Kepelbagaian persembahan dan pendekatan dalam menganyam humor di dalam kartun/komik mereka pada dasarnya adalah manifestasi daripada tindak balas antara hubungan kartunis dan masyarakat. Persoalannya ialah apakah elemen yang dapat mencetuskan unsur humor ini dapat diolah untuk dijadikan mesej dakwah kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, elemen ini akan disorot dan dikaji melalui kartun-kartun yang terdapat di dalam komik Aku Budak Minang.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap Komik Aku Budak Minang. Komik ini dipilih kerana mencerminkan jiwa dan budaya masyarakat. Komik ini turut memaparkan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan iaitu memaparkan

kebudayaan asli rakyat serantau, mengandungi unsur budaya lain yang sesuai dan boleh diterima oleh masyarakat dan menerapkan elemen-elemen Islam dalam karyanya. Selain daripada itu, komik ini mengambil pendekatan biografi sebagai jalan cerita kehidupan anak desa yang dibesarkan dalam persekitaran budaya minang. Terdapat nilai-nilai positif yang diterapkan seperti sabar, berani, gigih dan lain-lain dalam komik ini. Komik ini turut menampilkan personaliti identiti hidup yang masih berteraskan kepada akar budaya dan agamanya. Justeru itu, kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti semua kartun yang terdapat dalam komik Aku Budak Minang. Data-data telah dianalisis secara analisis kandungan bertema (Howitt & Cramer, 2008: 10) di mana pengasingan data telah dilakukan berdasarkan kepada tema-tema yang timbul.

KOMIK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH: PERANANNYA DALAM PEMBENTUKAN NILAI MASYARAKAT

Komik berupaya menjadi medium penceritaan tema masalah sosial (kehidupan kemasyarakatan) dan tema politik. Komik yang membawa konsep keislaman dan penerapan nilai-nilai murni secara khusus, berupaya membantu penambahan ilmu pengetahuan dan berfungsi mengawal masyarakat daripada terjebak nilai-nilai yang negatif (Roslina Ab. Rahman, 1999). Selain menjadi medium untuk menyalurkan sumber maklumat dalam bentuk dakwah, humor, hiburan, ekonomi dan politik, komik juga mempunyai pengaruh sebagai pembentuk pemikiran masyarakat tersebut (Sabri,1997: 77). Ini disebabkan masyarakat kini terdedah pada ledakan maklumat dan menerima media massa dalam pelbagai bentuk, corak, persembahan dan ragam.

KOMIK SEBAGAI MEDIA PENDIDIKAN

Melalui pendidikan, komik mampu menjadi penyaluran maklumat dalam pendidikan berbentuk langsung dan tidak langsung atau secara tersurat dan tersirat (Muliyadi Mahamood, 1991: 46). Ini disebabkan kanak-kanak merupakan pengikut komik yang ramai kerana ciri-cirinya yang aktif, kreatif, melucukan dan menggembirakan mereka. Sifat-sifat semulajadi kartun yang mengambarkan flora dan fauna serta figura-figura manusia dalam suasana yang ringkas serta menggembirakan itu mudah diterima oleh mereka (Muliyadi Mahamood,1993:126). Kelucuan komik menjadi proses pembelajaran yang menyeronokan dan proses pengajaran akan menjadi lebih berkesan bagi golongan tersebut. Ilustrasi komik yang berteraskan humor yang selari dengan penerapan unsur-unsur moral dan mengandungi

mesej yang mendidik ini mudah disampaikan memandangkan kanak-kanak begitu cepat dipengaruhi oleh media ini. Ilustrasi komik mempunyai satu kelebihan daripada ilustrasi biasa dalam menerangkan subjek pengajaran. Ini terbukti apabila terdapat penerbit buku tempatan kini banyak menggunakan ilustrasi kartun bagi tujuan pendidikan awal. Ia bertujuan menarik minat dan mengalakkan kanak-kanak membaca di samping meneliti gambar menarik dan sesuai dengan kehendak dan naluri kanak-kanak.

Komik bukan sahaja mengembangkan daya visual pembaca, komik berupaya meluaskan daya pemikiran, pertuturan, dan pengguasaan bahasa. Komik-komik tanpa dialog boleh dijadikan subjek perceritaan yang mampu mendorong kanak-kanak khususnya dan pembaca amnya bertutur dan membina penguasaan bahasa (Muliyadi Mahmood, 1993: 46). Bahasa yang ringkas membantu meningkat intelektual dan kemahiran berbahasa pembaca khususunya kanak-kanak, dan ini merupakan langkah awal bagi kanak-kanak yang mula belajar membaca (Roslina, 1999: 53). Selain itu aktiviti mengarang juga bermula dari sekeping ilustrasi tanpa kata-kata. Pembaca boleh mencipta idea sendiri berpandukan gambar-gambar ilustrasi tersebut. Bantuan daripada bahan tersebut akan melahirkan idea-idea yang bernas untuk membentuk karangan yang lebih baik. Justeru, bagi proses pendidikan Islam khususnya, komik mampu menjadi alat bantu mengajar yang berkesan.

Apabila melihat sisi pendidikan dengan lebih meluas, pendidikan melalui komik berupaya menjadi alat kepada pihak berkuasa, ibu bapa, sekolah dan sebagainya bagi melatih, memelihara, menjaga, mengasuh, mentarbiah dan mengajar masyarakat khususnya dari sudut kerohanian. Ini secara tidak langsung masyarakat dapat menghindari daripada terjebak kepada masalah sosial.

KOMIK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Komik berbentuk keagamaan berupaya mengangkat martabat Islam dalam suasana masyarakat yang keliru dengan agama. Komik sebegini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat agar kembali mengamalkan gaya hidup berkonsepkan Islam memandangkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat bertambah serius.

Komik berkonsepkan agama boleh mempergunakan peluang yang ada seperti isi kandungan yang khusus untuk dakwah melalui ruangan dalam komik contohnya menyediakan ruangan tazkirah, risalah am, kamus mukminin, mutiara kata, sayangi al-Quran dan lain-lain. Medium dakwah juga boleh dilakukan melalui lakaran atau lukisan kartun di mana menampilkan watak yang beridentitikan Islam (seperti watak leaki/perempuan yang menutup aurat dan berpakaian sopan). Selain itu dialog yang menggunakan bahasa yang baik dan nasihat mampu memberi kesedaran kepada pembaca. Lebih baik sekiranya ayat al-Quran dan hadis dijadikan dialog disampaikan dalam pelbagai bentuk yang kreatif dan menarik.

Komik mampu membawa mesej penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian seperti nilai keagamaan dan nilai kemasyarakatan. Komik yang membawa konsep keislaman dan penerapan nilai-nilai murni secara khusus, berupaya membantu penambahan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak dan remaja yang masih dalam proses membina jati diri. Selain itu golongan dewasa yang alpa juga turut merasa tersindir melalui komik-komik bermesej dakwah tersebut. Ini akan menjadikan mereka sentiasa berusaha untuk membaiki kesilapan diri.

KOMIK SEBAGAI SENJATA POLITIK

Politik merupakan salah satu daripada tema dalam seni lukis komik. Fungsi komik sebagai senjata politik telah terbukti berkesan sejak sekian lama. Menerusi karya Honoré Daumier misalnya, seorang kartunis dan karikatur terkemuka pada abad 19, karya-karya yang seringkali mempersoalkan keupayaan dan keadilan pemerintah, di samping melukiskan penderitaan hidup masyarakat bawahan pada zamannya (Muliyadi Mahmood, 1990: 29). Penggunaan tema politik dalam komik disebabkan oleh komik lebih ringkas, menggunakan unsur-unsur humor dan tidak keterlaluan berbanding dengan kolum atau rencana politik yang biasanya penuh emosi dan saling menyalahkan antara satu sama lain. Tema-tema politik diolah bersesuaian dengan konsep komik sebagai seni lukis representasi dan simbolik di dalamnya.

Fungsi politik dalam komik dianggap sebagai media yang mengkritik dan merakam sama ada secara keras atau sindiran terhadap satu isu berdasarkan grafik yang dilukis. Kartunis politk perlu memahami, mengetahui isu-isu politik dan mampu menggambar serta mentafsir secara jelas bagi mempengaruhi pembaca (Muliyadi Mahmood, 1990:29). Dalam politik

Islam, komik wajar dijadikan media menyampaikan maklumat yang tepat, benar, memberi kefahaman dan menyampaikan mesej Islam sebagaimana yang disyariatkan oleh al-Quran.

KOMIK SEBAGAI SENJATA BUDAYA

Komik menjadi cermin masyarakat dan senjata budaya dengan mengkritik, merakam, menolak, mempertahan serta menonjolkan satu isu semasa. Karikatur, komik dan kartun adalah sebahagian daripada budaya popular yang menghubungkan pelukis dengan masyarakat sekelilingnya (Muliyadi Mahmood, 1989: 54). Persoalan sikap dan sifat manusia seringkali dipaparkan menerusi karya-karya komik, bersesuaian dengan konsep komik sebagai seni lukis representasi dan simbolik yang terkandung di dalamnya unsur-unsur simbolik yang bercampur humor. Sikap yang dihubungkan dengan persoalan-persoalan kemasyarakatan paling mendapat tempat kerana ruang lingkupnya agak luas seperti manusia dan hubungan kekeluargaan, individu serta masyarakat (Muliyadi Mahmood, 1992:58).

Karya kartunis Zunar contohnya banyak menyentuh soal sikap dan sifat manusia yang pelbagai ragam terhadap kerja. Karyanya bertajuk ofis korner merakamkan pelbagai gelagat pekerja bawahan dan majikan. Gambaran ini berdasarkan kepada kepincangan budaya kerja tempatan yang bersangkutan dengan soal mogok, kenaikan gaji, cuti, dan temuduga yang digambarkan secara bersahaja dan cukup berkesan. Karya Datuk Lat banyak memperagakan pelbagai tema dan subjek yang disulami dengan warna-warna humor. Disamping mencuit hati, Datuk Lat mengajak penonton berfikir dan lebih peka terhadap perkembangan semasa. Zaman kenakalan kanak-kanak dirakam oleh Ujang kedalam karyanya yang memperlihatkan peristiwa lucu. Ujang yang cukup popular dengan karyanya Atuk, Aca dan Aku Budak Minang berjaya memainkan perasaan pembaca agar kembali mengimbau pengalaman lama. Apabila pengalaman pelukis dan pembaca bertembung proses penghayatan akan menjadi lebih menarik dan berkesan. Justeru, sebagai wadah dakwah kepada masyarakat, pelukis komik harus menggunakan peluang ini dengan menggambarkan budaya Islam di seluruh dunia bermula dari zaman Rasulullah S.A.W sehinggalah budaya Islam kini yang masih mengekalkan identitinya.

KOMIK SEBAGAI PENGHIBUR

Komik merupakan salah satu wadah hiburan yang bergerak menerusi unsur-unsur jenaka serta kelucuan untuk tatapan pembaca. Komik merupakan seni lukis yang mempunyai ciri-ciri pengurangan, perlebihan dan perubahan rupa pada sesuatu subjeknya untuk tujuan satira, hiburan dan propaganda (Muliyadi Mahmood, 1989: 48). Berpegang pada inilah kartun dan komik berperanan untuk menghiburkan pembaca.

Komik menjadi medan kartunis mengemukakan penceritaan mengenai sejarah, sains fiksyen, kisah cinta, penerokaan angkasa lepas, peristiwa semasa dan fantasi. Namun begitu unsur lucu, jenaka dan sindiran sentiasa menjadi pegangan utama para kartunis dalam melahirkan karya-karya mereka (Mohammad Bahadon,1984:5). Walaupun kadangkala mesej yang dibawa ke dalam komik agak berat, tetapi dengan pendekatan dan pengolahan yang bersahaja, pembaca tetap dapat menikmati keindahan komik tanpa meleyapkan sedikit pun unsur-unsur jenaka dan mesej yang ingin disampaikan.

Cerita yang dipaparkan di dalam komik biasannya agak jauh daripada kanyataan logik akal fikiran manusia, namun kemampuan media ini dalam menarik minat pembaca tidak pernah berkurangan. Malah kemunculan komik dalam pelbagai bentuk memudahkan lagi para pembaca mendekati dan berhibur melalui jenaka-jenaka yang dipaparkan. Pastinya komik menepati selera masyarakat yang ingin kepada hiburan sambil merehatkan minda.

Secara keseluruhannya, komik sebagai medium dakwah yang berperanan mengawal masyarakat daripada nilai-nilai negatif. Selain itu, komik juga boleh digunakan dalam pelbagai medium untuk menyalurkan sumber maklumat dan mempunyai pengaruh sebagai pembentuk pemikiran masyarakat dalam bentuk yang humor (Sabri, 1997:77). Ini disebabkan masyarakat yang terdedah pada ledakan maklunat dan menerima media massa dalam pelbagai bentuk, corak, persembahan dan ragam. Dalam keadaan demikian umum menerima tanggapan bahawa media merupakan sebuah institusi yang mewakili pendapat umum dan masyarakat keseluruhannya (Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid,1988:5). Oleh itu masyarakat akan dipengaruhi apa yang disiarkan di media masa (Sabri,1997:78). Sebagai 'media agenda seting' (Schram, Wilbur & Porter, William E. 1982:238), para kartunis dan pihak yang terlibat harus mengambil peluang untuk mengembangkan

dakwah melalui saluran ini yang dilihat mampu mendidik nilai-nilai murni kepada masyarakat.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM KOMIK AKU BUDAK MINANG

Dalam kajian ini, penulis akan melihat sebelas nilai Islam yang diterapkan dalam komik Aku Budak Minang sebagai satu usaha memupuk nilai-nilai murni kepada pembaca sehingga ia dapat dihayati dan dijadikan teras di dalam kehidupan seharian. Sebelas nilai Islam itu adalah amanah, tangungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, bekerjasama, berdisplin, berbudi mulia dan bersyukur. Justifikasi penulis terhadap pemilihan sebelas nilai-nilai Islam ini kerana nilai tersebut merupakan dasar penerapan nilai Islam kepada negara . Nilai-nilai Islam ini mempunyai ukuran standardnya tersendiri melalui tafsiran-tafsiran yang diberikan, justeru ia boleh diukur dengan mudah. seterusnya nilai-nilai Islam ini lebih objektif, realistik dan sentiasa berterusan.

Sinopsis Aku Budak Minang

Komik ini mengisahkan sekitar kehidupan anak dalam keluarga yang mengamalkan adat pepatih. Komik ini merupakan pernyataan secara jujur tentang gejolak jiwa yang dialami oleh generasi muda yang diwakili oleh Ujang. Dibesarkan dengan parut dan luka, didewasakan dengan kasih sayang seorang nenek dan atuk. Hati Ujang dirosakkan dengan sifat pilih kasih yang menyuburkan iri hati dan rasa terasing dalam keluarga. Disebabkan itu jiwanya memberontak dan lari dari kampung. Akhirnya Ujang kembali ke kampung halaman dan ke pangkuan keluarga.

Komik ini menerapkan nilai amanah iaitu melaksanakan tugas yang diberi dengan sebaiknya. Nilai ini diceritakan ketika Ujang menjalani peperiksaan dengan tenang dan menjawab dengan sebaiknya bagi memastikan dirinya tidak gagal (Ujang,2010: 28-29). Seterusnya nilai ini dipaparkan ketika Ujang membantu atuknya mengurus hal ehwal silat di gelanggang seperti membersih, mencatat nama, membantu pesilat yang tercedera dan lain-lain (Ibid: 60, 80,81). Ujang turut melakukan tugasan yang diamanahkan secara rela, di mana Ujang tidak mengenakan bayaran ketika khidmat urutnya diperlukan oleh orang kampung (Ibid: 87,89,90).

Nilai tanggungjawab merupakan nilai yang paling banyak dipraktikkan dalam komik ini dalam bentuk lakaran kartun, dialog dan penceritaan. Melalui dialog, nilai ini dipaparkan dalam bentuk nasihat Ujang kepada Zaini, agar tidak lari dari rumah (Ibid:92-93). Seterusnya dialog mengenai kepatuhan umat Islam menunaikan solat (Ibid:5)dan hukum berdua-duan dengan perempuan (Ibid:92). Melalui lakaran kartun pula digambarkan ketika Ujang bersiap sedia menunaikan solat berjemaah (Ibid:87,89,93), bersiap sedia pergi mengaji di surau (Ibid:2,5,14), membantu ustaz mengajar kanak-kanak mengaji (Ibid:14,18), menjadi tukang azan solat subuh, maghrib dan isyak (Ibid:18).

Nilai ini turut diterapkan melalui jalan cerita iaitu ibu Ujang mendaftarkannya memasuki sekolah agama/sekolah arab dan mempelajari subjek tasawuf, akidah, akhlak, fekah dan lain-lain (Ibid: 18). Mesej yang disampaikan di sini ialah usaha ibunya mencari persekitaran yang baik (sekolah agama) untuk mengubah akhlak Ujang yang agak nakal ketika sekolah rendah dan untuk mengelakkan percampuran dengan rakan-rakan lama. Seterusnya diceritakan bagaimana Ujang berusaha menahan lapar ketika bulan Ramadan dan meneruskan puasa walaupun berhadapan dengan pelbagai dugaan (Ibid:46,47,49). Penerapan nilai tanggungjawab diteruskan dengan paparan perlunya menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga (Ibid: 51, 56, 59) dan manusia bertanggungjawab menegur individu muslim yang baligh yang tidak berpuasa pada bulan ramadan (Ibid: 39,44,51). Pada pertengahan dan akhir jalan ceritanya nilai tanggungajawab turut ditekankan di mana Ujang kembali kepada akar budayanya setelah merantau ke kota (kerana merajuk tidak dapat menyambung pelajaran), bermula dengan pulang ke rumah atuknya, pulang ke kampung halaman setelah enam bulan tinggal bersama atuk, berusaha mengambil hati adik, ayah dan ibu sehingga yakin dirinya telah menyalahtafsir 'kebencian' nenek, ibu dan ahli keluarga yang lain terhadap dirinya. Malah terus berazam memperbaiki diri dari masa ke semasa dan tidak akan mengulangi kesilapan yang lalu dan menjadikan pengalaman lalu sebagai pengajaran yang berguna pada dirinya (Ibid: 80-105). Ini disebabkan kesedarannya terhadap implikasi baik dan buruknya setap tindakan, berazam tidak mengkhianati keluarga, dan menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Nilai ikhlas yang membawa maksud mengikis sifat mementingkan diri sendiri dan memafkan kesalahan orang lain. Nilai ini dipaparkan bagaimana Ujang tetap tidak melawan leteren ibunya, malah memujuk diri bahawa ibunya yang mengandungkan, membesarkan, menyusukan dan menjaga

ketika bayi sehingga besar dan sentiasa mengingati dirinya bahawa syurga di bawah telapak kaki ibu (Ibid: 23,32).

